PERUBAHAN SOSIOEKONOMI TERHADAP PEMILIHAN PASANGAN DAN PENGENDALIAN MAJLIS PERKAHWINAN MELAYU DI KUALA LUMPUR

HANXIAO @ INDAH

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

University of Malaya

PERUBAHAN SOSIOEKONOMI TERHADAP PEMILIHAN PASANGAN DAN PENGENDALIAN MAJLIS PERKAHWINAN MELAYU DI KUALA LUMPUR

HANXIAO @ INDAH

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

University of Malaya

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: HANXIAO @ INDAH
No. Pendaftaran/Matrik: JHA090008
Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):
Perubahan Sosioekonomi terhadap Pemilihan Pasangan dan Pengendalian Majlis Perkahwinan Melayu di Kuala Lumpur

Bidang Penyelidikan: Sosiobudaya

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh
Nama:
Jawatan:

University of Malaya

PERUBAHAN SOSIOEKONOMI TERHADAP PEMILIHAN PASANGAN DAN PENGENDALIAN MAJLIS PERKAHWINAN MELAYU DI KUALA LUMPUR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu Kuala Lumpur, di samping mengenal pasti impak faktor-faktor sosioekonomi terhadap perubahan yang telah berlaku. Lima faktor sosioekonomi, hasil daripada pembandaran yang difokuskan dalam kajian ini ialah, pendidikan, pendapatan, pekerjaan, kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Kajian ini berpandukan kepada Teori Pemodenan dan kerangka konseptual yang diubah suai berdasarkan kerangka teori Edwards (1969a) dan Yaacob Harun (1991) dalam menganalisis implikasi pembandaran terhadap perubahan institusi perkahwinan dan keluarga Melayu bandar. Kajian ini menggabungkan dua kaedah penyelidikan, iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Kaedah kuantitatif dijalankan untuk mengumpulkan data-data berbentuk angka dengan menggunakan instrumen soal selidik. Di samping itu, kaedah kualitatif turut dilaksanakan untuk memperoleh data-data yang boleh menyokong hasil dapatan soal selidik dengan menggunakan instrumen kepustakaan, pemerhatian dan temu bual. Dalam kajian ini, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai tempat kajian kerana bandar raya ini mempunyai tahap pembandaran yang paling tinggi di Malaysia. Terdapat 107 pasangan Melayu yang merangkumi 214 orang Kuala Lumpur dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik. Selain itu, terdapat lagi 14 pasangan Melayu Kuala Lumpur telah ditemu bual secara terperinci. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pembandaran telah mengakibatkan perubahan signifikan dalam pemilihan pasangan responden dari segi umur ketika berkahwin, kuasa

University of Malaya

dalam memilih pasangan, cara mengenali pasangan dan kriteria-kriteria memilih pasangan. Dalam hal ini, beberapa faktor sosioekonomi didapati memainkan peranan penting, iaitu pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Dalam pengendalian majlis perkahwinan responden pula, perubahan ketara turut berlaku dari segi nilai pemberian perkahwinan, pemilihan tarikh dan lokasi majlis perkahwinan, sistem sokongan tenaga dan sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Punca-punca utama kepada perubahan tersebut termasuk, faktor pendidikan, pekerjaan, pendapatan, kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Selain faktor-faktor sosioekonomi, unsur-unsur sosiobudaya juga didapati memberikan pengaruh penting dalam pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan responden, yakni merangkumi nilai norma, adat resam Melayu dan agama Islam. Hasil dapatan kajian dalam kalangan responden menunjukkan bahawa berlaku pertentangan pendapat dengan Teori Pemodenan yang menekankan bahawa proses menjadi "moden" ialah proses meninggalkan "tradisi", kedua-dua perkara itu sebenarnya saling bercanggah. Jelasnya, situasi yang berlaku dalam konteks masyarakat Melayu Kuala Lumpur membuktikan bahawa "tradisi" dan "moden" boleh seiring dengan harmoni. Hal ini terjadi kerana walau bagaimana moden sekalipun, masyarakat Melayu Islam tetap menganggap perkahwinan sebagai syarat wajib untuk membentuk sebuah keluarga, maka segala prosedur yang berkaitan dengan perkahwinan perlu dilaksanakan dengan mematuhi unsur-unsur sosiobudaya yang telah diterima dan diakui oleh masyarakat setempat sejak dahulu lagi.

Kata Kunci: orang Melayu Kuala Lumpur, pemilihan pasangan, pengendalian majlis perkahwinan, faktor-faktor sosioekonomi, pembandaran

University of Malaya

IMPACTS OF SOCIOECONOMIC FACTORS ON MALAYS' SPOUSE SELECTION AND WEDDING ORGANIZATION IN KUALA LUMPUR

ABSTRACT

This research is aimed at analyzing the changes of urban Malays' spouse selection and wedding organization in Kuala Lumpur, and meanwhile inspecting the impact of socioeconomic factors on the changes which have already happened. The five socioeconomic factors, as the consequences of the urbanization process, refer to education, salary, occupation, residence and family socioeconomic status concretely. This research has been conducted based on the Modernization Theory and models modified from Edwards's and Yaacob Harun's models in analyzing the changes of urban Malays' marriage and family. Two important research methods have been utilized in this research, which are quantitative and qualitative research techniques. Quantitative method has been applied by sending questionnaires to 214 respondents in Kuala Lumpur, referring to 107 Malay couples who just got married in the last two or three years. Qualitative method consists of library research and interviews on 14 Malay couples. Inasmuch as the highest level of urbanization, Kuala Lumpur was chosen to be the study site. This research suggests that significant changes have taken place in urban Malays' spouse selection. Such changes range from the age at first marriage, the rights of selecting a spouse, ways to find a spouse and spouse selection criteria. In terms of this point, socioeconomic factors have become influential, including education, occupation, salary and family socioeconomic status. Additionally, wedding organization have undergone great changes as well, including the marriage payment, the selection of wedding date and wedding venue, human support system and financial support system

University of Malaya

in organizing wedding. It argues that socioeconomic factors, such as education, occupation, salary, residence and family socioeconomic status are virtually related to aforementioned changes. When this research was carried out, not only the socioeconomic factors have been studied, the social culture factors have also been analyzed. This research reveals that although big changes have already taken place in urban Malay society in Kuala Lumpur, especially in spouse selection and wedding organization, the impact of traditional Malay values, customs and Islam rules still have profound influences on urban Malays. This finding rebuts the Modernization Theory which argues "modern" and "traditional" cannot exist at the same time because these two values are mutually exclusive. But, what is happening in urban Malay society in Kuala Lumpur has proven that "modern" and "traditional" can co-exist harmoniously. Given that in Islamic Malay society, marriage is still the only premise of family formation. Thus, all the procedures relating to marriage and wedding should practice the elements of social-culture which have been accepted by the society from generation to generation.

Key Words: urban Malay in Kuala Lumpur, spouse selection, wedding organization, socioeconomic factors, urbanization

University of Malaya

PENGHARGAAN

Pencapaian penyelidikan ini tidak mungkin terhasil tanpa sumbangan dan penglibatan yang bermakna daripada individu-individu tertentu. Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Kim Keum Hyun yang telah membimbing, memberikan tunjuk ajar dan memberikan dorongan dan sokongan kepada saya selama ini. Beliau telah menghabiskan banyak masa dan tenaga untuk membaca tesis saya dengan teliti, mencurahkan idea yang bernas sehingga tesis ini dapat disiapkan akhirnya. Beliau juga selalu memberikan galakan, rangsangan dan sokongan moral kepada saya agar tidak berputus asa dan terus berusaha untuk mencapai impian. Walaupun kami selalu berjauhan kerana beliau berada di Malaysia, sedangkan saya berada di China, namun semangatnya yang kuat, sikapnya yang bertanggungjawab dan segera membantu menyelesaikan masalah menyebabkan saya sentiasa berasa bersemangat dan bertenaga.

Setinggi-tinggi terima kasih juga ditujukan kepada penyelia lama saya, Datuk Profesor Dr. Yaacob Harun. Pada awal kajian ini dijalankan, beliau telah memberikan bimbingan penting kepada saya untuk memilih isu yang hendak dikaji dan membantu saya, sebagai pelajar asing untuk memahami pola-pola perkahwinan masyarakat Melayu dengan lebih mendalam. Terima kasih juga kepada pensyarah lain di Akademi Pengajian Melayu yang telah mencurahkan bakti, memberikan sokongan dan pertolongan kepada saya. Antara pensyarah-pensyarah yang secara langsung dan tidak langsung terlibat dalam membantu saya ialah, Profesor Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid, Profesor Madya Dr. Nor Hisham Osman, Dr. Nor Azlin Hamidon, Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi dan Encik Ahmad Hakimi Khairuddin.

University of Malaya

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada responden dalam kajian ini sama ada mereka yang meluangkan masa untuk menjawab soal selidik atau yang sudi berkongsi pengalaman. Tanpa kerjasama mereka, kajian ini tidak mungkin disiapkan. Juga tidak dilupakan kepada pihak majikan saya, iaitu Institut Pengajian Asia dan Afrika, *Beijing Foreign Studies University*, China yang sentiasa memberikan sokongan kepada saya. Saya juga amat terhutang budi kepada Puan Roziah binti Adama kerana telah banyak meluangkan masa untuk membetulkan kesilapan bahasa Melayu saya yakni bukan bahasa ibunda saya dalam penulisan tesis ini.

Buat keluarga yang tersayang, ucapan terima kasih yang tidak terhingga diabadikan kepada ibunda, Liu Limei dan ayahanda, Han Zengli kerana sentiasa mendoakan kesihatan dan kejayaan anakanda serta menjadi sumber inspirasi dan semangat anakanda. Sekalung penghargaan kepada suami tersayang, ZhangHao yang sentiasa memahami dan menyokong cita-cita saya, bersabar dan selalu menaikkan semangat saya. Ucapan terima kasih istimewa ditujukan kepada anakanda saya, Zhang Bohan yang baru berusia empat tahun kerana sentiasa sabar dan tidak pernah jemu untuk menantikan kepulangan bondanya ini. Tangan dihulur maaf dipinta kerana tidak boleh sentiasa menemani kalian mengharungi saat-saat sukar apabila kehadiran diri ini amat diperlukan.

Kasih suami sepanjang masa,
Kasih anak mengharumi jiwa.
Kasih ayah berkorban nyawa,
Kasih ibu membawa ke syurga.

HanXiao @ Indah
6 Ogos 2018

University of Malaya

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK.....iii

ABSTRACT.....v

PENGHARGAAN.....vii

JADUAL KANDUNGAN.....ix

SENARAI GAMBAR RAJAH.....xvi

SENARAI JADUAL.....xxii

SENARAI SINGKATAN.....xxiv

SENARAI LAMPIRAN.....xxv

BAB 1: PENGENALAN.....1

1.1 Pendahuluan.....1

1.2 Latar Belakang Kajian.....1

1.3 Pernyataan Masalah.....4

1.4 Objektif Kajian.....8

1.5 Metodologi Kajian.....9

1.5.1 Kaedah Kuantitatif.....9

1.5.2 Kaedah Kualitatif.....15

1.6 Kepentingan Kajian.....18

1.7 Batasan Kajian.....21

1.8 Pembahagian Bab.....23

University of Malaya

1.9 Rumusan.....24

BAB 2: KAJIAN LITERATUR, PERBINCANGAN TEORI DAN KERANGKA KONSEPTUAL.....25

2.1 Pendahuluan.....25

2.2 Kajian Literatur.....25

2.3 Perbincangan Teori.....46

2.4 Kerangka Konseptual.....50

2.4.1 Pembandaran dan Faktor-faktor Sosioekonomi di Bandar.....55

2.4.1.1 Pembandaran.....55

2.4.1.2 Faktor-faktor Sosioekonomi di Bandar.....62

2.4.2 Perubahan Pola-pola Perkahwinan dalam Masyarakat Bandar.....78

2.4.2.1 Pemilihan Pasangan.....79

2.4.2.2 Pengendalian Majlis Perkahwinan.....88

2.4.3 Pengaruh Faktor-faktor Sosioekonomi di Bandar terhadap Perubahan Pola-pola Perkahwinan dalam Masyarakat Bandar.....100

2.4.3.1 Pendidikan.....101

2.4.3.2 Pekerjaan.....104

2.4.3.3 Pendapatan.....107

2.4.3.4 Kediaman.....110

2.4.3.5 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga.....113

2.5 Hipotesis Kajian.....117

2.6 Rumusan.....118

University of Malaya

BAB 3: KEADAAN SOSIOEKONOMI DAN PERKAHWINAN MASYARAKAT MELAYU TRADISI.....120

3.1 Pendahuluan.....120

3.2 Keadaan Sosioekonomi Masyarakat Melayu Tradisi.....120

3.3 Perkahwinan Masyarakat Melayu Tradisi.....128

3.3.1 Pemilihan Pasangan.....128

3.3.1.1 Umur ketika Berkahwin.....129

3.3.1.2 Kuasa dalam Memilih Pasangan.....131

3.3.1.3 Kriteria dalam Memilih Pasangan.....135

3.3.2 Pengendalian Majlis Perkahwinan.....138

3.3.2.1 Pemberian Perkahwinan.....139

3.3.2.2 Pemilihan Tarikh dan Lokasi Majlis Perkahwinan.....146

3.3.2.3 Sistem Sokongan Tenaga dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan.....149

3.3.2.4 Sistem Sokongan Kewangan dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan.....153

3.4 Rumusan.....158

BAB 4: IMPAK FAKTOR-FAKTOR SOSIOEKONOMI ORANG MELAYU BANDAR TERHADAP PEMILIHAN PASANGAN.....160

4.1 Pendahuluan.....160

4.2 Sosioekonomi Orang Melayu Bandar.....161

4.3 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Umur Ketika Berkahwin.....170

University of Malaya

4.3.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....172

4.3.1.1 Pendidikan.....173

4.3.1.2 Pekerjaan.....180

4.3.1.3 Pendapatan.....185

4.3.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh.....193

4.4 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Kuasa dalam Memilih Pasangan..194

4.4.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....195

4.4.1.1 Pendidikan.....195

4.4.1.2 Pendapatan.....200

4.4.1.3 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga.....206

4.4.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh.....210

4.4.3 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh.....211

4.5 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Cara Mengenali Pasangan.....216

4.5.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....220

4.5.1.1 Pendidikan.....220

4.5.1.2 Pekerjaan.....227

4.5.1.3 Pendapatan.....232

4.5.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh.....239

4.6 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Kriteria Memilih Pasangan.....240

4.6.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....248

4.6.1.1 Pendidikan.....249

4.6.1.2 Pendapatan.....261

4.6.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh.....276

University of Malaya

4.6.3 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh.....276

4.7 Rumusan.....282

BAB 5: IMPAK FAKTOR-FAKTOR SOSIOEKONOMI ORANG MELAYU BANDAR TERHADAP PEMBERIAN PERKAHWINAN.....286

5.1 Pendahuluan.....286

5.2 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Mas Kahwin.....287

5.2.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....289

5.2.1.1 Pendidikan.....289

5.2.1.2 Pendapatan.....294

5.2.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh.....298

5.3 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Wang Hantaran.....299

5.3.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....301

5.3.1.1 Pendidikan.....301

5.3.1.2 Pendapatan.....306

5.3.1.3 Pekerjaan.....312

5.3.1.4 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga.....318

5.3.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh.....324

5.3.3 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh.....325

5.4 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Barang Hantaran.....329

5.4.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....331

5.4.1.1 Pendapatan.....331

5.4.1.2 Pendidikan.....338

5.4.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh.....343

University of Malaya

5.5 Rumusan.....344

BAB 6: IMPAK FAKTOR-FAKTOR SOSIOEKONOMI ORANG MELAYU BANDAR TERHADAP PELAKSANAAN MAJLIS PERKAHWINAN.....346

6.1 Pendahuluan.....346

6.2 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan.....346

6.2.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....349

6.2.1.1 Pekerjaan.....349

6.2.1.2 Pendidikan.....352

6.2.1.3 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga.....356

6.2.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh.....360

6.2.3 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh.....361

6.3 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Pemilihan Lokasi Majlis Perkahwinan.....365

6.3.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....367

6.3.1.1 Kediaman.....367

6.3.1.2 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga.....375

6.3.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh.....383

6.4 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Sistem Sokongan Tenaga dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan.....384

6.4.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....388

6.4.1.1 Pekerjaan.....389

University of Malaya

6.4.1.2 Pendidikan.....395

6.4.1.3 Pendapatan.....404

6.4.1.4 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga.....412

6.4.1.5 Kediaman.....420

6.4.2 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh.....434

6.5 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Sistem Sokongan Kewangan dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan.....440

6.5.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh.....442

6.5.1.1 Pendapatan.....442

6.5.1.2 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga.....449

6.5.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh.....455

6.5.3 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh.....455

6.6 Rumusan.....459

BAB 7: PENUTUP.....462

RUJUKAN.....473

LAMPIRAN.....505

University of Malaya

SENARAI GAMBAR RAJAH

Carta 4.1: Kuasa dalam Memilih Pasangan dalam Kalangan Responden.....194

Carta 5.1: Kadar Mas Kahwin dalam Kalangan Responden.....289

Carta 6.1: Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan Responden.....347

Carta 6.2: Pemilihan Lokasi Majlis Perkahwinan Responden.....366

Carta 6.3: Tahap Sokongan Sanak Saudara dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan Responden.....387

Carta 6.4: Tahap Sokongan Jiran Tetangga dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan Responden.....387

Carta 6.5: Sistem Sokongan Kewangan dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan Responden.....442

Gambar 5.1: Dinar Mas sebagai Mas Kahwin untuk Responden Isteri bagi Pasangan Keenam.....292

Gambar 5.2: Gelang Emas sebagai Mas Kahwin untuk Responden Isteri bagi Pasangan Kedua belas.....297

Gambar 5.3: Set Barang Kemas sebagai Ganti Rugi kepada Responden Isteri bagi Pasangan Kelapan.....316

Gambar 5.4: Cek Wang Hantaran untuk Responden Isteri bagi Pasangan Ketujuh.....322

Gambar 5.5: Topi dan Baju Jenama *Adidas* sebagai Barang Hantaran untuk Responden Suami bagi Pasangan Kesembilan.....335

Gambar 5.6: *iPad* sebagai Barang Hantaran untuk Responden Suami bagi Pasangan Ketiga.....336

University of Malaya

Gambar 5.7: Set Minyak Wangi Jenama *Dior* sebagai Barang Hantaran Responden Isteri bagi Pasangan Kedua belas.....343

Gambar 6.1: Surau dan Dewan Mesyuarat Orang Ramai (Sebelah Kiri) di Kawasan Rumah Pangsa 17 Tingkat, Kampung Kerinchi.....372

Gambar 6.2: Kenduri Kahwin Sebelah Keluarga Responden Isteri bagi Pasangan Kedua yang Diadakan di Hotel Hilton.....383

Gambar 6.3: Pelamin yang Dihiasi Sendiri oleh Responden Isteri bagi Pasangan Ketujuh.....395

Gambar 6.4: Responden Isteri bagi Pasangan Kedua belas dalam Baju Gaun Harga Sewa RM1,000 Sehari.....400

Gambar 6.5: Pasangan Pengantin Kedua belas Bersama dengan Helikopter yang Disewa.....402

Gambar 6.6: Pelamin Responden Isteri bagi Pasangan Kesembilan yang Dihiasi dengan Bunga Tiruan.....404

Gambar 6.7: Barang Hantaran untuk Responden Suami bagi Pasangan Ketiga yang Dihiasi Cantik dengan Bunga Hidup.....410

Gambar 6.8: Buah Tangan dalam Majlis Perkahwinan Responden Suami bagi Pasangan yang Pertama.....411

Gambar 6.9: Kanopi yang Dipasang di Tempat Letak Kereta, di Depan Rumah Pangsa yang Didiami oleh Keluarga Responden Isteri bagi Pasangan Kesebelas.....417

Gambar 6.10: Majlis Perkahwinan Responden Isteri bagi Pasangan Kedua yang Diadakan di Hotel Hilton.....419

University of Malaya

Gambar 6.11: Rumah Banglo yang Didiami oleh Keluarga Responden Suami bagi Pasangan Ketujuh.....429

Gambar 6.12: Bangunan Rumah Pangsa yang Didiami oleh Keluarga Responden Suami bagi Pasangan yang Pertama.....431

Gambar 6.13: Kawasan Rumah Teres yang Didiami oleh Keluarga Responden Isteri bagi Pasangan Ketiga.....432

Gambar 6.14: Sanak Saudara Responden Isteri bagi Pasangan Kesebelas Menyusun Kek pada Pagi Hari Langsung Majlis Perkahwinannya.....436

Gambar 6.15: Jiran-jiran Responden Suami bagi Pasangan yang Pertama Bergotong-royong untuk Menyediakan Masakan Majlis Perkahwinannya pada Keesokan Harinya.....437

Gambar 6.16: Majlis Perkahwinan Responden Isteri bagi Pasangan Ketiga belas yang 70% Perbelanjaannya Ditaja oleh Bapanya.....447

Gambar 6.17: Majlis Perkahwinan Ditaja oleh Responden Isteri bagi Pasangan Kedua belas dan Adik-beradiknya dengan Sepenuhnya.....448

Gambar 6.18: Majlis Perkahwinan Serentak Responden Suami bagi Pasangan Keenam dan Adik Perempuannya yang Banyak Ditaja oleh Keluarga.....453

Graf 4.1: Taraf Pendidikan Responden Suami dan Umur ketika Berkahwin.....173

Graf 4.2: Taraf Pendidikan Responden Isteri dan Umur ketika Berkahwin.....174

Graf 4.3: Status Pekerjaan Responden Suami dan Umur ketika Berkahwin.....180

Graf 4.4: Status Pekerjaan Responden Isteri dan Umur ketika Berkahwin.....181

Graf 4.5: Pendapatan Bulanan Responden Suami dan Umur ketika Berkahwin.....186

Graf 4.6: Pendapatan Bulanan Responden Isteri dan Umur ketika Berkahwin.....187

University of Malaya

Graf 4.7: Taraf Pendidikan Responden dan Kuasa dalam Memilih Pasangan.....196

Graf 4.8: Pendapatan Bulanan Responden dan Kuasa dalam Memilih Pasangan.....201

Graf 4.9: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden dan Kuasa dalam Memilih Pasangan.....206

Graf 4.10: Taraf Pendidikan Responden dan Cara Mengenali Pasangan.....221

Graf 4.11: Status Pekerjaan Responden dan Cara Mengenali Pasangan.....227

Graf 4.12: Pendapatan Bulanan Responden dan Cara Mengenali Pasangan.....233

Graf 4.13: Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan oleh Responden.....241

Graf 4.14: Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan oleh Responden Mengikut Jantina.....245

Graf 4.15: Taraf Pendidikan Responden Suami dan Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan.....249

Graf 4.16: Taraf Pendidikan Responden Isteri dan Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan.....253

Graf 4.17: Pendapatan Bulanan Responden Suami dan Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan.....261

Graf 4.18: Pendapatan Bulanan Responden Isteri dan Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan.....269

Graf 4.19: Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan dari Segi Sekufu.....277

Graf 5.1: Taraf Pendidikan Responden dan Kadar Mas Kahwin.....290

Graf 5.2: Pendapatan Bulanan Responden dan Kadar Mas Kahwin.....294

Graf 5.3: Taraf Pendidikan Responden Suami dan Kadar Wang Hantaran.....302

Graf 5.4: Taraf Pendidikan Responden Isteri dan Kadar Wang Hantaran.....303

University of Malaya

Graf 5.5: Pendapatan Bulanan Responden Suami dan Kadar Wang Hantaran.....307

Graf 5.6: Pendapatan Bulanan Responden Isteri dan Kadar Wang Hantaran.....308

Graf 5.7: Status Pekerjaan Responden Isteri dan Kadar Wang Hantaran.....314

Graf 5.8: Status Pekerjaan Responden Suami dan Kadar Wang Hantaran.....317

Graf 5.9: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden Suami dan Kadar Wang Hantaran.....319

Graf 5.10: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden Isteri dan Kadar Wang Hantaran.....320

Graf 5.11: Pendapatan Bulanan Responden dan Perbelanjaan untuk Barang Hantaran.....332

Graf 5.12: Taraf Pendidikan Responden dan Perbelanjaan untuk Barang Hantaran.....339

Graf 6.1: Faktor Penentu Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan Responden.....348

Graf 6.2: Status Pekerjaan Responden dan Faktor Penentu Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan.....350

Graf 6.3: Taraf Pendidikan Responden dan Faktor Penentu Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan.....353

Graf 6.4: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden dan Faktor Penentu Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan.....357

Graf 6.5: Jenis Kediaman Responden dan Pemilihan Lokasi Majlis Perkahwinan.....368

Graf 6.6: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden dan Pemilihan Lokasi Majlis Perkahwinan.....376

Graf 6.7: Penggunaan Perkhidmatan Perkahwinan Profesional dalam Kalangan Responden.....385

University of Malaya

Graf 6.8: Status Pekerjaan Responden dan Jumlah Jenis Perkhidmatan Perkahwinan Profesional yang Digunakan.....389

Graf 6.9: Punca-punca kepada Penggunaan Perkhidmatan Perkahwinan Profesional Responden.....390

Graf 6.10: Waktu Kerja Sehari Responden dan Jumlah Jenis Perkhidmatan Perkahwinan Profesional yang Digunakan.....391

Graf 6.11: Taraf Pendidikan Responden dan Unsur-unsur yang Diutamakan dalam Penggunaan Perkhidmatan Perkahwinan Profesional.....397

Graf 6.12: Pendapatan Bulanan Responden dan Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional.....405

Graf 6.13: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden dan Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional.....413

Graf 6.14: Tempoh Masa Pemanduan dari Rumah Responden ke Rumah Kebanyakan Sanak Saudara dan Tahap Sokongan Sanak Saudara dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan.....421

Graf 6.15: Jenis Kediaman Responden dan Tahap Sokongan Jiran Tetangga dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan.....427

Graf 6.16: Pendapatan Bulanan Responden dan Tahap Tajaan Ibu bapa dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan.....443

Graf 6.17: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden dan Tahap Tajaan Ibu bapa dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan.....450

Rajah 2.1: Kerangka Konseptual yang Diubah suai daripada Teori Edwards (1969a) dan Teori Yaacob Harun (1991).....54

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Umur Responden Suami Isteri.....11

Jadual 1.2: Taraf Pendidikan Responden Suami Isteri.....12

Jadual 1.3: Jenis Pekerjaan Responden Suami Isteri.....13

Jadual 1.4: Pendapatan Bulanan Responden Suami Isteri.....14

Jadual 1.5: Latar Belakang 14 Pasangan Responden.....17-18

Jadual 2.1: Teori yang Dikemukakan oleh Edwards (1969a, p.7).....52

Jadual 2.2: Teori Edwards yang Diubah suai oleh Yaacob Harun (1991, p.6).....53

Jadual 4.1: Umur Ketika Berkahwin Responden Suami Isteri.....171

Jadual 4.2: Cara Mengenali Pasangan dalam Kalangan Responden.....217

Jadual 5.1: Kadar Mas Kahwin yang Ditetapkan oleh Jabatan Agama Setiap Negeri.....288

Jadual 5.2: Kadar Wang Hantaran Responden Pasangan.....300

Jadual 5.3: Perbelanjaan Responden untuk Barang Hantaran.....330

Jadual 6.1: Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional dalam Majlis Perkahwinan Responden Isteri bagi Pasangan Ketiga.....409

Jadual 6.2: Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional dalam Majlis Perkahwinan Responden Suami bagi Pasangan yang Pertama.....410

Jadual 6.3: Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional dalam Majlis Perkahwinan Responden Isteri bagi Pasangan Kesebelas.....417

University of Malaya

Jadual 6.4: Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional dalam Majlis Perkahwinan Responden Isteri bagi Pasangan Kedua.....418

Jadual 6.5: Perbelanjaan untuk Majlis Perkahwinan Responden.....441

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

A.S.	:	Amerika Syarikat
DBKL	:	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia
DEB	:	Dasar Ekonomi Baru
EdD	:	Doktor Pendidikan
HKL	:	Hospital Kuala Lumpur
LPPKN	:	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MD	:	Doktor Perubatan
PhD	:	Doktor Falsafah
PMR	:	Penilaian Menengah Rendah
PTD	:	Pegawai Tadbir dan Diplomatik
Rumah Kondo	:	Rumah Kondominium
Rumah Semi-D	:	*Semi detached house*
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	:	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TM	:	Telekom Malaysia
UiTM	:	Universiti Teknologi Mara
UM	:	Universiti Malaya
UMEC	:	*University of Malaya Entrepreneurship Centre*
UNiKL	:	*University Kuala Lumpur Business School*
UNiSEL	:	Universiti Selangor

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A: SOAL SELIDIK.....505

LAMPIRAN B: LATAR BELAKANG EMPAT BELAS PASANGAN RESPONDEN YANG DITEMU BUAL.....518

LAMPIRAN C: FAKTOR-FAKTOR SOSIOEKONOMI YANG KURANG BERPENGARUH DALAM PEMILIHAN PASANGAN DAN PENGENDALIAN MAJLIS PERKAHWINAN ORANG MELAYU KUALA LUMPUR.....531

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam Bab 1, beberapa aspek penting dalam kajian ini akan dihuraikan agar inti sari kajian dapat dikenal pasti secara umum. Aspek-aspek yang akan dihuraikan ialah, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan pembahagian bab. Perbincangan dalam Bab 1 merupakan panduan dan bimbingan kepada kajian ini supaya analisis yang berikutnya dapat dijalankan dengan saintifik, sistematik dan lancar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada zaman ini, arus pembandaran merupakan salah satu lambang utama proses pemodenan yang membawa perubahan besar kepada kehidupan harian manusia tanpa mengira kaum, budaya mahupun negara. Proses pembandaran menyebabkan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar secara besar-besaran, lalu mengakibatkan berlakunya rombakan dari segi struktur masyarakat, pekerjaan, pendapatan, lapisan masyarakat, cara hidup dan pandangan dunia penduduk bandar untuk selama-lamanya (Gold, 2002; Greene, 2011; Macionis & Parrillo, 2016). Dalam hal ini, institusi perkahwinan sebagai asas kepada pembentukan sesebuah masyarakat juga tidak terkecuali daripada trend perubahan.

Sepanjang sejarah dalam kehidupan manusia, perkahwinan ialah sebuah institusi penting bagi mengesahkan anak-anak yang bakal dilahirkan. Dalam kebanyakan negara Asia yang mendukung kebudayaan Timur, perkahwinan masih merupakan satu-satunya

University of Malaya

cara untuk menghalalkan hubungan kelamin antara lelaki dengan perempuan serta memberikan keturunan kedudukan sah di sisi undang-undang. Penjalinan sebuah perkahwinan merangkumi banyak prosedur, antaranya mencari jodoh, berjanji temu, bertunang, menandatangani sijil pengesahan perkahwinan, mengadakan majlis perkahwinan dan berbulan madu. Antara prosedur-prosedur tersebut, terdapat dua prosedur penting sebagai jaminan kuat kepada keutuhan sesebuah institusi perkahwinan, iaitu pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan (Saxton, 1996; Strong, 2014; Knox & Schacht, 2015). Ramai sarjana telah membuktikan, tanpa mengira latar belakang sejarah dan budaya yang berlainan, perubahan besar telah berlaku dalam kedua-dua prosedur tersebut (Goode, 1968; Parsons, 1977; Jain, 1986; Tokuhiro, 2010; Ma dan rakan-rakan, 2013).

Dari segi pemilihan pasangan, perkahwinan atas dasar cinta telah menjadi trend utama dalam masyarakat bandar, termasuk bandar-bandar di A.S., Burkina Faso, Korea, Jepun, Vietnam dan Indonesia (DeGenova, 2008; Calvès & Schoumaker, 2004; Park, 1997; Tokuhiro, 2010; Thuc-Doan & Belk, 2012; Smith-Hefner, 2005). Suasana di bandar yang bebas dan terbuka memberi muda-mudi banyak peluang untuk mengenali orang yang berlainan jantina dengan pelbagai cara, antaranya berkenalan di tempat belajar, tempat kerja atau tempat awam, melalui kenalan kawan-kawan, bahkan melalui laman sesawang (Li & Xu, 2004; Benokraitis, 2015). Mereka juga berhak untuk memilih calon yang paling sesuai mengikut cita rasa dan kriteria sendiri. Di samping itu, satu fenomena universal juga wujud secara berleluasa di bandar-bandar utama di A.S., Jepun, Indonesia, Kenya, Iran dan sebagainya, iaitu lambat berkahwin (Goode, 1963/1982; Retherford dan rakan-rakan, 2001; Smith-Hefner, 2005; Clark dan

University of Malaya

rakan-rakan, 2010; Rezai-Rashti & Moghadam, 2011). Lambat berkahwin pula akan menimbulkan banyak isu, contohnya tekanan mental, penurunan kadar kelahiran dan sebagainya (Retherford dan rakan-rakan, 2001; Ma dan rakan-rakan, 2013).

Pengendalian majlis perkahwinan di bandar dewasa ini pula semakin menunjukkan nilai-nilai komersial, contohnya cara melaksanakan majlis perkahwinan. Dalam menjayakan majlis perkahwinan, industri perkahwinan telah menggantikan ahli keluarga dan menjadi pemangkin utama. Di banyak negara, industri perkahwinan menyaksikan perkembangan pesat dan menjadi industri penting yang bernilai berjuta-juta dolar. Di A.S. contohnya, pengeluaran tahunan industri perkahwinan telah mencecah USD42 juta (Blakely, 2008). Dengan menggunakan perkhidmatan perkahwinan, kos kenduri kahwin juga melonjak dengan pantas. Menurut Choron (2010), orang A.S. membelanjakan USD161 juta dalam perkahwinan setiap tahun. Kos purata bagi setiap majlis perkahwinan lebih kurang USD28,000. Bagi golongan kaya di bandar Ho Chi Minh, perbelanjaan kenduri kahwin memerlukan berjuta-juta Vietnam *Dong*, iaitu puluhan ribu dolar (Thuc-Doan & Belk, 2012). Dari segi pemberian perkahwinan pula, jumlah wang hantaran dan hantaran kahwin dalam kalangan orang bandar juga turut meningkat dengan tinggi akibat pengaruh nilai perdagangan (Kendall, 1985; Ma dan rakan-rakan, 2013). Hal ini menyebabkan pengantin muda terbeban dan timbul pelbagai isu, misalnya lambat berkahwin, tinggal bersama sebelum menikah dan sebagainya (Smock dan rakan-rakan, 2005; Calvès & Depledge, 2007).

Ternyatalah bahawa pada masa kini, perubahan-perubahan dalam institusi perkahwinan di bandar telah menjadi isu global. Walau bagaimanapun, kajian mendalam tentang implikasi pembandaran terhadap perubahan institusi perkahwinan

University of Malaya

bandar amnya, dan pemilihan pasangan serta pengendalian majlis perkahwinan khasnya masih tidak mencukupi. Apatah lagi kajian komprehensif yang memfokuskan kepada masyarakat Melayu bandar.

1.3 Pernyataan Masalah

Orang Melayu dahulu dikenali sebagai masyarakat kampung kerana kebanyakan mereka tinggal di desa dan menyara diri dengan bercucuk tanam, menternak binatang dan menangkap ikan. Pada ketika itu, komposisi penduduk bandar diidentifikasikan kepada etnik Cina. Walau bagaimanapun, komposisi penduduk tersebut mengalami perubahan signifikan semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971. DEB menggalakkan penyusunan semula masyarakat dengan menekankan penglibatan kaum Melayu dalam kegiatan ekonomi moden yang bertapak di bandar. Hal ini mengakibatkan berlaku penghijrahan orang Melayu ke bandar secara besar-besaran sehingga menjadi majoriti penduduk di bandar-bandar besar, khususnya di pantai barat Semenanjung Malaysia (Abdul Rahman Embong, 2011).

Kehidupan orang Melayu moden, khususnya mereka yang tinggal di bandar telah berubah secara keseluruhannya akibat proses pembandaran sehingga Kok dan Chan (1988) menegaskan bahawa impak pembandaran dapat dikesan dari pelbagai aspek, termasuk demografi, fizikal, struktur dan tingkah laku. Terdapat juga sarjana memberikan tumpuan kepada perubahan kehidupan orang Melayu bandar dari segi faktor-faktor sosioekonomi mereka. Abdul Rahman Embong (2011) mengatakan bahawa “Masyarakat Malaysia telah mengalami proses transformasi sejarah yang besar dan mendalam... (p. 24)” kerana proses pembandaran “merombak struktur pekerjaan,

University of Malaya

pendapatan serta struktur kelas dan gaya hidup mereka (penduduk bandar) (p. 24)". Wan Abdul Kadir (1992) dan Yaacob Harun (1991/2014a) juga menghujahkan bahawa pembandaran membawa perubahan yang signifikan kepada masyarakat Melayu sama ada dari aspek sistem pendidikan, pola-pola pekerjaan, jumlah pendapatan, bentuk kediaman atau kelas sosial. Faktor-faktor sosioekonomi orang Melayu yang dirombak dan dicorakkan semula itu adalah jauh berbeza dengan masyarakat Melayu tradisi[1] dan menyumbang implikasi yang berpanjangan kepada pelbagai aspek kehidupan mereka.

Sebagai sebahagian aspek penting dalam kehidupan orang Melayu, perkahwinan mengandungi banyak prosedur yang rumit, antaranya termasuk merisik, memilih pasangan, meminang, bertunang, akad nikah, bersanding dan lawat-melawat. Pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan merupakan dua proses yang begitu bermakna kepada pembentukan sebuah perkahwinan yang utuh dan bahagia. Hal ini demikian kerana pemilihan jodoh menentukan nasib rumah tangga Islam, manakala pengendalian majlis perkahwinan diwajibkan di sisi adat Melayu (M. 'Atiyyah Al-Abraasyi, 1995; Amran Kasimin, 2002). Walau bagaimanapun, dalam kalangan orang Melayu bandar, kedua-dua proses tersebut didapati telah mengalami perubahan yang signifikan. Selain itu, terdapat juga perubahan-perubahan yang mencetuskan masalah sosial.

Dari segi pencarian pasangan, perkahwinan atas dasar cinta telah menjadi trend utama dalam kalangan Melayu bandar, sedangkan kuasa ibu bapa dalam hal ini jelas menurun (Yaacob Harun, 1991; Fatimah Abdullah, 1994; Haslida Hashim, 1997; Azwein Zaidein, 2010). Orang Melayu bandar bijak menggunakan pelbagai kaedah

[1] Dalam kajian ini, masyarakat Melayu tradisi merujuk kepada masyarakat Melayu pertanian sebelum pelaksanaan DEB, iaitu pada tahun 1971. Hal ini demikian kerana, bermula daripada pelaksanaan dasar ini, masyarakat Melayu mengalami perubahan yang mendadak daripada pelbagai aspek.

University of Malaya

moden dalam usaha mengenali pasangan, seperti agensi mencari jodoh dan laman sesawang (Haslida Hashim, 1997; Yaacob Harun, 2014a). Mereka memilih calon suami atau isteri yang paling sesuai mengikut kehendak masing-masing dan lebih mementingkan kriteria-kriteria pasangan itu sendiri, antaranya termasuk keperibadian, pendidikan dan keadaan sosioekonominya (Ang & Lau, 2013).

Di samping menikmati kebebasan dalam soal peribadi, orang Melayu bandar terperangkap dalam situasi dilema, iaitu lambat kahwin. Jones (1990) menunjukkan bahawa terdapat 10.2% perempuan Melayu yang berumur antara 30-34 tahun tidak berkahwin, bahkan 5.8% perempuan Melayu yang berumur antara 35-39 tahun kekal membujang. Menurut data muktamad *Laporan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (2004)*, purata umur perkahwinan pertama bagi lelaki Melayu telah meningkat kepada 28.8 tahun, manakala umur ini bagi perempuan juga mencecah 24.1 tahun[2]. *Laporan Ciri-ciri Pendidikan dan Sosial Penduduk 2010* (Kemas Kini: 25 Jun 2013) menunjukkan, purata umur perkahwinan pertama bagi wanita bumiputera telah meningkat kepada 25.4 tahun berbanding dengan 24.6 tahun pada tahun 2000. Bagi lelaki bumiputera pula, purata umur ini menurun sedikit kepada 27.7 tahun daripada 28.1 tahun pada tahun 2000[3]. Trend lambat kahwin boleh menyumbang kepada banyak kesan negatif, termasuk penurunan kadar kelahiran, berlakunya gejala zina dan peningkatan bilangan kelahiran anak tidak sah taraf[4].

Manakala dalam pengendalian majlis perkahwinan pula, nilai wang hantaran dan kos belanja kenduri kahwin yang terlalu tinggi bukannya isu baharu lagi. Purata jumlah

[2] Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). http://www.lppkn.gov.my
[3] Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my
[4] Syahidatul Akmal Dunya. (11 Oktober 2013). Trend kahwin lambat belia Muslim. *Sinar Harian*. http://www.sinarharian.com.my/

University of Malaya

wang hantaran pada 2011 telah mencecah RM8,000 hingga RM10,000.[5] Kos kenduri kahwin yang diadakan di rumah boleh mencecah RM50,000 dan barangkali melangkaui RM100,000 untuk majlis di dewan serta hotel.[6] Ramai lelaki muda yang baru tamat pelajaran atau hanya bekerja untuk beberapa tahun sahaja jelas tertekan dan terbeban dengan kos kahwin yang terlalu tinggi itu. Maka tidak hairanlah, masyarakat selalu digemparkan dengan berita-berita seperti, "*Ditumbuk kerana Gagal Sedia Hantaran: 'Melayu Terlalu Agungkan Adat'*" (Astro Awani, 28 Mac 2016), "*Worrying Trend of Muslim Couples Taking Loans for Weddings*" (The Star Online, 12 Ogos 2013), "*Kos Tinggi Punca Lambat Kahwin?*" (Utusan Malaysia, 05 Januari 2012), "*Persiapan Kahwin Punca Terperangkap Hutang*" (Utusan Malaysia, 11 Disember 2012) dan banyak lagi.

Satu lagi perubahan besar ialah, cara menyediakan majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi, iaitu bergotong-royong antara tuan rumah dengan sanak saudara dan jiran tetangga jarang dijumpai di bandar. Sebaliknya, tugas tersebut diambil alih oleh industri perkahwinan yang telah mencapai perkembangan yang cukup menakjubkan. Industri perkahwinan di Malaysia telah mempunyai rangkaian mantap yang terdiri daripada perkhidmatan kad jemputan, butik pengantin, katering, penggubahan barang hantaran, perhiasan lokasi dan pelamin, pengambilan khidmat fotografi dan videografi, buah tangan, perancang perkahwinan dan hiburan. Bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Donald Lim menekankan potensi industri perkahwinan Malaysia dengan menunjukkan bahawa lebih 1,000 butik perkahwinan di Malaysia dianggarkan memperoleh pendapatan sehingga RM150,000 sebulan bagi

[5] Mariatul Qatiah Zakaria. (6 Januari 2011). Hantaran sepadan kos belanja kahwin. *Utusan Malaysia*. http://ww1.utusan.com.my
[6] Nurul Anuar Kari. (15 Disember 2012). Kahwin mewah jika mampu. *Utusan Malaysia*. http://ww1.utusan.com.my

University of Malaya

setiap butik.[7] Peresapan nilai-nilai komersial dalam pelaksanaan majlis perkahwinan ini bukan sahaja terus meningkatkan kos belanja perkahwinan, malah menyebabkan hubungan persanakan dan kejiranan semakin renggang.

Sungguhpun begitu, kajian yang berfokus kepada hubung kait antara implikasi proses pembandaran dengan perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar masih kurang ditemui, terutama sekali kajian yang mengupas implikasi pembandaran dari segi faktor-faktor sosioekonomi orang Melayu bandar. Oleh hal yang demikian, isu yang hendak dianalisis dalam kajian ini ialah, dalam masyarakat Melayu bandar, apakah perubahan yang telah berlaku dalam pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan akibat proses pembandaran? dan apakah pengaruh faktor-faktor sosioekonomi orang Melayu bandar terhadap perubahan dalam kedua-dua proses perkahwinan tersebut? Kajian ini dijalankan dengan memberikan tumpuan kepada komuniti Melayu yang menetap di Kuala Lumpur, ibu kota Malaysia kerana bandar ini mempunyai tahap pembandaran yang paling tinggi antara bandar-bandar utama di negara ini[8].

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini, iaitu:

(a) Meneliti perubahan dalam pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar.

(b) Menganalisis impak faktor-faktor sosioekonomi utama terhadap perubahan pemilihan pasangan orang Melayu bandar.

[7] Hidayah Mohammad. (19 April 2013). Potensi industri perkahwinan. *Berita Harian*. http://www.bharian.com.my
[8] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi 2010*. https://www.dosm.gov.my

University of Malaya

(c) Menganalisis impak faktor-faktor sosioekonomi utama terhadap perubahan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar yang merangkumi dua perkara utama, iaitu pemberian perkahwinan[9] dan pelaksanaan majlis perkahwinan.

1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini dimulakan pada awal tahun 2012 dengan menggabungkan dua kaedah penyelidikan, iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Bagi tujuan mengumpulkan data-data berbentuk angka, kaedah kuantitatif dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Di samping itu, bagi tujuan memperoleh data-data yang boleh menyokong dapatan kajian, hasil daripada data-data soal selidik, kaedah kualitatif dilaksanakan dengan menggunakan instrumen kepustakaan, temu bual dan pemerhatian.

1.5.1 Kaedah Kuantitatif

Untuk mengetahui perubahan pola-pola perkahwinan orang Melayu bandar dan punca-puncanya secara umumnya, satu kajian soal selidik telah dijalankan di Kuala Lumpur antara bulan Ogos hingga Oktober 2013. Kuala Lumpur dipilih sebagai tempat kajian kerana bandar ini merupakan bandar yang paling tinggi tahap pembandarannya di Malaysia. Responden yang dipilih secara rawak terdiri daripada 214 orang Melayu Kuala Lumpur yang merangkumi 107 pasangan suami isteri yang baru melangsungkan majlis perkahwinan[10] semasa borang soal selidik diedarkan. Dalam soal selidik ini, ada

[9] Pemberian perkahwinan dalam masyarakat Melayu mengandungi tiga bahagian, iaitu mas kahwin, wang hantaran dan barang hantaran (Kuchiba & Tsubouchi, 1966).

[10] Soal selidik telah diedarkan kepada 300 orang responden Melayu Kuala Lumpur yang merangkumi 150 pasangan suami isteri. Namun begitu, hanya soal selidik yang dijawab oleh 214 orang responden, iaitu 107 pasangan boleh diguna pakai demi kesahihan data.

University of Malaya

bahagian yang dijawab oleh suami, ada bahagian yang dijawab oleh isteri, dan ada juga bahagian yang perlu dijawab oleh kedua-dua suami isteri.

Jika dilihat dengan lebih lanjut lagi, soal selidik yang dibentuk merangkumi tiga bahagian utama. Bahagian I berkenaan dengan latar belakang responden pasangan. Dalam bahagian ini, aspek-aspek seperti umur, pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan, tempat kediaman, kedudukan sosioekonomi keluarga dan sebagainya telah disentuh. Bahagian II berhubungan dengan pemilihan pasangan dan merangkumi empat subjek kecil, iaitu A. Umur ketika berkahwin, B. Kuasa dalam memilih pasangan, C. Cara mengenali pasangan dan D. Kriteria dalam memilih pasangan. Bahagian III yang mengenai pengendalian majlis perkahwinan pula dikategorikan kepada dua bahagian utama, iaitu pemberian perkahwinan dan pelaksanaan majlis perkahwinan. Bahagian yang pertama mengandungi tiga subjek, iaitu a. mas kahwin, b. wang hantaran, dan c. barang hantaran. Bahagian kedua pula mengandungi empat subjek, yakni a. pemilihan tarikh majlis perkahwinan, b. pemilihan lokasi majlis perkahwinan, c. sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, dan d. sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Dalam setiap subjek kecil, lima hingga sepuluh soalan telah disediakan (untuk soal selidik yang lengkap, sila rujuk kepada Lampiran A).

Soal selidik ini diedarkan dan dikumpulkan semula melalui dua kaedah, iaitu secara langsung dan melalui bantuan elektronik[11]. Kesemua data empirikal yang telah dikumpulkan dianalisis secara saintifik dengan mengaplikasikan program SPSS (Versi 19.0). Analisis yang dilakukan bukan sahaja mengenal pasti perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu bandar,

[11] Untuk menjalankan kajian soal selidik, pengkaji meluangkan masa tiga bulan datang ke Kuala Lumpur. Setelah tiga bulan, masih terdapat beberapa orang responden belum memulangkan borang soal selidik. Memandangkan pengkaji terpaksa balik ke China, maka pengkaji meminta mereka menghantar salinan scan borang soal selidik kepada pengkaji melalui e-mel.

University of Malaya

tetapi juga mengesan impak faktor-faktor sosioekonomi orang Melayu di bandar terhadap perubahan-perubahan tersebut. Berikutnya, dihuraikan keadaan umum mengenai 107 pasangan responden yang berasal dari pelbagai lapisan masyarakat dari segi umur, pendidikan, pekerjaan dan pendapatan.

Jadual 1.1: Umur Responden Suami Isteri

Lingkungan Umur	Responden Suami	Peratus (%)	Responden Isteri	Peratus (%)
20-25	14	13.1	20	18.7
26-30	49	45.8	58	54.2
31-35	33	30.8	26	24.3
36-40	7	6.5	3	2.8
41-45	4	3.7	0	0.0
Jumlah	107	100.0	107	100.0

Menurut Jadual 1.1, lingkungan umur yang paling ramai responden tertumpu ialah 26-30 tahun, sama ada bagi responden suami (45.8%) ataupun responden isteri (54.2%). Lingkungan umur yang kedua terbesar ialah 31-35 tahun tanpa mengira responden suami (30.8%) atau responden isteri (24.3%). Selain itu, terdapat 13.1% responden suami dan 18.7% responden isteri berada dalam lingkungan umur 20-25 tahun, iaitu lingkungan umur ketiga terbesar. Lingkungan umur keempat terbesar pula ialah 36-40 tahun apabila terdapat 6.5% responden suami dan 2.8% responden isteri berada dalam lingkungan umur yang agak lewat ini. Bahkan terdapat 3.7% responden suami berada dalam lingkungan umur 41-45 tahun, namun tiada responden isteri berada dalam lingkungan umur ini.

University of Malaya

Jadual 1.2: Taraf Pendidikan Responden Suami Isteri

Taraf Pendidikan	Responden Suami	Peratus (%)	Responden Isteri	Peratus (%)
Sekolah Rendah	1	0.9	1	0.9
SPM[12]	37	34.6	30	28.0
STPM[13]	5	4.7	3	2.8
Diploma	28	26.2	31	29.0
Sarjana Muda	23	21.5	21	19.6
Sarjana	12	11.2	19	17.8
PhD[14]	1	0.9	2	1.9
Jumlah	107	100.0	107	100.0

Mengenai taraf pendidikan responden, merujuk kepada Jadual 1.2, didapati bahawa dalam kalangan responden suami, golongan yang paling besar ialah mereka yang belajar sehingga ke peringkat SPM (34.6%). Diikuti dengan responden yang belajar sehingga ke peringkat diploma (26.2%), sarjana muda (21.5%), sarjana (11.2%) dan STPM (4.7%). Yang menarik di sini ialah, jumlah responden suami yang paling sedikit ialah mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang paling rendah dan juga yang paling tinggi. Buktinya, terdapat 0.9% suami berpendidikan di peringkat sekolah rendah, manakala 0.9% suami bergelar Doktor. Ditinjau responden isteri pula, golongan yang paling besar ialah mereka yang belajar sehingga ke peringkat diploma, iaitu 31 orang (29.0%). Diikuti ialah mereka yang berpendidikan di peringkat SPM (28.0%), sarjana muda (19.6%), sarjana (17.8%) dan STPM (2.8%). Sama seperti apa yang berlaku dalam kalangan responden suami, jumlah responden isteri yang paling sedikit juga ialah mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang paling rendah, iaitu sekolah rendah (0.9%) dan tahap pendidikan yang paling tinggi, iaitu PhD (1.9%).

[12] SPM merujuk kepada Sijil Pelajaran Malaysia.
[13] STPM merujuk kepada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.
[14] PhD merujuk kepada Doktor Falsafah.

University of Malaya

Jadual 1.3: Jenis Pekerjaan Responden Suami Isteri

Jenis Pekerjaan	Responden Suami	Peratus (%)	Responden Isteri	Peratus (%)
Kakitangan Kerajaan	46	43.0	47	43.9
Syarikat/Swasta	34	31.8	26	24.3
Pendidikan	1	0.9	12	11.2
Perubatan	2	1.9	2	1.9
Kewangan/Perbankan	6	5.6	8	7.5
Polis/Tentera	3	2.8	0	0.0
Perniagaan Sendiri	9	8.4	3	2.8
Perkhidmatan	5	4.7	3	2.8
Pekerjaan Kilang	1	0.9	3	2.8
Tidak Bekerja	0	0.0	3	2.8
Jumlah	107	100.0	107	100.0

Dari segi pekerjaan (melihat Jadual 1.3), semua responden suami berkecimpung dalam pasaran kerja. Antara tiga jenis pekerjaan yang paling ramai responden suami ceburi ialah pekerjaan sebagai kakitangan kerajaan (43.0%), pekerjaan syarikat/swasta (31.8%) dan perniagaan sendiri (8.4%). Diikuti dengan pekerjaan kewangan/perbankan (5.6%), pekerjaan perkhidmatan (4.7%), polis/tentera (2.8%), perubatan (1.9%), pendidikan (0.9%) dan pekerjaan kilang (0.9%). Bagi 107 orang responden isteri pula, didapati tiga orang, iaitu 2.8% tidak bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Antara tiga jenis pekerjaan yang paling ramai responden isteri ceburi ialah pekerjaan kakitangan kerajaan (43.9%), pekerjaan syarikat/swasta (24.3%) dan pendidikan (11.2%). Diikuti dengan kewangan/perbankan (7.5%), perniagaan sendiri (2.8%), perkhidmatan (2.8%), pekerjaan kilang (2.8%) dan perubatan (1.9%).

University of Malaya

Jadual 1.4: Pendapatan Bulanan Responden Suami Isteri

Pendapatan Bulanan	Responden Suami	Peratus (%)	Responden Isteri	Peratus (%)
≤RM1,000	1	0.9	4	3.7
RM1,001-2,000	31	29.0	32	29.9
RM2,001-3,000	43	40.2	36	33.6
RM3,001-4,000	19	17.8	26	24.3
RM4,001-6,000	6	5.6	6	5.6
RM6,001-8,000	4	3.7	0	0.0
RM8,001-10,000	3	2.8	0	0.0
Tidak Berpendapatan	0	0.0	3	2.8
Jumlah	107	100.0	107	100.0

Akhirnya, dibincangkan pendapatan bulanan responden. Berdasarkan Jadual 1.4, didapati semua responden suami berpendapatan, namun terdapat tiga orang isteri (2.8%) tidak ada sumber ekonomi tetap. Dilihat dengan lebih mendalam lagi, lingkungan pendapatan antara RM2,001-3,000 ialah lingkungan pendapatan yang paling ramai responden tertumpu, sama ada bagi responden suami (40.2%) atau isteri (33.6%). Yang menarik di sini ialah, sama ada bagi responden suami atau isteri, jika menjadikan lingkungan RM2,001-3,000 sebagai dimensi, maka dalam dua lingkungan pendapatan di bawah dimensi ini, seiring dengan penurunan lingkungan pendapatan, semakin berkurangan jumlah responden, iaitu RM1,001-2,000 (29.0% suami, 29.9% isteri) dan ≤RM1,000 (0.9% suami, 3.7% isteri). Pada masa yang sama, dalam empat lingkungan pendapatan di atas dimensi ini pula, seiring dengan peningkatan lingkungan pendapatan, semakin berkurangan juga jumlah responden, iaitu RM3,001-4,000 (17.8% suami, 24.3% isteri), RM4,001-6,000 (5.6% suami, 5.6% isteri), RM6,001-8,000 (3.7% suami, 0.0% isteri) dan RM8,001-10,000 (2.8% suami, 0.0% isteri).

University of Malaya

1.5.2 Kaedah Kualitatif

Untuk mendapatkan bahan-bahan yang boleh memperkukuhkan hasil dapatan daripada data-data berbentuk angka, kaedah kualitatif dijalankan dengan mengaplikasikan tiga kaedah utama, iaitu kajian kepustakaan, pemerhatian dan temu bual mendalam.

Kajian kepustakaan mula dijalankan pada tahun 2012 hingga kajian ini diselesaikan. Tujuannya ialah mendapatkan maklumat-maklumat terkini yang berkaitan dengan perubahan pola-pola perkahwinan di bandar dari aspek pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dan juga punca-puncanya, terutama sekali dalam kalangan orang Melayu bandar. Melalui kajian kepustakaan, bahan-bahan yang bernilai telah diperoleh untuk membantu dalam mencapai objektif kajian, mendalami pengetahuan tentang latar belakang konsep dan teori, dan juga meluaskan pengetahuan tentang kelebihan dan kekurangan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik yang sebelumnya.

Sepanjang tempoh kajian dijalankan, sebahagian besar masa telah dihabiskan di perpustakaan, pusat pengajian dan pusat dokumentasi untuk mendapatkan maklumat sekunder daripada buku rujukan ilmiah, buku prosiding, jurnal, kertas kerja, laporan dan akhbar. Antara tempat yang kerap kali dikunjungi ialah, perpustakaan-perpustakaan di Universiti Malaya, seperti Perpustakaan Utama, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam. Di samping itu, Pusat Dokumentasi di Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, bahkan Perpustakaan Kebangsaan China dan Pusat Pengajian Melayu China juga menjadi tempat yang selalu dilawati. Selain perpustakaan

University of Malaya

entiti, perpustakaan digital atau sumber jurnal dalam talian juga banyak membantu dalam mengumpulkan data, antaranya *JSTOR*, *SAGE*, *Springer* dan *MyJournal*.

Di samping itu, kajian kerja lapangan yang merangkumi dua cara, iaitu pemerhatian dan temu bual juga dilaksanakan untuk memperolah data-data mentah yang berkaitan dengan isu yang hendak dianalisis. Data-data kerja lapangan dikumpulkan dengan direkod dalam bentuk audio, video atau gambar. Sebanyak tujuh buah majlis perkahwinan telah diperhatikan sepanjang kajian ini dijalankan. Pemerhatian dilakukan sebelum dan semasa malis perkahwinan dilangsungkan dengan mencatat keseluruhan penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional, memerhatikan peranan dan tindakan anggota keluarga dan jiran tetangga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, selain menemu bual individu yang terlibat dalam urusan majlis perkahwinan. Untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang sahih, pengkaji telah melibatkan diri ke dalam pelaksanaan majlis perkahwinan tersebut secara langsung. Kes-kes menarik yang didapati amat membantu untuk memperkaya maklumat-maklumat dan mengukuhkan dapatan yang diperoleh daripada kajian soal selidik yang telah dijalankan lebih awal.

Selain itu, temu bual mendalam dilakukan terhadap 14 pasangan suami isteri Melayu Kuala Lumpur[15] yang baru melangsungkan majlis perkahwinan. Mereka yang mempunyai latar belakang yang berbeza-beza adalah dari pelbagai lapisan masyarakat. Temu bual ini dilakukan sekurang-kurangnya dua kali dengan setiap pasangan suami isteri, dan setiap kali mengambil masa sekurang-kurangnya dua jam. Kadang-kadang, ibu bapa responden dengan suka rela menyertai temu bual untuk memberikan komen, pandangan atau menambah informasi yang penting. Ini dapat membantu untuk melihat

[15] Yang perlu dijelaskan di sini ialah, 14 pasangan yang ditemu bual tidak termasuk dalam jumlah 107 pasangan yang menjawab soalan soal selidik.

University of Malaya

isu yang dikaji dengan lebih menyeluruh. Berikutnya, disenaraikan secara umumnya latar belakang 14 pasangan responden tersebut (untuk latar belakang pasangan yang lebih lanjut, sila rujuk kepada Lampiran B).

Jadual 1.5: Latar Belakang 14 Pasangan Responden

No. Pasangan Responden		Umur (tahun)	Taraf Pendidikan	Jenis Pekerjaan	Pendapatan Bulanan (RM)
1	Suami	30	SPM	Staf Syarikat Insurans	2,000
	Isteri	26	SPM	Suri Rumah	Tidak Tetap
2	Suami	30	Sarjana Muda	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	3,000
	Isteri	28	Sarjana Muda	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	3,000
3	Suami	36	Sarjana Muda	Pengurus Cawangan Syarikat Keselamatan	4,000
	Isteri	31	Sarjana Muda	Penganalisis Projek AmBank	4,000
4	Suami	30	Sarjana Muda	Pegawai Perubatan di HKL[16]	3,000
	Isteri	30	Sarjana	Tutor Universiti Malaya	2,800
5	Suami	34	Sarjana	Staf Pentadbiran Universiti Malaya	2,300
	Isteri	32	Sarjana	Tutor Universiti Malaya	2,800
6	Suami	25	Sarjana Muda	Pegawai Projek Universiti Malaya	3,300[17]
	Isteri	23	Sarjana Muda	Suri Rumah	Tidak Ada
7	Suami	27	Sarjana Muda	Pengurus Perniagaan Keluarga	4,500
	Isteri	28	Sarjana Muda	Staf Syarikat *Mediquip Mobile*	5,500[18]
8	Suami	32	Sarjana	Pensyarah Universiti Malaya	5,000[19]
	Isteri	31	Sarjana	Tutor Universiti Malaya	3,900[20]
9	Suami	30	PMR[21]	Pembaik Mesin Layan Diri	1,300
	Isteri	27	SPM	Pekerja Bengkel Motosikal	1,000
10	Suami	27	Diploma	Staf Telekom Malaysia	2,000
	Isteri	26	Diploma	Staf Telekom Malaysia	2,000
11	Suami	28	Sarjana	Pegawai Perubatan Farmasi Hospital	4,100
	Isteri	28	Sarjana	Pegawai Perubatan Farmasi Hospital	4,100
12	Suami	31	Sarjana Muda	Pegawai Pentadbiran UniKL[22]	5,000
	Isteri	31	Sarjana	Pensyarah UniKL	6,000

16 HKL merujuk kepada Hospital Kuala Lumpur.
17 Jumlah ini termasuk gaji bulanan responden suami sebanyak RM2,900 dan elaun bulanannya sebanyak RM400 kerana bertugas sebagai penyelia di sebuah kolej kediaman di Universiti Malaya.
18 Jumlah ini termasuk gaji bulanan responden isteri sebanyak RM4,500 dan pendapatan tambahannya sebanyak RM1,000 kerana ia berniaga kecil-kecilan, iaitu menggubah barang hantaran.
19 Jumlah ini termasuk gaji bulanan responden suami sebanyak RM3,500 dan sewa rumah bulanannya sebanyak RM1,500.
20 Jumlah ini termasuk gaji bulanan responden isteri sebanyak RM2,500, elaun bulanannya sebanyak RM400 kerana selaku penyelia kolej kediaman di Universiti Malaya dan juga pendapatan tambahannya sebanyak RM1,000 kerana sering dijemput untuk memberikan persembahan dalam kenduri dan majlis.
21 PMR merujuk kepada Penilaian Menengah Rendah.
22 UNiKL merujuk kepada *University Kuala Lumpur Business School*.

University of Malaya

Jadual 1.5, sambungan

No. Pasangan Responden		Umur (tahun)	Taraf Pendidikan	Jenis Pekerjaan	Pendapatan Bulanan (RM)
13	Suami	29	Sarjana Muda	Penguat Kuasa DBKL[23]	2,000
	Isteri	28	Sarjana Muda	Guru Bahasa Inggeris di Pusat Tuition	1,500
14	Suami	27	Sarjana Muda	Jurutera Syarikat Minyak	4,000
	Isteri	27	Sarjana Muda	Staf Syarikat Pampers	2,000

Sebagai kesimpulan, dalam menjalankan kajian ini, dua kaedah penyelidikan utama telah digunakan, iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Oleh hal yang demikian, kajian ini bersifat gabungan kuantitatif dan kualitatif agar kedua-dua kaedah ini saling melengkapi untuk mendapatkan data-data yang lebih signifikan.

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam mana-mana negara dan budaya, institusi perkahwinan ialah bidang kajian utama dalam pelbagai subjek. Dalam hal ini, pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan telah menarik banyak perhatian sama ada daripada masyarakat awam atau ahli akademik atas kepentingannya dalam kehidupan manusia. Dilihat dengan lebih mendalam lagi, pemilihan pasangan membuka tirai perkahwinan dan mengasaskan kehidupan keluarga, manakala pengendalian majlis perkahwinan meraikan dan mengumumkan penyatuan pasangan pengantin, bahkan dua buah keluarga.

Sejak dahulu kala, masyarakat Melayu memberikan keutamaan dan penghargaan tinggi kepada institusi perkahwinan kerana Al-Quran menekankan perkahwinan sebagai asas kehidupan, kekeluargaan dan masyarakat manusia sejagat (Paizah Ismail, 2003). Dalam menguruskan perkahwinan Islam, pemilihan jodoh dianggap penting kerana

[23] DBKL merujuk kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

University of Malaya

perkara ini bukan sahaja menentukan nasib sebuah rumah tangga di dunia dan akhirat, tetapi mencorakkan hidup dalam masyarakat sama ada bersifat keduniaan atau keakhiratan, ataupun gabungan kedua-duanya (M. ‘Atiyyah Al-Abraasyi, 1995). Dari segi pengendalian majlis perkahwinan yang mengandungi pemberian perkahwinan dan pelaksanaan majlis perkahwinan pula, mematuhi prosedur-prosedur perkahwinan amat penting untuk menyediakan sistem sokongan yang kuat kepada pasangan pengantin selain mencipta penyesuaian dan hubungan perkahwinan yang lebih baik antara pihak-pihak yang terlibat (Yaacob Harun, 2014a).

Untuk menguruskan perkahwinan dengan teratur, masyarakat Melayu tradisi mematuhi amalan yang diwarisi turun-temurun. Namun begitu, seperti yang telah dibincangkan, pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu bandar telah menunjukkan pola-pola baharu yang jauh berbeza dengan masyarakat Melayu tradisi. Antara perubahan-perubahan tersebut, terdapat juga fenomena yang memberikan pengaruh dan implikasi negatif kepada masyarakat Melayu sehingga wujudnya pelbagai cabaran terhadap institusi perkahwinan dan kekeluargaan. Contohnya, peningkatan kuasa muda-mudi dalam menentukan sendiri soal perkahwinan menyebabkan segelintir pengantin berani berkahwin di sempadan Thailand tanpa persetujuan dan restu ibu bapa. Trend kahwin lewat pula menyumbang kepada menurunnya jumlah populasi dan kemerosotan tahap kesuburan (Muhamad Rafiq Abdul Rahman, 2011). Peningkatan wang hantaran dan kos kenduri kahwin bukan sahaja menjadi punca utama pengantin lelaki terbelenggu dalam hutang[24], tetapi juga merangsang persaingan keluarga pengantin untuk menunjuk-nunjuk kekayaan. Perkara

[24] Siti Aisyah Sukaimi. (13 Mei 2012). Anjur kahwin jimat, *myMetro*. https://www.hmetro.com.my/

University of Malaya

ini sebenarnya ditegah dalam ajaran agama Islam yang mengesyorkan agar umat mengamalkan kesederhanaan dalam apa juga urusan termasuk dalam hal perkahwinan.

Jelaslah, sekiranya tidak mengetahui dengan menyeluruhnya kenapa dan bagaimana wujudnya pola-pola baharu dalam pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan, maka berkemungkinan akan timbul kekeliruan dan ketidaksediaan dalam menjalinkan sebuah perkahwinan. Sungguhpun ramai sarjana sama ada sarjana tempatan atau sarjana luar negara telah melakukan kajian terhadap perkahwinan orang Melayu, namun kajian tersebut lazimnya tertumpu kepada adat perkahwinan, poligami, perceraian atau perkahwinan campur. Jarang ditemui kajian khusus yang memfokuskan kepada perubahan-perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu di bandar. Jika ada pun, kajian tersebut hanya setakat esei dan latihan ilmiah sahaja. Isu yang berkenaan pula dibincangkan secara umum dan ringkas sahaja.

Rentetan itu, kajian sistematik yang berkaitan dengan mengapa dan bagaimana terwujudnya pola-pola baharu dari segi pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam kalangan orang Melayu bandar sangat diperlukan. Pemilihan pasangan bukan sahaja melibatkan dua individu, tetapi sistem kekeluargaan, nilai masyarakat dan adat resam tempatan. Pengendalian majlis perkahwinan pula, mencerminkan kehidupan masyarakat dalam tempoh masa yang tertentu, di samping menggambarkan cita rasa, kesenian dan nilai norma sesebuah bangsa. Dengan mengenal pasti perubahan institusi perkahwinan yang sedang dialami dan apakah punca-puncanya, orang Melayu dapat membina institusi perkahwinan yang lebih utuh dan bahagia dengan meninggalkan amalan yang mendatangkan kesan-kesan negatif. Hal ini amat penting kerana institusi perkahwinan merupakan asas kepada institusi keluarga di mana

University of Malaya

pembinaan negara bangsa bermula dari institusi keluarga. Di samping itu, perbincangan mengenai unsur-unsur sosiobudaya dalam institusi perkahwinan Melayu bandar yang sedang mengalami perubahan juga dapat membantu dalam mempertahankan dan mengekalkan adat istiadat serta nilai-nilai budaya orang Melayu yang bernilai tinggi.

Selain itu, hasil kajian juga diharapkan dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang kajian perkahwinan orang Melayu, selain menjadi asas kepada kajian yang lebih komprehensif pada masa yang akan datang. Maklumat yang diperoleh daripada kajian ini boleh digunakan oleh agensi yang berkenaan dalam menggubal dasar-dasar perkahwinan, khususnya membantu orang Melayu berkerjaya yang selalu terbelenggu dalam dilema antara pelajaran atau kerjaya dengan soal membina rumah tangga. Di samping menyelesaikan masalah sosial yang boleh melunturkan nilai perkahwinan dan meruntuhkan institusi keluarga, antaranya penangguhan perkahwinan, pinjaman tanpa lesen untuk menanggung kos kahwin, kerenggangan hubungan sesama orang bandar dan sebagainya.

1.7 Batasan Kajian

Secara umumnya, kajian ini mempunyai tiga batasan utama, iaitu batasan dari segi skop kajian, batasan dari segi bahan bacaan ilmiah yang berkaitan, dan batasan dari segi kemampuan pengkaji.

Penjalinan hubungan perkahwinan dalam kalangan orang Melayu bandar merangkumi banyak prosedur yang rumit, antaranya memilih pasangan, melamar, bertunang, akad nikah, istiadat berinai dan bersanding (Amran Kasimin, 2002; Yaacob Harun, 2014a). Namun begitu, daripada prosedur-prosedur tersebut, hanya dua prosedur

University of Malaya

sahaja yang akan diberikan tumpuan, iaitu pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan berdasarkan dua sebab utama. Sebab yang pertama ialah, dua prosedur tersebut memainkan peranan penting dalam menjalin perhubungan perkahwinan yang bahagia dan membina rumah tangga yang aman. Sebab yang kedua ialah, dua prosedur tersebut telah mengalami perubahan yang drastik akibat proses pembandaran dan perindustrian. Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada perubahan pola-pola perkahwinan orang Melayu di bandar Kuala Lumpur, dan tidak pula membabitkan masyarakat Melayu di tempat lain. Hal ini demikian kerana, Kuala Lumpur sebagai ibu kota Malaysia merupakan bandar yang paling tinggi tahap pembandarannya di negara ini.

Selain itu, kajian akademik yang khusus dan mendalam tentang hubung kait antara pembandaran terutama sekali faktor-faktor sosioekonomi dengan perubahan pola-pola perkahwinan orang Melayu di bandar agak terhad jumlahnya. Oleh itu, maklumat sekunder penting dalam kajian ini terpaksa dikumpulkan dari penemuan dan penulisan sarjana yang berlainan dan terpisah-pisah, seperti pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu masyarakat tradisi dalam kajian Djamour (1965), Swift (1965) dan Banks (1983), kriteria-kriteria memilih pasangan orang Melayu bandar dalam penulisan Azwein Zaidein (2001), Ang dan Lau (2013), cara baharu dalam pelaksanaan majlis perkahwinan orang Melayu bandar dalam kajian Siti Rufidah Ismail (1996) dan Fatimah Abdullah (2009a), serta kesan pembandaran dan pemodenan ke atas perkahwinan dan kekeluargaan orang Melayu bandar dalam kajian Strange (1976), Jones (1981), Yaacob Harun (1991/2014a) dan Fatimah Abdullah (1994/2009a).

University of Malaya

Selaku warganegara Republik Rakyat China, nilai norma dan pandangan dunia pengkaji mula dibentuk sejak dilahirkan. Oleh itu, sepanjang kajian ini dilaksanakan, "kejutan budaya" telah dialami oleh pengkaji. Contohnya, secara umum, orang Beijing mengadakan kenduri kahwin di hotel atau restoran, dan jumlah tetamu biasanya hanya 200-300 orang sahaja. Namun begitu, sudah menjadi perkara biasa dalam masyarakat Melayu bandar, iaitu mengadakan kenduri kahwin di rumah atau di dewan, maka jemputan kenduri kahwin boleh mencecah atau melebihi 1,000 orang. Sebelum kajian dimulakan, pengkaji telah menyedari bahawa adat istiadat, pandangan dunia dan nilai norma dari kebudayaan negara sendiri berkemungkinan memberikan kesan apabila mengupas amalan dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, buku-buku tentang nilai norma dan budaya orang Melayu telah ditelaah sebanyak mungkin bagi mengelakkan timbulnya masalah itu. Selain itu, pengkaji juga cuba merapati dan bergaul dengan masyarakat Melayu dengan lebih akrab supaya kajian dapat dijalankan dengan lebih objektif.

1.8 Pembahagian Bab

Demi perbincangan yang seterusnya dijalankan dengan lebih teratur dan sistematik, maka berikutnya diperkenalkan pembahagian bab dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, kajian ini merangkumi tujuh bab. Bab 1 seperti yang dihujahkan telah memperkenalkan dasar kajian ini secara umumnya. Dalam Bab 2, huraian mengenai kajian literatur, teori, kerangka konseptual dan hipotesis kajian akan diberikan supaya landasan kajian ini dapat diterangkan dengan lebih mendalam dan dapat difahami dengan lebih baik. Bab 3 akan membincangkan keadaan sosioekonomi

University of Malaya

dan pola-pola perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi supaya perubahan yang berlaku dalam pola-pola perkahwinan orang Melayu Kuala Lumpur dapat dikesan dengan lebih ketara. Dalam Bab 4, impak faktor-faktor sosioekonomi terhadap pemilihan pasangan orang Melayu Kuala Lumpur akan dibincangkan. Bab 5 dan Bab 6 pula, memfokuskan kepada pengaruh faktor-faktor sosioekonomi terhadap pengendalian majlis perkahwinan yang mengandungi dua proses utama, iaitu pemberian perkahwinan (dibincangkan dalam Bab 5) dan pelaksanaan majlis perkahwinan (dibincangkan dalam Bab 6). Dalam Bab 7, iaitu penutup untuk kajian ini, rumusan, cadangan dan harapan akan dinyatakan.

1.9 Rumusan

Dalam Bab 1, dasar kajian ini telah diperkenalkan secara umumnya dengan menghuraikan beberapa perkara penting iaitu, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan pembahagian bab. Bab 2 yang berikutnya akan menghuraikan kajian literatur, teori dan kerangka konseptual yang diaplikasikan dalam kajian ini, di samping mengemukakan hipotesis kajian yang bakal diuji kebenarannya.

University of Malaya

BAB 2: KAJIAN LITERATUR, PERBINCANGAN TEORI DAN KERANGKA KONSEPTUAL

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan kajian literatur terlebih dahulu agar latar belakang dan perkembangan penyelidikan tentang isu yang hendak dikupas dalam kajian ini dapat difahami dengan lebih menyeluruh. Kemudiannya, akan diperkenalkan teori dan kerangka konseptual yang diaplikasikan bagi memberikan landasan teori yang kukuh kepada kajian ini. Di samping itu, hipotesis kajian turut dikemukakan untuk diuji kebenarannya dalam perbincangan yang seterusnya.

2.2 Kajian Literatur

Untuk memahami latar belakang dan perkembangan penyelidikan tentang isu yang hendak dikupas dalam kajian ini, kajian-kajian lepas yang utama sama ada kajian luar negara atau tempatan akan diperkenalkan. Perbincangan menarik dalam kajian-kajian tersebut amat membantu kerana memberikan pengkaji inspirasi untuk melakukan kajian ini selain menyediakan data-data sekunder yang bernas. Di samping itu, dengan mengenal pasti kekurangan kajian-kajian lepas, pengkaji dapat lebih memahami kajian yang bagaimana perlu dihasilkan untuk mengisi kekurangan tersebut.

Dari segi kajian silang budaya dalam bidang kajian institusi perkahwinan, isu perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan di bandar akibat pembandaran amnya dan faktor-faktor sosioekonomi khususnya bukan lagi topik baharu, terutama sekali di negara-negara barat. Dalam pemilihan pasangan, dari segi umur

University of Malaya

ketika berkahwin, kajian-kajian di banyak negara mendapati trend yang serupa, iaitu umur ketika berkahwin meningkat dengan ketara dan fenomena perkahwinan kanak-kanak semakin lenyap sama ada di negara-negara barat (Goode, 1982; Wilkie, 1991; Gold, 2002; DeGenova, 2008; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013), di negara-negara Asia, seperti Jepun, Thailand, Indonesia, Iran dan Turki (Tokuhiro, 2010; Limanonda, 1982; Smith-Hefener, 2005; Rezai-Rashti & Moghadam, 2011; Gore & Carlson, 2010) atau di negara-negara Afrika, contohnya Burkina Faso (Calvés & Depledge, 2007). Berdasarkan kajian silang budaya juga, didapati bahawa proses pembandaran dan banyak faktor sosioekonomi di bandar menyumbang implikasi terhadap perubahan tersebut.

Menurut Goode (1982), apabila taraf pendidikan orang bandar semakin meningkat, maka nilai harga diri mereka turut meningkat. Hakikat ini ditambah lagi dengan peningkatan penglibatan orang bandar dalam pasaran kerja bukan pertanian, maka kuasa ibu bapa dalam perkahwinan mereka semakin menurun, umur ketika berkahwin mereka pula semakin meningkat. Kajian Smith dan Karim (1980) di empat negara Asia, yakni Korea, Filipina, Pakistan dan Malaysia turut menunjukkan bahawa proses pembandaran, dedahan bandar, kediaman di bandar dan peningkatan taraf pendidikan menjadi penyumbang utama kepada peningkatan umur perkahwinan pertama penduduk bandar amnya dan kaum perempuan khususnya. Model analisis yang dikemukakan oleh mereka untuk menyelidik hubung kait antara impak pembandaran tersebut dengan perubahan umur ketika berkahwin telah terbukti kesahihannya dalam kajian-kajian seterusnya yang dijalankan di Malaysia dan Thailand (Jones, 1981; Limanonda, 1982). Di samping itu, Saxton (1996) pula mengaitkan peningkatan umur ketika berkahwin dengan perbezaan

University of Malaya

kelas sosial penduduk bandar. Menurutnya, dibandingkan dengan golongan kelas bawahan, didapati bahawa golongan kelas atasan dan kelas menengah berumah tangga pada usia yang lebih lewat kerana kedua-dua golongan ini memerlukan masa untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik dan kerjaya sebelum berkahwin.

Dari aspek kuasa dalam memilih pasangan, menurut kajian silang budaya, fenomena perkahwinan atas dasar cinta telah menjadi amalan utama di bandar-bandar utama merata-rata dunia. Di negara-negara barat, muda-mudi mempunyai kebebasan yang cukup besar untuk bercinta dan berkahwin dengan pilihan mereka sendiri. Pada masa yang sama, ibu bapa semakin kehilangan kuasa dalam mengaturkan perkahwinan anak-anak mereka (Goode, 1982; Gold, 2002; Bidwell & Mey, 2000; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013). Perubahan yang sama juga didapati berlaku dalam masyarakat timur, contohnya di China, Indonesia, Jepun, Vietnam dan banyak lagi (Li & Xu, 2004; Retherford dan rakan-rakan, 2001; Smith-Hefner, 2005; Tokuhiro, 2010; Thuc-Doan & Belk, 2012).

Ramai sarjana cuba menghubung kaitkan perubahan tersebut dengan keadaan sosioekonomi penduduk bandar akibat pembandaran. Contohnya, kajian Clark dan rakan-rakan (2010) menegaskan bahawa dalam kalangan muda-mudi bandar di Kenya, peningkatan pendidikan dan berdikari dari segi ekonomi menyebabkan mereka tidak lagi bergantung kepada ibu bapa. Oleh itu, golongan muda-mudi mempunyai kuasa yang lebih besar dalam mencari pasangan. Jain (1986) turut membuktikan bahawa dalam kalangan muda-mudi muslim di Jaipur, India, peningkatan dalam pendidikan dan pendapatan mereka telah membuka peluang yang besar untuk mereka bersuara dan meluahkan pendapat dalam soal perkahwinan.

University of Malaya

Selain itu, terdapat juga kajian mengaitkan jurang perbezaan kedudukan sosioekonomi keluarga bandar dengan kuasa muda-mudi dalam memilih pasangan. Sarjana seperti Saxton (1996) dan Cherlin (1999) berpandangan bahawa dalam keluarga yang lebih berada, kuasa muda-mudi dalam mencari jodoh terbatas kerana keluarga perlu menjaga harta pusaka dengan mengaturkan perkahwinan anak-anak dengan keluarga besan yang setaraf. Keluarga yang kurang berada pula kurang mengenakan kawalan terhadap anak-anak dalam mencari pasangan kerana tidak perlu bimbang tentang harta yang banyak untuk diwariskan kepada anak-anak. Walau bagaimanapun, sarjana seperti Jain (1986) mempunyai pandangan yang berbeza, iaitu keluarga yang lebih berada akan memberikan kebebasan yang lebih besar kepada anak-anak dalam memilih pasangan kerana keluarga seperti itu lebih terdedah kepada nilai-nilai moden. Dalam keluarga yang kurang berada pula, ibu bapa lebih cenderung campur tangan dalam pemilihan pasangan anak-anak kerana lebih mematuhi nilai-nilai dan amalan tradisi.

Mengenai cara mengenali pasangan, sama ada kajian-kajian di negara barat atau timur menunjukkan bahawa pada zaman moden ini, muda-mudi bandar mempunyai pelbagai cara dan saluran untuk mengenali pasangan idaman, seperti berkenalan di tempat belajar, tempat kerja, tempat awam, melalui agensi memperkenalkan jodoh, laman sesawang, iklan dalam surat khabar atau majalah, melalui kenalan kawan-kawan atau ahli keluarga (Bidwell & Mey, 2000; Gold, 2002; Li & Xu, 2004; Benokraitis, 2015; Macionis & Vincent, 2016). Sungguhpun begitu, jumlah kajian yang membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi cara mengenali pasangan dari segi sosioekonomi agak terhad. Li dan Xu (2004) menunjukkan bahawa peningkatan

University of Malaya

pendidikan muda-mudi mendorong mereka lebih gemar mencari pasangan sendiri, contohnya di tempat belajar, dalam pertemuan semula dengan rakan sekelas atau melalui laman sesawang. Sarjana-sarjana seperti Bidwell dan Mey (2000) serta Guo dan Huang (2015) pula menyatakan bahawa peningkatan pendapatan muda-mudi bandar menggalakkan mereka untuk menggunakan perkhidmatan memperkenalkan jodoh untuk mencari pasangan.

Mengenai kriteria-kriteria memilih pasangan pula, menurut kajian silang budaya yang dijalankan di banyak negara, sudah menjadi lumrah bahawa dalam perkahwinan atas dasar cinta, keadaan ekonomi keluarga pasangan yang satu ketika dahulu amat dipentingkan dalam perkahwinan aturan ibu bapa tidak lagi menjadi keutamaan, sebaliknya keadaan pasangan itu sendiri yang lebih dititikberatkan, seperti keperibadian, rupa paras, agama, pendidikan, pendapatan, pekerjaan dan sebagainya (Bidwell & Mey, 2000; Li & Xu, 2004; Clark dan rakan-rakan, 2010; Jia & Feng, 2013). Dalam hal ini, peningkatan tahap pembandaran dan beberapa faktor sosioekonomi dipercayai menyebabkan perubahan tersebut, iaitu peningkatan taraf pendidikan, pendapatan dan keadaan sosioekonomi keluarga.

South (1991) dalam kajiannya menerangkan bahawa lelaki yang tinggal di kawasan yang lebih pesat tahap pembandarannya lebih kritis dalam mencari pasangan. Mereka tidak ingin berkahwin dengan perempuan yang lebih muda, perempuan yang mempunyai pendapatan jauh lebih rendah daripada diri mereka dan perempuan yang mempunyai taraf pendidikan yang jauh lebih tinggi atau jauh lebih rendah daripada diri mereka. Bagi perempuan yang berada di kawasan lebih pesat tahap pembandarannya pula, mereka tidak mahu berkahwin dengan pasangan yang lebih rendah taraf

University of Malaya

pendidikan dan tahap pendapatannya atau pasangan yang mempunyai anak daripada perkahwinan yang sebelumnya. Menurut DeGenova (2008), peningkatan taraf pendidikan dan pendapatan menyebabkan lelaki dan perempuan lebih cenderung untuk mencari pasangan yang sekufu dari segi sosioekonomi dan enggan berkahwin dengan pasangan yang lebih rendah status sosioekonominya atau mempunyai pengalaman perkahwinan. Mengenai keadaan sosioekonomi keluarga pula, Arum dan rakan-rakan (2008) mengatakan bahawa perempuan yang keluarganya berada dan lelaki yang bapanya mempunyai status pekerjaan tinggi didapati lebih cenderung berkahwin dengan pasangan yang berpendidikan tinggi.

Selain itu, tidak kurang juga sarjana yang membincangkan perubahan pengendalian majlis perkahwinan di bandar dan mengaitkannya dengan pengaruh pembandaran, terutama sekali perubahan faktor-faktor sosioekonomi. Mengenai pemberian wang hantaran/*dowry*, Goode (1982) telah mengemukakan satu ramalan terkenal yang mencetuskan rangsangan untuk kajian-kajian selepasnya, iaitu diakibatkan oleh proses pembandaran dan perindustrian, amalan memberikan wang hantaran/*dowry* akan hilang dan digantikan dengan pertukaran hadiah antara pasangan pengantin. Menurutnya, dalam perkahwinan aturan ibu bapa yang bertujuan untuk mengukuhkan kepentingan keluarga, pemberian wang hantaran/*dowry* sangat penting kerana jumlahnya melambangkan kedudukan sosioekonomi keluarga yang terbabit. Walau bagaimanapun, seiring dengan situasi muda-mudi terlibat dalam pasaran kerja dan berdikari dari segi kewangan, kuasa mereka dalam soal memilih jodoh semakin meninggi. Memandangkan kuasa ibu bapa dalam hal ini semakin menurun, maka mereka pun tidak berminat lagi

University of Malaya

untuk melaburkan wang yang berjumlah besar untuk persiapan wang hantaran/*dowry*. Akibatnya, amalan tersebut akan hilang secara beransur-ansur dalam masyarakat bandar.

Ramalan ini dibuktikan benar dalam beberapa negara, antaranya Britain (Goody, 1983), Indonesia (Boomgaard, 2003), Vietnam (Thuc-Doan & Belk, 2012), Thailand (Limanonda, 1982), Palestin (Moors, 1994) dan Amerika Latin (Lavrin & Couturier, 1979). Sungguhpun begitu, terdapat juga banyak kajian di negara-negara yang berbeza budaya, nilai norma dan agama telah membantah ramalan Goode ini. Contohnya, kajian di China (Ma dan rakan-rakan, 2013), Korea (Kendall, 1985) dan Kenya (Curtin, 1984) menunjukkan bahawa amalan pemberian wang hantaran/*dowry* bukan sahaja tidak lenyap, sebaliknya nilai harganya semakin melonjak tinggi seiring dengan perkembangan zaman. Dalam hal ini, perubahan faktor-faktor sosioekonomi muda-mudi di bandar, seperti peningkatan taraf pendidikan dan tahap pendapatan dipercayai menjadi punca-punca utama kepada peningkatan wang hantaran/*dowry* (Jain, 1986; Cooper, 1995; Rezai-Rashti & Moghadam, 2011).

Dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, dari segi pemilihan tarikh, kajian He (2012) di China dan kajian Ho (2013) di Vietnam menunjukkan bahawa menentukan tarikh mengikut tarikh keramat atau cadangan penilik nasib kurang diamalkan lagi di bandar. Dewasa ini, tarikh itu lazimnya dipilih oleh tuan rumah sendiri dan lebih tertumpu kepada hari cuti. Menurut He (2012), peningkatan taraf pendidikan orang bandar membantu dalam menghapuskan amalan memilih tarikh mengikut tarikh keramat. Di samping itu, ciri-ciri pekerjaan di bandar yang memerlukan pekerja mematuhi waktu kerja juga menjadikan hari cuti menjadi rebutan hebat bagi golongan

University of Malaya

penduduk bandar yang ingin mengadakan majlis perkahwinan. Dari aspek pemilihan lokasi, satu fenomena universal yang berlaku dalam banyak negara ialah, lokasinya tidak lagi terbatas dalam lingkungan rumah, tetapi beralih ke tempat-tempat di luar rumah, seperti hotel dan restoran (Edwards, 1984; Pauli, 2011; Ho, 2012; Thuc-Doan & Belk, 2012). Sarjana-sarjana seperti Edwards (1984), Thuc-Doan dan Belk (2012) mengaitkan perubahan tersebut dengan perkembangan ekonomi dan perubahan saiz rumah di bandar yang menjadi semakin kecil.

Dari aspek cara melaksanakan majlis perkahwinan di bandar, para sarjana menemui perubahan yang serupa, iaitu di negara-negara industri, seperti A.S., China, Korea, Jepun dan Vietnam, berlakunya peralihan tugas mengadakan majlis perkahwinan dari tangan ahli keluarga kepada agensi perkahwinan komersial (Blakely, 2008; Mead, 2008; He, 2012; Park, 1997; Edwards, 1984; Thuc-Doan & Belk, 2012; Ho, 2013). Berdasarkan kajian-kajian silang budaya yang telah dijalankan, kesibukan kerja pengantin dan ahli keluarga, peningkatan taraf pendidikan dan pendapatan merupakan punca-punca utama yang meninggikan tahap keperluan dan pergantungan tuan rumah terhadap penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional di bandar (Mead, 2008; Blakely, 2008; Thuc-Doan dan Belk, 2012; He, 2012).

Menurut kajian Blakely (2008) di A.S., selama ini, persiapan majlis perkahwinan dianggap sebagai lingkungan tugas lazim kaum perempuan. Namun begitu, penglibatan pengantin perempuan dalam pasaran kerja telah menyebabkan mereka mengorbankan masa dan tenaga yang lebih banyak dalam kerjaya dan pendidikan. Akibatnya, masa yang dihabiskan dalam urusan rumah tangga menjadi semakin terhad. Apabila situasi ini bertembung dengan penyebaran budaya pengguna, maka industri perkahwinan pun

University of Malaya

wujud di bandar dan berkembang pesat. Kajian Thuc-Doan dan Belk (2012) di bandar Ho Chi Minh pula menunjukkan bahawa perkembangan ekonomi dan peningkatan pendapatan, hasil daripada *Đổi Mới*, atau pengubahsuaian sistem ekonomi telah merangsang aktiviti perbelanjaan, lantas menghasilkan industri perkahwinan yang membawa perubahan mendadak terhadap pelaksanaan majlis perkahwinan di bandar.

Akhir sekali, ditinjau sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Kajian-kajian di banyak negara menunjukkan bahawa dalam menanggung kos majlis perkahwinan, pengantin sendiri mula memainkan peranan besar. Namun begitu, tahap pergantungan mereka terhadap bantuan kewangan ibu bapa masih tinggi (Curtin, 1984; Pauli, 2011; Thuc-Doan & Belk, 2012, Ma dan rakan-rakan, 2013). Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian memberikan tumpuan kepada pengaruh faktor-faktor sosioekonomi orang bandar terhadap perubahan tersebut. Mengikut kajian yang sedia ada, keadaan ekonomi pengantin dan kedudukan sosioekonomi keluarga pengantin dipercayai menjadi dua penyumbang utama. Menurut Thuc-Doan dan Belk (2012), pengantin yang berdikari dari segi ekonomi, terutama sekali mereka yang berpendapatan lumayan lebih cenderung menanggung kos majlis perkahwinan kerana ingin memperoleh kuasa yang lebih besar dalam mengambil keputusan. Di samping itu, menurut kajian Smock (2005) dan He (2012), disebabkan kos kenduri kahwin di bandar melonjak tinggi, maka ibu bapa khususnya mereka yang kukuh asas kewangannya masih memainkan peranan penting dalam membantu anak-anak menjayakan majlis perkahwinan.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian luar negara yang membincangkan perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan di bandar adalah agak besar

University of Malaya

jumlahnya. Terdapat juga kajian yang cuba menganalisis punca-punca perubahan tersebut dari segi pengaruh pembandaran, khususnya perubahan faktor-faktor sosioekonomi orang bandar, namun kajian seperti itu lazimnya tertumpu kepada topik umur ketika berkahwin, kuasa dalam memilih pasangan, pemberian perkahwinan dan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, dan jarang pula menyentuh topik-topik seperti kriteria memilih pasangan, cara mengenali pasangan, pemilihan tarikh dan lokasi majlis perkahwinan serta sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut telah memberi pengkaji latar belakang kajian secara umumnya dan memberi pengkaji inspirasi agar meneruskan kajian dalam bidang ini dengan memberikan tumpuan khusus kepada masyarakat Melayu bandar di Malaysia yang sedang mengalami perubahan akibat pembandaran.

Kajian-kajian mengenai perubahan institusi perkahwinan dalam masyarakat Melayu bandar di Malaysia didokumentasikan agak lewat, iaitu mulai pertengahan 70-an abad ke-20. Hal ini demikian kerana pada awal 70-an abad ke-20, masyarakat Melayu baru mula mengalami pemodenan yang direalisasikan melalui proses pembandaran (Azlina Abdullah, 2014). Walaupun ditemui sebahagian kajian yang menyentuh perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu bandar serta punca-puncanya, namun kajian yang khusus dan mendalam masih terhad bilangannya. Berikutnya, berdasarkan kajian-kajian lepas, dihuraikan beberapa perubahan utama yang telah berlaku dalam dua prosedur tersebut serta punca-puncanya.

University of Malaya

Dari segi pemilihan pasangan, sama ada sarjana dalam atau luar negara menunjukkan trend yang sama, iaitu umur perkahwinan pertama orang Melayu bandar telah meningkat dengan ketara, terutama sekali kaum perempuan (Strange, 1976; Jones, 1981; Fatimah Abdullah, 1994; Ang & Lau, 2013; Yaacob Harun, 2014a). Ramai sarjana cuba menyelidik punca-punca fenomena ini dari segi perubahan faktor-faktor sosioekonomi di bandar. Hasil dapatan kajian Jones (1981) tentang perubahan pola-pola perkahwinan orang Melayu di Semenanjung sejak 1950 hingga 1980 menyokong model yang dikemukakan oleh Smith dan Karim (1980) yang meneliti hubung kait antara impak pembandaran amnya dan keadaan sosioekonomi khususnya dengan umur ketika berkahwin. Kajiannya membuktikan bahawa peningkatan umur ketika berkahwin perempuan Melayu bandar disebabkan oleh peningkatan tahap pembandaran, perluasan peluang pendidikan dan pertambahan penglibatan dalam pasaran kerja sektor moden.

Sarjana-sarjana tempatan seperti Fatimah Abdullah (1994), Ang dan Lau (2013) serta Yaacob Harun (2014a) juga mengakui perubahan faktor-faktor sosioekonomi menyumbang kepada fenomena lambat berkahwin dalam kalangan orang Melayu bandar. Kajian Fatimah Abdullah (1994) yang meneliti kesan pembandaran dan perindustrian terhadap keluarga Melayu kelas menengah di bandar menunjukkan bahawa kebanyakan wanita yang berkahwin pada usia yang lewat ialah mereka yang mempunyai kelulusan tinggi, misalnya ijazah PhD, memegang jawatan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan, pendapatan kasar sebulan melebihi RM2,000 di samping memiliki rumah dan kenderaan sendiri (p. 122-125). Yaacob Harun (2014a) pula menunjukkan bahawa muda-mudi Melayu hari ini tidak akan memasuki pintu gerbang perkahwinan sebelum menamatkan pelajaran di peringkat tinggi atau mendapat

University of Malaya

pekerjaan dengan pendapatan yang mencukupi untuk membina rumah tangga. Hal-hal seperti itu mungkin mengambil masa selama 20 tahun untuk direalisasikan dan keadaan ini tentu sekali menyumbang kepada penangguhan soal perkahwinan. Menurut kata-kata Yaacob Harun sendiri, "*...to some, marriage comes later than career* (p. 94)."

Dari aspek kuasa dalam pemilihan pasangan, trend berkahwin atas dasar cinta yang berleluasa di bandar-bandar moden di banyak negara industri juga ditemui dalam masyarakat Melayu bandar. Penglibatan dalam sektor kerja bukan pertanian, peningkatan taraf pendidikan dan tahap pendapatan dipercayai menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kuasa muda-mudi dan kemerosotan pengaruh ibu bapa dalam soal memilih pasangan (Strange, 1976; Jones, 1981; Yaacob Harun, 1991/2014a; Fatimah Abdullah, 2015). Strange (1976) menyatakan, keadaan ekonomi seseorang, terutama sekali kaum perempuan dapat menentukan kuasanya dalam mencari jodoh. Hal ini demikian kerana muda-mudi Melayu yang bekerja di bandar dan berdikari dari segi ekonomi menyebabkan ibu bapa sukar untuk campur tangan dalam pemilihan pasangan mereka atau menentang keputusan mereka. Selain itu, menurut sarjana ini, peningkatan pendidikan juga mendorong perkahwinan atas pilihan mereka sendiri kerana tempoh masa belajar yang lebih panjang memudahkan muda-mudi bertemu pasangan mereka di tempat belajar.

Banyak kajian mengenai kriteria memilih pasangan orang Melayu bandar tertumpu kepada perbincangan tentang empat kriteria mengikut ajaran Islam, iaitu agama, kecantikan, harta dan keturunan, manakala kajian yang menyentuh kriteria-kriteria lain agak terhad jumlahnya. Berdasarkan sebilangan kecil kajian yang membincangkan kriteria-kriteria yang lain dalam pemilihan pasangan orang Melayu bandar, boleh

University of Malaya

dirumuskan bahawa kriteria-kriteria pada pasangan itu sendiri semakin diutamakan, seperti agama, kemampuan ekonomi, pendidikan dan keperibadian. Kriteria-kriteria ketimuran dalam diri calon pasangan juga amat dipentingkan, seperti sopan santun, menghormati orang tua dan menyukai kanak-kanak (Azwein Zaidein, 2011; Ang & Lau, 2013; Yaacob Harun, 2014a). Sayangnya, jarang ditemui kajian yang mengupas pengaruh terhadap kriteria memilih pasangan orang Melayu bandar, apatah lagi dari segi keadaan sosioekonomi individu. Menurut kajian yang sedia ada, situasi berdikari dari segi ekonomi menyebabkan orang Melayu bandar, terutama sekali perempuan mengenakan syarat yang lebih ketat terhadap pasangan (Ang & Lau, 2013).

Kajian mengenai cara mengenali pasangan orang Melayu bandar juga sukar ditemui. Jika ada kajian pun hanya menyentuh topik ini secara sepintas lalu sahaja dan tidak pula membincangkannya dengan mendalam. Kajian Yaacob Harun (2014a) menunjukkan bahawa muda-mudi Melayu bandar mempunyai pelbagai cara untuk menemui pasangan. Dalam hal ini, laman sesawang sosial merupakan media yang baharu untuk membantu orang muda mengenali pasangan. Selain itu, Haslida Hashim (1997) pernah melakukan satu kajian yang menarik mengenai cara mengenali pasangan melalui agensi memperkenalkan jodoh. Namun begitu, hasil kajiannya mendapati bahawa cara ini kurang disambut baik dalam kalangan orang Melayu bandar. Sayang sekali, kajian yang membincangkan impak faktor-faktor sosioekonomi terhadap cara mengenali pasangan orang Melayu bandar hampir tidak didapati.

Secara keseluruhannya, dibandingkan dengan negara-negara industri yang lain, terutama sekali negara-negara barat, kajian tentang pemilihan pasangan orang Melayu bandar di Malaysia masih jarang dilakukan sehingga bidang kajian ini dilabelkan

University of Malaya

sebagai "*isolated studies* (Haslee Sharil Abdullah dan rakan-rakan, 2011, p. 36)", terutama sekali kajian-kajian yang memfokuskan kepada impak perubahan faktor-faktor sosioekonomi akibat pembandaran terhadap pemilihan pasangan orang Melayu bandar. Kajian yang sedia ada kebanyakannya hanya membincangkan isu-isu yang berkenaan secara umum sahaja dan tidak pula menggunakan data-data primer yang lebih meyakinkan, seperti data-data daripada kajian soal selidik dan temu bual. Kekurangan ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam bidang kajian mengenai cara memilih pasangan dan kriteria memilih pasangan.

Mengenai perubahan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar dan punca-puncanya pula, walaupun terdapat juga kajian yang menyentuh isu ini, namun jumlahnya adalah agak kecil kecuali kajian mengenai pemberian perkahwinan. Pada hakikatnya, pemberian perkahwinan orang Melayu bandar ialah sebuah topik yang amat digemari oleh sarjana tempatan. Sudah terbukti bahawa sama ada mas kahwin, wang hantaran atau barang hantaran, nilainya telah meningkat dengan ketara (Azizah Kassim, 1985; Anjan Ahzana, 2003; Zurita Mohd Yusoff, 2008; Raihanah Azahari dan rakan-rakan, 2009). Hakikat ini bukan sahaja membantah ramalan Goode (1982) terhadap pemberian perkahwinan di negara-negara membangun, tetapi menentang ramalan Strange (1976) dalam kajian kerja lapangannya di Terengganu. Menurut Strange, amalan pemberian wang hantaran akan lenyap dalam kalangan orang Melayu yang berpelajaran tinggi. Namun begitu, menurut hasil dapatan kajian sarjana-sarjana tempatan, peningkatan pendidikan bukan sahaja tidak mengurangkan jumlah wang hantaran, tetapi terus meningkatkan jumlahnya ke tahap yang lebih tinggi (Azizah Kassim, 1985; Nurasma Nawawi, 2000; Raihanah Azahari dan rakan-rakan, 2009).

University of Malaya

Selain itu, peningkatan pendapatan juga menyumbang kepada pertambahan nilai pemberian perkahwinan (Noorlaili Khairuddin, 1991; Nurasma Nawawi, 2000; Nur Farhana Dzulhaimi, 2015), begitu juga dengan peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga (Azizah Kassim, 1985; Nurasma Nawawi, 2000; Nur Farhana Dzulhaimi, 2015).

Dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, dari segi pemilihan tarikh majlis perkahwinan, sarjana-sarjana tempatan seperti Amran Kasimin (2002) dan Fatimah Abdullah (2009a) menunjukkan bahawa tarikh majlis perkahwinan orang Melayu bandar tidak lagi tertumpu kepada masa selepas menuai, dan bulan keramat mengikut kalendar Islam yang merujuk kepada bulan Rabiulawal, Rejab, Syawal atau Zulhijah. Kini, tarikh majlis perkahwinan lebih tertumpu kepada hari cuti. Pengantin juga lebih gemar mengaitkan tarikh perkahwinan dengan tarikh lahir mereka atau ibu bapa mereka, atau ulang tahun perkahwinan ibu bapa. Walau bagaimanapun, belum ditemui kajian khusus yang mengupas perubahan tersebut dari aspek faktor-faktor sosioekonomi di bandar. Mengenai pemilihan lokasi majlis perkahwinan pula, apa yang berlaku di bandar-bandar moden di negara-negara industri juga didapati dalam masyarakat Melayu bandar, iaitu terdapat banyak lokasinya telah beralih dari dalam rumah ke tempat-tempat komersial di luar rumah, misalnya dewan atau hotel. Sarjana-sarjana tempatan cuba menghubung kaitkan perubahan tersebut dengan perubahan faktor-faktor sosioekonomi orang Melayu bandar, iaitu kesempitan ruang rumah dan peningkatan pendapatan keluarga (Amran Kasimin, 2002; Fatimah Abdullah, 2009a; Nurul Halida Alias, 2011; Yaacob Harun, 2014a).

University of Malaya

Dari segi cara melaksanakan majlis perkahwinan, perubahan yang didapati dalam masyarakat Melayu bandar selaras dengan perubahan di bandar-bandar moden negara-negara industri, iaitu tuan rumah tidak lagi bergantung kepada bantuan sanak saudara, tetapi menyerahkan hampir semua kerja persiapan kepada agensi perkhidmatan perkahwinan profesional, seperti perancang perkahwinan, kedai penyajian, kedai mereka dan mencetak kad jemputan, butik pengantin dan sebagainya (Fatimah Abdullah, 2009a; Mohd Khairuddin Mohd Sallehuddin & Mohamad Fauzi Sukimi, 2016). Para sarjana tempatan mengaitkan perubahan tersebut dengan dua faktor sosioekonomi di bandar. Yang pertama ialah, tempat kediaman antara sanak-saudara di bandar menjadi semakin jauh. Kesan langsung ialah, hubungan persanakan menjadi semakin renggang. Oleh itu, bantuan daripada ahli keluarga untuk menjayakan majlis perkahwinan sukar diperoleh, tuan rumah terpaksa bergantung kepada agensi perkahwinan komersial yang lebih terjamin perkhidmatannya (Amran Kassimin, 2002; Fatimah Abdullah, 2015).

Faktor yang kedua ialah, jarak sosial orang Melayu bandar menjadi semakin ketara, maka keluarga perlu menunjukkan status dan kekayaan masing-masing melalui penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional yang tinggi kosnya. Menurut Azizah Kassim (1985) dan Fatimah Abdullah (2009a), majlis perkahwinan orang Melayu bandar telah menjadi lambang status dan kekuatan kewangan keluarga yang terlibat. Semakin berada sesebuah keluarga, maka semakin besarlah upacara perkahwinan yang diadakan. Bunga telur, pelamin dan pakaian pengantin menunjukkan cita rasa tuan rumah, suka bersaing dengan keluarga yang lain. Jelasnya, keperluan ini secara langsung meningkatkan tahap pergantungan dan keperluan tuan rumah terhadap

University of Malaya

perkhidmatan perkahwinan profesional di samping menaikkan kos majlis perkahwinan (Mohd Khairuddin Mohd Sallehuddin & Mohamad Fauzi Sukimi, 2016).

Walau bagaimanapun, kajian yang membincangkan sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan orang Melayu bandar amat sukar didapati. Berdasarkan kajian yang sedia ada, iaitu kajian Yaacob Harun (2014a) yang menyentuh perkara ini secara sepintas lalu sahaja, beliau mendapati bahawa muda-mudi Melayu kini lazimnya menguruskan majlis perkahwinan dengan diri sendiri dan menanggung hampir keseluruhan kos belanja, termasuk wang hantaran, perbelanjaan kenduri kahwin dan sebagainya. Walaupun begitu, ibu bapa Melayu masih memainkan peranan penting dalam menaja kos majlis perkahwinan anak-anak. Bantuan kewangan tersebut pula didapati dipengaruhi oleh faktor kedudukan sosioekonomi keluarga. Menurut Yaacob Harun (2014a), ibu bapa Melayu bandar yang berada lebih cenderung menaja anak-anak mereka untuk mengadakan majlis perkahwinan di tempat-tempat yang lebih mewah yang sesuai dengan kedudukan keluarga, contohnya hotel berbintang.

Secara umumnya, agak terhad jumlahnya kajian yang menyelidik perubahan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu di bandar, terutama sekali kajian mengenai topik pemilihan tarikh majlis perkahwinan dan sistem sokongan kewangan dalam melaksanakan majlis perkahwinan. Malahan pula, jarang terdapat kajian yang meneliti perubahan-perubahan yang telah berlaku secara sistematik dari aspek faktor-faktor sosioekonomi orang Melayu bandar. Kekurangan ini dapat dilihat dengan lebih nyata dalam kajian-kajian mengenai pemilihan tarikh dan lokasi majlis perkahwinan serta sistem sokongan tenaga dan kewangan dalam melaksanakan majlis perkahwinan.

University of Malaya

Setakat ini, telah dihuraikan kajian-kajian penting mengenai pengaruh faktor-faktor sosioekonomi orang Melayu bandar terhadap pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan. Dalam bidang kajian mengenai perubahan masyarakat Melayu, pengaruh unsur-unsur sosiobudaya seperti agama, adat dan nilai norma perlu diberikan perhatian. Ketiga-tiga unsur sosiobudaya tersebut adalah saling berkaitan dan saling melengkapi. Nilai merupakan gabungan semua elemen yang dianggap unggul dalam sesuatu masyarakat. Adat ialah pola tingkah laku yang dianggap biasa dan lazim dilakukan sehingga boleh dianggap sebagai nilai yang memberikan identiti kepada sesuatu masyarakat (Norazit Selat, 1997; Amran Kasimin, 2002; Fatimah Abdullah, 2015). Agama Islam sebagai asas mempengaruhi pandangan dunia, nilai-nilai, adat istiadat dan berbagai-bagai institusi sosial dalam masyarakat Melayu (Wan Abdul Kadir, 1992). Tidak kurang kajian yang membincangkan pengaruh ketiga-tiga unsur tersebut dalam institusi masyarakat Melayu, termasuk pola-pola perkahwinan.

Dalam pemilihan pasangan, agama Islam memberikan panduan supaya penganutnya bijak memilih jodoh. Rasulullah s.a.w bersabda, seorang wanita dikahwini kerana empat perkara, iaitu hartanya, kecantikannya, akhlaknya dan agamanya. Dalam hal ini, agama dan akhlak merupakan ciri yang paling utama, kemudian baru ciri-ciri yang lain (Sulaiman Endut, 1999; Paizah Ismail, 2003). Selain itu, agam Islam juga menegaskan kesesuaian antara pasangan, iaitu seseorang harus memilih pasangan yang sepadan dengannya, bukan sahaja dari segi beragama tetapi juga keturunan, rupa paras, harta benda dan sebagainya. Dalam agama Islam, asas-asas seperti ini terkandung dalam konsep “kufu” (Paizah Ismail, 2003). Selain agama, nilai norma orang Melayu juga

University of Malaya

memainkan peranan dalam pencarian jodoh. Nilai-nilai yang menekankan kewibawaan ibu bapa dan kepatuhan anak-anak memberikan kuasa kepada ibu bapa dalam pemilihan pasangan anak-anak (Wan Abdul Kadir, 1992).

Dalam pengendalian majlis perkahwinan pula, selain memenuhi syarat-syarat sah dan segala rukun nikah di sisi agama Islam, adat istiadat juga perlu diikuti supaya sesebuah perkahwinan menjadi sempurna. Menurut Amran Kasimin (2002), walaupun adat istiadat seperti bersanding dikatakan bukan berasal daripada ajaran Islam, namun masyarakat Melayu telah menjadikannya upacara yang seolah-olah wajib dilalui oleh mereka yang hendak berkahwin. Yaacob Harun (2014a) juga menegaskan kepentingan adat istiadat dalam pengendalian majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu dengan mengatakan bahawa "*Malay marriage would not be considered proper and complete unless it was performed and celebrated with full* Adat *procedures...All of these make the marriage a proper one, not just* kahwin bubur kacang *or* kahwin koboi *which is a simple and sketchy marriage devoid of any* Adat *procedure*s (p. 42, p52).".

Selain agama dan adat, nilai-nilai orang Melayu turut dikesan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Menurut Norazit Selat (1997), aktiviti gotong-royong dalam mengadakan majlis perkahwinan menggambarkan nilai perpaduan, nilai muafakat, nilai kerjasama dan nilai mengutamakan kepentingan bersama. Wan Abdul Kadir (1992) menyatakan bahawa nilai norma yang menekankan ikatan sosial yang erat meletakkan tanggungjawab kepada individu agar sentiasa menolong anggota-anggota kelompok yang memerlukan bantuan, misalnya memberikan sumbangan moral dan kebendaan kepada tuan rumah yang mengadakan kenduri kahwin. Kenyataan ini juga disokong oleh penjelasan Fatimah Abdullah (2015), iaitu masyarakat Melayu

University of Malaya

berpegang kuat pada nilai-nilai yang mengutamakan persaudaraan, perkongsian, kerjasama, keharmonian dan keprihatinan. Saudara-mara memainkan peranan penting dalam membantu tuan rumah membuat persiapan untuk hari pernikahan, khatam al-Quran, majlis persandingan atau majlis menyambut menantu.

Didapati sekumpulan sarjana pernah menyentuh topik perubahan unsur-unsur sosiobudaya dalam pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar akibat pemodenan dan pembandaran. Dari segi pemilihan pasangan, menurut Amran Kasimin (2002), pada zaman dahulu khatam al-Quran menjadi satu ukuran utama dalam tujuan mencari seseorang isteri. Keadaan ini berlainan sama sekali dengan yang berlaku sekarang (p.9). Yaacob Harun (2014a) pula mendapati perubahan adat dalam pencarian pasangan, iaitu adat merisik telah ditinggalkan kerana kebanyakan muda-mudi Melayu zaman ini berkahwin atas dasar cinta. Perubahan adat semacam ini selaras dengan perubahan masyarakat seperti apa yang dinyatakan oleh Yaacob Harun (2014a), "*Many of the traditional customs have been abandoned or modified to suit modern times* (p.95).".

Dari segi pengendalian majlis perkahwinan, kajian Strange (1976) menunjukkan bahawa peningkatan taraf pendidikan dan pendapatan serta penglibatan dalam sektor pekerjaan bukan pertanian telah menyumbang kepada perubahan adat dan nilai-nilai, antaranya termasuk kehilangan amalan pemberian wang hantaran, pembatalan majlis pertunangan dan bersanding selain kemerosotan saiz kenduri kahwin. Memasuki abad ke-21, sarjana-sarjana tempatan seperti Amran Kasimin (2002) dan Fatimah Abdullah (2015) juga menunjukkan perubahan adat dan nilai-nilai orang Melayu bandar dalam pengendalian majlis perkahwinan, iaitu gotong-royong antara sanak-saudara dan jiran

University of Malaya

tetangga jarang diwujudkan lagi dan digantikan oleh perkhidmatan agensi perkahwinan komersial. Ringkasnya, kajian-kajian di atas hanya membincangkan perubahan unsur-unsur sosiobudaya dalam dua pola perkahwinan orang Melayu bandar dengan umum sahaja. Lantaran itu, semasa kajian ini dijalankan, aspek yang melibatkan unsur-unsur sosiobudaya akan dihuraikan dengan lebih mendalam melalui penggunaan data-data primer yang lebih meyakinkan.

Setakat ini, kajian-kajian penting yang berkaitan dengan isu yang hendak dikupas dalam analisis ini, iaitu impak faktor-faktor sosioekonomi terhadap perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu bandar telah diperkenalkan dan dibincangkan secara sistematik. Perbincangan ini akan memberikan landasan yang kukuh kepada analisis yang seterusnya dan membantu dalam mencapai objektif kajian dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, antara kajian-kajian tersebut, masih tidak ditemui sebuah kajian yang boleh mengemukakan satu kerangka teori saintifik dan mengaplikasikannya untuk menganalisis impak faktor-faktor sosioekonomi di bandar terhadap pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan. Di samping itu, walaupun kajian-kajian tentang perubahan institusi perkahwinan banyak dilakukan, namun hanya tertumpu kepada perubahan institusi perkahwinan di negara-negara moden yang lain, terutama kajian yang dilakukan oleh sarjana asing. Manakala kajian perubahan perkahwinan masyarakat Melayu bandar kurang difokuskan. Hal ini menyebabkan terdapat kekosongan kajian dalam bidang kajian silang budaya tentang perubahan institusi perkahwinan masyarakat Melayu bandar.

University of Malaya

Oleh itu, amat diperlukan sebuah kajian komprehensif yang menggunakan teori dan kerangka konseptual saintifik dan sesuai untuk menyelidik pengaruh pembandaran amnya dan faktor-faktor sosioekonomi khususnya terhadap pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar. Kajian yang sedemikian bukan sahaja boleh mengisi kekosongan kajian silang budaya dalam bidang kajian perubahan pola-pola perkahwinan akibat pembandaran, malah boleh membantu masyarakat Melayu untuk mengenal pasti perubahan institusi perkahwinan mereka yang sedang cepat berlaku dengan lebih menyeluruh.

Dalam bahagian yang berikutnya, teori dan kerangka konseptual yang diaplikasikan dalam kajian ini akan dibincangkan agar memberikan landasan teori yang kukuh kepada analisis yang seterusnya.

2.3 Perbincangan Teori

Terlebih dahulu, dihuraikan Teori Pemodenan, iaitu teori perubahan masyarakat yang digunakan dalam kajian ini sebagai kerangka yang lebih luas bagi perbincangan mengenai perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar.

Sejak dahulu lagi, perubahan masyarakat merupakan fokus utama dalam bidang kajian sosiologi. Ilmuwan sosiologi mengemukakan banyak teori untuk menyelidik proses, arah perkembangan dan kebiasaan dalam perubahan masyarakat, termasuk Teori Evolusi (*Evolution Theory*), Teori Konflik (*Conflict Theory*), Fungsionalisme Struktur (*Structural Functionalism*) dan Teori Pemodenan (*Modernization Theory*). Dalam hal ini, perubahan institusi perkahwinan dan keluarga sebagai sebahagian penting daripada

University of Malaya

perubahan masyarakat turut dianalisis dengan penggunaan pelbagai teori, antaranya Teori Pemodenan yang paling kerap diaplikasikan. Sehingga hari ini, Teori Pemodenan masih merupakan teori sosiologi yang paling berpengaruh dalam bidang kajian silang budaya tentang perubahan institusi perkahwinan dan keluarga.

Teori Pemodenan mula menduduki tempat penting dalam bidang kajian perkahwinan dan keluarga pada tahun 60-an abad ke-20. Teori yang merupakan gabungan Teori Fungsional dan Teori Evolusi ini sering melihat pemodenan sebagai perubahan masyarakat daripada "tradisi" kepada "moden" yang berkait rapat dengan pembangunan ekonomi, pengembangan sains dan teknologi (Lerner, 1958; Goode, 1963/1968; Jain, 1986). Menurut teori ini, jika dibandingkan antara "tradisi" dan "moden", "moden" adalah lebih maju, lebih stabil dan lebih bernilai. Oleh itu, proses menjadi "moden" ialah proses meninggalkan "tradisi" kerana kedua-dua perkara ini adalah saling bercanggahan. Teori Pemodenan juga menekankan bahawa pemodenan, iaitu proses perubahan masyarakat yang berlaku secara berterusan dan tidak dapat dielakkan itu dipercayai akan menjadi semakin sama tanpa mengira kaum, bangsa dan negara (Pasons, 1943; Goode, 1963/1968).

Melalui kajian silang budaya, pendukung-pendukung Teori Pemodenan seperti Pasons (1943) dan Goode (1963/1968) menyimpulkan telah berlaku beberapa perubahan terhadap institusi perkahwinan dan keluarga di bandar, di samping menekankan bahawa proses perubahan yang berlaku di seluruh dunia akan mengulangi sejarah perubahan institusi perkahwinan dan keluarga di negara-negara barat tanpa mengira perbezaan dari segi sejarah, tradisi dan budaya masing-masing. Menurut Teori

University of Malaya

Pemodenan, perubahan pola-pola perkahwinan dan keluarga telah berlaku dari beberapa aspek seperti yang berikut:

(a) Pembentukan keluarga. Muda-mudi mempunyai kebebasan yang lebih besar dalam soal perkahwinan menyebabkan mahar dan hantaran kahwin semakin tidak popular dan beransur-ansur digantikan dengan pertukaran hadiah antara pasangan pengantin; Perbezaan umur antara suami isteri semakin kecil; Umur ketika berkahwin kaum perempuan semakin meningkat; Penguasaan ibu bapa terhadap pemilihan jodoh anak-anak semakin kecil, maka perkahwinan yang diaturkan oleh ibu bapa telah berkurangan;

(b) Struktur keluarga. Sistem keluarga tradisi telah mengalami kerapuhan, keluarga luas dan keluarga bergabung digantikan oleh keluarga asas;

(c) Hubungan suami isteri. Semakin ramai isteri terlibat dalam pasaran kerja dan mempunyai kuasa yang lebih besar berbanding dahulu, termasuk dalam urusan rumah tangga;

(d) Hubungan persanakan. Pengaruh kelompok persanakan menurun, mereka tidak lagi mengenakan kawalan ketat terhadap pemilihan jodoh orang muda. Keluarga asas berasingan dan bebas daripada sistem persanakan yang lebih luas.

Antara perubahan-perubahan tersebut, pembentukan keluarga dan hubungan persanakan mempunyai hubung kait dengan isu yang hendak dikupas dalam kajian ini. Pembentukan keluarga merangkumi topik-topik seperti kuasa dalam memilih pasangan,

University of Malaya

pemberian perkahwinan dan umur ketika berkahwin. Hubungan persanakan pula bersangkut paut dengan sistem sokongan tenaga dalam melaksanakan majlis perkahwinan.

Walau bagaimanapun, sejak tahun 70-an abad ke-20, Teori Pemodenan mendapat banyak kritikan. Hal ini berlaku kerana, kajian-kajian di negara-negara membangun menunjukkan kepelbagaian dari segi perubahan pola-pola perkahwinan dan kekeluargaan. Menurut hasil dapatan kajian tersebut, perubahan yang telah berlaku di banyak negara membangun tidak mengikuti jejak langkah lama negara barat tetapi mempunyai ciri-ciri tersendiri. Selain itu, kajian-kajian tersebut juga mengemukakan bukti-bukti yang jelas menunjukkan bahawa wujudnya keharmonian antara "tradisi" dan "moden". Maknanya, unsur-unsur sosiobudaya tradisi masih berpengaruh dalam soal perkahwinan dan kekeluargaan penduduk tempatan walaupun mereka sedang melalui fasa pemodenan.

Berdasarkan kritikan-kritikan dan bukti-bukti tersebut, pendukung dan pewaris Teori Pemodenan mula meneliti semula dan menambah baik teori ini. Teori Pemodenan yang telah ditambah baik mengakui bahawa dalam proses perubahan institusi perkahwinan dan keluarga, "tradisi" dan "moden" tidak semestinya saling bertentangan, tetapi mungkin dapat disesuaikan antara satu sama lain. Lantaran itu, perubahan institusi perkahwinan dan keluarga tidak semestinya mengikut model yang sama sahaja, tetapi mungkin menunjukkan pelbagai model yang lebih kompleks. Selain itu, turut ditekankan ialah, penyumbang kepada perubahan institusi perkahwinan dan kekeluargaan mungkin bukan perindustrian dan pembandaran sahaja, budaya, nilai

University of Malaya

norma, ideologi dan unsur-unsur sosiobudaya yang lain turut menentukan arah, jalan dan model perubahan tersebut (Goode, 1982; Goody, 1996; Hareven, 1976).

Ringkasnya, dalam mengkaji perubahan institusi perkahwinan dan kekeluargaan, Teori Pemodenan merupakan sebuah teori sosiologi penting yang memfokuskan kepada proses peralihan daripada "tradisi" kepada "moden". Teori ini sesuai digunakan untuk menganalisis isu perkahwinan dan kekeluargaan di negara-negara membangun yang sedang mengalami arus pemodenan dan juga mempunyai budaya dan tradisi tersendiri yang diamalkan sekian lama. Sebagai salah satu negara membangun, Malaysia yang terkenal dengan nilai norma dan adat istiadat juga sedang melalui fasa pemodenan dan telah pun menyaksikan pelbagai perubahan masyarakat amnya dan perubahan institusi perkahwinan khususnya. Lantaran itu, dalam kajian ini, perubahan institusi perkahwinan orang Melayu bandar akan diselidik di bawah kerangka Teori Pemodenan agar dapat dipastikan sama ada institusi perkahwinan Melayu telah meninggalkan tradisi dan mengalami perubahan mengikut model negara-negara barat.

Selain menggunakan kerangka Teori Pemodenan, untuk menyelidik perubahan pola-pola perkahwinan orang Melayu bandar dan punca-puncanya dengan lebih jelas, maka sebuah kerangka konseptual yang lebih khusus dan komprehensif perlu dikemukakan.

2.4 Kerangka Konseptual

Pada hakikatnya, dalam menganalisis perubahan institusi keluarga dan pola-pola perkahwinan di bandar, lazimnya terdapat dua kaedah utama yang berdasarkan sudut pandangan berbeza, iaitu makroskop dan mikroskop. Perbezaan juga dapat dilihat pada

University of Malaya

tahap penghasilan analisis, iaitu satu yang bersifat abstrak dan global, satu lagi yang lebih bersifat khusus dan mikroskop (Edwards, 1969a).

Dari sudut pandangan makroskop, pembandaran yang merupakan sebahagian penting daripada proses pemodenan (Smith & Karim, 1980) ialah satu punca yang sering dikaitkan dengan perubahan institusi keluarga dan pola-pola perkahwinan dalam masyarakat bandar (Wirth, 1938; Goode, 1963/1968; Edwards, 1969a; Parsons, 1977; Gold, 2002; Grant & Furstenberg, 2007; Tokuhiro, 2010). Goode (1963) menunjukkan bahawa pembandaran, perindustrian, penerimaan ideologi masyarakat barat telah mengubah masyarakat luar bandar daripada masyarakat yang mengamalkan sistem keluarga luas kepada masyarakat bandar moden, iaitu mengamalkan sistem keluarga asas, menekankan autonomi individu dalam mengambil keputusan dan menggalakkan perkahwinan monogami. Grant dan Furstenberg (2007) pula menyatakan, perubahan perkahwinan perlu dianalisis dalam konteks yang lebih luas, iaitu transformasi sosial dan budaya, antaranya pembandaran dan globalisasi.

Pada masa yang sama, terdapat sarjana melihat perubahan institusi keluarga dan perkahwinan di bandar dari sudut pandangan yang kurang makroskop, walaupun jumlahnya agak terhad. Sarjana kumpulan ini berfokus kepada punca langsung yang menyebabkan berlakunya perubahan, iaitu keadaan sosioekonomi orang bandar yang merangkumi pendidikan, jenis pekerjaan, pendapatan, tempat kediaman, saiz tempat kediaman, sistem susun lapis dan lain-lain faktor (Smith & Karim, 1980; Limanonda, 1982; Jain, 1986; Yaacob Harun, 1991; Park, 1997; Li & Xu, 2004; Raihanah Azahari dan rakan-rakan, 2009). Pada hakikatnya, punca-punca tersebut ialah definisi operasional kepada faktor yang lebih luas sifatnya, contohnya proses pembandaran.

University of Malaya

Punca-punca tersebut dinamakan faktor sosioekonomi oleh ahli sosiologi seperti Limanonda (1982), South (1991), Li dan Xu (2004). Menurut mereka, faktor-faktor sosioekonomi berperanan penting sebagai faktor perantaraan dalam rangkaian hubungan sebab akibat antara proses pembandaran dan perubahan institusi keluarga dan perkahwinan.

Edwards (1969a) mengemukakan sebuah teori untuk menganalisis perubahan keluarga bandar dan punca-puncanya secara lebih menyeluruh dengan menggabungkan kedua-dua kaedah analisis makroskop dan mikroskop sekali. Teori tersebut adalah seperti yang berikut:

Jadual 2.1: Teori yang Dikemukakan oleh Edwards (1969a, p.7)[1]

Punca-punca Perubahan	**Struktur Perantara**	**Unit yang Berubah**
Perindustrian	Jenis Pekerjaan	Bilangan Anggota Keluarga
Pembandaran	Tempat Kediaman	Hubungan antara Anggota Keluarga
Orientasi Nilai Sosial dan Nilai Norma	Saiz Kediaman	Fungsi dan Jenis Keluarga
Perubahan Fungsi-fungsi Institusi	Susun Lapis	Hubungan Persanakan

Teori ini telah diubah suai oleh Yaacob Harun (1991) dan dibuktikan keberkesanannya dalam mengupas perubahan institusi keluarga dan peranan perkahwinan dalam masyarakat Melayu di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Teori yang diubah suai oleh Yaacob Harun adalah seperti yang berikutnya:

[1] Edwards, J. N. (1969a). Introduction: An overview of familial change. In J. N. Edwards (Eds.), *The family & change* (pp. 3-12). New York, NY: Alfred A. Knopf.

University of Malaya

Jadual 2.2: Teori Edwards yang Diubah suai oleh Yaacob Harun (1991, p.6)[2]

Punca Perubahan	Struktur Perantara	Unit yang Berubah
Perbandaran	Jenis pekerjaan Tempat kediaman Saiz kediaman Susun lapis masyarakat	Bentuk keluarga Fungsi keluarga Peranan perkahwinan Keluasan dan jenis hubungan sanak

Walau bagaimanapun, teori yang saintifik dan khusus menerangkan hubung kait antara pembandaran, faktor-faktor sosioekonomi dengan perubahan yang berlaku dari aspek pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan masih belum didapati. Oleh itu, untuk menganalisis isu tersebut dalam konteks masyarakat Melayu bandar, beberapa kajian lepas yang berkenaan dicantumkan supaya membentuk sebuah kerangka konseptual yang sesuai dengan berpandukan teori Edwards (1969a) dan Yaacob Harun (1991). Kerangka konseptual baharu yang dibentuk dengan menggabungkan sudut pandangan makroskop dan mikroskop adalah seperti yang berikut:

[2] Yaacob Harun. (1991). *Keluarga Melayu bandar: Satu analisis perubahan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

University of Malaya



Rajah 2.1: Kerangka Konseptual yang Diubah suai daripada Teori Edwards (1969a) dan Teori Yaacob Harun (1991)

Dalam kerangka konseptual ini, punca perubahan pola-pola perkahwinan orang Melayu bandar ialah pembandaran. Terdapat lima faktor sosioekonomi dipilih sebagai pemboleh ubah sosioekonomi, iaitu pendidikan, pekerjaan, pendapatan, kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Hal ini demikian kerana andaian berdasarkan rujukan dan kajian terdahulu sama ada di negara-negara barat, atau masyarakat timur menunjukkan bahawa lima faktor tersebut merupakan penyumbang utama kepada perubahan pola-pola perkahwinan di bandar, iaitu isu yang akan dikaji dalam kajian ini. Dua prosedur perkahwinan penting, iaitu pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan merupakan objek yang hendak dikaji. Dari segi pemilihan pasangan, terdapat empat perkara diberi perhatian, iaitu umur ketika berkahwin, kuasa dalam memilih pasangan, cara mengenali pasangan dan kriteria memilih pasangan. Di samping itu, dari segi pengendalian majlis perkahwinan, terdapat dua isu utama, iaitu pertama, pemberian perkahwinan yang merujuk kepada mas kahwin, wang hantaran dan barang

University of Malaya

hantaran; kedua, pelaksanaan majlis perkahwinan yang mengandungi pemilihan tarikh dan pemilihan lokasi majlis perkahwinan, sistem sokongan tenaga dan sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan.

Penjelasan mengenai kerangka konseptual yang dibentuk akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu pembandaran dan faktor-faktor sosioekonomi di bandar, perubahan pola-pola perkahwinan dalam masyarakat bandar, dan hubungan sebab akibat antara faktor-faktor sosioekonomi di bandar dengan perubahan pola-pola perkahwinan yang telah berlaku.

2.4.1 Pembandaran dan Faktor-faktor Sosioekonomi di Bandar

Dalam sejarah manusia, pembandaran telah membawa perubahan yang menakjubkan kepada kehidupan manusia dan struktur sosial secara keseluruhannya (Saxton, 1996; Gold, 2002; Giddens & Sutton, 2013; Macionis & Parrillo, 2016). Dalam arus perubahan yang tidak dapat dibendung ini, faktor-faktor sosioekonomi di bandar turut mengalami perubahan yang besar, antaranya pendidikan, pekerjaan, pendapatan, kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Dalam bahagian yang berikutnya, proses pembandaran dan perubahan yang telah berlaku ke atas kelima-lima faktor sosioekonomi tersebut akan dibincangkan.

2.4.1.1 Pembandaran

Perkataan "bandar" dalam bahasa Inggeris, yakni "*urban*" adalah berasal daripada bahasa Latin "*urbanus*" yang membawa maksud ciri-ciri bandar atau apa-apa sahaja yang berkaitan dengan bandar. Menurut Macionis dan Parrillo (2016), bandar yang

University of Malaya

pertama, yakni Jericho wujud pada kira-kira 8000 Sebelum Masihi. Menurut *World Urbanization Prospects, 2014 Revision* yang dikeluarkan oleh Bahagian Populasi, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, populasi menetap di kawasan bandar di seluruh dunia telah mencecah 54%[3]. Hakikat ini menunjukkan bahawa proses pembandaran ialah trend universal yang berleluasa di merata-rata dunia dan tidak dapat dihalang perkembangannya

Konsep "*urbanization*" atau "pembandaran" dalam bahasa Melayu dikemukakan oleh A. Serda (1867), seorang jurutera Sepanyol dalam bukunya *Basic Principle On Urbanization*. Menurutnya, pembandaran merujuk kepada perkembangan bandar atau pertambahan populasi bandar yang menjadi sebahagian daripada keseluruhan populasi sebuah negara. Pada hakikatnya, tafsiran konsep pembandaran adalah berbeza-beza mengikut bidang akademik yang berlainan. Ilmu demografi menyifatkan pembandaran dengan memfokuskan kepada pertambahan penduduk di kawasan bandar (Pressat & Wilson, 1985). Ilmu ekonomi menganggap pembandaran sebagai proses perubahan struktur ekonomi, iaitu daripada kegiatan ekonomi utama kepada kegiatan ekonomi sekunder dan peringkat ketiga (Marx & Engels, 1998). Ilmu geografi pula menekankan, pembandaran ialah proses pembahagian semula ruang kerana berlakunya perhimpunan harta benda dan penduduk, hasil daripada perkembangan produktiviti (Greene & Pick, 2011).

Dibandingkan dengan tafsiran konsep pembandaran yang dihuraikan di atas, maka penjelasan dari segi sosiologi lebih menyeluruh kerana bukan sahaja memperlihatkan skala populasi penduduk, pertambahan jumlah bandar, perkembangan ekonomi,

[3] http://esa.un.org/unpd/wup/Publications/Files/WUP2014-Highlights.pdf

University of Malaya

perubahan pembahagian ruang, tetapi juga mengutamakan cara hidup dan tingkah laku penduduk serta ciri-ciri hubungan kemasyarakatan di bandar. Davis (1965) menyifatkan pembandaran sebagai "transformasi", iaitu transformasi migran dari luar bandar ke bandar, transformasi kegiatan ekonomi daripada ekonomi pertanian kepada bukan pertanian, dan juga transformasi masyarakat daripada masyarakat pertanian kepada masyarakat bandar.

Mitchell (1956) mendefinisikan pembandaran sebagai empat proses, iaitu proses mencapai ciri-ciri kehidupan di bandar, perpindahan penduduk ke bandar, pertukaran bidang pekerjaan daripada bidang pertanian kepada bidang lain yang lazim didapati di bandar, dan juga pertukaran pola perlakuan penduduk di bandar. Cai (2011) menyokong huraian tersebut dengan mengatakan, proses pembandaran sekurang-kurangnya mengandungi dua faktor utama dan yang pertama ialah, penduduk luar bandar berpindah ke bandar, sebagai akibatnya, populasi di bandar dan jumlah bandar semakin bertambah; yang kedua, sistem ekonomi kewangan dan cara hidup di bandar tersebar luas, corak pekerjaan penduduk beransur-ansur menjadi bersifat bandar.

Macionis dan Parrillo (2016) pula menekankan, pembandaran melibatkan pelbagai proses perubahan yang sangat rumit. Menurut dua orang sarjana tersebut, pembandaran ialah proses perubahan yang diakibatkan oleh kemasukan penduduk luar bandar ke bandar atau tempat-tempat lain yang tinggi kepadatannya secara besar-besaran. Proses ini mengakibatkan pengkhususan kerja dan susun lapis masyarakat yang lebih kompleks. Selain itu, pembandaran juga menyumbang kepada kewujudan subbudaya dan kawalan sosial yang lebih formal.

University of Malaya

Berdasarkan huraian-huraian tersebut, maka konsep pembandaran boleh disimpulkan sebagai proses perpindahan penduduk dari luar bandar ke bandar, proses pertukaran kegiatan ekonomi daripada bersifat pertanian kepada bersifat perindustrian, dan juga proses mencapai ciri-ciri kehidupan di bandar. Berikutnya, ketiga-tiga faktor utama tersebut akan dijelaskan dengan lebih mendalam.

(a) Perpindahan Penduduk dari Luar Bandar ke Bandar

Durkheim (1997) menyifatkan proses perpindahan penduduk dari luar bandar ke bandar sebagai tanda utama perkembangan pembandaran. Jika dilihat dari segi demografi, pembandaran akan berlaku apabila berlaku peningkatan penduduk di bandar pada kadar yang lebih tinggi daripada kadar peningkatan seluruh penduduk di sebuah daerah atau negara dalam jangka panjang (Glass, 1972). Selain diakibatkan oleh faktor semula jadi, sebahagian besar pertambahan penduduk adalah disebabkan oleh faktor migrasi seperti yang dinyatakan oleh Giddens dan Sutton (2013), perkembangan bandar bukan sahaja disebabkan oleh pertambahan penduduk di bandar itu sendiri, tetapi populasi dari luar bandar yang berasal dari ladang, kampung dan pekan.

Proses migrasi dari luar bandar ke bandar sering dikaitkan dengan faktor "tolakan" dan "tarikan". Migrasi dikatakan berlaku apabila terdapat gerak kuasa tertentu di kawasan bukan bandar yang seolah-olah menolak penduduknya keluar, di samping terdapat gerak kuasa di kawasan bandar yang menarik penduduk ke tempat itu (Yaacob Harun, 1991, p. 5). Gerak kuasa yang menolak atau kekurangan luar bandar ialah, kekurangan peluang mengembangkan kerjaya, kekurangan mobiliti sosial untuk mengubah kelas sosial seseorang dan juga kekurangan pelbagai kemudahan, antaranya

University of Malaya

kemudahan hiburan, kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Gerak kuasa yang menarik atau kelebihan bandar pula termasuk, kedudukan sebagai tumpuan industri, komersial, pentadbiran dan kebudayaan, adanya banyak peluang kerja dengan pendapatan lumayan, penyediaan kemudahan yang lengkap, termasuk pengangkutan, komunikasi, hiburan, kesihatan, penyelidikan, penerbitan, agama atau kebajikan (Wirth, 1938; Giddens & Sutton, 2013; Macionis dan Parrillo, 2016).

(b) Perubahan Kegiatan Ekonomi daripada Pertanian kepada Perindustrian

Mengenai perubahan kegiatan ekonomi, revolusi perindustrian yang dipercayai mencetuskan pembandaran merupakan penyumbang utama kepada perubahan kegiatan ekonomi daripada yang bersifat pertanian kepada bersifat perindustrian. Davis (1965) menunjukkan, sebagai hasil perindustrian, kilang-kilang yang wujud seperti cendawan tumbuh selepas hujan telah menggantikan institusi keluarga dan menjadi unit pengeluaran yang lebih berkesan. Dalam masa yang singkat sahaja, unit pengeluaran baharu ini telah menjadi sumber peluang kerja yang paling utama di bandar (Macionis & Parrillo, 2016). Natijahnya, untuk menyara hidup di bandar, majoriti penduduk terlibat dalam bidang pekerjaan peringkat kedua atau ketiga, seperti perkilangan, mekanik, perniagaan, perdagangan, profesion, kerajaan dan sektor pekerjaan lain yang bukan pertanian (McGee, 1982).

Yang perlu ditegaskan ialah, pembandaran bukan sahaja membabitkan pertukaran dari segi bidang kegiatan ekonomi, tetapi juga perubahan dari aspek nilai-nilai dan etika kerja, selaras dengan apa yang dikehendaki dalam kehidupan yang berorientasikan bandar (Yaacob Harun, 1991; Cai, 2011). Ramai sarjana mengatakan bahawa kegiatan

University of Malaya

ekonomi yang bersifat perindustrian amat menekankan pengetahuan dan kemahiran pekerja dalam menjalankan pekerjaan. Bayaran kepada pekerja pula keseluruhannya bergantung kepada kemahiran, kecekapan dan mutu kerjanya. Di samping itu, kegiatan ekonomi di bandar juga memerlukan tabiat kerja yang mematuhi waktu kerja. Hal ini demikian kerana, dengan menggunakan jentera dan sistem kerja yang berdisiplin, daya pengeluaran pekerja dapat ditingkatkan lagi (Gore, 1968; Gist & Fava, 1974; Giddens & Sutton, 2013; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013).

(c) Proses Mencapai Ciri-ciri Kehidupan di Bandar

Untuk mendefinisikan ciri-ciri kehidupan di bandar, ramai sarjana cuba membuat perbandingan antara kehidupan di dalam dan di luar bandar dengan menggunakan konsep dan pendekatan yang berlainan. Menurut Tönnies (2011), gameinschaft merujuk kepada bentuk komuniti yang bercirikan intim dan padu seperti komuniti luar bandar, manakala gesellschaft pula merujuk kepada komuniti yang sifatnya lebih formal dan bercorak kontraktual, seperti komuniti bandar. Durkheim (1997) pula menyatakan, masyarakat luar bandar yang berkongsi sentimen memperlihatkan perpaduan yang bercorak mekanikal, sedangkan masyarakat bandar yang wujud atas garis fungsi yang saling melengkapi menunjukkan corak perpaduan yang bersifat organik. Pada hakikatnya, pandangan Tönnies dan Durkheim saling berkaitan kerana konsep gameinschaft mempunyai persamaan dengan perpaduan mekanikal, konsep gesellschaft pula mempunyai persamaan dengan perpaduan organik.

Sorokin dan Zimmerman (1929) melakukan perbandingan yang lebih konkrit, lalu menyifatkan lapan ciri-ciri kehidupan di bandar, yakni (a) pekerjaan bukan pertanian

University of Malaya

yang berkembang pesat, (b) persekitaran buatan manusia yang menonjol, (c) saiz, (d) kepelbagaian dan (e) kepadatan populasi yang berbeza daripada luar bandar, (f) susun lapis dan (g) mobiliti masyarakat yang lebih ketara, dan akhirnya, (h) sistem interaksi yang bersifat sekunder. Redfield (1947) menggambarkan masyarakat tradisi sebagai masyarakat yang kecil, terpencil, buta huruf, seragam dan berpadu. Masyarakat bandar pula, disifatkan sebagai masyarakat yang besar, terbuka, celik huruf, beraneka ragam dan lemah perpaduan. Thomas dan Drummond (2003) pula menegaskan, kehidupan desa ialah kenangan yang menimbulkan nostalgia orang bandar. Menurut mereka, kehidupan luar bandar lebih bersifat lokal, tradisional, aman dan bermoral, sedangkan kehidupan di bandar pula bercirikan global, moden, tertekan dan ketandusan rohani. Walau bagaimanapun, proses mencapai ciri-ciri kehidupan di bandar boleh disimpulkan sebagai proses perubahan daripada corak kehidupan luar bandar kepada corak kehidupan bandar.

Berdasarkan huraian yang dibincangkan di atas, maka boleh didapati proses pembandaran mencakupi bidang yang luas dengan melibatkan transformasi penduduk dari luar bandar ke bandar, transformasi bidang kegiatan ekonomi daripada bersifat pertanian kepada bersifat perindustrian dan transformasi corak kehidupan daripada bersifat luar bandar kepada bandar. Dalam arus transformasi tersebut, masyarakat telah mengalami perubahan yang signifikan, faktor-faktor sosioekonomi juga tidak terkecuali dalam hal ini. Berikutnya, perubahan dan ciri-ciri faktor sosioekonomi di bandar akan dihujahkan.

University of Malaya

2.4.1.2 Faktor-faktor Sosioekonomi di Bandar

Pembandaran pada asasnya telah membawa perubahan drastik terhadap struktur masyarakat (Gold, 2002) dan menjadikan faktor-faktor sosioekonomi di bandar mempunyai ciri-ciri tersendiri yang jauh berbeza daripada faktor-faktor sosioekonomi di luar bandar (Cousins & Nagpaul, 1979, p. 159). Menurut Cousins dan Ngpaul (1979), faktor-faktor sosioekonomi yang paling ketara perubahannya termasuk, celik huruf dan pendidikan, serta kedudukan sosioekonomi. Pada hakikatnya, kedudukan sosioekonomi seseorang berperanan penting dalam membentuk tingkah laku dan nilai moralnya. Terdapat ramai sarjana menunjukkan bahawa faktor-faktor sosioekonomi, seperti pendapatan, pekerjaan, pendidikan, status keluarga dan sebagainya memainkan peranan yang signifikan dalam mengacu personaliti, membentuk nilai moral dan menentukan gaya hidup seseorang (Jain, 1986; Bidwell & Mey, 2000; Gold, 2002; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013, Knox & Schacht, 2015; Macionis & Parrillo, 2016).

Seterusnya, perubahan dan ciri-ciri lima faktor sosioekonomi di bandar yang dijadikan pemboleh ubah dalam kajian ini akan dibincangkan, yakni pendidikan, pekerjaan, pendapatan, kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga.

(a) Pendidikan

Dalam proses pembandaran, perkembangan pendidikan merupakan salah satu transformasi masyarakat yang paling signifikan (Smith & Karim, 1980). Peluang pendidikan diperluas demi memenuhi keperluan perkembangan kegiatan ekonomi di bandar yang bersifat perindustrian.

University of Malaya

Dalam masyarakat tradisi, majoriti penduduknya buta huruf kerana lingkungan kehidupan tidak memberikan peluang kepada perkembangan pendidikan formal. Jika dilihat dengan lebih mendalam, kegiatan ekonomi di desa tertumpu kepada aktiviti pertanian. Unit keluarga selaku institusi pengeluaran yang utuh menjalankan fungsi pendidikan dengan sepenuhnya dengan mengajar generasi muda ilmu, kemahiran dan pengalaman dalam mengendalikan kerja pertanian. Walau bagaimanapun, sebagai pembuka tirai pembandaran, revolusi perindustrian menyumbang kepada perkembangan pendidikan wajib yang pesat dan drastik (Gold, 2002; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013). Perluasan pendidikan di bandar boleh dijelaskan daripada dua keperluan utama, iaitu keperluan pengkhususan pekerjaan dan keperluan mobiliti masyarakat.

Kegiatan ekonomi di bandar yang bersifat perindustrian mencipta beraneka jenis pekerjaan bukan pertanian dengan pengkhususan yang amat rumit. Oleh sebab sistem pengkhususan kerja yang kompleks, ibu bapa di bandar tidak mampu lagi menurunkan kemahiran pekerjaan kepada anak-anak. Oleh itu, institusi pendidikan wujud dan mengambil alih fungsi pendidikan keluarga dalam mengajar generasi muda ilmu dan kemahiran supaya mereka mampu terlibat dalam bidang pekerjaan yang menuntut teknik-teknik kemahiran yang berbeza-beza. Cousins dan Nagpaul (1979) memberikan huraian seperti yang berikutnya:

> "*In an advanced industrial or postindustrial nation, however, continuous education conducted on a universal scale is essential. This fact can hardly be overstated, for the preparation of every potentially competent individual for participation in the highly coordinated community and the complex occupational system is absolutely indispensable to the modern urban order*. (p. 343)."

University of Malaya

Cherlin (2012) juga mengatakan, pekerjaan dalam bidang perindustrian ditambahkan pula dengan perubahan teknologi menggalakkan tenaga kerja mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang lebih tinggi.

Dari segi keperluan mobiliti sosial pula, dalam masyarakat tradisi, mobiliti sosial jarang berlaku kerana kedudukan, status dan peranan seseorang bergantung kepada prinsip turun-temurun. Namun begitu, dalam masyarakat moden, mobiliti masyarakat sering berlaku kerana status dan peranan seseorang lebih berdasarkan pencapaian, merit, kelayakan dan latihannya sendiri berbanding dengan keturunannya (Jain, 1986; Bidwell & Mey, 2000; Gold, 2002; Li & Xu, 2004). Dalam hal ini, pendidikan formal dipercayai menjadi kaedah yang paling penting bagi penduduk bandar beralih daripada satu kelas ke satu kelas yang lebih tinggi (Gist & Fava, 1974; Gold, 2002; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013). Menurut Olson, DeFrain dan Skogrand (2013), semakin tinggi tahap pendidikan individu, maka semakin lumayan pendapatan yang diperolehnya dalam seumur hidup. Sebaliknya, kekurangan pendidikan formal menjadi rintangan utama kepada sesetengah individu untuk mencapai perkembangan dan keselamatan sosioekonomi.

Dalam masyarakat bandar, institusi pendidikan formal terpisah daripada institusi keluarga dan agama dalam menurunkan kebudayaan, teknologi dan kemahiran masyarakat dari generasi ke generasi. Menurut Cousins dan Nagpaul (1979), pendidikan mempunyai tiga tujuan utama, iaitu, "(1) *transmitting the cultural values,* (2) *familiarizing people with the sanctioned modes of behavior, and* (3) *giving the*

University of Malaya

individual the technical skills necessary to earn a living and help maintain the economy in doing so. (p. 343)." Gold (2002) pula menyenaraikan lima fungsi utama pendidikan formal seperti yang berikut:

(a) Membentuk rangkaian komunikasi yang cepat dan berkesan antara kumpulan individu di bandar dengan menyediakan teknik, idea dan sebagainya yang jelas memerlukan tahap pengetahuan yang minimum;

(b) Menurunkan kemahiran pekerjaan dalam sistem pengkhususan kerja yang rumit memandangkan keluarga dalam masyarakat moden telah kehilangan fungsi membahagikan tugas kepada anggota keluarga;

(c) Memperluas keinginan dan keperluan pengguna untuk berbelanja, lalu menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan pertambahan daya pengeluaran dalam masyarakat bandar;

(d) Menambahkan keperluan dan permintaan terhadap kemudahan sivik dan budaya tanpa kos pembayaran (non-economic civic and cultural amenities), seperti pusat sivik, perpustakaan, muzium, taman dan kemudahan rekreasi, dan;

(e) Menghasilkan tenaga kerja yang berilmu pengetahuan dan berkualiti tinggi. Perubahan dan pembaharuan teknologi, ekonomi dan politik dalam masyarakat bandar yang kompleks semakin bergantung kepada pekerja profesional yang dikeluarkan oleh sistem pendidikan formal yang maju, seperti pengurus, pegawai juruteknik dan ahli profesional.

University of Malaya

Sebagai kesimpulan, institusi pendidikan formal telah menjadi institusi utama yang amat diperlukan di bandar perindustrian. Kepentingannya juga semakin dikenali dan terus meningkat dengan pesat.

(b) Pekerjaan

Selain perluasan pendidikan yang telah dibincangkan di atas, perubahan corak pekerjaan juga dianggap sebagai salah satu lambang utama proses pembandaran. Gold (2002) menggambarkannya sebagai salah satu perubahan yang paling menonjol dalam pasaran buruh pada abad ke-20.

Dalam masyarakat tradisi, sara hidup penduduk bergantung kepada pertanian, dan hanya sedikit sahaja pekerjaan bukan pertanian wujud dalam komuniti desa. Unit kerja di luar bandar adalah kecil skalanya, sebuah ladang keluarga contohnya, hanya dikendalikan oleh beberapa orang pekerja sahaja, iaitu pemilik, isterinya dan anak-anak mereka. Dalam hal ini, keperluan perladangan yang berterusan dan tidak berubah-ubah menjadikan pekerjaan pertanian sebagai kerjaya yang boleh diusahakan oleh ahli keluarga daripada generasi kepada generasi seterusnya (Mann, 1968, p. 8). Memandangkan sifat kerja-kerja pertanian yang diwarisi turun temurun, dan juga keperluan penanaman dan penternakan yang menuntut petani tinggal berdekatan dengan ladang, maka “rumah” dan “pekerjaan” dalam komuniti desa saling bergantungan. Walau bagaimanapun, proses pembandaran telah membawa perubahan yang besar kepada pasaran buruh, terutama sekali dari aspek corak pekerjaan dan pengkhususan kerja.

University of Malaya

Melihat aspek yang pertama, iaitu perubahan corak pekerjaan, diakibatkan oleh proses pembandaran dan perindustrian, kilang-kilang wujud bak cendawan tumbuh selepas hujan. Aktiviti perkilangan, pembuatan dan perkhidmatan secara beransur-ansur menggantikan pertanian dan memonopoli kegiatan ekonomi di bandar (McGee, 1982; Cai, 2011; Macionis & Parrillo, 2016). Perkembangan ekonomi yang berterusan menggalakkan penglibatan penduduk ke dalam pekerjaan perkhidmatan dan pekerjaan peringkat ketiga. Walaupun pekerjaan di bandar disifatkan bercirikan perindustrian, namun ini bukan bermakna pekerjaan tersebut terhad di kilang sahaja (Anderson, 1964), sebaliknya pasaran buruh di bandar meliputi bidang yang luas, termasuk komersial, pengangkutan, komunikasi, perubatan, undang-undang, pentadbiran, peraturan akademik dan pelbagai jenis perkhidmatan. Perubahan corak pekerjaan yang dianggap sebagai salah satu pengertian pembandaran mempunyai kepentingan yang tidak dapat dinafikan, seperti yang dinyatakan oleh Gold (2002):

> "*...shifts from agricultural occupations, from manual labor to skilled blue-collar occupations, and from all other categories to the professions (where higher education becomes the intervening variable) were described as among the major changes occurring in the urban labor market during the twentieth century*. (p. 162)."

Aspek kedua pula ialah, kemunculan pembahagian tugas dan pengkhususan kerja yang teliti. Kemunculan birokrasi korporat serta trend teknikal dan organisasi yang lain telah menghasilkan pengkhususan kerja yang sangat kompleks dan cepat berubah dalam pasaran kerja di bandar (McGee, 1982; Gold, 2002; Giddens & Sutton, 2013). Ini jauh berbeza dengan corak kerja di luar bandar yang mudah dan seragam kerana memusatkan kegiatan pertanian sahaja. Pertumbuhan pesat dalam pengkhususan kerja bukan sahaja

University of Malaya

terhad pada industri perkilangan sahaja, tetapi wujud dalam seluruh hierarki kerja. Antara pengkhususan bidang kerja ialah, perniagaan, kerja tadbir, perubatan, kerja sosial, undang-undang, pendidikan, perkeranian, jualan dan banyak lagi. Dalam erti kata lain, apabila penduduk bandar memasuki pasaran kerja, maka ia akan mendapati dirinya menghadapi pelbagai jenis pilihan kerja yang besar jumlahnya. Tidak ada sesiapa yang tahu jumlah jenis pekerjaan yang tepat, yang diketahui hanya gambaran umum sahaja. Dalam *Dictionary of Occupational Titles* (DOT) pada tahun 2016, disenaraikan dan didefinisikan 28,800 nama pekerjaan yang dikandungi dalam 12,000 jenis pekerjaan[4].

Akibat daripada perubahan sifat kerja di bandar, maka etika kerja yang sesuai dengan sifat kerja baharu juga diperlukan. Menurut Yaacob Harun (1991), pekerjaan di bandar lebih memberikan penekanan kepada sistem kerja yang teratur dan berdisiplin supaya daya pengeluaran pekerja dapat ditingkatkan. Oleh itu, pekerja di bandar selalu terikat dengan jadual masa yang membahagikan waktu kerja dan waktu rehat dengan jelas sekali. Kebebasan individu, kepentingan individu dan keluarganya tidak begitu dipentingkan oleh kegiatan kerja di bandar, sebaliknya seseorang perlu mengetepikan kepentingan sendiri dan mematuhi peraturan pekerjaan yang ditetapkan oleh majikan kerana melanggar peraturan akan menyebabkan seseorang itu dipecat atau dikenakan tindakan disiplin. Selain itu, pekerja juga perlu selalu meningkatkan kemahiran dan daya saing diri mereka kerana pekerjaan di bandar memerlukan kepakaran, kemahiran dan pengalaman kerja yang mendalam. Lebih-lebih lagi, bayaran kepada pekerja di bandar sering dihubungkaitkan dengan pencapaian, kemahiran, kecekapan dan mutu kerja mereka (Olson, DeFrain & Skogrand, 2013).

[4] *Dictionary of Occupational Titles*. http://www.occupationalinfo.org/

University of Malaya

Perubahan sifat dan etika kerja di bandar dipercayai adalah sebagai penyumbang utama kepada siri perubahan ciri-ciri kehidupan di bandar (Sorokin & Zimmerman, 1929). Gold (2002) juga menegaskan pengaruh perubahan ciri-ciri pekerjaan dengan mengatakan bahawa "*the economy of modern urban communities is so powerful a force that it has the capacity to alter the forms and processes of other institutions rather than the other way around*. (p. 147)." Salah satu perubahan signifikan yang telah dialami oleh institusi keluarga ialah, unit keluarga di bandar bukan lagi pusat pekerjaan dan unit pengeluaran yang utuh. Sebaliknya, keluarga di bandar jarang mempunyai hubung kait yang terus dengan pekerjaan atau pekerja upah seperti apa yang berlaku dalam masyarakat pertanian pada ketika dahulu. Hal ini juga mendorong pendapatan individu di bandar diasingkan daripada pendapatan keluarga.

(c) Pendapatan

Dalam masyarakat bandar perindustrian, peranan dan kepentingan pendapatan tidak boleh dinafikan. Faktor ini bukan sahaja jaminan kehidupan sosioekonomi penduduk di bandar, tetapi lambang status dan kedudukan seseorang dalam masyarakat setempat (Bidwell & Mey, 2000; Abdul Rahman Embong, 2011). Dalam proses pembandaran dan perindustrian, kepentingan dan jurang pendapatan semakin meningkat seiring dengan perubahan sifat pekerjaan yang telah dihuraikan di atas.

Dalam masyarakat tradisi, majoriti penduduk bekerja dalam bidang pertanian dan bergantung kepada hasil pengeluaran kegiatan ekonomi sara diri. Makanan, pakaian dan keperluan kehidupan lain semuanya dihasilkan oleh diri mereka sendiri (Giddens & Sutton, 2013). Bahkan, tanah juga menjadi harta milik sendiri dan diwarisi daripada satu

University of Malaya

generasi kepada generasi yang berikutnya. Tambahan pula, aktiviti ekonomi dalam masyarakat pertanian yang mudah dan seragam tidak banyak membezakan latar belakang penduduk desa, antaranya pendapatan dan kelas sosial (Roucek & Warren, 1986). Oleh itu, kepentingan pendapatan dalam masyarakat tradisi tidak begitu menonjol seperti apa yang dihuraikan oleh Gore (1968), "*In the peasant society of which the joint family was a part, the agricultural as well as the artisan families worked as units where the incomes of individual members could not, or, at any rate, would not often be identified*. (p. 44)." Namun begitu, dalam masyarakat bandar, pendapatan telah wujud sebagai satu elemen yang sangat penting, di samping menjadi lambang kedudukan seseorang dalam komuniti.

Di bandar, pendapatan menggantikan hasil pertanian dan menjadi sumber ekonomi utama kepada majoriti penduduk (Giddens & Sutton, 2013). Seiring dengan perkembangan bandar, kegiatan ekonomi sara diri yang seragam telah digantikan oleh aktiviti ekonomi perindustrian yang semakin kompleks pembahagian tugasnya. Majoriti penduduk dalam masyarakat moden tidak mampu menghasilkan makanan, rumah, atau barang-barang keperluan lagi. Dengan kata lain, untuk hidup di bandar perindustrian, orang bandar mesti bergantung kepada pengeluaran dan perkhidmatan pekerja-pekerja lain (Giddens & Sutton, 2013). Huraian tersebut juga selaras dengan pandangan Roucek dan Warren (1986), iaitu jika dibandingkan dengan penduduk desa, penduduk bandar lebih bergantung kepada orang lain untuk memperoleh kepuasan dari segi barang-barang keperluan dan perkhidmatan.

Apabila keperluan terhadap pengeluaran orang lain itu bertembung dengan ekonomi pasaran, maka keutamaan pendapatan di bandar perindustrian semakin disedari.

University of Malaya

Dalam ekonomi pasaran yang disifatkan sebagai prasyarat yang paling utama bagi bermulanya proses perindustrian dan pembandaran (Gold, 2002), pertukaran barang-barang dan perkhidmatan dilakukan berdasarkan sistem kewangan yang bersifat impersonal dan terpiawai. Dalam erti kata lain, untuk memperoleh barang-barang dan perkhidmatan, seseorang mesti membayar wang untuk membelinya. Maka, wang berperanan sebagai peralatan yang paling berkesan dalam segala aktiviti bandar, sama ada aktiviti ekonomi atau aktiviti sosial. Sekiranya seseorang tiada pendapatan tetap, maka ia akan menghadapi tekanan yang cukup besar dalam menjalani kehidupan di bandar.

Walau bagaimanapun, sejajar dengan peningkatan kepentingan pendapatan, kesan negatif turut berlaku, iaitu wang telah dijadikan kayu ukur dalam hampir semua perkara di bandar (Anderson, 1964). Ini merupakan kesilapan dalam sejarah peradaban manusia, namun kesilapan ini dianggap lumrah. Dengan adanya sistem ekonomi kewangan, perbelanjaan berkaitan dengan hampir semua kepentingan dan aktiviti yang melibatkan bidang pekerjaan dan kehidupan. Penduduk di bandar perindustrian sentiasa ingin menikmati pelbagai faedah pengeluaran yang memakan perbelanjaan besar. Maka, konsumerisme telah menjadi trend yang tidak dapat dihalang, seperti yang disifatkan oleh Gist dan Sylvia (1974), "*...a way of life, a means of acquiring status or improving it, a basis for social interaction, and a formula for obtaining physical or psychological pleasure*. (p. 449)." Akibatnya, ekonomi kewangan beransur-ansur menduduki kedudukan dominan di bandar dan akhirnya menukarkan hubungan semasa manusia kepada hubungan ekonomi (Thuc-Doan & Belk, 2012; Mohd Khairuddin Mohd Sallehuddin & Mohamad Fauzi Sukimi, 2016).

University of Malaya

Selain kepentingan pendapatan, jurang pendapatan juga semakin ketara dalam kalangan penduduk bandar. Oleh sebab wujudnya pembahagian tugas di bandar, maka sesetengah kerja mempunyai prestij yang lebih tinggi daripada kerja yang lain kerana tahap ilmu dan kemahiran yang diperlukan adalah lebih tinggi. Memandangkan setiap pekerjaan dibayar mengikut nilainya, maka wujudlah ketidaksamaan pendapatan di bandar mengikut prestij pekerjaan yang berbeza-beza. Anderson (1964) memberikan contoh, di mana-mana negara pun, pendapatan profesor lebih lumayan daripada pemandu, pendapatan setiausaha lebih tinggi daripada tukang cuci perempuan. Gaji pengurus adalah yang paling tinggi antara pekerja mahir, manakala ahli politik yang berkedudukan tinggi pasti hidup lebih mewah daripada kakitangan kerajaan tempatan. Dalam hal ini, daripada kumpulan yang berpendapatan rendah kepada kumpulan yang berpendapatan tinggi, semakin berkurangan jumlah orangnya (Roucek & Warren, 1986).

(d) Kediaman

Dalam masyarakat bandar, faktor kediaman mempunyai kepentingan yang sama seperti faktor pendidikan, pekerjaan dan pendapatan yang menjadi lambang-lambang utama untuk membezakan kedudukan sosial penduduk bandar (Mann, 1968).

Dalam masyarakat tradisi yang mengamalkan sistem keluarga luas, keluasan rumah adalah cukup besar untuk memuatkan ahli keluarga yang berjumlah besar. Selepas anak-anak membesar dan berumah tangga, mereka pula membina rumah sendiri yang berdekatan sahaja dengan ahli keluarga lain. Boleh dikatakan, pemilihan rumah kediaman banyak dipengaruhi oleh ikatan keluarga (Fatimah Abdullah, 2009b). Mann (1968) menegaskan bahawa dalam kawasan perumahan masyarakat pertanian, tidak

University of Malaya

wujud kawasan tempat kediaman yang dibahagikan mengikut status masyarakat penduduk. Kawasan rumah juga tidak mempunyai elemen pemisah yang nyata (Yahaya Ibrahim, 1995). Oleh itu, hubungan persanakan dan kejiranan dalam masyarakat pertanian adalah sangat rapat. Namun begitu, arus pembandaran telah membawa perubahan yang drastik terhadap bentuk kediaman di bandar.

Dalam masyarakat bandar, tempat kediaman telah mengalami dua perubahan yang signifikan. Yang pertama ialah, tempat kediaman telah berasingan dengan tempat kerja. Seiring dengan perubahan ciri-ciri pekerjaan di bandar, iaitu transformasi daripada kerja pertanian kepada kerja perindustrian, keperluan untuk pekerja tinggal berdekatan dengan tempat kerja telah berkurangan. Maka, pekerja akan memilih tempat kediaman yang sesuai dengan status ekonomi mereka walaupun tempat itu mungkin jauh dari tempat kerja. Wirth (1938) dalam tulisan klasiknya, *Urbanism as a Way of Life* pula menyatakan, "*...place of work tends to become dissociated from place of residence, for the proximity of industrial and commercial establishments makes an area both economically and socially undesirable for residential purposes*. (p. 15)."

Perubahan yang kedua ialah, tempat kediaman penduduk bandar semakin berjauhan dengan sanak saudara. Hal ini demikian kerana harga tanah yang terlalu tinggi menyebabkan tempat kediaman yang besar ruangnya sukar dibina (Davis, 1965). Dalam erti kata lain, keluarga luas yang memerlukan tanah yang agak luas tidak praktis lagi wujud di bandar. Tambahan pula, pemilihan tempat kediaman juga tidak lagi dipengaruhi oleh ikatan keluarga, tetapi lebih berdasarkan tempat kerja dan keupayaan

University of Malaya

kewangan suami isteri (Fatimah Abdullah, 2009b). Disebabkan oleh jarak jauh dari segi geografi, maka kekerapan berkomunikasi sesama sanak saudara didapati semakin berkurangan.

Kepelbagaian sosial di bandar menyumbang kepada pemisahan ruang penduduk mengikut faktor-faktor demografi yang signifikan, antaranya warna kulit, warisan bangsa, tempat dan sifat kerja, kedudukan ekonomi dan sosial masing-masing (Wirth, 1938; Davis, 1965; Macionis & Parrillo, 2016). Lazimnya semakin tinggi kedudukan sosioekonomi seseorang, maka semakin banyak kelebihan tempat kediamannya dari segi sifat kediaman dan sifat tapak, iaitu konsep yang dikemukakan oleh Arthur O' Sullivan (2000). Menurutnya, sifat kediaman merujuk kepada saiz, susun atur bilik, kemudahan, reka bentuk dalaman dan keutuhan struktur sesebuah rumah itu. Memandangkan rumah tidak bergerak, maka satu lagi komponen ialah sifat tapak. Antara sifat-sifat tapak ialah, sifat mudah dicapai yang bermaksud mudah untuk pergi ke tempat kerja, mempunyai pusat beli-belah dan tempat berhibur di sekeliling kawasan perumahan; sifat persediaan perkhidmatan awam tempatan pula merujuk kepada wujudnya sekolah, balai polis, balai bomba dan sebagainya di kawasan perumahan; sifat kualiti suasana merujuk kepada kualiti udara dan tahap kebisingan daripada bunyi lori, kapal terbang, kilang dan lain-lain; dan akhirnya, sifat persekitaran kejiranan yang bermaksud luaran rumah, jiran-jiran dan sebagainya.

Gold (2002) menyenaraikan empat jenis kawasan kediaman iaitu, kawasan kediaman kelas bawahan, kawasan kediaman kaum buruh, kawasan kediaman kelas menengah dan kawasan kediaman kelas atasan. Keempat-empat jenis kawasan kediaman mempunyai ciri-ciri dan cara hidup yang tersendiri mengikut susun lapis

University of Malaya

masyarakat masing-masing. Kawasan kediaman kelas bawahan dipenuhi dengan golongan berpendapatan rendah yang terdiri daripada pekerja tidak mahir dan penganggur. Kawasan ini selalu dihubungkaitkan dengan ketidakteraturan sosial, kekurangan kawalan kawasan, terjejasnya kehidupan keluarga dan sebagainya. Tahap pendidikan penduduknya agak rendah dan kekurangan hubungan sosial sama ada yang formal atau yang tidak formal. Penduduk di kawasan kejiranan kaum buruh pula, terdiri daripada pekerja mahir atau separuh mahir. Sesetengah penduduk mungkin hidup dalam kesusahan dan kemiskinan. Kawasan kejiranan jenis ini disifatkan sebagai mempunyai keseragaman, saling membantu dan bersatu padu. Penduduknya selalu mengunjungi gereja, kedai dan tempat minum arak tempatan, di samping menyertai aktiviti komuniti.

Penduduk yang tinggal di kawasan kejiranan kelas menengah adalah lebih kaya kerana mereka bekerja dalam bidang profesional, semi profesional atau perniagaan. Dengan keadaan ekonomi yang lebih memuaskan, permintaan dan keperluan mereka untuk saling membantu telah berkurangan. Gaya bersaing kelas menengah pula lebih menekankan sifat keindividuan dan bukannya perpaduan. Mengenai golongan kelas atasan yang penuh dengan kekayaan, mereka didapati tidak tinggal di kawasan kejiranan majmuk tetapi menetap di rumah yang khas disediakan untuk orang kaya supaya sekatan fizikal dan sosial ini boleh mengasingkan rumah agam mereka daripada rumah biasa, bahkan rumah agam orang lain. "Kejiranan" orang atasan seperti yang dihuraikan oleh Gold (2002), "*transcends the local area in that upper-class connections are often national and international, including family members and influential occupational, social, and cultural networks*. (p. 252)."

Secara keseluruhannya, perubahan ciri-ciri tempat kediaman di bandar dan pemisahan ruang penduduk bandar sedikit sebanyak telah menjejaskan hubungan persanakan dan hubungan kejiranan.

(e) Kedudukan Sosioekonomi Keluarga

Dalam masyarakat bandar yang tinggi mobiliti sosialnya, kedudukan sosioekonomi seseorang lebih banyak ditentukan oleh pencapaiannya sendiri, tetapi bukannya kedudukan sosioekonomi keluarganya. Sungguhpun begitu, yang tidak dapat dinafikan ialah, dalam kalangan penduduk bandar, kedudukan sosioekonomi keluarga masih membawa implikasi yang besar terhadap kehidupan ahli keluarga (Bidwell & Mey, 2000).

Dalam masyarakat tradisi, kebanyakan penduduk terlibat dalam pekerjaan pertanian, manakala jumlah pekerja profesional, peniaga, kerani dan pekerja perindustrian tidak ramai bilangannya. Oleh itu, dalam kalangan penduduk masyarakat pertanian, perbezaan dari segi kedudukan sosioekonomi keluarga tidak begitu ketara. Kedudukan sosioekonomi seseorang pula, automatik ditentukan oleh kedudukan sosioekonomi keluarganya (Mann, 1968). Namun begitu, arus pembandaran dan perindustrian telah banyak mengubah keadaan dalam masyarakat tradisi dengan mewujudkan sistem kelas sosial yang lebih kompleks dan menjarakkan jurang antara kelas-kelas sosial tersebut.

Dilanda arus pembandaran dan perindustrian, tahap pendidikan penduduk bandar semakin meningkat, di samping itu, pengkhususan pekerjaan juga semakin kompleks. Perubahan ini terus menyumbang kepada pengagihan pendapatan yang tidak seimbang,

University of Malaya

lantas mengakibatkan perbezaan kedudukan sosioekonomi keluarga yang diukur dengan pendapatan pasangan suami isteri. Jurang kedudukan sosioekonomi keluarga dapat dilihat dengan jelas dalam pembahagian kelas sosial di bandar. Menurut Hansen (1995), dalam kelas atasan, pengurus dan eksekutif ialah golongan yang paling banyak menguasai modal ekonomi. Di samping itu, pekerja profesional dan pensyarah kanan mempunyai modal budaya yang paling banyak. Golongan jurutera dan pegawai kerajaan kanan berada di tengah-tengah. Dalam kelas menengah pula, modal ekonomi yang dikuasai telah menurun. Pekedai, pengurus perniagaan kecil dan peladang mempunyai modal ekonomi yang paling banyak. Pekerja sektor awam biasanya mempunyai modal budaya yang paling banyak. Golongan pekerja sektor swasta pula biasanya berada di tengah-tengah. Ditinjau kelas bawahan pula, terdiri daripada kaum buruh yang mempunyai modal ekonomi dan budaya yang agak terhad.

Walaupun kedudukan penduduk dalam masyarakat bandar lebih ditentukan oleh pencapaian peribadi, termasuk pendidikan, pendapatan, pekerjaan dan kediaman, namun pengaruh kedudukan sosioekonomi keluarga terhadap generasi muda tidak boleh diabaikan. Seperti yang dinyatakan oleh Lareau dan Calarco (2012), "*Americans generally do not accept that the social class of parents shapes the life chances of their children. Social scientists are much more likely to recognize the power of social class in shaping life chances*. (p. 61)." Pada hakikatnya, kedudukan sosioekonomi keluarga memainkan peranan penting dalam proses sosialisasi generasi muda kerana kelas sosial dan lambang-lambang yang berkenaan merupakan sumber penting kepada pembentukan kepercayaan, nilai norma dan tingkah laku generasi muda. Dilihat dengan lebih mendalam lagi, kedudukan sosioekonomi keluarga didapati membawa pengaruh yang

University of Malaya

besar terhadap kehidupan generasi muda, antaranya pencapaian pendidikan dan pekerjaan (Jain, 1986; Deschenes, 2007; Rahmah Ismail dan rakan-rakan, 2015), gelagat perbelanjaan (Fischer, 1987; Park, 1997) dan kecenderungan politik (Barber, 1971; Grumbach, 2015).

Seperti yang diketahui umum, proses pembandaran akan mengubah kehidupan penduduk bandar secara keseluruhannya dari pelbagai aspek, termasuk keadaan sosioekonomi, cara hidup, nilai moral, pandangan dunia dan sebagainya. Dalam hal ini, perkahwinan sebagai salah satu institusi yang terpenting dalam kehidupan anggota masyarakat juga tidak dapat terkecuali dalam trend perubahan ini. Berikutnya, perubahan pola-pola perkahwinan yang telah berlaku dalam masyarakat bandar akibat proses pembandaran akan dihuraikan.

2.4.2 Perubahan Pola-pola Perkahwinan dalam Masyarakat Bandar

Secara umumnya, perkahwinan ialah kontrak hubungan antara seorang lelaki dan seorang perempuan yang memberikan keturunan mereka kedudukan sah di sisi undang-undang selain memberikan pasangan hak istimewa, khususnya hak eksklusif untuk melakukan hubungan seksual (Davidson & Moore, 1996; Popenoe, 2011; Yaacob Harun, 2014a). Kepentingan perkahwinan tidak dapat diabaikan dalam mana-mana masyarakat kerana penyatuan ini ialah asas institusi keluarga yang menjadi batu asas kepada sesebuah masyarakat harmoni.

Institusi perkahwinan merangkumi banyak aspek penting, seperti memilih pasangan, bertunang, menandatangani kontrak pra perkahwinan, melangsungkan majlis perkahwinan, bahkan bercerai. Namun begitu, dalam konteks tesis ini, fokus hanya ditumpukan kepada dua proses sahaja, iaitu pemilihan pasangan dan pengendalian

University of Malaya

majlis perkahwinan. Hal ini demikian kerana, dalam soal perkahwinan, kedua-dua proses tersebut dianggap sebagai jaminan utama kepada kebahagiaan dan keamanan sesebuah perkahwinan. Zhang dan Zhu (2014) menegaskan, memilih pasangan merupakan salah satu keputusan yang paling mustahak sepanjang hayat seseorang kerana keputusan ini memutuskan seseorang akan membina rumah tangga baharu dengan jantina yang berlainan. Yaacob Harun (2014a) pula menunjukkan, upacara perkahwinan ialah satu upacara penting dalam kitar hayat seseorang dan bertujuan untuk mengumumkan penyatuan pasangan terbabit kepada masyarakat di sekeliling. Upacara perkahwinan yang berjalan dengan lancar membantu untuk mewujudkan hubungan yang lebih baik antara dua belah pihak yang terlibat.

Walau bagaimanapun, arus pembandaran telah menyebabkan pola-pola perkahwinan di bandar mengalami perubahan yang drastik, termasuk pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan. Seterusnya, dihujahkan perubahan-perubahan utama yang telah berlaku dalam dua prosedur tersebut.

2.4.2.1 Pemilihan Pasangan

Pemilihan pasangan merujuk kepada perlakuan anggota masyarakat bagi memilih teman hidup dengan tujuan berkahwin. Perlakuan ini bukan sahaja sebagai prasyarat penjalinan perkahwinan dan pembentukan keluarga, tetapi penentu kualiti perkahwinan dan bentuk keluarga. Knox dan Schacht (2015) menegaskan, sepanjang umur hidup manusia, tidak ada keputusan sepenting keputusan memilih pasangan hidup. Hal ini disebabkan oleh faktor kebahagiaan, kesihatan dan keadaan ekonomi seseorang pada setiap hari ternyata dipengaruhi oleh teman hidupnya yang berkongsi kehidupan harian

University of Malaya

dengannya. Sebagai sejenis amalan masyarakat dan fenomena psikologi, perlakuan ini bukan sahaja dipengaruhi oleh kehendak dan cita rasa individu, tetapi dengan mudah dipengaruhi oleh keadaan masyarakat di sekeliling.

Seterusnya, kesan proses pembandaran ke atas pemilihan pasangan dalam kalangan penduduk di bandar perindustrian akan dihuraikan dari empat aspek utama, antaranya umur ketika berkahwin, kuasa dalam memilih pasangan, cara mengenali pasangan dan kriteria memilih pasangan.

(a) Umur ketika Berkahwin

Dalam masyarakat pertanian, kemahiran ekonomi yang diperlukan boleh dikuasai ketika umur muda dengan mudah sahaja, maka tidak wujud sebarang alasan untuk menangguhkan sebuah perkahwinan. Telah menjadi perkara lumrah apabila muda-mudi dikahwinkan sebaik sahaja mencapai akil baligh, iaitu antara 10—15 tahun. Hal ini demikian kerana, dari segi biologi, pasangan pengantin yang terlibat telah pun matang (Baber, 1953; Clark dan rakan-rakan, 2010).

Walau bagaimanapun, melalui kajian silang budaya, didapati umur ketika berkahwin di bandar perindustrian kian meningkat pada puluhan tahun kebelakangan ini, sama ada dalam kalangan lelaki atau perempuan (Smith & Karim, 1980; Manning, 1995; Raymo, 2003; Gore & Carlson, 2010; Yaacob Harun, 2014a). Di negara-negara barat yang lebih awal dilanda proses pembandaran, fenomena lambat berkahwin menjadi semakin menonjol sejak awal tahun 1980-an. Di negara Perancis, Sweden dan A.S., umur ketika berkahwin buat kali pertama dilaporkan meningkat dengan pantas. Menurut Tokuhiro (2010), peningkatan yang paling signifikan didapati di Sweden, iaitu dari

University of Malaya

1970-an hingga 1980-an, umur ketika berkahwin kaum lelaki telah meningkat daripada 26.2 tahun kepada 30.0 tahun. Umur ketika berkahwin bagi kaum perempuan pula, meningkat daripada 23.7 tahun kepada 27.6 tahun.

Trend yang sama juga didapati di negara-negara Afrika yang lambat mengalami proses pembandaran. Di Kenya, berbanding dengan 50 tahun yang lalu, umur ketika berkahwin kaum lelaki telah meningkat kepada 25 tahun, manakala 19.7 tahun bagi kaum perempuan (DBS, MOH dan ORC-Macro, 2004). Di Burkina Faso pula, menurut Calvès dan Schoumaker (2004), umur ketika berkahwin bagi kaum perempuan meningkat dengan pantas dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini, terutama sekali bagi perempuan yang tinggal di kawasan bandar. Bagi kaum lelaki pula, peningkatan umur ketika berkahwin juga dikesan dengan ketara dalam tahun 1998-2003, iaitu meningkat daripada 26.6 tahun kepada 29.8 tahun (INSD and Macro International, 2000; INSD and ORC Macro, 2004).

Di negara-negara Asia pula, Smith dan Karim (1980) mendapati, trend lambat berkahwin telah berlaku dalam kalangan penduduk bandar di Filipina, Korea, Malaysia dan Pakistan, terutama sekali bagi kaum perempuan. Kajian di India yang dilakukan terhadap 335 pasangan muslim di bandar Jaipur juga menemui fenomena yang sama. Menurutnya, dalam kumpulan responden berumur 51 tahun ke atas, purata umur ketika berkahwin ialah 11 tahun. Umur ini meningkat kepada 15 tahun dalam kumpulan responden berumur antara 36-50 tahun, dan terus meningkat dalam kumpulan responden berumur di bawah 36 tahun, iaitu 21 tahun (Jain, 1986). Di Malaysia pula, sejak 1980

University of Malaya

hingga 2004, umur berkahwin pertama bagi kaum lelaki telah meningkat daripada 26.6 tahun kepada 28.9 tahun, manakala bagi perempuan pula, umur ini meningkat daripada 23.5 tahun kepada 25.3 tahun (Ang & Lau, 2013).

Sebagai kesimpulan, peningkatan umur berkahwin pertama dalam kalangan penduduk bandar telah menjadi fenomena yang lumrah sama ada di negara-negara barat atau negara-negara timur.

(b) Kuasa dalam Memilih Pasangan

Dalam masyarakat tradisi, semua hak dan tanggungjawab seseorang berkait rapat dengan kepentingan keluarganya, maka ia harus mematuhi kepentingan keluarganya itu. Dalam erti kata lain, kepentingan keluarga dan komuniti lebih diutamakan daripada kepentingan individu (Mook, 1999; Benokraitis, 2015). Demi menjamin keuntungan keluarga dan mengukuhkan kedudukan keluarga, ibu bapa akan memilih menantu daripada keluarga yang setaraf dengan keluarga mereka, sedangkan pengantin sendiri tidak mempunyai banyak hak dan suara dalam hal ini.

Biarpun begitu, di bandar-bandar negara perindustrian, cara memilih pasangan yang baharu telah berleluasa sejak abad yang lalu. Perkahwinan mengikut aturan ibu bapa sudah jarang ditemui, sebaliknya, muda-mudi bebas memilih jodoh atas keputusan sendiri dengan mengambil masa beberapa bulan bahkan tahun untuk saling mengenali dan bercinta, akhirnya berkahwin (Olson, DeFrain & Skogrand, 2013; Li & Xu, 2004; Tokuhiro, 2010; Yaacob Harun, 2014a). Dengan kata lain, pemilihan pasangan di bandar tidak lagi bergantung kepada kepentingan keluarga luas yang berhubungan dengan harta benda, tempat kediaman dan tanah, tetapi lebih bergantung kepada tarikan antara satu

University of Malaya

sama lain dalam bentuk cinta romantik atau keserasian dan hubungan intim antara pasangan (Cherlin, 1999; Gold, 2002; Jia & Feng, 2013).

Goode (1982) menyatakan, sama ada di A.S. atau negara-negara di Eropah Barat yang banyak dipengaruhi oleh cara bercinta A.S., muda-mudi diberikan kebebasan yang cukup besar untuk bercinta dan berkahwin dengan pasangan idaman. Di samping itu, pengaruh dan campur tangan ibu bapa dalam soal ini pula semakin berkurangan. Rothman (1984), Cate dan Lloyd (1992) juga membuktikan bahawa dalam masyarakat bandar di A.S., motif individu memainkan peranan yang penting dalam memilih pasangan. Pada hakikatnya, fenomena yang serupa juga dapat dikesan di bandar-bandar perindustrian di negara Timur, seperti Indonesia, Malaysia, Jepun, China, Vietnam dan banyak lagi (Smith-Hefner, 2005; Haslee Sharil Abdullah dan rakan-rakan, 2011; Tokuhiro, 2010; Ma dan rakan-rakan, 2013; Ho, 2013).

Contohnya, kajian Yaacob Harun (2014a) di Malaysia mendapati, perkahwinan atas aturan ibu bapa sudah jarang ditemui dalam masyarakat Melayu di bandar. Sebaliknya, generasi muda pada zaman ini lebih bebas untuk mengenali dan memilih calon suami atau isteri yang dikenali di kolej, di universiti atau di tempat kerja. Di samping itu, pengaruh dan kuasa ibu bapa dalam soal perkahwinan anak-anak telah menjadi minima. Tokuhiro (2010) mengatakan, bermula dari pendudukan tentera A.S. di Jepun, individualisme dan egalitarianisme telah tersebar luas. Generasi muda mula menentang perkahwinan yang diaturkan, di samping mengalu-alukan perkahwinan atas dasar cinta. Buktinya, antara responden yang berkahwin antara 1990-1994, terdapat

University of Malaya

85% berkahwin atas dasar cinta, manakala 13% berkahwin dengan pilihan ibu bapa. Selain itu, dalam tempoh 10 tahun, peratusan perkahwinan yang diaturkan oleh ibu bapa telah jatuh 12%[5].

Kajian di lima buah bandar China yang berbeza tahap pembandarannya juga menunjukkan trend yang sama, iaitu cinta bebas telah menjadi perkara yang lumrah dalam masyarakat bandar perindustrian. Menurut kajian ini, lingkungan hidup orang bandar menjadi semakin besar, maka mereka mempunyai kebebasan yang lebih besar daripada komuniti penduduk di luar bandar yang saling mengenali antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, penduduk bandar mempunyai hak yang lebih besar untuk bercinta atas kehendak sendiri dan bebas daripada kongkongan perkahwinan yang diaturkan oleh ibu bapa (Ma dan rakan-rakan, 2013).

Maka, boleh dikatakan bahawa perubahan kuasa dalam memilih pasangan daripada pilihan ibu bapa kepada pilihan sendiri telah menjadi aliran utama yang tidak dapat dielakkan di bandar-bandar perindustrian di merata-rata dunia.

(c) Cara Mengenali Pasangan

Dalam masyarakat tradisi yang dikuasai oleh hubungan primer, secara teorinya, perkahwinan diaturkan oleh ibu bapa, maka tidak wujud soal cara mengenali pasangan kerana muda-mudi hampir tidak berpeluang untuk mengenali orang yang berlainan jantina dengan lebih mendalam, dan akan berkahwin sahaja dengan sesiapa yang dipilih oleh ibu bapa mereka (Benson, 1971; Tokuhiro, 2013). Calon pilihan keluarga pula,

[5] *National Institute of Population and Social Security Research*. http://www.ipss.go.jp/site-ad/index_english/missions-e.html

University of Malaya

lazimnya terbatas kepada muda-mudi di kawasan kejiranan, gereja, dan sekolah rendah atau menengah (Rosenfelda & Thomasb, 2012).

Dibandingkan dengan masyarakat tradisi yang tertutup sifatnya, bandar perindustrian yang penuh dengan kepelbagaian penduduk membuka peluang besar agar lelaki dan perempuan bujang yang jauh berbeza dari segi latar belakang boleh bertemu dan jatuh cinta. Gold (2002) dan Benokraitis (2015) menjelaskan, orang A.S. boleh mengenali pasangannya daripada kenalan keluarga, jiran tetangga, kumpulan gereja, alumni dan rakan sekerja. Bagi mereka yang gagal mendapat pasangan melalui cara tradisional tersebut, bandar yang rumit dan kompleks pengkhususan pekerjaannya menghasilkan berbagai-bagai perkhidmatan komersial untuk memenuhi keperluan individu yang ingin mengenali bakal pasangan dengan mengenakan bayaran yang tertentu, seperti iklan dalam surat khabar dan majalah, agensi memperkenalkan pasangan, janji temu pantas (*speed dating*), bar dan disko untuk orang bujang, dewan tari-menari, rumah pangsa orang bujang bercampur jantina dan laman sesawang mencari jodoh.

Kepelbagaian cara mengenali pasangan juga didapati dalam kalangan orang muda di negara-negara timur. Contohnya, di bandar Shanghai dan Chengdu, China, menurut Li dan Xu (2004), peratusan responden yang mengenali pasangan dengan dirinya sendiri (82%) adalah jauh lebih tinggi daripada mereka yang mengenali pasangan yang diperkenalkan oleh orang lain (18%). Cara mengenali pasangan dengan diri sendiri termasuk, dalam parti atau majlis perkahwinan (20%), di tempat belajar (30%), di tempat kerja (31%), bertemu secara kebetulan di tempat awam (18%) dan di kawasan kejiranan (1%). Mereka yang berperanan sebagai orang tengah dan memberi pasangan

University of Malaya

peluang untuk saling mengenali, termasuk ibu bapa atau ahli keluarga yang lebih berumur (17%), adik-beradik atau sanak-saudara sebaya (3%), sanak-saudara yang lain (9%), rakan sekerja (22%), rakan sekelas (18%), kawan-kawan (28%), jiran tetangga (3%) dan agensi memperkenalkan jodoh (1%).

Dalam masyarakat Melayu Malaysia pula, beraneka cara mengenali pasangan telah menggantikan perkahwinan pilihan ibu bapa. Yaacob Harun (2014a) menunjukkan, generasi muda hari ini bebas untuk mengenali bakal suami atau isteri di tempat belajar dan tempat kerja. Media massa juga berperanan sebagai perantara baharu yang berpengaruh dan menawarkan banyak peluang untuk muda-mudi saling mengenali, khususnya dalam laman sesawang. Menurutnya, "...*young people today could also search for potential partners in marriage on their own via Facebook, Twitter, and other social networking programs on the Internet*. (p. 96)." Selain itu, terdapat juga orang Melayu meminta bantuan daripada agensi memperkenalkan jodoh untuk mencari pasangan yang sesuai (Haslida Hashim, 1997).

Maka boleh dikatakan, di bandar-bandar perindustrian, terdapat berbagai-bagai cara mengenali pasangan demi memenuhi keperluan muda-mudi yang jauh berbeza latar belakangnya untuk berkenalan, bercinta dan berumah tangga.

(d) Kriteria Memilih Pasangan

Dalam perkahwinan pilihan ibu bapa, faktor keturunan dan kedudukan keluarga pasangan dianggap sebagai kriteria yang jauh lebih penting daripada keadaan pasangan itu sendiri. Hal ini demikian kerana, sistem ekonomi dalam masyarakat tradisi yang bergantung kepada hasil tanaman menyebabkan seseorang mesti mengharapkan

University of Malaya

komunitinya, termasuk keluarga dan kaum kerabat (Mook, 1999; Ning, 2009; Benokraitis, 2015), maka status dan nilainya dalam masyarakat setempat adalah ditentukan oleh kedudukan sosioekonomi keluarganya.

Walau bagaimanapun, di bandar perindustrian yang tinggi mobiliti sosialnya, seseorang boleh menentukan kedudukannya melalui usaha dan pencapaiannya sendiri. Oleh itu, faktor keturunan dan kelas sosial keluarga tidak lagi menjadi perhitungan utama dalam pemilihan pasangan. Sebaliknya, kriteria-kriteria calon itu sendiri didapati lebih diutamakan, antaranya, rupa paras, agama, keperibadian, pekerjaan, pendidikan, pendapatan dan sebagainya. Di A.S. contohnya, generasi muda lebih mengutamakan keperibadian, rupa paras dan keadaan sosioekonomi pasangan semasa mencari jodoh (Baber, 1953; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013). Kajian Schoen dan Wooldredge (1989) di Carolina Utara dan Virginia pula menunjukkan bahawa kriteria pemilihan pasangan bagi lelaki dan perempuan adalah berbeza. Dalam hal ini, lelaki lebih mengutamakan rupa paras perempuan, manakala perempuan lebih prihatin terhadap kedudukan sosioekonomi lelaki.

Perubahan kriteria memilih pasangan daripada latar belakang keluarga pasangan kepada sifat-sifat peribadi pasangan juga dapat dikesan di negara-negara Timur. Kajian Jain (1986) terhadap komuniti muslim di bandar Jaipur, India mendapati bahawa kriteria-kriteria yang lebih diutamakan oleh generasi muda ialah pencapaian pendidikan dan daya persaingan pasangan untuk menyara diri. Menurut kajian Jia dan Feng (2013) di bandar Nanjing, China, dalam kalangan 1255 responden yang sedang mencari jodoh, kriteria-kriteria peribadi pasangan akan dipertimbangkan terlebih dahulu, contohnya, ketinggian, umur, kestabilan pekerjaan, perangai dan taraf pendidikannya. Berikutnya

University of Malaya

ialah kriteria-kriteria pasangan yang berkaitan dengan kebendaan, seperti tempat kediaman, pendapatan dan kedudukan sosioekonominya. Dalam hal ini, keadaan sosioekonomi keluarga pasangan kurang diberikan keutamaan. Begitu juga di Afrika di selatan Sahara, menurut Clark dan rakan-rakan (2010), generasi muda di sana lebih memberikan keutamaan kepada keserasian pasangan dari segi keperibadian dan hobi semasa mencari pasangan hidup.

Berdasarkan perbincangan di atas, maka boleh dikatakan bahawa kriteria-kriteria memilih pasangan di bandar moden tidak lagi tertumpu kepada kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan, tetapi lebih berfokus kepada kriteria-kriteria peribadi pasangan itu.

2.4.2.2 Pengendalian Majlis Perkahwinan

Menurut Knox dan Schacht (2015), upacara perkahwinan ialah upacara laluan (*rite of passage*) agama dan sivil yang menandakan peralihan kedudukan seseorang daripada "tunang" kepada "suami isteri". Upacara ini mempunyai makna sosial yang penting, iaitu mengumumkan penyatuan pasangan pengantin kepada orang ramai secara rasminya (Westermarck, 2015). Pengendalian majlis perkahwinan merupakan satu proses rumit yang bukan sahaja mengambil masa panjang, tetapi memakan perbelanjaan yang besar. Proses persiapan ini memberikan peluang kepada kedua-dua keluarga untuk mempelajari bagaimana bekerjasama demi kebaikan anak mereka masing-masing. Dalam mana-mana masyarakat pun, pengendalian majlis perkahwinan dianggap penting kerana kelancarannya dapat menjamin kejayaan upacara perkahwinan, bahkan mempengaruhi kestabilan hubungan perkahwinan dan kualiti hubungan antara besan.

University of Malaya

Dibandingkan dengan pengantin yang mengadakan majlis perkahwinan yang dirancang dengan sistematik dan di khalayak ramai, mereka yang "kahwin lari" atau melangsungkan perkahwinan secara rahsia menghadapi risiko yang lebih tinggi terperangkap dalam perkahwinan yang gagal (Landis & Landis, 1968; Saxton, 1996).

Sejajar dengan perkembangan zaman, pengendalian majlis perkahwinan di bandar telah mengalami banyak perubahan diakibatkan oleh pengaruh persekitaran. Seperti diketahui, pengendalian majlis perkahwinan merangkumi banyak perkara, termasuk menentukan tarikh dan lokasi perkahwinan, membincangkan dan menetapkan pemberian perkahwinan, perbelanjaan barang-barang dan perkhidmatan perkahwinan, menjemput tetamu, menerima wang dan hadiah daripada tetamu dan sebagainya. Biarpun begitu, tesis ini hanya memfokuskan kepada beberapa perkara sahaja, iaitu pemberian wang dan barang hantaran, pemilihan tarikh dan lokasi majlis perkahwinan, sistem sokongan dari segi tenaga dan sistem sokongan dari segi kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Hal ini demikian kerana mengikut kajian-kajian lepas, perkara-perkara tersebut telah banyak dipengaruhi oleh proses pembandaran. Berikutnya, akan diterangkan perubahan-perubahan yang telah berlaku secara lebih mendalam.

(a) Pemberian Perkahwinan

Dalam kebanyakan budaya, sistem pemberian perkahwinan pernah diamalkan untuk seketika, bahkan terus diamalkan dalam sebahagian masyarakat. Secara umumnya, pembayaran perkahwinan boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu *dowry* dan *bride wealth*. *Dowry* merujuk kepada pembayaran daripada perempuan kepada lelaki, dan

University of Malaya

bride wealth pula merujuk kepada pembayaran daripada lelaki kepada perempuan (Azizah Kassim, 1985; Cooper, 1995; Anderson, 2007; Choron & Choron, 2010; Westermarck, 2015). Memandangkan masyarakat Melayu di Malaysia mengamalkan sistem *bride wealth*, atau dalam bahasa Melayu ialah pemberian wang hantaran, maka perbincangan seterusnya hanya memfokuskan kepada sistem ini.

Pemberian wang hantaran ialah satu upacara tradisi yang diamalkan dengan berleluasa. Mengikut catatan Murdock (1967), sistem nilai harga pengantin perempuan ini diamalkan dalam dua pertiga masyarakat daripada 1167 masyarakat pra-industri, termasuk beberapa puak di Afrika, China, Jepun dan negara-negara Timur Tengah, seperti Iran. Fungsi pemberian wang hantaran pada dasarnya ialah, "*explicit recognition and valuing of women's productivity and contribution to marriage*. (Anderson, 2007, p. 170)." Dalam masyarakat tradisi, aktiviti ekonomi tertumpu kepada penanaman padi, pemeliharaan ternakan dan kraf tangan, maka hasil pertanian menduduki tempat penting dalam masyarakat pertanian (Ho, 2013). Keutamaan ini juga dapat dikesan dalam soal pemberian perkahwinan. Dalam masyarakat tradisi di Afrika, hantaran lembu ialah cara untuk mengesahkan hubungan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan (Azizah Kassim, 1985, p. 78). Di kampung-kampung di Vietnam, menurut Ho (2013), barang hantaran daripada keluarga pengantin lelaki terdiri daripada hasil pertanian dan ternakan. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat bandar moden, amalan pemberian perkahwinan telah mengalami perubahan nyata yang menghala kepada dua hasil yang sangat berbeza.

Menurut sarjana-sarjana barat, seperti Goode (1982), Goody (1973/1984), Schlegel dan Eloul (1988), dan Gates (1996), seiring dengan penurunan kuasa ibu bapa dalam

University of Malaya

mengaturkan perkahwinan, amalan pemberian perkahwinan semakin pupus. Dalam masyarakat England tradisi, untuk memperisteri seorang perempuan, keluarga lelaki mesti menyerahkan bayaran kahwin kepada bapa pengantin perempuan. Namun, dalam masyarakat moden pula, jaminan dan ikrar diberikan dalam bentuk cincin perkahwinan sahaja dan terus kepada pengantin perempuan sendiri dalam upacara perkahwinan, bukan kepada bapanya lagi (Goody, 1984). Fenomena ini juga dibuktikan kebenarannya dalam beberapa masyarakat timur. Di Vietnam contohnya, pembayaran wang hantaran sudah tidak popular lagi kerana dianggap sebagai satu amalan yang ketinggalan zaman (Thuc-Doan & Belk, 2012). Bahkan, di negara-negara Islam, keadaan yang sama juga didapati berlaku. Di Indonesia contohnya, menurut Boomgaard (2003), kepopularan pemberian wang hantaran sudah menurun bermula dari 1950-an.

Sungguhpun begitu, terdapat juga keadaan di negara-negara lain yang bertentangan dengan huraian di atas. Apa yang didapati ialah, seiring dengan meluasnya ekonomi kewangan, wang menjadi harta yang paling dihargai. Kepentingan wang semakin menonjol dalam pemberian perkahwinan, iaitu hasil pertanian beransur-ansur digantikan dengan wang tunai atau ditambahkan juga wang tunai. Dalam masyarakat Afrika moden, lembu tidak lagi dianggap sebagai satu-satunya harta yang paling berharga, maka sesetengah keluarga lelaki menggantikan hantaran lembu dengan wang tunai yang lebih bernilai. Ada juga keluarga yang masih memberi lembu sebagai hantaran mengikut tradisi, namun menambahkan wang tunai sekali dalam hantaran (Ogbu, 1978; Azizah Kassim, 1985). Di bandar Hanoi, Vietnam pada masa kini, kecuali barang-barang hantaran yang biasanya terdiri daripada pinang, rokok, arak dan teh, disertakan juga sekeping angpau yang dipanggil “wang hitam” sebagai tanda terima kasih kepada

University of Malaya

keluarga perempuan dan juga bantuan kewangan bagi menampung kos kenduri di sebelah pihak perempuan (Ho, 2013).

Bukan setakat itu sahaja, nilai pemberian perkahwinan didapati terus meningkat dengan pantas. Ogbu (1978) menyatakan, wang hantaran di Afrika semakin tinggi jumlahnya sehingga menyukarkan kaum lelaki yang ingin berumah tangga. Curtin (1984) juga menunjukkan bahawa di Lamu, Kenya, wang hantaran untuk seorang gadis terus meningkat dalam tempoh 50 tahun, iaitu sejak 1930 hingga 1980. Di bandar China, adat pemberian wang hantaran bukan sahaja masih diterima secara umumnya, tetapi semakin tinggi jumlahnya ekoran peningkatan taraf hidup penduduk di bandar (Harrell, 1992; Ma dan rakan-rakan, 2013). Di Iran pula, menurut Rezai-Rashti dan Moghadam (2011), nilai pemberian perkahwinan daripada lelaki kepada perempuan juga didapati meningkat dengan berterusan.

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh dikatakan bahawa amalan pemberian perkahwinan dalam masyarakat moden telah menerima banyak perubahan dibandingkan dengan masyarakat pertanian, sama ada masih dikekalkan atau telah digantikan bahkan terus ditinggalkan.

(b) Pemilihan Tarikh dan Lokasi Majlis Perkahwinan

Seterusnya, ditinjau perubahan pemilihan tarikh majlis perkahwinan dalam masyarakat bandar. Jika melihat masyarakat tradisi, kehidupan penduduk terikat dengan aktiviti pertanian dan dipengaruhi oleh taraf teknologi yang agak rendah. Oleh itu, tarikh majlis perkahwinan biasanya tertumpu pada masa kendur pertanian, masa yang tidak banyak kerja pertaniannya atau masa yang ditentukan oleh penilik nasib (Amran Kasimin, 2002;

University of Malaya

Thuc-Doan & Belk, 2012; Li, 2014). Namun begitu, pada masa kini, pemilihan tarikh majlis perkahwinan telah banyak berubah dalam masyarakat di bandar. Secara umumnya, tarikh majlis perkahwinan akan jatuh pada hujung minggu atau cuti umum supaya jemputan senang datang ke majlis yang bakal dilangsungkan.

Di bandar-bandar di Vietnam, tarikh majlis perkahwinan tidak lagi ditentukan oleh penilik nasib seperti apa yang berlaku dalam masyarakat tradisi, tetapi ditetapkan oleh kedua-dua keluarga pengantin mengikut masa lapang majoriti jemputan dan mereka yang sudi datang untuk membantu (Thuc-Doan & Belk, 2012; Ho, 2013). Di China, cuti panjang dan jumlah jemputan menjadi dua syarat utama dalam pemilihan tarikh majlis perkahwinan bagi pengantin yang ingin membina rumah tangga. Menurut kajian Pan (2013), perayaan besar di China seperti cuti Hari Buruh (tiga hari), cuti Hari Kebangsaan (tujuh hari) dan sebagainya menjadi pilihan tarikh popular bagi mengadakan upacara perkahwinan dalam kalangan muda-mudi di bandar.

Mengenai lokasi mengadakan majlis perkahwinan pula, dalam masyarakat tradisi, biasanya keluasan rumah tuan rumah adalah besar, sesetengah rumah pula mempunyai pekarangan sendiri, maka secara umumnya, tuan rumah mengadakan kenduri kahwin di rumah sendiri (Edwards, 1987; Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim, 2011; Ho, 2013). Walau bagaimanapun, di bandar-bandar perindustrian, dengan adanya perkembangan industri perkahwinan yang pesat, semakin banyak pasangan pengantin memutuskan untuk mengadakan majlis perkahwinan di luar rumah, iaitu menjadikan restoran, hotel atau dewan orang ramai sebagai lokasi majlis perkahwinan.

Di Jepun misalnya, sebelum Perang Dunia Kedua, lazimnya kenduri kahwin diadakan di rumah sahaja. Namun begitu, mengadakan majlis perkahwinan di luar

University of Malaya

tempat kediaman menjadi semakin popular seiring dengan perkembangan ekonomi dan perubahan seni bina domestik di negara ini (Edwards, 1987). Di bandar-bandar Vietnam, pasangan pengantin biasanya mengadakan majlis perkahwinan di dewan, hotel atau restoran mengikut kelas sosial masing-masing. Lokasi-lokasi seperti itu menawarkan perkhidmatan perkahwinan dengan menyediakan beberapa tempat pilihan, menyusun meja dan kerusi, dan menghiasi tempat mengikut tema perkahwinan pasangan pengantin masing-masing (Thuc-Doan & Belk, 2012; Ho, 2013). Di Shanghai, China pula, lokasi majlis perkahwinan juga telah berpindah dari tempat peribadi kepada tempat awam, iaitu berpindah daripada rumah pengantin lelaki atau rumah pusaka keluarga ke tempat-tempat seperti restoran atau hotel (Li, 2014).

Tidak dapat dinafikan bahawa di bandar perindustrian pada hari ini, pemilihan tarikh dan lokasi majlis perkahwinan telah mengalami perubahan yang drastik. Pemilihan tarikh majlis perkahwinan lebih tertumpu kepada hujung minggu atau cuti umum. Pemilihan lokasi majlis perkahwinan pula, telah berpindah ke kawasan awam dari kawasan peribadi.

(c) Sistem Sokongan Tenaga dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan

Dalam masyarakat tradisi, ekonomi yang bergantung kepada pertanian dan industri kraf tangan menyebabkan kepentingan penduduk terikat dengan kepentingan komunitinya. Maka, tidak hairanlah, penduduk desa bergaul rapat dengan komuniti setempat dan sering bantu-membantu antara satu sama lain. Hubungan yang rapat dan intim ini dapat dikesan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan kerana proses ini disertai dan dijayakan oleh hampir semua penduduk komuniti. Sama ada sanak-saudara atau jiran tetangga rela

University of Malaya

menghulurkan bantuan kepada tuan rumah dalam mengendalikan pelbagai kerja, antaranya menyediakan barang hantaran, menghiasi lokasi majlis perkahwinan, memasak lauk, dan melayan tetamu (Kim, 1980; Banks, 1983; Thuc-Doan & Belk, 2012).

Namun begitu, cara melaksanakan majlis perkahwinan di bandar-bandar perindustrian telah menunjukkan corak baharu yang jauh berbeza daripada apa yang berlaku dalam masyarakat tradisi. Sudah menjadi fenomena lumrah, iaitu wujudnya industri perkahwinan yang menyediakan perkhidmatan profesional untuk membebaskan tuan rumah daripada kerja persiapan yang rumit lagi berat. Di A.S. misalnya, industri perkahwinan mula membangun pada hujung 1970-an dan awal 1980-an. Mead (2008) dan Blakely (2008) mengatakan, kesan daripada gerakan kewanitaan, pelaksanaan majlis perkahwinan yang dianggap sebagai kerja dan tugas tradisional pengantin perempuan dan ibunya telah diserahkan kepada organisasi di luar rumah, yakni agensi-agensi perkahwinan profesional.

Fenomena yang serupa juga berlaku di dunia timur. Di bandar Ho Chi Minh, Vietnam contohnya, selepas pelaksanaan *Đổi Mới*, iaitu program pengubahsuaian sistem ekonomi pada tahun 1986, persiapan perkahwinan yang merupakan kerja lingkungan institusi keluarga pada seketika dahulu, telah beransur-ansur diambil alih oleh perniagaan yang berkaitan dengan perkahwinan (Thuc-Doan & Belk, 2012). Contohnya, pada masa dahulu, keluarga pengantin biasanya meminta ahli keluarga atau sahabat handai muda yang rapat dengan mereka membawa hadiah perkahwinan ke rumah pasangan mereka. Kini, penyedia perkhidmatan perkahwinan di bandar selalu mengupah pelajar kolej untuk menjalankan tugas sebagai pembawa hadiah bagi

University of Malaya

pelanggan mereka. Bahkan, ada agensi menyediakan perkhidmatan mengupah orang asing berlakon sebagai ibu bapa dan sanak saudara dalam majlis perkahwinan, sekiranya ahli keluarga pengantin terbabit tidak dapat menyaksikan majlis perkahwinannya atas sebab-sebab yang tertentu.

Di Jepun, menurut Edwards (1987), dewan perkahwinan (*wedding hall*) yang pertama wujud pada 1950-an, namun sehingga 1960-an, barulah industri perkahwinan berkembang secara besar-besaran. Industri perkahwinan di Jepun boleh mencapai kejayaan kerana menyebabkan para pelanggan menikmati kemudahan untuk mendapatkan pelbagai informasi dan perkhidmatan melalui satu organisasi sahaja. Satu lagi punca yang mengakibatkan perkhidmatan perkahwinan profesional semakin popular dalam kalangan orang Jepun ialah, permintaan yang tinggi daripada pelanggan terhadap majlis perkahwinan yang lebih besar dan lebih mewah.

Seiring dengan meluasnya penggunaan perkhidmatan perkahwinan di bandar, kos perbelanjaan ke atas persiapan majlis perkahwinan turut mengalami perubahan. Sebenarnya, kajian yang memfokuskan kepada perbelanjaan majlis perkahwinan tidak banyak dilakukan (Timmons, 1939; Otnes & Lowrey, 1993; Bloch & rakan-rakan, 2004). Namun begitu, melalui beberapa kajian yang ditemui, boleh dirumuskan bahawa kos belanja untuk persiapan majlis perkahwinan di bandar semakin meningkat. Di A.S. contohnya, perbelanjaan perkahwinan mula meningkat dengan drastik sejak awal 1980-an (Charsley, 1991; Otnes & Pleck, 2003). Penyumbang utama kepada fenomena ini ialah peningkatan perbelanjaan orang A.S ke atas perkhidmatan perkahwinan (Blakely, 2008; Mead, 2008). Menurut Blakely (2008), secara purata, majlis perkahwinan yang menjemput tetamu seramai 125-150 orang memakan kos sebanyak

University of Malaya

USD17,500. Di kawasan metropolitan yang lebih besar pula, perbelanjaan majlis perkahwinan secara purata boleh mencecah USD35,000.

Di Korea, pembelian perkhidmatan dan barang-barang yang berkaitan dengan perkahwinan menghasilkan volum jualan yang sangat besar. Menurut Lee (1991), pasaran industri perkahwinan di Korea menyumbang USD3.75 juta pada setiap tahun. Park (1997) juga menegaskan, majlis perkahwinan di Korea memakan kos belanja yang agak besar sehingga membebankan ibu bapa pengantin. Huraiannya seperti yang berikut, "*Expenditures for weddings are so great that Korean parents often spend years accumulating sufficient money for their child's wedding. The accumulated funds are spent on housing, household and ceremonial items, and the honeymoon*. (p. 192)." Di Fransfontein, Namibia pula, kos perbelanjaan persiapan majlis perkahwinan juga didapati meningkat tinggi sejak tahun 1970-an. Hal ini demikian kerana "...*new ritual practices and consumption goods, like wedding cakes and wedding receptions, were incorporated.* (Pauli, 2011, p. 160)."

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh dirumuskan bahawa di bandar-bandar perindustrian, tugas institusi keluarga, sanak-saudara dan jiran tetangga dalam melaksanakan majlis perkahwinan telah diambil alih oleh agensi-agensi perkahwinan profesional di luar rumah. Selain itu, dengan menggunakan perkhidmatan perkahwinan profesional tersebut, kos perbelanjaan untuk persiapan majlis perkahwinan juga semakin meningkat.

University of Malaya

(d) Sistem Sokongan Kewangan dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan

Dalam masyarakat pertanian, tujuan perkahwinan adalah untuk menjaga, mengukuhkan, dan meningkatkan kepentingan keluarga melalui penjalinan hubungan dengan sebuah keluarga yang setaraf. Oleh itu, dalam hal ini, ibu bapa atau ahli keluarga yang lebih berumur bertanggungjawab untuk mengaturkan perkahwinan dan menampung segala kos belanja yang bakal timbul itu (Djamour, 1965; Curtin, 1984; Pauli, 2011; Thuc-Doan & Belk, 2012).

Walau bagaimanapun, di bandar-bandar moden hari ini, sejajar dengan peningkatan kuasa generasi muda dalam soal perkahwinan, tanggungjawab mereka dalam menanggung kos perbelanjaan majlis perkahwinan turut meningkat. Menurut kajian Smock dan rakan-rakan (2005) yang dijalankan terhadap 117 orang A.S. dalam kelas buruh dan kelas menengah bawah, didapati semua responden menyedari bahawa menanggung kos belanja majlis perkahwinan ialah tanggungjawab mereka sendiri. Mereka tidak pula mengharapkan bantuan kewangan daripada ibu bapa atau sanak saudara lain. Di negara-negara Afrika, muda-mudi juga didapati memainkan peranan yang lebih besar dalam menanggung perbelanjaan majlis perkahwinan. Di Lamu, Kenya contohnya, kebanyakan gadis yang berpendidikan akan menyimpan duit, hasil daripada pendapatan untuk membantu ibu bapa dalam menanggung kos belanja majlis perkahwinan mereka yang menelan perbelanjaan yang tinggi (Curtin, 1984). Di Burkina Faso pula, menurut Calvés dan Depledge (2007), telah menjadi trend baharu, iaitu pengantin lelaki sendiri akan menanggung kos perbelanjaan majlis perkahwinan, bukannya ibu bapa mereka lagi.

University of Malaya

Kesedaran tentang pentingnya berdikari dari segi ekonomi dalam melaksanakan majlis perkahwinan juga semakin meluas dalam kalangan generasi muda di bandar-bandar negara Asia. Di Jepun misalnya, terdapat muda-mudi memilih dewan mesyuarat awam yang lebih rendah bayarannya sebagai lokasi kenduri perkahwinan kerana tidak ingin terlalu bergantung kepada ibu bapa dari segi kewangan (Edwards, 1987). Kajian Thuc-Doan dan Belk di bandar Ho Chi Minh, Vietnam pula mendapati, dalam persiapan majlis perkahwinan, muda-mudi semakin berdikari dari segi kewangan. Menurut mereka berdua, "*One-third of the wedding that we studied were financed by parents, one-third were covered by the couples, and the other third were jointly financed by couples and their parents*. (Thuc-Doan & Belk, 2012, p. 114)."

Walau bagaimanapun, pengantin yang perlu menanggung kos belanja majlis perkahwinan sendiri turut mengalami masalah. Di A.S. contohnya, menurut Smock dan rakan-rakan (2005), disebabkan oleh sikap berdikari, pendapatan yang rendah dan kos kenduri yang tinggi, maka umur ketika berkahwin muda-mudi telah meningkat. Selain itu, fenomena bersekedudukan juga berleluasa dalam golongan ini. Calvés dan Depledge (2007) juga mendapati fenomena yang sama berlaku di Burkina Faso, iaitu pengantin menanggung sendiri kos majlis perkahwinan dan dalam masa yang sama kos kenduri kahwin meningkat, hal ini mendorong umur kaum lelaki ketika berkahwin terus meningkat. Selain itu, semakin ramai lelaki enggan menjalankan upacara perkahwinan, dan lebih cenderung untuk memulakan hubungan intim dengan pasangan mereka dengan cara bersekedudukan.

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh dikatakan secara umumnya, sistem sokongan kewangan dalam melaksanakan majlis perkahwinan di bandar telah banyak

University of Malaya

berubah. Dijelaskan dengan lebih terperinci lagi, jika dibandingkan dengan nenek moyang mereka, pasangan pengantin hari ini memainkan peranan yang lebih besar dalam menampung kos majlis perkahwinan.

Setakat ini, perubahan faktor-faktor sosioekonomi yang diakibatkan oleh proses pembandaran dan perubahan pola-pola perkahwinan di bandar telah dibincangkan secara teratur. Pada hakikatnya, kedua-dua perkara tersebut mempunyai hubung kait yang sangat rapat. Dengan lebih jelas lagi, perubahan faktor-faktor sosioekonomi di bandar terus menyumbang kepada perubahan pola-pola perkahwinan, terutama sekali dari aspek pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan. Berikutnya, hubungan sebab-musabab antara kedua-dua perkara ini akan dikupas.

2.4.3 Pengaruh Faktor-faktor Sosioekonomi di Bandar terhadap Perubahan Pola-pola Perkahwinan dalam Masyarakat Bandar

Dalam kajian ini, pemboleh ubah sosioekonomi tertumpu kepada lima faktor sosioekonomi di bandar, hasil daripada proses pembandaran, iaitu pendidikan, pekerjaan, pendapatan, kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Seterusnya akan dihuraikan bagaimana lima faktor sosioekonomi tersebut mempengaruhi perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan di bandar yang menjadi isu yang hendak diselidik dalam kajian ini.

University of Malaya

2.4.3.1 Pendidikan

Pendidikan merupakan salah satu faktor yang paling banyak membawa perubahan dalam perkahwinan dan keluarga (Caldwell, 1976). Kajian yang telah dilakukan oleh sarjana terdahulu mendapati pendidikan membawa perubahan yang ketara terhadap umur ketika berkahwin, kuasa dalam memilih pasangan, cara mengenali pasangan, kriteria memilih pasangan, pemberian perkahwinan dan sistem sokongan tenaga dalam melaksanakan majlis perkahwinan.

Seperti diketahui, peningkatan umur ketika berkahwin di bandar sering dikaitkan dengan faktor pendidikan yang disifatkan sebagai penghalang yang paling utama bagi fenomena kahwin muda (Limanonda, 1982; Smith-Hefener, 2005; Tokuhiro, 2010; Rezai-Rashti & Moghadam, 2011; Thuc-Doan & Belk, 2012). Kajian Calvès dan Depledge (2007) di Burkina Faso mendapati, pencapaian pendidikan selepas sekolah rendah jelas menangguhkan perkahwinan pertama bagi kaum lelaki. Huraian dua sarjana tersebut seperti yang dinyatakan, "*...who have never attended school or only Koranic school form a union 1.7 times faster than those who stayed in education until secondary or higher level*. (p. 306)." Pada hakikatnya, dibandingkan dengan kaum lelaki, pencapaian pendidikan membawa pengaruh yang lebih besar terhadap kaum perempuan. Smith dan Karim (1980) menunjukkan, di Asia pada abad ke-20, seiring dengan lanjutan tempoh bersekolah, umur ketika berkahwin kaum perempuan meningkat 0.6 tahun pada setiap dekad. Tokuhiro (2010) pula mengatakan, peningkatan tahap pendidikan di Jepun, Korea dan Hong Kong membuka peluang kerja yang lebih luas kepada kaum perempuan, akibatnya, umur ketika berkahwin mereka didapati semakin meningkat tinggi.

University of Malaya

Pendidikan juga dianggap sebagai salah satu penyumbang utama kepada perkahwinan pilihan sendiri (Strange, 1976; Smith-Hefner, 2005; Gianfortoni, 2009). Menurut Gianfortoni (2009), di Lar, Iran, perempuan yang menerima pendidikan menengah mempunyai kebebasan yang lebih besar dalam memilih pasangan mengikut kemahuan sendiri, contohnya, menginginkan suami yang bekerja dalam bidang perkeranian atau pendidikan. Kajian Smith-Hefner (2005) terhadap muda-mudi Jawa pula menegaskan, peluang pendidikan yang lebih baik memberikan peluang kepada muda-mudi berinteraksi dengan orang yang berlainan jantina, lantas menyumbang kepada perkahwinan atas dasar cinta. Kajian Clark dan rakan-rakan (2010) di Afrika Sub-Saharan juga menemui hasil kajian yang serupa. Menurut mereka, perkahwinan pilihan sendiri semakin popular kerana orang muda, khasnya gadis mempunyai tahap kebebasan yang lebih tinggi. Dalam hal ini, tamat pelajaran dari sekolah banyak membantu mereka mencapai kebebasan itu.

Pendidikan juga mempunyai pengaruh terhadap cara mengenali pasangan di bandar. Kajian di bandar Shanghai dan Chengdu, China menunjukkan, muda-mudi yang mempunyai taraf pendidikan diploma dan ke atas lebih banyak menemui pasangan di tempat belajar, melalui kenalan rakan sekolah, atau dalam perjumpaan alumni. Muda-mudi yang berpendidikan setakat sekolah tinggi sahaja pula lebih cenderung mengenali pasangan melalui kenalan kawan-kawan, ahli keluarga dan rakan sekerja. Selain itu, muda-mudi yang berpendidikan tinggi juga lebih cenderung mengenali pasangan dalam laman sesawang, di kelab dan dalam perjalanan keluar kawasan

University of Malaya

(*outstation*). Muda-mudi yang rendah taraf pendidikannya pula, lebih banyak menemui bakal teman hidup di tempat awam, misalnya tempat hiburan, tempat pelancongan dan sebagainya (Li & Xu, 2004).

Dari aspek kriteria memilih pasangan, pengaruh pendidikan juga dapat dikesan dengan jelas (South, 1991; Mare, 1991; Arum, 2008; Haslee Sharil Abdullah dan rakan-rakan, 2011). Menurut kajian South (1991), orang yang berpendidikan tinggi tidak begitu sanggup untuk mencari pasangan yang mempunyai pengalaman perkahwinan dan membawa anak daripada perkahwinan sebelumnya. Selain itu, mereka juga tidak mahu berkahwin dengan pasangan yang rendah kedudukan sosioekonominya. Kajian Li dan Xu (2004) pula menunjukkan, orang yang mempunyai tahap pendidikan lebih tinggi mengenakan syarat yang lebih ketat terhadap pasangan. Mereka lebih cenderung untuk memilih pasangan yang tinggi kedudukan sosioekonominya. Dalam hal ini, bukan sahaja potensi tersembunyi didahulukan, seperti pendidikan, pekerjaan dan kepandaian, keadaan ekonomi eksplisit juga dipentingkan, contohnya, kediaman, pendapatan dan harta benda.

Di bandar yang tinggi mobiliti sosialnya, pendidikan menjadi salah satu lambang kedudukan masyarakat yang penting. Oleh itu, dalam menentukan nilai pemberian perkahwinan, pendidikan seseorang memainkan peranan yang semakin penting. Seperti apa yang dijelaskan oleh Azizah Kassim (1985), jumlah wang hantaran dan nilai barang-barang hantaran lebih bergantung kepada kelulusan akademik bakal pengantin kerana faktor ini melambangkan kedudukannya dalam komuniti setempat. Lazimnya, tahap pendidikan seseorang dan nilai pemberian perkahwinan berkorelasi positif. Menurut Rezai-Rashti dan Moghadam (2011), di negara-negara Islam, tahap pendidikan

University of Malaya

yang tinggi selalu menyumbang kepada peningkatan nilai *mehrieh*. Huraian ini dibuktikan benar dalam masyarakat Melayu, Malaysia iaitu semakin tinggi pendidikan seseorang, maka semakin lumayan wang hantaran yang ditetapkan (Raihanah Azahari dan rakan-rakan, 2009).

Pendidikan formal juga mempengaruhi cara berbelanja kerana pendidikan boleh meninggikan keinginan, keperluan dan cita rasa pengguna untuk berbelanja demi meningkatkan kualiti hidup (Gold, 2002). Pengaruh ini mudah dilihat dalam perbelanjaan dalam perkhidmatan perkahwinan. Kajian He (2012) di bandar Chengdu, China menunjukkan, semakin tinggi pendidikan pengantin, maka semakin rasional sikapnya semasa berbelanja barang-barang dan menggunakan perkhidmatan perkahwinan. Selain itu, pengantin yang berpendidikan tinggi juga lebih mengutamakan jenama barang-barang dan populariti agensi perkhidmatan perkahwinan. Bagi pengantin yang berpendidikan rendah pula, mereka lebih mengutamakan "air muka" semasa berbelanja untuk persiapan majlis perkahwinan dan enggan menerima "*naked marriage*" [6], yakni trend memudahkan urusan perkahwinan.

Berdasarkan perbincangan di atas, maka boleh dikatakan bahawa faktor pendidikan berpengaruh besar dalam menentukan pola-pola perkahwinan bandar amnya dan pemilihan pasangan serta pengendalian majlis perkahwinan khususnya.

2.4.3.2 Pekerjaan

Penglibatan dalam pasaran pekerjaan perindustrian merupakan satu transformasi masyarakat yang amat besar (Kendall, 1985; Gold, 2002; Giddens & Sutton, 2013).

[6] Di China, perkataan ini merujuk kepada hubungan perkahwinan yang dijalin tanpa membeli kereta, rumah, bahkan tanpa mengadakan majlis perkahwinan. Dalam perkahwinan jenis ini, pengantin hanya perlu mendaftar di jabatan perkahwinan kerajaan sahaja.

University of Malaya

Faktor pekerjaan di bandar sering dikaitkan dengan perubahan yang berlaku dari aspek umur ketika berkahwin, kuasa dalam memilih pasangan, pemilihan tarikh majlis perkahwinan, dan sistem sokongan tenaga dalam melaksanakan majlis perkahwinan.

Perubahan ciri-ciri pekerjaan di bandar didapati menyumbang kepada fenomena lambat berkahwin (Baber, 1953; Smith & Karim, 1980; Wilkie, 1991; Rezai-Rashti & Moghadam, 2011). Pekerjaan di bandar amat mengutamakan pendidikan dan kepakaran pekerja, maka muda-mudi bandar mengorbankan banyak masa dan tenaga untuk meningkatkan pencapaian akademik dan terpaksa menangguhkan soal membina rumah tangga. Sebenarnya, bukan sahaja perubahan ciri-ciri pekerjaan di bandar meningkatkan umur ketika berkahwin, terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa situasi seperti tiada pekerjaan atau ketidakstabilan kerja turut menyumbang kepada fenomena lambat berkahwin, terutama sekali dalam golongan lelaki (Calvés & Depledge, 2007).

Faktor pekerjaan juga dianggap sebagai salah satu pendorong besar kepada trend berkahwin atas pilihan sendiri (Strange, 1976; Saxton, 1996; Cherlin, 1999; Tokuhiro, 2010). Menurut Kendall (1985), penglibatan dalam pasaran kerja menjadikan lelaki dan perempuan Korea lebih matang. Kematangan ini pula menyebabkan mereka berhak untuk menuntut inisiatif dan hak dalam memilih pasangan. Didapati bahawa ramai orang muda di Korea pada hari ini menemui pasangan mereka secara kebetulan di bandar, lalu jatuh cinta, contohnya menemui jodoh di tempat kerja. Kajian Smith-Hefner (2005) di Indonesia juga membuktikan bahawa pekerjaan mendorong berkurangannya perkahwinan mengikut aturan ibu bapa. Menurutnya, proses pembandaran menggalakkan muda-mudi menceburkan diri dalam pasaran kerja di bandar. Ini bukan sahaja membebaskan mereka daripada lingkungan keluarga, tetapi

University of Malaya

memberikan mereka peluang dan kebebasan untuk berkenalan dan berkomunikasi dengan orang yang berlainan jantina tanpa pengawasan ibu bapa. Oleh hal yang demikian, kuasa ibu bapa dalam perkahwinan anak-anak semakin menurun, sebaliknya perkahwinan atas dasar cinta menjadi semakin popular.

Sifat-sifat pekerjaan dalam bidang perindustrian di bandar dikatakan banyak mempengaruhi pemilihan tarikh majlis perkahwinan. Di bandar, sistem kerja menetapkan masa lapang penduduk mengikut waktu kerja, maka masa kerja dan masa lapang dibahagikan dengan amat jelas. Pekerja perlu mengetepikan kepentingan sendiri dan mematuhi peraturan pekerjaan yang ditetapkan. Oleh itu, tarikh majlis perkahwinan yang senang untuk pengantin sendiri, ahli keluarga dan tetamu jemputan hadir menjadi pilihan popular, iaitu hari cuti. Pan (2013) menunjukkan, disebabkan kebanyakan muda-mudi China berkecimpung dalam pembangunan dan perkembangan bandar, maka masa cuti panjang menjadi pilihan popular bagi mereka yang bakal menjalankan majlis perkahwinan. Di Vietnam, menurut Ho (2013), kelapangan majoriti tetamu dan jiran-jiran yang sudi datang membantu ialah penentu utama dalam menetapkan tarikh majlis perkahwinan.

Selain itu, beban kerja yang menghambat pihak pengantin merupakan penyumbang utama kepada kewujudan dan perkembangan industri perkahwinan di bandar (Blakely, 2008; Mead, 2008; Choron & Choron, 2010). Sifat pekerjaan perindustrian menyebabkan kehidupan penduduk bandar mengikut jadual waktu. Mereka selalu sibuk dengan kerjaya, dan kekurangan masa dan tenaga untuk memfokuskan kepada persiapan majlis perkahwinan. Akibatnya, mereka terpaksa menyerahkan kerja-kerja pelaksanaan majlis perkahwinan kepada pihak yang lebih profesional. Pada hakikatnya, tekanan

University of Malaya

yang dialami oleh pengantin kerana berada dalam dilema antara pekerjaan dan persiapan majlis perkahwinan boleh dilihat dengan lebih ketara dalam kalangan pengantin perempuan. Hal ini demikian kerana selama ini, persiapan majlis perkahwinan dianggap sebagai lingkungan kerja tradisional kaum perempuan. Blakely (2008) dan Mead (2008) menunjukkan, pergerakan pembebasan wanita telah meningkatkan penglibatan perempuan dalam pasaran kerja, maka masa dan tenaga mereka yang dicurahkan dalam pekerjaan semakin bertambah, sebaliknya masa yang dihabiskan dalam urusan rumah tangga semakin berkurangan. Akibatnya, mereka sanggup mengupah perkhidmatan perkahwinan profesional untuk menangani persiapan majlis perkahwinan dan menyelamatkan diri mereka daripada masalah dilema yang dihadapi.

Berdasarkan perbincangan di atas, ternyatalah bahawa faktor pekerjaan telah membawa banyak perubahan terhadap pola-pola perkahwinan di bandar, sama ada dari segi pemilihan pasangan atau pengendalian majlis perkahwinan.

2.4.3.3 Pendapatan

Sarjana-sarjana sebelum ini berpandangan bahawa pola-pola perkahwinan di bandar dilanda perubahan yang signifikan disebabkan oleh satu faktor sosioekonomi yang penting, iaitu pendapatan. Seterusnya, kesannya terhadap pola-pola perkahwinan di bandar akan dijelaskan dari beberapa aspek, antaranya kuasa dalam memilih pasangan, pemberian perkahwinan, sistem sokongan tenaga dan sistem sokongan kewangan dalam melaksanakan majlis perkahwinan.

University of Malaya

Faktor pendapatan sering dikaitkan dengan kuasa muda-mudi di bandar dalam memilih pasangan (Jain, 1986; Goode, 1991; Bidwell & Mey, 2000; Smith-Hefner, 2005; Clark dan rakan-rakan, 2010). Menurut Olson, DeFrain dan Skogrand (2013), di Afrika, India, Israel dan Malaysia, perkahwinan atas pilihan sendiri lebih banyak didapati dalam kalangan penduduk yang mempunyai kedudukan sosioekonomi yang lebih tinggi. Tidak dapat dinafikan, mempunyai pendapatan sendiri menyebabkan muda-mudi mempunyai autoriti untuk menerima atau menolak mana-mana pelamar (Gianfortoni, 2009). Hal ini demikian kerana pendapatan, hasil daripada pekerjaan di bandar menyebabkan muda-mudi berdikari dari segi kewangan. Dengan kata lain, sara hidup mereka tidak lagi bergantung kepada keluarga, maka kuasa ibu bapa dalam soal perkahwinan mereka terus menurun. Sebaliknya, kepada mereka yang tiada sumber ekonomi, khususnya perempuan, kebebasan mereka untuk memilih pasangan sangat minimum (Strange, 1976; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013).

Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian perubahan pemberian perkahwinan, melalui kajian silang budaya, didapati dua fenomena yang bertentangan mengenai pemberian perkahwinan di bandar. Yang pertama ialah, kadar pemberian perkahwinan terus meningkat, dan yang kedua pula ialah, amalan ini semakin pupus. Yang menarik di sini ialah, faktor pendapatan dipercayai menjadi penyumbang kepada kedua-dua fenomena tersebut. Dalam masyarakat yang semakin meningkat jumlah pemberian perkahwinannya, pemberian perkahwinan dianggap sebagai pengukur kemampuan ekonomi pemberi dan harga diri penerima. Lantaran itu, peningkatan pendapatan penduduk bandar akan mendorong peningkatan nilai pemberian perkahwinan supaya status sosial, kemampuan kewangan dan harga diri pihak-pihak

University of Malaya

terbabit boleh ditunjukkan melalui pemberian perkahwinan tersebut (Jain, 1986; Cooper, 1995). Dalam masyarakat yang semakin pupus dalam amalan pemberian perkahwinan pula, disebabkan oleh muda-mudi mempunyai pendapatan sendiri dan tidak bergantung lagi kepada keluarga dari segi ekonomi, maka pengaruh ibu bapa terhadap perkahwinan anak-anak jatuh mendadak, hal ini turut menyebabkan tanggungjawab mereka terhadap persiapan pemberian perkahwinan menurun. Akhirnya, pemberian perkahwinan antara kedua-dua keluarga pun semakin pupus (Goode, 1982; United Nations, 1990).

Dari segi sistem sokongan tenaga dalam melaksanakan majlis perkahwinan di bandar, faktor pendapatan dipercayai menjadi dorongan besar kepada penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional (Goldstein-Gidoni, 1997; Blakely, 2008; Mead, 2008). Edwards (1987) menunjukkan, selepas Perang Dunia Kedua, kemampuan ekonomi orang Jepun meningkat disebabkan oleh perkembangan ekonomi yang pesat. Peningkatan daya beli terus memberikan peluang keemasan kepada penggunaan perkhidmatan perkahwinan untuk mengenakan jumlah bayaran yang tinggi, lalu mendorong pembangunan industri perkahwinan di Jepun. Kajian Thuc-Doan dan Belk (2012) terhadap pelaksanaan majlis perkahwinan di Vietnam juga menyokong pandangan tersebut. Menurut mereka, peningkatan pendapatan penduduk, akibat pelaksanaan program pengubahsuaian sistem ekonomi, telah merangsang penggunaan perkhidmatan dan barang-barang yang berkualiti tinggi, termasuk perkhidmatan perkahwinan profesional. He (2012) pula menunjukkan, pendapatan menambah perhatian penduduk bandar China terhadap jenama, kepopularan, kualiti dan idea rekaan

University of Malaya

perkhidmatan komersial serta barang-barang. Keadaan ini menyebabkan mereka lebih gemar menggunakan perkhidmatan agensi perkahwinan yang profesional dan berpengalaman luas.

Selain itu, faktor pendapatan juga dipercayai membawa impak terhadap sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan di bandar. Muda-mudi di bandar hari ini, mempunyai sumber ekonomi yang tersendiri, hasil kerja keras dalam sistem ekonomi industri. Dengan adanya pendapatan ini, mereka tidak lagi bergantung kepada duit ibu bapa untuk menjayakan majlis perkahwinan. Sebaliknya, mereka berpeluang untuk menguruskan majlis perkahwinan mengikut idea dan cita rasa sendiri (Glanfortoni, 2009) dengan cara menanggung kos perbelanjaan majlis atau sekurang-kurangnya sebahagian daripada keseluruhannya (Whyte, 1993). Dilihat dengan lebih mendalam lagi, didapati muda-mudi yang berpendapatan tinggi lebih cenderung untuk menanggung perbelanjaan majlis perkahwinan, sedangkan mereka yang berpendapatan rendah lebih banyak mengharapkan bantuan kewangan daripada ibu bapa (Thuc-Doan & Belk, 2012).

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh disimpulkan bahawa faktor pendapatan telah banyak mempengaruhi pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam kalangan penduduk di bandar.

2.4.3.4 Kediaman

Faktor kediaman sering dianggap berkaitan dengan perubahan pola-pola perkahwinan di bandar dari segi cara mengenali pasangan, pemilihan lokasi majlis perkahwinan dan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Dalam bahagian yang

University of Malaya

seterusnya, akan dihuraikan bagaimana faktor kediaman mengakibatkan perubahan-perubahan tersebut berlaku.

Perubahan faktor kediaman di bandar telah mengakibatkan tinggal berdekatan mempunyai impak yang semakin kecil dalam mengenali pasangan (Leslie, 1980; Li & Xu, 2004; Rosenfeld & Thomas, 2012). Dalam masyarakat bandar, pengkhususan kerja yang rumit dan mobiliti sosial yang tinggi menyebabkan tempat kediaman semakin jauh dari tempat belajar dan tempat kerja. Fenomena ini menggalakkan muda-mudi meninggalkan lingkungan keluarga, dan berkesempatan belajar dan bekerja dengan sejumlah orang sebaya yang tidak mungkin mereka kenali sebelum ini. Kesannya, seperti yang dihuraikan oleh Rosenfeld dan Thomas (2012), jumlah pasangan yang berkenalan di kawasan kejiranan semakin berkurangan dan mereka yang saling mengenali di universiti atau melalui Internet pula semakin bertambah. Pandangan tersebut disokong oleh Li dan Xu (2004) dalam kajian mereka yang menunjukkan bahawa seiring dengan proses pembandaran, pemodenan dan perluasan komunikasi masyarakat, walaupun lokasi berhampiran masih memainkan peranan dalam mengenali pasangan, namun faktor ini kurang dikesan dari segi kedudukan tempat tinggal, tetapi lebih dikesan dari segi tempat belajar atau tempat kerja.

Selain itu, terdapat juga sarjana menghubung kaitkan faktor kediaman dengan berlakunya perpindahan lokasi majlis perkahwinan keluar dari kawasan kediaman (Edwards, 1987; Ho, 2013). Hal ini disebabkan oleh reka bentuk rumah di bandar mempunyai keluasan yang terhad dan tidak sesuai dijadikan lokasi majlis perkahwinan yang ratusan jumlah jemputannya. Lokasi komersial, seperti dewan, hotel atau restoran besar yang disediakan dengan kemudahan lengkap dan hiasan indah jelas menjadi

University of Malaya

pilihan yang lebih sesuai. Edwards (1987) menghujahkan hubungan antara perubahan bentuk kediaman orang Jepun dengan wujudnya lokasi majlis perkahwinan komersial dengan huraian seperti yang berikut:

> "*In prewar homes a reception of 20 to 30 persons could be accommodated on the tatami mats of several adjoining rooms combined into one by removing the sliding doors in between. Postwar homes have become smaller, and few are now built so that separate rooms can be combined as was formerly common. The ability to entertain large parties at home thus declined precisely as the size of the wedding increased, creating a need for larger facilities now met by the wedding industry*. (p. 61)."

Fenomena yang sama juga boleh dikesan dalam kalangan penduduk Hanoi, Vietnam. Menurut Ho (2013), disebabkan oleh kesempitan ruang di kawasan rumah bandar, kini lokasi majlis perkahwinan telah dipindahkan ke hotel atau dewan yang disediakan di bandar.

Seperti yang telah dibincangkan di atas, di bandar, industri perkahwinan telah mengambil alih tugas sanak saudara dan jiran tetangga dalam melaksanakan majlis perkahwinan. Dalam hal ini, faktor kediaman mempunyai tanggungjawab yang tidak dapat dielakkan kerana perubahan ciri-ciri kediaman di bandar menjejaskan sistem sokongan sanak saudara dan jiran tetangga. Dari segi tahap sokongan sanak saudara, di bandar, saudara-mara tidak lagi duduk di bawah satu bumbung, tetapi tersebar luas di seluruh bandar, negara, bahkan ke luar negara demi memenuhi tuntutan pelajaran atau pekerjaan. Hubungan komunikasi dan kerjasama sesama mereka telah menurun, maka pengantin tidak boleh mengharapkan lagi "*Uncle Joe*" mengambil gambar dan "*Aunt Sally*" membakar kek (Mead, 2008). Dari segi hubungan kejiranan pula, struktur kediaman di bandar menekankan sempadan antara sebuah keluarga dengan sebuah

University of Malaya

keluarga yang lain agar tuan rumah boleh menjaga privasi. Perubahan ini lantas menyebabkan hubungan komunikasi, hubungan kerapatan dan hubungan kerjasama sesama jiran tetangga menurun dengan ketara (Fatimah Abdullah, 2009b). Akibatnya, di bandar, adalah tidak praktikal mengharapkan kerjasama jiran tetangga untuk menjayakan majlis perkahwinan.

Menurut perbincangan di atas, jelasnya faktor kediaman berpengaruh besar dalam pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan di bandar.

2.4.3.5 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga

Faktor kedudukan sosioekonomi keluarga pula sering dihubungkaitkan dengan kuasa dalam pemilihan pasangan, pemilihan lokasi majlis perkahwinan, pemberian perkahwinan, sistem sokongan tenaga dan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Seterusnya, perbincangan yang lebih lanjut akan dijalankan.

Mengenai pengaruh kedudukan sosioekonomi keluarga terhadap kuasa muda-mudi dalam memilih pasangan, para sarjana mempunyai dua pandangan yang berbeza. Pandangan yang pertama ialah, semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga, maka semakin kecil kuasa yang diberikan kepada anak-anak dalam memilih pasangan (Leslie & Korman, 1985; Saxton, 1996; Cherlin, 1999). Menurut sarjana golongan ini, untuk menjaga kekayaan keluarga dan mengukuhkan status sosial keluarga, keluarga kaya lebih cenderung mengaturkan perkahwinan anak-anak dengan keluarga kelas atasan. Bagi anak-anak dari keluarga yang lebih rendah kedudukan sosioekonominya pula, mereka mempunyai kebebasan yang lebih besar dalam memilih pasangan kerana "*...there was little property for parents to worry about* (Cherlin, 1999, p. 240)".

University of Malaya

Pandangan yang kedua pula ialah, semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga, maka semakin besar kuasa anak-anak dalam soal mencari jodoh (Jain, 1986). Hal ini berlaku kerana keluarga yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya lebih moden dan bersikap terbuka. Maka ibu bapa golongan ini lebih menghormati pandangan dan hak anak-anak dalam soal mencari jodoh. Dalam keluarga berpendapatan rendah pula, kewibawaan ibu bapa dan kepatuhan anak-anak amat ditekankan, termasuk dalam soal perkahwinan.

Kedudukan sosioekonomi keluarga di bandar yang semakin besar jurangnya dipercayai memainkan peranan penting dalam menentukan nilai pemberian perkahwinan. Disebabkan amalan menunjukkan kedudukan dan status sosial keluarga merupakan salah satu tujuan yang tersirat dalam pemberian perkahwinan (Curtin, 1984), maka secara umumnya, nilai pemberian perkahwinan yang ditetapkan berkorelasi positif dengan kedudukan sosioekonomi keluarga terbabit. Huraian ini dibuktikan benar dalam komuniti muslim India, iaitu jumlah pemberian perkahwinan daripada suami kepada isteri banyak bergantung kepada kedudukan sosioekonomi keluarga isteri. Semakin mantap asas kewangan keluarga isteri, maka semakin lumayan pemberian perkahwinan yang diterimanya (Roy, 1979; Jain, 1986). Gianfortoni (2009) turut mengesan perkara yang sama di Lar, Iran, iaitu keluarga pengantin perempuan yang lebih kaya akan menerima pemberian perkahwinan yang lebih tinggi nilainya berbanding dengan keluarga pengantin perempuan yang biasa-biasa sahaja.

Kedudukan sosioekonomi keluarga pengantin juga dipercayai membawa pengaruh kepada pemilihan lokasi majlis perkahwinan di bandar (Edwards, 1987; Thuc-Doan & Belk, 2012). Secara umumnya, semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga, maka

University of Malaya

semakin mewah lokasi majlis perkahwinan yang dipilih, dan semakin besarlah kos yang dibelanjakan. Thuc-Doan dan Belk (2012) mengatakan, di bandar Ho Chi Minh, Vietnam, keluarga kaya suka mengadakan majlis perkahwinan di hotel bertaraf empat bintang, lima bintang atau restoran mewah. Bagi keluarga kaum buruh pula, restoran-restoran kecil menjadi lokasi pilihan. Edwards (1987) pula menunjukkan, di Jepun, untuk memenuhi keperluan keluarga pengantin yang berbeza-beza kedudukan sosioekonominya, wujudlah tiga jenis lokasi majlis perkahwinan di bandar. Ketiga-tiga lokasi tersebut ialah, dewan perkahwinan dan hotel yang lebih tinggi kos belanjanya, serta dewan mesyuarat awam yang meniru cara operasi dan perkhidmatan yang ditawarkan di dua buah lokasi komersial itu tetapi dengan harga yang lebih murah.

Dari aspek sistem sokongan tenaga dalam melaksanakan majlis perkahwinan, kedudukan sosioekonomi keluarga didapati banyak mempengaruhi penggunaan perkhidmatan perkahwinan (Park, 1997; Gianfortoni, 2009; Fatimah Abdullah, 2009; He, 2012). Dalam kumpulan keluarga yang berlainan status sosialnya, perbezaan sikap jelas dikesan dari segi keperluan terhadap barang-barang dan perkhidmatan yang berkaitan dengan persiapan majlis perkahwinan (Park, 1997). Di banyak tempat dan negara, dengan dipengaruhi oleh budaya pengguna yang berleluasa, majlis perkahwinan dijadikan landasan utama untuk menunjukkan kekayaan keluarga (Bloch, 2004; Pauli, 2013). Akibatnya, semakin tinggi kedudukan kewangan keluarga, maka semakin cenderung mereka menggunakan perkhidmatan perkahwinan profesional yang menelan kos tinggi. Pandangan ini disokong oleh hasil dapatan kajian Gianfortoni (2009), iaitu ringkas atau kompleks persiapan majlis perkahwinan bergantung kepada kekayaan dan status keluarga pengantin.

University of Malaya

Selain itu, pengaruh kedudukan sosioekonomi keluarga terhadap sistem sokongan kewangan dalam melaksanakan majlis perkahwinan juga tidak boleh dipandang remeh. Kajian-kajian sebelum ini mendapati, keluarga yang tinggi kedudukan sosioekonominya lebih cenderung menaja majlis perkahwinan anak-anak, atau sekurang-kurangnya menampung sebahagian daripada keseluruhan kos belanja majlis perkahwinan itu, begitu juga sebaliknya (Smock dan rakan-rakan, 2005; Thuc-Doan & Belk, 2012). Smock dan rakan-rakan (2005) pula menunjukkan, bagi orang muda daripada keluarga berpendapatan rendah, ibu bapa bukan sumber bantuan kewangan yang boleh diharapkan dalam melaksanakan majlis perkahwinan. Orang muda daripada keluarga menengah atas pula adalah lebih bertuah kerana boleh bergantung kepada bantuan kewangan ibu bapa dalam melaksanakan majlis perkahwinan.

Berdasarkan perbincangan di atas, impak kedudukan sosioekonomi keluarga jelas dapat dikesan dalam perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan di bandar.

Sebagai kesimpulan, untuk memperkenalkan kerangka konseptual kajian ini dengan lebih mendalam, bahagian ini telah menghuraikan hubung kait antara lima pemboleh ubah sosioekonomi akibat pembandaran dengan perubahan yang berlaku dalam pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan di bandar. Kerangka konseptual yang telah dibuktikan kesahihannya berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan akan memandu kajian seterusnya yang memfokuskan kepada perubahan

University of Malaya

pola-pola perkahwinan orang Melayu bandar dan punca-puncanya. Untuk memperoleh hasil dapatan kajian yang lebih memuaskan, beberapa hipotesis kajian yang mencabar turut dikemukakan.

2.5 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, tiga hipotesis utama telah dibina agar kajian ini dapat mencapai hasil dapatan kajian yang lebih menarik dan mempunyai nilai akademik yang lebih tinggi. Ketiga-tiga hipotesis yang dikemukakan adalah seperti yang berikut:

(a) Dalam pemilihan pasangan orang Melayu bandar, sosioekonomi pengantin sendiri lebih berpengaruh, iaitu merangkumi pendidikan, pekerjaan dan pendapatan, dibandingkan dengan sosioekonomi keluarga pengantin, iaitu kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga.

(b) Dalam pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar, sosioekonomi pengantin sendiri memainkan peranan penting, seperti pendidikan, pekerjaan dan pendapatan, namun sosioekonomi keluarga pengantin masih berpengaruh besar dalam hal ini, iaitu kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga.

(c) Unsur-unsur sosiobudaya, termasuk adat dan nilai norma Melayu serta agama Islam semakin kurang memberikan pengaruh dalam kalangan orang Melayu bandar.

Ketiga-tiga hipotesis ini akan diuji kebenarannya dalam kajian yang seterusnya.

University of Malaya

2.6 Rumusan

Bab 2 telah membincangkan secara terperinci dan sistematik tentang kajian literatur, teori dan kerangka konseptual, di samping menyenaraikan tiga hipotesis kajian yang akan diuji kebenarannya.

Menurut kajian literatur, didapati kekosongan dalam bidang kajian silang budaya tentang pengaruh pembandaran amnya dan faktor-faktor sosioekonomi khususnya terhadap pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan masyarakat Melayu bandar. Maka, amat diperlukan sebuah kajian komprehensif yang menggunakan teori dan kerangka konseptual saintifik bagi mengupas isu ini. Dari segi penggunaan teori, Teori Pemodenan, iaitu teori penting dalam bidang kajian perubahan masyarakat diaplikasikan sebagai kerangka teori besar dalam kajian ini agar melihat sama ada perubahan institusi perkahwinan Melayu bandar mengikut model barat, di samping mengkaji hubung kait antara "tradisi" dan "moden" dalam perubahan-perubahan yang telah berlaku. Untuk menjalankan kajian dengan lebih berkesan, sebuah kerangka konseptual dibentuk dan telah diterangkan keberkesanannya. Kerangka konseptual ini akan digunakan untuk menyelidik sama ada pembandaran mempengaruhi dan mengubah pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar melalui lima pemboleh ubah sosioekonomi utama, iaitu pendidikan, pendapatan, pekerjaan, kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Akhir sekali, tiga hipotesis kajian yang mencabar dikemukakan agar kajian ini dapat mencapai hasil dapatan yang lebih menarik dan bernilai akademik tinggi.

Untuk memperlihatkan lagi dengan lebih jelas perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu bandar dan juga implikasi

University of Malaya

proses pembandaran dalam hal ini, Bab 3 akan menghujahkan keadaan sosioekonomi dan perkahwinan masyarakat Melayu tradisi/pertanian [7] yang merujuk kepada masyarakat Melayu sebelum pelaksanaan DEB pada tahun 1971. Dimensi masa antara masyarakat tradisi/pertanian dan masyarakat moden ditetapkan pada pelaksanaan DEB kerana bertitik tolak daripada tempoh itu, barulah proses pembandaran secara besar-besaran mula berlaku dalam kalangan orang Melayu dan mengubah cara hidup mereka yang bersifat tradisi kepada yang bersifat moden.

University of Malaya

[7] Dalam konteks kajian ini, masyarakat tradisi/pertanian didefinisikan sebagai masyarakat yang mempunyai ciri-ciri bertentangan dengan masyarakat Melayu bandar yang bersifat moden.

BAB 3: KEADAAN SOSIOEKONOMI DAN PERKAHWINAN MASYARAKAT MELAYU TRADISI

3.1 Pendahuluan

Perbincangan dalam Bab 3 merangkumi dua bahagian utama, yang pertama ialah keadaan sosioekonomi masyarakat Melayu tradisi; dan yang kedua pula ialah, perkahwinan masyarakat Melayu tradisi dengan menumpukan kepada pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan. Keadaan sosioekonomi dalam masyarakat Melayu tradisi mempunyai hubung kait yang rapat dengan corak-corak perkahwinan pada ketika itu. Dengan membincangkan dua perkara ini, latar belakang umum kepada isu yang hendak dikupas dalam kajian ini dapat diberikan, malahan perubahan yang berlaku dalam pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar kini serta punca-puncanya juga dapat dikesan dengan lebih ketara.

3.2 Keadaan Sosioekonomi Masyarakat Melayu Tradisi

Masyarakat Melayu tradisi ialah masyarakat pertanian yang bersifat tidak kompleks, teratur, konservatif dan bersatu padu. Kedudukannya terpencil dari pekan dan bandar yang ekonominya dikuasai oleh kaum Cina dan India. Seterusnya, keadaan umum masyarakat Melayu tradisi akan dihuraikan dari segi faktor-faktor sosioekonomi yang mempunyai kaitan dengan kajian ini, iaitu kegiatan ekonomi, pendapatan, pendidikan, tempat kediaman dan susun lapis masyarakat.

University of Malaya

Dari aspek kegiatan ekonomi, pada dasarnya, masyarakat Melayu tradisi bergantung pada kegiatan ekonomi pertanian. Hanya segelintir penduduk sahaja memilih pekerjaan bukan pertanian, contohnya, kakitangan kerajaan dan pendidik. Freedman dan Swift (1959) telah menyimpulkan empat jenis aktiviti ekonomi utama dalam masyarakat Melayu pertanian. Antara aktiviti-aktiviti tersebut, perikanan dan penanaman padi yang terangkum dalam kegiatan ekonomi sara diri menduduki tempat yang paling dominan dalam masyarakat Melayu pertanian. Sara hidup penduduk kampung yang menjalankan dua jenis kegiatan ekonomi tersebut bergantung kepada hasil tangkapan ikan dan tanaman padi. Di samping itu, penternakan binatang, penanaman sayur dan buah juga menjadi jaminan penting kepada kehidupan mereka. Sekiranya terdapat lebihan hasil pengeluaran pertanian, maka aktiviti pertukaran barangan akan dilakukan dengan penduduk yang menghasilkan barangan jenis lain (Firth, 1966; Surya Awang, 2002; Wan Abdul Kadir, 1993). Kegiatan ekonomi utama jenis ketiga ialah, ekonomi campuran yang menggabungkan sekali gus kegiatan ekonomi sara diri dan pengeluaran untuk pasar. Kegiatan jenis ini dianggap sebagai "*the most viable of all types of Malay economy* (Freedman & Swift, 1959, p. 3)." Selain ketiga-tiga jenis kegiatan ekonomi di atas, dua orang sarjana ini juga mendapati sebilangan kecil penduduk kampung bergantung sepenuhnya kepada pengeluaran getah. Namun begitu, menurut mereka, data-data mengenai golongan ini adalah terhad bilangannya.

Dalam masyarakat Melayu tradisi, pekerjaan pertanian diusahakan oleh institusi keluarga yang beroperasi sebagai unit pengeluaran yang utuh. Dengan erti kata lain, apabila anak-anak membesar nanti, mereka akan mengendalikan pekerjaan yang sama

University of Malaya

seperti ibu bapa mereka, iaitu pekerjaan pertanian. Menurut Kuchiba (1979), "*...when people become too old to farm, their children work their land as tenants*. (p. 52)." Banks (1983) pula menyatakan, "*If they (young people) stayed in* Sik*, they could look forward to agricultural work, raising a family, and growing old...there was a boring sameness about life*. (p. 33)." Dalam keadaan sebegini, ibu bapa Melayu berperanan sebagai orang yang menurunkan kemahiran kepada generasi muda. Bapa mengajar anak-anak lelaki kemahiran dalam mengendalikan pekerjaan pertanian, manakala ibu melatih anak-anak perempuan dalam menguruskan rumah tangga (Swift, 1965; Banks, 1983; Yaacob Harun, 1991). Selain itu, ibu bapa terutama sekali bapa juga mempunyai kuasa mutlak untuk membahagikan kerja, harta dan tanah kepada anak-anaknya. Oleh itu, dalam masyarakat Melayu pertanian, tahap pergantungan ekonomi anak-anak terhadap ibu bapa adalah sangat tinggi.

Dari segi pendapatan pula, pendapatan komuniti Melayu masyarakat pertanian perlu diusahakan oleh semua anggota keluarga, sedangkan pendapatan individu tidak begitu diutamakan. Menurut Wan Abdul Kadir (1993), pendapatan sebuah rumah tangga harus dikira dalam bentuk wang tunai yang diterima oleh anggota-anggota rumah tangga[1] (p. 58). Maka, pendapatan komuniti Melayu kampung boleh dikatakan terdiri daripada tiga bahagian utama. Yang pertama ialah, pendapatan daripada jualan hasil pekerjaan utama, iaitu hasil tangkapan ikan bagi nelayan dan pengeluaran tanah bagi petani yang merangkumi getah, kelapa sawit, padi dan kelapa. Yang kedua ialah, pendapatan daripada jualan hasil pekerjaan sampingan, seperti tanaman luar musim,

[1] Perkiraan ini adalah kasar sahaja kerana barang-barang yang dikeluarkan sendiri oleh anggota keluarga dan perkhidmatan percuma yang diberikan oleh anggota keluarga tidak dapat dikira dalam bentuk wang tunai sebagai pendapatan rumah tangga.

University of Malaya

binatang peliharaan dan kerja tangan. Yang ketiga pula ialah, hasil kerja isteri dan anak-anak mengikut daya kemampuan dan masa lapang mereka.

Wan Abdul Kadir (1993) turut menghujahkan, pendapatan komuniti Melayu pertanian mempunyai dua ciri utama. Yang pertama ialah, secara keseluruhannya, pendapatan penduduk Melayu kampung masih rendah, bahkan sebahagian besar daripada mereka berada di bawah paras kemiskinan. Hal ini demikian kerana sistem ekonomi masyarakat pertanian dan faktor-faktor luaran telah menentukan paras pendapatan petani dan nelayan yang tidak seberapa. Yang kedua ialah, pendapatan keluarga Melayu kampung tidak tetap dan sering berubah-ubah dari semasa ke semasa. Hal ini bersangkut-paut dengan ciri-ciri pekerjaan pertanian, iaitu mudah terpengaruh oleh faktor-faktor luaran, seperti musim, cuaca, bencana alam dan juga musuh tanaman. Dalam erti kata lain, pendapatan mereka tidak dapat ditentukan dalam jangka waktu yang tertentu kerana berbagai-bagai kemungkinan barangkali berlaku sepanjang tempoh itu. Situasi ini juga menjadikan pendapatan komuniti Melayu tradisi sukar untuk dikira dengan tepat.

Ditinjau dari segi pendidikan, masyarakat Melayu tradisi yang mengamalkan sistem ekonomi sara diri kurang mengutamakan pendidikan formal. Punca utamanya ialah, kemahiran kemandirian yang diperlukan boleh dipelajari daripada anggota keluarga yang lebih berumur dan berpengalaman, terutama sekali ibu bapa. Orang kampung percaya bahawa dengan menguasai ilmu agama Islam, seseorang bukan sahaja boleh memenangi penghormatan daripada orang di sekeliling, tetapi juga boleh mempunyai asas ekonomi yang lebih stabil dengan mengadakan perkhidmatan keagamaan kepada orang kampung. Oleh itu, sebelum sistem pendidikan baharu dibina

University of Malaya

secara besar-besaran, pendidikan agama di sekolah pondok adalah satu-satunya pendidikan berinstitusi (*institutionalized education*) yang diterima oleh penduduk kampung (Kuchiba, 1979).

Secara tradisi dan idealnya, anak lelaki harus dihantar ke sekolah pondok dan mempelajari ilmu keagamaan untuk beberapa tahun dengan tajaan ibu bapa. Walau bagaimanapun, pendidikan di sekolah pondok hanya memberikan penekanan kepada pembacaan Al-Quran dan penulisan Jawi, sedangkan ilmu pengetahuan lainnya tidak disentuh. Akibatnya, kadar celik huruf dalam kalangan penduduk kampung adalah rendah, seperti yang dinyatakan oleh Tsubouchi (1979) dalam kajiannya di Galok, Kelantan:

> "*That 50 percent cannot even write their own names shows certain types of* pondok *were simply places for fostering religious belief. There is a markedly higher literacy rate among those who spent five years or more at a* pondok*, but with a few exceptions they can read only the Arabic* Jawi *script and not the* Rumi *alphabet now in general use*. (p. 219)."

Sejak sistem pendidikan sekular dibina secara besar-besaran, hasil daripada galakan kerajaan, tahap pendidikan penduduk kampung telah meningkat secara beransur-ansur. Namun, penyebaran pendidikan formal dalam kalangan anak-anak perempuan kampung agak perlahan. Secara keseluruhannya, kesan pembinaan sekolah formal yang lambat, ditambah lagi dengan sifat-sifat pendidikan sekolah pondok telah menyumbang kepada kadar celik huruf yang rendah dalam kalangan penduduk masyarakat tradisi (Tsubouchi, 1979).

Mengenai tempat kediaman dalam masyarakat Melayu tradisi, konsep perkongsian dan kerjasama merupakan prinsip asas dalam pembinaan rumah dan pemilihan lokasi

University of Malaya

rumah. Pada kebiasaannya, susunan rumah di kampung dibina secara berkelompok di atas tanah milik sendiri atau anggota keluarga. Saiz tanah yang luas membolehkan beberapa kelompok keluarga yang bersaudara atau mempunyai pertalian keluarga tinggal berdekatan (Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim, 1985). Lazimnya, apabila anak-anak baru berkahwin, rumah kayu asal akan ditambah dengan bilik tidur baharu bagi membolehkan pasangan baharu tinggal bersama dengan ibu bapa, di samping ahli keluarga lain mempunyai ruang dan bilik yang cukup (Abdul Maulud Yusuf, 1976). Setelah pasangan baharu melahirkan anak yang pertama, mereka akan berpindah dari rumah ibu bapa, dan membina rumah sendiri yang berdekatan sahaja dengan rumah ibu bapa (Fatimah Abdullah, 2009b). Memandangkan jarak yang dekat dari segi geografi sesama sanak saudara, maka hubungan persanakan di kampung adalah sangat rapat.

Selain itu, konsep perkongsian dan kerjasama turut memberikan pengaruh ke atas reka bentuk rumah Melayu di kampung. Siti Norlizaiha Harun dan Azira Ibrahim (1985) menunjukkan bahawa susun atur rumah Melayu tradisi tidak mempunyai sempadan yang luas. Walaupun dari segi struktur persekitaran rumah, terdapat unsur-unsur sempadan, seperti pokok buah-buahan dan pokok-pokok bunga, namun sempadan ini dianggap sebagai sempadan yang tersirat. Susunan rumah dibuat secara bebas dan lebih banyak ruang terbuka wujud seolah-olah dirancang bagi memastikan tiada privasi antara sempadan tanah. Ruang-ruang tersebut menjadi ruang komuniti bagi aktiviti penduduk setempat, seperti bergotong-royong, mengadakan kenduri-kendara, menjalankan acara kebudayaan dan sukan tradisi. Oleh itu, hubungan kejiranan dalam kalangan penduduk masyarakat Melayu tradisi juga amat akrab.

University of Malaya

Dari segi susun lapis masyarakat tradisi, secara umumnya, struktur masyarakat Melayu tradisi hanya terdiri daripada dua kelas sahaja, iaitu kelas pemerintah atau "raja", dan kelas yang diperintah atau lebih mudah dikenali sebagai "rakyat" (Freedman & Swift, 1959; Roff, 1974; Azizah Kassim, 1985). Kelas pemerintah terdiri daripada golongan feudal yang diketuai oleh raja atau sultan, manakala kelas yang diperintah pula merujuk kepada petani, nelayan dan hamba yang tinggal di kawasan pemerintahan raja atau sultan (Nawi Abdullah & Wan Ariffin Wan Ahmad, 2007). Kedatangan British di tanah Melayu telah merangsang kewujudan kelas menengah Melayu pada tahun 1920-an. Kelas sosial baharu ini terdiri daripada kakitangan kerajaan, ketua kampung, guru sekolah dan kadi (Wheeler, 1928). Namun, bilangannya adalah kecil sahaja berbanding dengan golongan petani dan nelayan yang menjadi golongan majoriti dalam masyarakat pertanian.

Wan Abdul Kadir (1992) menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu pertanian, walaupun wujudnya jurang perbezaan sosial, namun perbezaan itu tidak membina jurang perbezaan yang ketara sebagaimana masyarakat moden. Sungguhpun adanya perbezaan dari segi pendapatan tahunan isi rumah (Syed Husin Ali, 1964; Kuchiba, 1979), namun kedudukan sosioekonomi itu bukannya suatu yang penting dalam melahirkan perbezaan sosial. Menurut Wan Abdul Kadir (1992), perbezaan sosial itu berasaskan kepada peranan dan kepentingan sosial dalam kalangan anggota-anggota kelompok. Beliau menjelaskan keadaan ini dengan lebih mendalam melalui huraian seperti berikut:

> "Hubungan sosial yang erat di antara anggota-anggota kelompok dan berasaskan kepada ikatan kekeluargaan tidak menimbulkan jurang sosial

University of Malaya

> yang jelas berlandaskan kepada gaya hidup. Tinggi rendah kedudukan sosial di kalangan anggota-anggota kelompok lebih menekankan kepada penghormatan. (p.80)."

Dalam masyarakat Melayu tradisi yang menekankan kepentingan dan perpaduan komuniti, identiti dan keadaan sosioekonomi peribadi tidak diutamakan. Maka, kedudukan sosioekonomi dan status sosial keluarga seseorang merupakan faktor sosioekonomi utama yang mempengaruhi dan mencorakkan kehidupannya. Kuchiba (1979) menekankan pengaruh kedudukan sosioekonomi keluarga terhadap anak-anak dalam huraiannya seperti yang berikut:

> "*Children of poor farm households go away to work to earn extra money when they reach fifteen or sixteen years old, while the young men from the wealthier families loiter around in front of the coffee shops dressed in a clean western-style shirt and sharply creased slacks*. (p. 47)."

Implikasi kedudukan sosioekonomi keluarga Melayu terhadap anak-anak turut disifatkan dalam kajian Freedman dan Swift (1959). Menurut mereka, keluarga kelas menengah yang berpendapatan lumayan dan mempunyai hubungan sosial luas mampu menjamin peluang kerja yang lebih baik untuk anak-anak mereka dengan memberi mereka pekerjaan dalam sistem perkhidmatan kerajaan.

Sebagai kesimpulan, bahagian ini telah membincangkan keadaan sosioekonomi masyarakat Melayu tradisi secara umumnya dengan menyentuh beberapa faktor sosioekonomi yang berhubung kait dengan kajian ini. Keadaan sosioekonomi tersebut bersangkut paut dengan pola-pola perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi. Huraian yang lebih lanjut akan diberikan dalam bahagian yang berikut.

University of Malaya

3.3 Perkahwinan Masyarakat Melayu Tradisi

Sememangnya, perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi merupakan satu proses yang rumit dan kompleks kerana merangkumi banyak prosedur demi memenuhi tuntutan adat dan agama. Yaacob Harun (2014a) menegaskan, "*Malay marriage would not be considered proper and complete unless it was performed and celebrated with full* Adat *procedures*. (p. 42)." Prosedur-prosedur tersebut termasuk merisik dan meninjau, merasi, melamar dan meminang, bertunang, menghantar belanja, akad nikah, berinai (berinai curi, berinai kecil dan berinai besar), bersanding dan lawat-melawat (Mohtar H. Md. Dom, 1979; Luckman Sinar, 1994; Amran Kasimin, 2002). Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 1 dan Bab 2, kajian ini hanya memfokuskan kepada pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan, maka latar belakang pola-pola perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi yang akan dihuraikan dalam bahagian yang seterusnya juga hanya tertumpu kepada dua prosedur tersebut sahaja.

3.3.1 Pemilihan Pasangan

Pemilihan pasangan dalam masyarakat Melayu tradisi akan dihuraikan dari tiga aspek utama, iaitu umur ketika berkahwin, kuasa dalam memilih pasangan dan kriteria dalam memilih pasangan. Perbincangan yang berikutnya tidak melibatkan cara mengenali pasangan kerana dalam masyarakat Melayu tradisi yang mengenakan kawalan segregasi jantina yang ketat, muda-mudi Melayu hampir tidak ada cara dan peluang untuk berkenalan dengan orang yang berlainan jantina, dan akan terus berkahwin dengan calon yang dipilih oleh ibu bapa.

University of Malaya

3.3.1.1 Umur ketika Berkahwin

Orang Melayu dalam masyarakat tradisi biasanya membina rumah tangga pada usia muda. Di Padang Lalang, Kedah pada 1960-an, perempuan dikahwinkan dalam lingkungan umur 15-20 tahun, manakala lelaki secara idealnya berumah tangga pada umur 18-22 tahun (Kuchiba, 1979). Pada zaman yang sama, kajian di Galok, Kelantan mendapati, purata umur ketika berkahwin perempuan ialah 16.5 tahun, umur modal (*modal age*) ialah 15 tahun. Jarang didapati perempuan berumur 20 tahun ke atas yang tidak pernah berkahwin. Bagi lelaki pula, purata umur ketika berkahwin ialah 21.5 tahun dan umur modal ialah 20 tahun (Tsubouchi, 1979). Di Terengganu, pada tahun 1965, umur ketika berkahwin anak dara secara purata ialah 17 tahun, manakala bagi anak teruna pula ialah 19 tahun (Strange, 1976). Di Singapura pula, kebanyakan gadis Melayu berkahwin pada umur 16-19 tahun, manakala lelaki berkahwin pada umur 19-23 tahun (Djamour, 1965).

Terdapat dua punca utama menyumbang kepada fenomena berkahwin awal dalam masyarakat Melayu tradisi. Yang pertama ialah, dalam masyarakat Melayu yang mengamalkan kegiatan ekonomi pertanian, pembahagian kerja, tugas dan peranan adalah jelas mengikut jantina. Dalam hal ini, kaum lelaki bertugas untuk mencari rezeki, seperti menanam padi, menternak binatang dan menangkap ikan selain menghadiri perhimpunan di masjid dan membincangkan urusan penting di kampung. Kaum perempuan pula, bertanggungjawab untuk menangani segala urusan dalam rumah tangga, termasuk menjaga anak-anak, memasak, membasuh baju dan mengemas rumah. Dengan pembahagian tugas yang begitu nyata, kaum perempuan tidak akan terlibat dalam urusan kaum lelaki, manakala lelaki pula berasa malu jika mengetahui

University of Malaya

butiran-butiran urusan kaum perempuan. Dalam suasana masyarakat sebegini, menyatukan lelaki dan perempuan sebagai suami isteri dengan seawal mungkin ialah syarat yang penting supaya mereka boleh terus hidup di kampung (Kuchiba & Tsubouchi, 1966).

Punca yang kedua ialah, menurut sarjana seperti Banks (1983), orang Melayu pada zaman dahulu percaya bahawa lelaki dan perempuan yang mencapai usia akil baligh dipenuhi dengan keinginan seks, maka dengan cara mengahwinkan mereka dengan secepat mungkin boleh mengelakkan perbuatan zina yang dibenci Allah s.w.t. dan juga dilarang dalam agama Islam. Oleh itu, menjadi tanggungjawab utama ibu bapa untuk mengahwinkan anak-anak mereka dengan calon yang difikirkan elok sebaik sahaja mereka mencapai usia akil baligh. Berbanding dengan ibu bapa anak teruna, ibu bapa anak dara menghadapi tekanan yang lebih besar jika belum mengahwinkan anak mereka yang telah mencapai umur layak untuk kahwin. Menurut Swift (1965), jika anak dara belum berumah tangga dalam lingkungan umur 14-16 tahun, maka tuduhan terhadap ibu bapanya akan tersebar luas seperti yang dinyatakannya:

> "*...gossip quickly points to the meanness of the parents who are trying to delay the expense, to their snobbish choosiness which leads them to refuse good offers from eligible young men, or to their avarice in insisting on too large a contribution to wedding expenses from the suitors, which failings, they say, will lead to the girl being left an 'old maid'*. (p. 114)."

Maknanya, jika anak dara belum diperisteri pada umur ideal, maka niat ibu bapa untuk mengahwinkannya akan dituduh tidak jujur. Keadaan yang lebih serius ialah, ibu bapa

University of Malaya

dan gadis dilemparkan dengan pelbagai komen negatif dan fitnah yang berniat jahat dengan mempersoalkan moral dan nasib malang gadis itu.

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh dirumuskan bahawa dalam masyarakat Melayu tradisi, umur ketika berkahwin sama ada bagi lelaki atau perempuan adalah pada usia muda sahaja. Menurut kajian-kajian sebelumnya, lingkungan umur ketika berkahwin bagi perempuan ialah 15-20 tahun, manakala bagi lelaki ialah 18-23 tahun. Dalam hal ini, kaum lelaki didapati berumah tangga pada usia yang lebih lewat daripada kaum perempuan. Punca-puncanya termasuk, kaum lelaki memerlukan masa yang lebih panjang untuk mengukuhkan asas kewangan sebagai bakal ketua keluarga, kaum lelaki memerlukan masa yang lebih panjang untuk mencapai kematangan dan kaum lelaki mempunyai peluang yang lebih banyak untuk menerima pendidikan (Kuchiba & Tsubouchi, 1966).

3.3.1.2 Kuasa dalam Memilih Pasangan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, secara teorinya, perkahwinan khususnya perkahwinan kali pertama akan diaturkan oleh ibu bapa atau walinya. Dalam hal ini, muda-mudi Melayu sendiri hampir tidak mempunyai kuasa. Ibu bapa, terutama sekali bapa, bertanggungjawab untuk mengahwinkan anak-anak dengan calon yang sesuai dengan secepat mungkin apabila mereka akil baligh (Banks, 1983). Tanggungjawab ini dianggap sebagai “hutang” ibu bapa terhadap anak-anak mereka, lebih-lebih lagi bagi ibu bapa anak perempuan. Menurut Swift (1965), selepas mengaturkan perkahwinan untuk anak perempuan, bapa Melayu selalu berasa lega kerana telah membayar “hutangnya”.

University of Malaya

Dalam masyarakat tradisi, apabila muda-mudi meningkat kepada umur yang layak untuk berkahwin, maka ibu bapa mula mencari pasangan yang sesuai untuk mereka melalui bantuan orang tengah, seperti ahli keluarga atau mak andam. Namun begitu, bagi anak dara, menunggu lamaran di rumah lebih elok daripada melamar orang, seperti yang dinyatakan oleh Strange (1976), "*...it is far preferable for females to receive offers than to have offers made on their behalf*. (p. 562)." Sekiranya pihak yang dilamar menerima lamaran tersebut, maka upacara-upacara yang seterusnya akan dibincangkan dan dijalankan dengan sewajarnya demi memenuhi tuntutan agama dan adat. Oleh sebab pasangan pengantin hampir tidak pernah bergaul sebelum berlangsungnya majlis perkahwinan, maka mereka hanya dapat menilai bakal pasangan melalui pandangan ibu bapa, rupa paras dan juga reputasinya (Kuchiba & Yoshihiro, 1966).

Dengan adanya tuntutan nilai norma dan agama Islam yang menekankan kewibawaan ibu bapa dan kepatuhan anak-anak kepada mereka, maka muda-mudi dalam masyarakat Melayu tradisi jarang mencabar kuasa dan autoriti ibu bapa, termasuk dalam pengaturan perkahwinan, terutama sekali anak dara. Adalah tidak wajar jika seorang gadis menunjukkan sebarang keinginan dalam hal perkahwinan, sebaliknya ia dikehendaki berkahwin sahaja dengan lelaki yang dipilih untuknya (Swift, 1965). Djamour (1965) juga menyatakan, sungguhpun seorang gadis sangat tidak bersetuju dengan lelaki pilihan ibu bapanya, namun biasanya ia tetap membisu. Dalam hal ini, "*this consent shows passive acceptance rather than positive approval, and varying degrees of coercion may be used to obtain it*. (Swift, 1965, p. 112)." Walau bagaimanapun, bantahan akan dibuat selepas upacara perkahwinan dengan cara enggan melakukan persetubuhan (Djamour, 1965).

University of Malaya

Berbanding dengan gadis, teruna mempunyai lebih banyak kebebasan dalam soal perkahwinan. Menurut Swift (1965), jika seorang teruna tidak berkenan dengan calon isteri yang dipilih untuknya, maka ibu bapa akan cuba mencari calon lain. Teruna juga boleh memberikan isyarat kepada ahli keluarganya untuk memberitahu mereka gadis yang diminatinya, maka ibu bapa akan cuba melamar gadis itu. Keadaan ini disokong oleh Djamour (1959), "*Generally, however, it was common for a first marriage to take place after the minimum amount of consultation with the groom*. (p. 72)." Walau bagaimanapun, Swift (1965) menegaskan, hanya segelintir teruna akan menggunakan kuasa yang terhad ini. Biasanya, "*they restrict themselves to trying to find out something about, or at least to look at, the girl whom their parents suggest*. (p. 113)."

Perkahwinan aturan ibu bapa berleluasa dalam masyarakat Melayu tradisi disebabkan oleh dua punca utama yang berkait rapat dengan faktor sosioekonomi. Yang pertama ialah, muda-mudi amat bergantung kepada keluarga dari segi ekonomi, maka mereka tiada pilihan lain kecuali mematuhi keputusan keluarga. Dalam masyarakat Melayu pertanian, ibu bapa menguasai sumber ekonomi keluarga dan berkuasa untuk membahagikan tugas dan keuntungan keluarga kepada anak-anak. Maka, tahap pergantungan anak-anak kepada ibu bapa dari segi kewangan adalah tinggi. Situasi ini menyebabkan autoriti ibu bapa hasil daripada tanggungjawab berat untuk membesarkan anak-anak tidak boleh dicabar, seperti yang dinyatakan oleh Banks (1983), "*authority is the expression of final responsibility* (p. 132)." Dalam masyarakat Melayu tradisi, untuk menjaga dan mengukuhkan kepentingan keluarga, ibu bapa biasanya akan menjalin hubungan besan dengan keluarga yang setaraf. Dalam hal ini, kepentingan muda-mudi tidak diutamakan lagi kerana kepentingan keluarga perlu didahulukan, maka mereka

University of Malaya

akan mengikut keputusan ibu bapa dan berkahwin sahaja dengan calon suami atau isteri yang dipilih untuknya.

Punca yang kedua ialah, dalam masyarakat Melayu tradisi, kegiatan ekonomi yang seragam ditambah lagi dengan pemikiran konservatif yang didasari oleh hubungan primer tidak memberi muda-mudi peluang untuk bersosial secara bebas, akibatnya mereka hampir tidak mempunyai kenalan sebaya yang berlainan jantina. Menurut Kuchiba (1979), kawalan segregasi sosial antara lelaki dan perempuan mula dikuatkuasakan apabila umur mereka mencecah 12 tahun. Budak lelaki teragak-agak dan berasa malu untuk pergi ke kawasan rumah yang terdapat ramai gadis. Jika seorang budak lelaki yang berumur 15-16 tahun ingin mendekati seorang gadis sebaya, maka ia akan dimarahi oleh bapa atau abangnya dengan sangat teruk. Muda-mudi hanya boleh kadang-kadang berjumpa dalam majlis tertentu yang ramai tetamunya seperti yang dinyatakan oleh Kuchiba (1979), "*The young men and women of the village can only eye each other from afar at wedding receptions* (kenduri kahwin), *festive occasions, farewell gatherings for villagers leaving to find work, and similar events*. (p. 28)." Lantaran itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa yang mempunyai rangkaian sosial yang lebih luas untuk mencari pasangan sesuai untuk anak-anak mereka.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati bahawa dalam masyarakat Melayu tradisi, ibu bapa mempunyai kuasa mutlak dalam soal perkahwinan anak-anak, sedangkan pengantin sendiri hampir tidak mempunyai suara dalam hal ini, khususnya anak dara yang dianggap sebagai "*extremely shy and bashful* (Kuchiba, 1979, p. 29)".

University of Malaya

3.3.1.3 Kriteria dalam Memilih Pasangan

Seperti yang telah dinyatakan di atas, secara teorinya, perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi diaturkan oleh ibu bapa. Dalam perkahwinan jenis ini, kasih sayang sesama pasangan bukannya faktor penting, kerana "*they are partners in a joint enterprise which will persist for as long as it is mutually profitable*. (Swift, 1965, p. 105)." Sebaliknya, keadaan sosioekonomi keluarga besan lebih diutamakan semasa meneliti latar belakang calon menantu. Selain itu, latar belakang agama dan kemahiran kemandirian bakal menantu juga menjadi hitungan.

Dalam masyarakat Melayu tradisi, tujuan perkahwinan atas aturan ibu bapa adalah untuk mengukuhkan kedudukan sosioekonomi keluarga dengan menjalin hubungan besan dengan sebuah keluarga lain. Jelasnya, dalam hal ini, kepentingan keluarga adalah lebih diutamakan berbanding dengan kepentingan pengantin sendiri. Maka, kedudukan sosioekonomi dan latar belakang keluarga calon menantu merupakan kriteria yang lebih dititikberatkan oleh ibu bapa Melayu. Satu lagi punca yang menyebabkan keadaan sosioekonomi keluarga besan diutamakan ialah, muda-mudi Melayu amat bergantung kepada keluarga untuk menyara diri, menyebabkan kedudukan mereka dalam komuniti setempat banyak ditentukan oleh kedudukan sosioekonomi keluarga mereka. Perhatian ibu bapa Melayu terhadap keadaan sosioekonomi keluarga calon menantu boleh dikesan dalam banyak kajian, sama ada di Singapura atau Malaysia.

Dalam kalangan orang Melayu Singapura contohnya, semasa meneliti latar belakang seorang perempuan, ukuran utama dilihat dari segi kedudukan ekonomi bapa gadis berkenaan. Jika bapanya telah meninggal dunia, maka kemampuan ekonomi abangnya atau keluarga dekatnya yang menyara gadis itu akan dipertimbangkan

University of Malaya

(Djamour, 1965). Keadaan yang sama juga dikesan dalam masyarakat pertanian di Padang Lalang, Kedah, iaitu kedudukan dan kemampuan ekonomi keluarga bakal pasangan akan diambil kira (Kuchiba, 1979). Banks (1983) pula menegaskan, kedudukan sosioekonomi keluarga besan begitu diutamakan, terutama sekali selepas Perang Dunia Kedua sehingga kepentingan faktor ini telah menggantikan hubungan kerabat yang pernah diutamakan oleh orang tua semasa memilih calon menantu.

Selain kedudukan sosioekonomi keluarga calon menantu, terdapat juga dua kriteria mengenai calon sendiri menjadi hitungan, iaitu latar belakang agama dan kemahiran kemandiriannya. Mengenai agama, bagi komuniti Melayu masyarakat tradisi, agama Islam bukan sahaja agama semata-mata, tetapi merangkumi cara hidup. Maka, semasa memilih calon menantu, kedudukan agamanya dalam komuniti diutamakan (Strange, 1976). Menurut Amran Kasimin (2002), keluarga lelaki memberikan keutamaan kepada latar belakang pengetahuan agama, tatasusila dan budi bahasa anak gadis. Kuchiba (1979) pula menunjukkan, khatam al-Quran dianggap sebagai salah satu syarat penting dan kualiti seseorang gadis yang ingin dikahwini. Urusan perkahwinan mungkin boleh dibatalkan sekiranya perempuan tersebut didapati tidak pernah mengaji al-Quran. Dalam mencari calon menantu lelaki pula, sama ada dia berpengetahuan dalam bidang agama dan warak juga merupakan kriteria penting (Amran Kasimin, 2002). Ibu bapa lebih suka mengahwinkan anak perempuan mereka dengan lelaki yang beragama daripada mereka yang tidak mempunyai latar belakang agama. Itulah sebabnya lelaki yang beragama lebih mudah mendapat jodoh dan berkahwin dengan isteri yang berusia muda.

University of Malaya

Kemahiran kemandirian mengikut jantina turut dipertimbangkan semasa memilih calon menantu kerana menjadi jaminan masa depan rumah tangga yang bakal dibina (Kuchiba & Yoshihiro, 1966). Djamour (1965) menghuraikan bahawa bagi pengantin perempuan, dia mesti suci, rajin dan seorang suri rumah yang periang serta suka duduk di rumah. Bagi lelaki pula, selain baik dari segi tingkah laku, beliau juga diharapkan rajin bekerja. Strange (1976) juga mengatakan bahawa sama ada lelaki atau perempuan mesti rajin dan mampu menjalankan peranan mereka dengan baik dalam bidang pekerjaan tradisi. Laki-laki mesti membuktikan dirinya akan menjadi penyara hidup yang baik, manakala perempuan dikehendaki menetapi janji untuk menjadi suri rumah dan ibu yang misali.

Demi memenuhi tuntutan nilai norma Melayu dan agama Islam, dalam mengaturkan sebuah perkahwinan, ibu bapa Melayu amat mementingkan "sekufu" antara kedua-dua keluarga kerana keserasian antara keluarga besan adalah amat penting untuk membentuk dunia sosial pasangan tersebut. Menurut Banks (1983), golongan bangsawan mengaturkan perkahwinan bersifat endogami untuk keturunannya, manakala golongan orang miskin pula berkahwin dengan orang yang tidak berada supaya pasangan dapat mencari rezeki bersama-sama. Djamour (1965) mengatakan, keutamaan akan diberikan kepada perkahwinan antara dua keluarga asas yang sama pendapatan dan taraf hidupnya. Seorang anak penoreh getah mungkin berkahwin dengan penoreh getah, pembantu rumah atau buruh separuh mahir. Pasangannya mungkin juga bekerja sebagai pembantu pejabat atau polis, tetapi tidak mungkin bekerja sebagai kerani atau guru

University of Malaya

sekolah. Strange (1976) pula menyatakan, sekiranya terdapat seorang gadis daripada keluarga soleh, maka calon suami yang dipilih untuknya mesti setanding pengetahuan agamanya.

Ringkasnya, dari segi kriteria memilih calon menantu, kedudukan sosioekonomi keluarga besan merupakan kriteria yang amat dititikberatkan. Selain itu, latar belakang agama dan kemahiran kemandirian calon menantu sendiri turut menjadi hitungan penting. Dalam memilih calon menantu, "sekufu" antara keluarga kedua-dua belah pihak amat diutamakan dan dihargai.

Sebagai kesimpulan, dalam masyarakat Melayu tradisi, bentuk kegiatan ekonomi dan keadaan sosioekonomi keluarga mempunyai pengaruh besar dalam pemilihan pasangan, sama ada dari segi umur ketika berkahwin, kuasa dalam memilih pasangan atau kriteria memilih pasangan. Di samping itu, implikasi sosiobudaya, iaitu nilai norma dan agama Islam turut dikesan dalam pemilihan pasangan orang Melayu masyarakat pertanian.

3.3.2 Pengendalian Majlis Perkahwinan

Seperti diketahui umum, pengendalian majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi merangkumi banyak aspek, seperti memilih tarikh majlis perkahwinan, menghantar belanja, menjemput tetamu, membuat bunga telur, bacaan berzanji, mengandam pengantin, bergotong-royong untuk persiapan majlis, menerima sumbangan daripada tetamu dan banyak lagi (Amran Kasimin, 2002). Namun begitu, dalam perbincangan yang berikutnya, hanya dihuraikan beberapa perkara yang berkaitan

University of Malaya

dengan isu yang hendak diselidik dalam kajian ini, iaitu pemberian perkahwinan, pemilihan tarikh dan lokasi majlis perkahwinan, sistem sokongan tenaga dan sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan.

3.3.2.1 Pemberian Perkahwinan

Sistem pemberian perkahwinan (Saidatul Nornis Mahali, 2014) yang diamalkan dalam masyarakat Melayu ialah *bride wealth*, iaitu hantaran daripada pihak lelaki kepada pihak perempuan (Azizah Kassim, 1985; Yaacob Harun, 2014a). Secara umumnya, dalam konteks masyarakat Melayu, pemberian perkahwinan terdiri daripada tiga bahagian, iaitu mas kahwin, wang hantaran dan barang hantaran (Kuchiba & Tsubouchi, 1966). Seterusnya, ketiga-tiga perkara ini akan dihuraikan dengan terperinci.

(a) Mas Kahwin

Perkataan mas kahwin berasal daripada bahasa Arab yang ditakrifkan sebagai harta yang wajib diberikan kepada isteri dalam agama Islam kerana berlakunya akad nikah dan hubungan kelamin. Sesiapa yang sengaja mengingkari perintah ini hukumnya ialah berdosa (Zurita Mohd Yusoff, 2008, p. 45). Pemberian mas kahwin bukan sahaja melambangkan kesungguhan seorang lelaki untuk berkahwin dengan seorang perempuan dan rela mengambil tanggungjawab untuk menjaganya, tetapi juga menandakan kasih sayang dan penghormatan si lelaki itu terhadap isterinya (Azman Ab. Rahman & Zahari Mahad Musa, 2006).

Dalam masyarakat Melayu tradisi, jumlah mas kahwin di merata-rata Tanah Melayu berbeza-beza mengikut adat dan undang-undang agama negeri. Di Negeri

University of Malaya

Sembilan, mas kahwin untuk anak dara ialah RM24, manakala bagi janda ialah RM12 (Swift, 1965). Di negeri Kelantan, jumlah mas kahwin yang ditetapkan oleh undang-undang ialah RM32 (Firth, 1966). Undang-undang agama di negeri Kedah menetapkan jumlah mas kahwin sebanyak RM24 (Kuchiba & Tsubouchi, 1966; Banks, 1983). Di Singapura pula, jumlahnya lazimnya ditentukan pada kadar RM22.5 (Djamour, 1965). Mengenai hak penggunaan mas kahwin pula, pengantin perempuan sendiri yang berhak untuk menggunakannya bukannya orang lain.

Menurut agama Islam, hantaran mas kahwin mesti mengikut kemampuan seseorang lelaki itu dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Oleh itu, kerajaan negeri masing-masing menetapkan jumlah dan peraturan pembayaran mas kahwin agar rakyat tidak terlalu cerewet dalam soal memberikan belanja mas kahwin ini. Memandangkan mas kahwin atau mahar dalam jumlah yang tidak besar, maka boleh dikatakan pengantin lelaki dan keluarganya tidak akan dibebankan oleh jumlah wang ini (Mahani Musa, 2005).

(b) Wang Hantaran

Berbeza dengan mas kahwin, wang hantaran tidak dituntut dari segi agama, tetapi dituntut dalam adat Melayu. Kadarnya juga jauh lebih tinggi daripada mas kahwin yang ditetapkan oleh jabatan negeri masing-masing. Lazimnya, kadar wang hantaran ditentukan melalui perbincangan antara kedua-dua keluarga yang terlibat, namun keluarga pengantin perempuan, terutama sekali bapa pengantin perempuan mempunyai kata putus dalam hal ini. Tujuan pemberian wang hantaran ialah untuk membantu sanak saudara pengantin perempuan yang berperanan penting dalam tumbesarannya, termasuk

University of Malaya

ibu bapa, saudara mara dan sahabat handai supaya pelaksanaan majlis perkahwinan dilangsungkan dengan lancar (Banks, 1983). Yaacob Harun (2014a) memberikan penjelasan yang lebih lanjut seperti yang berikutnya:

> "Belanja hangus *received by the girl's family would be used partly to buy jewelleries for the bride in the form of gold necklaces, bracelets, ring, pendants, etc, and partly it would be used to subsidise marriage expenses, especially those expenses incurred for feasts and related activities held on the wedding day*. (p. 46)."

Purata jumlah wang hantaran adalah berbeza-beza di merata-rata tempat di Tanah Melayu. Di Singapura, kadarnya adalah dalam lingkungan RM101-301 (Djamour, 1965). Jumlah wang hantaran di Padang Lalang, Kedah ialah antara RM500-1,000, dan yang paling rendah pula RM320 (Kuchiba & Tsubouchi, 1966). Di sebuah kampung berhampiran pantai di Terengganu, biasanya pengantin perempuan akan menerima nilai wang hantaran dalam sekitar RM100. Nilai wang hantaran yang paling tinggi pernah wujud dalam masyarakat tempatan ialah RM700 (Strange, 1976). Sungguhpun purata kadar wang hantaran jauh berbeza mengikut tempat, namun faktor-faktor yang menentukan jumlah wang hantaran adalah lebih kurang sama sahaja, iaitu kedudukan sosioekonomi keluarga pengantin dan kualiti anak perempuan tersebut, khususnya tarikan fizikalnya (Kuchiba & Tsubouchi, 1966; Strange, 1976).

Seperti yang telah dihuraikan di atas, dalam masyarakat Melayu tradisi, identiti dan keadaan sosioekonomi individu tidak diutamakan, sebaliknya, ia perlu mematuhi kepentingan keluarganya. Dalam erti kata lain, nilai dan status seseorang ditentukan oleh kedudukan sosioekonomi keluarganya dalam komuniti tempatan. Lantaran itu, dalam perkahwinan aturan ibu bapa, kedudukan sosioekonomi keluarga menjadi

University of Malaya

pengukur yang paling utama bagi menentukan kadar wang hantaran (Strange, 1976; Amran Kasimin, 2002). Seperti apa yang dinyatakan dalam kajian Swift (2001), "*This is a much larger payment than the* emas kahwin*, a matter of hundreds or thousands of dollars, depending on the wealth and standing of the parties*...(p. 113)." Kuchiba dan Tsubouchi (1966) juga mengatakan, di Galok, Kelantan, dalam kalangan keluarga biasa, jumlah wang hantaran hanya setakat RM200, dan jumlah puratanya ialah RM229. Namun begitu, antara keluarga-keluarga atasan pula, kadar wang hantaran yang diterima oleh keluarga pengantin perempuan boleh mencecah RM500.

Selain kedudukan sosioekonomi keluarga, kualiti pengantin perempuan sendiri juga memainkan peranan dalam penentuan kadar wang hantaran. Dalam konteks masyarakat Melayu tradisi, kualiti seorang anak gadis lebih merujuk kepada tarikan fizikalnya kerana majoriti gadis Melayu kampung adalah buta huruf dan mereka bakal menjadi suri rumah. Di Sik, Kedah, jumlah wang hantaran untuk anak dara ialah lebih kurang RM400, jumlah ini sekurang-kurangnya lapan kali ganda lebih tinggi daripada wang hantaran untuk seorang janda (Banks, 1983). Kuchiba dan Tsubouchi (1966) pula membuktikan, jumlah wang hantaran kepada anak dara ialah antara RM500-1,000, manakala bagi janda menurun kepada RM180-300. Banks (1983) menjelaskan perbezaan ini dengan mengatakan bahawa lelaki sudi membayar jumlah wang hantaran yang lebih tinggi untuk berkahwin dengan anak dara kerana kemudaan dan daya tarikannya. Tambahan pula, anak dara difikirkan lebih ghairah kerana kekurangan pengalaman seksnya. Walaupun dalam konteks masyarakat Melayu pertanian, kualiti seorang anak gadis lebih kepada tarikan fizikalnya, namun tidak dapat dinafikan bahawa bagi segelintir anak gadis yang pernah menerima pendidikan, faktor pendidikan juga

University of Malaya

boleh menambah bonus diri mereka. Dalam kajian Strange (1976) di sebuah kampung berhampiran pantai di Terengganu, jumlah wang hantaran yang paling tinggi di lokasi kajiannya, iaitu RM700 diterima oleh "*a strikingly beautiful girl from a nearby town who had a secondary school education*. (p. 563)".

Swift (2001) menunjukkan bahawa dalam masyarakat Melayu tradisi, penentuan kadar wang hantaran pada hakikatnya, ialah satu persaingan. Menurutnya, trend peningkatan boleh dikesan berdasarkan kadar wang hantaran yang didapati di pelbagai tempat. Strange (1976) dalam kajiannya juga menyebut tentang peningkatan kadar wang hantaran selain mengatakan bahawa kerajaan melahirkan kebimbangan tentang peningkatan ini dan merancang untuk mengehadkan jumlah maksimumnya dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun, Swift (2001) mempertikaikan kebenaran berita akhbar Melayu yang menunjukkan, kadar wang hantaran di Singapura yang terlampau tinggi menghalang pengantin lelaki muda untuk berkahwin. Penjelasannya ialah, "*This, however, is difficult to credit, for the fathers of girls are generally even more anxious to see them settled with a husband than most men are to get married*. (p. 114)."

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati bahawa dalam masyarakat Melayu pertanian, kedudukan sosioekonomi keluarga pengantin merupakan penentu utama jumlah wang hantaran. Selain itu, tarikan fizikal pengantin perempuan turut mempengaruhi jumlah wang hantaran. Jumlah wang hantaran juga didapati semakin meningkat.

University of Malaya

(c) Barang Hantaran

Dalam masyarakat Melayu tradisi yang mementingkan hubungan silaturahim, pertukaran barang hantaran bukan sekadar memenuhi tuntutan adat sahaja, tetapi mempunyai hubung kait dengan sentimen hubungan kekeluargaan (*kinship sentiment*) antara dua kelompok keluarga yang terlibat. Menurut Banks (1983), "*These sentiments are manifested in the elaborate patterns of ritual symbols and gift exchanges between the bride and groom through their intermediaries both before and after the legally contracted marital union* (akad nikah) *has taken place*. (p. 145)."

Lazimnya, pertukaran barang hantaran dilakukan dalam majlis perkahwinan seiring dengan pemberian mas kahwin (Banks, 1983). Barang hantaran selalunya digubah cantik dan diatur dengan tersusun di atas lantai untuk dipamerkan kepada tetamu, terutama sekali tetamu wanita (Aishah@Eshah Mohamed, 2010). Bilangan barang hantaran dikehendaki mengikut angka ganjil, iaitu tiga, lima, tujuh, sembilan dan seterusnya. Dari aspek bilangan, barang hantaran daripada pihak perempuan biasanya lebih sedikit daripada jumlah hantaran pihak lelaki. Namun, dari segi nilai pula, nilai barang hantaran pengantin lelaki biasanya lebih tinggi daripada hantaran pengantin perempuan. Hal ini kerana, masyarakat Melayu memberikan tekanan kepada lelaki untuk menjaga perempuan dengan menyediakan jaminan terhadap pengabaian yang mungkin berlaku (Banks, 1983).

Pada kebiasaannya, persetujuan tentang jenis dan nilai barang hantaran akan dicapai oleh kedua-dua keluarga pada hari pertunangan atau sebelum hari akad nikah. Walaupun barang hantaran disediakan dalam pelbagai bentuk mengikut adat dan tradisi tempatan, namun secara umumnya, jenis barang hantaran dalam masyarakat Melayu

University of Malaya

tradisi bersangkutan dengan kegiatan ekonomi pertanian. Makanan sebagai hasil pertanian merupakan sumber penting dalam barang hantaran selain barang keperluan peribadi. Dalam masyarakat tradisi di Kelantan, orang Melayu mengamalkan adat memberikan makanan sebagai sebahagian daripada barang hantaran perkahwinan mereka. Makanan yang menjadi hantaran terdiri daripada nasi pulut dan telur semangat, sirih junjung, buah-buahan, kuih muih dan lauk pauk (hanya daripada pihak pengantin perempuan) (Aishah@Eshah Mohamed, 2010, p. 103). Kuchiba dan Tsubouchi (1966) menyatakan, di Padang Lalang, Kedah, barang hantaran daripada keluarga pengantin lelaki termasuk, bekas sirih, kuih-muih, buah-buahan, gula putih dan bekas duit. Barang hantaran daripada pihak perempuan pula merangkumi susu pekat, gula, sebentuk cincin dan baju lelaki. Yaacob Harun (2014a) juga menyenaraikan beberapa barang hantaran yang lazim didapati dalam masyarakat Melayu tradisi, "*a well-arranged and neatly folded beetle leaves* (sirih junjung), *prayer mat, prayer garments, sweet cakes, miniature sugar castle, yellow glutinous rice, and cosmetics*. (p. 47)".

Dilihat dari segi nilai dan kualiti barang hantaran pula, perkara ini didapati banyak ditentukan oleh kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan pengantin. Hal ini kerana, dalam masyarakat Melayu tradisi, muda-mudi tidak berdikari dari segi ekonomi, sebaliknya, sara hidup mereka amat bergantung kepada pengeluaran keluarga. Oleh itu, tinggi rendah nilai barang hantaran yang dihantar dan diterima bergantung kepada kemampuan ekonomi keluarga masing-masing. Menurut Kuchiba dan Tsubouchi (1966), di Padang Lalang, Kedah, bagi keluarga pengantin lelaki yang kaya, jumlah dulang barang hantaran boleh mencecah 15-17 dulang, namun bagi mereka yang kurang berada, maka jumlah dulang barang hantaran hanya setakat 7-9 dulang sahaja. Dalam hal ini,

University of Malaya

barang hantaran daripada pengantin lelaki mesti mengandungi cincin yang berharga antara RM12-60 dan mas kahwin yang ditetapkan oleh negeri, iaitu RM24. Nilai kasut dan baju tidak menentu dan boleh mengikut keadaan yang tertentu. Aishah@Eshah Mohamed (2010) juga menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu tradisi di Kelantan, kedudukan sosioekonomi keluarga mempengaruhi nilai dan kualiti barang hantaran. Menurutnya, kekayaan keluarga pengantin lelaki dan kemampuan keluarga pengantin perempuan untuk membalasnya boleh dikesan melalui pemerhatian terhadap barang hantaran dan barang yang dibalas.

Ringkasnya, dalam masyarakat Melayu tradisi, hasil produksi tanaman dan makanan ialah barangan penting untuk hantaran perkahwinan. Selain itu, nilai barang hantaran banyak ditentukan oleh keadaan sosioekonomi keluarga kedua-dua belah pihak.

Sebagai kesimpulan, pemberian perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi berpegang teguh kepada agama dan adat. Pemberian mas kahwin ialah tuntutan agama dan nilainya ditetapkan oleh negeri masing-masing. Pemberian wang hantaran dan barang hantaran pula ialah tuntutan adat Melayu dan nilainya banyak ditentukan oleh keadaan sosioekonomi keluarga pengantin.

3.3.2.2 Pemilihan Tarikh dan Lokasi Majlis Perkahwinan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, perkahwinan ialah istiadat dan keramaian yang sangat diutamakan dalam kehidupan penduduk di luar bandar. Dalam hal ini, pemilihan

University of Malaya

tarikh dan lokasi majlis perkahwinan banyak dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi dan suasana kehidupan dalam masyarakat pertanian.

Dari segi pemilihan tarikh majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi, Tsubouchi (1979) menunjukkan bahawa pemilihannya ialah berdasarkan kalendar pertanian dan kalendar Islam. Dalam masyarakat tradisi, kehidupan penduduk bergantung pada sektor pertanian, alam dan musim. Tahap pergantungan yang tinggi ini boleh dikesan dengan ketara dalam pemilihan tarikh majlis perkahwinan. Lazimnya, musim perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi ialah masa selepas menuai (Swift, 1965; Kuchiba, 1979; Tsubouchi, 1979), terutama sekali, jika mengikut kalendar qamari, masih ada jarak waktu beberapa minggu sebelum kedatangan bulan puasa yang disifatkan "*unlucky and inconvenient* (Swift, 1965, p. 112)." Selain itu, menurut kajian Firth (1966) di Kelantan, terdapat satu lagi syarat penting untuk memilih tarikh majlis perkahwinan, iaitu tarikh yang ditentukan mesti ada bulan yang akan muncul pada sebelah malam majlis. Hal ini berlaku kerana, di kampung yang tidak ada lampu jalan, tetamu akan berjalan beberapa batu untuk menghadiri kenduri kahwin, maka tidak ada kenduri akan dijalankan pada malam bulan tidak terang.

Selain kegiatan ekonomi dan alam sekitar, kalendar Islam juga menjadi satu rujukan penting bagi pemilihan tarikh majlis perkahwinan dalam kalangan penduduk Melayu kampung. Djamour (1965) menegaskan bahawa majlis bersanding lebih baik diadakan pada masa bulan mengambang, iaitu pertengahan bulan bagi orang Islam. Beberapa bulan Islam dianggap membawa berkat untuk mengadakan kenduri perkahwinan, seperti Zulhijah, Rabiulawal dan Jamadilakhir. Manakala, bulan puasa iaitu Ramadan dianggap sebagai bulan yang tidak sesuai bagi mengadakan majlis

University of Malaya

perkahwinan kerana pelaksanaan majlis perkahwinan pada masa itu akan mengganggu umut Islam menjalankan ibadah puasa. Keadaan yang serupa juga didapati di Galok, Kelantan, iaitu Zulhijjah dan Rabi-ul-Awwal ialah bulan kegemaran untuk mengadakan kenduri kahwin, manakala bulan Safar dianggap tidak membawa tuah dan bulan Ramadan ialah masa yang cuba dielakkan (Tsubouchi, 1979). Fatimah Abdullah (2009a) turut membuktikan, pada masa dahulu, kebanyakan majlis perkahwinan dan kenduri diadakan mengikut kalendar Islam, terutamanya pada bulan Rabiulawal, Rejab, Syawal atau Dzulhijjah. Hari yang dipilih biasanya ialah hari Khamis dan Jumaat, pada awal bulan dan hari bulan genap seperti dua, empat hingga 14 hari bulan (p. 100). Terdapat juga tuan rumah meminta bantuan bomoh (*spirit doctor*) bagi memilih hari yang sesuai dan bertuah (Firth, 1966).

Dari aspek pemilihan lokasi majlis perkahwinan pula, secara teorinya, majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi adalah diadakan di rumah pasangan pengantin (Firth, 1966; Kuchiba, 1979; Tsubouchi, 1979; Banks, 1983). Lazimnya, majlis perkahwinan Melayu akan menjemput ramai tetamu sehingga mencecah beberapa ratus orang. Jika anggota keluarga pengantin aktif dari segi sosial pula, jemputannya mungkin melebihi 1000 orang (Tsubouchi, 1979). Perkara ini berlaku kerana dalam kalangan orang Melayu yang beragama Islam, perkahwinan merupakan sesuatu yang termaterai melalui proses keagamaan dan perlu mendapat pengiktirafan daripada masyarakat di sekeliling. Lantaran itu, menjemput saudara-mara, sahabat handai dan jiran sekampung datang dianggap sebagai perkara yang wajib dilakukan.

Dalam hal ini, reka bentuk rumah Melayu tradisional telah menawarkan kemudahan ruang yang sesuai untuk menampung beratus-ratus, bahkan ribuan jemputan.

University of Malaya

Di kampung, kebanyakan rumah diperbuat daripada kayu dan dibina di atas tanah kepunyaan keluarga, rumah boleh dibaiki atau dibesarkan mengikut keperluan (Fatimah Abdullah, 2009b, p. 253). Menurut Firth (1966), perkara pertama yang akan dilakukan selepas pemilihan tarikh majlis perkahwinan ialah, membesarkan rumah bagi menampung tetamu yang berjumlah besar. Selain itu, ruang terbuka yang tidak berumput, tanah padat dan keras di persekitaran rumah Melayu tradisional juga sesuai untuk dijadikan tempat mengadakan majlis perkahwinan (Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim, 1985). Khemah-khemah akan didirikan di kawasan tersebut dengan kerjasama sanak saudara, jiran tetangga atau komuniti setempat bagi menampung tetamu yang ramai, khususnya tetamu lelaki (Tsubouchi, 1979; Fatimah Abdullah, 2009a).

Diringkaskan bahawa dalam masyarakat Melayu pertanian, tarikh majlis perkahwinan ditentukan berdasarkan kedua-dua kalendar pertanian dan Islam. Dari segi lokasi majlis perkahwinan pula, tempat kediaman yang besar ruangnya menjadi pilihan tuan rumah.

3.3.2.3 Sistem Sokongan Tenaga dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, konsep perkongsian dan kerjasama yang ditekankan oleh nilai norma dan agama Islam merupakan prinsip asas dalam pembinaan rumah dan pemilihan lokasi rumah. Tempat kediaman yang berdekatan dan terbuka ruangnya menjadikan hubungan sosial komuniti setempat sangat intim dan membantu untuk menjalin semangat kekitaan yang utuh. Oleh itu, kewajipan mengadakan kenduri, seperti kenduri kelahiran, kematian, perkahwinan atau berkhatan demi memenuhi tuntutan adat dan agama tidak perlu ditanggung oleh tuan rumah secara keseluruhannya,

University of Malaya

kerana sanak saudara yang tinggal berdekatan dan jiran tetangga yang rapat hubungannya akan bekerjasama dalam persiapan kenduri yang berkenaan (Firth, 1966; Banks, 1983). Cara melaksanakan kenduri dalam masyarakat Melayu tradisi ini dikenali sebagai bergotong-royong atau rewang (Kuchiba, 1979; Tsubouchi, 1979; Firth, 1966; Amran Kasimin, 2002).

Lazimnya, seminggu sebelum kenduri kahwin dijalankan, tuan rumah akan memberitahu orang-orang tertentu yang selalu menguruskan atau membuat jemputan gotong-royong seperti ketua pemuda, ketua kampung, imam atau nazir masjid tentang tarikh bermulanya kerja persiapan majlis perkahwinan (Kuchiba, 1979; Amran Kasimin, 2002). Adakalanya, tuan rumah akan melantik seorang ketua dan menyerahkan segala urusan kepada ketua itu. Dengan kepandaian dan pengalaman ketua yang dilantik, maka segala pembahagian kerja dapat diuruskan dengan lancar. Suasana hari perkahwinan mula terasa sehari sebelum majlis perkahwinan. Penduduk kampung yang datang membantu tahu dan faham akan tugas-tugas yang perlu dilakukan, seperti memasang pelamin untuk pasangan pengantin, menyiapkan kostum pengantin perempuan, menghiasi rumah dengan bunga-bungaan atau perhiasan cantik dan banyak lagi (Banks, 1983). Pekerjaan persiapan seperti itu akan dibahagikan mengikut jantina dengan jelas. Kaum lelaki biasanya membuat kerja yang banyak memerlukan tenaga, misalnya memperbaiki rumah, memasang khemah, mengeluarkan alat keperluan seperti piring, talam dan cerek air, kemudian menyusun dengan rapi serta memasak dengan periuk besi yang besar di luar rumah dan sebagainya. Kaum perempuan pula bertugas untuk

University of Malaya

menyediakan makanan sejak awal pagi lagi (Kuchiba & Tsubouchi, 1966), antaranya menumbuk dan mengisar rempah, mencarik kelapa dan menyediakan sayur-sayuran (Firth, 1966).

Pada hari langsung pula, ketua yang dilantik oleh tuan rumah membahagikan tugas kepada bahagian depan dan belakang, iaitu tempat makan tetamu dan dapur. Orang yang menjalankan tugas di bahagian depan ditugaskan untuk menyambut kedatangan tetamu, menentukan tempat duduk mereka, menyediakan air membasuh tangan, mengangkat hidangan dari dapur dan menghidangkan kepada tetamu, mengemas pinggan mangkuk yang kotor (Firth, 1966), membahagikan bunga telur kepada tetamu dan sebagainya. Kerja-kerja yang ditugaskan kepada mereka yang bekerja di bahagian belakang pula termasuk, memasak lauk dan nasi, menyenduk masakan dari periuk ke dalam bekas-bekas tertentu, menyediakan air minuman, membasuh pinggan mangkuk yang telah digunakan dan menyediakan bekalan untuk dibawa pulang (Amran Kasimin, 2002). Selepas majlis perkahwinan tamat pula, penduduk kampung akan mencabut bangsal penanggah dan khemah tetamu, membasuh dan mengemas kemudahan memasak dan pinggan mangkuk serta membersihkan rumah tuan rumah.

Pada kebiasaannya, mereka yang sudi datang membantu tidak perlu diberi bayaran kecuali makanan dan minuman serta sedikit bekalan nasi, kuih dan beberapa biji telur untuk dibawa pulang (Amran Kasimin, 2002). Firth (1966) juga menyatakan, bagi sanak-saudara dan sahabat handai, sudah memadai disajikan dengan makan minum, sirih, tembakau dan sebagainya, dan upah tidak perlu dibayar kepada mereka. Bagi orang lain pula, misalnya jiran tetangga, hadiah boleh diberikan sebagai tanda terima kasih, misalnya sehelai kain, beras atau sedikit wang tunai. Selepas bantuan dihulurkan,

University of Malaya

sebuah kenduri kecil diadakan untuk menjamu selera mereka yang datang menolong. Menurut Banks (1983), kenduri seperti itu bukan sahaja bertujuan untuk membalas budi penduduk kampung, tetapi menunjukkan kumpulan kerja sebegini akan dibentuk lagi pada masa hadapan, maka jiran tetangga yang membantu tuan rumah akan dibantu juga sebagai balasan pada suatu hari nanti.

Memang benar, majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu pertanian adalah diselenggarakan dengan bergotong-royong antara tuan rumah dengan komuniti setempat, namun yang menarik di sini ialah, walaupun tidak lumrah, terdapat juga individu atau persatuan menyediakan perkhidmatan untuk membantu keluarga pengantin menyempurnakan majlis perkahwinan dengan mengenakan bayaran tertentu. Di kampung Perupok, Kelantan pada 1940-an, didapati tuan rumah mengupah orang profesional untuk menghiasi rumah. Tukang masak profesional juga ditugaskan untuk menyelia persiapan manisan, masakan kari, nasi dan sayur. Pada tahun 1963, ada pula penduduk kampung menyewa pelamin yang telah dihiasi cantik (Firth, 1966). Kuchiba dan Tsubouchi (1966) juga mendapati sesetengah pasangan menyewa pakaian pengantin dari kedai-kedai di Anak Bukit yang berdekatan dengan Alor Star dan Kuala Kedah. Sesetengah orang pula menyewa kostum dari kedai-kedai pakaian pengantin gaya barat dari tauke Cina. Walau bagaimanapun, yang perlu ditegaskan di sini ialah, fenomena ini tidak lumrah dalam masyarakat Melayu tradisi dan hanya didapati dalam kalangan segelintir penduduk kampung sahaja.

Ringkasnya, walaupun pelaksanaan majlis perkahwinan orang Melayu kampung melibatkan kepelbagaian aktiviti kepenggunaan, namun tidak banyak melibatkan penggunaan sumber kewangan kerana kebanyakan keperluan asas disumbangkan oleh

University of Malaya

saudara mara dan jiran tetangga. Selain bantuan keperluan asas, bantuan dari segi tenaga kerja juga dihulurkan oleh jiran tetangga dan saudara mara yang bertindak sebagai penanggah (Mohd Khairuddin & Mohamad Fauzi Sukimi, 2016). Lantaran itu, pelaksanaan majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi telah meninggalkan banyak kesan kepada sistem kemasyarakatan dan peraturan sosiobudaya pada ketika itu (Banks, 1983; Amran Kasimin, 1982/2002; Fatimah Abdullah, 2009a).

3.3.2.4 Sistem Sokongan Kewangan dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, perkahwinan dibina melalui dua majlis, iaitu akad nikah dan majlis bersanding (Tsubouchi, 1979). Upacara perkahwinan mengikut agama Islam adalah mudah sahaja, manakala majlis sebenar akan diadakan kemudian dalam bentuk kenduri perkahwinan besar-besaran demi tuntutan adat. Swift (2001) menunjukkan, "*It is these customary celebrations which are expensive*. (p. 114)." Pada kebiasaannya, ibu bapa selaku tulang belakang dan pengurus kewangan keluarga akan menanggung perbelanjaan majlis perkahwinan anak-anak mereka. Bajet dan jumlah kos belanja pula bergantung kepada kemampuan sosioekonomi keluarga masing-masing.

Perbelanjaan majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu pertanian merangkumi beberapa butiran utama, iaitu kostum dan aksesori pengantin, perhiasan rumah dan bahan-bahan masakan yang berjumlah besar. Terdapat ramai sarjana menunjukkan bahawa pelaksanaan majlis perkahwinan besar-besaran ialah satu perbuatan boros bagi golongan petani Melayu (Firth, 1966; Wan Hashim, 1978; Swift, 2001). Di Kelantan dan Negeri Sembilan, kos belanja untuk majlis perkahwinan sekurang-kurangnya memakan beberapa ratus ringgit (Swift, 1965; Firth, 1966). Dalam

University of Malaya

kalangan orang Melayu Singapura, majlis perkahwinan di sebelah pengantin perempuan biasanya memakan kos antara RM190-510, manakala keluarga sebelah pengantin lelaki pula akan membelanjakan kos sebanyak RM203.5-513.5 dalam majlis perkahwinan (Djamour, 1965). Di Padang Lalang, Kedah, pihak lelaki perlu membelanjakan RM501-1,884 untuk mengadakan majlis perkahwinan, manakala pihak perempuan perlu menanggung RM235-1,130 untuk menyempurnakan upacara penting ini (Kuchiba & Tsubouchi, 1966).

Secara teorinya, perbelanjaan majlis perkahwinan yang membebankan itu adalah diusahakan oleh ibu bapa pengantin sebagai orang yang menguasai sumber ekonomi keluarga. Ibu bapa Melayu perlu mengambil masa bertahun-tahun untuk menyimpan wang bagi menampung perbelanjaan majlis perkahwinan anak-anak. Masa persiapan yang paling lama didapati dalam kajian Kuchiba dan Tsubouchi (1966) ialah enam tahun. Menurut dua orang sarjana ini, bagi keluarga pengantin perempuan, selain menanggung kos kenduri sambut masak, keluarga juga perlu menyediakan barang kemas untuknya. Sesetengah ibu bapa mula membeli barang kemas sejak anak mereka masih kecil lagi. Walaupun kadang-kadang, bebanan bapa pengantin perempuan boleh dikurangkan dengan bantuan wang hantaran, namun "*...he probably has to add money of his own to achieve the magnificence of celebration he desires*. (Swift, 2001, p. 114)." Anak lelaki juga amat bergantung kepada ibu bapa dalam menjayakan majlis perkahwinannya kerana lazimnya, mereka tidak mampu mengeluarkan perbelanjaan sebesar itu (Djamour, 1965). Sekiranya anak lelaki merupakan pekerja upahan yang mempunyai wang simpanan, maka bapanya boleh dibantu dalam menampung perbelanjaan tersebut. Sungguhpun begitu, bantuan itu adalah amat terhad seperti yang

University of Malaya

dinyatakan oleh Djamour (1965), jika pemuda itu mempunyai simpanan pun, beliau tetap memerlukan sokongan kaum keluarga rapat untuk menjayakan majlis perkahwinannya.

Jika dilihat dengan lebih mendalam lagi, ibu bapa Melayu menjadi penaja utama dalam pelaksanaan majlis perkahwinan disebabkan oleh dua punca utama. Yang pertama ialah, muda-mudi Melayu amat bergantung kepada keluarga dari segi kewangan. Dalam masyarakat pertanian yang mengamalkan sistem ekonomi sara diri, keluarga beroperasi sebagai unit pengeluaran di bawah bimbingan ketua keluarga, iaitu bapa. Dalam keadaan sebegini, muda-mudi tidak berdikari dari segi kewangan, sebaliknya amat bergantung kepada hasil pengeluaran keluarga. Kuchiba (1979) juga menunjukkan bahawa muda-mudi Melayu mempunyai tahap pergantungan yang tinggi terhadap bantuan kewangan ibu bapa. Pada anggapan muda-mudi Melayu, meminta duit poket daripada ibu bapa apabila mereka kesempitan wang merupakan perkara yang biasa sahaja. Maka tidak hairanlah, ibu bapa selaku tulang belakang ekonomi keluarga menjadi penaja utama dalam menanggung kos belanja majlis perkahwinan anak-anak mereka.

Sebab yang kedua pula ialah, pegangan kuat ibu bapa Melayu kepada agama Islam dan nilai norma Melayu yang menekankan tanggungjawab dan kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak. Kuchiba (1979) menegaskan, "*The salient feature of this relationship is that the protection and support afforded the child by its parents is conspicuously stronger than the obedience and respect shown by the child to its parents*. (p. 47)." Swift (1965) juga menunjukkan, mengahwinkan anak-anak dengan pasangan yang sesuai, dan mengadakan majlis perkahwinan meriah untuk mereka dianggap

University of Malaya

sebagai “hutang” ibu bapa terhadap anak-anak. Dengan menyelesaikan dua tugas tersebut, ibu bapa Melayu akan menjelaskan “hutang” mereka.

Memandangkan ibu bapa terutama sekali bapa menjadi penaja utama dalam menanggung kos kenduri kahwin, maka ia berhak untuk menentukan skala kenduri kahwin dan bajetnya mengikut kemampuan ekonomi keluarga (Swift, 1965; Wan Hashim, 1978). Di Galok, Kelantan, dalam menyediakan kenduri kahwin, keluarga biasa hanya membeli daging sahaja, dan tidak menyembelih binatang. Selain itu, mereka juga hanya menjemput tetamu melalui jemputan mulut sahaja, dan tidak menggunakan kad jemputan. Kos belanja untuk majlis perkahwinan yang berskala kecil seperti ini, hanya memerlukan kos belanja setakat RM200. Namun begitu, dalam kalangan orang kaya, tuan rumah akan menyembelih seekor kerbau atau lembu untuk persiapan masakan. Jika anggota keluarganya aktif dari segi sosial, maka tetamu yang dijemput mungkin melebihi 1000 orang. Satu kenduri kahwin yang mencatat rekod dengan kemewahannya di Galok, Kelantan telah memakan perbelanjaan setinggi RM1,000 (Tsubouchi, 1979).

Walau bagaimanapun, secara umumnya, dalam masyarakat Melayu pertanian, perbelanjaan majlis perkahwinan yang berjumlah besar membebankan ibu bapa Melayu memandangkan pendapatan mereka semata-mata bergantung kepada hasil penuaian padi dan perikanan (Kuchiba & Tsubouchi, 1966; Firth, 1966; Djamour, 1965). Mereka sering kekurangan wang pada akhir majlis perkahwinan. Di Padang Lalang, Kedah, jika berlaku kekurangan wang dan dalam kecemasan, ibu bapa pengantin akan meminjam wang daripada kaum Cina. Sistem ini dikenali sebagai “padi kuncha”, iaitu peminjam perlu menjelaskan hutang dengan pembayaran padi semasa

University of Malaya

musim menuai. Malangnya, terdapat ramai ibu bapa Melayu akhirnya kehilangan tanah kerana tidak mampu untuk membayar hutang (Kuchiba & Tsubouchi, 1966). Keadaan di Singapura lebih kurang sama sahaja seperti yang dijelaskan oleh Djamour (1965), kaum ibu selalu merungut bahawa mereka pernah mempunyai banyak barang emas, tetapi terpaksa dijual semuanya untuk membayar belanja majlis perkahwinan anak-anak. Ada juga yang mengatakan, mereka terpaksa menanggung banyak hutang.

Diringkaskan bahawa dalam masyarakat Melayu tradisi, secara teorinya, kos belanja untuk majlis perkahwinan adalah ditanggung oleh ibu bapa, terutama sekali bapa. Dalam hal ini, anak-anak yang mempunyai simpanan sendiri mungkin boleh mengurangkan beban bapa dalam menampung kos belanja yang berjumlah besar ini, namun bantuan daripada anak-anak adalah amat terhad.

Berdasarkan perbincangan untuk pengendalian majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi, boleh dirumuskan bahawa ciri-ciri yang didapati dalam pemilihan pasangan turut dikesan dalam pengendalian majlis perkahwinan, iaitu keadaan sosioekonomi keluarga memainkan peranan yang dominan, manakala keadaan pengantin sendiri hampir tidak berperanan. Hal ini berlaku kerana, dalam masyarakat pertanian, identiti dan keadaan sosioekonomi muda-mudi tidak diutamakan dan banyak ditentukan oleh keadaan sosioekonomi keluarga. Selain faktor-faktor sosioekonomi, pengaruh agama, nilai norma dan adat istiadat Melayu juga dapat dikesan dalam pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu dahulu.

University of Malaya

Sebagai rumusan dalam perbincangan tentang perkahwinan masyarakat Melayu tradisi amnya serta pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan khususnya, boleh dikatakan bahawa ciri-ciri aktiviti ekonomi dan keadaan sosioekonomi keluarga, terutama sekali kedudukan sosioekonomi dan tempat kediaman lebih berperanan dalam menentukan dua prosedur perkahwinan tersebut. Di samping itu, keadaan sosioekonomi muda-mudi sendiri yang tidak begitu diutamakan dalam masyarakat pertanian hampir tidak berperanan dalam kedua-dua perkara itu. Selain itu, unsur-unsur sosiobudaya, iaitu agama, nilai norma dan adat Melayu juga memainkan peranan penting dalam mencorakkan dan menentukan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi.

3.4 Rumusan

Untuk memberikan asas kukuh kepada perbincangan mengenai perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu Kuala Lumpur, Bab 3 telah menghuraikan kedua-dua prosedur perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi serta keadaan sosioekonomi yang umum sebagai latar belakangnya. Melalui perbincangan yang telah dilakukan, didapati bahawa dalam masyarakat Melayu tradisi yang bersatu padu, bersifat konservatif dan mengutamakan kepentingan keluarga, faktor-faktor sosioekonomi peribadi tidak ditekankan dan kurang berpengaruh dalam pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan. Sebaliknya, dalam kedua-dua prosedur tersebut, ciri-ciri ekonomi pertanian dan keadaan sosioekonomi keluarga pengantin memainkan peranan utama. Di samping itu, unsur-unsur sosiobudaya, seperti agama, nilai norma dan adat istiadat Melayu turut memberikan

University of Malaya

kesan yang mendalam kepada pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisi.

Maka, dalam golongan orang Melayu bandar masa kini, terutama sekali orang Melayu Kuala Lumpur, apakah perubahan yang telah berlaku dari segi faktor-faktor sosioekonomi serta pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan mereka? Sejauh manakah implikasi faktor-faktor sosioekonomi mereka terhadap perubahan yang telah berlaku? dan adakah unsur-unsur sosiobudaya semakin kehilangan pengaruhnya dalam kedua-dua prosedur perkahwinan tersebut kerana dilanda perubahan sosioekonomi akibat pembandaran dan pemodenan? Jawapan dan analisis yang lebih mendalam akan diberikan dalam Bab 4, Bab 5 dan Bab 6.

University of Malaya

BAB 4: IMPAK FAKTOR-FAKTOR SOSIOEKONOMI ORANG MELAYU BANDAR TERHADAP PEMILIHAN PASANGAN

4.1 Pendahuluan

Menurut M. ‘Atiyyah Al-Abraasyi (1995), pemilihan pasangan ialah perkara penting dalam pembinaan rumah tangga Islam. Hal ini demikian kerana perkongsian hidup yang lahir daripada perjodohan akan menentukan nasib sesebuah rumah tangga, di samping itu menentukan corak hidup dalam masyarakat, sama ada bersifat kebendaan atau keakhiratan, atau gabungan kedua-duanya itu. Walau bagaimanapun, institusi perkahwinan orang Melayu bandar telah mengalami perubahan ketara hasil daripada proses pembandaran, aliran yang tidak dapat dibendung (Jones, 1981; Zainal Abidin Borhan & Zamre Abu Hassan, 2006; Yaacob Harun 1991/2014a), termasuk juga pemilihan pasangan. Maka, bab ini akan mengenal pasti apakah perubahan yang telah berlaku dalam pemilihan pasangan ini? dan bagaimanakah faktor-faktor sosioekonomi mereka menyumbang kepada perubahan tersebut? Perbincangan yang berikutnya akan dilakukan daripada empat aspek utama, yakni umur ketika berkahwin, kuasa dalam memilih pasangan, cara mengenali pasangan dan kriteria dalam memilih pasangan.

Sebelum perubahan pemilihan pasangan dan punca-puncanya dianalisis, keadaan sosioekonomi orang Melayu bandar akan diperkenalkan terlebih dahulu agar memberikan gambaran umum kepada pemboleh ubah dalam konteks kajian ini. Dengan pengenalan ini, akan diberikan asas kukuh kepada perbincangan seterusnya yang cuba mengenal pasti hubung kait antara faktor-faktor sosioekonomi orang Melayu bandar dengan perubahan yang berlaku, sama ada dari segi pemilihan pasangan yang akan

University of Malaya

dibincangkan dalam bab ini atau pengendalian majlis perkahiwnan yang merangkumi pemberian perkahwinan dan pelaksanaan majlis perkahiwnan yang akan dihuraikan dalam Bab 5 dan Bab 6.

4.2 Sosioekonomi Orang Melayu Bandar

Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah mengalami perkembangan pembandaran yang menakjubkan dengan bukti bahawa paras pembandaran terus meningkat, iaitu 34.2% pada tahun 1980, 50.7% pada tahun 1991, 62.0% pada tahun 2000 dan 71.0% pada tahun 2010[1]. Kini, terdapat 70% penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar, dan kehidupan bandar telah menjadi cara hidup dalam peradaban masyarakat Malaysia. Dalam proses pembandaran, DEB telah berjaya melonjakkan peluang ekonomi, pekerjaan, pendidikan, seterusnya status sosial kaum Melayu sehingga golongan ini menjadi masyarakat bandar. Kesan daripada perubahan tersebut, kehidupan orang Melayu berubah secara keseluruhannya bukan sahaja dari aspek struktur masyarakat, tingkah laku dan cara kehidupan, tetapi faktor-faktor sosioekonomi (Chan Kok Eng, 1988; Fatimah Abdullah, 1994; Ishak Yussof & Zainizam Zakariya, 2009; Abdul Rahman Embong, 2011), termasuk pendidikan, pekerjaan, pendapatan, kedudukan sosioekonomi keluarga dan tempat kediaman.

Dalam masyarakat bandar moden, pendidikan memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi perindustrian. Dengan matlamat melahirkan sumber manusia yang mahir dan terlatih dalam bidang pengurusan dan profesional, maka sejak mencapai kemerdekaan, kerajaan Malaysia mempertaruhkan banyak masa, dana dan tenaga

[1] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi 2010*. https://www.dosm.gov.my

University of Malaya

terhadap pembangunan pendidikan sama ada dalam peringkat asas atau peringkat tinggi. Masa kini, seluruh Malaysia mempunyai 7,772 buah sekolah rendah, dan 2,408 buah sekolah menengah[2]. Selain itu, jumlah universiti awam juga mencecah 20 buah[3], dan mencakupi tiga disiplin ilmu utama, iaitu sastera, sains dan teknikal (Ishak Yussof & Zainizam Zakariya, 2009). Untuk meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat Melayu yang ketinggalan dalam bidang ekonomi, kerajaan menggalakkan agar orang Melayu terlibat dalam pembangunan ekonomi moden dengan menambahkan peluang pendidikan, terutama sekali di peringkat tinggi untuk melahirkan golongan profesional Melayu bagi memenuhi keperluan guna tenaga dalam sektor kedua dan tertiari.

Kesannya amat ketara iaitu, berdasarkan data-data dalam *Laporan Ciri-Ciri Pendidikan dan Sosial Penduduk 2010 (Kemas Kini: 25/06/2013)*, peratusan bumiputera berumur 20 tahun dan lebih yang mempunyai pendidikan tinggi, iaitu lepasan menengah, maktab/kolej atau universiti telah meningkat daripada 16.1% pada tahun 2000 kepada 22.1% pada tahun 2010. Didapati peratusan bagi perempuan berumur 15 tahun dan lebih yang memiliki kelulusan sijil, diploma atau ijazah (71.3%) adalah lebih tinggi berbanding lelaki (69.7%) dengan jurang sebanyak 1.6 mata peratus[4]. Sememangnya, siri program dan projek yang dilaksanakan bukan sahaja meninggikan taraf hidup masyarakat Melayu bandar secara umum, tetapi berjaya meningkatkan pendapatan mereka (Nawi Abdullah & Wan Ariffin Wan Ahmad, 2007) disebabkan oleh kepentingan pendidikan dalam mendapatkan kerja di bandar. Abdul Rahman Embong (2011) menunjukkan, bagi penduduk yang berkelulusan tinggi, pekerjaan yang membawa gaji lumayan tidak begitu bermasalah. Namun dengan kelulusan yang rendah,

[2] Kementerian Pendidikan Malaysia. https://www.moe.gov.my
[3] Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. http://www.mohe.gov.my
[4] Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my

University of Malaya

seperti SPM, seseorang itu hanya boleh memburu pekerjaan yang manual sifatnya dengan pendapatan yang tidak seberapa. Walau bagaimanapun, perbincangan yang lebih mendalam mengenai faktor pendapatan orang Melayu bandar akan dilaksanakan dalam bahagian yang seterusnya.

Mengenai faktor pekerjaan, kegiatan ekonomi di bandar telah mengalami perubahan yang signifikan, dan perubahan pola-pola pekerjaan yang telah berlaku sememangnya berkait rapat dengan perkembangan ekonomi Malaysia, iaitu sumbangan sektor kedua dan tertiari kepada Keluaran dalam Negara Kasar semakin meningkat, manakala sumbangan sektor pertama, terutama sekali pertanian semakin menurun. Sebagai akibatnya, bilangan tenaga kerja sektor pertanian yang paling ramai jumlahnya pada zaman kolonial, telah menjadi paling sedikit pada zaman sekarang, manakala jumlah tenaga kerja dalam sektor kedua, misalnya pembuatan, perlombongan dan pembinaan, serta sektor tertiari, iaitu pelbagai jenis perkhidmatan telah meningkat dengan ketara (Chan Kok Eng, 1988; Abdul Rahman Embong, 2011). Berdasarkan *Laporan Ciri-Ciri Ekonomi Penduduk 2010 (Kemas Kini: 16/01/2014)*, kategori pekerja perkhidmatan dan jualan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 19.3% (2.2 juta orang) daripada jumlah penduduk bekerja di Malaysia, diikuti kategori pekerjaan asas 12.2% (1.4 juta orang) dan operator loji dan mesin serta pemasang 11.7% (1.3 juta orang)[5].

Dalam masyarakat Melayu pertanian, pekerjaan yang terbuka kepada orang Melayu sangat terbatas. Majoriti mereka ialah petani dan nelayan, manakala hanya segelintir orang Melayu bekerja sebagai pentadbir dan guru. Keadaan ini telah berubah secara keseluruhannya seiring dengan penghijrahan migran Melayu ke bandar dengan

[5] Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my

University of Malaya

meluasnya selepas negara ini mencapai kemerdekaan. Lebih-lebih lagi sejak pelaksanaan DEB yang bermatlamat untuk membasmi kemiskinan bumiputera dan menyusun semula masyarakat Malaysia (Nawi Abdullah & Wan Ariffin Wan Ahmad, 2007; Abdul Rahman Embong, 2011). Bertitik tolak dari itu, migran Melayu diberikan peluang untuk mendapatkan pekerjaan dalam pelbagai bidang dan dalam pelbagai lapisan dalam hierarki pekerjaan bandar (Abdul Samad Hadi, 2001). Bukan sahaja lelaki Melayu, malah perempuan Melayu juga memperoleh peluang untuk terlibat dalam pasaran kerja moden yang meliputi bidang yang luas, termasuk perkeranian, profesional, teknikal, pengurusan, pentadbiran, perniagaan dan banyak lagi. Nawi Abdullah dan Wan Ariffin Wan Ahmad (2007) menegaskan, perubahan dalam pola pekerjaan daripada sektor tradisi kepada sektor moden bukan sahaja mengubah pola pekerjaan orang Melayu, tetapi juga menambahkan mobiliti sosial mereka dalam memperbaiki kedudukan sosioekonomi.

Dari segi pendapatan, seperti diketahui bahawa pendapatan yang ditawarkan oleh pekerjaan sektor kedua dan tertiari di bandar adalah lebih lumayan daripada pendapatan yang diperoleh daripada hasil pertanian. Pada tahun 2015 contohnya, purata pendapatan bulanan pekerja bandar sebanyak RM2,514, dan jumlah ini lebih tinggi daripada purata pendapatan bulanan pekerja di luar bandar (RM1,617) dan pekerja seluruh Malaysia (RM2,312)[6]. Ini jelas satu tarikan besar kepada migran untuk terus berpindah ke bandar dari kawasan luar bandar. Pada masa yang sama, jurang pendapatan penduduk bandar juga menjadi lebih besar diakibatkan oleh pola-pola pekerjaan yang berbeza-beza hierarkinya selain persaingan yang tinggi tahapnya. Nawi Abdullah dan Wan Ariffin

[6] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Laporan penyiasatan gaji & upah Malaysia 2015*. https://www.dosm.gov.my

University of Malaya

Wan Ahmad (2007) menegaskan, proses pembandaran dan pembangunan sosioekonomi yang pesat berjaya melahirkan kumpulan kelas menengah Melayu yang memperoleh pendapatan yang jauh lebih tinggi daripada masyarakat lain. Di samping itu, masalah persaingan yang tinggi dan perjalanan hidup moden yang bergerak pantas meningkatkan lagi kadar kemiskinan di bandar, terutama bagi masyarakat yang tidak berupaya melangkah seiring dengan kerancakan pembangunan. Akibatnya, perbezaan pendapatan dalam masyarakat Melayu bandar telah menimbulkan perbezaan status sosioekonomi kepada tiga kumpulan utama, iaitu kumpulan tinggi, sederhana dan rendah (Samruhaizad Samian dan rakan-rakan, 2014).

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam masyarakat bandar yang semakin meningkat kos hidupnya, tekanan dan cabaran dilalui setiap hari oleh penduduk bandar dalam menjalani kehidupan yang serba pantas dan moden. Dalam hal ini, tinggi rendah tahap pendapatan amat menentukan kualiti hidup, gaya hidup dan keutamaan yang dititikberatkan dalam kehidupan seharian penduduk bandar. Abdul Rahman Embong (2011) menyatakan bahawa perhatian penduduk kelas bawahan tertumpu kepada persoalan bagaimana menangani masalah yang asas bagi meneruskan hidup mereka, seperti kos hidup harian dan perumahan. Samruhaizad Samian dan rakan-rakan (2014) juga menunjukkan, golongan yang berpendapatan sederhana dan ke bawah sering dibebankan oleh peningkatan kos pembelian harga sewa dan beli rumah yang di luar kemampuan mereka. Namun begitu, bagi penduduk kelas menengah, lebih-lebih lagi kelas menengah atas pula, persoalan bagaimana meningkatkan kualiti hidup lebih dititikberatkan, khususnya dari segi keselesaan, masa berkualiti dan berlibur dengan keluarga, terutama sekali anak-anak, penjagaan kesihatan dan sebagainya.

University of Malaya

Mengenai kedudukan sosioekonomi keluarga, dalam masyarakat bandar, pendapatan isi rumah telah meningkat dengan ketara seiring dengan peningkatan pendapatan anggota keluarga. Data-data dalam *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014*[7] menunjukkan, sejak tahun 2012 hingga tahun 2014, pendapatan isi rumah bulanan purata di bandar-bandar Malaysia telah meningkat 8.7% iaitu daripada RM5,742 kepada RM6,833. Golongan bumiputera juga mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi moden apabila purata pendapatan bulanan isi rumah bumiputera di bandar telah mencecah RM6,340. Di samping itu, jurang perbezaan kedudukan sosioekonomi keluarga bumiputera di bandar juga dikesan dengan semakin jelas. Pada tahun 2014, pendapatan isi rumah bulanan purata bagi kumpulan pendapatan tertinggi (20%) ialah RM14,200, kumpulan pendapatan pertengahan (40%) ialah RM5,935, dan kumpulan pendapatan terendah (40%) pula ialah RM2,816.

Yang perlu ditegaskan di sini ialah, dalam masyarakat Melayu bandar, walaupun kedudukan sosioekonomi masih memainkan peranan penting dalam tumbesaran seseorang, namun peranannya dalam menentukan kedudukan anggota keluarga dalam masyarakat telah menurun. Memandangkan mobiliti sosial di bandar yang tinggi sifatnya, pencapaian peribadi dijadikan ukuran utama untuk menentukan kelas sosial atau menaikkan tarafnya, seperti pencapaian pendidikan, taraf pekerjaan, pendapatan, status sosial dan gaya hidup individu (Nordin Selat, 1976; Azizah Kassim, 1985). Pandangan ini juga disokong oleh Nawi Abdullah dan Wan Ariffin Wan Ahmad (2007) dalam hasil kajian mereka yang mengatakan, perubahan dalam pola pekerjaan dari sektor tradisi ke sektor moden mengubah mobilisasi sosial masyarakat Melayu dan

[7] Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my

University of Malaya

menggerakkan kumpulan ini ke tahap yang lebih tinggi dalam masyarakat bandar melalui peningkatan taraf sosioekonomi.

Berkenaan dengan tempat kediaman pula, dalam masyarakat bandar, pemilihan tempat kediaman tidak lagi bergantung kepada ikatan keluarga dan kekerabatan, tetapi lebih dipengaruhi oleh "*where they worked and where the goods and services they need for living were provided*. (Syafiee Shuid, 2004, p. 2)." Selain itu, oleh sebab tanah di bandar dijualbeli dengan wang ringgit, malahan harganya semakin melonjak tinggi kerana sumber tanah yang terhad, maka rumah terus menjadi lambang kehidupan dan status keluarga di bandar (Fatimah Abdullah, 2009b). Kawasan perumahan di bandar dikategorikan mengikut keupayaan kewangan dan status sosial penduduk bandar dengan ketara. Perumahan kos rendah, perumahan rakyat atau awam disediakan untuk golongan berpendapatan rendah (Junaidi Awang Besar dan rakan-rakan, 2014). Perumahan yang lebih selesa dan terletak di kawasan yang agak aman pula dibina untuk golongan berpendapatan tinggi dan sederhana tinggi (Abdul Rahman Embong, 2011), seperti rumah kondominium (rumah kondo) dan rumah teres di kawasan perumahan kos tinggi, rumah *semi detached house* (Semi-D), dan rumah banglo.

Ciri-ciri kediaman di bandar yang terpisah dan bersempadan dari segi fizikal, bertembung dengan wujudnya individualisme dan ketidakpedulian (Wirth, 1938) telah menyebabkan hubungan persanakan dan kejiranan menjadi semakin renggang. Menurut Yaacob Harun (1991/2014a), walaupun dalam masyarakat Melayu bandar, beberapa bentuk hubungan timbal balas masih dapat dikesan antara sanak saudara, namun yang tidak dapat dinafikan ialah, pemisahan tempat kediaman sesama sanak saudara yang merupakan akibat langsung daripada proses pembandaran telah menyebabkan darjah

University of Malaya

dan intensiti hubungan persanakan berkurangan. Fatimah Abdullah (2009b) pula menunjukkan bahawa rumah-rumah moden di bandar yang berpagar menekankan wujudnya sempadan antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain. Fenomena ini memperlihatkan pengasingan dan eksklusifnya penghuni di kawasan tersebut sekali gus membatasi hubungan kekerabatan dan persaudaraan antara jiran tetangga.

Ternyatalah, faktor-faktor sosioekonomi dalam masyarakat Melayu bandar telah mengalami perubahan yang signifikan, akibat daripada proses pembandaran. Antara bandar-bandar di Malaysia, bandar raya Kuala Lumpur dipilih sebagai tempat kajian dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana tiga faktor utama dan yang pertama ialah, bandar metropolitan Kuala Lumpur mempunyai kedudukan yang sangat penting di Malaysia kerana merupakan ibu kota negara, pusat perkhidmatan, pusat kegiatan ekonomi, pusat pendidikan dan juga pusat kebudayaan; yang kedua ialah, Kuala Lumpur merupakan bandar yang paling tinggi tahap pembandarannya di Malaysia dengan paras urbanisasinya 100 %[8]; dan yang ketiga ialah, Kuala Lumpur didiami oleh orang Melayu yang berjumlah besar apabila jumlahnya mencecah 679,236 orang, yakni 40.56% daripada keseluruhan jumlah penduduk bandar ini[9].

Sejarah pembandaran Kuala Lumpur boleh disusuri kembali hingga ke awal abad ke-19, namun kepesatan pembangunan berlaku pada 1970-an seiring dengan pelaksanaan siri Rancangan Malaysia dan DEB yang banyak menggalakkan perkembangan ekonomi perindustrian. Kini, Kuala Lumpur bukan sahaja pusat industri, perdagangan, pendidikan dan kebudayaan Malaysia, tetapi satu-satunya bandar raya global di negara ini. Kuala Lumpur meliputi tanah seluas 244 kilometer persegi dengan

[8] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi 2010*. https://www.dosm.gov.my
[9] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi 2010*. https://www.dosm.gov.my

University of Malaya

anggaran penduduk 1,674,621 orang[10]. Pendidikan memberikan asas kukuh untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya maju dan makmur dengan adanya lebih daripada 100 buah pertubuhan pendidikan yang menawarkan pekerjaan kepada lebih 17,000 orang (Junaidi Awang Besar, 2014). Didapati 100% penduduk Kuala Lumpur yang berumur 15-64 tahun terlibat dalam pasaran kerja[11], termasuk sektor perkilangan dan sektor-sektor lain yang bukan pertanian. Pada 2015, bandar ini telah mencatat purata pendapatan bulanan pekerja yang kedua tertingginya di Malaysia, iaitu RM3,386[12]. Pada 2014, pendapatan isi rumah bulanan purata di Kuala Lumpur adalah yang paling tinggi di Malaysia, iaitu RM10,629[13]. Jumlah kediaman di bandar ini telah mencecah 471,297 unit[14] dan dikategorikan pula kepada perumahan kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi (Syafiee Shuid, 2004).

Untuk melakukan analisis yang seterusnya dengan lebih lancar, setiap faktor sosioekonomi responden Kuala Lumpur kajian ini pada ketika mereka berkenalan dengan pasangan masing-masing dibahagikan kepada beberapa kategori yang lebih spesifik. Taraf pendidikan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu di bawah kelulusan diploma serta kelulusan diploma dan ke atas. Status pekerjaan[15] digolongkan kepada empat kategori dari tahap tinggi hingga tahap bawah mengikut pembahagian status pekerjaan yang dikemukakan oleh Centers (1949), iaitu profesional, perniagaan, kolar putih dan manual mahir[16]. Tahap pendapatan dibahagikan kepada tiga kategori mengikut jumlah pendapatan bulanan, iaitu RM0, ≤RM4,000 dan RM4,001≥. Kedudukan

[10] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi 2010*. https://www.dosm.gov.my
[11] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Laporan ciri-ciri ekonomi penduduk 2010* (Kemas Kini: 16/01/2014). https://www.dosm.gov.my
[12] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Laporan penyiasatan gaji & upah Malaysia 2015*. https://www.dosm.gov.my
[13] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2014*. https://www.dosm.gov.my
[14] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 2010*. https://www.dosm.gov.my
[15] Pembahagian status pekerjaan melibatkan responden suami dan isteri yang berkerjaya, manakala empat orang responden isteri yang menganggur digolongkan dalam golongan "tidak bekerja".
[16] Dalam kajian ini, pekerjaan profesional merangkumi pekerjaan dalam bidang pendidikan dan perubatan, pekerjaan perniagaan merujuk kepada perniagaan sendiri, pekerjaan kolar putih mencakupi pekerjaan kakitangan kerajaan, syarikat, kewangan/perbankan dan polis/tentera, dan akhir sekali manual mahir melibatkan pekerjaan perkhidmatan dan kilang.

University of Malaya

sosioekonomi keluarga diukur dengan jumlah pendapatan bulanan ibu bapa dan dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu ≤RM5,000, RM5,001-15,000 dan RM15,001≥. Tempat kediaman pula digolongkan kepada empat kategori, iaitu rumah pangsa, rumah kondo, rumah teres dan rumah Semi-D/Banglo.

Berikutnya, perubahan pemilihan pasangan responden Melayu Kuala Lumpur dan implikasi faktor-faktor sosioekonomi mereka terhadap perubahan tersebut akan dihujahkan dengan sistematik.

4.3 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Umur Ketika Berkahwin

Umur ketika berkahwin bagi orang Melayu di bandar telah mengalami perubahan yang drastik. Dalam masyarakat Melayu pertanian, pada umumnya muda-mudi berumah tangga pada usia yang muda, iaitu 15-20 tahun bagi perempuan, manakala 18-23 tahun bagi lelaki. Namun begitu, umur ketika berkahwin orang Melayu masa kini semakin meningkat tanpa mengira jantina. Menurut *Laporan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (2004)*, purata umur perkahwinan pertama bagi lelaki Melayu telah meningkat kepada 28.8 tahun, manakala umur ini bagi perempuan pun mencecah 24.1 tahun[17]. *Laporan Ciri-ciri Pendidikan dan Sosial Penduduk 2010* (Kemas Kini: 25 Jun 2013) pula menunjukkan, purata umur perkahwinan pertama bagi wanita bumiputera telah meningkat kepada 25.4 tahun berbanding dengan 24.6 tahun pada 2000. Bagi lelaki bumiputera pula, purata umur ini menurun sedikit kepada 27.7 tahun daripada 28.1 tahun pada 2000[18].

[17] LPPKN. http://www.lppkn.gov.my
[18] Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my

University of Malaya

Hasil dapatan kajian mengenai umur perkahwinan pertama responden Melayu di Kuala Lumpur turut menyokong data-data di atas, iaitu senario lambat berkahwin sedang berleluasa dalam kalangan orang Melayu bandar. Buktinya, purata umur perkahwinan pertama bagi 107 orang suami ialah 28.4 tahun, manakala bagi 107 orang isteri pula ialah 26.6 tahun. Dalam Jadual 4.1, taburan umur ketika berkahwin responden suami dan responden isteri boleh dikesan dengan lebih jelas.

Jadual 4.1: Umur Ketika Berkahwin Responden Suami Isteri

Lingkungan Umur ketika Berkahwin	**Bilangan Responden Suami**	**Peratus (%)**	**Bilangan Responden Isteri**	**Peratus (%)**
20-25	31	29.0	43	40.2
26-30	47	43.9	48	44.9
31-35	22	20.6	16	15.0
36-40	3	2.8	0	0.0
41-45	4	3.7	0	0.0
Jumlah	107	100.0	107	100.0

Data-data menunjukkan bahawa majoriti responden suami (43.9%) dan isteri (44.9%) berkahwin buat kali pertama dalam lingkungan umur 26-30 tahun. Lingkungan umur ketika berkahwin yang lebih muda, iaitu 20-25 tahun hanya menduduki kohort umur yang kedua terbesar apabila 29.0% suami dan 40.2% isteri mengakhiri zaman bujang dalam lingkungan umur ini. Selain itu, terdapat 20.6% suami dan 15.0% isteri berkahwin pada usia yang agak tua, iaitu 31-35 tahun. Bahkan didapati 6.5% lelaki bergelar suami dalam lingkungan umur antara 36-45 tahun, namun tiada seorang perempuan bergelar isteri pada umur yang melebihi 35 tahun. Ini juga bermakna,

University of Malaya

masyarakat Melayu bandar mengenakan tekanan yang lebih besar terhadap kaum perempuan supaya mereka berkahwin seawal mungkin.

Menurut perbincangan di atas, ternyatalah bahawa umur perkahwinan pertama responden Melayu Kuala Lumpur telah meningkat dengan ketara sama ada bagi responden suami atau isteri. Seterusnya, akan dianalisis sama ada faktor-faktor sosioekonomi di bandar memberikan kesan atau tidak kepada perubahan tersebut dan bagaimanakah caranya.

4.3.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor pendidikan dan pekerjaan memberikan implikasi ke atas perubahan umur ketika berkahwin dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur. Tambahan pula, implikasi yang dikenakan terhadap responden suami dan isteri adalah berbeza. Sebelum perbincangan lanjut diteruskan, yang perlu ditegaskan terlebih dahulu ialah, dalam menganalisis pengaruh faktor-faktor sosioekonomi terhadap umur ketika berkahwin responden, purata umur perkahwinan pertama responden suami (28.4 tahun≈28 tahun) dan isteri (26.6 tahun≈27 tahun) dalam kajian ini akan digunakan sebagai dimensi umur bagi membahagikan responden kepada dua golongan utama, iaitu golongan yang berkahwin lebih awal dan golongan yang berkahwin lebih lambat.

University of Malaya

4.3.1.1 Pendidikan

Kajian ini mendapati faktor pendidikan merupakan salah satu penyumbang kepada peningkatan umur ketika berkahwin dalam kalangan responden Melayu. Dalam hal ini, perbezaan ketara dapat dikesan antara golongan suami dan isteri.

Menurut Graf 4.1, antara responden suami yang berkahwin lebih awal, terdapat 37.2% responden berpendidikan di bawah diploma, kadar ini menurun dengan ketara kepada 26.6% dalam kalangan suami yang berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Dalam kalangan suami yang berkahwin lebih lambat pula, responden yang berpendidikan lebih rendah seramai 27 orang, iaitu 62.8%. Kadar ini terus meningkat kepada 73.4% dalam kalangan suami yang berpendidikan lebih tinggi.



Graf 4.1: Taraf Pendidikan Responden Suami dan Umur ketika Berkahwin

Hubung kait antara faktor pendidikan dengan umur ketika berkahwin yang didapati dalam kalangan responden suami juga dikesan dalam kalangan responden isteri, bahkan jauh lebih signifikan. Merujuk kepada Graf 4.2, antara mereka yang bergelar isteri pada umur 27 tahun dan ke bawah, terdapat 64.7% responden berpendidikan di bawah

University of Malaya

kelulusan diploma. Kadar ini jatuh mendadak kepada 31.5% dalam kategori isteri yang melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma dan ke atas. Dalam golongan isteri yang berkahwin lebih lambat pula, terdapat 35.3% responden mempunyai taraf pendidikan di bawah diploma, kadar ini meningkat dengan ketara kepada 68.5% dalam kalangan responden yang berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Jelasnya, taraf pendidikan responden kajian ini berkorelasi positif dengan umur perkahwinan pertama mereka sama ada bagi golongan suami atau isteri.



Graf 4.2: Taraf Pendidikan Responden Isteri dan Umur ketika Berkahwin

Hasil dapatan kajian mengenai responden Melayu Kuala Lumpur ini juga selaras dengan penemuan di Thailand (Limanonda, 1982), Indonesia (Smith-Hefener, 2005), Jepun (Retherford, Ogawa & Matsukura, 2001; Tokuhiro, 2010), India (Gore,1968; Jain, 1986), Turki (Gore & Carlson, 2010), Iran (Rezai-Rashti & Moghadam, 2011), Burkina Faso (Calvés & Depledge, 2007) dan A.S (Wilkie, 1991; DeGenova, 2008) yang menunjukkan bahawa faktor pendidikan merupakan salah satu punca yang paling utama dalam fenomena lambat berkahwin penduduk bandar. Pada hakikatnya, faktor

University of Malaya

pendidikan orang bandar menyumbang kepada peningkatan umur ketika berkahwin mereka adalah disebabkan oleh dua punca utama.

Punca yang pertama ialah, sistem pendidikan formal di bandar memerlukan muda-mudi menangguhkan soal peribadi terlebih dahulu dan menumpukan lebih banyak masa serta tenaga kepada pencapaian akademik. Tidak seperti hidup dalam masyarakat tradisi yang mengamalkan sistem ekonomi sara diri, di bandar jika ingin menanggung biaya hidup sendiri, muda-mudi mesti mendapatkan kerja yang menghasilkan pendapatan dengan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang khusus melalui pendidikan. Kepentingan pendidikan bagi menjamin kualiti kehidupan dalam masyarakat bandar tidak dapat dinafikan sehingga disifatkan sebagai pelaburan yang sangat berbaloi. Menurut Olson, DeFrain dan Skogrand (2013), dalam tempoh masa seumur hidup, individu yang berpendidikan di peringkat sekolah tinggi memperoleh pendapatan sebanyak USD1.2 juta, dan mereka yang mempunyai ijazah sarjana muda memperoleh pendapatan berjumlah USD2.1 juta. Bagi individu yang berijazah sarjana, pendapatan mereka setinggi USD2.5 juta, dan bagi mereka yang bergelar PhD atau EdD[19], pendapatan boleh mencecah USD3.4 juta. Individu yang mempunyai ijazah profesional, misalnya MD[20] pula, berpendapatan lebih kurang USD4.4 juta.

Jelasnya, untuk mendapatkan kerja yang membawa sumber ekonomi yang lebih lumayan, muda-mudi di bandar perlu menghabiskan masa yang lebih panjang di sekolah, dan bersaing hebat untuk merebut peluang melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Natijahnya, ramai orang mengetepikan soal perkahwinan dan rumah tangga kerana ingin menumpukan perhatian kepada pelajaran sepenuhnya. Hal ini juga

[19] EdD merujuk kepada Doktor Pendidikan (*Doctor of Education*).
[20] MD merujuk kepada Doktor Perubatan (*Doctor of Medicine*).

University of Malaya

disokong oleh sarjana tempatan seperti Haslina Hassan dan Ann (1995) yang mengatakan bahawa sikap anggota masyarakat di bandar lebih cenderung untuk memperbaiki kedudukan ekonomi melalui kejayaan dalam bidang akademik. Rata-rata lelaki dan perempuan mempunyai pencapaian pelajaran sehingga ke peringkat SPM. Lazimnya, mereka telah berumur dalam lingkungan 17 tahun ke atas pada masa itu. Bagi mereka yang bijak dan berpeluang meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, mereka mungkin menamatkan pengajian di sekitar umur 23-25 tahun. Demi memburu masa depan yang lebih baik, mereka terpaksa mengetepikan dahulu soal membina rumah tangga. Yaacob Harun (2014a) turut mengakui keadaan yang serupa, iaitu "*Young Malay couples today do not enter into marriage until they finish their tertiary education or until they could secure jobs with enough income to set up a family*. (p. 94)."

Oleh hal yang demikian, seperti apa yang didapati dalam kajian ini, semakin tinggi tahap pendidikan responden, maka semakin lambatlah ia berumah tangga. Hasil dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi oleh contoh kes yang didapati dalam temu bual. Salah satu contoh kes tipikal ialah kisah pasangan responden keempat yang akan diberikan berikutnya.

Menangguhkan Perkahwinan kerana Mengutamakan Pendidikan

"Responden isteri bagi pasangan keempat bekerja sebagai tutor di sebuah universiti tempatan, di samping menyambung PhD dalam bidang kesusasteraan Melayu di universiti tersebut. Responden suami yang seumur dengannya merupakan graduan *Royal College of Surgeon of Ireland* dan berkhidmat di Hospital Kuala Lumpur (HKL) sebagai pegawai perubatan. Pasangan ini berumah tangga pada umur 29 tahun. Isteri berkata, "Masa kita orang kawan dulu, masing-masing tak habis belajar lagi, saya tengah buat MA, dia belum habis *degree*, *so* kena fokus pada pelajaran dulu la, jadi hubungan jarak jauh untuk tiga tahun." Mereka mengambil keputusan untuk membina masjid selepas kedua-duanya memperoleh ijazah dan mendapatkan kerja stabil. "Dah

University of Malaya

habis belajar, kerja pun dah ada, walaupun ekonomi tak *stabil* lagi, *at least* ada gaji la, dah boleh fikir pasal kahwin," ujarnya."

Punca yang kedua ialah, peningkatan taraf pendidikan menyebabkan individu bersikap lebih memilih semasa mencari pasangan, maka mereka memerlukan masa yang lebih panjang untuk mencari calon suami atau isteri yang diidamkan. Mare (1991) menghujahkan bahawa pendidikan mempunyai nilai yang sama seperti kecantikan, iaitu merupakan satu kriteria yang diidamkan dalam pasaran perkahwinan (*marriage market*). Ini bermakna, golongan berpendidikan tinggi mempunyai nilai yang lebih tinggi dalam pasaran perkahwinan. Natijahnya, mereka menjadi lebih memilih semasa mencari pasangan dan lebih ingin untuk berkahwin dengan pasangan yang mempunyai sifat-sifat yang diidamkan. Hal ini dibuktikan benar dalam kajian Arum, Roksa dan Budig (2008), iaitu "...*women's elite college attendance was associated with marrying or cohabitating with a man with higher subsequent annual income, men's elite college attendance was associated with marrying or cohabitating with women of more privileged social origins*. (p. 117)." Keinginan untuk berkahwin dengan pasangan yang lebih sempurna ini menyebabkan golongan berpendidikan tinggi enggan berkahwin dengan pasangan yang kurang memuaskan semata-mata untuk menamatkan zaman bujang dengan lebih awal. Situasi ini secara tidak langsung telah meningkatkan umur mereka ketika berkahwin.

Seperti yang telah dinyatakan di atas, kajian ini mendapati faktor pendidikan membawa pengaruh yang lebih besar kepada umur perkahwinan golongan isteri. Dalam erti kata lain, responden isteri yang berpendidikan tinggi lebih cenderung untuk berkahwin lambat jika dibandingkan dengan responden suami. Dapatan ini diperkukuhkan lagi oleh kajian-kajian yang dilakukan di Korea, Jepun, Turki, Burkina

University of Malaya

Faso dan A.S. (Smith & Karim, 1980; Tokuhiro, 2010; Gore & Carlson, 2010; Calvés & Depledge, 2007; Gore & Carlson, 2010). Apabila dianalisis puncanya, maka didapati bahawa keadaan ini disebabkan oleh "*marriage gradient*" yang wujud dalam pasaran perkahwinan, iaitu perempuan lebih cenderung untuk berkahwin dengan lelaki yang lebih tinggi statusnya, manakala lelaki lebih suka berkahwin dengan perempuan yang lebih rendah statusnya, sama ada dari segi umur, pendidikan atau pendapatan (Strong dan rakan-rakan, 2014). Maka, taraf pendidikan yang tinggi sebenarnya membatasi pilihan pasangan bagi golongan perempuan yang terpelajar, dan menyukarkan mereka untuk berumah tangga pada usia yang lebih muda.

Dalam konteks Malaysia, perubahan polisi pendidikan, hasil daripada proses pembandaran telah mendorong lebih ramai perempuan Melayu menamatkan pelajaran di sekolah tinggi, bahkan menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi (Jones, 1981). Ibu bapa Melayu juga menggalakkan anak-anak perempuan untuk melanjutkan pelajaran kerana menyedari bahawa pendidikan tinggi akan membawa kelebihan dalam pasaran kerja (Smith-Hefner, 2005). Akibatnya, golongan perempuan yang terpelajar berkembang besar dengan pantas sehingga di kebanyakan universiti, jumlah pelajar perempuan lebih ramai daripada lelaki, iaitu nisbah 2 terhadap 1 (Haslee Sharil Abdullah dan rakan-rakan, 2011). Ketidakseimbangan nisbah pelajar lelaki dan perempuan di institusi pengajian tinggi ditambahkan lagi dengan nilai kekeluargaan Melayu yang menekankan kewibawaan dan autoriti suami dalam keluarga, maka perempuan yang terpelajar sering mendapati diri mereka sukar untuk menemui pasangan sesuai pada usia yang muda. Huraian ini selaras dengan hasil dapatan kajian Fatimah Abdullah (1994) terhadap responden perempuan Melayu kelas menengah di

University of Malaya

Kuala Lumpur. Menurutnya, kebanyakan perempuan yang berkahwin pada usia yang lewat adalah mereka yang mempunyai kelulusan tinggi, seperti ijazah PhD. Situasi ini juga disokong oleh contoh kes yang didapati dalam temu bual dengan responden isteri bagi pasangan kelima kajian ini.

Lambat Berkahwin kerana Ingin Mencari Pasangan yang Sesuai

"Responden isteri bagi pasangan kelima mengajar di sebuah universiti tempatan sambil menyambung PhD. Sebelum menjadi pensyarah, beliau pernah bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP) selepas memperoleh ijazah sarjana. Selepas dua tahun berkhidmat di situ, beliau merancang untuk menyambung pelajaran ke peringkat PhD. Pada ketika itu, seorang budak pejabat yang sopan dan beradab orangnya meluahkan perasaan kepada responden, "Boleh ke jauh sikit dari kawan?" Walaupun lelaki itu baik orangnya, tetapi responden risau lelaki yang berpendidikan setakat SPM sahaja tidak betul-betul memahami kehidupannya yang ingin terus belajar. "Kalau kahwin dengan dia, lepas kahwin dia mesti cepat nak anak-anak, nak keluarga dia, tapi kita ini ada rancangan nak sambung belajar lagi," ujar responden. Ibunya juga menasihatkannya, lebih baik mencari orang yang sekufu. Akhirnya, responden menolak budak pejabat itu dengan memberikan alasan secara berlapik. Semasa responden menyambung PhD, beliau telah jatuh cinta dengan rakan sekelasnya ketika menuntut di peringkat sarjana. Lelaki itu bekerja dalam bidang pentadbiran di universiti yang sama dengan responden dan sedang merancang untuk menyambung PhDnya. Akhirnya, responden pun berkahwin dengan pilihan hatinya itu pada umur 31 tahun."

Berdasarkan perbincangan di atas, terbuktilah bahawa tempoh belajar yang lebih panjang, ditambahkan pula dengan sikap golongan terpelajar yang lebih memilih semasa mencari pasangan telah menyumbang kepada peningkatan umur mereka semasa berkahwin. Dalam hal ini, "*marriage gradient*" yang wujud antara lelaki dan perempuan menyebabkan peningkatan taraf pendidikan memberikan pengaruh yang lebih besar kepada umur ketika berkahwin responden isteri.

University of Malaya

4.3.1.2 Pekerjaan

Selain pendidikan, faktor pekerjaan juga mempunyai hubung kait yang rapat dengan umur ketika berkahwin responden Melayu Kuala Lumpur sama ada dalam kalangan suami atau isteri. Dalam hal ini, tidak dikesan perbezaan yang signifikan antara kedua-dua golongan responden tersebut.

Graf 4.3 menunjukkan bahawa status pekerjaan responden suami berkorelasi positif dengan umur ketika berkahwin mereka. Dalam golongan suami yang berkahwin pada umur 28 tahun dan ke bawah, tiada seorang pekerja profesional berkahwin dalam lingkungan umur yang lebih muda ini. Kadar ini meningkat mengikut penurunan status pekerjaan, iaitu 25.0% dalam kalangan peniaga sendiri, 31.1% dalam kalangan pekerja kolar putih, dan 50.0% dalam golongan pekerja manual mahir. Melihat responden suami yang berumah tangga pada umur yang melebihi 28 tahun pula, didapati 100% pekerja profesional berkahwin dalam kohort umur yang agak lewat ini. Kadar ini menurun mengikut penurunan status pekerjaan, iaitu peniaga sendiri (75.0%), pekerja kolar putih (68.9%) dan pekerja manual mahir (50.0%).



Graf 4.3: Status Pekerjaan Responden Suami dan Umur ketika Berkahwin

University of Malaya

Korelasi positif antara status pekerjaan dengan umur ketika berkahwin juga dikesan dalam kalangan responden isteri tanpa menunjukkan perbezaan yang signifikan. Menurut Graf 4.4, dalam kohort umur ketika berkahwin di bawah purata umur perkahwinan, iaitu 27 tahun dan ke bawah, terdapat 30.8% responden bekerja dalam bidang profesional. Kadar ini meningkat seiring dengan penurunan status pekerjaan, iaitu peniaga sendiri (33.3%), pekerja kolar putih (40.7%), pekerja manual mahir (66.7%) dan penganggur (75.0%). Melihat mereka yang bergelar isteri pada usia yang lebih lewat pula, iaitu umur yang melebihi 27 tahun, kadar menurun dengan ketara mengikut penurunan status pekerjaan, iaitu pekerja profesional (69.2%), peniaga sendiri (66.7%), pekerja kolar putih (59.3%), pekerja manual mahir (33.3%) dan penganggur (25.0%).



Graf 4.4: Status Pekerjaan Responden Isteri dan Umur ketika Berkahwin

Berdasarkan data-data di atas, jelasnya pekerjaan bukan pertanian di bandar menyumbang kepada peningkatan umur ketika berkahwin dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur tanpa mengira jantina. Hasil kajian ini juga sepadan dengan

University of Malaya

penemuan kajian-kajian yang dijalankan di negara-negara seperti Korea, Pakistan, Thailand, A.S. dan Iran (Smith & Karim, 1980; Wilkie, 1991; Rezai-Rashti & Moghadam, 2011). Sememangnya, pengaruh faktor pekerjaan terhadap umur ketika berkahwin berpunca daripada dua perkara utama. Yang pertama ialah, pelebaran peluang kerja dan perubahan corak kerja di bandar menyebabkan responden lebih berdikari dari segi ekonomi dan tidak perlu bergantung kepada pasangan demi mengusahakan pekerjaan yang sama. Dalam masyarakat Melayu tradisi, pertanian merupakan satu-satunya pekerjaan kepada kebanyakan penduduk kampung. Pekerjaan pertanian memerlukan lelaki dan perempuan disatukan pada umur muda kerana "*Men needed help on the farm and received it in the labor provided by wives and offspring. Women needed status and economic support because few jobs were open to them* (Murstein, 1991, p. 13)." Namun begitu, diakibatkan oleh proses pembandaran, keluarga Melayu tidak lagi beroperasi sebagai sebuah unit pengeluaran. Maka, suami dan isteri juga tidak lagi saling bergantung dan saling melengkapi antara satu sama lain untuk mengendalikan pekerjaan yang sama dalam bidang pertanian.

Sebagai kesan daripada arus pembandaran dan perindustrian, masyarakat bandar menyediakan pelbagai jenis kerja dalam bidang pekerjaan peringkat kedua dan ketiga. Seperti yang dinyatakan oleh Jones (1981), seiring dengan proses pembandaran, pasaran kerja baharu telah terbuka kepada migran Melayu dengan menyediakan pelbagai peluang kerja, seperti menggredkan dan memproses tembakau di Kelantan, kerja di kilang elektronik dan tekstil di Petaling Jaya dan Penang. Melalui usaha sendiri, orang Melayu bandar boleh mendapatkan kerja yang sepadan dengan pencapaian akademik dan tahap kemahiran masing-masing. Dengan menikmati pendapatan tersendiri, mereka

University of Malaya

kurang bergantung kepada orang lain dan mampu menyara diri tanpa berumah tangga dengan seawal mungkin. Situasi ini jelas memanjangkan tempoh masa responden dalam mencari pasangan dan bercinta, maka umur ketika berkahwin mereka pun turut meningkat. Penjelasan ini dikukuhkan lagi oleh contoh kes responden suami bagi pasangan ketiga seperti yang diberikan dalam bahagian yang berikut.

"*Enjoy Life*" Sendiri dan Tidak Tergesa-gesa Untuk Berkahwin

"Responden suami bagi pasangan ketiga bekerja sebagai pengurus di sebuah syarikat keselamatan di Kuala Terengganu. Di samping itu, beliau dengan kawannya membuka satu agensi menyelam untuk mengajar orang menyelam, di samping menjual barang-barang penyelaman. Responden mengakui dirinya bergelar suami pada umur yang agak lewat, iaitu 36 tahun. Hal ini demikian kerana selama ini, responden belum menemui calon isteri yang sesuai, dan ia pun tidak tergesa-gesa untuk berumah tangga. "Saya tak berapa tension tentang pasal kahwin sebab saya hidup selesa dengan duit sendiri. Saya dah beli rumah, beli kereta, beli harta, saya *enjoy life* saya la. Kalau lapar saya makan kat kedai mamak, ada baju kotor saya hantar kat *laundry*, tak ada hal," ujarnya diiringi dengan senyuman. Akhirnya, responden mengenali isteri idaman melalui laman sesawang dan berumah tangga selepas bercinta jarak jauh selama tiga tahun."

Perkara yang kedua pula ialah, perubahan corak pekerjaan di bandar menyebabkan responden perlu mengambil masa yang lebih panjang untuk menguasai kemahiran yang dituntut dengan menolak ke tepi hal peribadi terlebih dahulu, termasuk soal perkahwinan. Jika dalam masyarakat tradisi, sebaik sahaja seseorang mencapai kematangan dari segi fizikal, iaitu berumur antara 10-15 tahun, maka perkahwinan boleh diuruskan dengan segera. Dalam hal ini, tidak ada sebarang alasan untuk menangguhkan sesebuah perkahwinan. Hal ini terjadi kerana dalam masyarakat pertanian, kemahiran ekonomi yang diperlukan mudah dikuasai pada usia yang muda. Baber (1953) memberikan huraian yang lebih mendalam seperti yang berikut:

University of Malaya

> "*A boy of 16 may know all his father knows about the time and place to gather wild grains and fruits; he may be as skillful with a fish spear as he will be at 40. Therefore, he can make a living for himself and his bride*. (p. 108)."

Sungguhpun begitu, dalam arus pembandaran, tuntutan pekerjaan di bandar telah mengalami perubahan yang drastik. Seperti yang dinyatakan oleh Tokuhiro (2010), masyarakat perindustrian moden yang berdasarkan teknologi maju memerlukan pekerja yang terpelajar dengan penguasaan kemahiran yang tertentu. Lantaran itu, jika ingin memperoleh pekerjaan yang memuaskan di bandar, seseorang itu perlu mengambil masa yang lama untuk belajar dan berlatih. Untuk menumpukan sepenuh perhatian ke atas persiapan kerjaya, penduduk bandar terpaksa menangguhkan terlebih dahulu soal peribadi, termasuk perkahwinan. Pandangan ini dipersetujui oleh Gore (1968) dengan huraiannya, iaitu "*The extension of the period of occupational preparation and the adoption of achievement criteria in the allocation of occupational roles and rewards tends to make the individual postpone decisions on marriage until he is 'settled in life'*. (p. 44)."

Hal ini boleh dikesan dengan lebih ketara dalam kalangan responden yang lebih tinggi status pekerjaannya kerana mereka memerlukan masa yang cukup panjang untuk menjana kerjaya. Baber (1953) turut membuktikan pekerjaan profesional yang tinggi statusnya memerlukan masa persiapan yang panjang. Menurutnya, dalam tamadun kita, seorang teruna yang ingin menjadi peguam atau doktor belum lagi memulakan latihan khususnya pada umur 16 tahun. Ia akan tamat latihan dalam lingkungan umur 24-28 tahun, namun pada ketika itu gajinya hanya sedikit sahaja. Seorang teruna mungkin

University of Malaya

boleh menjadi pakar dalam menggunakan lembing ikan pada umur 16 tahun, namun ia tidak akan mencapai kecekapan yang maksimum dalam bidang undang-undang atau perubatan sehingga pertengahan umur. Lantaran itu, responden yang tinggi status pekerjaannya lebih mudah terperangkap dalam dilema lambat berkahwin kerana mereka sentiasa kekurangan masa dan tenaga untuk memikirkan perkara itu.

Sebagai rumusan, perubahan ciri-ciri pekerjaan di bandar dibuktikan menyumbang kepada peningkatan umur ketika berkahwin responden Melayu Kuala Lumpur. Hal ini berlaku kerana pekerjaan bukan pertanian tidak lagi memerlukan lelaki dan perempuan berumah tangga pada usia muda bagi mengusahakan kerjaya yang sama. Selain itu, dalam pasaran kerja di bandar, pekerja perlu menumpukan banyak masa dan tenaga dalam mengembangkan kerjaya dengan menolak ke tepi soal perkahwinan terlebih dahulu, terutama sekali responden yang lebih tinggi status pekerjaannya.

4.3.1.3 Pendapatan

Faktor pendapatan juga dibuktikan berhubung kait rapat dengan umur ketika berkahwin responden kajian ini. Dalam hal ini, perbezaan antara golongan suami dan isteri jelas dapat dikesan.

Menurut Graf 4.5, dalam kalangan suami yang berkahwin dalam kohort umur 28 tahun dan ke bawah, terdapat 27.2% responden berpendapatan bulanan tidak melebihi RM4,000, kadar ini meningkat dengan ketara dalam kalangan responden yang berpendapatan RM4,001 dan ke atas, iaitu 45.5%. Melihat golongan yang berumah tangga pada umur yang melebihi 28 tahun pula, didapati 70.8% suami berpendapatan bulanan RM4,000 dan ke bawah, kadar ini jatuh mendadak kepada 54.5% dalam

University of Malaya

kategori responden berpendapatan lebih tinggi. Jelasnya, bagi kaum lelaki, jumlah pendapatan berkorelasi negatif dengan umur ketika berkahwin. Namun begitu, apa yang didapati dalam kalangan responden isteri adalah bertentangan dengan hasil dapatan kajian dalam golongan responden suami.



Graf 4.5: Pendapatan Bulanan Responden Suami dan Umur ketika Berkahwin

Graf 4.6 menunjukkan bahawa terdapat 75.0% responden isteri yang tiada pendapatan kerana tidak bekerja berkahwin pada usia yang lebih muda, iaitu 27 tahun dan ke bawah. Kadar ini menurun mengikut peningkatan pendapatan responden, iaitu ≤RM4,000 (41.7%) dan RM4,001≥ (28.6%). Melihat golongan yang bergelar isteri dalam kohort umur yang melebihi 27 tahun pula, terdapat 25.0% suri rumah berkahwin dalam lingkungan umur ini. Kadar ini meningkat seiring dengan peningkatan taraf pendapatan, iaitu ≤RM4,000 (58.3%) dan RM4,001≥ (71.4%). Ternyatalah, pendapatan responden isteri berkorelasi positif dengan umur perkahwinan mereka.

University of Malaya



Graf 4.6: Pendapatan Bulanan Responden Isteri dan Umur ketika Berkahwin

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh dikatakan bahawa faktor pendapatan berperanan penting dalam menentukan umur ketika berkahwin responden dalam kajian ini. Dilihat dengan lebih mendalam lagi, maka peningkatan pendapatan mendorong responden suami mengakhiri zaman bujang dengan lebih awal, di samping menahan responden isteri berkahwin pada usia yang lebih muda. Wujudnya perbezaan antara dua golongan responden tersebut kerana lelaki dan perempuan mempunyai tuntutan yang berbeza semasa mencari pasangan. Edwards (1969b) memberikan penjelasan dari sudut pandangan Teori Pertukaran, iaitu individu dalam pasaran perkahwinan bertukar-tukar sumber yang dimiliki untuk memaksimumkan ganjaran yang bakal diperoleh. Dalam hal ini, lelaki menukarkan sumber ekonomi untuk mendapatkan perkhidmatan seks dan perkhidmatan menguruskan rumah tangga daripada kaum perempuan, manakala perempuan menukarkan tarikan fizikal mereka untuk mendapatkan jaminan kehidupan daripada kaum lelaki (Schoen & Wooldredge, 1989).

Ditinjau golongan responden suami, menurut Teori Pertukaran yang dinyatakan di atas, lelaki berpendapatan tinggi mempunyai nilai yang lebih tinggi dalam pasaran

University of Malaya

perkahwinan kerana mereka memiliki sumber yang dikehendaki oleh kaum perempuan, iaitu asas kewangan yang kukuh. Situasi ini menjadi lebih serius apabila bertembung dengan "*marriage gradient*" yang menyebabkan perempuan lebih berminat terhadap lelaki yang berpendapatan lebih tinggi daripada diri mereka. Kesannya, responden suami berpendapatan lumayan mempunyai daya tarik yang lebih besar dalam pasaran perkahwinan dan lebih mudah menarik perhatian kaum perempuan. South (1991) menegaskan, kaum lelaki juga pandai menggunakan kelebihan dari segi ekonomi untuk mendapatkan isteri idaman. Menurutnya, "*men more than women attempt to use their earnings to strike a better bargain in the marriage market*. (p. 937)." Ringkasnya, pendapatan yang lebih lumayan banyak membantu dan memudahkan responden suami membina rumah tangga pada usia yang lebih muda.

Melihat responden suami berpendapatan lebih rendah pula, ketidakstabilan asas kewangan jelas tidak dapat memenuhi tuntutan perempuan dalam mencari pasangan, iaitu mendapat tempat bergantung dan sumber ekonomi yang boleh menjamin kehidupan. Perkara ini penting untuk perempuan walaupun kebanyakan mereka juga terlibat dalam pasaran kerja dan mempunyai pendapatan sendiri. Hal ini demikian kerana, sejak zaman dahulu kala sehingga sekarang, dalam dunia pekerjaan tetap wujud ketidakadilan antara perempuan dan lelaki (Kaufman, 2002; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013; Yaacob Harun, 2014a/b). Maka tidak hairanlah, ketidakstabilan asas kewangan membawa kesan negatif terhadap golongan lelaki kerana menyebabkan mereka lambat berkahwin, bahkan sukar untuk berkahwin. Keadaan ini juga dikesan dalam kajian-kajian yang sebelumnya. Marcoux dan rakan-rakan (1995), Oppenheimer dan rakan-rakan (1997), Calvés dan Depledge (2007) mengatakan, kesusahan ekonomi

University of Malaya

yang dihadapi oleh lelaki muda menyebabkan mereka terpaksa menangguhkan perkahwinan kali pertama dan berumah tangga pada usia yang lebih lewat. Jones (1981) turut mengesan fenomena yang serupa dalam masyarakat Melayu bandar, "...*in the 1960s unemployment rates climbed. This probably discouraged males from marrying until they had achieved a measure of economic security*. (p. 269)." Tambahan pula, menurut Lichter, Clere dan McLaughlin (1991), di kawasan yang lebih ramai lelaki menganggur, kadar perkahwinan jelas lebih rendah daripada kawasan lain.

Pengaruh faktor pendapatan responden suami terhadap umur ketika berkahwin mereka diperkukuhkan lagi oleh contoh kes yang didapati semasa temu bual dijalankan terhadap responden suami bagi pasangan kelima.

Lambat Bergelar Suami kerana Keadaan Ekonomi Tidak Memuaskan

"Responden suami bagi pasangan kelima bekerja dalam bidang pentadbiran di sebuah universiti tempatan dan pendapatan bulanannya ialah RM2,300. Beliau tinggal di rumah sewaan dengan kawan-kawannya sebelum berkahwin. Kenderaannya ialah sebuah motosikal *second-handed*. Beliau mengakui, disebabkan oleh pendapatannya yang tidak seberapa, ditambahkan pula dengan bebanan keluarga yang perlu ditanggung, maka ia berumah tangga pada usia yang agak lewat, iaitu 34 tahun. "Dengan dua ribu lebih ini, saya kena makan minum, bayar motor, lepas tu rumah sewa. Kadang-kala ayah saya minta tolong ke RM300, RM300 saya bagi. Adik-beradik pun selalu juga minta saya sebab kerja dia orang tak tetap," jelaskannya. Menurut responden, situasi sebegini menyukarkannya untuk mencari teman hidup, "Yalah, saya macam tak mampu lagi (dari segi ekonomi) nak tanggung isteri, anak-anak semua kan. Siapa nak lelaki macam ni kan...". Mujur, akhirnya responden suami menemui isterinya sekarang yang lebih mementingkan potensi dan masa depan seorang lelaki. Responden isteri berkata, "Jangan kita nak tinggalkan seorang lelaki sebab dia tak ada harta, kalau dia jenis usaha, pandai cari rezeki, tak ada masalah dari segi itu.""

Dilihat golongan responden isteri pula, pendapatan yang tinggi bukan sahaja tidak menggalakkan mereka berkahwin pada usia yang muda, sebaliknya menangguhkan perkahwinan mereka sehingga usia yang agak lewat. Situasi ini terjadi disebabkan oleh

University of Malaya

dua sebab utama. Yang pertama ialah, peningkatan pendapatan mengakibatkan responden isteri lebih berdikari dari segi ekonomi dan tidak perlu mengharapkan perkahwinan untuk menampung hidup. Seiring dengan proses pembandaran, semakin ramai perempuan Melayu memasuki pasaran kerja dan cuba setanding dengan kaum lelaki. Dengan merasai pendapatan sendiri, mereka buat kali pertamanya berdikari dan tidak lagi bergantung kepada suami untuk menyara hidup. Pandangan ini disokong oleh huraian Wilkie (1991), iaitu "...*as the economic benefits of women's employment begin to offer them greater economic security and personal satisfaction than traditional marriage*...(p. 145)." Jelasnya, pendapatan sendiri memberi keberanian dan kebebasan kepada kaum perempuan untuk membuat pilihan lain mengikut kehendak mereka sendiri selain daripada berkahwin dengan seawal mungkin.

Perkara ini dapat dikesan dengan lebih ketara dalam kalangan perempuan yang lebih tinggi pendapatannya. Dalam golongan ini, kos melepas (*opportunity cost*) untuk mengalihkan perhatian dan tenaga daripada kerjaya kepada soal perkahwinan dan anak-anak menjadi berlipat kali ganda (Retherford dan rakan-rakan, 2001). Maka, tidak kurang perempuan berpendapatan tinggi menangguhkan perkahwinan terlebih dahulu untuk memfokuskan kepada perkembangan kerjaya yang boleh membawa pendapatan lumayan. Fenomena ini juga selaras dengan huraian Wilkie (1991), iaitu "...*they delay marriage in order to give greater priority to occupational goals*. (p. 145)." Maka tidak hairanlah, berbanding dengan responden isteri berpendapatan rendah, mereka yang berpendapatan tinggi kurang berkahwin pada usia muda dengan tergesa-gesa.

Punca yang kedua ialah, "*marriage gradient*" yang wujud antara kaum lelaki dan perempuan telah membatasi pilihan calon suami untuk responden isteri berpendapatan

University of Malaya

tinggi. "*Marriage gradient*" bukan sahaja menjadikan perempuan enggan berkahwin dengan lelaki yang berstatus lebih rendah, tetapi juga menyebabkan lelaki tidak ingin mencari perempuan yang berpendapatan lebih tinggi. Ditinjau golongan perempuan terlebih dahulu, mereka yang berpendapatan tinggi didapati lebih memilih dalam mencari teman hidup (Townsend, 1993) dan kurang berminat terhadap lelaki yang statusnya lebih rendah. Keadaan ekonomi responden isteri yang lebih baik juga memberikan mereka peluang untuk membuat pilihan lain selain daripada berkahwin sahaja dengan calon yang tidak diingini, iaitu kekal membujang (South, 1991) sehingga menemui calon yang diidamkan.

Dilihat golongan lelaki pula, mereka lebih berminat terhadap perempuan yang berpendapatan rendah daripada diri mereka (Cherlin, 1999). Perkara ini dikesan dengan lebih jelas dalam masyarakat Melayu kerana sama ada agama atau nilai kekeluargaan amat mementingkan tanggungjawab kaum suami dalam mencari nafkah dan kewibawaan mereka dalam rumah tangga. Seperti apa yang ditekankan oleh Yaacob Harun (2014a), sehingga sekarang, secara umumnya, masyarakat Melayu masih tidak boleh menerima hakikatnya iaitu, isteri berperanan sebagai pencari nafkah utama, sedangkan suami lebih kepada urusan rumah tangga. Lelaki Melayu di bawah kawalan isteri seperti itu akan dikenakan panggilan yang tidak menyenangkan, iaitu "lelaki dayus". Situasi sebegini menyebabkan responden isteri berpendapatan tinggi sering terperangkap dalam dilema lambat berkahwin. Huraian ini juga selaras dengan penemuan kajian Fatimah Abdullah (1994) dalam kalangan responden perempuan Melayu kelas menengah di Kuala Lumpur, iaitu dalam golongan perempuan yang membujang, didapati kedudukan ekonomi yang kukuh merupakan antara penyebab

University of Malaya

mereka tidak berkahwin atau sukar mendapat pasangan, termasuk yang berpendapatan kasar bulanan sehingga RM3,000, memiliki rumah dan kereta sendiri.

"*Marriage gradient*" menyebabkan perempuan yang kukuh asas kewangannya lambat berkahwin turut disokong oleh kisah cinta lama responden isteri bagi pasangan kelapan.

Berpisah dengan Bekas Tunang yang "*Not Firm, Not Ready*" dan Berkahwin dengan Suami Idaman pada Usia 30 Tahun

"Responden isteri bagi pasangan kelapan dan bekas tunangnya bercinta sejak sekolah tinggi lagi, dan bertunang pada umur isteri 27 tahun. Pada masa itu, bekas tunangnya ialah pembantu penyelidik di Universiti Putra Malaysia dan gajinya lebih kurang RM2,200 sebulan. Responden isteri bekerja di universiti lain sebagai pensyarah, di samping itu menyambung pelajaran di peringkat sarjana. Pendapatan bulanannya ialah RM3,700 dengan mencampurkan sekali pendapatan kerja RM2,500 dan biasiswa RM1,200. Selepas mereka bertunang, responden isteri berharap tunangnya mencari kerja di universiti lain supaya mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi. "Simpanan dia tak cukup (untuk menampung kos belanja kahwin), dia memang tak ada simpanan sebab gaji dia kecil, lagipun duit dia RM2,200 dia banyak habiskan untuk famili dia. Dia pun kena bayar untuk kereta *second handed* lagi. Tapi bila *I* suruh dia cari kerja lain, dia pun macam tak *apply* sangat, *even though his salary very small, very low, not so high*, dia memang *very stable* dekat kerja dia itu."

Pada satu malam, mereka berselisih faham kerana satu perkara kecil. Tiba-tiba bekas tunang responden mengamuk dan menuduh responden tidak menyokong kerjayanya dan selalu mengutuknya tidak pandai mencari duit. Perkara ini mencetuskan krisis antara pasangan ini, dan akhirnya responden isteri memutuskan pertunangan ini pada umur 28 tahun. Setahun selepas kejadian itu berlaku, responden isteri jatuh cinta dengan suaminya sekarang yang bekerja sebagai pensyarah matematik pra-universiti. Pendapatan bulanan beliau sebanyak RM5,000 dengan mencampurkan sekali pendapatan kerja RM3,500 dan sewa rumah RM1,500. Belum sampai setahun bercinta, pasangan ini selamat diijab kabulkan pada usia isteri 30 tahun. "*I* tak pernah salahkan *former fiance* 100%, mungkin kami *same age*, gaji dia pun masalah gaji, *compare to my husband* sekarang, *he is not firm, not ready*. *My husband* sekarang *creative*, dia tahu cara nak cari duit. Ekonomi dia *stable* la," ujar responden isteri."

Jelasnya, faktor pendapatan responden membawa pengaruh besar kepada umur ketika berkahwin mereka. Oleh sebab lelaki dan perempuan mempunyai tuntutan yang berbeza terhadap pasangan mereka, ditambahkan lagi dengan "*marriage gradient*" yang

University of Malaya

wujud dalam pasaran perkahwinan, maka peningkatan pendapatan mendorong responden suami berkahwin pada usia yang lebih muda, tetapi menghalang responden isteri berkahwin dengan lebih awal. Situasi ini juga selaras dengan hasil dapatan kajian Leslie dan Korman (1985), iaitu lelaki yang paling rendah status ekonominya dan perempuan yang paling tinggi status ekonominya agak sukar untuk berkahwin.

4.3.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh

Kajian ini turut mendapati bahawa faktor kedudukan sosioekonomi keluarga dan tempat kediaman kurang memberikan kesan terhadap umur ketika berkahwin responden Melayu bandar sama ada suami atau isteri (untuk perbincangan selanjutnya, sila rujuk kepada Lampiran C). Hal ini demikian kerana dalam masyarakat bandar, sama ada seseorang itu akan berkahwin dengan lebih awal atau sebaliknya lebih dipengaruhi oleh keadaan dia sendiri, tetapi bukan keadaan keluarganya.

Intihanya, berdasarkan perbincangan dalam bahagian ini, umur ketika berkahwin responden didapati telah meningkat dengan ketara sama ada responden suami atau isteri. Terdapat tiga faktor sosioekonomi utama memberikan implikasi ketara terhadap fenomena ini, iaitu pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Bagi responden isteri, peningkatan taraf pendidikan, status pekerjaan dan pendapatan menangguhkan perkahwinan mereka. Bagi responden suami pula, peningkatan taraf pendidikan, status pekerjaan dan menurunnya taraf pendapatan menghalang mereka berkahwin awal.

University of Malaya

4.4 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Kuasa dalam Memilih Pasangan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, perkahwinan khususnya perkahwinan kali pertama diaturkan oleh ibu bapa atau wali, sedangkan pengantin sendiri tidak banyak bersuara dalam soal ini, terutama sekali anak gadis. Namun begitu, keadaan ini didapati telah berubah dengan drastik dalam kalangan responden kajian ini. Carta 4.1 menunjukkan bahawa terdapat 98.1% responden berkahwin dengan pilihan sendiri. Ternyatalah, responden Melayu Kuala Lumpur mempunyai kuasa yang lebih besar dalam memilih pasangan, di samping itu pengaruh ibu bapa mereka dalam soal ini telah menurun. Dapatan kajian ini selaras dengan pandangan sarjana tempatan, seperti Fatimah Abdullah (1994), Zainal Abidin Borhan dan Zamre Abu Hassan (2006), Wan Abdul Kadir (2007b) serta Yaacob Harun (1991/2014a).



Carta 4.1: Kuasa dalam Memilih Pasangan dalam Kalangan Responden

Pada hakikatnya, perkahwinan atas dasar cinta telah menjadi aliran utama di bandar-bandar utama di negara-negara perindustrian, termasuk A.S, China, Jepun,

University of Malaya

Thailand, Indonesia dan Kenya (Goode, 1982; Ma dan rakan-rakan, 2013; Retherford dan rakan-rakan, 2001; Limanonda, 1982; Smith-Hefner, 2005; Clark dan rakan-rakan, 2010). Terdapat juga sarjana pernah menghubungkaitkan peningkatan kuasa muda-mudi dalam memilih pasangan dengan beberapa faktor sosioekonomi, seperti pendidikan, pendapatan dan pekerjaan. Walau bagaimanapun, sama ada faktor-faktor sosioekonomi tersebut memberikan impak kepada kuasa memilih pasangan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur perlu diselidik dalam bahagian yang seterusnya.

4.4.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Terdapat beberapa faktor sosioekonomi dibuktikan mempunyai hubung kait yang rapat dengan perubahan kuasa dalam pemilihan pasangan responden kajian ini, iaitu pendidikan, pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga.

4.4.1.1 Pendidikan

Faktor pendidikan didapati merupakan salah satu penyumbang besar kepada perubahan yang telah berlaku dari segi kuasa dalam memilih pasangan responden Melayu Kuala Lumpur.

Merujuk kepada Graf 4.7, antara responden yang memilih pasangan atas kehendak sendiri, terdapat 94.3% responden berpendidikan di bawah peringkat diploma, kadar ini meningkat kepada 100.0% dalam golongan responden yang berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Dalam kalangan responden yang berkahwin atas aturan ibu bapa pula, mereka yang berpendidikan di bawah peringkat diploma sebanyak 5.7%, kadar ini menurun kepada 0.0% dalam kalangan responden yang berpendidikan di peringkat

University of Malaya

diploma dan ke atas. Jelaslah bahawa responden yang berpendidikan tinggi mempunyai kuasa yang lebih besar dalam memilih pasangan, begitu juga sebaliknya. Terdapat tiga punca utama menyumbang kepada implikasi pendidikan terhadap kuasa responden dalam soal perkahwinan. Dalam bahagian yang seterusnya, ketiga-tiga punca tersebut akan diterangkan satu demi satu.



Graf 4.7: Taraf Pendidikan Responden dan Kuasa dalam Memilih Pasangan

Punca yang pertama ialah, pendidikan formal di bandar memudahkan responden mengenali rakan sebaya yang berlainan jantina, lalu mendorong kepada perkahwinan atas dasar cinta. Dalam masyarakat bandar, demi memenuhi tuntutan sistem ekonomi perindustrian yang memerlukan tenaga kerja yang berpendidikan dan berkemahiran, sekolah-sekolah formal dan institusi pengajian tinggi tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Dengan menyedari kelebihan pendidikan dalam merebut peluang kerja, ibu bapa Melayu mula menghantar anak-anak ke sekolah moden untuk menerima pendidikan formal. Tempat-tempat belajar, terutama sekali sekolah bercampur jantina menjadi medan untuk muda-mudi mengenali rakan-rakan sebaya yang berlainan jantina (Saxton,

University of Malaya

1996; Clark dan rakan-rakan, 2010). Pergaulan dan komunikasi pada setiap hari dalam kalangan muda-mudi mudah menghasilkan rasa cita sesama mereka. Justeru itu, mereka yang berpendidikan lebih cenderung mempunyai "*affective relationships and desires for a more active role in the mate selection process*. (Strange, 1976, p. 562)."

Tambahan pula, melanjutkan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi memanjangkan masa membujang muda-mudi, lalu menyebabkan mereka mempunyai masa yang lebih panjang dan peluang yang lebih banyak untuk bergaul dan bercinta dengan rakan-rakan sebaya yang berlainan jantina. Pandangan ini diperkukuhkan oleh kajian Smith-Hefner (2005) yang dilakukan terhadap komuniti Jawa di Indonesia. Huraiannya seperti yang berikut:

> "*The expansion of educational opportunities has had a profound effect on contemporary patterns of marriage and courtship among Javanese. The most immediate index of this change has been the prolongation of the period between puberty and actual marriage…The prolongation of the period between puberty and marriage has had, in turn, an equally profound, if unintended, impact on courtship patterns as young people today have many more opportunities to interact with members of the opposite sex on their own, independent of direct parental oversight*. (p. 451)."

Berikutnya, diberikan contoh kes responden bagi pasangan kesebelas untuk membuktikan daya dorong faktor pendidikan terhadap wujudnya perkahwinan atas dasar cinta.

Jatuh Cinta dan Berkahwin dengan Rakan Sekelas di Kolej

"Kedua-dua suami isteri bagi pasangan responden kesebelas mempunyai ijazah sarjana dalam bidang perubatan dan bekerja di farmasi di dua hospital kerajaan yang berbeza. Pasangan ini berkenalan di tempat belajar semasa mereka menuntut di peringkat diploma. Responden isteri berkata, "Saya kenal dia daripada saya diploma, *so* kami

University of Malaya

belajar sama-sama sampai *degree*." Menurut isteri, mula-mula ia tidak suka akan suaminya sekarang kerana si lelaki ini suka gelak-gelak dan mengacau orang. Maka semasa belajar di kolej mereka hanya kawan biasa sahaja. Namun begitu, selepas kedua-dua mereka masuk ke universiti dan belajar dalam fakulti yang sama, si lelaki cuba membawa hubungan mereka ke tempat yang lebih jauh. "Tak tahu la macam mana, lama-lama *study* bersama, bersukan bersama, dia mengurat-ngurat saya, bagi bunga dan apa semua. Orang kata jodohlah." Selepas saling mengenali hati budi masing-masing, responden isteri pun jatuh cinta kepada responden suami. Selepas tujuh tahun bercinta, pasangan ini mengambil keputusan untuk membina rumah tangga sendiri. Keputusan mereka mendapat sambutan baik dan restu ikhlas daripada keluarga kedua-dua belah pihak."

Punca yang kedua ialah, peningkatan taraf pendidikan mengakibatkan responden Melayu lebih cenderung untuk menuntut kebebasan dalam soal peribadi, termasuk perkahwinan. Dalam masyarakat Melayu tradisi, kekurangan pendidikan dan kesempitan fikiran menyebabkan penduduk desa lebih mematuhi keputusan ketua keluarga dan kurang mencabar kewibawaan ibu bapa. Namun begitu, seiring dengan peningkatan taraf pendidikan, pemikiran orang Melayu sering terdedah kepada pelbagai idea, maka mereka yang telah terbuka mindanya lebih cenderung untuk menuntut kebebasan dan enggan mematuhi tradisi yang sedia ada atau peraturan yang telah ditetapkan. Gianfortoni (2009) juga mendapati keadaan yang sama dalam kalangan muda-mudi di Lar, Iran. Menurutnya, pendidikan membawa kebebasan yang lebih besar kepada muda-mudi dan menyebabkan mereka lebih berani untuk menolak tradisi yang dianggap sebagai "*old fashioned and unseemly* (p. 295)". Maka tidak hairanlah, responden yang terpelajar lebih menginginkan kebebasan dan kuasa dalam soal perkahwinan.

Tuntutan responden terpelajar terhadap kebebasan memilih pasangan boleh dikesan dengan ketara dalam pengalaman responden isteri bagi pasangan ketiga seperti yang diberikan di bawah ini.

University of Malaya

Menolak Aturan Ibu Bapa kerana Ingin Berkahwin dengan Pilihan Sendiri

"Responden isteri bagi pasangan ketiga memperoleh ijazah sarjana muda dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan bekerja di AmBank. Sebelum berkahwin dengan suaminya sekarang, ia mempunyai beberapa hubungan yang gagal dan masih membujang pada lewat 20-an. Untuk mengelakkan anak perempuan menjadi andartu, ibu bapa responden cuba mengaturkan perkahwinan untuknya. Namun begitu, responden menolak aturan ibu bapa dengan alasan tidak mahu berkongsi hidup dengan orang yang tidak dicintai. Responden isteri juga memujuk ibu bapanya dengan mengatakan bahawa suatu hari nanti jodohnya akan sampai juga.

Akhirnya, beliau mengenali suaminya sekarang melalui laman sesawang. Selepas tiga tahun bercinta jarak jauh melalui Internet dan telefon, pasangan ini mengambil keputusan untuk memasuki gerbang perkahwinan. Sepanjang masa mereka berkenalan, isteri tidak memberitahu ibu bapanya ia sedang dilamun cinta dan hanya memberitahu mereka perkara ini dua minggu sebelum keluarga lelaki datang merisik. Menurutnya, pada umur awal 30-an ini, ia tidak mahu mengecewakan ibu bapanya lagi, maka setelah semuanya sudah dipastikan, barulah ia memberitahu mereka. Ibu bapa responden isteri teruja dengan berita gembira ini dan sangat menyokong keputusannya. "Siapa yang dibawa balik, mereka tetap terima," ujar responden isteri."

Punca ketiga pula ialah, peningkatan pendidikan mengakibatkan responden lebih terdedah kepada budaya barat yang mengagungkan hubungan cinta romantik, lantas terikut-ikut trend tersebut. Dalam masyarakat Melayu pertanian, cinta romantik tidak begitu digalakkan, bahkan dianggap sebagai perkara bahaya kerana mungkin menimbulkan pertentangan terhadap keputusan ibu bapa. Sungguhpun begitu, seiring dengan proses pembandaran dan globalisasi, budaya barat yang mengagungkan hubungan cinta romantik mula meresapi dan mempengaruhi masyarakat Melayu melalui filem-filem *Hollywood* dan novel-novel cinta. Dalam hal ini, taraf pendidikan merupakan variabel penting yang menentukan sejauh manakah seseorang dipengaruhi oleh budaya barat, terutama sekali melalui novel berbahasa Inggeris (Gore, 1968). Dengan memahami bahasa dan budaya Inggeris, maka responden yang lebih tinggi tahap pendidikannya lebih mudah mengikut trend budaya barat seperti apa yang berlaku dalam golongan elit Melayu pada zaman pemerintahan British (Nordin Selat, 1976).

University of Malaya

Sebagai kesimpulan, peningkatan taraf pendidikan menyumbang kepada peningkatan kuasa responden Melayu Kuala Lumpur dalam memilih pasangan. Hal ini berlaku kerana pelanjutan pelajaran bukan sahaja menambahkan peluang responden untuk berkenalan dan bercinta dengan orang yang berlainan jantina, meningkatkan tuntutan responden terhadap kebebasan dalam soal perkahwinan, tetapi menyebabkan responden lebih terdedah kepada budaya barat yang menyebarkan cinta romantik.

4.4.1.2 Pendapatan

Kajian ini juga mendapati bahawa faktor pendapatan responden Melayu Kuala Lumpur turut meninggalkan kesan terhadap perubahan kuasa dalam soal memilih pasangan.

Menurut Graf 4.8, dalam kalangan responden yang berpendapatan tidak melebihi RM4,000, terdapat 98.0% responden berkahwin dengan pilihan sendiri. Peratusan ini meningkat kepada 100.0% dalam kalangan responden yang berpendapatan RM4,001 dan ke atas. Dalam kalangan responden yang perkahwinannya diaturkan oleh ibu bapa pula, terdapat 2.0% responden berpendapatan kurang daripada RM4,000, kadar ini menurun kepada 0.0% dalam golongan responden yang berpendapatan RM4,001 dan ke atas. Maka, terbuktilah bahawa peningkatan taraf pendapatan responden menyumbang kepada perubahan kuasa dalam memilih pasangan dengan meninggikan kuasa responden, di samping mengurangkan campur tangan daripada ibu bapa mereka.

University of Malaya



Graf 4.8: Pendapatan Bulanan Responden dan Kuasa dalam Memilih Pasangan

Dalam masyarakat di bandar, berdikari dari segi ekonomi menyebabkan muda-mudi mempunyai hak bersuara yang lebih besar dalam mengambil keputusan tentang urusan peribadi, di samping menjejaskan kuasa mutlak ibu bapa dalam mengaturkan kehidupan mereka. Jika melihat situasi masyarakat Melayu pertanian, keluarga ialah satu-satunya sumber pekerjaan dan sumber ekonomi, maka muda-mudi yang banyak bergantung kepada keluarga tiada pilihan lain kecuali mentaati keputusan ibu bapa mengenai perkahwinan mereka. Namun begitu, keadaan ini telah berubah dengan drastik seiring dengan pelaksanaan DEB yang menggalakkan orang Melayu menceburkan diri dalam pasaran kerja bukan pertanian. Dengan mempunyai pendapatan sendiri dan kuasa untuk berbelanja, responden tidak lagi bergantung kepada sumber ekonomi keluarga untuk menyara hidup. Mereka juga tidak lagi takut akan hukuman ekonomi ibu bapa jika tidak menurut perintah, contohnya hukuman seperti memutuskan sumber ekonomi. Akibatnya, kuasa mereka dalam mengaturkan kehidupan sendiri menjadi semakin besar, termasuk juga dalam soal memilih pasangan.

University of Malaya

Situasi ini boleh dikesan dengan lebih ketara dalam kalangan responden yang lebih tinggi taraf pendapatannya. Dibandingkan dengan mereka yang berpendapatan rendah dan kadang-kadang perlu bergantung kepada bantuan kewangan ibu bapa, responden berpendapatan tinggi mempunyai kuasa ekonomi yang lebih besar yang membantu mereka membebaskan diri daripada kawalan ibu bapa. Lantaran itu, golongan ini boleh menikmati kebebasan yang lebih besar dalam mencari pasangan mengikut kehendak hati sendiri. Keadaan ini juga disokong oleh kajian-kajian yang sebelumnya. Menurut Goode (1991), apabila pasangan muda mempunyai kebebasan ekonomi yang lebih besar, maka kuasa mereka dalam soal memilih pasangan akan meningkat. Kajian Jain (1986) terhadap komuniti muslim di Jaipur, India juga menunjukkan, semakin tinggi pendapatan seseorang, maka semakin besar keinginannya terhadap hak dan kuasa dalam soal perkahwinan. Olson, DeFrain dan Skogrand (2013) pula menghujahkan, berdasarkan data-data yang diperoleh dari Afrika, India, Israel dan Malaysia, didapati bahawa perkahwinan atas dasar cinta lebih cenderung berlaku dalam kalangan penduduk bandar yang lebih tinggi status sosioekonominya.

Dibandingkan dengan responden suami, perubahan faktor pendapatan sebenarnya membawa pengaruh yang lebih besar kepada kuasa memilih pasangan responden isteri. Seperti yang dihujahkan oleh Smith-Hefner (2005), "...*new economic opportunities has affected the situation of girls and women even more significantly than men*. (p. 451)." Dalam masyarakat Melayu tradisi, anak lelaki yang lebih aktif dalam kegiatan ekonomi dan bakal menjadi ketua keluarga diberikan kebebasan yang lebih besar sedikit daripada anak perempuan dalam soal perkahwinan. Anak perempuan pula, terkongkong duduk dalam rumah sahaja dan hampir tidak mempunyai hak bersuara dalam soal ini. Lantaran

University of Malaya

itu, bagi kaum perempuan, berdikari dari segi ekonomi merupakan syarat yang sangat penting untuk mengubah nasib dan menuntut kebebasan yang lebih besar.

Kepentingan keadaan ekonomi perempuan dalam menentukan kuasa mereka dalam memilih pasangan juga disokong oleh sarjana yang lain. Menurut Olson, DeFrain dan Skogrand (2013), dalam golongan perempuan yang tidak berdikari dari segi ekonomi, kebebasan mereka dalam soal memilih pasangan sangat terbatas, maka mereka terpaksa menerima dan mematuhi aturan ibu bapa. Gianfortoni (2009) pula menghujahkan, perempuan di Lar, Iran yang mempunyai pendapatan sendiri diberikan autonomi yang lebih tinggi untuk menerima atau menolak pelamar. Strange (1976) dalam kajiannya yang mengenai masyarakat Melayu menunjukkan bahawa kuasa perempuan dalam memilih pasangan sangat bergantung kepada keadaan ekonomi mereka.

Berikutnya, diberikan sebuah contoh kes yang menunjukkan bahawa kemantapan ekonomi perempuan membantunya untuk berunding dengan ibu bapa agar mereka menerima calon suami pilihannya.

Keadaan Ekonomi Kukuh Membantu dalam Mempertahankan Pilihan Sendiri

"Responden isteri bagi pasangan ketujuh bertugas di syarikat *Mediquip Mobile* dan pendapatan bulanannya lebih kurang RM4,500. Selain itu, ia juga berniaga kecil-kecilan dengan menggubah barang hantaran, maka setiap bulan boleh mendapat pendapatan tambahan dalam RM500-1000. Responden suami pula bekerja di syarikat bapanya untuk menguruskan perniagaan keluarga. Pendapatan bulanannya sekurang-kurang RM4,500. Jumlah ini tidak lagi termasuk duit belanja daripada bapanya.

Menurut isteri, mula-mula ibunya tidak suka akan bakal menantu ini kerana dari segi rupa paras, lelaki ini memang tidak sepadan dengan responden isteri yang rupawan sehingga ibu isteri menyifatkan mereka berdua sebagai "*beauty and beast*". Dari segi keperibadian pula, si lelaki ini suka bercakap besar dan selalu memberitahu orang lain dirinya ada banyak projek dan banyak mendapatkan wang. Walau bagaimanapun, isteri yang telah tertarik hati dengan si lelaki itu banyak kali memujuk ibunya dengan mengatakan sifat baik dan kelebihan lelaki itu. Ia meyakinkan ibu bapanya tentang masa depan mereka dengan memberitahu mereka yang ia dan teman lelaki sedang mengumpul duit untuk membeli rumah dan merancang untuk mengadakan majlis

University of Malaya

perkahwinan tanpa banyak bergantung kepada bantuan kewangan ibu bapa. Akhirnya, ibu bapanya pun menerima percintaan mereka kerana mempercayai pilihan anak perempuan mereka."

Seperti yang telah dinyatakan di atas, peningkatan pendapatan responden bukan sahaja meninggikan kuasa mereka dalam soal perkahwinan, tetapi mengurangkan kuasa dan campur tangan ibu bapa dalam hal ini. Dalam masyarakat Melayu pertanian, keputusan bapa dalam perkahwinan tidak dapat ditentang dan perlu ditaati oleh anak-anak (Wan Abdul Halim Othman, 1993). Hal ini demikian kerana bapa sebagai ketua keluarga mempunyai kuasa mutlak dalam membahagikan kerja dan sumber ekonomi kepada anggota keluarga, maka sebarang percubaan untuk membebaskan diri daripada perkahwinan aturan keluarga akan dikenakan hukuman ekonomi. Bidwell dan Mey (2000) juga menggambarkan situasi yang serupa di Amerika kolonial , iaitu:

> "*Parents, especially fathers, had considerable power to influence mate selection in the colonial period because they owned the farms and businesses in which sons were given an interest upon marriage. If a father disapproved of his son's choice, he could refuse to give any land or status in the family business, making it difficult for the young man to support his bride*. (p. 230)."

Namun begitu, perubahan faktor sosioekonomi di bandar amnya dan perubahan faktor pendapatan responden khususnya telah membawa implikasi yang negatif kepada kuasa bapa dalam soal perkahwinan mereka.

Akibat daripada proses pembandaran, responden tidak lagi mengendalikan kerja pertanian bersama dengan keluarga tetapi menceburkan diri dalam pembangunan ekonomi di bandar. Hal ini menyebabkan bapa telah kehilangan peranannya dalam membahagikan kerja dan sumber ekonomi kepada ahli keluarga. Tambahan pula, dalam

University of Malaya

pasaran kerja perindustrian, perkhidmatan responden dibalas dengan pendapatan mengikut tahap pencapaian dan sumbangan mereka. Kepelbagaian sumber ekonomi dan perbezaan tahap pendapatan dalam keluarga ini juga menyebabkan autoriti bapa sukar dikenakan ke atas anggota keluarga, maka autoriti itu pun semakin menurun (Gore, 1968; Cherlin, 1999).

Begitu juga dalam soal perkahwinan anak-anak, kewibawaan bapa responden dalam hal ini didapati telah merosot. Hasil dapatan kajian ini sepadan dengan kajian Li (1995) terhadap orang Melayu di Singapura. Menurutnya, disebabkan oleh anak-anak sudah berdikari dari segi ekonomi, maka kebanyakan ibu bapa tidak lagi melibatkan diri dalam pemilihan jodoh anak-anak atau menggunakan kuasa untuk menentukan pasangan anak-anak. Hasil daripada temu bual yang dijalankan terhadap responden Melayu kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pemilihan pasangan responden lebih banyak dalam bentuk memberikan pandangan dan tunjuk ajar. Sekiranya ibu bapa tidak bersetuju dengan pilihan responden, cara yang banyak digunakan ialah memberikan tekanan moral atau nasihat. Campur tangan yang berlebihan jarang diberikan kerana akan merenggangkan hubungan ibu bapa dengan responden, malahan menjejaskan ikatan emosi sesama mereka yang dianggap amat bernilai dalam masyarakat Melayu.

Perbincangan di atas telah membuktikan bahawa faktor pendapatan responden mempunyai pengaruh signifikan kepada perubahan kuasa dalam memilih pasangan. Peningkatan taraf pendapatan terus meninggikan kuasa responden dalam soal ini, di samping mengurangkan campur tangan ibu bapa.

University of Malaya

4.4.1.3 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga

Kedudukan sosioekonomi keluarga responden turut dibuktikan memberikan kesan yang ketara terhadap perubahan kuasa dalam memilih pasangan.

Merujuk kepada Graf 4.9, maka didapati bahawa dalam kalangan responden yang berkahwin dengan pilihan sendiri, terdapat 97.6% responden daripada keluarga berpendapatan bulanan RM5,000 dan ke bawah. Kadar ini meningkat kepada 100.0% dalam kedua-dua golongan keluarga, iaitu keluarga berpendapatan bulanan antara RM5,001-15,000 dan keluarga berpendapatan bulanan RM15,001 dan ke atas. Antara keluarga yang mengaturkan perkahwinan untuk anak-anak pula, terdapat 2.4% keluarga berpendapatan bulanan tidak melebihi RM5,000, namun tiada sebuah keluarga berpendapatan bulanan antara RM5,001-15,000 atau berpendapatan bulanan RM15,001 dan ke atas berbuat sedemikian. Jelasnya, keluarga yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya memberikan anak-anak kebebasan yang lebih besar dalam soal memilih pasangan, begitu juga sebaliknya.



Graf 4.9: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden dan Kuasa dalam Memilih Pasangan

University of Malaya

Korelasi positif antara kedudukan sosioekonomi keluarga responden dengan kuasa mereka dalam memilih pasangan disebabkan oleh dua punca utama. Yang pertama ialah, keluarga yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya mempunyai suasana rumah tangga yang lebih terbuka terhadap nilai moden dan cara hidup baharu. Di bandar yang tinggi kos sara hidupnya, pendapatan keluarga yang lebih lumayan memberikan banyak peluang dan hak istimewa kepada anggota keluarga bagi mengenali nilai, idea dan cara hidup moden. Contohnya, bergaul dengan golongan berstatus tinggi, belajar di sekolah antarabangsa dan melancong ke luar negara. Jain (1986) dalam kajiannya di Jaipur, India juga menghujahkan, responden dari kelas berpendapatan tinggi, kelas berpendapatan menengah tinggi dan kelas berpendapatan menengah rendah lebih cenderung untuk menerima nilai dan idea moden, serta pelbagai teknologi baharu. Hal ini demikian kerana, "*...money did not become a hinderance in these processes...* (p. 146)." Lantaran itu, keluarga yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya lebih cenderung untuk menerima kesan daripada pengaruh demokrasi dalam soal memilih pasangan, iaitu anak-anak mempunyai kuasa dan kebebasan yang lebih besar, sedangkan pengaruh ibu bapa dalam hal ini semakin menurun. Penemuan ini diperkuatkan lagi oleh huraian Jain (1986), iaitu ibu bapa yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya lebih mengutamakan pandangan anak-anak dalam soal perkahwinan dengan bertanyakan pandangan mereka, bahkan mengambil keputusan bersama-sama dengan mereka.

Namun begitu, dalam kalangan keluarga yang lebih rendah kedudukan sosioekonominya, asas ekonomi yang tidak kukuh menghalang anggota keluarga untuk mengenali budaya dan nilai moden, dan menyebabkan mereka lebih memperhatikan

University of Malaya

masalah asas dalam kehidupan seharian. Justeru itu, keluarga berpendapatan rendah lebih mengenakan nilai dan amalan tradisi terhadap anggota keluarga, dan tidak menggalakkan kreativiti dan pemikiran yang boleh membawa pembaharuan. Keluarga seperti ini juga lebih berpusatkan orang dewasa (*adult-centered*), sedangkan anak-anak sangat terkongkong dengan idea ibu bapa. (Leslie & Korman, 1985). Oleh itu, dalam soal memilih pasangan, responden daripada keluarga berpendapatan rendah lebih mudah dipengaruhi, bahkan dikawal oleh kehendak ibu bapa.

Punca yang kedua ialah, anggota keluarga dalam keluarga berpendapatan tinggi lazimnya mempunyai taraf pendidikan yang tinggi juga dan lebih cenderung untuk meninggalkan amalan tradisi yang dianggap ketinggalan zaman. Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan memainkan peranan penting untuk menghapuskan amalan tradisi dan mempropagandakan nilai moden. Hal ini disokong oleh Jain (1986) dengan huraiannya seperti yang berikut:

> "*Education does have a clear impact on dissemination or spread of modern attitudes, values and outlook because it enables an individual or a group to become exposed to external climate and thereby to develop those personality traits that are regarded as the hall-mark of a modern personality*. (p. 128)."

Kajian ini mendapati, dalam keluarga berpendapatan tinggi, iaitu berpendapatan bulanan RM15,001 dan ke atas, sama ada responden atau ibu bapa mereka mempunyai taraf pendidikan yang agak tinggi. Buktinya, terdapat 66.7% responden dan 75.0% ibu bapa mempunyai taraf pendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Tahap pendidikan dan daya fikir yang tinggi mengakibatkan mereka lebih cenderung untuk menentang amalan tradisi yang ketinggalan zaman dan cuba mengamalkan gaya hidup yang

University of Malaya

dianggap moden dan maju. Hasil daripada temu bual menunjukkan bahawa responden daripada keluarga berpendapatan tinggi banyak terdedah kepada budaya dan pemikiran moden, dan sangat mengutamakan hak dan kebebasan dalam soal perkahwinan. Ibu bapa mereka pula, suka menciptakan keluarga demokratik yang mengutamakan "*egalitarian rights and responsibilities* (DeGenova, 2008, p. 8)" dan tidak bersetuju untuk mengenakan kuasa yang keterlaluan terhadap anak-anak. Oleh itu, perkahwinan atas dasar cinta yang dianggap sebagai hasil daripada proses pemodenan lebih banyak ditemui dalam keluarga yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya.

Pengaruh kedudukan sosioekonomi keluarga yang tinggi terhadap kuasa responden dalam memilih pasangan juga disokong oleh contoh kes yang didapati dalam temu bual dengan responden isteri bagi pasangan kedua.

Keluarga Berada Menghormati Keputusan Anak Perempuan

"Responden isteri bagi pasangan kedua mempunyai ijazah sarjana muda dan bekerja sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Kementerian Luar Negeri Malaysia. Bapanya berpendidikan sehingga peringkat sarjana dan bekerja di sebuah bank. Pendapatan bulanannya setinggi RM30,000. Ibu isteri pula mempunyai ijazah sarjana muda dan bekerja sebagai guru sejarah di sebuah sekolah menengah. Pendapatan bulanannya lebih kurang RM8,000. Mereka sekeluarga tinggal di sebuah banglo yang bernilai RM 3 juta di kawasan Petaling Jaya.

Responden isteri bersyukur kerana dibesarkan dalam keluarga yang selesa, bebas dan bersifat demokrasi. Beliau mengakui, ibu bapa tidak pernah memaksanya untuk melakukan sesuatu perkara, tetapi selalu berbincang baik-baik dengannya, memberikan nasihat dan bimbingan kepadanya. Ibu bapanya juga memberikan kebebasan yang cukup besar kepadanya untuk mengambil keputusan sendiri dan selalu menyokong keputusan yang dibuat olehnya, termasuk melanjutkan pelajaran di luar negara, memasuki sektor kerja swasta, dan kemudiannya bertukar kerja kepada sektor kerajaan. Begitu juga dalam soal perkahwinannya. "Mereka memberi saya kebebasan untuk memilih pasangan sendiri," kata responden isteri. Ia menemui suaminya sekarang di tempat kerja, selepas bercinta selama enam bulan, lelaki itu datang ke rumahnya untuk melamar. Ibu bapa responden isteri menerima sahaja pilihan anak mereka ini dengan hati yang terbuka walaupun sebelum ini hanya beberapa kali sahaja menemui lelaki itu. Setelah ibu bapa responden isteri mengenali bakal menantu dengan lebih baik, mereka pun gembira dengan keputusan anak mereka ini."

University of Malaya

Ditinjau keluarga yang lebih rendah kedudukan sosioekonominya pula, lazimnya taraf pendidikan ibu bapa juga tidak begitu tinggi (Jain, 1986). Harapan keluarga terhadap pencapaian akademik anak-anak juga rendah dan hanya mengharapkan mereka memenuhi keperluan yang minima sahaja. Hal ini terjadi kerana dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah wujudnya "*...a distrust of higher education and new ideas that might be disruptive to family, kin, and peer-group relationships*. (Leslie & Korman, 1985, p. 240)." Memandangkan kekurangan pendidikan, anggota keluarga mempunyai pemikiran yang lebih sempit dan enggan melakukan perubahan. Dalam keluarga sebegini, anak-anak dikehendaki mematuhi kehendak ibu bapa sahaja, begitu juga dalam soal memilih pasangan.

Boleh dirumuskan bahawa kedudukan sosioekonomi keluarga responden berpengaruh besar terhadap kuasa mereka dalam memilih pasangan. Responden dari keluarga yang lebih berada mempunyai kebebasan yang lebih besar dalam mencari jodoh. Begitu juga sebaliknya.

4.4.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh

Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat dua faktor sosioekonomi yang kurang memberikan kesan kepada peningkatan kuasa responden dalam memilih pasangan, iaitu status pekerjaan dan tempat kediaman (untuk perbincangan selanjutnya, sila rujuk kepada Lampiran C).

Hal ini terjadi mungkin kerana, unsur yang paling penting dalam meningkatkan kuasa responden dalam mencari jodoh ialah, berdikari dari segi ekonomi. Dalam hal ini, tinggi atau rendah status pekerjaan tidak banyak membawa perbezaan kerana status

University of Malaya

pekerjaan responden tidak semestinya berkorelasi positif dengan pendapatannya. Begitu juga dengan jenis kediamannya.

4.4.3 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh

Sudah terbukti bahawa dalam kalangan responden kajian ini, disebabkan oleh pengaruh faktor pendidikan, faktor pendapatan dan faktor kedudukan sosioekonomi keluarga, perkahwinan atas pilihan sendiri telah menggantikan perkahwinan atas aturan ibu bapa. Sungguhpun begitu, ini tidak bermakna ibu bapa responden telah kehilangan pengaruh dalam soal perkahwinan anak-anak. Buktinya, antara 105 responden yang berkahwin atas dasar cinta, hanya tiga orang (2.9%) sahaja tidak meminta pandangan ibu bapa atau berbincang dengan ibu bapa mengenai pilihan mereka sebelum mengambil keputusan untuk berkahwin. Jelasnya, ibu bapa responden tetap memainkan peranan penting dalam pemilihan pasangan anak-anak. Hal ini demikian kerana, unsur-unsur sosiobudaya seperti agama Islam, nilai-nilai Melayu dan budaya kolektivisme masih memberikan kesan dalam hal ini.

Sama ada agama Islam atau nilai kekeluargaan Melayu kedua-duanya mewajibkan ibu bapa memikul tanggungjawab yang besar terhadap anak-anak yang dianggap sebagai kurnia dan rezeki daripada Allah S.W.T.. Demombynes (2012) menunjukkan, ibu bapa muslim tidak akan berasa lega kecuali selepas melihat anak lelaki dan anak perempuan mereka melayari bahtera perkahwinan dengan bahagia. Hal ini juga dikesan oleh Swift (1969) dalam masyarakat Melayu di Jelebu, Negeri Sembilan. Menurutnya, ibu bapa Melayu mempunyai “hutang” kepada anak-anak, iaitu mereka perlu

University of Malaya

menentukan anak-anak menyelesaikan beberapa prosedur penting dalam kehidupan, termasuk membina rumah tangga.

Tanggungjawab yang berat menghasilkan kewibawaan yang tidak dapat dicabar kerana "*authority is the expression of final responsibility* (Banks, 1983, p. 132)." Dalam masyarakat Melayu, sama ada dari segi nilai kekeluargaan atau agama Islam, kuasa ibu bapa dalam rumah tangga adalah tidak boleh dicabar, begitu juga dalam soal perkahwinan. Wan Abdul Kadir (1992) mengatakan, nilai-nilai orang Melayu yang menekankan kewibawaan ibu bapa dan kepatuhan anak-anak memberikan kuasa kepada ibu bapa untuk memilih pasangan anak-anak. Yaacob Harun (2014b) pula menunjukkan, penekanan kuasa bapa dalam rumah tangga juga selaras dengan ajaran Islam yang menitikberatkan kedudukan bapa dalam sistem kekeluargaan. Mengikut undang-undang Islam, bapa selaku wali berkuasa untuk mengahwinkan anak perempuan dengan sah. Beliau juga berkuasa untuk menghalang anak perempuannya daripada berkahwin dengan lelaki yang tidak disukainya. Dalam hal ini, kebanyakan sarjana muslim bersetuju dengan pandangan, iaitu keizinan dan persetujuan daripada wali merupakan syarat kepada sebuah perkahwinan yang sah.

Oleh sebab itu, walaupun kuasa ibu bapa dalam menentukan pasangan untuk responden telah berkurangan, namun ibu bapa tetap prihatin dan aktif dalam membantu responden untuk memilih pasangan yang sesuai dengan memberikan pandangan, nasihat dan peringatan. Hal ini dibuktikan benar dalam contoh kes responden pasangan suami isteri kesebelas.

University of Malaya

Ibu Bapa Minta Kawan "Menyelidik" Latar Belakang Bakal Menantu dalam Diam-diam

"Kedua-dua suami isteri bagi pasangan kesebelas mempunyai ijazah sarjana dalam bidang perubatan dan bekerja di farmasi di dua hospital kerajaan yang berbeza. Responden isteri berkenalan dengan suaminya semasa mereka belajar di peringkat diploma, kemudiannya bersama-sama menyambung pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda. Selepas tujuh tahun bercinta, pasangan ini mengambil keputusan untuk berkahwin. Maka isteri pun memperkenalkan bakal suaminya kepada keluarganya secara rasmi. Walaupun buat kali pertama ibu bapa isteri berjumpa dengan bakal menantu, namun mereka sebenarnya sudah lama "kenal" si lelaki dan keluarganya tanpa diketahui oleh si lelaki itu. Hal ini demikian kerana, bapa isteri mempunyai seorang kawan yang secara kebetulan mengenali keluarga si lelaki itu. Maka, ibu bapa isteri meminta bantuan kawan itu untuk "menyelidik" latar belakang si lelaki dalam diam-diam. Selepas mengetahui latar belakang keluarganya adalah baik, maka ibu bapa isteri pun berkenan dengan bakal menantu pilihan anak mereka itu. "Kita nak cari kita punya menantu kan, bukannya macam orang sebarang kan. Jadi kita kena hati-hati la, tengok famili dia tu juga la. Kalau bapa dia okay, anak dia mesti okay kan," jelaskan ibu isteri."

Pada masa yang sama, agama Islam, nilai norma Melayu dan budaya kolektivisme yang menekankan kepatuhan anak-anak kepada keluarga dan keharmonian rumah tangga (Hofstede, 2004) juga mempengaruhi responden dalam pemilihan pasangan dengan menyebabkan mereka meminta, mengutamakan dan mematuhi cadangan ibu bapa dalam hal ini. Dalam masyarakat Melayu, anak-anak tidak boleh membantah cakap ibu bapa atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak ibu bapa. Perbuatan seperti itu bukan sahaja bercanggah dengan ajaran agama, tetapi juga bertentangan dengan tatasusila kemasyarakatan. Anak yang menderhaka terhadap ibu bapa seperti itu dipercayai tidak akan selamat baik di dunia ataupun di akhirat. Yaacob Harun (1991) juga menekankan, orang Melayu tidak boleh menerima hakikat jika seseorang anak itu tidak mematuhi perintah ibu bapa dan tidak menghormati mereka. Untuk mengelakkan berlakunya perkara seperti itu, menurut Wan Abdul Halim Othman (1993), masyarakat Melayu sentiasa mengingatkan anak-anak betapa pentingnya ibu

University of Malaya

bapa dihormati dan dipatuhi kerana orang tua dikatakan lebih “dulu merasa garam”, iaitu lebih berpengalaman dalam liku-liku hidup, maka apa yang dikatakan oleh mereka biasanya tepat.

Begitu juga dalam soal perkahwinan, orang Melayu percaya, hanya perkahwinan yang direstui oleh ibu bapa akan berkekalan hingga ke anak cucu dan mendapat keberkatan serta redha daripada Allah S.W.T.. Lantaran itu, walaupun responden Melayu mempunyai kata putus dalam pemilihan pasangan, namun fenomena di negara-negara barat yang mengamalkan budaya individualisme, iaitu lelaki dan perempuan boleh berkahwin tanpa persetujuan ibu bapa (DeGenova, 2008) jarang berlaku terhadap responden dalam kajian ini. Sebaliknya, responden Melayu masih rela meminta dan mendengar pandangan ibu bapa. Kadang-kadang, tekanan moral juga akan diberikan oleh ibu bapa sekiranya mereka tidak bersetuju dengan pilihan anak-anak (Li, 1995). Dalam hal ini, bantahan keras anak-anak terhadap tekanan ibu bapa jarang didapati. Jika mereka masih ingin berkahwin dengan pilihan hati, lazimnya mereka akan memujuk ibu bapa sehingga ibu bapa menerima pilihan mereka. Walau bagaimanapun, jika pilihan responden mendapat tentangan hebat daripada ibu bapa, maka berkemungkinan besar hubungan cinta tersebut akan diputuskan demi menjaga keharmonian keluarga dan mengelakkan perselisihan yang mungkin timbul.

Berikutnya, diberikan sebuah contoh kes menarik yang boleh menunjukkan kepatuhan responden kepada ibu bapanya dalam soal memilih pasangan.

Memutuskan Pertunangan Akibat Tentangan Hebat Ibu Bapa

“Responden suami bagi pasangan pertama berpendidikan di peringkat SPM. Beliau bekerja di sebuah syarikat insurans dan berpendapatan RM2,000 pada setiap bulan. Beliau mengakui, sebelum berkahwin dengan isterinya sekarang, beliau pernah

University of Malaya

bertunang dengan perempuan lain. Namun begitu, akhirnya ia memutuskan ikatan pertunangan itu kerana mendapat tentangan hebat daripada ibu bapa. Hal ini demikian kerana, bekas tunang responden itu menghidap penyakit talasemia, iaitu sejenis penyakit darah yang serius. Walaupun sejak mulanya responden tahu akan hal ini, namun selepas mereka bertunang baru ibu bapanya tahu bakal menantu menghidap penyakit itu. "Dia macam kurang darah merah, dia lebih darah putih, dia ada sikit-sikit macam leukemia. Masa *I* bertunang, memang setiap bulan *I* bawa dia pergi hospital untuk masukkan darah. Lepas tu, kalau dia demam ke selsema ke, dia punya masa sembuh panjang, sebab dia punya antibodi itu kurang," ujarnya. "Sebenarnya, *I* boleh *accept* tapi *my parents* tak boleh. *My mother nurse*, *so* dia tahu situasi tu apa, sebab nanti kalau bini *I* ada penyakit tu, dia akan pergi dekat anak lelaki, *so* lebih baik jangan ada siapa-siapa yang sakit itu kan," kata responden berpanjang lebar. Selepas ibu responden menjelaskan semuanya, barulah ia menyedari betapa berat penyakit itu. Walaupun ia berasa berat hati untuk meninggalkan tunangnya kerana sudah lima tahun mereka bercinta, namun akhirnya ia tetap memutuskan ikatan pertunangan ini dengan alasannya sudah jatuh cinta dengan perempuan lain."

Jelasnya, walaupun perkahwinan atas dasar cinta telah menduduki tempat yang dominan dalam kalangan responden disebabkan oleh perubahan beberapa faktor sosioekonomi di bandar, namun pengaruh unsur-unsur sosiobudaya, iaitu agama Islam, nilai-nilai Melayu dan budaya kolektivisme masih boleh dikesan dalam hal ini dengan bukti bahawa, ibu bapa responden masih berperanan penting dalam pencarian jodoh anak-anak mereka.

Sebagai kesimpulan, kuasa memilih pasangan responden kajian ini telah meningkat dengan ketara, sedangkan pengaruh ibu bapa mereka semakin merosot. Terdapat beberapa faktor sosioekonomi menyumbang kepada perubahan ini, iaitu pendidikan, pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Walau bagaimanapun, dipengaruhi oleh unsur-unsur sosiobudaya, iaitu ajaran agama, nilai-nilai Melayu dan budaya kolektivisme, pandangan ibu bapa responden dalam pemilihan pasangan masih diutamakan dan dihargai.

University of Malaya

4.5 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Cara Mengenali Pasangan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, disebabkan oleh kawalan segregasi sosial yang ketat antara lelaki dan perempuan, ditambahkan lagi dengan larangan dan tekanan sosial yang hebat terhadap pergaulan bebas, maka muda-mudi Melayu hampir tidak berpeluang untuk menemui rakan-rakan sebaya yang berlainan jantina kecuali dalam sesetengah majlis yang ramai tetamunya (Masuo Kuchiba, 1979), apatah lagi mengenali pasangan dengan lebih mendalam. Lantaran itu, secara teorinya, kali pertama untuk pasangan pengantin bersama ialah pada malam hari perkahwinan mereka (Yaacob Harun, 2014a). Namun begitu, di Kuala Lumpur yang suasananya moden, terbuka dan bebas, cara mengenali pasangan dalam kalangan responden kajian ini telah menunjukkan peralihan yang sangat signifikan[21].

Data-data dalam Jadual 4.2 menunjukkan bahawa terdapat banyak kaedah dan saluran wujud di Kuala Lumpur untuk responden mengenali pasangan hidup masing-masing, termasuk berkenalan di tempat belajar (30.5%), berkenalan melalui kenalan kawan-kawan atau ahli keluarga (26.7%), berkenalan di tempat kerja (21.9%), berkenalan melalui laman sesawang sosial (11.4%), berkenalan di kawasan kejiranan (5.7%), berkenalan di tempat bersantai secara kebetulan (2.9%) dan berkenalan dalam persatuan mengikut minat (1.0%). Maka, boleh dikatakan bahawa cara mengenali pasangan dalam kalangan responden adalah beraneka jenis.

[21] Perbincangan mengenai cara mengenali pasangan dalam kalangan responden hanya melibatkan 105 pasangan yang berkahwin dengan pilihan sendiri, sedangkan dua pasangan yang berkahwin atas aturan ibu bapa tidak akan diambil kira.

University of Malaya

Jadual 4.2: Cara Mengenali Pasangan dalam Kalangan Responden

Cara Mengenali Pasangan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Berkenalan di Tempat Belajar	32	30.5
Berkenalan melalui Kenalan Kawan-kawan/Ahli Keluarga	28	26.7
Berkenalan di Tempat Kerja	23	21.9
Berkenalan melalui Laman Sesawang Sosial	12	11.4
Berkenalan di Kawasan Kejiranan	6	5.7
Berkenalan di Tempat Bersantai secara Kebetulan	3	2.9
Berkenalan dalam Persatuan Mengikut Minat	1	1.0
Jumlah	105	100.0

Walaupun responden Melayu Kuala Lumpur mempunyai berbagai-bagai cara untuk mengenali pasangan, namun menemui pasangan di bandar bukan semata-mata proses yang rambang. Menurut Jadual 4.2, boleh dirumuskan bahawa terdapat empat ciri utama bagi cara mengenali pasangan dalam golongan responden kajian ini. Ciri yang pertama ialah, jarak yang dekat dari segi geografi memainkan peranan penting dalam menemui pasangan, sama ada di tempat belajar, tempat kerja atau tempat kediaman. Dapatan ini selaras dengan huraian Teori Turas (*Filter Theory*) yang dikemukakan oleh Alan C. Kerckhoff dan Keith E. Davis (1962). Menurut mereka, antara penapis untuk menapis calon teman hidup yang sesuai, jarak yang dekat dari segi geografi merupakan penapis yang pertama dan yang paling berkesan. Jika dilihat dari segi ekonomi, maka bercinta dengan orang yang lebih dekat dari segi geografi juga boleh menjimatkan masa dan kos untuk berjanji temu (Li & Xu, 2004).

Dianalisis dengan lebih mendalam lagi, maka jarak dekat di tempat belajar dan tempat kerja telah menggantikan jarak dekat di tempat kediaman dan memberikan pengaruh yang semakin besar dalam proses mengenali pasangan dalam kalangan

University of Malaya

responden Melayu Kuala Lumpur. Hasil dapatan kajian ini disokong oleh Leslie (1980) dengan huraiannya, "*...propinquity does not imply homogamy as it does in more traditional settings...that residential propinquity may be less influential than organizational propinquity*. (p. 135)." Benokraitis (2015) pula menegaskan bahawa kebanyakan orang yang sedang berada dalam hubungan jangka panjang yang serius atau telah berumah tangga mengenali pasangan mereka di tempat kerja atau sekolah. Berikutnya, diberikan sebuah contoh kes yang amat menarik untuk menunjukkan bahawa dalam mengenali pasangan di Kuala Lumpur, kepentingan jarak yang dekat dari segi tempat kediaman telah digantikan oleh kepentingan jarak yang dekat dari segi tempat kerja.

Berjiran 26 Tahun Tidak Kenal-mengenal sehingga Berjumpa di Pejabat

"Kedua-dua suami isteri bagi pasangan kedua ialah PTD dan bertugas di Kementerian Luar Negeri Malaysia. Sebelum mereka berkahwin, isteri tinggal dengan ibu bapa di sebuah banglo, manakala suami pula tinggal dengan ibu bapa di sebuah rumah Semi-D. Mereka berdua berkenalan di tempat kerja, lalu jatuh cinta. Menurut isteri, "Masa tu saya baru masuk kerja kerajaan. Saya kenal dia dari tugas yang sama, kami jadi pengambil minit mesyuarat, satu mesyuarat tertinggi la di kementerian. Dari situ la kami saling kenal-mengenali, lepas kerja dia ajak saya keluar makan malam."

Yang menarik di sini ialah, selepas saling mengenali, baru pasangan ini menyedari bahawa mereka berdua sebenarnya ialah jiran dan tinggal dalam kawasan perumahan yang sama. Rumah ibu bapa isteri terletak di kawasan seksyen tiga dan rumah ibu bapa suami pula di kawasan seksyen empat. Responden isteri menjelaskan, "Dekat Malaysia, di kawasan bandar, kalau kenal jiran pun, jiran sekeliling sahaja, atau dalam satu barisan itu mungkin kenal, tapi kawasan lain, kita tak bertembung. Sebab di bandar, mungkin komuniti tak serapat dengan masyarakat di kampung, masyarakat di pekan yang lebih kecil. *So* memang tak akan kenal jiran semua orang. Itu la, saya tak tahu dia jiran saya, saya duduk dua minit sahaja dari rumah dia, lepas 26 tahun baru tahu *and* jumpa di pejabat, *so* saya rasa ini takdir juga kot.""

Ciri yang kedua ialah, cara mengenali pasangan yang bersifat lebih tradisi, iaitu melalui kenalan kawan-kawan atau ahli keluarga masih mendapat sambutan sehingga

University of Malaya

menjadi cara yang kedua paling popular dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, iaitu terdapat 26.7% responden mengenali pasangan mereka melalui cara ini. Maka, boleh dikatakan bahawa walaupun cara mengenali pasangan yang disediakan di bandar berbagai-bagai, namun kebanyakan peluang tersebut sebenarnya tidak wujud dalam realiti (Baber, 1953), maka bantuan daripada pihak yang lain masih diperlukan (Olson, DeFrain & Skogrand, 2013). Fenomena yang sama juga dikesan dalam kalangan muda-mudi bandar China seperti yang dinyatakan oleh Feng (2012), walaupun mengenali pasangan dengan diri sendiri merupakan trend utama, namun perkenalan kawan-kawan dan ahli keluarga tetap memainkan peranan penting. Buktinya, terdapat 40% daripada 1,207 responden menemui teman hidup mereka melalui cara ini.

Ciri yang ketiga ialah, teknologi canggih mula membantu dalam mengenali teman hidup yang berpotensi, misalnya laman sesawang. Teknologi Internet banyak membantu dalam mencari bakal teman hidup melalui perkhidmatan *Facebook, Twitter, Instagram, WeChat, WhatsApp* dan sebagainya. Yaacob Harun (2014a) juga mengesan trend baharu ini dalam kalangan muda-mudi Melayu. Huraiannya adalah seperti berikut:

> "*An interesting development in the changing Malay society is the usage of media, especially the Internet to search for marriage partners...young people today could also search for potential partners in marriage on their own via facebook, twitter, and other social networking programs on the Internet*. (p. 96)."

Walaupun teknologi canggih membantu dalam mencari pasangan kerana mengatasi masalah jarak yang jauh dari segi geografi, namun pengaruhnya masih terbatas disebabkan oleh keperluan untuk selalu bersua muka, maka hanya 11.4% responden dalam kajian ini menemui pasangan melalui cara ini.

University of Malaya

Ciri yang keempat pula ialah, kemudahan yang wujud di bandar juga membantu dalam menemui pasangan, misalnya persatuan mengikut minat (1.0%) dan tempat bersantai (2.9%). Antara tempat-tempat bersantai yang menjadi tempat berkenalan pasangan suami isteri dalam kajian ini ialah, restoran *McDonald's*, gelanggang sukan dan tempat pelancongan. Sungguhpun begitu, hanya 3.9% responden bertemu dengan pasangan mereka melalui cara ini. Maka, boleh dikatakan bahawa, pengaruh kemudahan di bandar adalah tidak begitu terserlah dalam proses mengenali pasangan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur.

Boleh dirumuskan bahawa cara mengenali pasangan dalam kalangan responden telah mengalami peralihan yang signifikan dengan menunjukkan kepelbagaian. Dalam bahagian yang seterusnya, akan dibincangkan faktor sosioekonomi responden yang manakah lebih berpengaruh dalam menentukan cara mengenali pasangan mereka.

4.5.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Terdapat beberapa faktor sosioekonomi responden berhubung kait rapat dengan penggunaan cara mengenali pasangan mereka, iaitu pendidikan, pekerjaan dan pendapatan.

4.5.1.1 Pendidikan

Faktor pendidikan didapati berpengaruh besar dalam menentukan cara mengenali pasangan responden kajian ini. Buktinya, menurut Graf 4.10, dua golongan responden yang dibahagikan mengikut taraf pendidikan telah menunjukkan kecenderungan yang ketara dari segi cara mengenali pasangan.

University of Malaya



Graf 4.10: Taraf Pendidikan Responden dan Cara Mengenali Pasangan

Terlebih dahulu, dianalisis golongan responden yang berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Responden golongan ini didapati lebih cenderung menemui pasangan di tempat belajar. Buktinya, terdapat 36.1% responden berjumpa dengan pasangan mereka melalui cara ini, kadar ini menurun kepada 18.2% dalam kalangan responden yang berpendidikan di bawah peringkat diploma. Perkara ini berlaku kerana responden yang lebih tinggi taraf pendidikannya menghabiskan tempoh masa belajar yang lebih panjang di tempat belajar, maka mereka mempunyai peluang dan masa yang lebih banyak untuk berkenalan, bergaul dan bercinta dengan orang yang berlainan jantina.

Pada hakikatnya, tempat belajar merupakan medan penting untuk responden mengenali bakal teman hidup. Untuk mendapatkan kerja yang membawa pendapatan lumayan, responden mengorbankan banyak masa dan tenaga di tempat belajar. Tempat belajar yang terhad ruangnya menyediakan peluang untuk mereka berkenalan dan bergaul dengan orang yang berlainan jantina. Pergaulan sehari-hari ini pula mendorong

University of Malaya

tumbuhnya benih-benih cinta sesama mereka. Leslie (1980) menyokong pandangan ini dengan mengatakan, "*In the class room, men and women are seated elbow-to-elbow, and may be required to work on class projects together. This situation may throw them into more meaningful contact*... (p. 135)." Tambahan pula, tempat belajar menyediakan rangkaian sosial yang mengumpulkan orang-orang yang "sekepala", maknanya mempunyai minat, cita rasa dan keperibadian yang serupa. Hal ini juga menjadi daya dorong kepada percintaan di tempat belajar kerana manusia lebih mudah tertarik dengan orang yang mempunyai banyak persamaan.

Dalam hal ini, peningkatan tempoh masa belajar di tempat belajar jelas menambahkan peluang dan kemungkinan responden berpendidikan tinggi untuk menemui bakal suami atau isteri di situ. Perkahwinan sesama rakan sekelas di institusi pengajian tinggi begitu kerap berlaku sehingga Arum dan rakan-rakan (2008) menyifatkan kolej sebagai tempat berkenalan dan bercinta yang sangat popular dalam kalangan muda-mudi. Perkara yang serupa juga dikesan dalam kajian Li dan Xu (2004) di China, iaitu responden muda yang berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas lebih banyak menemui pasangan di tempat belajar atau dalam pertemuan semula rakan sedarjah. Hubung kait antara taraf pendidikan dan cara mengenali pasangan di tempat belajar disokong oleh contoh kes pasangan responden keenam yang dihuraikan di bawah.

Berkenalan dan Jatuh Cinta di Kampus

"Kedua-dua suami isteri bagi pasangan keenam merupakan graduan UM. Pasangan ini berkenalan di kampus semasa belajar. Responden suami ialah senior kepada responden isteri. Sebenarnya, mereka berdua adalah dalam parti pelajar yang sama, tetapi mula-mula mereka tidak kenal-mengenal dan hanya bersembang-sembang beramai-ramai dalam *Facebook*. Walau bagaimanapun, keadaan ini berubah apabila

University of Malaya

responden isteri mewakili parti mereka dan menang dalam pilihan raya untuk menyertai Majlis Perwakilan Pelajar. Untuk meraikan kemenangannya, ahli-ahli parti mengambil keputusan untuk keluar makan bersama. Pada malam itu, responden suami ditugaskan untuk menghubungi responden isteri dan membawa kereta pergi menjemputnya. Itulah kali pertama mereka berjumpa. Selepas itu, mereka menjadi kawan baik dan selalu keluar makan bersama. "Cara percakapan dia (responden suami) bermaruah. Saya tak suka orang jenis yang suka mengurat, orang macam tu gatal la pada pandangan saya. Dia selalu bercakap benda yang baik dengan saya, buat saya rasa dihargai," ujar isteri. Setelah mengenali hati budi masing-masing, benih cinta pun mula tumbuh di antara mereka."

Selain itu, responden yang lebih tinggi taraf pendidikannya juga didapati lebih banyak menggunakan teknologi canggih untuk mengenali pasangan. Buktinya, terdapat 12.5% responden yang berpendidikan lebih tinggi bertemu jodoh melalui laman sesawang. Kadar ini lebih tinggi daripada responden berpendidikan lebih rendah yang juga menggunakan cara ini untuk mengenali pasangan, yakni 9.1%. Dapatan ini juga selaras dengan hasil kajian Li dan Xu (2004) dalam kalangan muda-mudi China. Menurut mereka, muda-mudi yang berpendidikan tinggi lebih cenderung menemui pasangan melalui laman sesawang. Kecenderungan ini tidak sukar untuk difahami kerana dengan tahap ilmu dan daya fikir yang lebih tinggi, golongan terpelajar cepat menguasai teknologi baharu dan pandai menggunakannya untuk mengatasi halangan yang ada dalam pencarian jodoh, contohnya kekurangan peluang, kesuntukan masa atau jarak yang jauh dari segi geografi. Keadaan ini boleh dikesan dengan ketara dalam contoh kes yang di bawah ini, iaitu pengalaman pasangan responden ketiga.

Mengenali Bakal Suami Melalui Laman Sesawang Sosial *Facebook*

"Kedua-dua suami isteri bagi pasangan ketiga mempunyai ijazah sarjana muda. Responden isteri bekerja di AmBank di ibu kota. Responden suami pula bekerja di sebuah syarikat di Kuala Terengganu kerana tidak tahan kesesakan jalan di Kuala Lumpur dan suka akan laut. Di samping itu, suami juga mempunyai kerja sambilan, iaitu mengajar orang menyelam dan menjual kemudahan penyelaman. Pasangan ini

University of Malaya

berkenalan secara kebetulan melalui *Facebook*. Hal ini berlaku kerana responden isteri dan kawannya teringin belajar menyelam dan mendapat lesen menyelam. Responden isteri puas mencari maklumat tentang kelas menyelam dalam *Facebook*. Secara kebetulan, ia menemui laman utama suaminya sekarang. Dalam laman utamanya, selain informasi kelas menyelam yang dipromosikan, terdapat juga pelbagai maklumat tentang aktiviti menyelam dan gambar pemandangan di dalam laut. Responden isteri tertarik hati dengan laman utama suaminya sekarang dan *add* ia sebagai kawan agar bertanyakan informasi dengan lebih lanjut. Maka, bermulalah perkenalan mereka dari situ. Setelah tiga tahun bercinta jarak jauh melalui laman sesawang dan telefon, mereka pun memasuki gerbang perkahwinan."

Ditinjau responden yang lebih rendah taraf pendidikan pula, implikasi faktor pendidikan terhadap cara mengenali pasangan mereka juga dapat dikesan dengan ketara. Golongan ini didapati lebih cenderung menemui pasangan di tempat kerja. Buktinya, terdapat 27.3% responden berpendidikan di bawah peringkat diploma bertemu jodoh di tempat kerja. Kadar ini jauh lebih tinggi daripada kadar dalam kalangan responden yang berpendidikan lebih tinggi, iaitu 19.4%. Sebenarnya, situasi ini tidak sukar untuk difahami. Tempat kerja sama seperti tempat belajar, menjadi medan penting untuk responden mengenali pasangan kerana menghimpunkan orang yang mempunyai pemikiran, cara hidup dan cita rasa yang lebih kurang sama sahaja. Hal ini juga disokong oleh huraian Baber (1953), iaitu "*…locality and occupation both help produce like-mindedness as well as select for like-mindedness*. (p. 88).". Responden berpendidikan rendah biasanya menghabiskan masa yang lebih pendek di tempat belajar dan memasuki pasaran kerja dengan lebih awal. Tempoh perkhidmatan yang lebih panjang di tempat kerja memberikan responden berpendidikan rendah lebih banyak peluang dan masa untuk mengenali rakan-rakan yang berlainan jantina, lalu menjalinkan hubungan yang lebih intim dengan orang yang berkenan.

University of Malaya

Hasil daripada temu bual dengan responden pasangan pertama turut menunjukkan bahawa wujudnya hubung kait rapat antara taraf pendidikan yang lebih rendah dengan cara mengenali pasangan di tempat kerja.

Berjaya "*Tackle*" Rakan Sekerja di Pejabat

"Kedua-dua suami isteri bagi pasangan pertama belajar sampai ke peringkat SPM sahaja. Suami bekerja di sebuah syarikat insurans. Isteri ialah suri rumah tetapi sebelum berkahwin, beliau bekerja di tempat yang sama dengan suami. Suami mula bekerja di syarikat itu pada umur 19 tahun. Selepas lima tahun berkhidmat, isterinya sekarang yang berumur 20 tahun pada masa itu masuk ke syarikat itu. Dengan bangganya, responden suami bercerita tentang strateginya untuk memenangi hati isterinya, "*I* sebagai tutor ajar dia buat kerja la. Dia datang, *I* ajar dan *I tackle* dia la. Masa *I* nak *tackle* bini *I*, ada lima orang nak *tackle* dia masa itu, satu *office*, yang ini bagi beg, ini bagi bunga, ini bagi coklat." Responden suami menyifatkan dirinya ada "*power*", maka akhirnya ia berjaya menarik hati isterinya. "*I* suka lawak, *joke* dengan dia, yang lain-lain itu semua duduk jauh, dia memang duduk sebelah *I* je dekat *office*.""

Responden yang lebih rendah taraf pendidikannya juga lebih bergantung kepada jarak yang dekat dari segi geografi di tempat kediaman semasa mencari jodoh. Data-data dalam Graf 4.10 menunjukkan, terdapat 9.1% responden berpendidikan di bawah diploma menemui pasangan dengan cara ini, dan kadar ini menurun kepada 4.2% dalam kalangan mereka yang berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Hal ini demikian kerana taraf pendidikan yang rendah banyak mengehadkan mobiliti sosial responden. Lantaran itu, lingkungan kegiatan mereka lebih terbatas dalam lingkungan rumah tangga dan kawasan kejiranan sekeliling. Lantaran itu, dibandingkan dengan responden yang terpelajar, responden berpendidikan rendah lebih bergantung kepada "sumber" daripada kawasan kejiranan yang lebih dekat dengan mereka dari segi geografi.

University of Malaya

Selain itu, responden yang berpendidikan lebih rendah juga lebih mengharapkan bantuan ahli keluarga dan kawan-kawan dalam mencari jodoh. Terdapat 27.3% responden berpendidikan di bawah diploma bergantung kepada cara ini, dan kadar ini menurun kepada 26.4% dalam kalangan mereka yang berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Tidak dapat dinafikan bahawa responden berpendidikan lebih rendah biasanya memiliki hubungan sosial yang lebih terhad. Oleh itu, dalam mengenali jodoh, tahap pergantungan golongan ini terhadap rangkaian sosial tradisional, iaitu kenalan daripada orang di sekeliling adalah lebih tinggi (Li & Xu, 2004). Sebaliknya, cara ini kurang disambut baik oleh responden terpelajar yang lebih kompleks hubungan sosialnya. Dapatan ini juga sepadan dengan kajian Feng (2012) yang menunjukkan bahawa apabila individu mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, maka calon suami atau isteri yang diperkenalkan oleh ibu bapa atau ahli keluarga tidak akan mendapat reaksi yang positif.

Akhir sekali, responden yang lebih rendah taraf pendidikannya juga lebih bergantung kepada cara mengenali pasangan melalui kemudahan yang wujud di bandar, sama ada berkenalan dalam persatuan mengikut minat atau berjumpa di tempat bersantai secara kebetulan. Hasil kajian ini selaras dengan huraian Li dan Xu (2004) mengenai muda-mudi di China. Menurut dua orang sarjana tersebut, responden yang berpendidikan rendah lebih cenderung untuk bertemu dengan pasangan mereka di tempat awam secara kebetulan. Hal ini berlaku kerana golongan berpendidikan rendah tidak seperti golongan berpendidikan tinggi yang lebih terikat dengan pelajaran atau urusan pekerjaan, sebaliknya mereka mempunyai masa lapang yang lebih banyak untuk dihabiskan dalam persatuan mengikut minat atau di tempat-tempat bersantai.

University of Malaya

Sebagai kesimpulan, faktor pendidikan meninggalkan kesan yang ketara terhadap cara mengenali pasangan responden Melayu Kuala Lumpur. Didapati bahawa dalam soal mencari jodoh, semakin tinggi taraf pendidikan responden, semakin mudah mereka dipengaruhi oleh jarak dekat di tempat belajar dan penggunaan teknologi baharu. Pada masa yang sama, semakin rendah taraf pendidikan responden, maka semakin bergantung mereka kepada jarak dekat di tempat kerja, kenalan dari kawasan kejiranan, bantuan rakan-rakan dan ahli keluarga serta kemudahan yang wujud di bandar.

4.5.1.2 Pekerjaan

Faktor pekerjaan juga memberikan pengaruh ketara kepada cara mengenali pasangan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur. Menurut Graf 4.11, terdapat perbezaan yang ketara dari segi cara mengenali pasangan antara tiga golongan responden yang dikategorikan mengikut status pekerjaan.



Graf 4.11: Status Pekerjaan Responden dan Cara Mengenali Pasangan

University of Malaya

Terlebih dahulu, diteliti golongan yang paling tinggi status pekerjaannya dalam kajian ini, iaitu responden pekerja profesional yang merangkumi pekerja bidang pendidikan dan perubatan. Didapati bahawa responden yang bekerja dalam bidang profesional jelas lebih banyak bertemu jodoh di tempat belajar. Buktinya, terdapat 54.5% pekerja profesional menemui pasangan melalui cara ini. Kadar ini jauh lebih tinggi daripada responden pekerja kolar putih (29.5%) dan responden pekerja manual mahir (0.0%). Hal ini tidak sukar untuk difahami kerana responden pekerja profesional mengorbankan masa yang lebih panjang di tempat belajar, maka peluang untuk mereka berjumpa jodoh di situ juga meningkat.

Seperti diketahui, kedua-dua bidang pekerjaan tersebut memerlukan pekerjanya mempunyai tahap kemahiran tinggi yang dijamin oleh taraf pendidikan tinggi. Sama ada tenaga pengajar atau doktor perubatan, mempunyai taraf pendidikan setakat ijazah sarjana muda adalah tidak mencukupi. Demi memenuhi tuntutan kerja dan memajukan kerjaya, responden perlu menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, contohnya sarjana, bahkan doktor falsafah. Memandangkan tempoh masa belajar yang dikorbankan di tempat belajar adalah lebih panjang, maka peluang untuk pekerja profesional berjumpa jodoh di situ turut bertambah. Dapatan ini juga disokong oleh penemuan kajian Feng (2012) yang menunjukkan bahawa pekerja dalam bidang pendidikan, sains dan kebudayaan lebih cenderung berkahwin dengan rakan sepengajian jika dibandingkan dengan pekerja dalam bidang perkhidmatan dan perkilangan.

Selain itu, responden profesional juga didapati lebih bergantung kepada teknologi canggih untuk mengenali pasangan. Mereka yang berkenalan dengan pasangan melalui laman sesawang adalah sebanyak 18.2%. Kadar ini menurun sama ada dalam kalangan

University of Malaya

responden kolar putih (10.2%) atau manual mahir (16.7%). Lazimnya pekerja profesional mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi, sama ada mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan atau perubatan. Seperti diketahui, pendidikan merupakan saluran penting untuk menyebarkan ilmu, sains dan teknologi (Gold, 2002). Lantaran itu, golongan terpelajar lebih mudah dan cepat menguasai teknologi baharu dan pandai menggunakan teknologi baharu itu untuk membawa keuntungan dan kemudahan kepada diri mereka, contohnya melalui laman sesawang untuk mengenali pasangan.

Meninjau responden yang lebih rendah status pekerjaannya pula, iaitu pekerja kolar putih, maka didapati bahawa golongan ini paling suka mengenali jodoh di tempat kerja. Buktinya, terdapat 26.1% pekerja kolar putih bertemu jodoh melalui cara ini, sedangkan tidak ada pekerja profesional dan pekerja manual mahir menggunakan cara ini mendapatkan jodoh. Dalam kajian ini, pekerjaan kolar putih merangkumi pekerjaan kakitangan kerajaan, pekerjaan syarikat, pekerjaan kewangan/perbankan dan pekerjaan polis/tentera. Kerja-kerja seperti ini tidak memerlukan pekerja mempunyai tahap pendidikan yang setanding dengan pekerja profesional. Maka, pekerja kolar putih menghabiskan masa yang lebih pendek di tempat belajar dan memulakan kerjaya dengan lebih awal. Tempoh perkhidmatan di tempat kerja yang lebih panjang membantu mereka mengenali bakal teman hidup di situ. Selain itu, pekerjaan kolar putih juga lebih stabil daripada pekerjaan manual mahir. Kelebihan ini juga menggalakkan pekerja kolar putih untuk memulakan hubungan cinta yang lebih serius dengan orang yang berkenan

University of Malaya

di tempat kerja. Hubung kait antara status pekerjaan kolar putih dengan cara mengenali pasangan di tempat kerja juga disokong oleh contoh kes yang didapati semasa temu bual dijalankan.

Pasangan Pekerja Menara Telekom Malaysia (TM) Berkenalan di Tempat Kerja

"Pasangan suami isteri kesepuluh dalam kajian ini berkenalan di tempat kerja, iaitu TM yang terletak di Jalan Pantai Baharu. Sebaik sahaja mendapat diploma pada umur 21 tahun, responden suami mula bekerja di tempat itu. Setahun kemudian, responden isteri yang berumur 21 tahun dan baru tamat pelajaran di kolej mula bekerja di TM. Mula-mula suami dan isteri ialah kawan sahaja dan selalu pergi ke surau bersama-sama untuk bersembahyang dan mendengar ceramah. Lama-kelamaan, selepas mengenali hati budi masing-masing, mereka pun jatuh cinta. Responden isteri mengakui, bermula daripada bekerja di TM lagi, ia memang ingin mencari teman lelaki di situ kerana ia suka akan kerja di TM yang stabil dan membawa pendapatan yang memuaskan. Tambahan pula, ibu bapanya juga bekerja dan berkenalan di TM. "Tengok ibu bapa balik sembang, hari-hari ada benda nak cerita-cerita, rasa nak ikut juga," tambahkan responden isteri."

Selain itu, golongan kolar putih juga didapati paling suka mencari jodoh melalui kemudahan yang wujud di bandar, termasuk persatuan mengikut minat dan tempat bersantai. Buktinya, terdapat 1.1% pekerja kolar putih berkenalan dengan pasangan mereka dalam persatuan mengikut minat, dan 3.4% responden pula menemui jodoh di tempat bersantai. Walau bagaimanapun, tidak ada pekerja profesional dan pekerja manual mahir menggunakan dua cara tersebut untuk mendapatkan jodoh. Hal ini demikian mungkin kerana, menggunakan dua cara tersebut memerlukan masa lapang dan wang ringgit. Pada umumnya, golongan kolar putih mempunyai masa lapang yang lebih banyak daripada pekerja profesional, dan pendapatan yang lebih tinggi daripada pekerja manual mahir.

Akhir sekali, diteliti responden yang paling rendah status pekerjaannya dalam kajian ini, iaitu pekerja manual mahir yang merangkumi pekerja bidang perkhidmatan

University of Malaya

dan perkilangan. Golongan ini didapati paling bergantung kepada cara mengenali pasangan yang bersifat tradisional, iaitu berjumpa jodoh di kawasan kejiranan (33.3%) dan mengenali jodoh dengan bantuan kawan-kawan atau ahli keluarga (50.0%). Dilihat pergantungan tinggi responden manual mahir terhadap "sumber" dari kawasan kejiranan terlebih dahulu. Keadaan ini turut disokong oleh Keller (1968) dan Kleniewski (1997) yang mengatakan bahawa pekerja mahir dan separuh mahir lebih bersifat konservatif dan cenderung berkahwin dengan jiran mereka. Hal ini berlaku kerana, mobiliti sosial golongan ini adalah agak rendah kerana dibatasi oleh status pekerjaan dan taraf pendidikan yang rendah. Maka, lingkungan hidup mereka lebih terbatas kepada institusi keluarga dan kawasan perumahan.

Tambahan lagi, di kawasan kejiranan golongan manual mahir, hubungan kejiranan biasanya adalah rapat. Hal ini demikian kerana, sikap saling bantu-membantu dan bergantung antara satu sama lain penting untuk mereka yang selalu kesempitan wang dan menghadapi pelbagai krisis. Menurut Gold (2002), Macionis dan Vincent (2016), kawasan kejiranan yang menghimpunkan kaum buruh, termasuk pekerja mahir dan separuh mahir, bersifat keseragaman, saling membantu dan bersatu padu. Penduduk sering mengunjungi tempat awam yang sama di kawasan perumahan dan aktif pula menyertai aktiviti komuniti. Oleh itu, kawasan kejiranan merupakan tempat berkenalan yang penting dalam kalangan responden pekerja manual mahir.

Mengenai pergantungan responden manual mahir terhadap bantuan kawan-kawan dan ahli keluarga dalam mengenali pasangan pula, hal ini demikian kerana lazimnya pekerja bidang perkhidmatan dan perkilangan bukan sahaja mempunyai status kerja yang rendah, tetapi taraf pendidikan yang rendah juga (Abdul Rahman Embong, 2011).

University of Malaya

Keadaan ini amat mengehadkan rangkaian sosial mereka. Dalam erti kata lain, jika dibandingkan dengan responden profesional dan responden kolar putih yang mempunyai lebih banyak peluang mengenali orang yang berbeza-beza latar belakangnya, maka pekerja manual mahir mempunyai jumlah kenalan yang lebih kecil, apatah lagi orang berlainan jantina yang sesuai dijadikan teman hidup. Oleh itu, pekerja manual mahir amat bergantung kepada bantuan kawan-kawan atau ahli keluarga untuk memperkenalkan calon berpotensi kepada diri mereka.

Ternyatalah bahawa faktor pekerjaan memberikan pengaruh besar terhadap cara mengenali pasangan dalam kalangan responden. Responden pekerja profesional paling suka mengenali pasangan di tempat belajar dan melalui laman sesawang. Responden pekerja kolar putih paling suka bertemu jodoh di tempat kerja dan melalui kemudahan yang wujud di bandar. Responden pekerja manual mahir pula, semasa mencari pasangan, paling bergantung kepada "sumber" dari kawasan perumahan, bantuan daripada kawan-kawan dan ahli keluarga.

4.5.1.3 Pendapatan

Terbuktilah bahawa faktor pendapatan responden mempunyai hubung kait yang rapat dengan cara mengenali pasangan mereka. Merujuk kepada Graf 4.12, kedua-dua golongan yang dikategorikan mengikut taraf pendapatan menunjukkan kecenderungan yang ketara dari segi cara mengenali pasangan[22].

[22] Pengecualian wujud dari segi cara mengenali pasangan dalam persatuan mengikut minat kerana perbezaan yang ketara tidak dapat dikesan antara dua golongan responden yang dibahagikan mengikut taraf pendapatan.

University of Malaya



Graf 4.12: Pendapatan Bulanan Responden dan Cara Mengenali Pasangan

Terlebih dahulu, ditinjau golongan responden yang berpendapatan RM4,001 dan ke atas. Golongan ini didapati lebih cenderung untuk mengenali pasangan di tempat belajar (42.9%) dibandingkan dengan golongan yang berpendapatan RM4,000 dan ke bawah (29.6%). Hal ini disebabkan oleh responden yang lebih tinggi taraf pendapatannya lazimnya mempunyai tempoh masa belajar yang lebih panjang, maka peluang untuk mereka berkenalan dan jatuh cinta dengan orang yang berkenan di tempat belajar turut meningkat. Dalam pasaran kerja perindustrian, ilmu dan kemahiran merupakan perkara yang amat diperlukan dan dihargai. Maka secara umumnya, pendapatan lumayan selalu diiringi dengan taraf pendidikan yang lebih tinggi. Hal ini juga disokong oleh Bidwell dan Mey (2000) dengan huraian mereka, "...*people with higher levels of education generally have jobs that pay more income and have more prestige than people with less education*. (p. 158)." Peningkatan taraf pendidikan pula terus menyumbang kepada tempoh masa belajar yang lebih panjang di tempat belajar. Berinteraksi dan bekerjasama

University of Malaya

sesama rakan sebaya yang berlainan jantina untuk jangka masa panjang, akan mendorong kepada wujudnya rasa kasih sayang sesama mereka.

Golongan berpendapatan tinggi juga didapati lebih suka mencari jodoh dengan menggunakan teknologi canggih, iaitu melalui laman sesawang. Terdapat 14.3% responden yang berpendapatan RM4,001 dan ke atas mengenali pasangan mereka melalui cara ini, kadar ini menurun kepada 11.2% dalam kalangan responden yang berpendapatan tidak melebihi RM4,000. Kecenderungan ini disebabkan oleh dua punca utama dan punca yang pertama ialah, responden berpendapatan tinggi lebih pandai menggunakan teknologi baharu untuk mendapatkan kemudahan dan keuntungan untuk diri mereka, termasuk dalam soal mencari jodoh. Punca yang kedua pula ialah, responden berpendapatan tinggi lebih berkemampuan untuk menanggung kos belanja yang mungkin wujud apabila menggunakan sesetengah perkhidmatan tertentu dalam laman sesawang untuk mendapatkan pasangan.

Terlebih dahulu dianalisis punca yang pertama. Taraf pendapatan seseorang banyak menentukan tahap penerimaannya terhadap nilai-nilai moden, teknologi dan idea yang baharu. Dengan adanya asas kewangan yang lebih kukuh, golongan berpendapatan tinggi mempunyai banyak peluang dan hak istimewa untuk mengenali dan mempelajari teknologi baharu, lalu menggunakannya untuk membawa kemudahan kepada diri mereka, contohnya mendapatkan jodoh melalui penggunaan laman sesawang. Hubungan positif antara taraf pendapatan dengan tahap penerimaan terhadap teknologi moden ini diperkukuhkan lagi oleh huraian Jain (1986) seperti yang berikut:

> "*...a majority of the respondents in the category of upper and middle income classes were more receptive to modern values ideas and various*

University of Malaya

> *devices of technology because money did not become a hinderance in these processes and hence the degree of less traditional values accepted by the respondents was also high*. (p. 228)."

Dilihat golongan berpendapatan rendah pula, disebabkan keadaan ekonomi yang kurang memuaskan, mereka lebih mengutamakan masalah asas dalam kehidupan, seperti masalah sara hidup dan perumahan. Maka, mereka kekurangan peluang dan minat untuk mengenali dan mempelajari teknologi baharu bagi memperoleh kemudahan dalam kehidupan. Justeru itu, cara mengenali pasangan melalui laman sesawang lebih cenderung berlaku dalam kalangan responden yang berpendapatan tinggi.

Mengenai punca yang kedua pula, pada masa kini, terdapat banyak laman sesawang menyediakan perkhidmatan kepada orang bujang untuk memperkenalkan jodoh kepada mereka, misalnya laman sesawang *myJodoh*, *Teman Hidupku* dan *Ikhtiar Jodoh Islam Malaysia*. Yaacob Harun (2014a) menyifatkan cara mengenali pasangan yang moden ini dengan kata-kata seperti yang berikut：

> "*A person could easily register himself/herself online with any of the specialized marriage agencies for the purpose, stating his/her personal attributes and also the expected attributes of the potential suitors. Upon matching the personal attributes of both parties, the agency would publish the details of the potential suitor on the net. The parties involved could get in touch with one another and if everything goes well, they would end up tying the knot*. (p.96)."

Perkhidmatan seperti itu ternyata bukan percuma tetapi mengenakan bayaran yang tertentu mengikut jenis dan kualiti perkhidmatan yang diperlukan. Dengan asas kewangan yang lebih mantap, golongan berpendapatan tinggi mempunyai kemampuan yang lebih besar untuk menggunakan cara mengenali pasangan ini. Hal ini mendapat

University of Malaya

sokongan daripada kajian Bidwell dan Mey (2000). Menurut mereka, perkhidmatan memperkenalkan jodoh lebih dialu-alukan oleh orang yang berpendapatan lumayan. Puncanya ialah, golongan ini banyak terikat dengan pekerjaan, sukar mempunyai aktiviti sosial yang aktif, dan yang paling penting ialah, mereka mampu menanggung kos belanja perkhidmatan yang dikenakan.

Selain itu, golongan yang lebih tinggi taraf pendapatannya juga menunjukkan kecenderungan untuk mengenali pasangan di tempat bersantai (14.3%) dibandingkan dengan golongan yang lebih rendah taraf pendapatannya (2.0%). Keadaan ini tidak sukar untuk difahami kerana dengan asas kewangan yang lebih mantap, responden berpendapatan tinggi lebih kerap menjalankan aktiviti di tempat bersantai, seperti tempat pelancongan, tempat makan, tempat bersukan dan sebagainya. Sebaliknya, bagi responden yang lebih rendah taraf pendapatannya pula, pendapatan mereka yang tidak seberapa banyak digunakan untuk menangani isu menyara diri dan perumahan, tetapi bukan digunakan untuk menikmati kehidupan yang selesa di tempat bersantai (Samruhaizad Samian dan rakan-rakan, 2014). Oleh itu, responden berpendapatan tinggi yang lebih kerap berada di tempat bersantai mempunyai kemungkinan yang lebih besar untuk menemui jodoh di tempat itu.

Melihat responden yang lebih rendah taraf pendapatannya pula, mereka juga menunjukkan kecenderungan yang jelas dari segi cara mengenali pasangan. Menurut Graf 4.12, golongan yang berpendapatan tidak melebihi RM4,000 lebih cenderung mengenali pasangan di tempat kerja (22.4%) berbanding dengan mereka yang berpendapatan RM4,001 dan ke atas (14.3%). Dalam pasaran perindustrian yang begitu mengutamakan ilmu dan kemahiran tenaga kerja, taraf pendapatan yang rendah

University of Malaya

biasanya diiringi dengan status pekerjaan dan taraf pendidikan yang rendah juga. Mempunyai taraf pendidikan yang minima dan status pekerjaan yang rendah bermakna, responden golongan berpendapatan rendah mengorbankan tempoh masa belajar yang lebih pendek di tempat belajar, sebaliknya memulakan kerjaya pada umur yang lebih muda dan mempunyai tempoh perkhidmatan yang lebih panjang di tempat kerja. Keadaan sebegini mendorong cinta di pejabat (*office love*) lebih cenderung berlaku dalam kalangan responden yang berpendapatan lebih rendah.

Selain itu, golongan berpendapatan lebih rendah juga lebih bergantung kepada cara mengenali pasangan yang bersifat tradisional, iaitu berkenalan di kawasan kejiranan (6.1%) dan melalui kenalan kawan dan ahli keluarga (27.6%). Pada kebiasaannya, responden yang lebih rendah taraf pendapatannya mempunyai sumber sosial yang lebih terhad dan rangkaian sosial yang lebih terbatas (Macionis & Vincent, 2016). Kekurangan tersebut menyebabkan golongan ini lebih bergantung kepada bantuan daripada komuniti sekeliling seperti ahli keluarga, jiran tetangga dan rakan-rakan. Hal ini dibuktikan benar dalam kajian Li (2002) yang menunjukkan bahawa disebabkan kerendahan kedudukan masyarakat dan kekurangan sumber sosial, golongan berpendapatan rendah seperti kaum buruh, lebih bergantung kepada bantuan daripada ahli keluarga, kawan-kawan dan jiran tetangga untuk menangani sesuatu perkara yang berlaku tanpa disangka.

Begitu juga dalam soal mengenali pasangan. Kekurangan yang dimiliki responden berpendapatan rendah, seperti mobiliti sosial yang rendah, lingkungan hidup yang terbatas dan jumlah kenalan yang kecil (Macionis & Vincent, 2016) terus menyumbang kepada tahap pergantungan mereka yang tinggi terhadap kenalan dari kawasan

University of Malaya

perumahan, bantuan daripada kawan-kawan dan ahli keluarga. Kajian Guo dan Huang (2015) secara tidak langsung juga menyokong dapatan hasil kajian ini. Menurut mereka, semakin tinggi tahap pendapatan sesuatu golongan, maka semakin rendah tahap pergantungan mereka terhadap cara mengenali pasangan melalui kenalan orang lain. Contoh kes responden pasangan kesembilan yang didapati dalam temu bual juga menunjukkan bahawa wujudnya hubung kait yang rapat antara taraf pendapatan rendah dengan cara mengenali pasangan yang bersifat tradisional.

Mengenali Bakal Suami Melalui Kenalan Kawan

"Responden isteri bagi pasangan kesembilan berpendidikan di peringkat SPM. Beliau bekerja di sebuah bengkel motosikal dan berpendapatan bulanan RM1,000. Suaminya berpendidikan setakat Penilaian Menengah Rendah (PMR) sahaja. Kerjanya adalah memasukkan makanan dan minuman ke dalam mesin layan diri dan memperbaikinya jika berlaku kerosakan. Gaji bulanannya lebih kurang RM1,300. Responden isteri mengakui bahawa lingkungan hidupnya adalah kecil. Setiap hari ia berulang alik di antara tempat kerja dan rumah. Selepas balik kerja, ia perlu membantu ibunya membuat kuih yang dijual di pasar malam bagi menambahkan sedikit pendapatan keluarga. "Saya tak banyak kawan. Ya la, lepas kerja terus balik rumah kan, banyak kerja kat rumah kena buat lagi ni, mana ada peluang nak keluar kan." Mujurnya, ia mengenali suaminya sekarang melalui kenalan rakan sekerja. Selepas dua tahun bercinta, mereka pun membina rumah tangga."

Boleh dirumuskan bahawa faktor pendapatan memberikan implikasi yang signifikan terhadap cara mengenali pasangan dalam kalangan responden. Golongan yang lebih tinggi taraf pendapatannya lebih cenderung menemui pasangan di tempat belajar, melalui laman sesawang dan di tempat bersantai. Di samping itu, golongan yang lebih rendah taraf pendapatannya pula, lebih gemar mengenali pasangan di tempat kerja dan melalui cara mengenali pasangan yang bersifat tradisional, iaitu berkenalan di kawasan perumahan dan diperkenalkan oleh kawan-kawan atau ahli keluarga.

University of Malaya

4.5.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh

Dalam kajian ini, faktor kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga dibuktikan kurang berperanan dalam menentukan bagaimana responden mengenali pasangan mereka (untuk perbincangan selanjutnya, sila rujuk kepada Lampiran C).

Dari segi kediaman, di bandar dewasa ini, demi menampung kehidupan, responden terpaksa keluar dari rumah untuk meningkatkan taraf pendidikan dan menceburkan diri dalam pasaran kerja. Akibatnya, lingkungan aktiviti mereka tidak lagi terbatas dalam kawasan perumahan sahaja, tetapi diperluaskan lagi ke tempat-tempat yang lain. Maka, pengaruh kediaman dalam cara mengenali pasangan telah menurun. Dilihat faktor kedudukan sosioekonomi keluarga pula, di bandar perindustrian, faktor yang lebih besar mempengaruhi kehidupan seseorang ialah pencapaiannya sendiri, tetapi bukan keadaan sosioekonomi keluarganya. Begitu juga dalam soal cara mengenali pasangan.

Sebagai rumusan, cara mengenali pasangan dalam kalangan responden kajian ini telah menunjukkan kepelbagaian. Terdapat tiga faktor sosioekonomi utama meninggalkan implikasi yang ketara terhadap kecenderungan dalam cara mengenali pasangan, iaitu pendidikan, pendapatan dan pekerjaan. Golongan responden yang lebih tinggi taraf pendidikan, status pekerjaan dan tahap pendapatannya lebih suka mengenali pasangan di tempat belajar atau melalui laman sesawang. Golongan yang lebih rendah taraf pendidikan, status pekerjaan dan tahap pendapatannya pula, lebih gemar mengenali pasangan di tempat kerja, di kawasan perumahan, diperkenalkan oleh kawan-kawan atau ahli keluarga.

University of Malaya

4.6 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Kriteria Memilih Pasangan

Kriteria memilih pasangan dalam kalangan responden telah mengalami peralihan yang signifikan dibandingkan dengan komuniti masyarakat Melayu tradisi. Pada zaman dahulu, perkahwinan diaturkan oleh ibu bapa dengan menjalinkan pertalian dengan keluarga sekufu agar dapat mengukuhkan status dan kedudukan keluarga dalam komuniti setempat (Djamour, 1965; Strange, 1976). Lantaran itu, dalam memilih bakal menantu, latar belakang keagamaan dan kedudukan sosioekonomi keluarganya sangat diutamakan. Sebaliknya, kriteria-kriteria individu sendiri kurang dititikberatkan, kecuali kemahiran kemandiriannya yang minima, iaitu menjalankan tugas dan peranan mengikut jantina.

Walau bagaimanapun, dalam masyarakat Kuala Lumpur hari ini, responden Melayu telah bebas daripada kawalan ibu bapa dan berhak untuk mencari pasangan atas kehendak sendiri. Kriteria memilih pasangan juga turut berubah seperti yang didapati dalam kajian ini. Menurut Graf 4.13, jelaslah bahawa semasa memilih pasangan, perhatian responden lebih tertumpu kepada kriteria-kriteria pada pasangan itu sendiri, sama ada dari segi keperibadian (86.0%), keimanan (78.5%), keadaan sosioekonomi, termasuk pekerjaan (68.2%), pendidikan (54.2%) dan pendapatan (39.3%) atau keadaan fizikal yang merangkumi rupa paras (45.8%), kesihatan (32.7%) dan umur (29.0%). Sebaliknya, kriteria tradisi yang dipentingkan dalam perkahwinan aturan ibu bapa, iaitu kedudukan sosioekonomi keluarga tidak begitu diutamakan lagi dalam perkahwinan atas dasar cinta. Hanya 11.2% responden mengakui diri mereka memberikan pertimbangan kepada kriteria itu semasa mencari jodoh.

University of Malaya



Graf 4.13: Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan oleh Responden

Sebenarnya, perubahan tersebut tidak sukar difahami. Tidak seperti perkahwinan aturan ibu bapa yang lebih bersifat perniagaan (Coltrane & Collins, 2001), dalam perkahwinan pilihan sendiri, yang paling diutamakan ialah rasa cinta dan keserasian antara dua orang yang terbabit. Lantaran itu, kriteria-kriteria calon potensi sendiri, seperti keperibadian, agama, status sosioekonomi dan keadaan fizikal amat dititikberatkan supaya menjamin rasa kasih sayang dan keserasian wujud sesama pasangan. Melihat kedudukan sosioekonomi keluarga pula, dalam masyarakat bandar perindustrian, peranannya dalam menentukan kedudukan sosial individu telah diambil alih oleh faktor pendidikan, pekerjaan dan pendapatan individu itu sendiri (Bidwell & Mey, 2000). Hal ini demikian kerana dengan adanya mobiliti sosial di bandar yang tinggi, individu boleh mengubah dan menentukan semula kedudukan sosial mereka (Li & Xu, 2004) melalui usaha dan pencapaian sendiri. Maka, semasa mencari pasangan, responden lebih menitikberatkan kriteria-kriteria calon potensi itu sendiri, tetapi bukan keadaan ekonomi keluarganya. Hal ini juga disokong oleh kajian Jonason, Li dan

University of Malaya

Madson (2011) yang menunjukkan bahawa muda-mudi bandar lebih cenderung mengikat hubungan cinta dengan individu yang mempunyai sumber ekonomi sendiri dibandingkan dengan mereka yang mewarisi sahaja harta pusaka daripada keluarga. Kajian Jia dan Feng (2013) terhadap 1,255 orang responden di Nanning, China juga membuktikan bahawa kepentingan kedudukan sosioekonomi keluarga dalam mencari pasangan telah menurun kerana faktor ini hanya menduduki tempat ke-19 antara 39 kriteria memilih pasangan yang diutamakan oleh responden.

Jika meninjau kriteria-kriteria memilih pasangan yang berfokus kepada calon itu sendiri, maka didapati beberapa kecenderungan yang ketara. Kecenderungan yang pertama ialah, keperibadian calon wujud sebagai kriteria yang paling diutamakan oleh responden dalam kajian ini. Situasi yang serupa juga dikesan dalam kajian Jia dan Feng (2013) terhadap 1,255 orang responden di China. Menurut mereka, kriteria keperibadian menduduki tempat yang pertama antara 39 kriteria memilih pasangan yang diutamakan. Pada hakikatnya, tidak sukar untuk difahami mengapa responden memberikan perhatian yang tinggi terhadap kriteria keperibadian pasangan. Dalam perkahwinan atas dasar cinta, kesesuaian dari segi keperibadian amat penting kerana faktor ini membantu untuk membentuk keharmonian dalam hubungan perkahwinan. Keutamaan orang Melayu terhadap keperibadian pasangan juga disokong oleh beberapa sarjana tempatan, seperti Azwein Zaidein (2011) serta Ang dan Lau (2013).

Kecenderungan yang kedua ialah, kriteria memilih pasangan yang dituntut mengikut ajaran agama Islam, iaitu keimanan masih menjadi panduan utama dalam pemilihan pasangan bagi responden Melayu bandar. Agama Islam berhubung kait rapat dengan adat resam, makan minum, bahkan cara hidup masyarakat Melayu (Ang & Lau,

University of Malaya

2013). Rasulullah S.A.W telah memberikan nasihat kepada umat Islam supaya menitikberatkan agama pasangan dalam mencari teman hidup. Menurut sabda Rasulullah S.A.W, seorang wanita dikahwini kerana empat perkara, yakni harta, kecantikan, akhlak dan agama, antaranya agama adalah yang paling diutamakan. Dalam memilih calon suami pula, nasihat Rasulullah S.A.W dalam Hadis riwayat al-Tirmizi berbunyi, "Apabila seorang yang kamu berkenan tentang keagamaan dan akhlaknya datang melamar maka kahwinkanlah dia (tiga kali). (Paizah Ismail, 2003, p. 39)." Keutamaan orang Melayu terhadap faktor agama pasangan juga dikesan oleh Azwein Zaidein (2011) dalam kajiannya di Muar, Johor. Menurutnya, kesamaan dan keteguhan pegangan agama ialah kriteria yang amat diutamakan oleh orang Melayu semasa memilih pasangan.

Kecenderungan yang ketiga ialah, keadaan ekonomi pasangan diberikan perhatian yang semakin serius, termasuk pekerjaan, pendidikan dan pendapatan. Ketiga-tiga faktor tersebut saling berhubungan dan bergantungan kerana pendidikan boleh menentukan tinggi rendah status pekerjaan seseorang, lalu mempengaruhi jumlah pendapatannya. Olson, DeFrain dan Skogrand (2013) juga membuktikan, peningkatan pendapatan datang seiring dengan peningkatan taraf pendidikan tanpa mengira jantina. Dalam masyarakat bandar yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas, keadaan ekonomi seseorang yang ditentukan oleh ketiga-tiga faktor tersebut amat mempengaruhi kesenangannya dalam kehidupan seharian, di samping menentukan kedudukannya dalam masyarakat seperti yang ditegaskan oleh Bidwell dan Mey (2000), "*occupation and income give some indication of social class* (p. 150)." Maka tidak hairanlah, di bandar raya seperti Kuala Lumpur yang semakin tinggi kos sara hidupnya, taraf

University of Malaya

pendidikan, status pekerjaan dan jumlah pendapatan pasangan amat dititikberatkan semasa responden mencari jodoh demi menjamin kelangsungan hidup keluarga yang bakal dibina dan mencipta masa depan keluarga yang lebih cerah.

Kecenderungan yang terakhir ialah, keadaan fizikal pasangan yang merangkumi rupa paras, umur dan kesihatan kurang dipentingkan semasa responden mencari jodoh. Buktinya, tidak sampai separuh daripada jumlah responden mengakui diri mereka mengutamakan ketiga-tiga kriteria tersebut semasa memilih pasangan. Umur dan kesihatan pasangan kurang dipentingkan mungkin kerana dengan adanya teknologi dan sains perubatan yang maju pada hari ini, kepanjangan usia dan jangka hayat lebih terjamin dan bukan lagi isu yang amat dikhuatiri. Mengenai kriteria rupa paras, yang menarik di sini ialah, dapatan dalam kalangan responden Melayu bandar bertentangan dengan apa yang didapati dalam masyarakat barat, iaitu tarikan fizikal memainkan peranan yang mustahak dalam pemilihan pasangan (Hatfield & Rapson, 2005; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013). Pada hakikatnya, responden Melayu kurang mengutamakan rupa paras pasangan berhubung kait rapat dengan ajaran Islam yang menekankan kecantikan dalaman. Rasulullah S.A.W dengan tegas melarang umat Islam berkahwin dengan seseorang semata-mata kerana tarikan fizikalnya. Hal ini demikian kerana kecantikan akan menjadikan mereka tidak bersyukur, malah boleh menyebabkan mereka menjadi kufur terhadap Allah S.W.T (Sulaiman Endut, 1999). Lantaran itu, semasa mencari pasangan, kecantikan dalaman pasangan, iaitu keimanan dan akhlak lebih diutamakan, tetapi bukan kecantikan luaran.

Apa yang menarik ialah, kajian ini mendapati bahawa antara responden suami dan isteri, wujudlah persamaan dan perbezaan dari segi kriteria memilih pasangan. Dilihat

University of Malaya

persamaan terlebih dahulu, data-data dalam Graf 4.14 menunjukkan bahawa keperibadian merupakan kriteria yang paling diutamakan sama ada bagi responden suami (84.8%) atau isteri (86.5%). Kedua-dua golongan ini juga memberikan keutamaan kepada kriteria keimanan sehingga kriteria ini menjadi kriteria yang kedua paling penting dalam kalangan responden suami (75.8%) dan kriteria yang ketiga paling penting dalam kalangan responden isteri (79.7%). Selain itu, tanpa mengira jantina, responden paling tidak mementingkan kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan. Hanya 6.1% responden suami dan 13.5% responden isteri mengakui diri mereka mempertimbangkan kriteria ini.



Graf 4.14: Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan oleh Responden Mengikut Jantina

Selain persamaan, terdapat juga perbezaan yang ketara wujud antara dua golongan tersebut. Yang pertama ialah, dibandingkan dengan responden isteri, responden suami

lebih mengutamakan kriteria-kriteria mengenai keadaan fizikal, seperti rupa paras, umur dan kesihatan. Antara kriteria-kriteria yang diutamakan oleh responden suami, rupa paras menduduki tempat keempat (63.6%), umur di tempat kelima (54.5%) dan kesihatan pula di tempat keenam (39.4%). Antara kriteria-kriteria yang dipentingkan oleh responden isteri pula, rupa paras menduduki tempat keenam (37.8%), kesihatan di tempat ketujuh (29.7%) dan umur pula di tempat kelapan (17.6%). Dapatan daripada data-data soal selidik ini juga disokong oleh contoh kes yang didapati semasa temu bual dijalankan.

Tertarik Hati dengan Rupa Isteri yang "Hitam Manis"

"Responden suami bagi pasangan yang pertama bekerja di syarikat insurans dan berpendapatan bulanan RM2,000. Ia mengakui dirinya amat mengutamakan rupa paras bakal isteri. "Ini memang *first choice I* cari *I* punya orang rumah, bukannya *I* tak suka yang putih tahu, tapi memang kalau putih selalunya *I* tak boleh bayang, kalau macam hitam manis ini *I* memang suka, dia tak ada pun *I* boleh nampak dia la," ujar suami berpanjang lebar."

Perbezaan kedua pula ialah, dibandingkan dengan responden suami, secara umumnya, responden isteri lebih mengambil berat tentang kriteria-kriteria yang berkaitan dengan status sosioekonomi pasangan kecuali kriteria pendidikan[23]. Antara kriteria-kriteria yang diutamakan oleh responden isteri, pekerjaan merupakan kriteria yang kedua paling penting (82.4%) dan pendapatan menduduki tempat yang keempat (50.0%). Antara kriteria-kriteria yang dipentingkan oleh responden suami pula, pekerjaan di tempat ketujuh (36.4%) dan pendapatan pula tempat kelapan (15.2%). Keutamaan responden isteri terhadap keadaan ekonomi pasangan boleh dikesan dengan

[23] Hanya kriteria pendidikan menunjukkan perbezaan, iaitu responden suami lebih mengutamakan kriteria ini. Hal ini mungkin kerana isteri yang berpendidikan tinggi dipercayai pandai mendidik anak-anak.

University of Malaya

ketara dalam contoh kes responden isteri bagi pasangan ketujuh seperti yang diberikan dalam bahagian yang berikut.

"Kalau Poket Tak Tegak, Susah Nak Bahagia juga."

"Responden isteri bagi pasangan ketujuh berkhidmat di syarikat *Mediquip Mobile*. Beliau menegaskan, kedudukan sosioekonomi suami adalah sangat penting kerana sebagai ketua keluarga, ia diwajibkan untuk menyara isteri dan anak-anak. "*Everyting* sekarang ada kos kan, *so* kedudukan ekonomi penting. Macam mana sekali pun *handsome*, cantik, kacak, segak, kalau poket itu tak tegak susah nak bahagia juga. Yang penting, dia mesti mempunyai kerjaya bagus, boleh nak tanggung kita. Kalau dia boleh belikan barang yang kita nak itu, kira tu dah mampu la kiranya kan. Disokong dengan sifat-sifat pada diri dia yang baik, yang berkualiti sebagai seorang lelaki, contohnya bertanggungjawab terhadap isteri. Maka, itulah yang sesuai jadi pasangan," ujar isteri berpanjang lebar."

Sememangnya, perbezaan dari segi kriteria memilih pasangan antara responden suami dan isteri adalah selaras dengan dapatan kajian di negara-negara barat, iaitu lelaki lebih menitikberatkan kemudaan dan tarikan fizikal perempuan, sedangkan perempuan lebih mengutamakan ciri-ciri sosioekonomi lelaki yang dapat menunjukkan potensinya untuk memperoleh kekayaan (South, 1991; Sprecher dan rakan-rakan, 1994; Medora dan rakan-rakan, 2002; Jonason dan rakan-rakan, 2011; Olson, DeFrain & Skogrand, 2013). Hal ini demikian kerana, menurut penjelasan dalam *Evolutionary Theory* (Teori Evolusi) dan *Parental Investment Theory*, proses evolusi telah menentukan tuntutan dan permintaan lelaki dan perempuan yang berbeza terhadap pasangan masing-masing supaya manusia mendapat teman hidup yang sesuai untuk terus bertahan dalam masyarakat yang penuh dengan cabaran.

Menurut kedua-dua teori tersebut, lelaki dan perempuan melaburkan sumber yang berbeza terhadap kelahiran waris. Lelaki lebih banyak melaburkan sumber seperti makanan dan perlindungan, manakala perempuan lebih banyak melaburkan sumber

University of Malaya

seperti nutrien badan sendiri. Maka, semasa mencari teman hidup, lelaki dan perempuan akan menilai pasangan dengan kriteria yang berlainan dan lebih cenderung untuk memilih calon yang mampu menyediakan sumber-sumber yang diperlukan. Perempuan lebih prihatin dengan kriteria-kriteria yang dikaitkan dengan sumber pemerolehan, termasuk status dan dominans, sedangkan lelaki lebih tertarik dengan kriteria-kriteria yang berkaitan dengan potensi pembiakan, seperti kecantikan, kemudaan dan kesihatan (Goode, 1991; Buss, 1998; Li & Xu, 2004; Strong dan rakan-rakan, 2014).

Boleh dikatakan bahawa kriteria memilih pasangan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur telah mengalami perubahan yang mendadak, iaitu keadaan calon sendiri lebih diutamakan, sedangkan kepentingan keadaan ekonomi keluarganya semakin menurun. Dalam bahagian yang seterusnya, akan dibincangkan pengaruh faktor-faktor sosioekonomi terhadap kriteria memilih pasangan dalam kalangan responden.

4.6.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Dalam kalangan responden kajian ini, didapati dua faktor sosioekonomi mempunyai hubungan rapat dengan kriteria-kriteria memilih pasangan, iaitu pendidikan dan pendapatan.

University of Malaya

4.6.1.1 Pendidikan

Faktor pendidikan dibuktikan memberikan implikasi yang ketara terhadap kriteria memilih pasangan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur. Dalam hal ini, implikasinya terhadap responden suami dan isteri menunjukkan perbezaan yang signifikan.



Graf 4.15: Taraf Pendidikan Responden Suami dan Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan

Merujuk kepada Graf 4.15, boleh didapati bahawa faktor pendidikan memberikan pengaruh yang ketara terhadap responden suami dalam mempertimbangkan keadaan fizikal pasangan dan keadaan sosioekonomi pasangan sendiri. Secara umumnya, responden suami yang berpendidikan lebih tinggi lebih mementingkan kriteria mengenai keadaan fizikal pasangan, seperti rupa paras (73.3%) dan umur (60.0%) dibandingkan dengan golongan berpendidikan lebih rendah yang hanya 55.6% responden mengutamakan rupa paras dan 50.0% responden menitikberatkan kriteria

University of Malaya

umur. Mengenai responden suami yang berpendidikan lebih rendah pula, pada umumnya, mereka jauh lebih prihatin terhadap keadaan sosioekonomi pasangan, termasuk pekerjaan (55.6%) dan pendapatan (22.2%) dibandingkan dengan golongan yang berpendidikan lebih tinggi apabila hanya 13.3% responden mengakui kepentingan pekerjaan dan 6.7% responden menitikberatkan pendapatan.

Terlebih dahulu, dilihat responden suami yang lebih tinggi taraf pendidikannya. Dalam pasaran kerja di bandar perindustrian yang memerlukan kemahiran profesional dan pencapaian akademik, taraf pendidikan tinggi menjadi syarat penting untuk mendapatkan kerja yang membawa pendapatan lumayan. Lantaran itu, responden suami yang mempunyai taraf pendidikan tinggi sebenarnya mempunyai harga diri yang lebih tinggi dalam pasaran perkahwinan. Mereka juga pandai menukarkan kelebihan dari segi pendidikan ini dengan kualiti yang bernilai tinggi yang ada pada golongan perempuan, iaitu kecantikan dan kemudaan. Hal ini juga dibuktikan benar dalam kajian South (1991) yang menunjukkan bahawa "*More-educated men are significantly less willing to marry...who are not attractive* (p. 933).".

Mengenai keadaan ekonomi pasangan sendiri yang secara umumnya lebih diutamakan oleh responden suami yang berpendidikan lebih rendah, hanya kriteria pendidikan sahaja menarik perhatian yang lebih besar daripada responden suami yang berpendidikan lebih tinggi. Terdapat 80.0% responden suami berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas mengambil berat tentang kriteria ini dan kadar ini menurun kepada 66.7% dalam kalangan responden yang berpendidikan di bawah diploma. Seperti diketahui, pendidikan berperanan penting dalam membentuk keperibadian, cita rasa, nilai norma dan gaya hidup seseorang. Golongan terpelajar memahami akan

University of Malaya

kepentingan pendidikan dalam mewujudkan kesesuaian antara suami dan isteri agar menjamin keharmonian dalam perkahwinan. Lantaran itu, responden suami yang lebih tinggi taraf pendidikannya lebih mengidamkan pasangan terpelajar yang memahami jiwa mereka, boleh berkomunikasi dengan mereka dalam peringkat rohani dan senang dibawa berbincang. Dapatan ini juga selaras dengan kajian Arum (2008) yang mengatakan bahawa golongan yang mempunyai diploma lebih cenderung terlibat dalam perkahwinan homogami dari segi pencapaian akademi, yakni berkahwin dengan graduan kolej juga.

Contoh kes yang didapati dalam temu bual turut menunjukkan bahawa wujudnya hubung kait rapat antara taraf pendidikan responden suami yang tinggi dengan keutamaan mereka terhadap kriteria pendidikan bakal isteri.

Lelaki Kelulusan Sarjana Memperisteri Perempuan Calon PhD

"Pasangan kelapan boleh dirujuk sebagai contoh kes. Keuda-dua suami isteri merupakan pensyarah di sebuah universiti tempatan. Suami mengajar matematik, manakala isteri mengajar kesenian Melayu. Suami mempunyai taraf pendidikan sarjana, manakala isteri sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD di luar negara. Semasa bercinta, isteri telah mula merancang ke luar negara untuk menyambung pelajaran. Ini bermakna, tidak lama setelah pasangan ini berkahwin, mereka akan terus berjauhan selama beberapa tahun. Walau bagaimanapun, responden suami tetap menyokong cita-cita teman wanitanya pada masa itu agar mendalami ilmu pengetahuannya. "Kedua-dua kami berjiwa akademik," ujar suami dengan bangganya. Beliau menambahkan lagi, semasa mencari jodoh, ia memang mementingkan taraf pendidikan pasangan, "Saya suka bidang akademik. Saya pun berharap pasangan hidup sekepala dengan saya, maksudnya suka dan ada ilmu pengetahuan, tak kira matematik, geografi atau apa bidang. Saya amat menghargai ilmu pengetahuan dan sayang pada ilmu, kalau nanti ada anak, saya pun berharap anak saya pandai." Pada masa kini, responden suami sedang merancang untuk menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi mengikut jejak isterinya."

Berikutnya, ditinjau responden suami yang lebih rendah taraf pendidikan pula, mereka didapati lebih mengutamakan kriteria pekerjaan dan pendapatan pasangan.

University of Malaya

Seperti diketahui, taraf pendidikan yang rendah mengehadkan peluang kerja golongan ini, lalu membatasi jumlah pendapatan mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka lebih prihatin terhadap keadaan ekonomi bakal isteri kerana mereka memerlukan bantuan dan kerjasama daripada pasangan dalam meringankan beban ekonomi dan menanggung sara hidup keluarga. Lelaki yang terpelajar tidak menghadapi masalah ini kerana dengan adanya pendidikan yang tinggi, mereka mempunyai peluang kerja yang lebih banyak dan mampu menyara keluarga dengan pendapatan yang lebih lumayan, maka perhatian mereka pun tidak begitu tertumpu kepada faktor pekerjaan dan pendapatan bakal isteri.

Mengenai keadaan fizikal pasangan yang pada umumnya lebih dititikberatkan oleh responden suami berpendidikan tinggi, hanya kriteria kesihatan sahaja berjaya menarik perhatian yang lebih tinggi daripada responden suami berpendidikan lebih rendah. Buktinya, terdapat 44.4% responden yang berpendidikan di bawah diploma mengatakan diri mereka mengambil berat tentang kriteria ini, dan kadar ini menurun kepada 33.3% dalam kalangan responden yang berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Situasi ini mungkin disebabkan oleh lelaki berpendidikan rendah lazimnya mempunyai sumber sosial yang lebih terhad, maka golongan ini cuba mengelakkan diri mereka daripada terperangkap dalam bebanan yang mungkin wujud jika pasangan selalu berada dalam keadaan yang kurang sihat. Sebaliknya, golongan ini lebih menginginkan isteri yang cergas dan penuh dengan tenaga agar membantu mereka dalam menyara keluarga.

Walaupun faktor pendidikan juga mempengaruhi responden suami dalam mempertimbangkan kriteria keperibadian, keimanan dan kedudukan sosioekonomi keluarga, namun pengaruhnya tidak begitu ketara. Responden suami yang berpendidikan lebih tinggi didapati lebih mengutamakan keperibadian (86.7%) dan

University of Malaya

kedudukan sosioekonomi keluarga (6.7%) pasangan. Hal ini demikian mungkin kerana golongan yang terpelajar lebih memahami kepentingan keserasian antara kedua-dua pihak yang terbabit dalam membentuk perkahwinan yang bahagia. Maka, mereka lebih berhati-hati dalam memilih pasangan dengan memberikan tekanan kepada kesesuaian dari segi keperibadian dan kedudukan sosioekonomi keluarga kedua-dua belah pihak (Li & Xu, 2004). Responden suami berpendidikan lebih rendah pula, didapati menaruh perhatian yang lebih tinggi akan keimanan pasangan (77.8%). Wujudnya kecenderungan tersebut berhubung kait dengan situasi iaitu taraf pendidikan tinggi meningkatkan tahap penerimaan terhadap idea, budaya dan nilai moden, di samping meninggikan kecenderungan untuk meninggalkan tradisi. Hal ini juga disokong oleh Jain (1986) dengan menegaskan, semakin tinggi taraf pendidikan seseorang, maka semakin tinggilah tahap pensekularan agama Islamnya.



Graf 4.16: Taraf Pendidikan Responden Isteri dan Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan

University of Malaya

Seterusnya, menganalisis pula pengaruh faktor pendidikan terhadap kriteria memilih pasangan dalam kalangan responden isteri. Menurut Graf 4.16, faktor pendidikan dibuktikan memberikan implikasi yang signifikan terhadap responden isteri dalam mempertimbangkan kriteria memilih pasangan. Buktinya, dua golongan responden isteri yang dikategorikan mengikut taraf pendidikan menunjukkan kecenderungan yang jelas berbeza terhadap beberapa kriteria memilih pasangan, iaitu keperibadian, keadaan sosioekonomi pasangan sendiri, keadaan fizikal dan kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan.

Meninjau responden isteri berpendidikan tinggi terlebih dahulu, sama seperti responden lelaki berpendidikan tinggi, mereka juga lebih mengutamakan keperibadian pasangan (89.5%) dibandingkan dengan responden isteri yang lebih rendah taraf pendidikannya (76.5%). Dalam masyarakat perindustrian yang mengutamakan ilmu dan kemahiran tenaga kerja, peningkatan taraf pendidikan responden isteri membantu dalam memperbaiki keadaan ekonomi mereka. Dengan keadaan sedemikian, responden isteri terpelajar lebih berdikari dari segi ekonomi (Wan Abdul Kadir, 1992; Yaacob Harun, 2014) dan kurang bergantung kepada suami untuk menyara diri. Oleh itu, "*the terms of bargaining* (Strong dan rakan-rakan, 2001, p. 220)" mereka dalam pasaran perkahwinan turut berubah. Maknanya, responden isteri berpendidikan tinggi bukan menginginkan pencari nafkah semata-mata tanpa memikirkan kriteria-kriteria yang lain, tetapi lebih mengharapkan bakal teman hidup serasi dengan mereka dari segi keperibadian dan membawa sumber emosi, afektif dan sifat mudah bergaul dalam perkahwinan (Safilios-Rothschild, 1976). Keutamaan responden isteri terpelajar terhadap kriteria keperibadian pasangan juga disokong oleh contoh kes responden isteri pasangan kedua.

University of Malaya

Berkenan dengan Keperibadian Bakal Suami yang Pragmatik

"Responden isteri bagi pasangan kedua mempunyai ijazah sarjana muda dan bekerja sebagai PTD di Kementerian Luar Negeri Malaysia. Beliau mengakui, semasa mencari pasangan, keperibadian ialah salah satu kriteria yang paling diutamakan. Ia mempercayai keserasian dari segi keperibadian akan membawa kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan rumah tangga yang bakal dibina. Semasa mengenali suaminya sekarang, responden isteri tertarik hati dengan keperibadiannya yang pragmatik kerana dirinya juga orang yang sederhana walaupun dibesarkan dalam keluarga yang berada. "Pragmatik tu, satu sifat bagus bagi orang lelaki yang bakal menjadi suami dan ketua keluarga. Kami memang serasi dalam hal ini sebab kedua-dua kami sangat *practical* pada pendapat saya. Ambil contoh beli barang, kami tak berkenan dengan barang mahal ke apa, asalkan ada fungsi dan kualiti. Kami juga tak suka bertukar-tukar hadiah kerana kami bukan orang yang romantik tetapi sangat pragmatik. *Anyway*, bila saya bersama dia, saya rasa selesa," ujar responden isteri dengan panjang lebar."

Namun begitu, bertentangan dengan hasil dapatan dalam kalangan responden suami, responden isteri berpendidikan lebih tinggi secara umumnya jauh lebih menitikberatkan keadaan sosioekonomi pasangan sendiri, seperti pendidikan (52.6%) dan pendapatan (54.4%) dibandingkan dengan responden isteri yang berpendidikan lebih rendah yang hanya 23.5% responden mengutamakan pendidikan dan 35.3% responden mementingkan pendapatan. Fenomena ini disebabkan oleh dua punca utama, yang pertama ialah, responden isteri terpelajar bersikap memilih dalam mencari pasangan dan cenderung menggunakan kelebihan mereka untuk menukarkan kriteria bernilai tinggi yang ada pada lelaki, iaitu kemampuan ekonomi; yang kedua ialah, dengan kedudukan sosioekonomi yang lebih elok, responden isteri terpelajar lebih berhati-hati dengan kesesuaian sesama pasangan dari segi keadaan ekonomi bagi menjamin kualiti dan kestabilan perkahwinan (Li & Xu, 2004).

Terlebih dahulu, dijelaskan punca yang pertama. Menurut dapatan kajian ini, pendidikan responden isteri mempunyai nilai yang setara dengan kecantikan fizikal mereka. Dalam erti kata lain, kriteria pendidikan perempuan juga merupakan kriteria

University of Malaya

yang diidamkan dalam pasaran perkahwinan. Maka, responden isteri yang mempunyai kelebihan dari segi pendidikan disambut baik dalam kalangan lelaki yang sedang mencari bakal isteri. Dengan adanya harga diri yang lebih tinggi, responden isteri terpelajar bersikap lebih memilih dalam mencari bakal suami (Mare, 1991), di samping lebih mengutamakan kriteria yang bernilai tinggi pada seorang lelaki, iaitu keadaan sosioekonominya yang merangkumi pendidikan dan pendapatan. Penemuan ini juga selaras dengan kajian South (1991) yang menegaskan, perempuan berpendidikan tinggi kurang berminat untuk berkahwin dengan lelaki yang taraf pendidikannya lebih rendah. Arum (2008) pula membuktikan, perempuan terpelajar lebih berminat kepada lelaki yang lebih lumayan pendapatannya, "*While women's elite college attendance was associated with marrying or cohabitating with a man with higher subsequent annual income*. (p. 114)."

Berikutnya, dijelaskan punca yang kedua. Dalam masyarakat Melayu, lelaki harus berperanan sebagai pembimbing dan pencari rezeki utama dalam keluarga, maka ilmu pengetahuan mereka harus lebih luas dan kedudukan kewangan mereka pula diharapkan lebih tinggi daripada kaum isteri. Jika kedudukan dominan suami dari aspek sosioekonomi dicabar oleh isteri, kestabilan dan kualiti perkahwinan mungkin akan terjejas (Banks, 1983; Yaacob Harun, 2014a). Oleh itu, golongan isteri berpendidikan tinggi yang lebih tinggi status sosioekonominya lebih berhati-hati dalam mempertimbangkan kriteria pendidikan dan pendapatan pasangan. Mereka cuba mengelakkan diri mereka daripada berkahwin dengan lelaki yang mempunyai tahap pendidikan atau pendapatan yang lebih rendah. Kajian Haslee Sharil Abdullah dan

University of Malaya

rakan-rakan (2011) juga mendapati golongan mahasiswi jelas berharap bakal pasangan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi daripada diri mereka.

Satu lagi perbezaan ketara daripada responden suami berpendidikan tinggi ialah, responden isteri terpelajar kurang memberikan perhatian terhadap kriteria keadaan fizikal pasangan, termasuk rupa paras (35.1%) dan umur (12.3%) jika dibandingkan dengan responden isteri yang berpendidikan lebih rendah. Perbincangan sebelumnya telah mendapati bahawa dalam pasaran perkahwinan responden Melayu Kuala Lumpur, keadaan fizikal lelaki tidak mempunyai nilai tinggi yang setaraf dengan nilai keadaan ekonomi mereka. Dengan tahap pendidikan yang lebih tinggi, responden isteri terpelajar lebih bersikap pragmatik dalam menimbangkan kriteria-kriteria memilih pasangan dengan mengetepikan kriteria yang kurang bernilai pada seorang lelaki, iaitu tarikan fizikalnya yang hanya sebagai kecantikan luaran. Mereka lebih memfokuskan kepada kriteria lelaki yang secara langsung berhubung kait dengan masa depan dan kualiti hidup rumah tangga yang bakal dibina, iaitu keadaan ekonomi lelaki yang merangkumi pendidikan dan pendapatan. Hal ini juga disokong oleh kajian South (1991), iaitu, "*...more-educated women are more willing...to marry someone younger and who is not good-looking, but they are less willing to marry someone with less education*... (p. 937)." Dapatan ini turut dibuktikan benar dalam contoh kes isteri responden bagi pasangan kelapan seperti yang diberikan dalam bahagian yang berikut.

"Dalam Muka Cantik Ada Tengkorak, Semua Orang Sama Sahaja."

"Responden isteri bagi pasangan kelapan ialah pensyarah di sebuah universiti tempatan. Semasa beliau menemui pasangan hidupnya sekarang, beliau telah berada dalam lingkungan umur hujung 20-an. Pada masa itu, beliau telah memperoleh ijazah sarjana dan sedang merancang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Apabila ditemu ramah, beliau meletakkan pendidikan, pekerjaan, keperibadian,

University of Malaya

keimanan dan kesihatan sebagai lima kriteria yang paling utama dan langsung tidak menyebut kriteria rupa paras. Apabila ditanyakan mengapa tidak mengutamakan rupa paras pasangan, beliau memberi jawapan, "Dalam muka yang cantik ada tengkorak, semua orang ada tengkorak, sama sahaja. Rupa paras pasangan yang *handsome* ialah '*bonu*s', kalau dapat lelaki yang rupa parasnya kurang pun tidak mengapa. Jangan menjadikan rupa paras satu perkara yang utama untuk kita mencari atau menerima pasangan. Yang penting itu ilmu dia dan kebolehan dia dalam menjalankan kehidupan.""

Melihat responden isteri yang berpendidikan lebih rendah pula, mereka didapati lebih mengutamakan keadaan fizikal pasangan, iaitu rupa paras (47.1%) dan umur (35.3%) dibandingkan dengan golongan isteri yang berpendidikan lebih tinggi. Oleh sebab taraf pendidikan yang rendah, responden isteri yang berpendidikan lebih rendah kekurangan daya saing dalam pasaran perkahwinan. Mereka tidak mampu untuk bersaing dengan responden isteri terpelajar yang lebih mementingkan kriteria-kriteria lelaki yang bernilai tinggi, iaitu keadaan sosioekonomi. Maka, responden isteri berpendidikan lebih rendah hanya boleh memberikan perhatian kepada kriteria-kriteria yang kurang penting pada seorang lelaki, iaitu keadaan fizikalnya.

Selain itu, responden isteri yang berpendidikan lebih rendah juga menaruh minat yang lebih tinggi akan kriteria pekerjaan (94.1%) dan kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan (29.4%). Kedua-dua kadar ini menurun dalam kalangan responden isteri yang berpendidikan tinggi, iaitu terdapat 78.9% responden mengutamakan kriteria pekerjaan, dan 8.8% responden mementingkan kriteria kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan. Responden isteri berpendidikan rendah lebih mengutamakan pekerjaan pasangan kerana golongan ini kekurangan daya saing dalam pasaran kerja. Kekurangan ini menyebabkan kemampuan mereka dalam merebut kekayaan juga rendah dan lebih bergantung kepada jaminan ekonomi daripada suami. Lantaran itu,

University of Malaya

mereka lebih mengharapkan bakal suami mempunyai kerja tetap yang sekurang-kurangnya boleh menyara keluarga. Pandangan ini boleh dibuktikan dalam contoh kes yang didapati semasa kerja lapangan dijalankan.

Mengharapkan Suami Menyara Keluarga kerana Diri Sendiri Kurang Berkemampuan

"Responden isteri bagi pasangan kesembilan berpendidikan di peringkat SPM. Beliau bekerja di sebuah bengkel motosikal dan mendapat RM1,000 pada setiap bulan. Suaminya berpendidikan setakat PMR sahaja. Kerjanya adalah memasukkan makanan dan minuman ke dalam mesin layan diri dan memperbaikinya jika berlaku kerosakan. Gaji bulanannya ialah RM1,300 sahaja. Isteri mengakui bahawa semasa mencari jodoh, kriteria pekerjaan ialah salah satu kriteria yang dikira penting, "Ya la, kerja tu penting la, duduk kat KL ni apa-apa pun perlukan duit kan. Janji dia ada kerja, tiap-tiap bulan ada gaji boleh la, boleh tanggung isteri dan anak-anak. Emmmm, setakat mana yang dia mampu la. Yang lain saya tak banyak pikir sebab saya pun tak pandai mana pun.""

Selain kriteria pekerjaan pasangan, kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan juga menjadi kriteria yang lebih diutamakan oleh golongan responden isteri yang berpendidikan lebih rendah. Mengikut konsep homogami, kebiasaannya seseorang akan berkahwin dengan pasangan yang setanding dengannya dari segi keadaan sosioekonomi (Olson, DeFrain & Skogrand, 2013; Knox & Schacht, 2015). Maka, suami kepada responden isteri berpendidikan rendah lazimnya mempunyai keadaan sosioekonomi yang kurang memuaskan juga. Oleh itu, mobiliti sosial golongan suami ini agak rendah dan sukar untuk mengubah kedudukan sosioekonomi diri mereka, sebaliknya lebih banyak dipengaruhi oleh kedudukan sosioekonomi keluarga. Maka, dalam kalangan responden isteri yang lebih rendah taraf pendidikannya, kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan juga menjadi kriteria yang tidak boleh diabaikan.

Selain mendapati beberapa kriteria memilih pasangan responden isteri yang dipengaruhi besar oleh faktor pendidikan, kajian ini juga mendapati dua kriteria yang

University of Malaya

kurang menerima pengaruh daripada faktor ini, iaitu keimanan dan kesihatan. Dalam masyarakat Melayu beragama Islam, suami bertanggungjawab untuk membimbing isteri dan anak-anak dari segi agama. Responden isteri sedar akan kepentingan ilmu agama dan keimanan suami dalam menjamin perjalanan kehidupan keluarga tanpa menunjukkan perbezaan yang signifikan mengikut taraf pendidikan. Walau bagaimanapun, jika dilihat dengan lebih teliti, responden isteri berpendidikan tinggi menaruh perhatian yang tinggi sedikit sahaja terhadap kriteria ini. Hal ini mungkin kerana, responden isteri yang lebih tinggi ilmu pengetahuannya mempunyai harapan yang lebih tinggi terhadap ilmu keagamaan bakal suami.

Mengenai kesihatan pula, seperti yang telah dinyatakan di atas, tidak dapat dinafikan bahawa kaum perempuan telah mempunyai keadaan sosioekonomi yang lebih baik berbanding dengan nenek moyang mereka dalam masyarakat tradisi. Namun begitu, disebabkan keadaan fizikal yang lebih lemah daripada lelaki, ditambahkan lagi dengan diskriminasi jantina dalam pasaran kerja (Giddens & Sutton, 2013), maka secara umumnya, dibandingkan dengan lelaki, perempuan masih lebih bergantung kepada jaminan kewangan daripada perkahwinan. Dalam hal ini, kesihatan suami merupakan jaminan kuat kepada sara hidup dan kualiti hidup rumah tangga yang bakal dibina. Oleh itu, kriteria kesihatan suami menarik perhatian kedua-dua golongan responden isteri yang dikategorikan mengikut taraf pendidikan tanpa menunjukkan perbezaan yang ketara

Sebagai kesimpulan, faktor pendidikan didapati berpengaruh besar terhadap kriteria-kriteria memilih pasangan responden Melayu Kuala Lumpur. Namun, pengaruhnya terhadap kriteria memilih pasangan responden suami dan isteri adalah jauh

University of Malaya

berbeza. Peningkatan pendidikan meningkatkan perhatian responden suami terhadap keadaan fizikal pasangan, iaitu rupa paras dan umur selain pendidikan. Dalam golongan responden isteri pula, peningkatan taraf pendidikan menambah minat mereka terhadap keperibadian dan keadaan sosioekonomi pasangan, iaitu pendidikan dan pendapatan.

4.6.1.2 Pendapatan

Faktor pendapatan juga dibuktikan memberikan implikasi yang ketara terhadap kriteria memilih pasangan dalam kalangan responden. Dalam hal ini, implikasinya terhadap responden suami dan isteri menunjukkan perbezaan yang signifikan.



Graf 4.17: Pendapatan Bulanan Responden Suami dan Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan

Merujuk kepada Graf 4.17, dalam dua golongan responden suami yang dikategorikan mengikut taraf pendapatan, kecenderungan yang berbeza dari segi kriteria memilih pasangan boleh dikesan dengan ketara. Antara sembilan kriteria tersebut,

University of Malaya

terdapat lima kriteria mendapatkan perhatian yang lebih tinggi daripada responden suami yang berpendapatan RM4,001 dan ke atas. Kelima-lima kriteria tersebut ialah kriteria yang bernilai tinggi yang terdapat pada kaum perempuan yang amat diidamkan oleh responden suami dalam kajian ini (merujuk kepada Graf 4.14), iaitu keperibadian (tempat yang pertama), pendidikan (tempat ketiga), rupa paras (tempat keempat), umur (tempat kelima) dan kesihatan (tempat keenam). Melihat responden suami berpendapatan RM4,000 dan ke bawah pula, mereka hanya memberikan perhatian yang lebih tinggi kepada empat kriteria. Selain keimanan (tempat kedua), tiga kriteria itu merupakan kriteria perempuan yang kurang diutamakan oleh responden suami dalam kajian ini, iaitu pekerjaan (tempat ketujuh), pendapatan (tempat kelapan) dan kedudukan sosioekonomi keluarga (tempat kesembilan).

Jelasnya, responden suami yang lebih tinggi tahap pendapatannya mempunyai syarat yang lebih ketat terhadap bakal teman hidup dibandingkan dengan mereka yang berpendapatan lebih rendah. Dapatan ini juga mendapat sokongan daripada kajian South (1991), iaitu sumber sosioekonomi, seperti pendapatan yang tinggi mungkin menyumbang kepada kriteria memilih pasangan yang lebih ketat, lebih-lebih lagi kepada golongan lelaki. Hal ini demikian kerana, pendapatan tinggi ialah kelebihan yang besar pada kaum lelaki dan membantu mereka memaksimumkan keuntungan yang diperoleh dalam pasaran perkahwinan seperti yang dihujahkan oleh South (1991), "*...exchange theory suggests that these resources are more important for men's bargaining power*...(p. 930)." Berikutnya, akan diterangkan bagaimanakah faktor

pendidikan membawa pengaruh yang begitu berbeza kepada kriteria memilih pasangan dalam golongan suami yang berpendapatan lebih tinggi dan yang berpendapatan lebih rendah.

Terlebih dahulu, dianalisis responden suami yang berpendapatan bulanan RM4,001 dan ke atas. Mereka didapati lebih menumpukan keperibadian pasangan (100.0%) berbanding dengan responden suami yang berpendapatan lebih rendah (83.9%). Memandangkan keadaan ekonomi yang lebih memuaskan, responden suami berpendapatan tinggi kurang bergantung kepada bantuan kewangan isteri dalam menampung perbelanjaan keluarga. Mereka lebih menginginkan teman hidup yang mempunyai keperibadian isteri misali berbanding kawan seperjuangan yang boleh mencari nafkah bersama-sama. Dengan memperisteri perempuan yang mempunyai keperibadian idaman, rumah tangga dan anak-anak boleh dijaga dengan baik, maka responden suami berpendapatan tinggi boleh berfokus kepada perkembangan kerjaya tanpa diganggu oleh masalah rumah tangga. Menurut hasil dapatan temu bual, keperibadian isteri misali yang diidamkan oleh responden suami berpendapatan tinggi termasuk, pandai meringankan tekanan kerja dan mental suami, pandai menghiburkan hati suami, bersikap sabar dan suka bertolak ansur, rajin menguruskan rumah tangga, pandai mendidik anak-anak dan menjaga orang tua.

Selain itu, kriteria pendidikan pasangan juga menarik perhatian yang lebih tinggi daripada responden suami berpendapatan RM4,001 dan ke atas (100.0%) berbanding dengan mereka yang berpendapatan tidak melebihi RM4,000 (71.0%). Pendidikan berperanan penting dalam membentuk keperibadian yang baik untuk menjamin kestabilan perkahwinan seperti yang dihujahkan oleh Baber (1953), "*Education*

University of Malaya

broadens the personality, makes for tolerance, and endows on with inner resources of culture that greatly facilitate the continuous process of adaptation which married life is sure to demand (p. 145).” Sudah terbukti dalam kajian ini, taraf pendidikan pasangan merupakan kriteria memilih pasangan yang amat diutamakan oleh responden, terutama sekali responden suami.

Dalam pasaran perkahwinan yang penuh persaingan, asas kewangan yang lebih mantap dimiliki responden suami berpendapatan tinggi merupakan kelebihan lelaki yang diidamkan oleh perempuan. Oleh itu, hal ini mendorong dan membolehkan pihak lelaki mengenakan syarat yang lebih ketat terhadap taraf pendidikan bakal isteri, iaitu ciri-ciri perempuan yang bernilai tinggi. Fenomena ini juga dibuktikan benar dalam kajian South (1991), iaitu semakin tinggi tahap pendapatan lelaki, maka semakin enggan ia berkahwin dengan perempuan yang berpendidikan rendah. Begitu juga sebaliknya, iaitu responden suami berpendapatan rendah lebih mudah menerima isteri yang lebih rendah taraf pendidikannya. Hal ini berlaku kerana, keadaan ekonomi yang tidak memuaskan menyebabkan mereka kurang upaya untuk bersaing dengan lelaki berpendapatan tinggi dalam memikat perempuan yang mempunyai kriteria bernilai tinggi, seperti taraf pendidikan tinggi. Penjelasan di atas mendapat sokongan daripada contoh kes responden suami bagi pasangan yang pertama seperti yang berikutnya.

Keadaan Ekonomi Kurang Baik Menyebabkan Lelaki Tidak Mencari Isteri Berpendidikan Tinggi kerana “Sedar Diri”

“Responden suami bagi pasangan pertama bekerja di syarikat insurans dan berpendapatan bulanan RM2,000. Apabila ditanyakan kriteria yang diidamkan pada pasangan, beliau mengakui bahawa ia mengharapkan bakal teman hidupnya mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Walau bagaimanapun, harapannya tidak tercapai akhirnya kerana dengan kata-katanya sendiri ialah, “sedar diri”. “Sebenarnya *I* nak cari pendidikan ni No. Satu la, tapi sebab gaji dan pendidikan *I* pun tak tinggi, *so I* pun

University of Malaya

malas nak cari tinggi-tinggi, mesti tak laku punya, hahahaha," ujar suami dengan gelak-gelak ketawa. Akhirnya, ia menemui isterinya sekarang yang berpendidikan setakat SPM di tempat kerja."

Kriteria yang bernilai tinggi pada kaum perempuan menurut Teori Evolusi, iaitu tarikan fizikal juga lebih dipentingkan oleh responden suami berpendapatan tinggi. Buktinya, dalam kalangan responden suami yang berpendapatan bulanan RM4,001 dan ke atas, terdapat 100.0% responden mengutamakan rupa paras dan umur, di samping 50.0% responden pula mengutamakan kesihatan. Ketiga-tiga peratusan tersebut jatuh mendadak dalam kalangan responden suami berpendapatan lebih rendah, iaitu rupa paras (61.3%), umur (51.6%) dan kesihatan (38.7%). Keadaan ini boleh dijelaskan dari sudut pandangan Teori Evolusi yang menunjukkan bahawa sepanjang proses evolusi, telah dibentuk pembahagian tugas yang berbeza antara lelaki dan perempuan serta tuntutan mereka yang berlainan pada pasangan.

Proses pemilihan pasangan wujud sejak permulaan tamadun manusia lagi. Dalam proses mencari pasangan, orang zaman batu telah menunjukkan kecenderungan yang jelas mengikut jantina. Kaum lelaki didapati lebih berminat kepada perempuan yang mempunyai buah dada besar, bibir tebal dan nisbah pinggang dengan punggung yang lebih besar. Hal ini demikian kerana ciri-ciri tersebut merujuk kepada potensi reproduktif perempuan yang tinggi. Di samping itu, perempuan lebih suka akan lelaki yang mampu menyediakan makanan dan baju yang cukup selain tempat perlindungan. Hal ini demikian kerana, dengan keadaan fizikal yang lebih lemah, kaum perempuan sukar untuk menyediakan keperluan tersebut kecuali bergantung kepada lelaki.

Kecenderungan yang berbeza antara lelaki dan perempuan dari segi kriteria memilih pasangan yang dibentuk sepanjang proses evolusi masih relevan dalam

University of Malaya

masyarakat zaman ini. Lelaki dan perempuan masih menilai bakal pasangan mengikut "*male defined traits*" dan "*female defined traits*" seperti yang dinyatakan oleh Furnham, Tan dan MaManus (1997), iaitu lelaki lebih suka akan perempuan yang lebih muda daripada diri mereka, mempunyai buah dada yang lebih besar, dan nisbah pinggang dengan punggung yang lebih besar. Oleh sebab, ciri-ciri seperti itu menunjukkan kesihatan yang baik, kemampuan pembiakan dan kesuburan yang tinggi. Perempuan pula, lebih menginginkan lelaki yang bercita-cita tinggi, berjaya, mempunyai kerja yang stabil dan jujur dalam hubungan cinta. Oleh hal yang demikian, keadaan ekonomi responden suami berpendapatan tinggi yang lebih memuaskan merupakan kelebihan besar yang boleh digunakan untuk bertukar dengan "*female defined traits*" yang diidamkan oleh kaum lelaki, iaitu kemudaan, kecantikan dan kesihatan perempuan. South (1991) juga menyifatkan fenomena yang sama dalam masyarakat A.S., iaitu:

> "*...men more than women attempt to use their earnings to strike a better bargain in the marriage market. Specifically, the slop for earnings is significantly more negative (or less positive) among men for willingness to marry a mate who is younger or older (even though the coefficients themselves in the male sample are not significant), previously married, with children, and not good-looking*. (p. 937)."

Berikutnya, ditinjau responden suami yang berpendapatan tidak melebihi RM4,000 pula, mereka didapati menaruh perhatian yang lebih tinggi akan kriteria keimanan pasangan (77.4%) dibandingkan dengan golongan yang berpendapatan sebanyak RM4,001 dan ke atas (50.0%). Wujudnya kecenderungan ini disebabkan oleh tahap pensekularan agama Islam berhubungan rapat dengan tahap sosioekonomi seseorang. Pada kebiasaannya, golongan berpendapatan rendah lebih cenderung menjaga dan

University of Malaya

mengekalkan amalan tradisi yang sedia ada dan enggan menerima perubahan baharu. Lantaran itu, dalam kalangan responden suami berpendapatan lebih rendah, pegangan dan kepatuhan kepada agama Islam amat diutamakan dan disanjung tinggi. Dalam kalangan responden suami yang lebih tinggi taraf pendapatannya pula, tahap pemodenan mereka turut meningkat kerana wang tidak menjadi halangan kepada golongan ini untuk mengenali dan menerima nilai dan idea moden. Tahap pemodenan yang tinggi pula menyumbang kepada peningkatan tahap pensekularan agama Islam. Jain (1986) menyifatkan keadaan yang sama dalam masyarakat muslim di Jaipur, India, dengan huraian seperti yang berikut:

> "*Among modernized persons, often a tendency is found against religious practices...They do not believe in supremacy of the one particular religion over others...Therefore, we can say that religion does not serve as a guide line for the behaviour of those respondents who have high degree of modernization*. (p. 229)."

Selain itu, responden suami berpendapatan rendah juga didapati lebih mengutamakan keadaan sosioekonomi pasangan sendiri, iaitu pekerjaan (38.7%) dan pendapatan (16.1%). Dalam masyarakat perindustrian, seiring dengan peningkatan kos sara hidup, jumlah keluarga dwi-pendapatan semakin bertambah (Howard dan rakan-rakan, 1987; Giddens & Sutton, 2013; Macionis & Vincent, 2016). Dalam erti kata lain, peranan perempuan dalam menampung sara hidup keluarga tidak dapat diabaikan lagi, hakikatnya peranan mereka dalam hal ini semakin menonjol dan

University of Malaya

semakin menarik perhatian responden suami, khususnya mereka yang kurang kukuh asas kewangannya. Dengan pendapatan sendiri yang tidak seberapa, responden suami yang berpendapatan rendah lebih memikirkan persoalan bagaimana menghadapi kehidupan, seperti kos hidup harian dan perumahan (Abdul Rahman Embong, 2011). Maka, tahap keperluan dan tahap pergantungan mereka terhadap bantuan dan sokongan ekonomi daripada pasangan untuk bersama-sama menyara keluarga juga lebih tinggi.

Begitu juga dengan kriteria kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan, golongan suami berpendapatan RM4,000 dan ke bawah (6.5%) didapati lebih mengutamakan kriteria ini berbanding dengan responden suami berpendapatan RM4,001 dan ke atas. Hal ini mungkin kerana, responden suami yang kurang sumber ekonominya mempunyai rangkaian dan mobiliti sosial yang agak terbatas. Lantaran itu, mereka sukar untuk mengubah dan memperbaiki kedudukan sosioekonomi diri mereka dengan usaha dan pencapaian sendiri. Dalam hal ini, kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan mungkin menjadi peluang kepada mereka untuk memperbaiki, bahkan menaikkan kedudukan sosioekonomi diri mereka. Seterusnya, dibincangkan pengaruh faktor pendapatan terhadap kriteria memilih pasangan responden isteri.

University of Malaya



Graf 4.18: Pendapatan Bulanan Responden Isteri dan Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan

Data-data dalam Graf 4.18 menunjukkan bahawa faktor pendapatan membawa implikasi yang signifikan kepada kriteria memilih pasangan dalam dua golongan responden isteri yang dibahagikan mengikut taraf pendapatan. Yang menarik di sini ialah, antara sembilan kriteria memilih pasangan, hanya kriteria keperibadian dan pendidikan menarik perhatian yang jauh lebih tinggi daripada responden isteri yang berpendapatan lebih tinggi. Lima kriteria yang lain, iaitu pekerjaan, pendapatan, umur, kesihatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga jelas menarik perhatian yang lebih tinggi daripada responden isteri yang berpendapatan lebih rendah. Dua kriteria lagi, iaitu keimanan dan rupa paras pula mendapat perhatian yang lebih kurang sama sahaja daripada dua golongan tersebut. Hal ini bermakna, dibandingkan dengan responden suami berpendapatan tinggi, responden isteri berpendapatan tinggi kurang menggunakan kelebihan dari segi ekonomi untuk mengetatkan syarat terhadap bakal

University of Malaya

suami dalam memilih pasangan. Dapatan ini juga selaras dengan huraian South (1991) dalam masyarakat A.S., iaitu "*men more than women attempt to use their earnings to strike a better bargain in the marriage market*. (p. 937)".

Jika diselidik asal usul perbezaan ini, maka tuntutan lelaki dan perempuan terhadap pasangan yang jauh berbeza cita rasa menjadi puncanya. Seperti yang telah dinyatakan di atas, menurut Teori Evolusi, lelaki menginginkan perempuan yang mempunyai kelebihan dari segi keadaan fizikal, contohnya cantik, muda dan sihat. Seiring dengan peningkatan kos sara hidup di bandar, kemampuan isteri untuk meraih kekayaan dam pasaran kerja mula menarik perhatian lelaki. Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa dalam kalangan responden suami, dibandingkan dengan tarikan fizikal, faktor pendapatan isteri masih merupakan kriteria yang kurang menarik perhatian. Buktinya, menurut Graf 4.14, responden suami hanya meletakkan kriteria pendapatan pasangan pada tempat kelapan berbanding dengan rupa paras (tempat keempat), umur (tempat kelima) dan kesihatan (tempat keenam). Lantaran itu, tidak seperti apa yang berlaku dalam kalangan responden suami, pendapatan tinggi responden isteri bukan kelebihan utama yang boleh digunakan untuk memaksimumkan keuntungan mereka dalam pasaran perkahwinan.

Berikutnya, akan dianalisis bagaimana faktor pendapatan mempengaruhi kriteria memilih pasangan dalam dua golongan responden isteri yang dikategorikan mengikut taraf pendapatan. Terlebih dahulu, dilihat responden isteri yang berpendapatan RM4,001 dan ke atas, pandangan mereka sama seperti responden suami yang lebih tinggi pendapatannya, iaitu mereka juga lebih mengutamakan keperibadian pasangan (100.0%) dibandingkan dengan responden isteri yang berpendapatan lebih rendah (85.5%).

University of Malaya

Sebenarnya, fenomena ini tidak sukar untuk difahami. Dalam pasaran kerja perindustrian, pendapatan pekerja lazimnya berkorelasi positif dengan sumbangan mereka kepada pihak majikan, pengorbanan masa dan tenaga mereka dalam urusan kerja. Maka, untuk memperoleh pendapatan yang lebih lumayan, responden isteri berpendapatan tinggi perlu berkorban masa dan tenaga yang lebih banyak demi meningkatkan pencapaian kerjaya dan daya saing diri mereka dalam pasaran tenaga buruh. Hal ini jelas membatasi dan mengurangkan perhatian, masa dan tenaga mereka terhadap urusan rumah tangga yang sekian lama dianggap sebagai lingkungan kerja isteri (Giddens & Sutton, 2013).

Lantaran itu, golongan isteri yang lebih tinggi pendapatannya mengharapkan pasangan mereka mempunyai keperibadian suami misali. Hasil temu bual menunjukkan bahawa, keperibadian suami yang diidamkan oleh isteri berpendapatan tinggi termasuk, penyayang, memahami, menyokong, bertolak-ansur dan boleh dibawa berbincang. Suami yang mempunyai keperibadian seperti itu akan sentiasa menyokong cita-cita pasangan, memahami tekanan dan kesibukan mereka, bersikap bertolak-ansur apabila mereka tidak dapat menunaikan tugas sebagai isteri dan ibu dengan sepenuhnya, tidak cerewet dan tidak mencaci jika mereka kekurangan masa untuk menguruskan rumah tangga. Kepentingan serasi dari segi keperibadian suami isteri juga diakui oleh Yaacob Harun (2014a) dalam kajiannya terhadap pasangan Melayu berkerjaya di bandar. Menurutnya, dalam keluarga dwi-kerjaya, tahap persefahaman yang tinggi antara suami isteri amat diperlukan agar menangani bersama pelbagai isu, termasuk isu-isu yang berhubungan dengan kepentingan keluarga.

University of Malaya

Selain keperibadian, pendidikan juga menjadi kriteria yang jauh lebih diutamakan oleh responden isteri yang berpendapatan lebih tinggi (80.0%) berbanding dengan responden yang lebih rendah taraf pendapatannya (43.5%). Sudah diketahui secara umum bahawa pendapatan lumayan seseorang sering dikaitkan dengan tahap pendidikan yang tinggi (Bidwell & Mey, 2000). Disebabkan dipengaruhi oleh konsep homogami, maka golongan berpendidikan tinggi lebih cenderung mencari pasangan yang mempunyai taraf pendidikan setanding dengan mereka (Cherlin, 1999; Arum, 2008). Lantaran itu, kriteria pendidikan bakal suami menjadi kriteria yang dititik beratkan oleh responden isteri berpendapatan tinggi semasa mereka mencari pasangan. Sebenarnya, keutamaan responden isteri berpendapatan tinggi terhadap kriteria pendidikan dan kriteria keperibadian pasangan adalah saling berkaitan kerana menurut Lv (2015), orang yang terpelajar biasanya mempunyai keperibadian yang baik juga.

Berikutnya, dianalisis responden isteri yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM4,000. Secara umumnya, mereka didapati jauh lebih mementingkan kriteria-kriteria mengenai keadaan sosioekonomi pasangan sendiri, iaitu pekerjaan (84.1%) dan pendapatan (50.7%) berbanding dengan responden isteri berpendapatan lebih tinggi yang hanya 60.0% responden mempertimbangkan kriteria pekerjaan dan 40.0% responden mengutamakan kriteria pendapatan. Dalam masyarakat bandar, faktor pekerjaan dan pendapatan bukan sahaja memainkan peranan penting dalam membentuk ciri-ciri demografi penduduk tetapi berpengaruh besar dalam menentukan kualiti dan gaya hidup mereka (Bidwell & Mey, 2000). Dalam hal ini, disebabkan responden isteri berpendapatan rendah mempunyai sumber ekonomi yang agak terhad, maka mereka lebih bergantung kepada kemampuan ekonomi suami untuk menampung kos belanja

University of Malaya

keluarga dan menyara anak-anak yang bakal dilahirkan. Oleh itu, sama ada pasangan mempunyai kerja dan memperoleh pendapatan stabil menjadi dua syarat penting semasa mereka mencari pasangan. Hasil dapatan kajian ini juga disokong oleh South (1991) dengan menunjukkan bahawa kemiskinan menyebabkan isteri berpendapatan rendah enggan berkahwin dengan lelaki yang keadaan ekonominya kurang memuaskan.

Perkara yang sama juga didapati dari segi kriteria kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan, iaitu dibandingkan dengan responden isteri berpendapatan lebih tinggi, mereka yang lebih rendah pendapatannya (14.5%) menaruh perhatian yang lebih besar terhadap kriteria ini. Dalam masyarakat bandar, keadaan sosioekonomi seseorang yang kurang memuaskan akan mengakibatkan status sosialnya tidak tinggi kerana "*There is very little opportunity for up-ward mobility*... (Leslie & Korman, 1985, p. 238)." Maka, responden isteri berpendapatan rendah agak sukar untuk mengubah dan memperbaiki kedudukan sosioekonomi dengan usaha dan pencapaian sendiri (Giddens & Sutton, 2013). Lantaran itu, mereka bukan sahaja menaruh harapan yang lebih tinggi kepada kemampuan ekonomi suami, tetapi kedudukan sosioekonomi keluarga suami agar berpeluang untuk memperbaiki status sosial diri mereka. Bagi responden isteri berpendapatan tinggi pula, memandangkan kemampuan mereka untuk meraih kekayaan adalah tinggi, maka mereka lebih yakin dengan kemampuan sendiri dan bakal suami dalam mencipta masa depan keluarga yang lebih cerah, dan kurang menitikberatkan kedudukan sosioekonomi keluarga suami. Dapatan ini juga selaras dengan contoh kes responden isteri bagi pasangan kedua belas yang diberikan berikutnya.

University of Malaya

Kurang Mengutamakan Kedudukan Sosioekonomi Keluarga Suami kerana Lebih Yakin dengan Kemampuan Suami dan Diri Sendiri

"Responden isteri bagi pasangan kedua belas ialah pensyarah di Universiti Kuala Lumpur Business School (UNiKL) cawangan Gurney, pendapatan bulanannya lebih kurang RM6,000. Suami pula pegawai kerja tinggi di UNiKL kampus utama, pendapatan bulanannya RM5,000. Isteri mendapat ijazah sarjana dari UiTM cawangan Melaka, manakala suami memperoleh ijazah sarjana muda dari UiTM Shah Alam.

Isteri mengatakan dirinya tidak pernah menyoal kedudukan kewangan keluarga suami semasa mereka bercinta, "Kalau saya kahwin, saya tak kan tanya *parents* dia macam mana, kalau *parents* dia kerja kampung pun, saya tak tanya kerja kampung dia dapat berapa? Ada kebun ke? Ada durian ke? Kalau dia cakap kerja kampung, okay, *stop* dekat situ sahaja." Isteri tambahkan lagi, "Kalau cari yang nak dijadikan suami, sebenarnya bukan kedudukan kewangan keluarga dia, tetapi kerjaya dia sendiri. Dengan adanya kerja bagus, kami suami isteri boleh sama-sama usahakan masa depan keluarga kami, tak ada masalah." Isteri mengakui, sampai sekarang beliau masih tidak tahu jumlah pendapatan ibu bapa mertua kerana ia berasa tidak sopan untuk bertanya perkara-perkara peribadi seperti itu. Isteri menegaskan lagi pendirian dirinya dengan berpanjang lebar, "Bapanya Datuk pun anaknya tak semestinya dapat kerja bagus, itu tak boleh pakai sekarang. Yang pentingnya macam mana *we face the reality*, macam mana *we develope ourselves*, macam mana *we be someone have our own ways*, asalkan tak menyusahkan orang.""

Selain itu, secara umumnya, kriteria keadaan fizikal pasangan juga menarik perhatian yang jelas lebih tinggi daripada responden isteri yang berpendapatan lebih rendah, iaitu kesihatan (31.9%) dan umur (18.8%). Punca kepada fenomena ini ialah, isteri yang keadaan sosioekonominya kurang baik lebih menginginkan suami muda dan sihat yang lebih bertenaga dalam mencari rezeki. Menurut Macionis dan Vincent (2016), golongan penduduk berpendapatan rendah sering berada dalam keadaan yang tidak terjamin disebabkan oleh berlakunya pengangguran, menghidap penyakit, kemalangan dan sebagainya. Dalam hal ini, kesihatan dan kemudaan usia pencari nafkah utama dalam keluarga boleh membantu dalam menjamin sumber ekonomi yang lebih stabil yang boleh digunakan untuk menangani pelbagai krisis yang tidak disangka. Oleh sebab itu, kedua-dua kriteria tersebut merupakan kriteria yang lebih dikehendaki oleh responden isteri berpendapatan rendah.

University of Malaya

Selain tujuh kriteria memilih pasangan yang dipengaruhi dengan signifikan oleh faktor pendapatan responden isteri, terdapat juga dua kriteria yang kurang menerima implikasi daripada faktor ini kerana hanya terdapat perbezaan yang minima sahaja dikesan antara kedua-dua golongan responden isteri yang dikategorikan mengikut tahap pendapatan. Kriteria yang pertama ialah keimanan. Didapati peratusan responden isteri berpendapatan tinggi (80.0%) yang mementingkan kriteria ini tinggi sedikit sahaja daripada mereka yang berpendapatan rendah (79.7%). Begitu juga dengan kriteria rupa paras, dibandingkan dengan golongan berpendapatan rendah (37.7%), golongan berpendapatan tinggi (40.0%) menunjukkan minat yang lebih tinggi sedikit terhadap kriteria ini. Walau bagaimanapun, punca-puncanya perlu dianalisis dengan lebih mendalam dalam kajian yang akan datang.

Boleh dirumuskan bahawa faktor pendapatan responden membawa pengaruh besar kepada kriteria-kriteria memilih pasangan mereka. Namun begitu, implikasinya dalam kalangan responden suami dan isteri jauh berbeza. Taraf pendapatan yang lebih tinggi memaksimumkan keuntungan responden suami dalam pasaran perkahwinan dengan cara mengetatkan syarat mereka terhadap pasangan, iaitu menginginkan pasangan yang mempunyai kelebihan dari segi keperibadian, pendidikan dan keadaan fizikal yang merangkumi umur, rupa paras dan kesihatan. Walau bagaimanapun, peningkatan pendapatan jelas tidak menjadi kelebihan besar kepada responden isteri untuk mengetatkan syarat mereka terhadap pasangan. Hal ini demikian kerana pendapatan perempuan yang besar bukan kriteria yang sangat diidamkan oleh lelaki kalau berbanding dengan tarikan fizikal mereka. Maka, responden isteri berpendapatan tinggi

University of Malaya

hanya menunjukkan perhatian yang jelas lebih tinggi terhadap dua kriteria sahaja yang dimiliki oleh kaum lelaki, iaitu keperibadian dan pendidikan.

4.6.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh

Menurut kajian ini, pengaruh faktor pekerjaan, kedudukan sosioekonomi keluarga dan kediaman kurang dikesan dalam kriteria memilih pasangan responden Melayu Kuala Lumpur (untuk perbincangan selanjutnya, sila rujuk kepada Lampiran C).

Kedudukan sosioekonomi keluarga dan kediaman kurang berpengaruh dalam hal ini kerana dalam masyarakat bandar, faktor-faktor mengenai sosioekonomi keluarga semakin kehilangan implikasinya dalam kehidupan muda-mudi, begitu juga dengan kriteria-kriteria memilih pasangan. Walau bagaimanapun, mengapa status pekerjaan kurang berkaitan dengan kriteria memilih pasangan perlu dikupas dengan lebih terperinci dalam kajian yang akan datang.

4.6.3 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor sosioekonomi responden, iaitu pendidikan dan pendapatan telah membawa perubahan yang signifikan terhadap kriteria-kriteria memilih pasangan mereka. Walau bagaimanapun, pengaruh unsur-unsur sosiobudaya yang merangkumi agama Islam dan nilai-nilai Melayu masih dapat dikesan dengan jelas dalam hal ini. Buktinya, menurut Graf 4.19, konsep sekufu yang sejak dahulu lagi ditegaskan oleh agama Islam dan nilai Melayu tetap diutamakan oleh responden Melayu semasa mereka mencari jodoh. Biarpun begitu, sekufu antara suami isteri responden bukan sahaja menumpukan kepada kriteria latar belakang agama dan

University of Malaya

kedudukan sosioekonomi kedua-dua keluarga, iaitu dua kriteria yang diutamakan dalam perkahwinan aturan ibu bapa, tetapi juga turut memfokuskan kepada kriteria-kriteria pasangan itu sendiri.



Graf 4.19: Kriteria Memilih Pasangan yang Diutamakan dari Segi Sekufu

Graf 4.19 menunjukkan bahawa dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, persamaan dari segi agama (92.5%) dan kedudukan sosioekonomi keluarga (65.4%) masih diutamakan. Di samping itu, responden juga memberikan penghargaan yang tinggi kepada sekufu dari segi sifat-sifat yang dimiliki suami isteri sendiri, antaranya, keperibadian (87.9%), pekerjaan (78.5%), pendapatan (63.6%), pendidikan (57.0%), rupa paras (48.6%) dan umur (43.9%). Sebenarnya, konsep sekufu bukan sekadar diutamakan tetapi diamalkan oleh responden kajian ini. Didapati bahawa kesemua 107 responden Melayu berkahwin dengan pasangan Melayu yang beragama Islam. Selain itu,

University of Malaya

terdapat 75.7% pasangan mempunyai status pekerjaan[24] yang sama, 65.4% pasangan datang dari keluarga yang setaraf kedudukan sosioekonominya[25], 57.1% pasangan berada dalam lingkungan pendapatan[26] yang serupa dan 47.7% pasangan mempunyai tahap pendidikan[27] yang sama.

Dapatan ini dikukuhkan lagi oleh kajian-kajian sarjana tempatan. Menurut kajian Azwein Zaidein (2011) terhadap mereka yang menghadiri kursus Pra Perkahwinan di Muar, Johor, terdapat 48.8% responden menyatakan mereka mengutamakan sekufu dalam pendidikan, lagi 11.3% responden mengakui mereka sangat menitikberatkan keserasian dalam kriteria ini. Selain itu, terdapat 57.5% responden bersetuju dengan sekufu dari segi taraf ekonomi kedua-dua keluarga, lagi 28.8% responden sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Zamali Tarmudi dan rakan-rakan (2014) pula menegaskan, sekufu adalah antara faktor yang mempengaruhi orang Melayu dalam pemilihan pasangan hidup.

Dari segi agama Islam, sekufu atau kafa'ah dalam bahasa Arab membawa maksud persamaan di antara suami isteri dari aspek keadaan hidup. Menurut Wahbah Al-Zuhayli (1985), para ulama mempunyai pandangan yang berbeza-beza berkaitan dengan kriteria yang perlu ada dalam sekufu. Jumhur ulama berpendapat bahawa kriteria agama, keturunan, merdeka, iaitu bukan hamba serta pekerjaan termasuk dalam skop sekufu. Mazhab Hanafi dan Hambali menambahkan lagi kriteria harta. Mazhab Maliki pula menegaskan bahawa sekufu merangkumi aspek agama dan tiada kecacatan tubuh badan sahaja. Dalam hal ini, bukan sahaja kaum lelaki yang menduduki kedudukan dominan

[24] Empat status pekerjaan merujuk kepada pekerjaan profesional, perniagaan sendiri, pekerjaan kolar putih dan pekerjaan manual mahir.

[25] Kedudukan sosioekonomi keluarga dibahagikan kepada enam lingkungan mengikut pendapatan bulanan, iaitu ≤RM3,000, RM3,001-5,000, RM5,001-10,000, RM10,001-15,000, RM15,001-20,000 dan RM20,001 dan ke atas.

[26] Tujuh lingkungan pendapatan bulanan merujuk kepada ≤RM1,000, RM1,001-2,000, RM2,001-3,000, RM3,001-4,000, RM4,001-RM6,000, RM6,001-8,000 dan RM8,001-10,000.

[27] Tujuh tahap pendidikan merangkumi sekolah rendah, SPM, STPM, diploma, sarjana muda, sarjana dan PhD.

University of Malaya

dalam masyarakat berhak untuk mencari isteri yang sekufu, kaum perempuan pun berhak untuk memilih bakal suami yang sepadan dengan mereka, bukan sahaja dari segi beragama tetapi juga keturunan, rupa paras, harta benda dan sebagainya (Paizah Ismail, 2003).

Dari segi nilai norma Melayu tradisi pula, peribahasa Melayu seperti "seperti cincin dengan permata" dan "seperti pinang dibelah dua" menunjukkan kepentingan sekufu dalam mencari jodoh. Masyarakat Melayu tidak menggalakkan perkahwinan antara dua orang yang berlainan taraf dan keturunan seperti dicerminkan dalam peribahasa "burung pipit sama enggang, mana boleh sama terbang". Peribahasa ini menyampaikan sesuatu nasihat kepada individu yang dilamun cinta supaya tidak "melupakan diri" dan bersikap lebih realistik untuk memilih jodoh yang lebih sepadan dengan dirinya (Wan Abdul Halim Othman, 1993). Hal ini demikian kerana, keadaan yang jauh berbeza antara pasangan, sama ada dari segi harta kekayaan (pekerjaan, taraf pendidikan dan taraf kedudukan keluarga) atau dari segi keturunan (kesihatan, bangsa dan keturunan) (Zamali Tarmudi dan rakan-rakan, 2014) mungkin menjadi punca yang boleh membawa keretakan hubungan cinta atau keruntuhan rumah tangga.

Pada hakikatnya, sama ada dari segi agama Islam atau nilai-nilai Melayu, sekufu dituntut atas beberapa sebab yang penting. Yang pertama ialah, sekufu antara suami isteri dari aspek sosial bertujuan untuk menjaga taraf kehidupan dan kesesuaian antara mereka berdua ('Adil Abdul Mun'im Abu Al-'Abbas, 2011); yang kedua, sekufu memastikan keamanan dan kebahagiaan rumah tangga yang bakal dibentuk; yang ketiga, sekufu memelihara hubungan kekeluargaan antara kedua-dua belah pihak suami dan juga isteri; dan yang terakhir, sekufu menjamin keselamatan bagi perempuan daripada

University of Malaya

kegagalan serta kepincangan dalam rumah tangga (Wahbah Al-Zuhayli, 1985; Sayyid Sabiq, 1990). Berikutnya, dihuraikan tiga contoh kes menarik untuk menunjukkan pengaruh dan kepentingan konsep sekufu dalam pencarian jodoh dalam kalangan responden. Contoh kes yang pertama menekankan kepentingan sekufu dalam pendapatan suami isteri. Contoh kes kedua bukan sahaja menekankan keutamaan sekufu dalam keadaan pasangan sendiri tetapi keadaan kedua-dua buah keluarga yang terbabit. Contoh kes ketiga pula, membuktikan bahawa jika sekufu tidak dapat dicapai, maka berkemungkinan besar akan timbul masalah dalam rumah tangga, bahkan menggugat sebuah perkahwinan.

Sekufu dari Segi Pendapatan Diutamakan kerana Penting dalam Membentuk Perkahwinan Sihat

"Responden isteri bagi pasangan kesepuluh bekerja di Menara TM. Jumlah pendapatan bulanannya ialah RM2,000. Suaminya ialah rakan sekerjanya di TM. Pendapatannya pula sama sahaja dengan responden isteri. Apabila ditemu ramah, responden isteri menekankan kepentingan sekufu dari segi keadaan sosioekonomi pasangan demi membahagiakan hubungan perkahwinan dan kehidupan rumah tangga. Beliau menjelaskan pendiriannya dengan lebih lanjut lagi, "Dia (pendapatan suami dan isteri) penting dari segi memastikan pasangan itu sekufu la. Sebab kalau terlampau berbeza pun tak sihat pada pendapat saya. Tapi asalkan dari segi ekonomi agak sama, saya rasa okay.""

Pasangan Rasa Dijodohkan untuk Bertemu kerana Sekufu dari Pelbagai Aspek, termasuk Latar Belakang Keluarga

"Bapa kepada responden isteri bagi pasangan kedua ialah pegawai tinggi di bank, manakala ibunya guru sejarah di sekolah menengah. Bapa suami pula seorang PTD dan pernah menjadi setia usaha di kerajaan Melaka. Ibunya pegawai kanan di Putrajaya. Rumah kediaman keluarga kedua-dua belah pihak terletak di kawasan perumahan banglo yang sama di Petaling Jaya. Rumah keluarga isteri yang berharga RM3 juta berada di seksyen tiga, manakala rumah keluarga suami yang bernilai RM1.5 juta pula terletak di kawasan seksyen empat. Namun begitu, kedua-dua keluarga ini tidak saling mengenali sehingga suami dan isteri bertemu di tempat kerja.

Selepas berkenalan enam bulan, keluarga suami telah datang ke rumah isteri untuk melamar. Isteri mengakui bahawa mereka mengambil keputusan untuk membina masjid dalam masa yang begitu singkat kerana mereka berdua memang serasi dan sekufu.

University of Malaya

Pasangan ini mendapati terdapat banyak persamaan bukan sahaja melibatkan mereka berdua, tetapi kedua-dua keluarga. Contohnya, mereka ialah jiran dan tinggal di kawasan perumahan yang sama. Selain itu, isteri mendapat ijazah sarjana muda di sebuah universiti di Bristol, Britain. Suami pada masa kanak-kanak juga pernah belajar di Bristol kerana dibawa oleh ayahnya yang bekerja di sana untuk beberapa tahun. Yang menarik ialah, suami pernah belajar di sekolah yang sama dengan bapa isteri, iaitu *The Royal Military College*, Malaysia. "*So* kami rasa memang dijodohkan untuk bertemu, tapi masa kita dewasa la," ujar isteri dalam senyuman manis."

Cinta antara Dua Darjat Terperangkap dalam Dilema

"Responden isteri bagi pasangan ketujuh datang dari keluarga yang biasa sahaja. Bapanya pemandu kereta di sebuah syarikat swasta, ibunya pegawai kerajaan. Ibu bapa isteri tinggal dalam rumah dua tingkat yang dibina di atas tanah milik sendiri yang terletak di pinggir bandar. Suami pula datang dari keluarga yang sangat berada. Bapanya bergelar Datuk kerana kejayaannya dalam bidang perniagaan. Ibunya pula pegawai kerajaan yang telah bersara. Ibu bapa suami tinggal di banglo yang berlokasi di pusat bandar.

Responden isteri sedang menghadapi tekanan yang besar kerana ibu bapanya sangat tidak suka akan cara hidup menantu yang sudah biasa dengan kehidupan senang. Ibu isteri menyesal dengan perkahwinan anak perempuannya yang bersifat cinta antara dua darjat, "Kalau kita nak kahwin, tak dapat anak orang kaya, tak dapat anak Datuk pun tak apa. Bila dapat anak-anak orang kaya ni, kadang-kadang hati kita sakit," ibu responden mengeluh. Beliau mengambil satu contoh, iaitu pada satu hari cuti, anak perempuan dan menantu datang ke rumah mereka dan tinggal di sini untuk beberapa hari. "Bila orang senang ni bangun pukul 11, pukul 12, kita ni orang tua dah bangun awal pagi, tengok menantu tak bangun lagi. Pintu rezeki kan buka pagi-pagi macam itu kan. Suami saya memang tak boleh terima sebab dia ni lewat sangat bangun, lepas tu pasang *aircon* sampai ke siang. Saya kata, 'tak apa, kita guna *reverse psychology*'. Maksudnya, pagi-pagi suami saya cuci kereta menantu dia, rupanya tiga hari turut-turut suami saya cuci, menantu tak hairan. Saya cakap dengan anak saya, 'Ah long, Ah long macam ni ke dekat rumah mak mertua, pak mertua, macam ni ke, dah biasa ke?' Anak saya pula cakap, 'Mak, tak payah la cakap, diam, diam la.'" "

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa walaupun kriteria memilih pasangan responden telah mengalami perubahan signifikan disebabkan oleh perubahan faktor-faktor sosioekonomi di bandar, namun agama Islam dan nilai-nilai Melayu masih dipentingkan dalam hal ini dengan menekankan kepentingan sekufu sesama suami isteri.

University of Malaya

Sebagai kesimpulan, kriteria memilih pasangan responden kajian ini telah menunjukkan perubahan drastik, iaitu kepentingan kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan digantikan oleh kriteria-kriteria pasangan itu sendiri, seperti keperibadian, keimanan, keadaan sosioekonomi sendiri dan keadaan fizikal. Faktor pendidikan dan pendapatan responden didapati membawa pengaruh yang besar terhadap kriteria-kriteria memilih pasangan. Namun begitu, pengaruh dua faktor tersebut terhadap responden suami dan isteri adalah berbeza. Bagi responden suami, peningkatan taraf pendidikan dan tahap pendapatan memberikan kelebihan kepada mereka untuk mencari pasangan yang lebih baik keperibadiannya, lebih cantik dan lebih terpelajar. Bagi responden isteri pula, peningkatan pendidikan tetap menambah bonus mereka untuk mencari suami yang lebih baik keperibadiannya dan lebih tinggi kedudukan sosioekonominya. Namun begitu, peningkatan pendapatan jelas tidak menjadi kelebihan besar kepada responden isteri untuk mengetatkan syarat terhadap pasangan, sebaliknya menyebabkan mereka hanya menunjukkan perhatian yang jelas lebih tinggi terhadap dua kriteria sahaja, iaitu keperibadian dan pendidikan. Walaupun faktor-faktor sosioekonomi responden telah menyebabkan perubahan besar dalam kriteria-kriteria memilih pasangan, namun ajaran agama Islam dan nilai-nilai Melayu didapati masih berpengaruh dalam hal ini kerana kebanyakan responden tetap mengutamakan dan mengamalkan konsep sekufu semasa mencari jodoh.

4.7 Rumusan

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini, boleh dirumuskan bahawa diakibatkan oleh proses pembandaran yang berlaku dengan begitu rancak, faktor-faktor sosioekonomi

University of Malaya

orang Melayu bandar telah dilanda perubahan yang signifikan, termasuk faktor pendidikan, pekerjaan, pendapatan, tempat kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Perubahan faktor-faktor tersebut pula didapati berhubung kait rapat dengan perubahan yang berlaku dalam pemilihan pasangan responden Melayu Kuala Lumpur.

Antara perubahan-perubahan dalam pemilihan pasangan responden kajian ini termasuk, umur perkahwinan pertama meningkat, kuasa dalam memilih pasangan semakin besar, cara mengenali pasangan menunjukkan kepelbagaian dan kriteria memilih pasangan pula lebih tertumpu kepada sifat-sifat pasangan sendiri. Dalam hal ini, peningkatan taraf pendidikan dan status pekerjaan mengakibatkan berlaku fenomena lambat berkahwin sama ada dalam kalangan responden suami atau isteri. Peningkatan pendapatan turut memberikan kesan terhadap umur perkahwinan responden dengan menangguhkan perkahwinan responden isteri, tetapi menggalakkan responden suami berkahwin dengan lebih awal. Mengenai peningkatan kuasa responden dalam memilih pasangan, peningkatan taraf pendidikan, pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga menjadi punca-punca utama. Selain itu, faktor pendidikan, pekerjaan dan pendapatan responden didapati berperanan besar dalam menentukan cara mengenali pasangan mereka. Berkenaan dengan kriteria memilih pasangan pula, faktor pendidikan dan pendapatan responden memberikan kesan yang ketara terhadap syarat-syarat mereka dalam mencari jodoh. Ringkasnya, dalam pemilihan pasangan responden, faktor-faktor sosioekonomi yang terus berkaitan dengan keadaan sosioekonomi responden sendiri lebih berperanan penting, iaitu pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Sebaliknya, faktor-faktor sosioekonomi yang berkaitan dengan keadaan sosioekonomi

University of Malaya

keluarga responden, iaitu kedudukan sosioekonomi keluarga dan kediaman kurang memberikan pengaruh dalam hal ini.

Walaupun pemilihan pasangan responden telah mengalami banyak perubahan disebabkan oleh perubahan faktor-faktor sosioekonomi di bandar, namun unsur-unsur sosiobudaya masih berperanan penting dalam soal ini. Dipengaruhi oleh tuntutan agama Islam, nilai-nilai Melayu dan budaya kolektivisme, responden masih mengutamakan pandangan ibu bapa dalam pemilihan pasangan dan soal perkahwinan mereka. Dari segi kriteria-kriteria memilih pasangan, keimanan tetap merupakan kriteria yang diutamakan, sedangkan kecantikan kurang dipentingkan kerana ajaran agama Islam lebih menegaskan kecantikan dalaman dan bukan kecantikan luaran. Selain itu, dengan pengaruh agama Islam dan nilai-nilai Melayu, responden juga masih berpegang teguh kepada konsep sekufu semasa mencari pasangan.

Dalam masyarakat Melayu yang beragama Islam, perkahwinan merupakan sesuatu perkara yang termaterai melalui proses keagamaan (Amran Kasimin, 2002). Maka, majlis perkahwinan wajib diadakan untuk mengumumkan penyatuan pengantin baharu dan mengelakkan salah faham yang tidak diingini. Dalam pengendalian majlis perkahwinan, pemberian perkahwinan dan pelaksanaan majlis perkahwinan merupakan dua perkara yang amat penting dalam menjayakan sesebuah majlis. Tidak dapat dinafikan, dalam masyarakat bandar di banyak negara, dua perkara tersebut telah menunjukkan perubahan yang signifikan akibat proses pembandaran. Maka, dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, timbul persoalan apakah perubahan yang telah berlaku dalam dua perkara itu? Faktor-faktor sosioekonomi yang manakah lebih meninggalkan kesan dalam perubahan yang telah berlaku itu? Untuk memberikan

University of Malaya

jawapan yang lebih teliti, perbincangan yang berikutnya akan dijalankan dalam dua bab, iaitu Bab 5 menganalisis pemberian perkahwinan dan Bab 6 membincangkan pelaksanaan majlis perkahwinan.

University of Malaya

BAB 5: IMPAK FAKTOR-FAKTOR SOSIOEKONOMI ORANG MELAYU BANDAR TERHADAP PEMBERIAN PERKAHWINAN

5.1 Pendahuluan

Pemberian perkahwinan merupakan amalan yang sudah lama diamalkan dalam kebanyakan budaya tradisi di dunia. Terdapat pelbagai tafsiran diberikan terhadap pemberian perkahwinan sama ada bersifat mas kahwin, ganti rugi, *dowry*, pembayaran menggunakan wang ataupun benda. Setiap pemberian perkahwinan penting untuk dipenuhi agar sesuatu perkahwinan itu boleh dilangsungkan (Saidatul Nornis Mahali, 2014). Dalam masyarakat Melayu, pemberian perkahwinan terikat kepada dua keadaan, iaitu hukum syarak yang dikuatkuasakan melalui Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri dan juga adat resam masyarakat setempat. Kesan daripada itu, lahirnya dua amalan dalam perkahwinan masyarakat Melayu, iaitu mahar dan hantaran (Raihanah Azahari dan rakan-rakan, 2009). Mahar atau mas kahwin ialah perkara utama dalam perkahwinan muslim kerana merupakan harta yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya di sisi agama Islam. Pemberian hantaran yang merangkumi wang hantaran dan barang hantaran pula, ialah adat Melayu yang diwarisi secara turun-temurun.

Dalam bahagian yang berikut, akan dibincangkan pemberian perkahwinan dalam kalangan responden dari tiga aspek utama, iaitu mas kahwin, wang hantaran dan barang hantaran. Perbincangan akan difokuskan pada dua isu utama dan yang pertama ialah, apakah perubahan yang telah berlaku dalam pemberian perkahwinan responden Melayu

University of Malaya

Kuala Lumpur akibat proses pembandaran; kedua ialah, apakah faktor sosioekonomi yang lebih menyumbang kepada perubahan tersebut.

5.2 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Mas Kahwin

Agama Islam tidak menetapkan kadar mas kahwin. Semua perkara yang boleh dinamakan sebagai harta atau yang boleh ditukarkan dengan harta boleh menjadi mas kahwin sama ada sedikit atau banyak, tunai ataupun hutang atau perkara-perkara yang boleh memberikan manfaat seperti sejadah, duit seribu ringgit, rumah atau mengajar kemahiran dan sebagainya (Jainal Sakiban, 2012, p. 64-65). Di Malaysia, demi memberikan panduan kepada bakal suami, jabatan agama Islam setiap negeri telah menetapkan kadar mas kahwin yang minima (Sulaiman Endut, 1999; Paizah Ismail, 2003; Azman Ab. Rahman & Zahari Mahad Musa, 2006). Maknanya, pihak lelaki boleh memberikan jumlah mas kahwin lebih daripada kadar yang dicadangkan, tetapi tidak boleh kurang daripada jumlah tersebut (Zurita Mohd Yusff, 2008).

Dalam masyarakat Melayu tradisi, untuk mengahwini seorang perempuan, penduduk kampung membayar mas kahwin mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh undang-undang agama negeri masing-masing. Sebagai contoh, RM24 di Negeri Sembilan, RM32 di Kelantan, RM24 di Kedah dan RM22.5 di Singapura (Swift, 1965; Firth, 1966; Kuchiba & Tsubouchi, 1966; Djamour, 1965). Pada zaman sekarang, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.1, kebanyakan negeri masih menetapkan kadar mas kahwin yang minima sebagai garis panduan kepada pengantin yang ingin membina rumah tangga. Di Kuala Lumpur, kadar mas kahwin yang ditentukan untuk anak dara ialah RM80, untuk janda pula ialah RM40.

University of Malaya

Jadual 5.1: Kadar Mas Kahwin yang Ditetapkan oleh Jabatan Agama Setiap Negeri[1]

Negeri	Janda (RM)	Anak Dara (RM)
Johor	22.5	22.5
Melaka	40	40
Negeri Sembilan	12	24
Selangor	300	300
Kuala Lumpur	40	80
Perak	101	101
Pulau Pinang	24	24
Kedah	Tidak Ditetapkan	
Perlis	Tidak Ditetapkan	
Pahang	22.5	22.5
Terengganu	Tidak Ditetapkan	
Kelantan	Tidak Ditetapkan	
Sabah	80	100
Sarawak	120	120
Labuan	80	80

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati satu trend menarik sedang berlaku dalam pembayaran mas kahwin responden Melayu Kuala Lumpur. Menurut Carta 5.1, walaupun kebanyakan pasangan pengantin, iaitu 72.0% pasangan masih mengikut kadar mas kahwin yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama Islam di Kuala Lumpur, namun semakin banyak pasangan sehingga 28.0% daripada pasangan responden mengenakan jumlah mas kahwin mengikut kehendak sendiri sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan. Data-data soal selidik dan temu bual menunjukkan bahawa jumlah dan bentuk mas kahwin yang ditentukan oleh responden sendiri adalah berbagai-bagai, seperti RM200, RM1,111, RM520, RM1,525, sepuluh dirham perak, satu dinar emas dan gelang emas.

[1] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, http://www.islam.gov.my

University of Malaya



Carta 5.1: Kadar Mas Kahwin dalam Kalangan Responden

Dalam bahagian yang berikut, akan diteliti apakah faktor-faktor sosioekonomi yang memberikan kesan kepada perubahan pembayaran mas kahwin yang telah berlaku dalam kalangan responden kajian ini.

5.2.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat dua faktor sosioekonomi yang berkait rapat dengan perubahan pemberian mas kahwin responden, iaitu faktor pendidikan dan pendapatan.

5.2.1.1 Pendidikan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, faktor pendidikan bakal pengantin bukan faktor yang mempengaruhi kadar mas kahwin. Hal ini demikian kerana, orang Melayu yang majoritinya mengendalikan kerja pertanian pada masa itu adalah buta huruf yang tidak pernah menerima pendidikan formal. Namun begitu, dalam masyarakat bandar masa kini, pendidikan telah menjadi faktor penting yang mempengaruhi segala aspek

University of Malaya

kehidupan, misalnya pencapaian kerja, pembentukan keluarga, urusan perkahwinan dan sebagainya. Dalam kajian ini, faktor pendidikan didapati mempunyai hubung kait yang rapat dengan pemberian mas kahwin responden Melayu Kuala Lumpur seperti yang ditunjukkan dalam Graf 5.1.



Graf 5.1: Taraf Pendidikan Responden dan Kadar Mas Kahwin

Didapati bahawa terdapat 77.1% responden berpendidikan di bawah peringkat diploma mempersetujui kadar mas kahwin yang ditetapkan oleh jabatan agama Islam negeri, dan kadar ini menurun kepada 69.4% dalam kalangan responden berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Pada masa yang sama, hanya 22.9% responden yang berpendidikan lebih rendah menentukan kadar mas kahwin mengikut kehendak sendiri, dan kadar ini meningkat dengan ketara dalam kalangan responden yang berpendidikan lebih tinggi, yakni 30.6%. Jelasnya, faktor pendidikan memberikan kesan yang signifikan kepada pemberian mas kahwin dalam golongan responden kajian ini, iaitu semakin tinggi taraf pendidikan seseorang, maka semakin cenderung ia menetapkan kadar dan bentuk mas kahwin atas kehendak sendiri.

University of Malaya

Hal ini wujud berpunca daripada dua sebab utama. Pertama, peningkatan pendidikan memberikan rangsangan kepada individu agar mereka lebih berani mencuba perkara yang baharu tanpa terikat dengan peraturan yang sedia ada. Limanonda (1982) menunjukkan bahawa taraf pendidikan yang lebih tinggi membuka minda seseorang dengan memberikannya sikap dan kemahiran yang lebih moden, di samping mendedahkannya kepada perkara yang baharu. Jain (1986) pula menegaskan dalam kajiannya, pendidikan meningkatkan tahap penerimaan amalan, fenomena dan nilai-norma yang baharu, di samping mendorong penghapusan amalan tradisi. Menurutnya, "*As the level of education of the respondents increase the degree of acceptance of the non-traditional values also increases, which shows the inalienable relationship between education and the degree of non-traditional values of the respondents*. (p. 228)."

Kajian ini mendapati sebuah fenomena baharu yang wujud dalam pembayaran mas kahwin responden berpendidikan tinggi, iaitu mas kahwin dibayar dalam bentuk dinar emas. Antara 30 pasangan suami isteri yang menetapkan kadar mas kahwin mengikut keinginan sendiri, terdapat 16.7% pasangan berbuat sedemikian. Pada hakikatnya, penggunaan dinar emas sebagai mas kahwin belum lagi berleluasa dalam kalangan orang Melayu di bandar. Salmy Edawati Yaacob (2012) juga menyatakan, penggunaan dinar emas sebagai mas kahwin dan hantaran perkahwinan hanya diamalkan oleh segelintir masyarakat di Malaysia. Sarjana ini turut menunjukkan bahawa tujuan penting penggunaan dinar emas dalam pembayaran mas kahwin ialah untuk mengelakkan kejatuhan dan ketidakstabilan mata wang. Maka tidak hairanlah, penggunaan dinar emas sebagai mas kahwin disambut dengan lebih baik dalam golongan responden terpelajar

University of Malaya

kerana peningkatan pendidikan menyebabkan mereka mempunyai ketahanan mental serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran yang mencabar dan sering berubah-ubah, menjadikan mereka lebih aktif dalam mencari jalan penyelesaian dan lebih berkeupayaan untuk mencipta peluang-peluang baharu (Cousins & Nagpaul, 1979; Baharom Mohamad & Mohamad Johdi Salleh, 2009). Huraian tersebut diperkukuhkan lagi dengan contoh kes yang didapati dalam temu bual.

Dinar Emas Dijadikan Mas Kahwin untuk Mengelakkan Kejatuhan Nilai Mata Wang

"Kedua-dua suami isteri bagi pasangan keenam merupakan graduan universiti. Suami bekerja sebagai pegawai projek di *University of Malaya Entrepreneurship Centre* (UMEC). Isteri pula belum sempat mencari kerja kerana sebaik sahaja memperoleh ijazah sarjana muda, ia terus berumah tangga. Mas kahwin yang diterima oleh isteri ialah satu dinar emas.

Gambar 5.1: Dinar Mas sebagai Mas Kahwin
untuk Responden Isteri bagi Pasangan Keenam

Sebenarnya, sebelum pasangan ini masuk ke gerbang perkahwinan, isteri telah mencadangkan suami membeli tiga dinar emas sebagai pelaburan. "Saya tahu pasal pelaburan emas, saya juga tahu suami ada simpan duit masa tu, *then* saya cakap, 'kenapa tak simpan dalam bentuk emas?' Okay, kalau *you* ada RM2,100, (tahun) 2013

la, nanti tahun 2050 nanti dia *still* RM2,100, ataupun kalau ada simpan dekat bank ada la *interest* sikit, mungkin setakat naik RM3,000, RM4,000. Tapi kalau *you* simpan dalam bentuk dinar, dia akan jadi beribu-ribu tanpa *you* kena buat apa-apa, tanpa *you* kena susah-payah. Okay, *then* benda tu *you* boleh macam tampung untuk beli rumah ke apa-apa, automatik dapat satu kali ganda kan. Lagipun, dinar ni nanti boleh buat hantaran, boleh buat mas kahwin kan," jelaskan isteri dengan panjang lebar. Suami menyambung lagi, "Sekarang ni *trend* juga sebenarnya bila mata wang makin jatuh. Okay, kalau saya bagi isteri RM80, masa akan datang RM80 tu boleh beli makanan je dah tak boleh beli barang elektrik. Tapi emas akan naik, naik, naik harga, *so* nanti bila kami dah ada anak, bila dah tua, satu dinar pun bukan sekadar satu dinar, dia akan jadi beratus-ratus ringgit, jadi beribu-ribu ringgit, *so* dia salah satu simpanan la macam tu.""

Sebab yang kedua pula ialah, peningkatan pendidikan menyebabkan responden terpelajar lebih kreatif dan sentiasa menginginkan sesuatu yang unik. Seperti diketahui, pendidikan merupakan faktor utama dalam mencorakkan dan menggerakkan manusia (Noor Rahamah Abu Bakar, 2006). Menurut Baharom Mohamad dan Mohamad Johdi Salleh (2009), pendidikan berperanan penting dalam membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri kukuh, berketerampilan, berpengetahuan, berfikir secara kreatif dan kritis. Ringkasnya, individu yang berpendidikan tinggi lebih bersifat kreatif dan menginginkan sesuatu yang lain daripada yang lain. Maka, dalam menentukan kadar mas kahwin, mereka lebih menginginkan sesuatu yang unik dari segi kadar atau bentuknya untuk memperlihatkan identiti diri mereka. Kadar mas kahwin yang ditetapkan oleh responden sendiri mungkin mengikut angka unik, hari jadi pengantin, ulang tahun pertemuan pengantin atau angka-angka lain yang bermakna besar bagi diri mereka. Bentuknya pula berbagai-bagai, mungkin dalam bentuk gelang emas, cincin emas atau barangan lain mengikut cita rasa pasangan yang tersendiri. Penjelasan ini juga disokong oleh contoh kes berikutnya yang didapati dalam kerja lapangan.

University of Malaya

"*I Pick the Number* Sendiri. *Special* Sikit. *I* Suka."

"Kedua-dua suami isteri bagi pasangan kesebelas berpendidikan ke peringkat sarjana dalam bidang perubatan. Selepas tamat pelajaran, mereka berpindah ke Ipoh, Perak dan bekerja di farmasi di dua hospital kerajaan yang berlainan. Mas kahwin yang diberikan oleh suami kepada isterinya ialah RM110.11. Responden isteri mengakui bahawa jumlah mas kahwin ini ditentukan oleh dirinya. "Kan kalau ikut KL punya *status* RM80. *I* ikut minima la, tapi kita lebihkan sikit, sebab tu la *I pick the number* sendiri. *Special* sikit la, *I* suka," ujar isteri sambil menunjukkan gubahan wang mas kahwin dalam bentuk bunga ros yang masih disimpannya."

Boleh dirumuskan bahawa faktor pendidikan responden memberikan kesan yang mendalam terhadap pembayaran mas kahwin, iaitu peningkatan taraf pendidikan meninggikan kecenderungan responden untuk menentukan kadar mas kahwin mengikut kehendak sendiri.

5.2.1.2 Pendapatan

Selain pendidikan, faktor pendapatan responden turut berpengaruh dalam pembayaran mas kahwin dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur .



Graf 5.2: Pendapatan Bulanan Responden dan Kadar Mas Kahwin

University of Malaya

Graf 5.2 menunjukkan bahawa terdapat 73.0% responden yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM4,000 mengikut kadar mas kahwin negeri, peratusan ini menurun dalam kalangan responden yang berpendapatan bulanan RM4,001 dan ke atas, iaitu 57.1%. Dilihat responden yang menentukan kadar mas kahwin mengikut kehendak sendiri pula, terdapat 27.0% responden yang berpendapatan lebih rendah berbuat sedemikian, peratusan ini meningkat kepada 42.9% dalam golongan responden yang berpendapatan lebih tinggi. Maka terbuktilah bahawa semakin tinggi tahap pendapatan responden, semakin cenderung mereka menentukan kadar mas kahwin mengikut kehendak sendiri.

Jika ditinjau masyarakat Melayu pertanian, maka faktor pendapatan muda-mudi tidak wujud sebagai penentu kadar mas kahwin. Salah satu punca utama ialah, dalam masyarakat yang mengamalkan sistem ekonomi sara diri, pendapatan individu tidak diutamakan dan ditekankan, sebaliknya segala pendapatan yang diperoleh oleh individu perlu menyumbang kepada pendapatan rumah tangga. Namun begitu, dalam masyarakat bandar, sara hidup individu bergantung kepada pendapatan yang diperoleh dengan usaha dan pencapaian mereka sendiri dalam pasaran kerja, maka faktor pendapatan telah menjadi lambang utama bagi menentukan gaya dan kualiti hidup mereka (Bidwell & Mey, 2000), begitu juga dalam penentuan kadar mas kahwin seperti yang telah dibuktikan dalam kajian ini. Korelasi positif antara pendapatan responden dengan kecenderungan mereka untuk menetapkan mas kahwin atas kehendak sendiri boleh dianalisis daripada dua sudut pandangan.

Yang pertama ialah, responden berpendapatan tinggi berkemampuan dari segi ekonomi untuk menetapkan kadar mas kahwin yang lebih tinggi. Seperti diketahui,

University of Malaya

tidak ada ketetapan kadar bayaran mas kahwin dalam Al-Quran mahupun hadis, dan kadarnya terpulang kepada nilai pengantin perempuan dan kemampuan pengantin lelaki. (Nur Farhana Dzulhaimi, 2015). Kepada golongan perempuan, kadar mas kahwin mereka telah ditentukan oleh struktur sosial. Lebih tinggi status seorang perempuan, maka lebih tinggilah mas kahwin yang akan diterimanya (Noorlaili Khairuddin, 1991). Dalam masyarakat bandar, pendapatan bulanan yang tinggi jelas meningkatkan status sosial seorang perempuan, maka tidak hairanlah ia akan meminta mas kahwin yang lebih tinggi. Kepada golongan lelaki pula, menurut Noorlaili Khairuddin (1991) dan Zurita Mohd Yusoff (2008), lelaki yang berkemampuan digalakkan menetapkan mas kahwin dengan kadar yang lebih tinggi. Dalam hal ini, mempunyai asas kewangan yang kukuh menyebabkan mereka tidak terbeban dengan kadar mas kahwin yang lebih tinggi. Hal ini juga disokong oleh contoh kes yang didapati daripada temu bual dengan responden kajian ini.

Gelang Emas sebagai Mas Kahwin kerana Lebih Eksklusif dan Bermakna

"Kedua-dua suami isteri bagi pasangan kedua belas bekerja di universiti tempatan, isteri ialah pensyarah dan suami pula pegawai kanan. Pendapatan bulanan isteri mencecah RM6,000, manakala suaminya berpendapatan bulanan RM5,000. Mas kahwin yang dipersetujui oleh pasangan ini ialah sebuah gelang emas dengan nilainya RM3,500. Isteri mengakui, menggunakan gelang emas sebagai mas kahwin ialah ideanya kerana RM80 (mas kahwin tetap di Kuala Lumpur) cepat dihabiskan tetapi gelang emas bolah dipakai sampai bila-bila. "Kawan-kawan saya di tempat kerja ramai buat macam tu, kami tak terikat sangat dengan kadar yang dah *fixed*, kami nak *something* yang lebih eksklusif, yang lebih bermakna. Sebab mas kahwin pun kira nafkah yang pertama dari suami kan," ujar isteri. Cadangannya disambut baik oleh suaminya yang cukup bajet kerana sudah lama menyimpan duit untuk urusan perkahwinan. Responden suami berkata, "Simpanan saya pada masa itu ada RM40,000, bajet saya dalam RM30,000, *so* apabila isteri saya minta gelang emas kata nak buat mas kahwin, saya pun rasa okay, boleh.""

Gambar 5.2: Gelang Emas sebagai Mas Kahwin untuk Responden Isteri bagi Pasangan Kedua belas

Sebab yang kedua pula ialah, responden berpendapatan tinggi lebih terdedah kepada trend baharu dan lebih cenderung meninggalkan tradisi. Jain (1986) dalam kajiannya menunjukkan, "...*we can say that economic factor plays an important role in enabling people to adopt the new methods of technology and values*. (p. 146)." Ia menjelaskan dengan lebih lanjut lagi, majoriti responden berpendapatan tinggi, berpendapatan menengah tinggi dan berpendapatan menengah rendah mempunyai tahap penerimaan yang lebih tinggi terhadap nilai norma dan idea moden. Hal ini berlaku kerana, wang bukanlah halangan kepada golongan ini untuk mengenali dan menerima budaya, trend dan teknologi baharu. Pada masa yang sama, menurut sarjana ini, golongan berpendapatan tinggi juga mempunyai tahap penerimaan yang lebih rendah terhadap tradisi dan peraturan yang sedia ada. Maka tidak sukar difahami, responden yang berpendapatan lebih tinggi dalam kajian ini lebih suka menikmati kebebasan dalam menentukan kadar mas kahwin tanpa terikat dengan kadar tetap yang sedia ada.

Sebagai kesimpulan, faktor pendapatan memberikan impak ketara kepada pembayaran mas kahwin dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, iaitu

University of Malaya

semakin tinggi pendapatan responden, maka semakin cenderung ia menentukan kadar mas kahwin mengikut kehendak sendiri, dan enggan mengikut kadar yang ditetapkan oleh jabatan agama. Begitu juga sebaliknya.

5.2.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh

Kajian ini juga mendapati beberapa faktor sosioekonomi yang kurang berpengaruh dalam penentuan mas kahwin, iaitu pekerjaan, kedudukan sosioekonomi keluarga dan kediaman (untuk perbincangan selanjutnya, sila rujuk kepada Lampiran C).

Status pekerjaan kurang berpengaruh dalam hal ini mungkin kerana tinggi rendah nilai mas kahwin lebih berkaitan dengan kemampuan ekonomi seseorang. Namun, status pekerjaan seseorang itu tidak semestinya berkorelasi positif dengan kemampuan ekonominya. Kedudukan sosioekonomi keluarga dan kediaman kurang berpengaruh terhadap nilai mas kahwin kerana keluarga responden didapati kurang bercampur tangan dalam menentukan nilai mas kahwin. Hal ini terjadi mungkin kerana pemberian mas kahwin lebih kepada urusan antara pasangan pengantin. Menurut Islam, adalah tanggungjawab suami untuk memberikan mas kahwin kepada bakal isterinya sebagai lambang penghormatan. Isteri pula, mempunyai hak yang mutlak untuk menggunakannya.

Sebagai kesimpulan, terdapat dua faktor sosioekonomi memberikan impak yang besar kepada pemberian mas kahwin dalam kalangan responden kajian ini, iaitu pendidikan dan pendapatan. Semakin tinggi taraf pendidikan dan pendapatan responden, maka semakin cenderung ia menentukan kadar mas kahwin mengikut kehendak sendiri.

University of Malaya

5.3 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Wang Hantaran

Dalam masyarakat Melayu, wang hantaran tidak diwajibkan dari segi agama dan lebih dianggap sebagai hadiah ikhlas daripada suami kepada calon isteri yang bakal menjadi teman hidupnya (Azizah Kassim, 1985; Raihanah Azahari, 2009). Oleh itu, kadarnya tidak ditetapkan oleh pihak berkuasa agama seperti mas kahwin, tetapi lebih berdasarkan persetujuan antara kedua-dua belah pihak. Dalam masyarakat Melayu tradisi, kadar wang hantaran ditentukan berdasarkan taraf kedua-dua keluarga dan kadarnya biasanya tidak melebihi RM1,000. Contohnya, RM101-301 di Singapura, RM500-1,000 di Kedah dan RM100 di Terengganu (Djamour, 1965; Kuchiba & Tsubouchi, 1966; Strange, 1976).

Walau bagaimanapun, pemberian wang hantaran responden telah mengalami perubahan yang ketara, iaitu kadarnya melonjak dengan begitu ketara sehingga mencecah berpuluh-puluh ribu ringgit. Merujuk kepada Jadual 5.2, dalam kalangan 105 pasangan suami isteri[2] yang membuat wang hantaran, kadar yang paling lazim ialah RM5,001-10,000 memandangkan 52.4% pasangan bersepakat dengan jumlah ini. Selain itu, terdapat 48 pasangan mengamalkan wang hantaran yang melebihi RM10,001, iaitu RM10,001-15,000 (32.4%), RM15,001-20,000 (6.7%) dan RM20,001-30,000 (6.7%). Dalam golongan 105 pasangan responden, hanya 1.9% pasangan bersetuju dengan jumlah wang hantaran yang tidak melebihi RM5,000.

[2] Terdapat dua pasangan pengantin tidak mengamalkan wang hantaran.

University of Malaya

Jadual 5.2: Kadar Wang Hantaran Responden Pasangan

Kadar Wang Hantaran	Bilangan Responden Pasangan	Peratus (%)
≤RM5,000	2	1.9
RM5,001-10,000	55	52.4
RM10,001-15,000	34	32.4
RM15,001-20,000	7	6.7
RM20,001-30,000	7	6.7
Jumlah	105	100.0

Hasil dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi dengan penemuan kajian-kajian sarjana tempatan pada zaman yang berbeza. Pada pertengahan 1980-an, menurut Azizah Kassim (1985), di beberapa kawasan di sebelah utara Semenanjung, wang hantaran bagi gadis lulusan universiti telah meningkat kepada RM5,000, manakala bagi gadis pekerja kilang pun sekurang-kurangnya RM1,000. Menjelang abad ke-21, jumlah wang hantaran terus melonjak kepada beribu-ribu ringgit, bahkan mencecah puluhan ribu ringgit seperti yang dinyatakan oleh Anjan Ahzana (2003):

> "Jika dilihat kepada perbelanjaan untuk menyediakan wang hantaran di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, dan negeri berdekatan, menjangkau enam ribu malah puluhan ribu. Di negeri sebelah utara tanah air juga dikatakan sudah meningkat ke angka sepuluh ribu. Jumlah ini amat menggerunkan. (p. 22)."

Yang menarik di sini ialah, hasil dapatan kajian ini menentang ramalan sekumpulan besar sarjana sosiologi yang kebanyakannya sarjana barat. Menurut mereka, pemberian wang hantaran akan semakin dilupakan dan akhirnya hilang terus dalam masyarakat moden diakibatkan oleh proses pembandaran dan pemodenan (Lavrin & Couturier, 1979; Goody, 1983; Lambiri-Dimaki, 1985; Goode, 1982; Nazarri, 1991; Moors, 1994; Ansell,

University of Malaya

2001; Boomgaard, 2003). Ramalan tersebut jelas bertentangan dengan keadaan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, iaitu pemberian wang hantaran masih diamalkan secara meluas (98.1%), bahkan jumlahnya semakin meningkat dari semasa ke semasa. Salah satu punca utama wujudnya keadaan ini ialah, adat Melayu masih berpengaruh besar dalam kalangan responden. Walau bagaimanapun, pengaruhnya akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian unsur-unsur sosiobudaya yang berpengaruh.

Berikutnya, kajian akan menganalisis faktor-faktor sosioekonomi yang manakah lebih berpengaruh dalam pemberian wang hantaran dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur.

5.3.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Terdapat empat faktor sosioekonomi utama didapati membawa implikasi kepada pemberian wang hantaran responden, iaitu pendidikan, pendapatan, pekerjaan dan kedudukan sosioekonomi keluarga.

5.3.1.1 Pendidikan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, faktor pendidikan bukan faktor penting yang berpengaruh besar dalam menentukan kadar wang hantaran. Oleh sebab, pada ketika itu, majoriti penduduk kampung tidak berpendidikan formal atau berpendidikan di sekolah pondok sahaja. Walau bagaimanapun, dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur dewasa ini, sama ada faktor pendidikan suami atau isteri berhubung kait rapat dengan kadar wang hantaran yang ditetapkan.

University of Malaya

Dilihat golongan responden suami terlebih dahulu (melihat Graf 5.3), dalam lingkungan kadar wang hantaran ≤RM5,000 dan RM5,001-10,000, peratusan suami berpendidikan di bawah peringkat diploma adalah lebih tinggi daripada mereka berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Dalam lingkungan kadar wang hantaran RM10,001-15,000 dan RM15,001-20,000 pula, peratusan suami berpendidikan tinggi adalah jauh lebih tinggi daripada mereka yang berpendidikan rendah. Cuma dalam lingkungan kadar wang hantaran antara RM20,001-30,000, peratusan suami berpendidikan tinggi (6.5%) adalah lebih kurang sedikit daripada mereka yang berpendidikan rendah (7.0%). Maka, boleh dikatakan bahawa secara keseluruhannya, korelasi positif boleh dikesan antara taraf pendidikan suami dengan kadar wang hantaran.



Graf 5.3: Taraf Pendidikan Responden Suami dan Kadar Wang Hantaran

Korelasi positif tersebut dikesan dengan lebih ketara dalam kalangan responden isteri (melihat Graf 5.4). Dalam lingkungan kadar wang hantaran ≤RM5,000 dan RM5,001-10,000, peratusan isteri berpendidikan di bawah peringkat diploma adalah

University of Malaya

lebih tinggi daripada mereka berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Keadaan ini berubah dalam lingkungan kadar wang hantaran RM10,001-15,000, RM15,001-20,000 dan RM20,001-30,000, iaitu peratusan isteri berpendidikan tinggi jelas lebih tinggi daripada mereka berpendidikan rendah. Berdasarkan huraian di atas, ternyatalah bahawa peningkatan tahap pendidikan responden pasangan Melayu, terutama sekali golongan isteri terus menyumbang kepada peningkatan kadar wang hantaran yang ditetapkan.



Graf 5.4: Taraf Pendidikan Responden Isteri dan Kadar Wang Hantaran

Dapatan kajian ini juga selaras dengan hasil kajian Raihanah Azahari dan rakan-rakannya (2009) terhadap 416 responden Melayu di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Menurut mereka, semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, maka semakin tinggilah nilai hantaran yang ditetapkan. Buktinya, kadar wang hantaran bagi responden berpendidikan di peringkat SPM dan diploma ialah RM1,000-6,000, manakala bagi responden berpendidikan di peringkat ijazah sarjana muda pula, ialah RM2,000-10,000.

University of Malaya

Kajian Nurasma Nawawi (2000) di Kelantan turut membuktikan bahawa peningkatan taraf pendidikan menyumbang kepada peningkatan kadar wang hantaran. Menurutnya, kadar wang hantaran pada tahun 1950-an hingga 1970-an ialah RM35-500. Kadar ini meningkat dengan drastik kepada RM2,000-5,000 pada tahun 1980-an hingga 1990-an. Antara faktor penyumbangnya ialah ramai perempuan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Jika dianalisis punca kepada korelasi positif antara taraf pendidikan dan kadar wang hantaran itu, maka didapati bahawa pemberian wang hantaran dianggap sebagai lambang kemampuan suami dan nilai harga diri isteri sejak dahulu lagi. Terlebih dahulu dilihat situasi kaum suami, lazimnya golongan terpelajar mempunyai asas kewangan yang lebih kukuh dan mempunyai prestij yang lebih tinggi seperti yang dinyatakan oleh Bidwell dan Mey (2000), "*...people with higher levels of education generally have jobs that pay more income and have more prestige than people with less education*. (p. 158)." Hal ini demikian kerana, pendidikan merupakan jaminan mendapatkan kerja bagus yang membawa kekayaan, prestij dan mobiliti sosial yang lebih tinggi (Jain, 1986). Oleh hal yang demikian, suami berpendidikan tinggi berkemampuan dari segi ekonomi untuk menyediakan wang hantaran yang berjumlah besar. Selain itu, kehebatan ekonomi dan prestij sosial golongan ini juga hendak dipaparkan kepada orang ramai melalui jumlah wang hantaran yang tinggi, bersesuaian dengan status mereka dalam masyarakat.

Melihat golongan isteri pula, sebagai akibat proses pembandaran, mereka mempunyai peluang belajar yang lebih luas dan taraf pendidikan yang lebih tinggi. Hal ini menyebabkan mereka mampu mencapai kejayaan dan memperoleh pendapatan yang setanding dengan kaum lelaki, malah lebih tinggi daripada kaum lelaki. Oleh itu, secara

University of Malaya

tidak langsung, nilai harga diri seseorang perempuan dalam masyarakat bandar turut meningkat berikutan daripada perubahan itu (Nurasma Nawawi, 2000, p. 36). Tokuhiro (2010) turut mengatakan, "*Women's higher educational achievements increase both their market value and the earnings available to them*. (p. 133)." Lantaran itu, kepada kebanyakan perempuan yang terpelajar seperti mempunyai ijazah, nilai wang hantaran yang lebih tinggi perlu diberikan setaraf dengan tahap pendidikan dan nilai harga diri mereka yang lebih tinggi (Rezai-Rashti & Moghadam, 2011; Hertrich & Lesclingand, 2012; Nur Farhana Dzulhaimi, 2015). Kepentingan kesesuaian antara nilai wang hantaran dan taraf pendidikan responden isteri boleh dikesan dengan ketara dalam contoh kes yang berikutnya.

"Saya dah ada MA, Layak Dapat yang dalam RM10,000-15,000."

"Pasangan keempat boleh dirujuk sebagai contoh kes. Isteri bekerja sebagai tutor di universiti tempatan dan sedang menyambung pelajaran ke peringkat PhD. Suami pula berpendidikan hingga peringkat ijazah sarjana muda dan bekerja di HKL sebagai doktor perubatan.

Dalam kes ini, kadar wang hantaran setinggi RM14,383 adalah ditentukan oleh isteri mengikut angka hari lahirnya, iaitu 14 Mac 1983. Isteri mengakui bahawa apabila meletakkan kadar ini, ia terpengaruh dengan trend menetapkan kadar wang hantaran mengikut tahap pendidikan. "Sekarang ni trend, orang akan letak, okay, diploma dan *degree* sekurang-kurangnya RM10,000. *It's average*, orang yang biasa pun bagi RM10,000, kawan saya yang ada *first degree* pun dapat RM10,000. Macam saya dah ada MA, tu rasa macam layaklah dapat yang dalam RM10,000-15,000," ujar isteri. Suami pun tidak kelihatan terkejut apabila diberitahu jumlah itu dan setuju sahaja tanpa mengatakan apa-apa."

Selain peningkatan nilai harga diri isteri terpelajar, satu lagi punca kepada peningkatan wang hantaran dalam kalangan isteri berpendidikan tinggi ialah, kriteria memilih pasangan yang diutamakan oleh responden suami telah mengalami perubahan. Dalam masyarakat tradisi, kriteria kemahiran kemandirian perempuan diutamakan, iaitu sama ada ia pandai menguruskan rumah tangga. Namun begitu, dalam masyarakat

University of Malaya

bandar, kriteria bakal isteri yang diutamakan lebih kepada tinggi atau rendah taraf pendidikannya (Strange, 1976; Siti Rufidah Ismail, 1997). Raja Rohana (1991) juga menyatakan, dalam masyarakat yang mengamalkan pendidikan moden, pendidikan menjadi pengukur untuk menilai pencapaian wanita. Situasi ini turut dibuktikan dalam perbincangan Bab 4, iaitu responden suami begitu menitikberatkan taraf pendidikan bakal isteri sehingga meletakkan kriteria ini kedudukan yang ketiga paling penting (72.7%) antara sembilan kriteria memilih pasangan, berikutan dengan keperibadian (84.8%) dan keimanan (75.8%). Maka, untuk menghargai kriteria idaman ini, responden suami juga sanggup membayar wang hantaran yang lebih tinggi kepada isteri mereka yang terpelajar.

Terbuktilah bahawa faktor pendidikan responden pasangan sama ada suami atau isteri berpengaruh besar dalam menentukan tinggi rendah kadar wang hantaran. Didapati semakin tinggi taraf pendidikan suami dan isteri, maka semakin tinggilah kadar wang hantaran yang ditetapkan.

5.3.1.2 Pendapatan

Dalam komuniti Melayu tradisi, faktor pendapatan pengantin bukan penentu utama nilai wang hantaran kerana mereka amat bergantung kepada keluarga dari segi ekonomi. Sungguhpun begitu, dengan berkecimpung dalam bidang pekerjaan sektor kedua dan tertiari di bandar, muda-mudi telah mempunyai pendapatan sendiri yang memberikan pengaruh besar terhadap gaya hidup dan status sosial mereka. Pengaruh faktor pendapatan turut dikesan dalam penentuan nilai wang hantaran dalam kalangan responden kajian ini.

University of Malaya

Merujuk kepada Graf 5.5, dalam lingkungan kadar wang hantaran ≤RM5,000 dan RM5,001-10,000, peratusan suami yang berpendapatan bulanan RM4,000 dan ke bawah adalah lebih tinggi daripada mereka yang berpendapatan bulanan RM4,001 dan ke atas. Keadaan ini berubah dalam lingkungan kadar wang hantaran RM10,001-15,000 dan RM15,001-20,000, iaitu peratusan lelaki berpendapatan tinggi jauh lebih tinggi daripada mereka yang berpendapatan lebih rendah. Cuma dalam lingkungan kadar wang hantaran antara RM20,001-30,000, peratusan suami berpendapatan tinggi (0.0%) didapati lebih rendah daripada mereka yang berpendapatan rendah (7.4%). Maka boleh dikatakan, secara keseluruhannya, taraf pendapatan responden suami berkorelasi positif dengan nilai wang hantaran yang dibayar.



Graf 5.5: Pendapatan Bulanan Responden Suami dan Kadar Wang Hantaran

Dalam kalangan responden isteri pula, korelasi positif itu juga boleh dikesan. Merujuk kepada Graf 5.6, dalam lingkungan kadar wang hantaran ≤RM5,000 dan RM5,001-10,000, semakin rendah pendapatan responden, maka semakin cenderung

University of Malaya

mereka menerima nilai wang hantaran rendah dalam kedua-dua lingkungan ini. Keadaan ini berubah dalam lingkungan kadar wang hantaran RM10,001-15,000 dan RM15,001-20,000, iaitu semakin tinggi pendapatan responden, maka semakin cenderung mereka menerima nilai wang hantaran tinggi dalam kedua-dua lingkungan ini. Cuma dalam lingkungan kadar wang hantaran antara RM20,001-30,000, kesemua 7.4% responden yang menerima jumlah wang hantaran ini adalah dari golongan isteri yang berpendapatan tidak melebihi RM4,000.



Graf 5.6: Pendapatan Bulanan Responden Isteri dan Kadar Wang Hantaran

Jelasnya, tahap pendapatan responden sama ada suami atau isteri berpengaruh besar dalam penentuan nilai wang hantaran. Dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi oleh kajian Nur Farhana Dzulhaimi (2015) di bandar Jerantut, Pahang. Menurutnya, pada masa kini, faktor utama yang mempengaruhi nilai wang hantaran masyarakat, terutamanya bagi pasangan muda ialah faktor ekonomi, diikuti dengan faktor agama, faktor pendidikan dan faktor keluarga. Jika dianalisis data-data dalam kajian ini dengan

University of Malaya

lebih mendalam lagi, maka boleh dirumuskan bahawa secara umumnya, semakin tinggi tahap pendapatan responden, maka semakin tinggi nilai wang hantaran yang dibayar atau diterimanya[3].

Melihat responden suami terlebih dahulu, peningkatan tahap pendapatan telah menaikkan jumlah wang hantaran yang dibayar oleh mereka disebabkan oleh dua punca utama. Yang pertama ialah, sejak dahulu lagi, nilai wang hantaran dianggap sebagai pengukur kemampuan ekonomi pihak lelaki. Dalam masyarakat bandar, lelaki berpendapatan tinggi sering dianggap sebagai golongan yang berjaya. Imej ini perlu dijaga dan ditekankan dalam kehidupan seharian bagi mengukuhkan jarak sosial antara diri mereka dengan golongan berpendapatan rendah. Seperti diketahui, majlis perkahwinan dan setiap butirannya ialah arena untuk menunjukkan kekayaan dan kekuatan individu terbabit seperti huraian Pauli (2011), iaitu "*In many regions of the world, weddings have become one of the central arenas to express divergent desires. They are manifestations of local power, identity, and elitist distinctions that appropriate global modern middle-class aesthetics*. (p. 164)." Oleh itu, suami berpendapatan tinggi lebih cenderung membayar wang hantaran yang tinggi untuk menunjukkan kehebatan mereka dari segi ekonomi. Begitu juga sebaliknya, iaitu responden suami berpendapatan rendah lebih cenderung membayar wang hantaran setakat yang mereka mampu. Hal ini terjadi kerana, asas kewangan mereka yang tidak kukuh tidak mengizinkan mereka membayar wang hantaran yang lebih tinggi nilainya. Berikutnya, diberikan sebuah contoh kes untuk menunjukkan bahawa kesempitan wang mempengaruhi jumlah pemberian wang hantaran pihak suami.

[3] Terdapat juga pengecualian dalam korelasi positif antara tahap pendapatan responden dengan nilai wang hantaran.

University of Malaya

Suami Tawar-menawar dengan Bapa Mertua kerana Tidak Mampu Membayar Wang Hantaran yang Ditetapkannya

"Kerja responden suami bagi pasangan kesembilan ialah memasukkan makanan atau minuman ke dalam mesin layan diri dan memperbaikinya sekiranya berlaku kerosakan. Pendapatan bulanannya ialah RM1,300. Responden isteri pula bekerja di bengkel motosikal dan berpendapatan bulanan sebanyak RM1,000.

Mula-mula, bapa responden isteri menentukan jumlah wang hantaran pada kadar RM8,000. Wang ini akan digunakan untuk menampung kos kenduri majlis perkahwinan sebelah perempuan. Namun begitu, responden suami meminta bakal bapa mertuanya mengurangkan jumlah wang hantaran itu kerana tidak cukup duit. "Bukan saya tak ikhlas, tapi tak mampu...," ujar responden suami. Tawar-menawar dijalankan dalam suasana yang harmoni. "Bapa mertua saya ni baik, dia kata, 'Okay la, setakat mana kau mampu boleh la. Mana yang mampu bayar la.'" Akhirnya, kedua-dua belah pihak bersetuju dengan wang hantaran pada kadar RM6,000."

Punca yang kedua pula ialah, kemampuan ekonomi suami dijadikan faktor utama yang akan ditimbang rasa oleh responden isteri atau keluarganya semasa menentukan nilai wang hantaran. Nur Farhana Dzulhaimi (2015) juga membuktikan, nilai wang hantaran ditentukan dengan melihat kemampuan pihak lelaki dalam menyediakan jumlah wang hantaran tersebut. Lantaran itu, lazimnya semakin kukuh asas kewangan seseorang lelaki, maka semakin tinggilah nilai wang hantaran yang akan dituntut. Hal ini juga selaras dengan penemuan kajian Noorlaili Khairuddin (1991) yang menunjukkan bahawa semakin tinggi kedudukan ekonomi seseorang lelaki itu, semakin mahallah bayaran wang hantaran yang diminta oleh pihak perempuan, begitu juga sebaliknya. Seterusnya, diberikan cerita pasangan responden kedua belas untuk menunjukkan bagaimanakah responden isteri mempertimbangkan kemampuan ekonomi bakal suaminya semasa menetapkan nilai wang hantaran.

Merendahkan Nilai Wang Hantaran kerana Kesian kepada Bakal Suami

"Responden isteri bagi pasangan kedua belas ialah pensyarah di UNiKL cawangan Gurney, pendapatan bulanannya lebih kurang RM6,000. Suaminya pula pegawai pentadbiran di UNiKL kampus utama, pendapatan bulanannya dalam sekitar RM5,000.

University of Malaya

Wang hantaran yang diterima oleh isteri ialah RM12,000 dan kadar ini ditentukan oleh dia sendiri. Beliau mengakui, dirinya menentukan jumlah ini mengikut kemampuan suaminya. Menurutnya, kadar wang hantaran purata pada masa kini ialah RM10,000, jadi beliau meletakkan wang hantaran yang lebih tinggi sedikit sahaja, iaitu RM12,000. Beliau menjelaskan, kalau mengikut pendidikan, taraf pendidikannya adalah lebih tinggi daripada suaminya, sepatutnya boleh meminta wang hantaran yang lebih tinggi. Namun begitu, beliau melihat kemampuan suami setakat itu sahaja, maka beliau pun tidak mahu menyusahkan bakal suaminya. "Sebab tu orang pun cakap, eee, *Master*, minta la mahal sikit kan, tapi saya kesian kat dia, sebab dia nak kena buat *side* dia lagi kan, sebab *side* dia sendiri, mak bapa dia tak ada ni (wang) kan...*so totally because* kemampuan dia," ujar isteri."

Bagi responden isteri pula, golongan yang lebih kukuh asas ekonominya lebih cenderung menerima wang hantaran tinggi kerana harga diri dan nilai mereka adalah lebih tinggi. Azizah Kassim (1985) menunjukkan bahawa peluang untuk kaum perempuan berkecimpung dalam bidang pekerjaan di luar rumah ialah satu rahmat. Dengan upah gaji yang diterima, mereka berdikari dari segi ekonomi dan tidak perlu bergantung kepada suami lagi. Malahan pula, mereka berkemampuan untuk mengurangkan tekanan inflasi ekonomi yang dihadapi dalam rumah tangga, di samping meningkatkan taraf hidup anggota keluarga (Cox, 2013). Goode (1991) pula mengatakan, memandangkan kaum wanita mula menerima gaji, keyakinan diri dan harga mereka dalam pasaran perkahwinan turut meninggi. Keadaan ini ditambahkan lagi dengan kecenderungan responden suami dalam memilih pasangan, iaitu mereka semakin mengutamakan kemampuan bakal isteri dalam menyara hidup keluarga. Menurut perbincangan dalam Bab 4, faktor pendapatan isteri merupakan kriteria yang dipentingkan oleh responden suami walaupun tidak sepenting faktor pendidikan. Kriteria ini menduduki tempat kelapan (15.2%) antara sembilan kriteria yang

University of Malaya

diutamakan oleh responden suami. Kesannya, ramai perempuan berpendapatan tinggi akan meminta wang hantaran yang lebih tinggi nilainya agar sepadan dengan harga diri mereka.

Walaupun secara umumnya, faktor pendapatan responden berkorelasi positif dengan nilai wang hantaran, namun hal ini tidak bermakna responden berpendapatan tinggi pasti membayar atau menerima wang hantaran yang tinggi juga. Dalam hal ini, terdapat banyak unsur membawa pengaruh, seperti tuntutan agama atau sikap sesetengah keluarga yang ingin memudahkan segalanya. Begitu juga sebaliknya, iaitu responden berpendapatan rendah tidak semestinya tidak mampu membayar atau menerima wang hantaran yang tinggi. Terdapat banyak unsur menyebabkan perkara ini berlaku, misalnya dibantu oleh ahli keluarga untuk menyediakan wang hantaran tinggi, membuat pinjaman bank untuk membayar wang hantaran tinggi dan banyak lagi.

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh dirumuskan bahawa faktor pendapatan responden memberikan impak signifikan kepada pemberian wang hantaran, iaitu secara keseluruhannya, tahap pendapatan responden suami dan isteri berkorelasi positif dengan nilai wang hantaran yang ditetapkan.

5.3.1.3 Pekerjaan

Dalam masyarakat Melayu pertanian, faktor pekerjaan muda-mudi tidak memberikan kesan dalam menentukan kadar wang hantaran kerana hampir semua penduduk desa mengendalikan kerja pertanian. Sungguhpun begitu, dalam masyarakat bandar, individu telah keluar dari rumah dan menawarkan tenaga kepada industri moden. Pengkhususan

University of Malaya

kerja yang kompleks di bandar menghasilkan beraneka jenis kerja mengikut status dari tahap tinggi ke tahap rendah. Bidwell dan Mey (2000) menegaskan, kini pekerjaan telah menjadi pengukur penting kepada status sosial dan harga diri seseorang, di samping banyak mempengaruhi gaya hidupnya. Dalam kajian ini, implikasi pekerjaan turut didapati dalam pemberian wang hantaran responden Melayu Kuala Lumpur.

Ditinjau responden isteri terlebih dahulu (melihat Graf 5.7), dalam lingkungan kadar wang hantaran ≤RM5,000 dan RM5,001-10,000, semakin rendah status pekerjaan responden, maka semakin cenderung mereka menerima nilai wang hantaran dalam kedua-dua lingkungan ini. Keadaan ini berubah dalam lingkungan kadar wang hantaran RM10,001-15,000 dan RM15,001-20,000, iaitu secara umumnya, semakin tinggi status pekerjaan responden, maka semakin cenderung mereka menerima nilai wang hantaran dalam kedua-dua lingkungan ini. Cuma dalam lingkungan kadar wang hantaran antara RM20,001-30,000, peratusan pekerja profesional yang menerima nilai dalam lingkungan ini, iaitu 7.7% meningkat terlebih dahulu dalam kalangan peniaga sendiri (66.7%), kemudian baru jatuh kepada 5.0% dalam kalangan pekerja kolar putih. Maka, boleh didapati bahawa secara umumnya, status pekerjaan responden isteri adalah berkorelasi positif dengan nilai wang hantaran yang diterima[4]. Hubungan positif ini juga disokong oleh hasil dapatan kajian Amran Kasimin (2002) yang menunjukkan bahawa perempuan berkerjaya dan mempunyai kedudukan baik, biasanya akan menerima wang hantaran yang lebih tinggi daripada perempuan biasa.

[4] Terdapat juga pengecualian dalam korelasi positif antara status pekerjaan responden isteri dengan nilai wang hantaran yang diterima.

University of Malaya



Graf 5.7: Status Pekerjaan Responden Isteri dan Kadar Wang Hantaran

Pada hakikatnya, terdapat dua penyumbang utama kepada hubungan positif antara status pekerjaan responden isteri dengan nilai wang hantaran mereka. Yang pertama ialah, penyertaan golongan perempuan dalam pasaran kerja meningkatkan nilai dan harga diri mereka. Menurut Wan Abdul Kadir (1992), pada tahun 1970-an, berikutan dengan pelaksanaan DEB, orang muda dari kampung datang ke bandar untuk menawarkan tenaga kepada industri moden yang sedang berkembang pesat. Kaum perempuan juga dibenarkan ikut serta mencari rezeki di bandar sebagaimana kaum lelaki, bahkan berjaya memasuki profesion yang dahulunya dikuasai oleh lelaki, seperti bidang pengurusan dan pentadbiran, perubatan, perguruan, perakaunan dan perkilangan. Dengan mempunyai pekerjaan sendiri, kaum perempuan dapat berdikari dari segi ekonomi, menentukan corak hidup sendiri dan membantu dalam menampung kehidupan keluarga. Akibatnya, golongan perempuan semakin menyedari nilai mereka dalam pasaran perkahwinan. Nilai ini akan terus meningkat seiring dengan peningkatan status pekerjaan. Hal ini demikian kerana pekerjaan yang lebih tinggi statusnya memberikan mereka kedudukan yang lebih baik di sisi masyarakat (Raja Rohana, 1991). Akibatnya,

University of Malaya

responden isteri bekerja, lebih-lebih lagi mereka yang tinggi status pekerjaannya lebih gemar meminta wang hantaran yang berjumlah besar untuk disesuaikan dengan nilai harga diri mereka.

Punca yang kedua pula ialah, dalam masyarakat bandar, kriteria bakal isteri yang diutamakan oleh golongan lelaki telah mengalami perubahan, iaitu daripada bijak mengendalikan urusan rumah tangga kepada memiliki kerjaya yang memuaskan. Siti Rufidah Ismail (1997) turut membuktikan keadaan ini dalam kajiannya, iaitu dahulu masyarakat menilai perempuan dengan melihat kecekapannya menguruskan rumah tangga, tetapi kini pandangan itu berubah dengan melihat sama ada ia bekerja atau tidak dan apa jenis pekerjaan yang diceburinya. Hal ini demikian kerana, di bandar memerlukan kos sara hidup tinggi, maka bantuan kewangan daripada isteri yang bekerja amat diperlukan untuk menambahkan pendapatan rumah tangga. Buktinya, responden suami dalam kajian ini meletakkan pekerjaan calon isteri pada tempat ketujuh (36.4%) antara sembilan kriteria memilih pasangan yang diutamakan. Ini bermakna, dengan kata-kata DeGenova (2008), "*Men are less willing to marry a woman lacking steady employment than one having steady employment*. (p. 152)." Oleh hal yang demikian, responden suami sanggup membayar wang hantaran yang tinggi kepada bakal isteri berkerjaya, terutama sekali perempuan yang tinggi status pekerjaannya kerana diri mereka jelas layak memperoleh jumlah wang hantaran yang besar itu. Dalam hal ini, jika nilai wang hantaran yang diberikan dianggap tidak setaraf dengan status pekerjaan isteri, mungkin akan menimbulkan rasa kecewa dan tidak puas hati isteri. Oleh itu, suami perlu menggunakan cara lain untuk menambah nilai pemberian agar setaraf dengan status pekerjaan isteri. Berikutnya diberikan sebuah contoh kes yang menarik.

University of Malaya

Isteri Kecewa dengan Jumlah Wang Hantaran, sebagai Pemujuk Barang Kemas Jadi Ganti Rugi

"Pekerjaan responden isteri bagi pasangan kelapan tergolong ke dalam pekerjaan yang paling tinggi statusnya dalam kajian ini, iaitu profesional. Ia merupakan seorang pensyarah di sebuah universiti tempatan. Menurutnya, ia tidak menetapkan kadar wang hantaran dan terserah kepada bakal suaminya berapa jumlah yang akan diberikan. Akhirnya, wang hantaran yang dibayar oleh suaminya ialah RM10,000. Isteri tidak menafikan bahawa apabila mengetahui jumlah ini, ia berasa kecewa kerana dalam jangkaannya, RM10,000 ialah kadar yang paling minimum. "*That's the average*, *even my friend* yang kerja biasa-biasa pun bagi RM10,000. *So he give me* RM10,000 la, memang *I* pun 'okay, *fine*, *you give me* RM10,000'," ujar isteri. Perasaan kecewa menebal lagi apabila ia menyedari bahawa dalam hubungan cinta yang lama, bekas tunangnya memberikan wang hantaran setinggi RM15,000 kepadanya.

Gambar 5.3: Set Barang Kemas sebagai Ganti Rugi kepada Responden Isteri bagi Pasangan Kelapan

Walau bagaimanapun, tindakan suami seterusnya telah menyenangkan hatinya semula dengan memberikan bonus tambahan kepadanya. "*My husband* kata, '*But* jangan la sedih, *I will give you a set of* barang kemas.', " jelaskan isteri. Ia berpuas hati dengan keputusan suaminya ini, "*I* rasa *lucky*, *which I think*, *my friends* yang *I* tengok, *their husbands don't give them* barang kemas. Barang kemas ni *certain-certain people* je yang bagi, barang kemas mahal, yang satu set tu pun dalam RM7,500. *My friend* yang juga *lecturer* dia ada macam wang hantaran dalam RM12,000, tetapi *I* tengok hantaran dia tak ada la macam (barang kemas)...*my husband gave me more*, *not only* RM10,000, tapi dalam bentuk barang-barang lain, *not duit*, *not cash*.""

Apabila diteliti responden suami pula (melihat Graf 5.8), didapati bahawa status pekerjaan responden suami tidak memberikan kesan ketara kepada pemberian wang hantaran. Sebagai contoh, dilihat lingkungan kadar wang hantaran antara RM15,001-20,000, terdapat 0.0% pekerja profesional memberikan wang hantaran dalam lingkungan kadar ini, dan peratusan ini meningkat kepada 37.5% dalam kalangan peniaga sendiri. Walau bagaimanapun, peratusan ini jatuh dalam golongan pekerja kolar putih, iaitu 4.5%, dan jatuh lagi kepada 0.0% dalam kalangan pekerja manual mahir. Jelasnya, sama ada korelasi positif atau negatif tidak wujud antara status pekerjaan responden suami dengan lingkungan kadar wang hantaran ini, begitu juga dengan lingkungan kadar yang lain. Hal ini demikian kerana, tinggi atau rendah nilai wang hantaran lebih berkait rapat dengan kemampuan ekonomi suami, sedangkan status pekerjaan yang tinggi tidak semestinya menjamin pendapatan yang lumayan seperti yang dinyatakan oleh Bidwell dan Mey (2000), begitu juga sebaliknya.



Graf 5.8: Status Pekerjaan Responden Suami dan Kadar Wang Hantaran

University of Malaya

Sebagai kesimpulan, didapati bahawa secara umumnya, status pekerjaan isteri berkorelasi positif dengan nilai wang hantaran. Namun begitu, faktor pekerjaan responden suami didapati kurang memberikan pengaruh dalam hal ini.

5.3.1.4 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga

Dalam masyarakat Melayu tradisi, kedudukan sosioekonomi keluarga merupakan penentu utama nilai wang hantaran (Kuchiba & Tsubouchi, 1966; Strange, 1976). Hal ini terjadi kerana dalam sistem ekonomi sara diri, kedudukan seseorang ditentukan oleh kedudukan sosioekonomi keluarganya. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat bandar, status sosial dan nilai seseorang itu diukur oleh pencapaiannya sendiri dan bukan keadaan keluarganya lagi. Maka, adakah kedudukan sosioekonomi keluarga masih memainkan peranan dalam menentukan nilai wang hantaran? Jawapan akan diberikan dalam bahagian yang berikut.

Dianalisis responden suami terlebih dahulu, merujuk kepada Graf 5.9, dalam lingkungan kadar wang hantaran ≤RM5,000 dan RM5,001-10,000, didapati semakin rendah kedudukan sosioekonomi keluarga, maka semakin cenderung responden suami menanggung jumlah wang hantaran dalam kedua-dua lingkungan ini. Namun, keadaan ini berubah dalam lingkungan kadar wang hantaran antara RM10,001-15,000 dan RM15,001-20,000, iaitu semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga, maka semakin cenderung responden suami membayar jumlah wang hantaran dalam kedua-dua lingkungan ini. Cuma dalam lingkungan kadar wang hantaran antara RM20,001-30,000 didapati pengecualian, iaitu peratusan keluarga berpendapatan RM5,000 dan ke bawah (5.1%) meningkat terlebih dahulu dalam kalangan keluarga

University of Malaya

berpendapatan antara RM5,001-15,000 (13.6%), tetapi tiba-tiba jauh kepada 0.0% dalam kalangan keluarga berpendapatan RM15,001 dan ke atas.



Graf 5.9: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden Suami dan Kadar Wang Hantaran

Diteliti golongan responden isteri pula (melihat Graf 5.10), dalam lingkungan kadar wang hantaran ≤RM5,000 dan RM5,001-10,000, didapati semakin rendah kedudukan sosioekonomi keluarga, maka semakin cenderung responden isteri menerima nilai wang hantaran dalam kedua-dua lingkungan ini. Biarpun begitu, berbeza pula keadaan dalam lingkungan kadar wang hantaran RM10,001-15,000 dan RM20,001-30,000, iaitu semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga, maka semakin cenderung responden isteri menerima nilai wang hantaran dalam kedua-dua lingkungan ini. Hanya dalam lingkungan kadar wang hantaran RM15,001-20,000, didapati wujudnya pengecualian. Peratusan keluarga yang berpendapatan tidak melebihi RM5,000 (5.8%) meningkat terlebih dahulu dalam kalangan keluarga berpendapatan

University of Malaya

antara RM5,001-15,000 (13.3%), tetapi jatuh mendadak dalam kalangan keluarga berpendapatan RM15,001 dan ke atas (0.0%).



Graf 5.10: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden Isteri dan Kadar Wang Hantaran

Maka, ternyatalah bahawa kedudukan sosioekonomi keluarga responden Melayu Kuala Lumpur masih memberikan implikasi yang signifikan kepada penentuan nilai wang hantaran. Secara keseluruhannya, kedudukan sosioekonomi keluarga responden suami dan responden isteri adalah berkorelasi positif dengan nilai wang hantaran yang dibayar atau diterima[5]. Pengaruh kedudukan sosioekonomi keluarga pengantin terhadap nilai wang hantaran dalam masyarakat Melayu juga diakui oleh Raihanah Azahari dan rakan-rakan (2009). Menurut mereka, antara faktor yang boleh mempengaruhi penetapan kadar wang hantaran ialah kedudukan keluarga seseorang selain pendidikan dan taraf ekonominya.

Yang menarik di sini ialah, hasil dapatan kajian dalam masyarakat Melayu Malaysia bertentangan dengan pandangan sarjana barat seperti Goody (1973) dan

[5] Terdapat juga pengecualian dalam korelasi positif antara kedudukan sosioekonomi responden dengan nilai wang hantaran.

University of Malaya

Mulder (1995), iaitu lazimnya kadar wang hantaran dalam seluruh masyarakat lebih kurang sama sahaja dan tidak akan dipengaruhi oleh kekayaan atau kemiskinan keluarga terbabit. Punca utama kepada wujudnya perbezaan ini ialah, status keluarga responden Melayu bandar masih merupakan faktor penting yang memberikan kesan terhadap mereka, termasuk juga dalam soal perkahwinan. Walaupun dalam masyarakat Melayu moden, status sosial seseorang lebih ditentukan oleh pencapaiannya sendiri, namun status keluarga masih dianggap sebagai unsur penting dalam menentukan keturunan dan mencorakkan identitinya. Hal ini terbukti dalam perbincangan Bab 4, iaitu kedudukan sosioekonomi keluarga pasangan masih merupakan kriteria yang dipentingkan antara sembilan kriteria memilih pasangan. Selain itu, sekufu dari segi kedudukan sosioekonomi keluarga kedua-dua belah pihak juga diutamakan sehingga terdapat 65.4% responden mengakui diri mereka mengambil berat tentang perkara ini. Hubung kait antara keadaan individu dengan status keluarga dalam masyarakat Melayu bandar terjalin erat mungkin disebabkan oleh nilai kekeluargaan Melayu dan ajaran agama Islam yang masing-masing mementingkan keakraban hubungan antara anak-anak dengan ibu bapa, di samping menekankan kepentingan keturunan seseorang (Paizah Ismail, 2003; Yaacob Harun, 2014a).

Berikutnya, diterangkan pula punca kepada wujudnya korelasi positif antara kedudukan sosioekonomi keluarga responden dengan nilai wang hantaran. Bagi responden suami, pembayaran wang hantaran ialah peluang untuk menunjukkan kemampuan ekonomi keluarga. Menurut sarjana seperti Benson (1971), Park (1997) dan Pauli (2011), majlis perkahwinan merupakan salah satu upacara yang paling utama untuk menunjukkan kelas sosial tuan rumah. Lantaran itu, keluarga suami yang lebih

University of Malaya

tinggi kedudukan sosioekonominya sanggup menyediakan wang hantaran yang tinggi nilainya demi menunjukkan kehebatan dan prestij keluarga. Azizah Kassim (1985) turut menunjukkan bahawa hal ini dilakukan untuk menjaga nama baik, status diri dan keluarga (p. 84). Di samping itu, oleh sebab responden isteri dan keluarganya menjadikan kedudukan sosioekonomi keluarga lelaki pengukur penting dalam penetapan nilai wang hantaran, maka responden lelaki dari keluarga yang berkedudukan tinggi biasanya akan diminta untuk membayar wang hantaran yang berjumlah lebih tinggi. Hal ini disokong dalam contoh kes berikutnya yang didapati semasa temu bual dijalankan dengan pasangan responden ketujuh.

Ibu Mertua Meletakkan Wang Hantaran Tinggi kerana Keluarga Menantu Kaya

"Bapa kepada responden suami bagi pasangan ketujuh ialah peniaga berjaya yang bergelar Datuk. Ibunya pula seorang pegawai kerajaan. Mereka tinggal di banglo yang bernilai RM2.5 juta di kawasan Petaling Jaya. Bapa responden isteri ialah staf di sebuah syarikat swasta dan ibunya pula pegawai kanan di DBP. Mereka sekeluarga tinggal di rumah dua tingkat yang dibina di atas tanah milik keluarga di Selangor.

Gambar 5.4: Cek Wang Hantaran untuk Responden Isteri bagi Pasangan Ketujuh

University of Malaya

Kadar wang hantaran setinggi RM19,285 adalah ditetapkan oleh ibu isteri mengikut hari jadi anaknya, iaitu 19 Februari 1985. Ibu isteri mengakui, latar belakang keluarga bakal menantunya ialah salah satu sebab penting mengapa ia meletakkan kadar wang hantaran setinggi ini. Menurutnya, "Kami tahu *background* famili dia. Kalau kata bapa dia hanya seorang cikgu, takkan kita nak letak harga macam itu kan." Harga wang hantaran ini diterima oleh keluarga lelaki tanpa tawar-menawar. Menurut ibu isteri, sebelum pihak perempuan memberitahu pihak lelaki harga wang hantaran yang diminta, mereka sudah menjangka si lelaki akan bersetuju sahaja dengan jumlah ini kerana kedudukan ekonomi dan status keluarganya. "Kalau dia kata tak mampu, maknanya dia tak mampu nak menyara la, malu la famili dia," ujar ibu isteri."

Kepada responden isteri pula, menerima nilai wang hantaran yang sesuai dengan kedudukan sosioekonomi keluarga amat penting untuk menjaga maruah diri mereka dan juga keluarga. Perkara ini juga ditegaskan oleh Yaacob Harun (2014a) dengan mengatakan bahawa, "*The amount imposed is subject to many factors, including: social economic status of the bride's family…*(p. 46)." Hal ini demikian kerana ahli-ahli dalam masyarakat Melayu sering mengaitkan kadar wang hantaran dengan soal nama baik keluarga serta status dan prestij keluarga perempuan. (Azizah Kassim, 1985; Nurasma Nawawi, 2000). Lantaran itu, semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga isteri, semakin mahallah wang hantaran yang perlu dibayar bagi melambangkan dan menunjukkan status dan prestij keluarga yang terbabit. Jika tidak, mungkin akan mengundang fitnah dan gosip yang tidak diingini.

Walaupun penemuan kajian ini menunjukkan bahawa kedudukan sosioekonomi keluarga responden berkorelasi positif dengan nilai wang hantaran, namun wujud juga pengecualian yang menunjukkan bahawa keluarga yang berpendapatan tinggi tidak semestinya membayar atau menerima nilai wang hantaran yang tinggi juga. Dalam hal ini, terdapat banyak pengaruh luar, misalnya keluarga yang berkenaan bersikap sederhana. Begitu juga sebaliknya, iaitu keluarga berpendapatan rendah tidak

University of Malaya

semestinya membayar atau menerima nilai wang hantaran yang rendah sahaja. Terdapat banyak unsur mungkin membawa pengaruh dalam hal ini, seperti suami sendiri yang berpendapatan lumayan. Penerangan tersebut disokong oleh pengalaman pasangan responden kedua yang akan diberikan dalam bahagian selanjutnya.

"Wang Hadiah bukan untuk Jual Anak, yang Penting Cukup Syarat."

"Bapa kepada responden isteri bagi pasangan kedua bekerja di bank dan gaji bulanannya lebih kurang RM30,000. Ibunya pula guru sejarah di sebuah sekolah menengah dan pendapatan bulanannya sebanyak RM8,000. Mereka sekeluarga tinggal di rumah banglo yang bernilai RM3 juta di Petaling Jaya. Bapa suami seorang PTD dan pendapatan bulanannya lebih kurang RM8,000. Ibu suami pula pegawai kanan di Putrajaya, gaji bulanannya juga dalam sekitar RM8,000. Responden suami sekeluarga tinggal di rumah Semi-D yang berharga RM1.5 juta di Petaling Jaya.

Walaupun kedudukan sosioekonomi kedua-dua keluarga adalah agak tinggi, namun wang hantaran yang ditetapkan oleh ibu bapa isteri hanya mengikut kadar biasa bagi masyarakat, iaitu RM11,000. Apabila isteri ditanya mengapa jumlah ini tidak sepadan dengan status keluarganya, ia berkata, "Mungkin ada keluarga lain, dia akan tuntut lebih tinggi, RM15,000, RM20,000. Tetapi ibu bapa saya sangat sederhana. Pada pandangan mereka, ini ialah wang hadiah bukan untuk jual anak. Yang penting, cukup syarat, okay. " Isteri mengakui, memang ada orang mengutuk kadar ini tidak sesuai dengan statusnya dan kedudukan keluarganya. "Mulut orang ada, tapi kami tak mengendahkan la," ujar isteri dengan senyuman."

Jelasnya, kedudukan sosioekonomi keluarga responden masih berkait rapat dengan nilai wang hantaran. Secara umumnya, semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga responden suami dan isteri, maka semakin tinggilah kadar wang hantaran yang ditentukan.

5.3.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh

Faktor kediaman responden Melayu bandar sama ada suami atau isteri didapati kurang memberikan kesan dalam penentuan nilai wang hantaran (untuk perbincangan selanjutnya, sila rujuk kepada Lampiran C). Antara faktor-faktor yang berkaitan dengan

University of Malaya

keadaan keluarga responden, kemampuan ekonomi keluarga berpengaruh besar dalam penetapan tinggi rendah nilai wang hantaran. Walaupun faktor tempat kediaman berkaitan juga dengan kemampuan ekonomi keluarga, namun faktor ini tidak semestinya menggambarkan keadaan ekonomi keluarga yang sebenar. Terdapat satu contoh kes dalam satu temu bual, iaitu ibu bapa kepada responden hanya berpendapatan bulanan setakat RM3,000, tetapi mereka tinggal di sebuah rumah teres yang bernilai RM500 ribu di pinggir bandar. Hal ini berlaku kerana, rumah ini sebenarnya dibeli oleh kakak responden dan didiami oleh ibu bapa mereka.

5.3.3 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh

Golongan pendukung Teori Pemodenan yang diwakili oleh Goode (1982) meramalkan, seiring dengan berlakunya pemodenan, sistem pemberian wang hantaran dalam negara-negara membangun akhirnya akan digantikan dengan pertukaran hadiah sesama pasangan pengantin seperti yang telah berlaku dalam masyarakat industri di barat. Strange (1976) juga membuat ramalan yang hampir serupa berdasarkan kajiannya di Terengganu pada tahun 1970-an, iaitu pemberian wang hantaran akan menjadi semakin luput dan akhirnya hilang terus dalam kalangan orang Melayu berpendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, kajian ini telah membuktikan bahawa ramalan tersebut tidak menjadi kenyataan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur. Memang benar, pemodenan telah mengubah pemberian wang hantaran responden melalui beberapa faktor sosioekonomi di bandar, namun pemberian wang hantaran bukan sahaja tidak hilang, malahan semakin meningkat jumlahnya. Hal ini berlaku kerana, pengaruh adat Melayu dan budaya kolektivisme yang dipandang rendah oleh sarjana barat masih

University of Malaya

memberikan pengaruh besar dalam mengekalkan amalan pemberian wang hantaran dalam masyarakat Melayu bandar.

Bangsa Melayu merupakan sebuah bangsa yang berpegang kuat kepada adat tradisi sehingga wujudnya peribahasa seperti “hidup dikandung adat, mati dikandung tanah” dan “biar mati anak, jangan mati adat”. Sejak dahulu lagi, amalan pemberian wang hantaran merupakan simbol penting dan mempunyai makna yang tersirat, iaitu hak kehormat ke atas perempuan dan berpindahnya tanggungjawab menjaganya daripada ibu bapa kepada bakal suami (Maeda, 1979). Adat memberikan wang hantaran yang diwarisi dari generasi ke generasi sukar untuk ditinggalkan dan telah menjadi sebati dengan jiwa bangsa Melayu (Raihanah Azahari dan rakan-rakan, 2009; Roslina Hamdan, 2008). Yudi Safitrah (2013) juga menunjukkan, terdapat sebahagian besar anggota masyarakat Melayu menganggap amalan ini sebagai suatu kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan dan seterusnya dijaga dengan kukuh. Pegangan orang Melayu terhadap adat ini begitu kuat sehingga masyarakat nampaknya telah terkeliru dalam memberikan nilai kepada mahar dan hantaran. Raihanah Azhari dan rakan-rakan (2009) mengatakan, masyarakat Melayu kini lebih mengutamakan hantaran daripada mahar. Keadaan ini menyebabkan sebahagian keluarga perempuan sengaja meletakkan kadar hantaran tinggi sehingga mencecah puluhan ribu ringgit, terutama sekali mereka yang lebih tinggi status sosioekonominya daripada aspek pendidikan, pekerjaan, pendapatan atau kedudukan sosioekonomi keluarga.

Dalam golongan responden Melayu Kuala Lumpur, budaya kolektivisme yang mengutamakan air muka keluarga dan pandangan masyarakat di sekeliling juga didapati berpengaruh besar terhadap amalan pemberian wang hantaran. Dipengaruhi oleh budaya

University of Malaya

ini, keutuhan dan pegangan masyarakat Melayu terhadap adat pemberian wang hantaran memberikan tekanan besar kepada responden dan keluarga mereka supaya mengikut trend masyarakat setempat dalam menentukan nilai wang hantaran yang sesuai bagi mengelakkan gosip dan fitnah yang tidak diingini. Terdapat 43.8% responden dalam kajian ini mengakui bahawa trend masyarakat ialah panduan mereka semasa menentukan kadar wang hantaran. Data yang didapati daripada soal selidik itu turut disokong dalam contoh kes yang berikut ini.

Menetapkan Nilai Wang Hantaran Mengikut Jumlah Purata Masyarakat Setempat

"Kedua-dua responden suami isteri bagi pasangan kesepuluh bekerja di TM. Jumlah pendapatan bulanan mereka masing-masing mencecah RM2,000. Ibu bapa responden isteri juga berkhidmat di Menara TM, cuma di bahagian yang berlainan. Mereka tinggal di rumah pangsa 17 tingkat di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur.

Wang hantaran yang diletakkan oleh keluarga isteri ialah RM10,000. Menurut isteri, jumlah ini ditetapkan mengikut jumlah purata dalam masyarakat setempat, "*Trend* kot saya rasa, sebab waktu ni memang dah belas-belas ribu punya kos kan, memang *everytime* orang kahwin pun 10-15 (ribu) la." Ibu isteri menambahkan lagi, "A'ah, kat KL punya *rate* memang macam tu selalu, 10-15 (ribu), lagipun jiran-jiran semua RM10,000.""

Zurita Mohd. Yusoff (2008) menyatakan, masyarakat Melayu hari ini seolah-olah menganggap wang hantaran sebagai rukun pernikahan dan telah mengaitkannya dengan nama baik, maruah, status dan prestij keluarga yang terbabit. Maka, jika kadar wang hantaran tidak sampai jumlah purata atau langsung tidak diberikan, seolah-olah menggambarkan harga diri seseorang itu, bahkan maruah keluarganya rendah bagi pandangan masyarakat sekitar. Untuk mengelakkan daripada menanggung malu, orang Melayu bandar, terutama sekali ibu bapa amat mengutamakan dan menekankan amalan

University of Malaya

pemberian wang hantaran. Tekanan sosial terhadap responden dan keluarga mereka dalam soal ini dapat dikesan dengan jelas dalam contoh kes pasangan responden ketiga ini.

Tidak Bersetuju Cadangan Anak Tolak Wang Hantaran kerana Takut Pandangan Serong Masyarakat

"Responden isteri bagi pasangan ketiga bekerja di AmBank. Beliau enggan menuntut wang hantaran daripada bakal suami kerana menginginkan kenduri kahwin yang semudah mungkin. "Ada Al-Quran, mas kahwin dan beberapa barang hantaran dah cukup dah. Tapi *my parents* kata, tak boleh macam tu, saudara ke apa ke dia akan pandang la, macam, 'Eh, kenapa pula macam ni, tak ada hantaran?' Maksudnya, kita ada *audience* kita, jiran kita, lepas tu kita punya saudara, nanti apa dia orang akan cakap, daripada dia orang cakap, baik kita buat juga," ujar isteri. Akhirnya, isteri dan ibu bapanya bertolak ansur dan sepakat dengan cara penyelesaiannya, iaitu menggabungkan mas kahwin dan wang hantaran sekali dengan membayar mas kahwin sebanyak RM10,000.

Walaupun begitu, isteri mengakui bahawa masih ada orang bertanya kepada keluarganya kenapa tidak ada wang hantaran. "Manusia ni lain-lain, ada la, *even my uncle* sendiri pun macam konflik, dia kata, 'Eh, kenapa la tak ada ni, ni, ni...kenapa pula macam ni, tak ada wang hantaran, macam mana kita nak kira mas kahwin?' *People*, benda-benda macam ni, kalau dekat anak dia, dia tak ada *thing*, tapi kalau anak orang, dia bising. Tu kahwin Melayu memang macam tu," jelas isteri dengan panjang lebar."

Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapati bahawa unsur-unsur sosiobudaya yang merangkumi adat Melayu tradisi dan budaya kolektivisme mempunyai pengaruh berpanjangan dalam pemberian wang hantaran responden. Natijahnya, bukan sahaja amalan ini berkekalan, malah nilainya terus meningkat.

Boleh dirumuskan bahawa nilai wang hantaran dalam kalangan responden telah melonjak tinggi dibandingkan dengan masyarakat Melayu tradisi. Dalam perubahan ini, punca-punca utama ialah peningkatan taraf pendidikan, tahap pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga responden suami dan isteri serta peningkatan status

University of Malaya

pekerjaan isteri. Pengekalan dan perkembangan amalan pemberian wang hantaran dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur ternyata bertentangan dengan ramalan sarjana-sarjana barat yang mendukung Teori Pemodenan. Hal ini demikian kerana, dalam konteks masyarakat Melayu, disebabkan pegangan yang kuat terhadap adat dan pengaruh budaya kolektivisme, maka amalan pemberian wang hantaran telah menjadi sebati dengan bangsa Melayu dan tidak mudah ditinggalkan.

5.4 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Barang Hantaran

Selain wang hantaran, persiapan barang hantaran juga merupakan salah satu perkara penting dalam majlis perkahwinan komuniti Melayu demi memenuhi tuntutan adat (Mohd Khairuddin & Mohamad Fauzi Sukimi, 2016). Berbalas-balas barang hantaran bukan sahaja boleh mengikat dua hati, tetapi membantu dalam mengukuhkan perhubungan yang telah terjalin antara kedua-dua keluarga pengantin. Dalam masyarakat Melayu pertanian, barang hantaran biasanya terdiri daripada makanan dan sedikit barangan perhiasan diri, contohnya kuih-muih, buah-buahan, gula putih, susu pekat, pulut kuning, kasut, kain dan baju (Kuchiba & Tsubouchi, 1966; Yaacob Harun, 2014a). Sama seperti pemberian wang hantaran, nilai barang hantaran juga ditentukan oleh kemampuan kewangan keluarga terbabit.

Walau bagaimanapun, penghantaran barang hantaran dalam kalangan responden kajian ini telah mengalami perubahan ketara dari segi jenis dan bentuk barangan. Menurut responden yang ditemu bual, antara barangan yang biasanya dijadikan hantaran ialah, alat-alat elektrik, jam tangan, kasut kasual, tas tangan, dompet, kaca mata hitam, alat solekan, minyak wangi, baju kemeja, tali pinggang, barang kemas,

University of Malaya

coklat dan kek ising. Jelasnya, barang hantaran tersebut telah banyak diresapi oleh nilai-nilai perdagangan. Kesannya, perbelanjaan responden untuk barang hantaran telah meningkat dengan ketara seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.3.

Jadual 5.3: Perbelanjaan Responden untuk Barang Hantaran

Perbelanjaan untuk Barang Hantaran	**Bilangan Responden**	**Peratus (%)**
≤RM1,000	10	9.3
RM1,001-2,000	13	12.1
RM2,001-3,000	39	36.4
RM3,001-4,000	26	24.3
RM4,001-5,000	13	12.1
RM5,001-7,000	1	0.9
RM7,001-10,000	5	4.7
Jumlah	107	100.0

Didapati bahawa 36.4% responden membelanjakan wang sebanyak RM2,001-3,000 untuk barang hantaran. Golongan yang kedua paling besar ialah mereka yang menyediakan barang hantaran dengan nilainya antara RM3,001-4,000 (24.3%). Golongan yang ketiga paling besar pula ialah mereka yang menghabiskan jumlah wang dalam lingkungan RM1,001-2000 (12.1%) dan RM4,001-5,000 (12.1%) ke atas barang hantaran. Selain itu, terdapat 5.6% responden membelanjakan wang setinggi RM5,001-10,000 untuk menyediakan barang hantaran. Hanya 9.3% responden sahaja memberikan barang hantaran bernilai RM1,000 dan ke bawah kepada pasangan masing-masing. Ternyatalah, pemberian barang hantaran responden telah mengalami perubahan drastik sama ada daripada aspek jenis, bentuk atau kos belanja barangan. Penemuan ini juga selaras dengan huraian Noorlaili Khairuddin (1991), iaitu jenis

University of Malaya

barang hantaran merupakan aspek menonjol dari segi perubahan. Di samping itu, nilainya juga jauh lebih mahal berbanding dengan zaman dahulu.

Perbincangan yang berikutnya akan mengupas pengaruh faktor-faktor sosioekonomi terhadap perubahan barang hantaran yang telah berlaku dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur.

5.4.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat dua faktor sosioekonomi mempunyai hubung kait rapat dengan pemberian barang hantaran dalam kalangan responden, iaitu faktor pendapatan dan pendidikan.

5.4.1.1 Pendapatan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, memandangkan sara hidup ahli keluarga bergantung kepada pengeluaran rumah tangga, maka pendapatan individu kurang berpengaruh dalam kehidupan seharian penduduk desa, begitu juga dalam pemberian barang hantaran. Dalam hal ini, tinggi rendah kos belanjanya lebih ditentukan oleh kemampuan ekonomi keluarga. Namun begitu, dalam masyarakat bandar, individu tidak lagi terikat dengan kegiatan ekonomi keluarga, tetapi menceburkan diri dalam pasaran kerja dan menyara hidup mereka dengan pendapatan sendiri. Maka, faktor pendapatan telah wujud sebagai faktor utama yang mempengaruhi segala aspek kehidupan individu. Pengaruhnya terhadap perbelanjaan untuk barang hantaran juga dikesan dalam kalangan responden seperti yang ditunjukkan dalam Graf 5.11.

University of Malaya



Graf 5.11: Pendapatan Bulanan Responden dan Perbelanjaan untuk Barang Hantaran

Dalam lingkungan kos belanja barang hantaran ≤RM1,000, RM1,001-2,000, RM2,001-3,000 dan RM3,001-4,000, semakin tinggi tahap pendapatan responden, maka semakin kurang mereka menyediakan barang hantaran yang bernilai dalam empat lingkungan ini. Walau bagaimanapun, keadaan adalah berbeza dalam lingkungan kos belanja barang hantaran RM4,001-5,000 dan RM5,001-7,000, iaitu semakin tinggi tahap pendapatan responden, maka semakin cenderung mereka membelanjakan jumlah wang dalam dua lingkungan ini untuk barang hantaran. Cuma dalam lingkungan kos belanja antara RM7,001-10,000, peratusan responden berpendapatan rendah (5.0%) adalah lebih tinggi daripada peratusan responden berpendapatan tinggi (0.0%). Sungguhpun begitu, secara umumnya, boleh dikatakan bahawa peningkatan tahap pendapatan responden menyumbang kepada peningkatan kos belanja untuk barang hantaran[6].

[6] Terdapat juga pengecualian dalam korelasi positif antara tahap pendapatan responden dengan kos belanja untuk barang hantaran.

University of Malaya

Dalam kebanyakan masyarakat, hadiah hantaran yang diberikan akan menjadi kayu pengukur kemampuan pemberi. Kayu pengukur itu hendaklah sesuai dengan perubahan zaman. Cooper (1995) memberikan penjelasan yang lebih lanjut seperti yang berikut:

> "*Gifts provide a measure of the productive and redistributive capabilities of the giver, and this measure will vary with the qualities of the material goods given…If these gifts were to continue to serve as signifiers, embodiments and producers of wealth in people, they had to derive not from the organic agriculturally oriented economy of the turn of the century, but instead from participation in the urban-dominated trade…* (p. 122-123)."

Begitu juga dalam masyarakat Melayu, sejak dahulu lagi, nilai barang hantaran dihubung kaitkan dengan kemampuan ekonomi pemberi. Menurut Nurasma Nawawi (2000) dan Nur Farhana Dzulhaimi (2015), anggaran jumlah nilai barang hantaran berdasarkan kemampuan pemberi sama ada mampu menyediakan barangan mahal ataupun tidak.

Kajian ini telah mendapati tahap pendapatan responden adalah berkorelasi positif dengan kos belanja untuk barang hantaran. Hal ini berlaku bukan sahaja kerana golongan berpendapatan tinggi mempunyai asas kewangan yang mantap dan bajet yang mencukupi, apa yang tersirat di sebalik pemberian barangan mahal ialah hasrat mereka untuk menunjukkan status dan prestij. James S. Duesenberry (1967), sarjana ekonomi A.S. yang terkenal dalam teori perbelanjaan klasiknya menunjukkan bahawa manusia dalam masyarakat perlu menjaga maruah dan status sosial masing-masing melalui perbelanjaan barangan. Dalam hal ini, tahap perbelanjaan golongan yang berpendapatan tinggi sering dianggap sebagai tanda kejayaan dan lambang status sosial yang lebih tinggi. Sarjana tempatan, Wan Abdul Kadir (2007b) juga mengemukakan pandangan

University of Malaya

yang serupa, iaitu berdasarkan kedudukan kelas, mereka yang memiliki kekayaan menyedari status diri mereka. Kesedaran itu mendorongkan golongan ini berusaha untuk memperlihatkan status dan kemampuan mereka kepada orang lain. Dalam hal ini, lambang-lambang sosial yang dapat memperlihatkan kemodenan dan kedudukan sosial individu ditawarkan secara komersial di pasaran, misalnya barangan mewah yang berjenama dan bernilai tinggi. Lambang-lambang sosial yang ditawarkan secara komersial itu telah menjadi tumpuan golongan yang berkemampuan dari segi ekonomi.

Dilihat pemberian barang hantaran yang berkait rapat dengan status dan bajet pasangan pengantin. Kuantiti dan kualiti barangan yang disediakan akan menjadi kayu pengukur untuk memperlihatkan kemampuan ekonomi pemberi. Oleh hal yang demikian, golongan berpendapatan tinggi perlu menyediakan barang hantaran yang mahal dan berjenama mewah bagi membuktikan pencapaian dan kejayaan mereka dari segi ekonomi. Pandangan ini juga selaras dengan hasil dapatan kajian Nur Farhana Dzulhaimi (2015) di bandar Jerantut, Pahang. Menurutnya, jika banyak barangan berjenama diberikan sebagai hantaran, maka pengantin tersebut akan dikategorikan sebagai orang berada oleh masyarakat sekeliling. Walau bagaimanapun, golongan berpendapatan rendah hanya boleh menyediakan barang hantaran yang biasa sahaja kerana kekurangan bajet, dan mereka lebih mementingkan persoalan bagaimana menangani masalah yang asas bagi kelangsungan hidup.

Berikutnya, diberikan contoh kes daripada tiga pasangan responden yang mewakili tiga kumpulan pendapatan yang berbeza. Melalui pengalaman mereka, dapat dikesan dengan ketara tahap pendapatan yang berbeza memberikan implikasi yang berlainan kepada kos belanja untuk barang hantaran.

University of Malaya

Membeli Barang Hantaran di Pasar Raya kerana Bajet Tidak Cukup

"Responden isteri bagi pasangan kesembilan bekerja di bengkel motosikal dan berpendapatan bulanan setakat RM1,000 sahaja. Barang hantaran yang disediakan olehnya untuk bakal suami ialah tujuh dulang. Memandangkan pendapatannya yang tidak seberapa, ia terpaksa membeli barang hantaran di pasar raya seperti *Tesco* dan *Carrefour* atau pasar malam yang berdekatan dengan rumahnya. Barang hantaran yang disediakan termasuk, cincin (RM300), sejadah (RM30), topi dan baju *Adidas* (RM120), buah-buahan (RM35), satu set syampu dan perapi rambut *Rejoice* (RM26), gula-gula (RM29) dan biskut (RM39). Kesemuanya memakan kos belanja yang tidak melebihi RM600."

Gambar 5.5: Topi dan Baju Jenama *Adidas* sebagai Barang Hantaran untuk Responden Suami bagi Pasangan Kesembilan

Bersederhana kerana Bajet Terhad

"Suami isteri pasangan kelima membeli barang hantaran untuk diri sendiri, kemudian bertukar. Responden isteri yang mengajar di universiti sebagai tutor berpendapatan bulanan sebanyak RM2,800. Antara barang hantaran yang dibelikannya ialah, jam tangan *DKNY* (RM390), cincin (RM1,200), set minyak wangi dan kosmetik *Estee Lauder* (RM289). Barang hantaran yang lain dibuat oleh ibu saudaranya, seperti kek, sirih junjung dan bunga rampai. Kos belanja untuk barang hantaran yang dibelikannya tidak melebihi bajetnya, iaitu RM2,000.

Menurut isteri, gaji dan simpanannya tidak banyak, lagipun pinjaman kereta belum dijelaskan lagi. Maka ia banyak mengambil pengalaman kawan-kawan yang telah melalui fasa ini untuk belajar bagaimana menjimatkan kos untuk barang hantaran. Isteri mengakui, dua perkara yang paling penting ialah rancangan dan bajet. "Masa saya beli hantaran, saya beli tiap-tiap bulan. Sebab kita macam ni, duit tak banyak, *so* kita rancang awal-awal, bulan ni beli apa, bulan depan beli apa, *so* nanti bila nak kahwin, tak

ada la nak keluar duit banyak. Selain itu, kita kena tetapkan bajet, jam tangan kita tak boleh lebih daripada RM400. *So* kita kena cari barang yang lagi bawah daripada RM400 tu. Jam tangan saya harga asalnya RM488, saya dapat *after discount* 20%, RM390, dah jimat la itu, *so* kena cari waktu ada *sale* la." jelaskan isteri berpanjang lebar."

Barang Hantaran Cantik dan Glamor kerana Bajet Mencukupi

"Dalam contoh kes pasangan ketiga, isteri bekerja di AmBanK dan berpendapatan bulanan sebanyak RM4,000. Bagi isteri, barang hantaran mesti nampak "cantik" dan "glamor" kerana akan ditatap oleh semua tetamu. Jika diletakkan barang hantaran yang murah-murah sahaja, maka pengantin dan keluarga akan menanggung malu. Responden isteri telah membelanjakan RM4,000 ke atas barang hantaran untuk suaminya. Antara barang-barang hantaran tersebut ialah, *iPad* (RM1,900), buku *Doktor Umum: Memoir Tun Dr Mahathir Mohamad* (RM59.9), minyak wangi *Calvin Klein* (RM350), kasut kulit *Polo* (RM210), lensa kamera *Nikon* untuk bergambar di bawah laut (RM1,300), buah-buahan (RM60) dan kek *Secret Recipe* (RM88)."

Gambar 5.6: *iPad* sebagai Barang Hantaran untuk Responden Suami bagi Pasangan Ketiga

Walaupun hubungan positif antara tahap pendapatan dengan kos belanja barang hantaran boleh dikesan dengan jelas, terdapat juga segelintir kes yang terkecuali menunjukkan bahawa golongan berpendapatan tinggi tidak semestinya menyediakan barang hantaran yang mahal. Terdapat banyak unsur luaran berpengaruh dalam hal ini,

University of Malaya

misalnya responden suka membazir dan tidak banyak simpanan. Begitu juga sebaliknya, yakni orang berpendapatan rendah tidak semestinya menyediakan barang hantaran yang murah sahaja. Dalam hal ini, terdapat banyak faktor boleh memberikan kesan, contohnya keluarga responden kaya dan banyak memberikan tajaan. Penjelasan ini juga selaras dengan dua contoh kes yang diberikan seterusnya, iaitu hasil daripada temu bual.

Pendapatan Tinggi tetapi Barang Hantaran Murah kerana Kurang Simpanan

"Responden isteri bagi pasangan kesebelas bekerja di farmasi hospital kerajaan dan berpendapatan bulanan sebanyak RM4,100. Walau bagaimanapun, isteri mengakui bajetnya untuk barang hantaran adalah terhad. Hal ini demikian kerana apabila mengambil keputusan untuk berkahwin, ia baru mula bekerja dan tidak ada banyak simpanan. Tambahan pula, pinjamannya daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional belum habis dibayar lagi. Oleh itu, ia terpaksa membatasi bajetnya untuk barang hantaran pada kadar RM2,500."

Pendapatan Tidak Tinggi tetapi Barang Hantaran Mahal kerana Ibu Bapa Banyak Menaja

"Responden isteri bagi pasangan keempat ialah tutor di universiti dan berpendapatan bulanan RM2,800. Bapa isteri pengurus bank dan pendapatan bulanannya sebanyak RM20,000, manakala ibu isteri pula suri rumah sepenuh masa. Walaupun pendapatan bulanan isteri tidak dikira tinggi, namun nilai barang hantaran yang disediakannya untuk bakal suami telah mencecah RM7,028. Hal ini demikian kerana ia banyak menerima tajaan daripada ibu bapa. Sembilan dulang hantaran termasuk, cincin *Diamoney* (RM628), jam tangan *Tissot* (RM3,400), barang mandian dan tuala (RM250), minyak wangi *Hugo Boss* (RM400), kasut *Aldo* (RM810), baju kemeja *Ralph Lauren* (RM650), coklat *Godiva* (RM180), aksesori lelaki, termasuk cermin mata dan dompet *Quiksilver* (RM650) dan sirih junjung (RM60). Antara barang hantaran tersebut, jam tangan *Tissot* ialah hadiah daripada bapanya dan kemeja *Ralph Lauren* pula ditaja oleh ibunya."

Sebagai kesimpulan, faktor pendapatan responden dibuktikan berhubung kait rapat dengan kos belanja untuk barang hantaran yang disediakan. Secara keseluruhannya, tahap pendapatan responden berkorelasi positif dengan kos belanja barang hantaran.

University of Malaya

5.4.1.2 Pendidikan

Dilihat faktor pendidikan pula, dalam masyarakat Melayu tradisi, faktor ini tidak memberikan kesan yang ketara kepada kos belanja untuk barang hantaran. Oleh sebab, secara umumnya, penduduk desa tidak pernah berpendidikan formal. Walau bagaimanapun, dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, faktor pendidikan mula mempunyai hubung kait yang rapat dengan kos belanja barang hantaran mereka.

Menurut Graf 5.12, dalam lingkungan kos belanja barang hantaran ≤RM1,000, RM1,001-2,000 dan RM2,001-3,000, didapati semakin tinggi tahap pendidikan responden, maka semakin kurang mereka membelanjakan jumlah wang dalam tiga lingkungan ini untuk barang hantaran. Namun begitu, keadaan ini berubah dalam empat lingkungan kos belanja barang hantaran antara RM3,001-4,000, RM4,001-5,000, RM5,001-7,000 dan RM7,001-10,000, iaitu semakin tinggi tahap pendidikan responden, maka semakin cenderung mereka menyediakan barang hantaran dengan nilai dalam empat lingkungan ini. Jelasnya, dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, taraf pendidikan responden berkorelasi positif dengan kos belanja untuk barang hantaran.

University of Malaya



Graf 5.12: Taraf Pendidikan Responden dan Perbelanjaan untuk Barang Hantaran

Hal ini berlaku diakibatkan oleh dua punca utama dan yang pertama ialah, golongan berpendidikan tinggi biasanya mempunyai pendapatan lumayan, maka mereka lebih cenderung untuk berbelanja dan mampu menampung perbelanjaan yang lebih tinggi. Seperti diketahui, faktor pendidikan boleh mempengaruhi cara perbelanjaan individu dengan ketara. Perkara ini berlaku kerana pendidikan bukan sahaja agen mustahak dalam sosialisasi pengguna (*consumer socialization*)[7] dan menghasilkan berbagai-bagai tingkah laku, tetapi juga salah satu penyumbang besar kepada keperluan dan keinginan seseorang untuk berbelanja (Abdul Razak Kamaruddin & Safiek Mokhlis, 2007; Gold, 2002). Pengaruh pendidikan terhadap corak perbelanjaan juga dapat dikesan dalam masyarakat Malaysia seperti yang dinyatakan oleh Laily dan Nurizan (1997), iaitu kepentingan elemen pendidikan secara signifikan membezakan corak perbelanjaan pekerja dalam pelbagai sektor di Malaysia.

[7] Sosialisasi pengguna (*consumer socialization*) merujuk kepada proses pelanggan mempelajari teknik berbelanja dan sikap berbelanja yang membolehkan mereka menyertai aktiviti penggunaan.

University of Malaya

Pada kebiasaannya, semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, maka semakin tinggi tahap perbelanjaannya. Hal ini demikian kerana tahap pendidikan tinggi lazimnya mendatangkan pendapatan yang lumayan, lalu meninggikan keinginan golongan terpelajar untuk berbelanja (Feng, 2008). Selain itu, golongan berpendidikan tinggi juga lebih suka berbelanja barangan berjenama mewah (He, 2012) kerana mereka mampu berbuat demikian dengan jaminan kewangan kukuh. Begitu juga dengan persediaan barang hantaran yang dianggap sebagai pengukur kemampuan ekonomi pengantin (Nurasma Nawawi 2000, Nur Farhana Dzulhaimi, 2015). Asas kewangan golongan terpelajar yang mantap mendorong dan membolehkan mereka mengeluarkan kos belanja yang lebih besar untuk menyediakan barang hantaran yang mewah dan berjenama. Dengan menunjukkan barang hantaran yang mahal-mahal dalam majlis perkahwinan, golongan berpendidikan tinggi boleh menonjolkan dan mengukuhkan jarak sosial diri mereka dengan golongan lain. Walau bagaimanapun, bagi golongan berpendidikan rendah, bajet yang lebih terhad jelas membatasi keinginan mereka untuk berbelanja barang-barang mahal (Ma, 2006).

Punca yang kedua pula ialah, golongan berpendidikan tinggi lebih mengutamakan cita rasa dan kualiti semasa berbelanja barangan, dan ini juga salah satu sebab mereka lebih cenderung menyediakan barang hantaran berjenama mewah yang memakan kos tinggi. Bourdieu (1984) menunjukkan, pendidikan merupakan faktor yang paling utama dalam mencorakkan cita rasa dan gaya hidup seseorang. Hal ini juga disokong oleh huraian Gold (2002), iaitu pendidikan formal membantu dalam meninggikan cita rasa dan nilai estetik individu. Hal ini demikian kerana proses pembelajaran akan membentuk sikap dan cara perbelanjaan yang berperanan penting dalam perkembangan

University of Malaya

identiti dan imej kendiri generasi muda (Benn, 2004). Abdul Razak Kamaruddin dan Safiek Mokhlis (2007) turut menegaskan, pendidikan merupakan proses mustahak dalam memupuk kesedaran pengguna dan kebolehan bertindak.

Cita rasa yang tinggi dan gaya hidup yang elegan mengakibatkan golongan terpelajar lebih suka akan barangan berjenama mewah. Tahap pendidikan mereka yang tinggi juga membantu golongan ini mengenali dan memahami makna, kebudayaan dan semangat yang tersirat di sebalik jenama mewah dengan lebih baik. Feng (2008) juga menekankan, kebanyakan jenama terkemuka mempunyai sejarah berpuluh-puluh tahun bahkan beratus-ratus tahun lamanya. Maka, barangan jenama mewah mempunyai nilai estetika yang mengandungi makna penting dari segi kebudayaan, kesenian, falsafah, sejarah dan kemasyarakatan. Oleh itu, berbelanja barangan berjenama mewah bukan sahaja dianggap sebagai tanda kemampuan ekonomi yang tinggi, tetapi lambang cita rasa yang tinggi dan gaya hidup yang berkualiti.

Begitu juga dalam menyediakan barang hantaran, responden terpelajar lebih cenderung membeli barangan berjenama mewah. Menurut data-data temu bual, jenama mewah yang sering dipilih oleh golongan terpelajar ialah, *Gucci*, *Prada*, *Coach*, *Hugo Boss* dan *Tissot*. Akibatnya, kos belanja golongan terpelajar untuk menyediakan barang hantaran telah melonjak tinggi. Perkara ini mudah sahaja untuk difahami kerana jika sesuatu barang itu berjenama, maka sudah tentu barangan itu mahal harganya (Nurasma Nawawi, 2000). Dengan menunjukkan barangan mewah kepada tetamu jemputan, golongan terpelajar boleh menunjukkan usaha mereka untuk mencapai gaya hidup elegan dan cita rasa tinggi. Namun begitu, golongan berpendidikan rendah kurang mengutamakan cita rasa dan kualiti barangan semasa membeli barang hantaran kerana

University of Malaya

bajet terhad menyebabkan mereka lebih memperhatikan harga barangan. Seterusnya, diceritakan pengalaman responden isteri bagi pasangan kedua belas untuk membuktikan hubungan yang didapati antara tahap pendidikan dengan persediaan barang hantaran.

Isteri Berpendidikan Tinggi Suka akan Barangan Berjenama Mewah

"Responden isteri bagi pasangan kedua belas mendapat ijazah sarjana dari UiTM dan bekerja sebagai pensyarah di UNiKL. Pendapatan bulanannya ialah RM6,000. Responden isteri dan suaminya masing-masing membeli barang hantaran untuk diri mereka, kemudian bertukar. Responden isteri membelanjakan RM2,591 ke atas barang hantaran sendiri. Tujuh dulang hantaran termasuk beg *Coach* (RM1,300), set minyak wangi *Dior* (RM350), jam tangan *Solvil et Titus* (RM600), buah (RM50), kek *Secret Recipe* (RM88), biskut *Famous Amos* (RM183), sirih junjung dan bunga rampai (RM70).

Isteri tidak menafikan semasa menyediakan barang hantaran, jenama barangan amat diutamakan. "Memang saya nak jenama," katanya. Mengikut isteri, sebelum berkahwin ia telah memakai barang-barang yang berjenama kerana tahan lama, misalnya beg *Coach*. Isteri mengakui, ia mementingkan jenama kerana terpengaruh oleh suasana di tempat kerjanya. "Sebab *environment* saya kot, saya nak bekerja, macam tu la. *To be honest* la, lepas tu baru *quality second* la, *first thing* tu jenama." Isteri bersetuju dengan pandangan taraf pendidikan mempengaruhi perbelanjaan untuk barang hantaran. Ia memberikan contoh kes kawannya yang berpendidikan di peringkat SPM dan bekerja sebagai kerani biasa. Kawannya itu berkahwin dengan pemandu kereta. Barang hantarannya pun murah sahaja. Misalnya, minyak wangi berjenama *Enchanteur* yang berharga RM50. "*Brand brand* kat pasar raya je, *Enchanteur famous* juga, tapi ni *brand* masa zaman-zaman sekolah pakai la, tapi dia tak ada *choice* la."

University of Malaya

Gambar 5.7: Set Minyak Wangi Jenama *Dior* sebagai Barang Hantaran Responden Isteri bagi Pasangan Kedua belas

Satu lagi sebab responden isteri menginginkan barang hantaran berjenama ialah, takut tetamu mengutuk jika barang hantaran adalah murah sahaja. "Hantaran kalau orang Melayu, kan kita susun kan masa kahwin, orang tengok, *so* kita nak yang *brand* la, betul tak? Sebab nanti orang cakap, contoh dia cakap ye, 'Eh, dia pensyarah, Master, tapi barang-barang ni murah', saudara banyak macam tu, *that's the reason* juga la," jelaskan isteri."

Ternyatalah, faktor pendidikan responden mempengaruhi kos belanja untuk barang hantaran mereka dengan signifikan. Didapati bahawa taraf pendidikan responden berkorelasi positif dengan kos belanja barang hantaran.

5.4.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh

Faktor pekerjaan, kedudukan sosioekonomi keluarga dan kediaman didapati kurang berpengaruh terhadap kos belanja barang hantaran (untuk perbincangan selanjutnya, sila rujuk kepada Lampiran C).

Status pekerjaan kurang berperanan dalam hal ini kerana dalam menentukan kos belanja barang hantaran, kemampuan ekonomi responden lebih memainkan peranan,

University of Malaya

sedangkan status pekerjaan tidak semestinya sepadan dengan pendapatan. Kedudukan sosioekonomi keluarga dan kediaman kurang berperanan dalam hal ini kerana berbeza dengan pembayaran wang hantaran yang sejak dahulu lagi telah dianggap sebagai lambang status keluarga terbabit, pertukaran barang hantaran zaman ini lebih cenderung berlaku antara pasangan pengantin sahaja sebagai hadiah untuk bakal teman hidup. Maka keadaan sosioekonomi keluarga responden turut kurang berpengaruh dalam hal ini.

Berasaskan huraian di atas, didapati bahawa pemberian barang hantaran responden Melayu Kuala Lumpur telah menunjukkan perubahan yang besar, iaitu kos belanjanya melonjak tinggi. Terdapat dua faktor sosioekonomi berhubung kait dengan perubahan ini, iaitu pendapatan dan pendidikan. Dilihat dengan lebih mendalam lagi, maka tahap pendapatan dan pendidikan berkorelasi positif dengan kos belanja barang hantaran.

5.5 Rumusan

Bab 5 telah menganalisis perubahan pemberian perkahwinan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, iaitu mas kahwin, wang hantaran dan barang hantaran. Di samping itu, mengenal pasti implikasi faktor-faktor sosioekonomi terhadap perubahan yang telah berlaku.

Didapati bahawa nilai mas kahwin tidak terhad lagi kepada kadar minima yang ditetapkan oleh jabatan agama negeri, sebaliknya semakin ramai responden menentukan jumlah dan bentuknya atas kehendak sendiri. Peningkatan pendidikan dan pendapatan responden merupakan dua penyumbang utama dalam hal ini. Kadar wang hantaran telah meningkat dengan ketara sehingga mencecah berpuluh-puluh ribu ringgit. Terdapat

University of Malaya

beberapa faktor sosioekonomi berkorelasi positif dengan kadarnya, iaitu pendidikan, pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga suami isteri serta status pekerjaan isteri. Selain itu, kos belanja untuk barang hantaran juga melonjak tinggi. Peningkatan pendidikan dan pendapatan responden dibuktikan menyumbang kepada fenomena ini. Jelasnya, dalam pemberian perkahwinan, faktor-faktor sosioekonomi responden sendiri lebih berpengaruh besar dibandingkan dengan faktor-faktor sosioekonomi keluarga. Yang perlu ditekankan ialah, pemberian perkahwinan responden bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor-faktor sosioekonomi, tetapi unsur-unsur sosiobudaya. Dipengaruhi oleh adat Melayu dan budaya kolektivisme, amalan pemberian wang hantaran bukan sahaja tidak lenyap dalam masyarakat Melayu bandar seperti apa yang diramalkan oleh sarjana barat, tetapi semakin melonjak tinggi nilainya.

Dalam Bab 6 yang berikutnya, akan dikupas perubahan dari segi pelaksanaan majlis perkahwinan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur. Perbincangan akan berfokus kepada empat subjek utama, iaitu pemilihan tarikh majlis perkahwinan, pemilihan lokasi majlis perkahwinan, sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan dan sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Selain itu, hubung kait antara faktor-faktor sosioekonomi responden dengan perubahan yang telah berlaku juga akan dianalisis.

University of Malaya

BAB 6: IMPAK FAKTOR-FAKTOR SOSIOEKONOMI ORANG MELAYU BANDAR TERHADAP PELAKSANAAN MAJLIS PERKAHWINAN

6.1 Pendahuluan

Dalam masyarakat Melayu, pada hari langsung yang menjadi kemuncak perkahwinan, kenduri besar-besaran akan diadakan untuk meraikan hari bahagia dan tetamu jemputan. Yaacob Harun (2014a) menunjukkan, menjalankan majlis perkahwinan dengan sewajarnya penting sekali kepada pengantin kerana akan membentuk sistem sokongan yang kuat untuk mereka, di samping menjalin hubungan yang lebih erat antara pihak-pihak yang terlibat. Dalam hal ini, pemilihan tarikh dan lokasi majlis perkahwinan, sistem sokongan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan sama ada dari segi tenaga atau kewangan memainkan peranan yang dominan dalam menjayakan sesebuah majlis.

Seperti diketahui, proses pembandaran telah membawa banyak pengaruh kepada institusi perkahwinan orang Melayu di bandar. Maka, apakah perubahan yang telah dilalui dalam pelaksanaan majlis perkahwinan responden Melayu Kuala Lumpur? Faktor-faktor sosioekonomi yang manakah lebih menyumbang kepada perubahan tersebut? Jawapan akan diberikan dalam bahagian yang seterusnya.

6.2 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan

Dalam masyarakat Melayu tradisi yang dipengaruhi oleh ciri-ciri kegiatan pertanian dan kepercayaan konservatif, tarikh majlis perkahwinan adalah ditentukan oleh keluarga kedua-dua belah pihak berdasarkan kalender pertanian dan kalender Islam (Tsubouchi,

University of Malaya

1979). Musim perkahwinan jatuh pada masa selepas menuai padi, manakala tarikh yang tepat pula ditetapkan pada tarikh keramat mengikut kalender Islam. Sungguhpun begitu, dalam masyarakat Melayu bandar, pemilihan tarikh majlis perkahwinan telah mengalami perubahan yang ketara dari segi tarikh yang dipilih dan faktor yang menentukannya.



Carta 6.1: Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan Responden

Kini, tarikh majlis perkahwinan responden Melayu bandar tidak lagi terikat pada kalender pertanian, tetapi bertaburan pada sepanjang tahun kecuali bulan Ramadan. Melihat Carta 6.1, tarikh majlis perkahwinan tertumpu pada cuti hujung minggu (86.0%) dan cuti umum (11.2%). Didapati bahawa cuti umum yang sering kali dijadikan pilihan pengantin termasuk, cuti Tahun Baru Cina, Hari Kebangsaan, Hari Krismas dan Tahun Baharu. Dalam hal ini, hanya 2.8% pasangan mengadakan majlis perkahwinan pada hari kerja dengan alasan tarikh itu ulang tahun pertemuan mereka atau angka tarikh itu "cantik" dan senang diingati.

University of Malaya



Graf 6.1: Faktor Penentu Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan Responden

Faktor penentu tarikh majlis perkahwinan juga menunjukkan perubahan. Menurut Graf 6.1, jelasnya, dalam kalangan responden Melayu bandar, tarikh keramat bukan lagi faktor penentu utama. Buktinya, hanya 5.6% responden memilih tarikh perkahwinan mengikut kalender Islam. Dewasa ini, pemilihan tarikh majlis perkahwinan responden Melayu bandar banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berhubung kait rapat dengan ciri-ciri hidup di bandar. Kelapangan pengantin menjadi faktor yang paling utama (100.0%), diikuti dengan kelapangan ahli keluarga dan tetamu (87.9%) serta kekosongan lokasi majlis perkahwinan (56.1%).

Di samping itu, faktor penentu tarikh majlis perkahwinan juga menunjukkan budaya individualisme yang lebih menekankan identiti dan keinginan individu berdasarkan corak hidup dan hubungan dengan persekitaran. Terdapat 3.7% pengantin menetapkan tarikh mengikut hari yang istimewa untuk mereka, seperti hari jadi pengantin atau ahli keluarga yang penting, ulang tahun pertemuan pengantin atau hari-hari lain yang bermakna kepada mereka. Selain itu, tarikh yang unik angkanya dan senang untuk diingati juga menjadi pilihan kepada 2.8% responden, seperti 20. 12. 2012. Dapatan ini selaras dengan kajian Fatimah Abdullah (2009a) yang mengatakan, kini,

University of Malaya

tarikh majlis perkahwinan dikaitkan dengan tarikh lahir pasangan pengantin, tarikh lahir ibu bapa atau tarikh ulang tahun perkahwinan ibu bapa (p.100).

Ternyatalah, perubahan yang drastik telah berlaku dalam pemilihan tarikh majlis perkahwinan responden Melayu Kuala Lumpur. Faktor-faktor sosioekonomi yang menyumbang kepada perubahan itu akan dianalisis dalam bahagian yang seterusnya.

6.2.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Terdapat tiga faktor sosioekonomi di bandar mempunyai hubung kait rapat dengan pemilihan tarikh majlis perkahwinan responden, iaitu pekerjaan, pendidikan dan kedudukan sosioekonomi keluarga.

6.2.1.1 Pekerjaan

Faktor pekerjaan di bandar memberikan pengaruh ketara terhadap pemilihan tarikh majlis perkahwinan responden Melayu Kuala Lumpur. Namun begitu, yang perlu ditekankan ialah, hubung kait antara faktor pekerjaan dengan pemilihan tarikh majlis perkahwinan bukan dikesan dari segi status pekerjaan (melihat Graf 6.2), tetapi ciri-ciri pekerjaan di bandar yang sentiasa terikat dengan waktu kerja. Hubung kait tersebut jelas dapat dikesan dalam faktor penentu pemilihan tarikh majlis perkahwinan responden dalam Graf 6.1, iaitu kelapangan pasangan pengantin (100.0%) sebagai faktor penentu yang paling diutamakan.

University of Malaya



Graf 6.2: Status Pekerjaan Responden
dan Faktor Penentu Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, kegiatan seharian penduduk banyak berkisar pada keperluan dan ciri-ciri kerja pertanian. Maka, aktiviti perayaan dan hiburan serta kenduri-kendara yang memerlukan banyak persiapan, seperti kenduri kahwin lazimnya diadakan pada masa selepas menuai. Namun begitu, ciri-ciri pekerjaan di bandar telah mengalami perubahan yang drastik dan perubahan itu pula menyebabkan berlakunya perubahan terhadap pemilihan tarikh majlis perkahwinan dalam kalangan responden. Proses pembandaran, iaitu proses perkembangan dan kemajuan kegiatan ekonomi bukan pertanian telah membina sistem kerja yang baharu. Jauh berbeza dengan ciri-ciri kegiatan ekonomi dalam masyarakat tradisi yang agak fleksibel masa kerjanya, selaras dengan pembinaan sistem perkilangan di bandar, masa kerja dan masa lapang penduduk bandar dibahagikan dengan jelas sekali mengikut waktu kerja yang telah ditetapkan. Pekerjaan dan bidang kegiatan ekonomi di bandar tidak memberikan banyak kebebasan kepada individu dalam penggunaan masa, malah mengenakan syarat dan peraturan yang mesti dipatuhi oleh pekerja. Sekiranya berlaku sebarang pertentangan dan perlanggaran

University of Malaya

terhadap peraturan tersebut, maka pekerja yang berkenaan akan dikenakan hukuman disiplin, bahkan dipecat daripada jawatannya (Gore, 1968; Yaacob Harun, 1991; Gold, 2002).

Dalam kajian ini, kesemua 107 responden mempunyai kerjaya sendiri dan terikat dengan waktu kerja dalam kehidupan seharian. Oleh sebab itu, apabila menentukan tarikh majlis perkahwinan, masa lapang bakal pasangan pengantin menjadi pilihan utama, iaitu hari cuti yang merangkumi cuti hujung minggu dan cuti umum. Impak ciri-ciri pekerjaan di bandar terhadap pemilihan tarikh majlis perkahwinan ini juga dikesan dalam kajian Swift (1965) di Jelebu, Negeri Sembilan. Menurutnya, masa lapang bakal pengantin lelaki yang berkerjaya merupakan faktor penting dalam menentukan tarikh majlis perkahwinan. Huraiannya yang lebih lanjut ialah, "*Also, with so many young men in the Security Forces and other employment, factors such as the ability of the groom to get leave play an important part*. (p. 112)." Hasil temu bual kajian ini turut membuktikan bahawa ciri-ciri pekerjaan pengantin di bandar merupakan penentu utama dalam menetapkan tarikh majlis perkahwinan.

Kelapangan Pengantin Penentu Utama Tarikh Majlis Perkahwinan

"Responden isteri bagi pasangan kedua belas ialah pensyarah di UNiKL cawangan Gurney, manakala responden suami pula pegawai kerja tinggi di UNiKL kampus utama. Tarikh majlis perkahwinan pasangan ini ditentukan oleh mereka sendiri berdasarkan kelapangan mereka berdua. Isteri menjelaskan, "Tarikh semua memang sekarang semua *decide* sendiri, sebab kita semua kerja. Tak boleh ikut ibu bapa rasanya, suami saya pun sama, ibu dia tak boleh *decide* la sebab dia (suami) yang kerja kan, dia nak cuti bila, dia nak *free* bila, memang biasanya sendiri *decide*." Akhirnya, majlis bersanding sebelah perempuan ditetapkan pada 17 Januari 2015, iaitu hari Sabtu. Majlis bersanding sebelah lelaki pula diadakan seminggu selepas tarikh itu, iaitu 24 Januari 2015."

University of Malaya

Jelasnya, dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, ciri-ciri pekerjaan di bandar yang sibuk menyebabkan masa lapang pengantin terikat dengan jadual waktu bekerja, dan hal ini pula menyebabkan tarikh majlis perkahwinan dipilih pada waktu cuti.

6.2.1.2 Pendidikan

Selain faktor pekerjaan, faktor pendidikan juga memberikan pengaruh kepada pemilihan tarikh majlis perkahwinan responden Melayu Kuala Lumpur.

Menurut Graf 6.3, pengaruh faktor pendidikan terhadap faktor penentu tarikh keramat dapat dikesan dengan begitu jelas. Buktinya, terdapat 14.3% responden berpendidikan di bawah diploma mengadakan majlis perkahwinan pada hari keramat yang dipilih mengikut kalender Islam, namun kadar ini jatuh mendadak kepada 1.4% dalam kategori responden yang berpendidikan di peringkat diploma dan ke atas. Lantaran itu, boleh dikatakan bahawa peningkatan taraf pendidikan menyebabkan berlaku penolakan terhadap amalan memilih tarikh majlis perkahwinan mengikut kalendar Islam[1].

[1] Pengaruh faktor pendidikan terhadap faktor penentu pemilihan tarikh majlis perkahwinan yang lain tidak begitu ketara.

University of Malaya



Graf 6.3: Taraf Pendidikan Responden dan
Faktor Penentu Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan

Dalam masyarakat Melayu pertanian, kebanyakan penduduk adalah buta huruf yang tidak pernah menerima pendidikan. Kesempitan minda dan kekurangan ilmu menyebabkan mereka berpegang kuat kepada adat resam dan kepercayaan tradisi yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Menurut Amran Kasimin (2002), walaupun sesetengah adat mengandungi unsur-unsur animisme atau Hindu-Buddha, ada juga yang langsung tidak berasas dalam ajaran Islam, namun pengaruh ini pada dasarnya menguasai kehidupan masyarakat yang masih tertutup, yang mempunyai tamadun rendah akibat pemikiran yang sempit (p. 85). Antara kepercayaan konservatif yang dipegang oleh orang Melayu ialah, tidak mengadakan majlis perkahwinan pada bulan Safar yang dianggap sebagai bulan nahas atau bulan celaka. Oleh sebab menurut sejarah, pada bulan Safar dan Muharam, banyak perkara yang tidak baik berlaku. Natijahnya, ramai yang percaya jika majlis perkahwinan diadakan pada bulan Safar, rumah tangga dikhuatiri akan porak-peranda (Amran Kasimin, 2002, p. 66). Sementara itu, tarikh

University of Malaya

majlis perkahwinan yang dipilih eloknya jatuh pada awal bulan dan hari bulan genap seperti dua, empat hingga 14 hari bulan kerana dipercayai akan membawa tuah (Fatimah Abdullah, 2009a).

Walau bagaimanapun, kepercayaan-kepercayaan konservatif seperti itu semakin dilupakan oleh muda-mudi Melayu pada masa kini seiring dengan peningkatan taraf pendidikan orang Melayu bandar, hasil daripada pelaksanaan DEB yang ingin menyaksikan lebih ramai penduduk bumiputera memperoleh pendidikan tinggi (Ishak Yussof & Zainizam Zakariya, 2009). Hal ini demikian kerana, di sekolah-sekolah di bandar, berfikir secara saintifik ialah cara fikir dominan dan disebarluaskan melalui pendidikan formal. Nilai-nilai sains seperti universalisme, rasionaliti, skeptisisme, komunaliti dan sifat berkecuali (Cousins & Nagpaul, 1979) membentuk cara fikir dan gaya hidup penduduk bandar, terutama sekali mereka yang berpelajaran. Akibatnya, golongan terpelajar lebih cenderung menuntut kebenaran, berpegang kepada bukti, menyoal atau mengkritik hal-hal yang lama, seperti sistem masyarakat atau adat resam tradisi (Popenoe, 2011).

Responden Melayu khususnya mereka yang terpelajar mempunyai minda yang lebih terbuka dan kesedaran untuk membezakan sama ada amalan tradisi mempunyai asas dalam ajaran Islam atau hanya kepercayaan turun-temurun yang tidak diketahui dari mana asalnya-usulnya. Sementara itu, teknologi canggih yang wujud di bandar juga membantu golongan berpelajaran tinggi meningkatkan ilmu agama dan daya fikir. Kepandaian golongan ini dalam mengaplikasikan teknologi baharu memudahkan mereka memperoleh ilmu agama melalui pelbagai saluran moden, seperti laman sesawang, *App* telefon bimbit dan sebagainya. Kesemua ini membantu responden

University of Malaya

Melayu berpendidikan tinggi meninggalkan kepercayaan atau adat resam tradisi yang konservatif, yang tidak bersifat sains dan yang tidak berasas dalam ajaran Islam. Oleh itu, kebanyakan responden Melayu bandar yang berpelajaran sedar bahawa al-Quran dan hadis tidak pernah menyatakan secara khusus hari-hari yang tidak harus seseorang itu melakukan sebarang perbuatan, termasuk nikah kahwin.

Sungguhpun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa fenomena memilih tarikh perkahwinan keramat berdasarkan kalender Islam masih wujud dalam masyarakat Melayu bandar, khususnya dalam kalangan responden Melayu yang kurang berpendidikan. Hal ini berlaku kerana, taraf pendidikan yang rendah mengehadkan daya fikir mereka dan menyebabkan mereka lebih mematuhi amalan tradisi yang sedia ada. Pandangan ini juga selaras dengan hasil dapatan kajian He (2012) di bandar Chengdu, China. Menurutnya, pengantin yang berpendidikan rendah lebih cenderung mengikut tradisi dengan mencari Guru *Feng Shui* bagi memilih tarikh majlis perkahwinan yang bertuah. Dalam bahagian yang berikut, dibincangkan dua contoh kes menarik yang mewakili pandangan berbeza terhadap tarikh keramat antara dua golongan responden yang berlainan tahap pendidikannya.

Dalam Islam Tidak Ada Bulan Membawa Sial

"Responden suami bagi pasangan keempat belas mendapat ijazah sarjana muda dari Universiti SEGi dan bekerja sebagai jurutera. Ibunya yang memperoleh ijazah sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia ialah pegawai harta intelek di DBP. Bapanya yang mempunyai ijazah sarjana muda ialah pegawai kanan di cawangan *Alkhair International Islamic Bank* di Malaysia.

Menurut responden suami, dalam menetapkan tarikh majlis perkahwinan, keluarganya tidak memilih tarikh keramat mengikut kalender Islam. Hal ini terjadi kerana keluarganya tidak percaya pada benda-benda seperti ini, "Tu saya tak pernah dengar lagi sepanjang hidup, mungkin orang kampung kot, tapi awak tanya dekat KL memang tak ada. Saya rasa orang moden sekarang tak kisah pun benda-benda macam tu,

University of Malaya

hari mana-mana hari sama je, tak ada beza pun." Ibu responden suami pula menyambung perbualan, "Macam Safar tu adat, kononnya bulan Safar yang bawa sial, tapi sebenarnya tak, dalam Islam tak ada bulan bawa sial. Tu kepercayaan orang dulu, yang tak belajar, mungkin masa tu pengaruh agama tak berapa kuat, (pelajaran) tak sampai (tahap tinggi)."""

"Nenek Masih Tengok Kalender Islam, Dia Lagi Arif."

"Responden isteri bagi pasangan kesembilan belajar sampai di peringkat SPM dan bekerja di sebuah bengkel motosikal. Bapa isteri bekerja sebagai pembantu makmal haiwan di Fakulti Perubatan UM, manakala ibu isteri pula seorang suri rumah.

Majlis perkahwinan pasangan ini jatuh pada hari kerja. Isteri mengakui bahawa memang benar pemilihan masa itu menyusahkan tetamu datang ke majlis, namun mereka tetap mengadakan kenduri pada hari itu. "Sebab ini pilihan nenek. Macam nenek saya, dia masih lagi tengok kalender Islam daripada kalender sekarang. Orang dulu-dulu macam nenek, dia lagi arif," ujar responden isteri dengan penuh keyakinan."

Jelasnya, peningkatan taraf pendidikan membawa pengaruh ke atas pemilihan tarikh majlis perkahwinan responden, terutama sekali dalam soal meninggalkan amalan memilih tarikh keramat mengikut kalender Islam seperti perkahwinan dalam bulan Safar yang perlu dielakkan kerana bulan ini dianggap membawa bala, pada hakikatnya pendapat ini tidak berasas dalam agama Islam.

6.2.1.3 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga

Dalam masyarakat Melayu pertanian, faktor kedudukan sosioekonomi keluarga bukanlah faktor penting dalam pemilihan tarikh majlis perkahwinan. Namun begitu, dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, faktor sosioekonomi ini didapati berhubung kait rapat dengan penentuan tarikh majlis perkahwinan.

Buktinya, Graf 6.4 jelas menunjukkan bahawa peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga responden memberikan implikasi yang besar terhadap faktor penentu kekosongan lokasi majlis perkahwinan. Dalam kategori keluarga yang

University of Malaya

berpendapatan bulanan tidak melebihi RM5,000, terdapat 50.0% keluarga memberikan perhatian kepada faktor penentu ini semasa memilih tarikh majlis perkahwinan. Kadar ini meningkat kepada 70.6% dalam kalangan keluarga yang berpendapatan bulanan antara RM5,001-15,000. Kadar ini terus melonjak kepada 100.0% dalam kategori keluarga yang berpendapatan bulanan sebanyak RM15,001 dan ke atas. Sudah terbukti bahawa semasa responden Melayu bandar memilih tarikh majlis perkahwinan, keluarga yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya lebih mengutamakan kekosongan lokasi majlis perkahwinan[2].



Graf 6.4: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden dan Faktor Penentu Pemilihan Tarikh Majlis Perkahwinan

Berbeza dengan keadaan dalam masyarakat Melayu tradisi, iaitu rumah pengantin menjadi satu-satunya lokasi majlis perkahwinan, dalam masyarakat bandar kini pula, seiring dengan perkembangan perindustrian perkahwinan yang pesat, lokasi komersial

[2] Pengaruh faktor kedudukan sosioekonomi keluarga terhadap faktor penentu pemilihan tarikh majlis perkahwinan yang lain tidak begitu ketara.

University of Malaya

majlis perkahwinan seperti dewan, restoran dan hotel wujud bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Dengan itu, kekosongan lokasi majlis perkahwinan juga wujud sebagai faktor penentu dalam menetapkan tarikh majlis perkahwinan terutama keluarga yang berpendapatan lebih tinggi. Perkara ini mudah difahami kerana keluarga yang lebih kukuh asas kewangannya lebih cenderung mengadakan majlis perkahwinan di lokasi komersial yang tinggi kosnya.

Fenomena ini berpunca daripada majlis perkahwinan zaman sekarang telah dijadikan medan untuk menunjuk-nunjuk kehebatan keluarga pengantin, dengan berbelanja dengan besar-besaran dan berlebih-lebihan dalam persiapan majlis perkahwinan, tuan rumah boleh menunjuk-nunjuk kekayaannya dan menarik perhatian orang ramai. Benson (1971) juga menyifatkan keadaan yang sama dalam kajiannya, iaitu "...*the elaborate weddings will be characteristic of societies where some families have more wealth than they know what to do with; one way of publicly proving this enviable fact is to stage grand, expensive weddings*. (p.175)." Maka, untuk menunjukkan status masyarakat, keluarga yang berpendapatan tinggi lebih suka mengadakan majlis perkahwinan di tempat mewah, contohnya dewan dan hotel walaupun kos belanja yang perlu ditanggung akan berlipat kali ganda.

Bagi keluarga berpendapatan tinggi yang ingin mengadakan majlis perkahwinan di lokasi komersial, kekosongan lokasi menjadi faktor penentu utama yang menarik perhatian mereka jika ingin menentukan tarikh majlis perkahwinan. Hal ini berlaku kerana, kebebasan untuk memilih tarikh majlis perkahwinan yang diadakan di lokasi komersial sebenarnya adalah agak terhad. Di bandar raya Kuala Lumpur, dewan dan hotel, khususnya dewan perkahwinan yang khas untuk mengadakan majlis perkahwinan

University of Malaya

menjadi rebutan hebat dalam kalangan bakal pengantin. Kekosongan dewan atau hotel amat sukar untuk didapati semasa cuti sekolah, hujung minggu, cuti umum atau tarikh yang unik angkanya kerana ramai pengantin ingin melangsungkan majlis perkahwinan pada hari-hari tersebut. Norfilzah Wahidon (2009) menunjukkan bahawa bagi mengelakkan masalah yang tidak diingini, sebaik-baiknya menempah lokasi setahun sebelumnya majlis perkahwinan berlangsung. Semasa kerja lapangan dijalankan, didapati terdapat responden yang mengubah tarikh perkahwinan idaman semata-mata untuk menunggu kekosongan dewan, ada juga pasangan menempah dewan terlebih dahulu tanpa menetapkan tarikh akad nikah. Sebagai contoh kes, berikutnya akan diceritakan pengalaman pasangan responden ketiga belas semasa menetapkan tarikh majlis perkahwinan.

Mengubah Tarikh Majlis Perkahwinan untuk Menyesuaikan dengan Tarikh Kosong Dewan

"Bapa kepada responden isteri bagi pasangan ketiga belas bergelar profesor dan memegang jawatan sebagai pengarah fakulti di sebuah universiti tempatan. Pendapatan bulanannya dalam sekitar RM15,000. Ibu isteri pula ialah guru di sebuah sekolah rendah, gajinya lebih kurang RM3,000 pada setiap bulan. Mereka tinggal di sebuah rumah Semi-D yang terletak di Damansara. Majlis perkahwinan sebelah keluarga isteri diadakan di Dewan Merak Kayangan, Kuala Lumpur atas kehendak ibu bapa isteri. Dewan ini menjadi pilihan kerana terkenal dalam kalangan orang Melayu Kuala Lumpur dan juga sesuai dengan kedudukan masyarakat keluarga isteri.

Responden isteri mengakui, semasa memilih tarikh majlis perkahwinan, salah satu faktor yang sangat penting ialah perlu menyesuaikan tarikh majlis perkahwinan dengan jadual dewan. "Bagi saya, pilih tarikh secantik mana pun, kalau dewan telah ditempah pun tak ada gunanya. Di kawasan KL, kalau nak tempah dewan yang khas untuk kenduri kahwin, seelok-eloknya setahun lebih awal. Dewan biasa mungkin senang sedikit, tapi dewan khas untuk kenduri kahwin memang susah nak dapat." Pasangan ini mula mencari lokasi majlis perkahwinan hampir setahun lebih awal daripada hari kejadian. Namun, akhirnya mereka terpaksa juga mengubah tarikh perkahwinan yang diingini untuk menyesuaikan dengan tarikh kosong Dewan Merak Kayangan. Tarikh perkahwinan yang ditetapkan pada mulanya ialah 1 Januari 2016 memandangkan masa itu cuti tahun baharu. Namun begitu, dewan telah penuh ditempah pada waktu itu, dan masa kosong dalam masa yang terdekat hanya 16 Januari 2016 sahaja. Pada hakikatnya,

University of Malaya

hari itu pun telah ditempah oleh orang lain, namun keluarga itu belum membayar bayaran pendahuluan. Maka, keluarga isteri terus menempah tarikh itu dengan membayar bayaran pendahuluan sekali. Selepas itu, baru keluarga isteri menentukan tarikh akad nikah, iaitu 15 Januari 2016, Jumaat malam, sehari sebelum majlis perkahwinan."

Sementara itu, bagi keluarga yang berpendapatan lebih rendah pula, kesempitan bajet menyebabkan golongan ini kekurangan pilihan kecuali menjalankan majlis perkahwinan di rumah atau kawasan perumahan seperti, tempat letak kereta dan dewan orang ramai demi menjimatkan kos. Lantaran itu, dalam golongan keluarga yang berpendapatan lebih rendah, keperluan untuk menyesuaikan tarikh majlis perkahwinan dengan jadual waktu dan kekosongan lokasi komersial majlis perkahwinan telah menurun dengan ketara. Walau bagaimanapun, hubung kait antara kedudukan sosioekonomi keluarga dengan pemilihan lokasi majlis perkahwinan akan dikupas dengan lebih mendalam lagi dalam bahagian yang berikut, iaitu pemilihan lokasi majlis perkahwinan.

Jelaslah bahawa peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga menyebabkan tuan rumah lebih menitikberatkan kekosongan lokasi majlis perkahwinan semasa memilih tarikh majlis perkahwinan yang sesuai.

6.2.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh

Terdapat dua faktor sosioekonomi kurang berpengaruh dalam pemilihan tarikh majlis perkahwinan, iaitu faktor pendapatan dan kediaman (untuk perbincangan selanjutnya, sila rujuk kepada Lampiran C). Walau bagaimanapun, mengapa kedua-dua faktor ini kurang memberikan kesan dalam hal ini masih perlu diselidik dengan lebih mendalam lagi dalam kajian yang akan datang.

University of Malaya

6.2.3 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh

Kajian ini mendapati bahawa semasa responden Melayu bandar memilih tarikh majlis perkahwinan, mereka bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor-faktor sosioekonomi, tetapi turut dipengaruhi oleh unsur-unsur sosiobudaya, seperti tuntutan agama dan budaya kolektivisme.

Dari segi agama, walaupun mengikut agama Islam, tidak ada tarikh yang dilarang untuk mengadakan majlis perkahwinan, namun responden Melayu masih mengelakkan mengadakan majlis perkahwinan pada bulan Ramadan seperti apa yang berlaku dalam masyarakat Melayu tradisi. Antara 107 pasangan Melayu Kuala Lumpur, tiada satu kes pun majlis perkahwinan dilangsungkan pada bulan puasa. Hal ini berlaku kerana berkahwin dalam bulan puasa tidak begitu digalakkan memandangkan tempoh sebulan itu ialah tempoh yang digalakkan untuk melakukan ibadat seperti bersembahyang tarawih ataupun bertadarus di masjid (Norfilzah Wahidon, 2009, p. 47). Selain itu, jika berkahwin pada bulan puasa atau hari-hari yang menjelang bulan puasa, dikhuatiri juga pengantin baharu akan berlaku perbuatan salah laku yang menyebabkan kafarah seperti bersetubuh pada siang hari pada bulan Ramadan[3].

Ternyatalah, dalam pemilihan tarikh majlis perkahwinan responden, pengaruh agama Islam terhadap cara hidup umatnya jelas dapat dikesan. Pada hakikatnya, agama Islam telah mempengaruhi kehidupan umatnya dari zaman ke zaman hingga ke hari ini. Dengan menerima identiti sebagai umut Islam, maka seluruh landasan hidup penganut akan berubah demi sesuai dengan rukun Islam. Dalam konteks masyarakat Melayu, sejak Islam datang ke Kepulauan Melayu pada abad ke-13 Masihi khususnya, adat

[3] Jabatan Mufti Negeri Selangor. www.muftiselangor.gov.my/ms/umum.

University of Malaya

resam, cara hidup dan budaya orang Melayu banyak dirombak. Agama Islam telah diterima dan diperakui sebagai gaya hidup orang Melayu sehingga ada yang mengatakan bahawa jika seseorang itu memeluk Islam akan digelar "Masuk Melayu" (Zakaria Stapa dan rakan-rakan, 2012, p. 136). Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972) juga menunjukkan bahawa agama Islam bukan sahaja mengubah struktur zahir orang Melayu dengan berjayanya, malahan perubahan tersebut telah sampai ke dalam struktur batin dan juga jiwa mereka.

Berikutnya, diberikan sebuah contoh kes yang menunjukkan pandangan orang Melayu terhadap mengadakan majlis perkahwinan pada bulan puasa.

"Tak Logik Buat Kenduri Masa Bulan Puasa."

"Responden suami bagi pasangan keempat belas mendapat ijazah sarjana muda dari Universiti SEGi dan bekerja sebagai jurutera. Majlis perkahwinan sebelah pengantin lelaki diadakan pada 1 Jun 2013. Mengenai pemilihan tarikh majlis perkahwinan, responden suami menyatakan bahawa dalam kalangan orang Melayu beragama Islam, tidak mengadakan majlis perkahwinan pada bulan Ramadan ialah amalan kebiasaan yang diakui dan dipatuhi oleh komuniti secara berleluasa. "Bagi kaum lain tak apa la, tapi bagi orang Melayu tak logik buat kenduri masa bulan puasa. Bukannya tak boleh buat, boleh buat, tapi tak berapa (sesuai) sebab kita nak puasa kan.""

Selain agama Islam, budaya kolektivisme juga didapati memberikan implikasi kepada pemilihan tarikh majlis perkahwinan responden Melayu bandar. Dalam budaya kolektivisme, adalah sangat diutamakan dan dihargai kehadiran ahli keluarga bahkan sahabat handai dalam upacara-upacara keluarga yang penting, seperti upacara baptis (*baptism*), majlis perkahwinan, terutama sekali upacara pengebumian (Hofstede, 2004). Keadaan ini boleh dikesan dengan jelas di negara-negara yang dianggap bersifat kolektivisme. Di bandar Hanoi, Vietnam, tarikh majlis perkahwinan ditentukan

University of Malaya

berdasarkan pertimbangan ke atas masa kerja majoriti tetamu dan masa lapang mereka yang sudi datang membantu (Ho, 2013). Di bandar-bandar China pula, jumlah jemputan ialah faktor yang paling diutamakan oleh pengantin dan keluarga mereka. Maka, cuti umum panjang menjadi pilihan hangat kerana tetamu senang datang ke majlis pada waktu itu (Pan, 2013).

Begitu juga dengan masyarakat Melayu di bandar. Kajian ini mendapati, kehadiran ahli keluarga dan tetamu dalam majlis perkahwinan begitu diambil berat oleh pengantin dan keluarga sehingga kelapangan mereka itu menjadi faktor penentu yang kedua pentingnya (87.9%) semasa tarikh majlis perkahwinan dipilih. Kehadiran ahli keluarga dan tetamu dalam majlis perkahwinan begitu dinanti-nantikan disebabkan oleh tiga punca utama. Yang pertama ialah, dalam komuniti Melayu beragama Islam, tujuan utama majlis perkahwinan ialah untuk mengumumkan penyatuan pengantin kepada orang ramai bagi mengelakkan fitnah dan tohmahan yang tidak diingini. Sebab yang kedua ialah, orang Melayu berasa bertanggungjawab untuk mengundang seramai mungkin tetamu datang ke majlis perkahwinan mereka seperti yang dihuraikan oleh Wan Hashim (1978), "*The strongly felt obligation exists to extend an invitation to all kinsfolk including all those who are residing in the same village and some living elsewhere outside it*. (p. 35)." Sebab yang ketiga pula ialah, kedatangan tetamu yang berjumlah besar akan memeriahkan lagi suasana majlis perkahwinan yang dijalankan.

Hasil daripada temu bual dalam kajian ini turut menggambarkan pengantin Melayu amat menitikberatkan kelapangan ahli keluarga dan tetamu jemputan semasa memilih tarikh majlis perkahwinan.

University of Malaya

Kelapangan Ahli Keluarga dan Tetamu Penentu Utama Tarikh Majlis Perkahwinan

"Responden isteri bagi pasangan ketiga belas bekerja sebagai guru bahasa Inggeris di sebuah pusat tuition, manakala responden suami bekerja sebagai penguat kuasa DBKL. Bapa isteri ialah pengarah sesuatu fakulti di sebuah universiti tempatan, manakala ibu isteri ialah guru di sebuah sekolah rendah.

Pasangan ini diijab kabulkan pada Jumaat malam dan bersanding pada keesokan harinya, iaitu 16 Januari 2016, hari Sabtu. Menurut isteri, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi keluarganya memilih tarikh tersebut. Sebab yang pertama dan yang paling penting ialah, hari itu ialah hari yang sesuai bagi diri pengantin dan ibu bapa isteri kerana mereka tidak ada apa-apa urusan lain, khususnya bapa isteri yang selalu bermesyuarat pada hujung minggu. Sebab yang kedua ialah, hari itu hari cuti yang menjamin tetamu senang dan lapang datang ke kenduri. Responden isteri menjelaskan bahawa majlis akad nikah diadakan pada hari Jumaat tidak mengapa kerana menjemput ahli keluarga dan sahabat yang terdekat sahaja. Namun begitu, majlis perkahwinan mesti diadakan pada hari cuti. "Kahwin kat sini memang hujung minggu, tak ada orang buat *week days* sebab orang kerja kan," ujarnya. Satu lagi alasan majlis perkahwinan diadakan pada hari Sabtu ialah, masih tinggal satu hari cuti lagi, iaitu hari Ahad untuk pengantin, ahli keluarga dan tetamu berehat, dan hari Isnin baru pergi bekerja. "Tak ada penat sangat kan," tambahnya lagi."

Jelasnya, unsur-unsur sosiobudaya yang merangkumi agama Islam dan budaya kolektivisme memberikan impak terhadap pemilihan tarikh majlis perkahwinan dalam golongan responden. Kesannya ialah, tiada pasangan mengadakan majlis perkahwinan pada bulan Ramadan. Di samping itu, kelapangan ahli keluarga dan tetamu menjadi faktor penentu utama dalam memilih tarikh majlis perkahwinan.

Terbuktilah bahawa perubahan telah berlaku dari segi pemilihan tarikh majlis perkahwinan responden Melayu Kuala Lumpur. Faktor-faktor sosioekonomi didapati menjadi penyumbang utama dalam hal ini. Ciri-ciri pekerjaan responden yang terikat dengan waktu kerja menyebabkan tarikh majlis lebih tertumpu kepada hari cuti. Peningkatan taraf pendidikan responden mengakibatkan tarikh keramat tidak diutamakan lagi. Peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga pula meninggikan

University of Malaya

perhatian keluarga terhadap kekosongan lokasi semasa menetapkan tarikh majlis. Selain faktor sosioekonomi, unsur-unsur sosiobudaya didapati turut memberikan kesan dalam hal ini. Disebabkan oleh tuntutan agama, tiada pasangan mengadakan majlis pada bulan puasa. Dengan pengaruh budaya kolektivisme pula, kelapangan ahli keluarga dan tetamu amat diutamakan dalam memilih tarikh majlis.

6.3 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Pemilihan Lokasi Majlis Perkahwinan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, kenduri kahwin adalah diadakan di rumah kedua-dua belah pengantin dengan kerjasama sanak saudara, jiran tetangga atau komuniti setempat (Swift, 1965; Banks, 1983; Fatimah Abdullah, 2009a). Hal ini berpunca daripada dua faktor utama dan yang pertama ialah, dalam masyarakat pertanian, ruang halaman rumah Melayu adalah cukup luas untuk dipasang khemah dan menampung tetamu yang berjumlah besar. Faktor yang kedua pula ialah, dalam masyarakat Melayu tradisi, tidak wujud lokasi komersial yang boleh disewa dan diguna pakai khas untuk mengadakan kenduri kahwin.

Walau bagaimanapun, pemilihan lokasi majlis perkahwinan responden Melayu bandar telah mengalami perubahan yang ketara. Menurut Carta 6.2, lokasi komersial wujud sebagai lokasi majlis perkahwinan baharu dan mendapat sambutan baik dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur. Buktinya, terdapat 40.2% responden memilih lokasi komersial sebagai tempat majlis perkahwinan, iaitu dewan (38.3%) dan hotel (1.9%). Sementara itu, peratusan responden yang mengadakan majlis perkahwinan di rumah telah jatuh mendadak kepada 18.7%. Responden yang selebihnya pula, iaitu

University of Malaya

41.1% mengadakan majlis perkahwinan di tempat awam kawasan perumahan, seperti dewan mesyuarat orang ramai dan tempat meletak kereta.



Carta 6.2: Pemilihan Lokasi Majlis Perkahwinan Responden

Sememangnya, perubahan lokasi majlis perkahwinan yang dialami oleh masyarakat Melayu bandar juga dapat dikesan di negara-negara lain. Di Jepun misalnya, selepas Perang Dunia Kedua, lokasi komersial telah menggantikan rumah menjadi pilihan baharu kepada majoriti pengantin, seperti dewan perkahwinan, hotel dan dewan mesyuarat milik agensi kerajaan atau semi awam (Edwards, 1987). Di Vietnam, pada zaman dahulu, rumah selalunya dijadikan tempat mengadakan kenduri kahwin. Namun begitu, selepas pelaksanaan *Đổi Mới*[4], beraneka jenis lokasi komersial telah wujud untuk memenuhi keperluan pengantin, termasuk hotel bertaraf empat dan lima bintang, restoran khas untuk kenduri kahwin dan desa pelancongan yang terkenal dengan

[4] *Đổi Mới* merupakan renovasi yang membawa perubahan besar ke atas kehidupan orang Vietnam.

University of Malaya

pemandangan semula jadi (Thuc-Doan & Belk, 2012). Di Namibia pula, menurut Pauli (2011), pada masa dahulu, majlis perkahwinan lazimnya diraikan di rumah pengantin perempuan sahaja. Namun begitu, disebabkan amalan mengadakan majlis perkahwinan rasmi menjadi semakin popular, maka dewan majlis perkahwinan wujud sebagai pilihan baharu.

Perbincangan yang seterusnya akan mengenal pasti pengaruh faktor-faktor sosioekonomi terhadap perubahan lokasi majlis perkahwinan yang telah berlaku dalam golongan responden Melayu Kuala Lumpur.

6.3.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Kajian ini mendapati faktor kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga berkaitan rapat dengan perubahan pemilihan lokasi majlis perkahwinan dalam kalangan responden Melayu bandar.

6.3.1.1 Kediaman

Didapati bahawa ciri-ciri tempat kediaman di bandar memberikan impak yang ketara terhadap pemilihan lokasi majlis perkahwinan responden dalam kajian ini.

Merujuk kepada Graf 6.5, rumah menjadi lokasi majlis perkahwinan kepada 55.5% penduduk rumah teres, sedangkan tiada pengantin dari kawasan rumah pangsa, rumah kondo, rumah Semi-D atau banglo mengadakan kenduri kahwin di lokasi ini. Tempat awam di kawasan perumahan pula menjadi pilihan kepada 64.6% penduduk rumah pangsa dan 50.0% penduduk rumah kondo. Tidak didapati penduduk rumah teres dan rumah Semi-D atau banglo mengadakan majlis perkahwinan di tempat seperti itu.

University of Malaya

Dewan dijadikan lokasi majlis perkahwinan kepada penduduk daripada semua jenis perumahan, iaitu rumah pangsa (35.4%), rumah kondo (50.0%), rumah teres (41.7%) dan rumah Semi-D atau banglo (50.0%). Hotel berbintang pula menjadi pilihan kepada penduduk rumah teres (2.8%) dan penduduk rumah Semi-D/banglo (50.0%).



Graf 6.5: Jenis Kediaman Responden dan Pemilihan Lokasi Majlis Perkahwinan

Berasaskan huraian di atas, maka boleh dirumuskan bahawa penduduk rumah pangsa dan rumah kondo lebih cenderung mengadakan majlis perkahwinan di luar dari rumah, sama ada di tempat awam kawasan perumahan atau dewan. Penduduk rumah teres mempunyai pilihan yang lebih fleksibel, iaitu sama ada mengadakan majlis perkahwinan di rumah sendiri atau lokasi komersial. Melihat penduduk rumah Semi-D atau banglo pula, golongan ini lebih cenderung mengadakan majlis perkahwinan di lokasi komersial. Sebenarnya, kecenderungan responden dalam memilih lokasi majlis

University of Malaya

perkahwinan, terutama sekali mereka yang tinggal di rumah pangsa, rumah kondo dan rumah teres adalah banyak dipengaruhi oleh struktur reka bentuk kediaman di bandar[5].

Jika meneliti masyarakat Melayu tradisi, rumah merupakan salah satu peralatan budaya penting dalam kehidupan masyarakat kerana elemen-elemen kediaman sesuai untuk menjalankan pelbagai aktiviti demi memenuhi tuntutan adat. Bilik tetamu yang luas seringkali digunakan sebagai ruang menerima lawatan atau menjalankan aktiviti, seperti persandingan pengantin baharu (Maeda, 1979). Selain itu, landskap yang sering dapat dilihat di persekitaran rumah Melayu tradisi juga memudahkan kelancaran pelbagai aktiviti permainan tradisi dan aktiviti sosial masyarakat. Siti Norlizaiha Harun dan Azira Ibrahim (2011) juga menunjukkan, halaman atau laman yang tidak berumput di hadapan rumah dan ruang yang terbuka sesuai diguna pakai untuk menjalankan majlis kenduri kahwin.

Namun begitu, kekurangan tanah di Kuala Lumpur menyebabkan pembinaan rumah Melayu tradisi yang memerlukan ruang besar tidak begitu pragmatik. Rosmadi Fauzi dan rakan-rakan (2012) menegaskan, tanah yang sangat terhad dan mahal harganya, kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi, sikap pemaju swasta dan ketidaksamaan pengagihan pendapatan menyebabkan pihak berkuasa Kuala Lumpur sentiasa menghadapi masalah kekurangan tanah dan perumahan. Akibatnya, tempat kediaman orang Melayu Kuala Lumpur telah berubah secara keseluruhannya, iaitu daripada rumah tradisional ala kampung kepada rumah teres atau rumah banglo dan apartmen serta kondominium yang dibina oleh pemaju (Fatimah Abdullah, 2009b, p. 260). Berbeza dengan masyarakat Melayu tradisi yang reka bentuk kediaman

[5] Dalam pemilihan lokasi majlis perkahwinan, penduduk rumah Semi-D dan banglo didapati lebih dipengaruhi oleh faktor kedudukan sosioekonomi keluarga.

University of Malaya

mengutamakan unsur-unsur sosiobudaya, perancangan kawasan perumahan di bandar lebih bergantung kepada reka bentuk ruang tanpa pertimbangan terhadap aspek-aspek sosial penduduk (MdLias dan rakan-rakan, 2013). Situasi ini telah meninggalkan kesan signifikan ke atas aktiviti sosial orang Melayu bandar, termasuk perjalanan majlis perkahwinan.

Buktinya, kajian ini mendapati bahawa tiada seorang pun penduduk rumah pangsa atau rumah kondo mengadakan majlis perkahwinan di rumah sendiri kerana ruang rumah yang sempit tidak mengizinkan mereka berbuat demikian. Dengan keluasan sekitar 1,000 kaki persegi, rumah pangsa atau rumah kondo perlu menyediakan bilik tetamu, satu hingga tiga buah bilik tidur, bilik mandi dan tandas, dapur dan beranda lagi. Maka, ruang sempit ini jelas tidak mencukupi untuk menampung ratusan, bahkan ribuan tetamu. Tambahan pula, kesempitan koridor, kesesakan dan kepadatan isi rumah juga tidak mengizinkan tuan rumah memasang khemah untuk menjamu tetamu yang berjumlah besar. Oleh itu, penyesuaian perlu dilakukan oleh penduduk yang berkenaan, iaitu memindahkan lokasi kenduri kahwin dari dalam rumah ke kawasan di luar dari rumah, seperti dewan mesyuarat orang ramai dan tempat meletak kereta di kawasan perumahan ataupun lokasi komersial yang menelan kos lebih tinggi.

Hubung kait antara kesempitan ruang kediaman dengan perubahan lokasi majlis perkahwinan tersebut juga disokong oleh beberapa kajian lepas, sama ada di dalam atau di luar negara. Menurut kajian Edwards (1987) yang dijalankan di Jepun, sebelum Perang Dunia Kedua, kenduri kahwin biasanya diadakan di rumah pengantin dengan memindahkan pintu gelangsar dan menggabungkan beberapa bilik kecil. Dengan cara ini, 20-30 orang tetamu boleh duduk di atas *tatami* dan menjamu selera. Namun begitu,

University of Malaya

selepas Perang Dunia Kedua, saiz rumah di bandar menjadi lebih kecil. Rumah yang ada beberapa bilik kecil dan boleh digabungkan sekali pun jarang dibina lagi. Akibatnya, kenduri kahwin yang diadakan di rumah semakin berkurangan, manakala permintaan terhadap lokasi komersial majlis perkahwinan meningkat dengan pantas.

Berkenaan dengan masyarakat Melayu di bandar pula, kajian Norlisam Idris (2000) yang dilakukan terhadap penduduk rumah pangsa kos rendah di Pantai Hill Park, Kuala Lumpur membuktikan bahawa ruang kediaman yang sempit menyebabkan 95.6% penduduk setempat tiada pilihan lain kecuali mengadakan majlis perkahwinan di tempat awam kawasan perumahan. Menurut sarjana ini, untuk membolehkan orang ramai melihat pasangan pengantin tanpa mengunjungi rumah mereka yang sempit ruangnya, tuan rumah akan memasang pelamin di bahagian bawah bangunan atau tingkat bawah. Tempat hidangan pula disediakan di tempat meletak kereta. Beberapa kanopi dipasang dan seterusnya meja dan kerusi disusun di bawah kanopi tersebut.

Seterusnya, diberikan sebuah contoh kes yang didapati di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur semasa kajian kerja lapangan dijalankan. Kes ini menunjukkan bahawa kesempitan ruang kediaman di rumah pangsa tersebut menyebabkan penduduk terpaksa mengadakan majlis perkahwinan di tempat awam kawasan perumahan.

Kesempitan Rumah Pangsa Mengakibatkan Lokasi Majlis Perkahwinan Berpindah ke Luar Rumah

"Sebelum berkahwin, responden isteri bagi pasangan kesebelas tinggal bersama dengan ibu bapanya di rumah pangsa 17 tingkat, Kampung Kerinchi. Rumah pangsa ini mempunyai 176 unit, dan antaranya terdapat 160 unit ialah rumah kediaman. Setiap unit mempunyai satu bilik tetamu, dua bilik tidur, satu bilik kecil, satu dapur dan satu tandas. Keluasan semua unit adalah sama sahaja, iaitu 750 kaki persegi. Disebabkan oleh kekangan ruang di rumah responden isteri, maka majlis perkahwinan sebelah keluarga perempuan terpaksa diadakan di tempat awam kawasan rumah pangsa tersebut. Menurut ibu responden, "Duduk kat *flat*, rumah sempit, kecil, tak sesuai buat (kenduri) kat rumah,

University of Malaya

tak selesa.” Pelamin untuk bersanding dipasang di dalam dewan mesyuarat orang ramai di bawah rumah pangsa, manakala tempat hidangan pula disediakan di depan dewan sahaja, iaitu tempat meletak kereta. Untuk memasang kanopi kahwin di tempat meletak kereta, dua tiga hari sebelum majlis dijalankan, tuan rumah telah melekatkan notis dalam lif untuk meminta kerjasama jiran-jiran supaya meletak kereta di tempat yang jauh-jauh sehari sebelum majlis dilangsungkan.”

Gambar 6.1: Surau dan Dewan Mesyuarat Orang Ramai (Sebelah Kiri) di Kawasan Rumah Pangsa 17 Tingkat, Kampung Kerinchi

Berbanding dengan penduduk rumah pangsa dan rumah kondo, penduduk rumah teres mempunyai pilihan yang lebih fleksibel, iaitu selain kawasan di luar dari rumah, rumah juga menjadi pilihan kepada mereka (55.5%) yang menginginkan suasana majlis lebih meriah. Hal ini berpunca daripada reka bentuk rumah teres yang lebih sesuai untuk mengadakan kenduri-kendara. Rumah teres mempunyai ruang yang lebih luas dan selesa dengan keluasannya 1,000 kaki persegi ke atas. Biasanya, bentuk kediaman jenis ini mempunyai laman depan atau belakang, atau kedua-duanya. Laman depan cukup untuk meletak sebuah kereta, yang lain secara terhad menjadi sebuah taman kecil yang boleh digunakan untuk menyidai baju dan menanam. Laluan jalan di antara satu barisan rumah dengan barisan rumah yang lain juga luas dan senang untuk kereta masuk dan

keluar. Oleh itu, apabila mengadakan majlis perkahwinan, pelamin boleh dipasang di ruang tetamu, dan tetamu dijemput masuk ke rumah untuk melihat pengantin. Tempat hidangan pula boleh disediakan di jalan laluan di depan rumah dengan memblok jalan tersebut terlebih dahulu.

Walaupun dibandingkan dengan rumah pangsa dan rumah kondo, rumah teres lebih sesuai dijadikan lokasi majlis perkahwinan, namun beberapa masalah dari segi struktur tempat kediaman masih menyebabkan sebahagian daripada penduduk rumah teres (44.5%) memindahkan tempat majlis perkahwinan ke lokasi komersial. Dalam kalangan penduduk rumah teres yang mengadakan majlis perkahwinan di dewan dan hotel berbintang, terdapat 75% responden mengakui faktor ruang merupakan penyumbang besar kepada keputusan ini. Dalam hal ini, walaupun ruang kediaman dan kawasan di sekeliling kediaman cukup untuk menampung tetamu yang berjumlah besar, namun ruang dapur yang sempit dan peralatan memasak yang terbatas telah menghalang hasrat tuan rumah mengadakan majlis perkahwinan di rumah.

Selain itu, dalam golongan penduduk rumah teres yang tidak mengadakan majlis perkahwinan di rumah, terdapat 68.8% responden mengakui mereka berbuat demikian kerana tidak mahu mengganggu jiran-jiran. Menurut beberapa orang responden yang ditemu bual, walaupun laluan jalan di depan rumah teres adalah luas, namun tempat ini ialah tempat awam yang dikongsi bersama oleh penduduk setempat. Maka, apabila tuan rumah menutup jalan laluan tersebut untuk memasang kanopi, pasti akan mengganggu kehidupan jiran-jiran kerana mereka tidak dapat meletak kereta di sekitar rumah, tetapi terpaksa mencari tempat yang jauh-jauh. Selain itu, walaupun tuan rumah menggunakan katering, namun memandangkan dapur yang terhad ruangnya, menyebabkan

University of Malaya

periuk-periuk besar terpaksa diletakkan di depan rumah pengantin dan jiran-jiran di sebelah. Jika ada lauk yang perlu dihidangkan semasa panas, masakan itu akan dipanaskan di kawasan luar rumah sahaja, maka asap dan baunya pasti mengganggu penghuni yang berhampiran. Akhir sekali, kenduri kahwin orang Melayu yang selalu diserikan dengan alunan muzik sepanjang hari juga akan mengganggu jiran-jiran pada waktu rehat. Perbincangan ini turut disokong dengan contoh kes yang didapati semasa menemu bual responden suami bagi pasangan keempat belas.

Tidak Mengadakan Kenduri Kahwin di Rumah kerana Takut Mengganggu Jiran

"Sebelum berumah tangga, responden suami bagi pasangan keempat belas tinggal bersama dengan ibu bapanya di sebuah rumah teres dua tingkat, di kawasan Subang Jaya. Keluasan rumah itu lebih kurang 1,650 kaki persegi. Responden suami mengakui bahawa keluarganya tidak pernah berfikir untuk mengadakan kenduri kahwin di rumah. Hal ini demikian kerana mereka melihat jiran sebelah yang berbuat demikian telah mendatangkan pelbagai kesulitan, termasuk khemah yang dipasang di tengah jalan mengganggu lalu lintas dan rumah depan, cuaca panas dan tempat kenduri yang tidak ada sistem penyaman udara menjadikan tetamu berasa tidak selesa dan beberapa masalah lagi. Responden suami berkata, "Jalan di depan rumah saya ialah jalan besar, *main road* kan, jadi kalau kita tutup jalan pasang khemah, kereta nak lalu kat mana, susah kan? Kalau macam tu, dia orang kena ke jalan lain, pusing jauh, untuk *parking*, leceh la. Walaupun orang tak *complain*, tapi kita tak nak mengganggu orang la kan. Selain itu, misal kata kita nak makan kambing, asap ganggu lorong, tak syok la kan." Akhirnya, dengan cadangan ibunya, kenduri kahwin sebelah keluarga pengantin lelaki dilangsungkan di Dewan Bankuet, menara DBP, tempat kerja ibunya."

Dalam kalangan responden rumah Semi-D dan rumah banglo pula, reka bentuk kediaman kurang memberikan kesan dalam pemilihan lokasi majlis perkahwinan. Buktinya, walaupun dari segi keluasan kediaman, rumah jenis ini paling sesuai dijadikan lokasi majlis perkahwinan, namun tiada seorang responden rumah Semi-D atau banglo dalam kajian ini mengadakan kenduri kahwin di rumah sendiri. Hal ini demikian kerana dalam kalangan responden perumahan mewah, faktor status keluarga

University of Malaya

ibu bapa lebih berpengaruh dalam pemilihan lokasi majlis perkahwinan tetapi bukannya bentuk kediaman. Walau bagaimanapun, hal ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian kedudukan sosioekonomi keluarga.

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa dalam kalangan responden kajian ini, khususnya mereka yang tinggal di rumah pangsa, rumah kondo dan rumah teres, reka bentuk tempat kediaman memberikan impak besar terhadap pemilihan lokasi majlis perkahwinan. Keluarga yang lebih sempit ruang rumahnya, seperti rumah pangsa dan rumah kondo terpaksa mengadakan majlis perkahwinan di luar dari rumah, sama ada tempat awam di kawasan perumahan atau lokasi komersial. Keluarga yang lebih luas ruang rumahnya pula, seperti rumah teres lebih fleksibel semasa menentukan lokasi majlis perkahwinan kerana mempunyai pilihan sama ada memilih rumah sendiri atau lokasi komersial. Walau bagaimanapun, responden rumah Semi-D/banglo kurang dipengaruhi oleh reka bentuk tempat kediaman semasa memilih lokasi majlis perkahwinan.

6.3.1.2 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga

Kedudukan sosioekonomi keluarga responden didapati turut berpengaruh kepada pemilihan lokasi majlis perkahwinan mereka.

Menurut Graf 6.6, terdapat 64.3% keluarga yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM5,000 mengadakan kenduri kahwin di rumah atau di kawasan perumahan. Kadar ini menurun kepada 58.8% dalam kategori keluarga yang berpendapatan bulanan antara RM5,001-15,000, dan jatuh mendadak kepada 0.0% dalam golongan keluarga yang berpendapatan bulanan setinggi RM15,001 dan ke atas. Ditinjau keluarga yang

University of Malaya

mengadakan majlis perkahwinan di dewan, terdapat 35.7% keluarga berpendapatan RM5,000 dan ke bawah berbuat demikian. Kadar ini meningkat kepada 41.2% dalam kalangan keluarga berpendapatan bulanan antara RM5,001-15,000, dan terus meningkat kepada 66.7% dalam kategori keluarga yang berpendapatan bulanan RM15,001 dan ke atas. Mengenai keluarga yang menjadikan hotel lokasi majlis perkahwinan pula, kesemuanya ialah keluarga yang berpendapatan bulanan RM15,001 dan ke atas, sedangkan tiada keluarga berpendapatan bulanan RM15,000 dan ke bawah berbuat demikian.



Graf 6.6: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden dan Pemilihan Lokasi Majlis Perkahwinan

Jelaslah bahawa keluarga yang lebih rendah kedudukan sosioekonominya lebih cenderung mengadakan majlis perkahwinan di kawasan sekitar tempat kediaman, sama ada di rumah sendiri atau menggunakan kemudahan awam di kawasan perumahan. Sementara itu, keluarga yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya pula lebih suka mengadakan majlis perkahwinan di lokasi komersial, seperti dewan atau hotel

University of Malaya

berbintang. Hasil dapatan ini juga disokong oleh kajian Yaacob Harun (2014a) yang menunjukkan bahawa keluarga kaya lazimnya memilih dewan atau hotel sebagai lokasi resepsi, sedangkan keluarga kurang berada lebih cenderung mengadakan kenduri di tempat kediaman sendiri kerana perbelanjaannya lebih murah.

Jika ditinjau masyarakat Melayu tradisi, kedudukan sosioekonomi keluarga tidak wujud sebagai faktor yang mempengaruhi pemilihan lokasi majlis perkahwinan. Puncanya ialah, pada waktu itu tidak wujud lokasi komersial majlis perkahwinan yang boleh diguna pakai. Tambahan pula, rumah pengantin adalah cukup besar untuk menampung tetamu. Maka, sama ada yang miskin atau yang kaya akan mengadakan kenduri kahwin di rumah sendiri. Namun begitu, dalam masyarakat bandar masa kini, industri perkahwinan telah berkembang pesat dan menyediakan pelbagai perkhidmatan profesional dengan mengenakan bayaran dari rendah hingga bayaran yang tinggi, termasuk sewa lokasi kenduri kahwin. Maka dalam hal ini, keadaan ekonomi keluarga mula menjadi faktor penting yang mempengaruhi pemilihan lokasi majlis perkahwinan.

Seperti yang didapati dalam kajian ini, keluarga berpendapatan tinggi lebih menggemari lokasi komersial majlis perkahwinan, manakala keluarga berpendapatan rendah lebih cenderung menjadikan kawasan perumahan lokasi majlis perkahwinan. Fenomena ini boleh dianalisis daripada dua aspek utama, iaitu yang pertama, keluarga yang lebih kukuh asas ekonominya mampu menanggung kos belanja tinggi, hasil daripada sewa lokasi komersial majlis perkahwinan, sedangkan keluarga berpendapatan rendah tidak mampu berbuat demikian. Fatimah Abdullah (2009a) dalam kajiannya menunjukkan bahawa kos sewa lokasi komersial majlis perkahwinan di Kuala Lumpur adalah mahal. Menurutnya, menyewa ruang di hotel dan dewan dikira mengikut jam dan

University of Malaya

hari. Bayaran itu berbeza-beza dari RM60 sejam hingga RM2,000 sehari, malah RM30,000 sehari bergantung pada saiz dan lokasi ruang berkenaan. Hal ini disebabkan oleh persaingan untuk mendapatkan ruang di bandar adalah sangat hebat. Setiap kawasan di bandar akan digunakan untuk memperoleh pulang ekonomi yang maksimum. Dengan itu, melakukan sebarang kegiatan di pusat bandar adalah tinggi perbelanjaannya, begitu juga dengan menggunakan ruang di bandar sama ada membeli atau menyewa.

Dengan keadaan sedemikian, kos belanja kenduri kahwin di dewan atau hotel berbintang adalah lebih tinggi daripada kenduri kahwin di rumah (Fatimah Abdullah, 2009a; Shamsuddin Kadir & Ain Muhammad, 2012; Yaacob Harun, 2014a). Hal ini juga terbukti dalam temu bual dengan beberapa agensi perkhidmatan perkahwinan di Kuala Lumpur. Sebagai contoh, mengikut pakej syarikat *Shahmie Catering & Event*, harga pakej kanopi pilihan terbaik syarikat ini ialah RM36,000 (1,000 orang). Jika ingin mengadakan majlis perkahwinan di dewan MZH, maka harganya terus naik, iaitu RM43,000 (Min 1,000 orang) untuk Sinaran Hall dan RM49,000 (Min 1,000 orang) untuk Suria Grand Hall. Untuk lokasi yang lebih tinggi statusnya, iaitu Megaview Banquet Hall, maka harganya terus meningkat kepada RM55,000 (1,000 orang)[6].

Natijahnya, lokasi komersial majlis perkahwinan lebih banyak menjadi pilihan kepada keluarga yang lebih berpendapatan tinggi kerana kos belanja tinggi yang perlu ditanggung tidak membebani mereka. Bagi keluarga yang berpendapatan lebih rendah pula, asas ekonomi yang kurang mantap menyebabkan mereka lebih cenderung memilih lokasi kenduri kahwin yang lebih menjimatkan bajet, seperti rumah, kemudahan awam di kawasan perumahan atau tempat-tempat lain yang tidak memerlukan bajet besar.

[6] Informasi didapatkan daripada risalah Shahmie Catering & Event Sdn. Bhd. dalam pameran pengantin yang diadakan di *Ampang Park Shopping Center* pada 7 Ogos 2015.

University of Malaya

Dapatan ini juga disokong oleh hasil kajian Thuc-Doan dan Belk (2012) di Vietnam yang mendapati bahawa keluarga kaya di Ho Chi Minh meraikan majlis perkahwinan di hotel berbintang yang terletak di Daerah Nombor Pertama dan Ketiga, atau restoran-restoran eksklusif yang baru dibina di bahagian barat pusat bandar. Bagi keluarga kaum buruh pula, restoran-restoran kecil yang bertaburan di sekeliling bandar menjadi pilihan mereka.

Aspek kedua pula ialah, keluarga berpendapatan tinggi memerlukan lokasi majlis perkahwinan yang lebih mewah demi sesuai dengan status sosial tuan rumah. Kepada keluarga berpendapatan rendah pula, lokasi yang lebih sesuai dengan status sosial tuan rumah juga diperlukan, iaitu rumah atau kawasan perumahan yang lebih rendah kosnya. Seperti diketahui, semua masyarakat mempunyai susun lapis, iaitu susunan individu atau kumpulan dalam masyarakat mengikut tinggi rendah status sosial masing-masing. Golongan daripada lapisan masyarakat yang berbeza mempunyai prestij dan kuasa yang berlainan seperti huraian Bidwell dan Mey (2000), "*Those at the top of the stratification hierarchy have the most prestige, power, and privileges, whereas those at the bottom of what is commonly referred to as the social ladder have the least prestige, power, and privileges*. (p. 151)" Dalam hal ini, kelebihan yang dimiliki golongan yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya perlu dipertahankan dan ditunjukkan dalam kehidupan seharian dengan mengamalkan gaya hidup tertentu. Hasil dapatan kajian Mohd Khairuddin dan Mohamad Fauzi (2016) juga menyokong pandangan ini, iaitu dengan melabur untuk memiliki barangan atau perkhidmatan tertentu, golongan atasan boleh mengukuhkan jarak sosial yang wujud antara diri mereka dengan golongan bawahan.

University of Malaya

Begitu juga dalam soal melaksanakan majlis perkahwinan di bandar. Sudah menjadi lumrah bahawa majlis perkahwinan merupakan pentas kepada tuan rumah untuk bersaing dari segi kekayaan, di samping meningkatkan status sosial keluarga (Benson, 1971; Park, 1997; Bloch dan rakan-rakan, 2004). Pauli (2011) juga menyatakan, setiap butiran dalam majlis perkahwinan menunjukkan jarak sosial, seperti baju, makanan dan juga lokasi majlis perkahwinan. Oleh itu, keluarga yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya memerlukan lokasi majlis perkahwinan yang lebih eksklusif dan mewah. Lokasi tersebut perlu lengkap dengan pelbagai kemudahan, seperti sistem elektrik, sistem penyaman udara dan sebagainya. Kesemua ini akan menjamin keselesaan tetamu yang bukan sebarang orang, tetapi orang yang berpangkat dan berstatus. Sementara itu, keluarga berpendapatan rendah juga memerlukan lokasi kenduri kahwin yang lebih sesuai dengan kelas sosial tuan rumah, iaitu rumah atau kawasan perumahan dengan suasana yang lebih kasual dan kos belanja yang lebih rendah.

Hasil dapatan kajian ini adalah selaras dengan huraian Shamsuddin Kadir dan Ain Muhammad (2012), iaitu kepada tuan rumah yang mampu dari segi ekonomi dan mempunyai ramai tetamu daripada kelas menengah, dewan yang dilengkapi dengan sistem penyaman udara adalah sesuai untuk digunakan kerana suasananya memberikan keselesaan kepada tetamu. Hotel berbintang pula sesuai untuk golongan yang kukuh asas kewangannya, selain mempunyai tetamu yang lazimnya bukan orang biasa tetapi berkedudukan. Kenduri yang diadakan di rumah pula ialah kenduri kahwin yang ringkas. Pilihan ini sesuai untuk golongan tuan rumah yang tidak mahu atau tidak mampu menanggung kos kenduri yang berlebihan.

University of Malaya

Data-data hasil temu bual dengan beberapa pasangan pengantin Melayu Kuala Lumpur memperkukuhkan lagi hasil daripada soal selidik. Berikutnya, dibincangkan pengalaman tiga buah keluarga yang berbeza kedudukan sosioekonominya dalam memilih lokasi majlis perkahwinan. Dengan berbuat demikian, boleh dikesan dengan lebih ketara pengaruh kedudukan sosioekonomi keluarga kepada pemilihan lokasi majlis perkahwinan atas dua punca utama yang telah dibincangkan.

Kenduri Kahwin Diadakan di Kawasan Perumahan Rumah Pangsa untuk Menjimatkan Kos

"Bapa kepada responden isteri bagi pasangan kesebelas ialah pensyarah di sebuah institut pengajian, manakala ibunya suri rumah sepenuh masa. Pendapatan bulanan bapanya lebih kurang RM6,000. Mereka tinggal di rumah pangsa yang berharga RM150,000 di Kampung Kerinchi.

Kenduri kahwin sebelah isteri diadakan di dewan mesyuarat orang ramai, di depan bangunan rumah pangsa. Menurut isteri, terdapat dua sebab utama mereka memilih lokasi ini, iaitu menjimatkan kos belanja dan sesuai dengan kelas sosial keluarga. Jelaskannya, "*I* rasa tak sesuai kot buat kat tempat lain, macam hotel ke, sebab *the* kos la." Untuk membatasi bajet, akhirnya mereka mengikut tradisi di kawasan perumahan, iaitu mengadakan kenduri di dewan mesyuarat dan memasak secara bergotong-royong dengan jiran tetangga. Dengan cara sebegini, tuan rumah hanya perlu mengeluarkan duit untuk membeli bahan mentah, menyewa kanopi dan memberi sedikit upahan kepada jiran-jiran yang sudi membantu sahaja. Keseluruhan kos belanja hanya mencecah RM25,000. Keluarga isteri berpuas hati dengan keputusan mengadakan majlis perkahwinan di kawasan perumahan kerana kos belanja yang tidak besar itu dapat ditampung oleh duit daripada tetamu yang berjumlah RM21,000. Ibu isteri berkata, "Banyak boleh jimat tu! Mahal kalau buat kat hotel, mesti lebih daripada RM40,000. Kita orang biasa-biasa je, rasa tak mampu nak buat macam tu.""

Dewan Merak Kayangan Menjadi Pilihan Keluarga Kelas Menengah

"Dalam contoh kes pasangan ketiga belas, bapa isteri bergelar profesor dan memegang jawatan sebagai pengarah fakulti di sebuah universiti tempatan, manakala ibu isteri ialah seorang guru di sekolah rendah. Pendapatan bulanan bapanya mencecah RM15,000, manakala pendapatan bulanan ibunya pula sebanyak RM3,000. Mereka tinggal di sebuah rumah Semi-D yang berharga RM1.2 juta di kawasan Damansara.

Kenduri kahwin sebelah keluarga isteri diadakan di Dewan Merak Kayangan atas cadangan ibu bapanya. Mula-mula, isteri ingin meraikan majlis perkahwinannya di hotel yang berdekatan dengan rumahnya kerana ini memang impiannya sejak dahulu lagi. Namun begitu, ibu bapa pula mencadangkan Dewan Merak Kayangan atas dua

University of Malaya

sebab utama, iaitu bajet keluarga dan populariti tempat itu. Bapa isteri berkata, “Hotel terlalu mahal, makan dah RM150 lebih untuk satu kepala, ni untuk makan sekali je, mahal kan? Tu belum lagi sewa meja, sewa bilik untuk buat majlis, tu lain. Sewa satu dewan dekat hotel dah RM10,000-20,000. Ada yang buat kat hotel sampai RM100,000 pun ada. Rasa membazir la, daripada membazir dekat hotel tu, baik (anak) ambil duit pergi *honeymoon*, atau untuk *down payment* rumah dia.” Selain itu, populariti dewan itu juga merupakan sebab penting mengapa tempat itu dicadangkan. Menurut bapa isteri, Dewan Merak Kayangan terkenal dalam kalangan orang Melayu Kuala Lumpur dengan masakan yang lazat, suasana yang selesa dan lokasi yang senang dicapai. “Tetamu yang datang ramai VIP, maksudnya orang yang berpangkat juga la. Jadi, kena jaga sikit dari segi tempat dan protokol la,” ujar bapa isteri.

Akhirnya, keluarga isteri mengambil pakej yang disediakan oleh Dewan Merak Kayangan, iaitu RM30 pax meliputi sewa dewan, katering dan pelamin. Maka, kos belanja untuk kenduri kahwin yang menjemput 1,500 orang ialah RM45,000. Walaupun duit daripada tetamu hanya boleh menampung sebahagian daripada kos belanja itu, namun keluarga isteri tidak berasa tertekan dengan kos belanja yang ditanggung dan cuma terkesan sedikit dengan kenaikan harga yang diakibatkan oleh GST yang dikenakan kepada pengguna.”

Keluarga Berada Meraikan Majlis Perkahwinan di Hotel Hilton

“Bapa kepada responden isteri bagi pasangan kedua bekerja di bank dan pendapatan bulanannya lebih kurang RM30,000. Ibu isteri pula seorang guru sejarah di sekolah menengah dan berpendapatan bulanan RM8,000. Mereka tinggal di sebuah rumah banglo bernilai RM3 juta di Petaling Jaya.

Kenduri kahwin sebelah keluarga isteri dilangsungkan di Hotel Hilton. Menurut responden, lokasi kenduri kahwin itu diputuskan oleh ibu bapanya mengikut status ekonomi keluarga. Kepada ibu bapa responden, meraikan majlis perkahwinan yang sempurna untuk anak-anak di hotel ialah impian mereka, maka sudah lama pasangan ini menyimpan dana untuk menjayakan majlis itu. Sebagai anak, responden cuba memahami dan mematuhi kehendak ibu bapa, “Lagipun, mereka yang tanggung duit itu, kita *enjoy* la, hahaha.” Selain itu, responden juga mengakui bahawa hotel lima bintang ini dipilih sebagai lokasi majlis perkahwinan juga kerana sesuai dengan kelas sosial keluarganya. “Masa *my wedding day* tu, VIP sangat ramai, Datuk-Datuk semua, ada juga Tan Sri, ada juga orang putih, ramai rakan *business* ayah la,” jelasnya isteri.

Akhirnya, keluarga isteri mengambil pakej hotel Hilton yang merangkumi sewa dewan, katering dan pelamin sekali, harganya RM1,400 untuk semeja. Maka, keseluruhan kos belanja kenduri kahwin untuk 40 meja ialah RM56,000. Kos itu ditanggung sepenuhnya oleh bapa isteri tanpa menggunakan duit daripada tetamu. Duit daripada tetamu yang berjumlah RM14,000 itu diserahkan kepada responden isteri sebagai hadiah. “*Parents* sangat besar hati la, sangat pemurah la,” kata responden dalam senyuman.”

University of Malaya

Gambar 6.2: Kenduri Kahwin Sebelah Keluarga Responden Isteri bagi Pasangan Kedua yang Diadakan di Hotel Hilton

Boleh dirumuskan bahawa kedudukan sosioekonomi keluarga responden Melayu Kuala Lumpur berperanan penting dalam menentukan lokasi majlis perkahwinan. Semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga, semakin cenderung mereka mengadakan majlis perkahwinan di dewan dan hotel. Keluarga yang lebih rendah kedudukan sosioekonominya pula lebih cenderung memilih rumah atau tempat awam di kawasan perumahan sebagai lokasi majlis perkahwinan.

6.3.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh

Sudah terbukti dalam kajian ini, iaitu faktor pendidikan, pekerjaan dan pendapatan responden kurang memainkan peranan dalam menentukan lokasi majlis perkahwinan (untuk perbincangan selanjutnya, sila rujuk kepada Lampiran C).

Hal ini berlaku kerana, secara umumnya, pemilihan lokasi majlis perkahwinan merupakan keputusan keluarga tetapi bukan keputusan individu. Maka, dalam hal ini,

keadaan keluarga lebih berperanan besar, iaitu kedudukan sosioekonomi keluarga dan reka bentuk tempat kediaman. Sebaliknya, keadaan peribadi pengantin kurang memberikan impak, iaitu pendidikan, pekerjaan dan pendapatan.

Sebagai kesimpulan, pemilihan lokasi majlis perkahwinan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur telah mengalami perubahan yang ketara, iaitu tempat kediaman bukan lagi satu-satunya pilihan kerana lokasi komersial telah wujud sebagai pilihan sampingan, seperti dewan dan hotel. Dalam memutuskan lokasi majlis perkahwinan, reka bentuk tempat kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga responden memainkan peranan penting. Didapati bahawa keluarga yang sempit ruang rumahnya tiada pilihan lain kecuali mengadakan majlis di luar dari rumah, namun keluarga yang lebih luas ruang rumahnya pula mempunyai pilihan yang lebih luas, sama ada mengadakan kenduri di dalam atau di luar dari rumah. Selain itu, keluarga yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya lebih gemar memilih dewan dan hotel sebagai lokasi majlis, sebaliknya keluarga yang lebih rendah kedudukan sosioekonominya pula lebih cenderung mengadakan majlis perkahwinan di rumah atau di tempat awam di kawasan perumahan.

6.4 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Sistem Sokongan Tenaga dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan

Masyarakat Melayu tradisi terkenal dengan hubungan kerjasama yang erat dalam kalangan anggota masyarakat. Upacara-upacara seperti majlis perkahwinan adalah dijayakan dengan bergotong-royong dan bekerjasama antara tuan rumah, jiran tetangga

University of Malaya

dan sanak saudara (Firth, 1966; Banks, 1983). Dengan bantuan daripada komuniti setempat, walaupun faktor ekonomi tetap faktor penting dalam menjayakan majlis perkahwinan, namun bukan faktor yang terpenting kerana banyak prosedur boleh dijalankan tanpa mengeluarkan banyak duit (Shariffah Norhana, 1990).

Walau bagaimanapun, sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan dalam golongan responden Melayu bandar telah menunjukkan perbezaan yang sangat ketara berbanding dengan masyarakat Melayu tradisi. Responden dalam kajian ini dibuktikan sangat bergantung kepada perkhidmatan perkahwinan profesional yang ditawarkan oleh agensi komersial semasa melaksanakan majlis perkahwinan mereka. Buktinya, berasaskan data-data daripada soal selidik, kesemua responden pernah menggunakan perkhidmatan perkahwinan profesional, cuma bezanya ialah jumlah dan jenis perkhidmatan yang diguna pakai.



Graf 6.7: Penggunaan Perkhidmatan Perkahwinan Profesional dalam Kalangan Responden

University of Malaya

Melihat Graf 6.7, antara perkhidmatan perkahwinan profesional yang paling digemari sehingga menjadi pilihan kepada lebih daripada separuh responden ialah, kad jemputan (96.3%), katering (92.5%), butik pengantin (81.3%), solekan pengantin (81.3%), fotografi dalam majlis (78.5%), perhiasan pelamin (75.7%), dan fotografi pra-perkahwinan (53.3%). Selain itu, terdapat juga beberapa jenis perkhidmatan perkahwinan yang menjadi pilihan kepada responden yang jumlahnya kurang daripada separuh, antaranya pengacara majlis (49.5%), buah tangan (43.9%), videografi dalam majlis (40.2%), hiburan dalam majlis (38.3%), gubahan hantaran (31.8%) dan perancang perkahwinan (19.6%).

Pada masa yang sama, didapati bahawa tahap pergantungan responden dan keluarga mereka terhadap bantuan daripada sanak saudara dan jiran tetangga telah menurun dengan jelas. Merujuk kepada Carta 6.3, didapati bahawa terdapat 25.2% responden mengakui sanak saudara mereka kurang memainkan peranan dalam menjayakan majlis perkahwinan. Diteliti dengan lebih mendalam, terdapat 22.4% responden mengatakan sanak saudara mereka kurang membantu, bahkan didapati 2.8% responden menyatakan sanak saudara mereka langsung tidak menghulurkan bantuan.

University of Malaya

Carta 6.3: Tahap Sokongan Sanak Saudara dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan Responden

Ditinjau tahap bantuan jiran tetangga pula, menurut Carta 6.4, terdapat 36.5% responden mengatakan jiran tetangga kurang aktif dalam membantu mereka. Dilihat dengan lebih teliti, terdapat 23.4% responden mengakui jiran tetangga kurang menghulurkan bantuan, bahkan didapati 13.1% responden mengakui diri mereka tidak pernah mendapat bantuan dan sokongan daripada jiran-jiran.



Carta 6.4: Tahap Sokongan Jiran Tetangga dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan Responden

University of Malaya

Ternyatalah bahawa walaupun sanak saudara dan jiran tetangga masih banyak memberikan bantuan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, namun secara keseluruhannya, tanggungjawab mereka untuk membantu tuan rumah menjayakan majlis perkahwinan telah beralih kepada agensi perkhidmatan perkahwinan profesional, sedangkan kepentingan dan peranan mereka dalam hal ini semakin merosot. Hasil penemuan kajian ini dikukuhkan lagi oleh beberapa kajian yang dilakukan di Kuala Lumpur. Menurut Shariffah Norhana (1990), majlis perkahwinan pada zaman dahulu adalah dikendalikan oleh sanak saudara, jiran dan sahabat taulan, tetapi kini semua urusan majlis perkahwinan akan dilakukan dengan mengupah orang khas. Nur Halida (2011) pula menunjukkan, "ekoran daripada kekangan masa, tenaga dan kepakaran yang dihadapi telah mendorong keluarga pengantin bertindak mengikut proses rasionalisasi, iaitu menyerahkan kerja mengurus majlis perkahwinan kepada pihak yang lebih profesional. (p.69).".

Berikutnya, akan dibincangkan faktor-faktor sosioekonomi yang manakah lebih menyumbang kepada perubahan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan responden kajian ini.

6.4.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Kelima-lima faktor sosioekonomi dalam kajian ini didapati mempunyai hubung kait yang ketara dengan perubahan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Antara faktor-faktor tersebut termasuk, pekerjaan, pendidikan, pendapatan, kedudukan sosioekonomi keluarga dan kediaman.

University of Malaya

6.4.1.1 Pekerjaan

Hasil penemuan kajian ini menunjukkan bahawa faktor pekerjaan responden mendorong berlaku peralihan tanggungjawab institusi keluarga dalam pengurusan kenduri kahwin kepada agensi perkhidmatan perkahwinan. Walau bagaimanapun, pengaruh itu bukan disebabkan oleh faktor status pekerjaan responden (melihat Graf 6.8), tetapi ciri-ciri pekerjaan mereka. Hal ini dapat dikesan dengan jelas dalam Graf 6.9, antara punca-punca kepada penggunaan perkhidmatan perkahwinan dalam kalangan responden, ciri-ciri pekerjaan di bandar merupakan punca yang paling dominan apabila terdapat 71.0% responden menyatakan diri mereka menggunakan perkhidmatan perkahwinan atas sebab "kekurangan masa dan tenaga kerana dibebani kerja".



Graf 6.8: Status Pekerjaan Responden dan
Jumlah Jenis Perkhidmatan Perkahwinan Profesional yang Digunakan

University of Malaya



Graf 6.9: Punca-punca kepada Penggunaan Perkhidmatan Perkahwinan Profesional Responden

Jika dianalisis dengan lebih mendalam lagi, didapati panjangnya waktu kerja sehari responden akan menentukan penggunaan perkhidmatan perkahwinan mereka [7]. Mengikut Graf 6.10, dalam lingkungan penggunaan perkhidmatan perkahwinan lima jenis dan ke bawah, semakin pendek waktu kerja sehari responden, maka semakin cenderung mereka menggunakan perkhidmatan dalam lingkungan jumlah ini. Keadaan ini berubah dalam lingkungan penggunaan perkhidmatan perkahwinan antara enam hingga sepuluh jenis dan sepuluh jenis ke atas. Maknanya, semakin panjang waktu kerja sehari responden, maka semakin cenderung mereka menggunakan perkhidmatan dalam dua lingkungan jumlah ini. Maka, boleh dirumuskan bahawa semakin sibuk dan berat bebanan kerja responden, semakin mereka bergantung kepada agensi perkhidmatan perkahwinan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan.

[7] Menurut undang-undang Malaysia, waktu kerja standard untuk sehari ialah lapan jam dan tidak termasuk waktu rehat. Namun begitu, terdapat juga sesetengah pekerjaan yang memerlukan pekerja menghabiskan masa yang lebih panjang ke atas urusan kerja, seperti pekerjaan profesional yang merangkumi bidang akademik dan perubatan. Oleh itu, waktu kerja sehari dalam kajian ini dibahagikan kepada dua kategori dengan menggunakan lapan jam sebagai dimensi, iaitu kategori tidak melebihi lapan jam dan kategori lapan jam ke atas.

University of Malaya



Graf 6.10: Waktu Kerja Sehari Responden dan
Jumlah Jenis Perkhidmatan Perkahwinan Profesional yang Digunakan

Jika melihat masyarakat Melayu tradisi, secara umumnya, penduduk terlibat dalam aktiviti ekonomi sara diri yang berpusat kepada kegiatan pertanian. Oleh sebab waktu kerja yang fleksibel dan masa lapang yang panjang selepas musim menuai, maka penduduk desa mempunyai masa dan tenaga yang mencukupi untuk merancang, menyediakan dan mengendalikan upacara besar-besaran yang rumit prosesnya. Begitu juga kenduri kahwin yang merupakan sebahagian penting dalam kehidupan orang Melayu. Tambahan pula, komuniti setempat sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada keluarga yang perlu dibantu. Maka, pada ketika itu, pelaksanaan majlis perkahwinan menjadi urusan lingkungan rumah tangga yang tidak perlu dicampuri oleh pihak luar.

Sungguhpun begitu, ciri-ciri pekerjaan di bandar tidak lagi mengizinkan anggota keluarga, terutama sekali pasangan pengantin Melayu menumpukan sepenuh masa dan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Seperti diketahui, di bandar, masa lapang penduduk adalah ditentukan oleh pekerjaan dalam sektor perindustrian yang mengikut waktu kerja. Dalam waktu kerja, golongan pekerja perlu bekerja keras untuk

University of Malaya

menunaikan tugas masing-masing, bahkan ada yang terpaksa bekerja lebih masa demi meningkatkan lagi pencapaian dan daya saing diri sendiri. Lantaran itu, masa yang diluangkan di dalam rumah menjadi semakin kurang, manakala masa yang dikorbankan untuk memajukan pelajaran dan kerjaya semakin meningkat, khususnya bagi kaum perempuan. Masalah kesuntukan masa dan kekurangan tenaga yang sering dihadapi oleh penduduk bandar telah mencipta peluang keemasan kepada wujudnya agensi perkhidmatan perkahwinan. Natijahnya, kerja dalam lingkungan rumah tangga beransur-ansur diresapi nilai perdagangan seperti yang dinyatakan oleh Blakely (2008), "*...the commodity frontier has expanded, particularly into the domestic realm*. (p. 639)." Akhirnya, majlis perkahwinan orang Melayu bandar tidak lagi menjadi acara keluarga yang dirancang oleh ahli keluarga, tetapi pengeluaran besar yang memerlukan perkhidmatan daripada ahli profesional yang lebih berpengalaman (Shariffah Norhana, 1990; Nurul Halida, 2011).

Ramai sarjana tempatan menunjukkan bahawa perkhidmatan perkahwinan komersial telah menjadi penyelamat kepada pengantin Melayu bandar yang sibuk dengan tugasan harian. Menurut Amran Kasimin (2002), penduduk bandar sekarang menyerahkan segala urusan masak-memasak kepada pihak tertentu dari awal hingga akhir. Ini termasuk memasang khemah, menyediakan hidangan, menyediakan barang-barang keperluan dan sebagainya. Amalan seumpama ini sering dilakukan dalam kalangan pengantin yang sibuk dengan tugas-tugas harian. Fatimah Abdullah (2009a) pula mengatakan, kekangan masa dan tenaga yang dihadapi kini telah mendorong pengantin Melayu menyerahkan kerja mengurus majlis perkahwinan kepada pihak profesional. Mohd Khairuddin dan Mohamad Fauzi Sukimi (2016) turut menunjukkan,

University of Malaya

pada masa kini, pakej perkahwinan merupakan komoditi terpenting dalam majlis perkahwinan kerana pengambilan pakej menyediakan kemudahan dan banyak menjimatkan masa dan tenaga pengantin dan keluarga.

Dalam hal ini, responden yang lebih berat tugasannya dan selalu bekerja lebih masa jelas lebih memerlukan bantuan daripada agensi perkhidmatan profesional. Hal ini tidak sukar untuk difahami kerana kesibukan kerja menyebabkan masa lapang mereka terhad dibandingkan dengan responden yang bekerja mengikut waktu kerja standard atau kurang daripada waktu kerja standard. Kajian Jacobs dan Gerson (2005) juga menunjukkan bahawa orang yang selalu bekerja lebih masa lebih mudah terperangkap dalam dilema antara kerjaya dan rumah tangga. Menurut mereka, dalam kalangan orang yang bekerja lebih waktu (melebihi 40 jam seminggu), terdapat ahli profesional dan pengurus yang perlu bekerja sehingga 50 jam seminggu. Golongan ini sering mendapati diri mereka kesempitan masa dan kekurangan tenaga apabila cuba mengimbangkan tuntutan kerjaya dan keluarga. Oleh sebab itu, golongan responden yang dibebankan dengan kerja-kerja rumit sehingga terpaksa bekerja lebih masa telah menjadi sasaran utama agensi perkahwinan komersial.

Korelasi positif antara panjangnya waktu kerja responden dengan penggunaan perkhidmatan perkahwinan juga disokong oleh dua contoh kes di bawah yang didapati daripada temu bual dengan responden.

Sebelas Jenis Perkhidmatan Perkahwinan Digunakan untuk Menyelamatkan Diri daripada Bebanan Kerja

"Kedua-dua suami isteri bagi pasangan kedua bekerja sebagai PTD di Kementerian Luar Negeri Malaysia. Pasangan ini mengakui kerja mereka sangat sibuk dan selalu bekerja lebih masa. Secara purata, waktu kerja sehari mereka ialah 9 hingga 10 jam. "Bidang kerja kami sangat sibuk, memang sangat *busy*," ujar responden isteri.

University of Malaya

Isteri mengakui kesibukan kerja menyebabkan dirinya kekurangan masa untuk berfokus kepada persiapan majlis perkahwinan. Apabila dilanda kesibukan, waktu makan tengah hari sahaja yang digunakan untuk bertemu dengan bakal suami dan berbincang beberapa perkara penting mengenai majlis perkahwinan yang bakal dilangsungkan. Memandangkan situasi sebegini, responden isteri telah menyerahkan kerja persiapan majlis perkahwinan yang rumit itu kepada agensi perkhidmatan perkahwinan profesional. Sebelas jenis perkhidmatan yang telah digunakan termasuk, katering, butik pengantin, solekan pengantin, gubahan hantaran, fotografi dalam majlis, videografi dalam majlis, perhiasan pelamin dan lokasi, rekaan dan cetakan kad jemputan, pengacara majlis, buah tangan dan hiburan dalam majlis. Isteri amat berpuas hati dengan perkhidmatan komersial yang diguna pakai kerana sangat membantu untuk mengurangkan tekanannya dalam menyediakan majlis perkahwinan."

Banyak Terlibat dalam Persiapan Majlis Perkahwinan kerana Masa Lapang Mencukupi

"Responden isteri bagi pasangan ketujuh bekerja di syarikat *Mediquip Mobile*. Waktu kerjanya ditetapkan mengikut standard lapan jam sehari, iaitu masuk kerja pada pukul 9.00 pagi dan balik kerja pada pukul 5.00 petang. Lantaran itu, selepas balik ke rumah, ia mempunyai masa lapang yang mencukupi untuk membuat persiapan majlis perkahwinannya. Oleh itu, gubahan barang hantaran, perhiasan pelamin, perhiasan rumah, perhiasan untuk kotak bungkusan buah tangan dan bunga telur semuanya dikendalikan oleh responden isteri sendiri dengan sedikit bantuan daripada ibu bapa. Bahan-bahan *DIY*nya didapati di kedai-kedai pengantin perempuan (*bridal house*), seperti kedai *Sayang You* di Semua House. Bunga segar pula dibeli di kedai-kedai bunga yang berhampiran dengan rumahnya. "Saya minat, ada idea juga, yang penting cukup masa. Tiap-tiap hari lepas balik kerja, masak-masak dan siap-siap semua, saya dah mula buat la, sikit-sikit lama-lama jadi bukit juga, hahaha, tak rasa penat pun," ujar isteri. Akhirnya, ia cuma menggunakan enam jenis perkhidmatan profesional untuk menyempurnakan majlis perkahwinannya yang diadakan di rumah. Antara perkhidmatan yang digunakan ialah, katering, butik pengantin, solekan pengantin, fotografi dalam majlis, rekaan dan cetakan kad jemputan serta hiburan dalam majlis."

University of Malaya

Gambar 6.3: Pelamin yang Dihiasi Sendiri oleh Responden Isteri bagi Pasangan Ketujuh

Boleh dirumuskan bahawa ciri-ciri pekerjaan responden di bandar menyumbang kepada peralihan tanggungjawab melaksanakan majlis perkahwinan daripada lingkungan rumah tangga kepada agensi perkhidmatan perkahwinan. Dilihat dengan lebih mendalam lagi, jika semakin panjang waktu kerja responden, semakin mereka bergantung kepada bantuan daripada agensi perkhidmatan perkahwinan profesional.

6.4.1.2 Pendidikan

Selain faktor pekerjaan, faktor pendidikan responden juga mendorong kepada perubahan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Hal ini

University of Malaya

demikian kerana, taraf pendidikan boleh mempengaruhi tuntutan responden terhadap bantuan yang diperlukan dalam persiapan majlis perkahwinan.

Menurut Graf 6.11, dilihat unsur kualiti, idea rekaan, populariti dan jenama dalam penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional, menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan responden, maka semakin tinggi tumpuan mereka terhadap ketiga-tiga unsur tersebut. Namun begitu, keadaan unsur harga pula menunjukkan perbezaan, iaitu semakin tinggi tahap pendidikan responden, maka semakin kurang mereka memberikan perhatian terhadap unsur ini. Ringkasnya, seiring dengan peningkatan taraf pendidikan, responden lebih mengutamakan kualiti, idea rekaan serta populariti dan jenama perkhidmatan perkahwinan, di samping kurang mengambil berat tentang kos belanjanya. Ternyatalah, tuntutan tinggi responden terpelajar terhadap perkhidmatan perkahwinan tidak boleh dipenuhi dengan bantuan sukarela daripada komuniti setempat lagi. Situasi ini terus merangsang penggunaan perkhidmatan profesional yang ditawarkan oleh agensi perkahwinan komersial, di samping mengurangkan pergantungan pengantin dan keluarga terhadap bantuan sanak saudara dan jiran tetangga.

University of Malaya



Graf 6.11: Taraf Pendidikan Responden dan Unsur-unsur yang Diutamakan dalam Penggunaan Perkhidmatan Perkahwinan Profesional

Dalam masyarakat Melayu tradisi, majoriti orang Melayu adalah huruf buta yang tidak pernah menerima pendidikan formal. Taraf pendidikan yang rendah membatasi daya fikir, daya imaginasi dan daya kreatif mereka. Maka, dari segi sosial dan budaya, kelompok Melayu di kampung pada umumnya bersifat homogenous atau seragam (Wan Abdul Kadir, 1992). Begitu juga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, penduduk desa akan mengikuti sahaja kebiasaan yang telah diterima oleh komuniti setempat. Rentetan itu, sanak saudara dan jiran tetangga merupakan tenaga utama dalam membantu tuan rumah mengadakan majlis perkahwinan kerana mereka tahu benar tentang kebiasaan, prosedur dan adat perkahwinan tempatan.

Walau bagaimanapun, seiring dengan situasi orang Melayu yang menerima pendidikan formal, keadaan ini telah mengalami perubahan drastik. Pendidikan formal bukan sahaja merupakan institusi utama dalam membentuk modal insan, tetapi mencorakkan cara berbelanja penduduk bandar (Bourdieu, 1984; Jain, 1986; Girard dan rakan-rakan, 2003; Aydi, 2006; Nor Asiah Omar dan rakan-rakan, 2016). Dari segi pembentukan modal insan, pendidikan boleh meningkatkan daya fikir orang ramai ke

University of Malaya

tahap yang maksimum. Mereka bercita rasa tinggi dan selalu bersikap inovatif. Dari segi cara berbelanja pula, pendidikan formal meningkatkan keperluan dan keinginan individu untuk berbelanja (Gold, 2002). Lantaran itu, dalam pelaksanaan majlis perkahwinan di bandar, tiada tenaga sokongan yang lebih sesuai selain agensi perkhidmatan perkahwinan komersial yang boleh menawarkan perkhidmatan eksklusif mengikut cita rasa pelanggan. Akibatnya, agensi perkhidmatan perkahwinan beransur-ansur mengambil alih tugas komuniti setempat dalam membantu tuan rumah menjayakan majlis perkahwinan.

Pergantungan terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional dapat dikesan dengan lebih ketara berlaku dalam golongan responden berpendidikan tinggi. Situasi ini disebabkan oleh empat punca utama dan yang pertama ialah, individu terpelajar mempunyai cita rasa yang tinggi dan lebih mengutamakan mutu kehidupan, maka golongan ini lebih cenderung untuk berbelanja perkhidmatan atau barangan yang tinggi mutunya dan cantik rekaannya. Feng (2008) menegaskan, pendidikan bukan sahaja memupuk cita rasa individu, tetapi mengajar mereka bagaimana menikmati kualiti hidup. Swanson dan rakan-rakan (2008) juga menyatakan, golongan berpendidikan tinggi lebih mementingkan kepuasan rohani dan cenderung dimotivasikan oleh sesuatu yang bersifat estetik. Dalam hal ini, perkhidmatan perkahwinan agensi profesional yang eksklusif dan bermutu jelas boleh memenuhi permintaan mereka itu.

Punca yang kedua ialah, individu yang terpelajar lebih memerlukan penggunaan perkhidmatan komersial untuk menunjukkan kedudukan sosioekonomi mereka yang lebih dominan dalam masyarakat. Menurut Teori Konsumsi Simbol (*Symbol Consuming Theory*) yang dikemukakan oleh Jean Baudrillard (1998), pelanggan bukan sahaja

University of Malaya

membelanjakan wang ringgit ke atas barangan dan perkhidmatan itu sendiri, tetapi nilai simbol dan mesej yang tersirat di sebalik barangan dan perkhidmatan itu, seperti latar belakang budaya, status sosial dan cita rasa pelanggan. Konsumsi simbol ini pula terus menyumbang kepada konsumsi lagak (*conspicuous consumption*)[8] dalam penggunaan. Begitu juga dengan penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional dalam kalangan responden berpendidikan tinggi.

Agensi perkhidmatan perkahwinan, terutama sekali agensi yang berjenama melambangkan kualiti perkhidmatan, status dan cita rasa pelanggan yang lebih tinggi. Lantaran itu, responden terpelajar lebih gemar menggunakan perkhidmatan perkahwinan agensi komersial, khususnya agensi berjenama yang tinggi popularitinya bagi menunjukkan kedudukan sosioekonomi mereka yang lebih tinggi selain gaya hidup mereka yang lebih elegan dan unik. Kegemaran golongan terpelajar terhadap unsur jenama dan populariti turut dibuktikan oleh beberapa orang sarjana. He (2012) menerangkan dalam kajiannya, jenama membawa kepuasan yang jauh lebih besar kepada golongan berpendidikan tinggi dibandingkan dengan mereka berpendidikan rendah. Wan Kamal Mujani dan Allawati Kasri (2012) pula menunjukkan, golongan kelas menengah Melayu yang lahir daripada golongan terpelajar mengamalkan gaya hidup moden dengan membeli barangan berjenama mewah. Fenomena ini juga disokong dengan contoh kes di bawah yang didapati dalam temu bual dengan responden isteri bagi pasangan kedua belas.

"Bila ada *brand*, mesti ada kualiti."

"Responden isteri bagi pasangan kedua belas berpendidikan hingga ke peringkat sarjana. Ia bekerja sebagai pensyarah di UNiKL dan berpendapatan bulanan RM6,000. Ia

[8] Konsep konsumsi lagak (*conspicuous consumption*) dikemukakan oleh Thorstein Veblen (1899) dan merujuk kepada kecenderungan untuk menunjukkan status atau prestij seseorang melalui perbelanjaan.

University of Malaya

mengatakan dengan terus terang, dalam memilih agensi perkhidmatan profesional, faktor yang paling diutamakan ialah jenama, kemudiannya baru kualiti. “Macam contoh yek, *make up* artis kan, nama dia, saya tak tahu bagaimana perkhidmatan dia, tapi sebab nama dia cantik, lepas tu saya minta, sebab nama la. Bila ada *brand*, mesti ada *quality*,” ujarnya. Mengenai harga pula, ia mengakui walaupun faktor ini dipertimbangkan juga, tetapi bukan faktor utama yang boleh mempengaruhi keputusannya.

Seterusnya, disenaraikan beberapa perkhidmatan profesional yang telah digunakan oleh responden isteri kerana jenamanya terkenal atau barangannya bermutu. Kampung Pengantin dipilih sebagai lokasi bersanding sebelah perempuan kerana tempat itu terkenal dan terletak pula di tengah-tengah Kuala Lumpur. Mengenai andaman, isteri menggunakan perkhidmatan Awin Seindahwajah yang terkemuka dalam kalangan orang Melayu dengan harganya RM850. “Sebenarnya, ada juga (agensi) yang murah, RM300-400 je, tetapi saya inginkan jenama ini,” katanya. Mengenai baju pengantin perempuan pula, ia menyewa gaun di *My Bridal Gown*, sebuah butik pengantin Cina di Hartamas dengan sewanya RM1,000 sehari. Menurut isteri, walaupun baju pengantin di butik yang lain boleh disewa dengan harga serendah RM400 untuk sehari, namun oleh sebab “material dia tak cantik” sedangkan ia menginginkan baju yang elegan, maka ia sanggup mengeluarkan bajet yang agak besar untuk baju pengantinnya. “Kawan-kawan tanya saya sewa di mana sebab baju cantik kan, saya bagi tahu la, tapi dia orang tak nak pergi sebab mahal, hahaha,” ujarnya dengan ketawa kecil.”

Gambar 6.4: Responden Isteri bagi Pasangan Kedua belas dalam Baju Gaun Harga Sewa RM1,000 Sehari

University of Malaya

Punca ketiga pula ialah, responden terpelajar lebih bersikap inovatif, kreatif dan imaginatif kerana mempunyai daya fikir yang lebih tinggi, maka golongan ini selalu menginginkan perkhidmatan perkahwinan yang unik, kreatif dan lain daripada yang lain bagi menonjolkan identiti mereka. Seperti diketahui, golongan berpendidikan tinggi lebih terdedah kepada pelbagai pengaruh dan mudah menerima dan mencuba perkara yang baharu. Seperti yang dinyatakan oleh Jain (1986), "*As level of education of the respondents increase the degree of acceptance of the non-traditional values also increase*...(p. 228)." Sifat responden terpelajar yang tidak mahu mengikut kelaziman dan selalu menekankan keunikan individu menyebabkan mereka amat mengharapkan perkhidmatan profesional yang boleh menawarkan idea dan rekaan yang istimewa. Dalam hal ini, agensi perkhidmatan perkahwinan komersial boleh merealisasikan impian mereka dengan menawarkan perkhidmatan khas. Seterusnya, diberikan sebuah contoh kes yang menunjukkan bahawa responden berpendidikan tinggi bergantung kepada perkhidmatan perkahwinan profesional yang unik ideanya bagi merealisasikan impiannya dalam majlis perkahwinan.

Bagi "*surprise*" kepada Isteri dengan Menyewa Helikopter Menjemputnya ke Lokasi Majlis Bersanding Sebelah Suami

"Responden suami bagi pasangan kedua belas mempunyai ijazah sarjana muda. Ia bekerja sebagai pegawai kerja tinggi di UNiKL kampus utama dan berpendapatan bulanan sebanyak RM5,000. Dalam majlis perkahwinan sebelah suami, ia mengejutkan isterinya kerana membawanya ke lokasi majlis dengan menaiki helikopter yang disewa dengan harga RM3,000 untuk sehala. Pada ketika itu, isteri telah siap disolek dan tunggu di rumah kakak suami. Suami terus membawanya ke *Subang Airport* untuk menaiki helikopter ke rumah ibu bapanya. Isteri pula menjerit gembira dengan rasa terkejut.

Menurut suami, idea menyewa helikopter ialah hasil perbincangan dirinya dengan sebuah agensi perkhidmatan perkahwinan. Suami memberitahu staf agensi itu, ia menginginkan sesuatu yang kreatif dan lain daripada yang lain untuk "bagi *surprise*" kepada bakal isterinya. Staf itu mencadangkan perkhidmatan menyewa helikopter untuk

University of Malaya

menjemput pengantin perempuan ke lokasi majlis perkahwinan sebelah suami. Responden suami pun menerima cadangan itu dengan berpuas hati, “Idea ni bagus, *very special and exclusive*, tak ramai orang buat. Isteri saya sangat *happy*, walaupun dia rasa RM3,000 untuk sehala je membazir la, hahaha.””

Gambar 6.5: Pasangan Pengantin Kedua belas
Bersama dengan Helikopter yang Disewa

Punca yang terakhir ialah, responden berpendidikan tinggi langsung tidak terbeban dengan kos belanja tinggi hasil daripada penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional. Pendidikan merupakan salah satu jaminan kukuh kepada pertambahan pendapatan (Bertail & Caillavet, 2008), maka responden terpelajar selalunya mempunyai kuasa beli yang lebih tinggi (Feng, 2008). Perkara ini juga selaras dengan kajian Paulin (2008) yang menunjukkan bahawa tahap perbelanjaan individu yang berijazah adalah lebih tinggi daripada mereka yang tidak berijazah. Maka, keadaan ini turut meningkatkan keinginan responden terpelajar untuk berbelanja dan menikmati perkhidmatan perkahwinan profesional tanpa sekatan kerana wang jelas tidak menjadi masalah kepada golongan ini.

Walau bagaimanapun, dalam golongan responden yang berpendidikan lebih rendah, pergantungan mereka terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional tidak setinggi responden berpendidikan tinggi kerana mereka kurang mengambil berat tentang kualiti, idea rekaan dan jenama dalam penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional, sebaliknya mereka lebih memberikan perhatian kepada harga perkhidmatan tersebut. Dalam pasaran kerja perindustrian di bandar, tahap pendidikan yang rendah sering menyumbang kepada pendapatan yang tidak seberapa. Kekurangan wang menyebabkan golongan berpendidikan rendah tidak mampu meletakkan tuntutan tinggi terhadap perkhidmatan luar, dan hanya boleh menggunakan perkhidmatan yang paling asas sahaja demi menjimatkan kos. Berikutnya, diberikan sebuah contoh kes yang menunjukkan implikasi tahap pendidikan rendah terhadap tuntutan responden dalam penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional.

Menjimatkan Kos Belanja dengan Mengurangkan Penggunaan Perkhidmatan Perkahwinan Profesional

"Responden isteri bagi pasangan kesembilan mempunyai tahap pendidikan di peringkat SPM. Ia bekerja di bengkel motosikal dan berpendapatan bulanan sebanyak RM1,000. Untuk menjimatkan kos, responden isteri tidak banyak menggunakan perkhidmatan komersial, tetapi banyak menyerahkan kerja-kerja persiapan kepada sanak saudara atau kawan-kawan. Andaman ditempah dengan orang bukan profesional, fotografi diambil oleh kawan-kawan, gubahan hantaran pula dibuat oleh mak ciknya sendiri. Hanya beberapa perkhidmatan perkahwinan yang paling asas sahaja diguna pakai dalam majlis perkahwinan sebelah responden isteri. Menurutnya, semasa memilih perkhidmatan perkahwinan, bajet ialah perkara yang paling dipentingkan, kemudiannya baru kualiti. Mengenai kad jemputan, isteri membeli yang murah sahaja di kedai biasa. "Sebab kad jemputan ni bagi orang pun buang, *so* kita macam kita tak nak, mahal," ujarnya. Pelaminnya ditempah di sebuah butik pengantin, namun isteri memilih bunga tiruan sahaja kerana "pakai bunga hidup mahal, lagipun pakai satu hari je buang, membazir"."

University of Malaya

Gambar 6.6: Pelamin Responden Isteri bagi Pasangan Kesembilan yang Dihiasi dengan Bunga Tiruan

Berdasarkan perbincangan di atas, maka terbuktilah bahawa dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, faktor pendidikan memberikan pengaruh signifikan kepada perubahan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Dalam hal ini, semakin tinggi tahap pendidikan responden, maka semakin tinggi tahap keperluan dan tahap pergantungan mereka terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional yang menawarkan kualiti yang tinggi, idea rekaan yang unik dan populariti yang tinggi.

6.4.1.3 Pendapatan

Didapati bahawa faktor pendapatan responden turut memberikan implikasi besar kepada perubahan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Hal ini

berlaku kerana, tahap pendapatan responden boleh mempengaruhi perbelanjaan untuk perkhidmatan perkahwinan profesional.

Menurut Graf 6.12, dalam dua lingkungan perbelanjaan perkhidmatan perkahwinan profesional yang tidak melebihi RM30,000, didapati semakin tinggi tahap pendapatan responden, maka semakin kurang mereka membelanjakan wang dalam dua lingkungan ini. Walaupun begitu, keadaan ini berubah dalam lingkungan RM30,001-60,000 dan RM60,001-100,000, iaitu semakin tinggi tahap pendapatan responden, maka semakin cenderung mereka membelanjakan wang dalam kedua-dua lingkungan ini. Jelasnya, tahap pendapatan responden berkorelasi positif dengan perbelanjaan untuk perkhidmatan perkahwinan profesional. Korelasi positif ini secara tidak langsung menggalakkan penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional dalam kalangan responden, terutama sekali mereka yang lebih kukuh asas kewangannya.



Graf 6.12: Pendapatan Bulanan Responden dan Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional

University of Malaya

Dalam masyarakat Melayu tradisi yang mengamalkan sistem ekonomi sara diri, pendapatan individu tidak begitu ditekankan, maka daya beli mereka adalah agak terhad (Wan Abdul Kadir, 1993). Oleh hal yang demikian, bantuan sukarela daripada komuniti setempat yang tidak perlu dibalas dengan bayaran tinggi menjadi tenaga utama dalam melaksanakan majlis perkahwinan. Walau bagaimanapun, seiring dengan proses pembandaran, muda-mudi Melayu mula menceburkan diri dalam pembangunan ekonomi moden dan memiliki sumber ekonomi yang tersendiri. Oleh itu, mereka lebih berdikari dari segi ekonomi dan mempunyai kuasa mutlak dalam menguruskan pendapatan sendiri. Perubahan dari segi faktor pendapatan ini secara tidak langsung mendorong muda-mudi Melayu bandar berbelanja untuk memilih perkhidmatan perkahwinan profesional yang lebih terjamin mutunya.

Pergantungan terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional dapat dikesan dengan lebih jelas dalam golongan responden yang berpendapatan lebih tinggi. Fenomena ini diakibatkan oleh dua sebab utama yang saling berkaitan dan yang pertama ialah, pertambahan pendapatan meninggikan kuasa beli dan keinginan responden untuk berbelanja perkhidmatan perkahwinan. Krishnan (2011) mengatakan bahawa taraf pendapatan seseorang berkaitan rapat dengan kuasa belinya. Lazimnya, golongan yang kukuh asas kewangannya akan membelanjakan lebih banyak wang (Abdel-Ghany & Sharpe, 1997; Lee, 2001; Aydin, 2006), terutama sekali untuk perbelanjaan rohani dan perbelanjaan perkhidmatan (He, 2012). Wan Kamal Mujani dan Allawati Kasri (2012) pula menegaskan, dalam masyarakat Malaysia, orang Muslim kelas menengah yang memperoleh pendapatan jauh lebih tinggi daripada masyarakat umum mempunyai kuasa beli yang tinggi dan berjaya mengembangkan budaya konsumerisme. Ringkasnya,

University of Malaya

seperti yang ditunjukkan oleh Goldstein-Gidoni (1997), peningkatan kuasa kawalan orang bandar terhadap wang telah menggalakkan penggunaan perkhidmatan perkahwinan komersial, sebahagian daripada budaya konsumsi.

Sebab yang kedua pula ialah, golongan yang berpendapatan lebih tinggi perlu mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat melalui berbelanja perkhidmatan perkahwinan komersial yang memakan kos tinggi. Dalam budaya konsumsi, barangan dan perkhidmatan melambangkan kedudukan pelanggan seperti yang dinyatakan oleh Swartz (1997), "*Consumers select from the products available to them. These selections are determined by their position in the struggle among the social classes for distinction*. (p. 31)." Lantaran itu, terwujudlah fenomena konsumsi lagak dalam penggunaan. Dalam hal ini, persiapan majlis perkahwinan di bandar sebagai "*expanding commercial phenomenon* (Boden, 2003, p. 20)" telah menyediakan peluang keemasan untuk menonjolkan prestij dan identiti seseorang.

Oleh sebab itu, dengan berbelanja perkhidmatan perkahwinan profesional yang tinggi harganya, golongan berpendapatan tinggi dapat mengukuhkan jarak sosial yang wujud antara diri mereka dengan kelompok sosial bawahan (Featherstone, 1991). Thuc-Doan dan Belk (2012) menegaskan, wujudnya pelbagai lokasi resepsi, butik pengantin dan perniagaan perkahwinan boleh mencerminkan taraf pendapatan dan gaya hidup pelanggan yang berbeza-beza. Fatimah Abdullah (2009a) pula menyifatkan keadaan dalam masyarakat Melayu Kuala Lumpur. Menurutnya, dalam menjalankan majlis perkahwinan, orang Melayu yang lumayan pendapatannya akan menunjukkan kekayaan mereka melalui penggunaan perkhidmatan perkahwinan yang tinggi harganya. Contohnya, menyewa dewan atau hotel sebagai lokasi majlis perkahwinan, membeli

University of Malaya

atau menyewa pakaian pengantin yang mahal, menghidangkan makanan dan minuman yang mahal serta memberikan hadiah yang mahal kepada tetamu.

Dilihat responden berpendapatan lebih rendah pula, tahap pergantungan mereka terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional tidak setinggi responden berpendapatan tinggi. Hal ini demikian kerana tahap pendapatan yang rendah mengehadkan mereka menggunakan perkhidmatan perkahwinan profesional yang tinggi kosnya. Pendapatan mereka yang tidak seberapa hanya boleh digunakan untuk memenuhi keperluan asas sahaja, dan tidak banyak pula bakinya. Tambahan pula, oleh sebab golongan berpendapatan rendah menyedari diri mereka kurang berdaya untuk menangani pelbagai kecemasan dan krisis, maka walaupun kehidupan sempit, mereka cuba menyimpan sebahagian pendapatan dalam bank (Ma, 2006; Macionis & Vincent, 2016). Perkara ini juga mengakibatkan golongan ini kekurangan bajet untuk dibelanjakan untuk perkhidmatan perkahwinan profesional. Maka, responden berpendapatan rendah cuba mengurangkan penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional yang memakan kos tinggi.

Pengaruh tahap pendapatan responden terhadap tahap pergantungan mereka terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional juga disokong oleh data-data yang diperoleh daripada temu bual berikut.

Menggunakan Perkhidmatan Perkahwinan yang Mahal kerana Cukup Bajet

"Responden isteri bagi pasangan ketiga bekerja di AmBank dan pendapatan bulanannya dalam sekitar RM4,000. Memandangkan semasa mengambil keputusan untuk berumah tangga, beliau sudah lama bekerja dan pandai pula menyimpan, maka beliau tidak menghadapi masalah dari segi bajet. Majlis bersanding sebelah perempuan diadakan di rumahnya, iaitu rumah teres dua tingkat di Kepong. Untuk menjayakan majlis yang mengundang 800 orang tetamu ini, responden telah membelanjakan RM25,250 (merujuk kepada Jadual 6.1) ke atas perkhidmatan perkahwinan profesional.

University of Malaya

Jadual 6.1: Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional dalam Majlis Perkahwinan Responden Isteri bagi Pasangan Ketiga

Perkhidmatan Perkahwinan	**Perbelanjaan (RM)**	**Peratus (%)**
Fotografi	900	3.6
Kad Jemputan (800 orang)	800	3.2
Pakej Gubahan Hantaran (tujuh dulang) dan Pelamin	2,700	10.7
Tempahan Baju Pengantin Perempuan (Sepasang)	600	2.4
Andaman	150	0.6
Pengacara	100	0.4
Kanopi	6,000	23.8
Katering (800 orang)	12,000	47.5
Buah tangan (800 orang)	2,000	7.9
Jumlah	25,250	100.0

Beliau mengakui, walaupun dirinya mengamalkan konsep berjimat, namun harga perkhidmatan perkahwinan profesional yang mahal bukan halangan kepadanya untuk memenuhi keinginan dirinya. Ia memberikan dua contoh, iaitu tempahan baju pengantin dan gubahan hantaran. Responden isteri menempah baju bersanding di sebuah kedai jahit Cina di Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman. Walaupun bayarannya mahal, iaitu RM600 untuk sepasang baju, tetapi tukang jahit itu boleh menjahit baju dan manik mengikut kehendak responden dalam masa yang singkat. Maka, responden isteri pun tidak kisah sangat tentang bayaran yang tinggi itu, "Tak apa la, tak kisah, *invest* sikit dekat baju," katanya. Mengenai gubahan hantaran pula, bagi isteri, barang hantaran mesti dihiasi dengan cantik kerana semua tetamu akan pandang. Jadi, beliau mengupah orang profesional untuk menggubah barang-barang hantaran. Menurut isteri, jika mengambil bunga plastik sebagai hiasan, kos perhiasan sedulang hanya RM70-80 sahaja. Kalau memakai bunga hidup pula, maka kosnya sekurang-kurangnya RM95 dan ke atas. Walau bagaimanapun, beliau tetap menggunakan bunga hidup dengan harga RM100 untuk sedulang. "Kita tak ada macam nak terlalu ikut sangat formaliti orang kahwin semua tu. Tapi *feel* benda-benda yang saya nampak eksklusif, kita buat eksklusif," ujar isteri."

University of Malaya



Gambar 6.7: Barang Hantaran untuk Responden Suami bagi Pasangan Ketiga yang Dihiasi Cantik dengan Bunga Hidup

Mengurangkan Penggunaan Perkhidmatan Perkahwinan Profesional kerana Bajet Tidak Cukup

"Responden suami bagi pasangan pertama bekerja di syarikat insurans dan berpendapatan RM2,000 sebulan. Majlis persandingannya diadakan di dewan mesyuarat orang ramai, di depan rumah pangsa 17 tingkat, Kampung Kerinchi. Perbelanjaan perkhidmatan profesional untuk majlis yang mengundang 1,000 orang tetamu ini hanya sekadar RM6,400 sahaja (merujuk kepada Jadual 6.2).

Jadual 6.2: Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional dalam Majlis Perkahwinan Responden Suami bagi Pasangan yang Pertama

Perkhidmatan Perkahwinan	**Perbelanjaan (RM)**	**Peratus (%)**
Fotografi	500	7.8
Kad Jemputan (1,000 orang)	500	7.8
Sewa Baju Pengantin (Lelaki & Perempuan)	400	6.3
Gubahan Hantaran (tujuh dulang)	200	3.1
Pakej Andaman & Pelamin	1,400	21.9
Pengacara	250	3.9
Hiburan (kugiran)	750	11.7
Kanopi	2,400	37.5
Jumlah	6,400	100.0

University of Malaya

Memandangkan pendapatan dan simpanan yang tidak seberapa, responden suami amat mementingkan bajet dalam menjalankan majlis perkahwinan. Beliau cuba mengelakkan menggunakan perkhidmatan komersial yang memakan kos tinggi. Responden suami tidak menggunakan katering komersial, tetapi memanggil jiran tetangga bergotong-royong menyediakan makanan dan minuman untuk kenduri kahwinnya. Dengan cara sedemikian, beliau banyak menjimatkan duit kerana kos belanja untuk bahan-bahan mentah dan upah tukang masak (jiran) hanya setakat RM10,000 sahaja. Selain itu, beliau juga tidak membeli buah tangan yang telah siap dibungkus, tetapi membungkusnya bersama-sama dengan ahli keluarga. "*Door gift* itu *I* bagi kuih baulu, tapi *I put inside the beg*, dalam beg itu ada air mineral, kuih baulu dan gula-gula la." Mengenai penggunaan perkhidmatan yang tidak dapat dielakkan pula, beliau cuba merendahkan kosnya. Perhiasan pintu gerbang dan pelamin misalnya, beliau memilih bunga palsu sahaja. Menurutnya, "Selalunya, bunga palsu la, kalau bunga hidup dia jadi mahal la, tapi ada juga la, tapi macam *I*, *I* pakai bunga palsu." "

Gambar 6.8: Buah Tangan dalam Majlis Perkahwinan
Responden Suami bagi Pasangan yang Pertama

Kesimpulannya, faktor pendapatan responden Melayu Kuala Lumpur memberikan implikasi ketara ke atas perubahan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Seiring dengan peningkatan pendapatan, maka daya beli dan keinginan responden untuk berbelanja turut meningkat. Hal ini secara tidak langsung

menggalakkan mereka lebih bergantung kepada perkhidmatan perkahwinan komersial yang lebih profesional, terjamin dan tinggi mutunya.

6.4.1.4 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga

Kajian ini mendapati bahawa kedudukan sosioekonomi keluarga responden juga menyumbang kepada perubahan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Ini kerana, kedudukan sosioekonomi keluarga responden boleh mempengaruhi perbelanjaan untuk perkhidmatan perkahwinan profesional.

Data-data dalam Graf 6.13 menunjukkan bahawa dalam dua lingkungan perbelanjaan perkhidmatan perkahwinan yang tidak melebihi RM30,000, semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga, maka semakin kurang mereka membelanjakan wang dalam dua lingkungan ini. Keadaan ini berubah dalam lingkungan perbelanjaan perkhidmatan perkahwinan RM30,001-60,000 dan RM60,001-100,000, iaitu secara keseluruhannya, semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga responden, maka semakin cenderung mereka membelanjakan wang dalam dua lingkungan ini[9]. Ternyatalah bahawa, secara umumnya, kedudukan sosioekonomi keluarga responden berkorelasi positif dengan perbelanjaan mereka ke atas perkhidmatan perkahwinan profesional. Dalam erti kata lain, peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga responden merangsang permintaan dan keperluan mereka terhadap penggunaan perkhidmatan perkahwinan komersial.

[9] Cuma dalam lingkungan perbelanjaan perkhidmatan perkahwinan antara RM30,001-60,000, peratusan keluarga berpendapatan bulanan RM5,000 dan ke bawah (38.1%) meningkat dahulu kepada 52.9% dalam kalangan keluarga yang berpendapatan bulanan antara RM5,001-15,000, tetapi menurun pula kepada 50.0% dalam kalangan keluarga yang berpendapatan bulanan RM15,001 dan ke atas.

University of Malaya



Graf 6.13: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden
dan Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional

Dalam masyarakat Melayu tradisi yang mengamalkan sistem ekonomi sara diri, pendapatan keluarga sekadar cukup-cukup makan sahaja dan tidak banyak wang lebihan. Kesempitan wang merupakan salah satu punca penduduk desa tidak mempunyai tuntutan terhadap perkhidmatan daripada institusi di luar rumah (Yaacob Harun, 1991). Maka, dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, keluarga Melayu bergantung kepada bantuan komuniti setempat yang diberikan secara percuma. Biarpun begitu, keadaan ini telah berubah dalam masyarakat bandar yang mengamalkan sistem ekonomi komersial. Disebabkan oleh peningkatan pendapatan pekerja sektor perindustrian, kekuatan ekonomi keluarga bandar yang diukur dari segi gabungan pendapatan ibu bapa telah meningkat dengan drastik. Perubahan ini pula mengakibatkan keluarga Melayu bandar mula mewujudkan tuntutan dan keperluan terhadap perkhidmatan dari institusi di luar rumah, begitu juga dengan perkhidmatan perkahwinan profesional.

Keperluan dan permintaan terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional ini dapat dikesan dengan lebih ketara dalam kalangan keluarga responden yang lebih tinggi

University of Malaya

kedudukan sosioekonominya. Dalam hal ini, terdapat dua punca utama, dan yang pertama ialah, keluarga yang lebih berada mempunyai daya beli yang lebih tinggi, maka keinginan mereka untuk berbelanja pun turut meninggi. Ma (2006) menunjukkan bahawa dibandingkan dengan keluarga berpendapatan rendah, keluarga berpendapatan tinggi akan mengeluarkan wang yang lebih besar jumlahnya untuk pelbagai keperluan seharian, misalnya makanan, perhiasan diri, pengangkutan, kelengkapan rumah dan perubatan. Kuasa beli yang tinggi dimiliki keluarga kaya ini menyebabkan golongan ini lebih cenderung kepada konsumsi hedonik dan mempunyai permintaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan perkahwinan komersial yang memberikan banyak kemudahan (Park, 1997).

Keadaan ini juga selaras dengan hasil dapatan kajian beberapa orang sarjana yang lain. Edwards (1987) menekankan hubungan antara peningkatan daya beli keluarga Jepun dengan peningkatan penggunaan perkhidmatan perkahwinan komersial. Huraiannya seperti yang berikut:

> "*Reasons for the successful spread of the commercialized wedding include several broad changes in postwar conditions. First is the general economic improvement: if banquets outside the home were beyond the reach of many in the 1950s and 1960s, this is hardly the case today*. (p. 61)."

Otnes dan Pleck (2003) pula menunjukkan bahawa salah satu daya dorong utama kepada peningkatan penggunaan rundingan perkahwinan di A.S. pada hujung tahun 1970-an ialah, peningkatan pendapatan boleh guna (*disposable income*) keluarga kelas menengah dan atasan.

University of Malaya

Memandangkan peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga menyumbang kepada daya beli yang lebih tinggi, maka wujudlah konsumsi lagak dalam kalangan keluarga berpendapatan tinggi (Park, 1997), dan keadaan ini pula menjadi punca yang kedua kepada peningkatan permintaan daripada keluarga yang lebih berada terhadap penggunaan perkhidmatan perkahwinan komersial. Berdasarkan hasil dapatan kajian silang budaya, dalam kebanyakan masyarakat seperti A.S., Korea, Jepun, India, China dan negara-negara Afrika, majlis perkahwinan telah dijadikan pentas utama untuk menonjolkan kekayaan keluarga pasangan pengantin. Melalui perbelanjaan dan pelaksanaan majlis perkahwinan, identiti keluarga dapat dibina dan ditekankan (Curtin, 1984; Edward, 1987; Park, 1997; Bloch dan rakan-rakan, 2004; Pauli, 2011; Thuc-Doan & Belk, 2012). Hal ini turut berlaku dalam sesetengah masyarakat Melayu di Malaysia yang mengutamakan taraf dan pangkat sejak dahulu sehinggalah sekarang.

Azizah Kassim (1985) dalam kajiannya menunjukkan bahawa "...di Malaysialah unsur susun-lapis masyarakat paling giat berlaku. (p. 175)." Dalam masyarakat sebegini, keluarga responden, terutama sekali keluarga dari golongan elit politik, profesional dan sebagainya yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya rela mengorbankan wang sebanyak mungkin untuk menekankan jurang kelas sosial antara diri mereka dengan keluarga yang kurang berada. Kajian Fatimah Abdullah (2009a) yang memfokuskan kepada pelaksanaan majlis perkahwinan keluarga Melayu kelas menengah di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa semakin berada sesebuah keluarga itu, maka semakin hebat dan besar upacara perkahwinan yang diadakan. Katering yang digunakan, lokasi resepsi yang dipilih, busana pengantin yang dipakai, hiasan pelamin dan bunga telur kesemuanya merupakan lambang status dan cita rasa tuan rumah, suka bersaing dengan

University of Malaya

keluarga lain. Jelasnya, konsumsi lagak yang wujud dalam kalangan keluarga Melayu berpendapatan tinggi telah menggalakkan mereka menggunakan perkhidmatan perkahwinan profesional yang disediakan oleh agensi komersial yang mahir dan berpengalaman untuk mengadakan majlis perkahwinan mewah secara besar-besaran.

Dalam kalangan keluarga responden yang lebih rendah kedudukan sosioekonominya pula, tahap pendapatan keluarga yang rendah mengehadkan permintaan mereka terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional. Berlainan dengan golongan kelas menengah atau kelas menengah atas yang lebih menitikberatkan soal bagaimana meningkatkan kualiti hidup, golongan kelas bawahan lebih memberikan perhatian kepada persoalan bagaimana menangani masalah yang asas bagi kelangsungan hidup mereka, contohnya kos hidup harian dan perumahan (Abdul Rahman Embong, 2011). Oleh itu, dalam penggunaan perkhidmatan majlis perkahwinan, mereka hanya akan menggunakan perkhidmatan yang paling asas sahaja atau cuba mengurangkan penggunaan perkhidmatan perkahwinan komersial bagi membatasi bajet.

Dalam bahagian yang berikut, diberikan dua contoh kes tipikal yang didapati dalam temu bual untuk menunjukkan pengaruh kedudukan sosioekonomi keluarga responden terhadap tuntutan mereka terhadap penggunaan perkhidmatan perkahwinan komersial di bandar.

Keluarga Pengantin Membatasi Penggunaan Perkhidmatan Perkahwinan kerana Ingin Menjimatkan Kos

"Bapa kepada responden isteri bagi pasangan kesebelas ialah pensyarah di institut pengajian, dan pendapatan bulanannya lebih kurang RM6,000. Ibu isteri pula seorang suri rumah. Mereka tinggal di rumah pangsa yang berharga RM150,000 di Kuala Lumpur. Majlis bersanding sebelah perempuan diadakan di dewan mesyuarat orang ramai di depan rumah pangsa tersebut. Perkhidmatan perkahwinan komersial untuk

University of Malaya

majlis yang mengundang tetamu seramai 2,000 orang itu hanya memakan kos belanja sekadar RM11,500 (merujuk kepada Jadual 6.3).

Jadual 6.3: Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional dalam Majlis Perkahwinan Responden Isteri bagi Pasangan Kesebelas

Perkhidmatan Perkahwinan	**Perbelanjaan (RM)**	**Peratus (%)**
Fotografi	1,400	12.2
Kad Jemputan (1,500 orang)	1,200	10.4
Sewa Baju Pengantin Perempuan (sepasang)	600	5.2
Andaman	8,00	7.0
Kanopi	4,000	34.8
Pelamin	3,500	30.4
Jumlah	11,500	100.0

Gambar 6.9: Kanopi yang Dipasang di Tempat Letak Kereta, di Depan Rumah Pangsa yang Didiami oleh Keluarga Responden Isteri bagi Pasangan Kesebelas

Responden isteri tidak menafikan, untuk menjimatkan kos belanja, keluarganya telah membatasi penggunaan perkhidmatan profesional. Contohnya, videografi diambil oleh sepupu responden tanpa mengupah orang profesional. Barang hantaran pula, digubah oleh kakak responden yang pandai menghiasi hantaran. Untuk buah tangan, mereka membeli makanan dan membungkusnya sendiri. Selain itu, kenduri pula diadakan di kawasan perumahan awam tanpa menyewa lokasi resepsi komersial. Keluarga responden juga tidak menggunakan katering komersial, tetapi menjemput jiran

tetangga memasak secara bergotong-royong. Dengan sedemikian, kos belanja makanan dan minuman untuk menjamu 2,000 orang tetamu hanya setakat RM20,000 sahaja.

Impian Ibu Bapa Tercapai kerana Mengadakan Majlis Perkahwinan Sempurna untuk Anak Perempuan di Hotel

"Bapa kepada responden isteri bagi pasangan kedua bekerja di bank dan gaji bulanannya lebih kurang RM30,000. Ibu isteri pula, guru sejarah di sekolah menengah dan berpendapatan bulanan RM8,000. Mereka tinggal di banglo yang bernilai RM 3 juta di Petaling Jaya. Majlis bersanding sebelah perempuan diadakan di Hotel Hilton. Untuk menjayakan upacara yang mengundang 450 orang tetamu ini, perbelanjaan sebanyak RM79,300 telah dihabiskan untuk menggunakan perkhidmatan perkahwinan komersial (merujuk kepada Jadual 6.4).

Jadual 6.4: Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Perkahwinan Profesional dalam Majlis Perkahwinan Responden Isteri bagi Pasangan Kedua

Perkhidmatan Perkahwinan	**Perbelanjaan (RM)**	**Peratus (%)**
Fotografi	2,000	2.5
Videografi	1,800	2.3
Kad Jemputan (450 orang)	1,000	1.3
Tempahan Baju Pengantin Perempuan (sepasang)	2,000	2.5
Gubahan Hantaran (sembilan dulang)	2,250	2.8
Andaman & Dandanan	2,000	2.5
Hiburan (kugiran)	3,000	3.8
Buah tangan (450 orang)	2,250	2.8
Pakej Katering & Pelamin	63,000	79.4
Jumlah	79,300	100.0

University of Malaya

Gambar 6.10: Majlis Perkahwinan Responden Isteri
bagi Pasangan Kedua yang Diadakan di Hotel Hilton

Menurut responden isteri, kos belanja setinggi ini tidak membebankan ibu bapanya kerana pasangan ini mempunyai asas kewangan yang kukuh. Lagipun, untuk mengadakan majlis perkahwinan yang sempurna bagi anak-anak, mereka sudah lama menyimpan dana. Responden isteri mengakui, semasa mencari perkhidmatan profesional, keluarganya amat mementingkan kualiti perkhidmatan dan jenama agensi kerana perlu menjaga status keluarga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Contohnya, keluarga isteri menempah busana pengantin dengan pereka yang terkenal di Kuala Lumpur, iaitu Qudyn Aziz, pemilik Butik Qudyn. Pereka ini pernah mereka busana pengantin untuk kakak sulung responden, dan keluarganya memang suka akan rekaan pereka yang kreatif itu. Oleh itu, walaupun harga untuk sepasang baju pengantin perempuan sahaja telah mencecah RM2,000[10], keluarga isteri tetap mengambil tempahan di kedai itu. Untuk andaman dan dandanan rambut, keluarga isteri mengambil perkhidmatan Shegar, tukang solek terkenal yang selalu menyolek artis-artis di Malaysia. Disebabkan oleh keluarga isteri pernah mengambil perkhidmatannya pada masa lalu, maka perbelanjaan yang diminta adalah berpatutan, iaitu hanya RM2,000. Mengenai lokasi resepsi pula, ibu bapa responden telah menentukan hotel sebagai lokasi kerana memikirkan tempat ini sesuai dengan status keluarga. Hotel Hilton pula menjadi pilihan akhirnya disebabkan oleh katering di sini adalah lazat. “Tetamu kami sampai hari ni masih sebut makanan dalam majlis saya memang sedap. Rasa bangga la bila tetamu puji makanan sedap sebab kami jamu mereka kan?” katanya.”

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh dirumuskan bahawa faktor kedudukan sosioekonomi keluarga responden berkaitan rapat dengan perubahan sistem sokongan

[10] Harga ini harga selepas diskaun kerana keluarga responden ialah pelanggan lama Butik Qudyn.

tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Dalam hal ini, peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga meninggikan keperluan dan pergantungan mereka terhadap penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional.

6.4.1.5 Kediaman

Selain empat faktor sosioekonomi yang dibincangkan di atas, faktor kediaman responden juga didapati berkaitan dengan perubahan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Hal ini berlaku kerana perubahan ciri-ciri kediaman di bandar mempengaruhi hubungan kerjasama sesama sanak saudara dan jiran tetangga, lalu menyumbang kepada perubahan sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan.

Terlebih dahulu, dianalisis hubungan kerjasama sesama keluarga responden dengan sanak saudara. Berdasarkan Graf 6.14, sistem sokongan tenaga sanak saudara yang paling kuat (91.7%) wujud dalam kalangan responden yang tinggal paling berdekatan dengan kebanyakan sanak saudara, yakni tempoh masa pemanduan kurang daripada 15 minit. Kadar ini semakin menurun seiring dengan peningkatan tempoh masa pemanduan dari rumah responden ke rumah kebanyakan sanak saudara. Peratusan responden yang mengatakan sanak saudara kurang membantu pula meningkat seiring dengan peningkatan tempoh masa pemanduan dari rumah responden ke rumah kebanyakan sanak saudara. Sistem sokongan tenaga sanak saudara yang paling tidak berfungsi (9.4%) wujud dalam kalangan responden yang tinggal paling berjauhan dengan kebanyakan sanak saudara, yakni tempoh masa pemanduan melebihi 30 minit.

University of Malaya



Graf 6.14: Tempoh Masa Pemanduan dari Rumah Responden ke Rumah Kebanyakan Sanak Saudara dan Tahap Sokongan Sanak Saudara dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan

Jelasnya, semakin jauh jarak geografi di antara kediaman responden dengan kebanyakan sanak saudara, maka semakin kurang mereka memperoleh bantuan daripada sanak saudara dalam menguruskan majlis perkahwinan. Situasi ini mendorong keluarga responden, terutama sekali keluarga yang tinggal berjauhan daripada sanak saudara lebih bergantung kepada bantuan daripada agensi di luar rumah, iaitu agensi perkhidmatan perkahwinan komersial. Hal ini terbukti apabila terdapat 33.6% responden dalam kajian ini mengakui diri mereka menggunakan perkhidmatan perkahwinan komersial kerana "tidak dapat mengharapkan pertolongan sanak saudara dan jiran tetangga". Alasan ini begitu ditekankan sehingga menjadi alasan ketiga terpentingnya antara alasan-alasan penggunaan perkhidmatan profesional.

Dalam masyarakat Melayu tradisi, saiz tanah yang agak luas menjadi kediaman beberapa kelompok keluarga yang bersaudara atau mempunyai pertalian keluarga (Kuchiba, 1979; Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim, 2011). Hubungan antara sanak saudara dalam kediaman itu amat intim. Mereka berkongsi sumber-sumber,

University of Malaya

menjalankan kegiatan bersama-sama, begitu juga dalam kenduri-kendara. Kenduri kahwin diadakan dengan menggunakan ruang halaman yang sama dengan kesemua ahli keluarga. Mereka berkongsi menyediakan makanan, masak dan melayan tetamu (Fatimah Abdullah, 2009b). Walau bagaimanapun, dalam masyarakat bandar masa kini, pemilihan rumah kediaman tidak lagi dipengaruhi oleh ikatan kekeluargaan dan kekerabatan, tetapi ditentukan berdasarkan tempat kerja dan keupayaan kewangan suami isteri (Fatimah Abdullah, 2009b). Oleh itu, rumah kediaman sanak saudara tidak lagi dikumpul bersama dalam satu kawasan, tetapi bertaburan di seluruh bandar, atau seluruh negara, bahkan di negara-negara yang berbeza. Akibatnya, sistem sokongan tenaga sanak saudara sedikit sebanyak telah terjejas, begitu juga dalam persiapan majlis perkahwinan.

Penjejasan sistem sokongan tenaga sanak saudara ini akan menjadi semakin serius seiring dengan peningkatan jarak geografi di antara responden dengan kebanyakan sanak-saudara. Hal ini tidak sukar untuk difahami kerana jika pertemuan antara sanak saudara mudah diaturkan dengan kerapnya, maka tahap kemesraan dan pergantungan sesama mereka akan lebih ditingkatkan lagi (Bott, 1971), begitu juga sebaliknya. Beberapa orang sarjana tempatan juga mengakui bahawa jarak yang lebih jauh dari segi geografi membawa pengaruh negatif kepada hubungan sanak saudara dalam kalangan orang Melayu Kuala Lumpur. Menurut Yaacob Harun (1991/2014b), darjah dan intensiti hubungan sanak saudara di bandar telah berkurangan akibat jarak geografi yang jauh telah wujud sesama mereka. Fatimah Abdullah (2009b) juga menunjukkan bahawa jika seseorang berpindah ke tempat yang jauh daripada sanak saudara, maka hubungan sesama mereka turut terjejas kerana di mana seseorang itu tinggal amat penting dalam

University of Malaya

konteks obligasi dan ikatan emosi sesama sanak saudara. Huraiannya yang lebih lanjut adalah seperti yang berikut:

> "...pola perhubungan antara datuk-nenek, ibu bapa dan anak, adik beradik serta sanak saudara akan turut sama berubah mengikut tempat di mana mereka tinggal. Tinggal dan hidup dalam rumah kediaman yang sama melibatkan perkongsian dalam pelbagai perkara, malah hubungan dengan jiran tetangga serta komuniti tentu akan berbeza berbanding dengan tinggal berasingan atau jauh beratus batu. (p. 259)."

Disebabkan oleh jarak yang jauh dari segi geografi, ditambahkan lagi dengan kesibukan urusan peribadi, maka saudara mara responden yang tinggal berjauhan sukar datang ke rumah responden selalu untuk membantu dalam persiapan majlis perkahwinan. Apatah lagi meluangkan masa selama beberapa hari, bahkan beberapa minggu berturut-turut tinggal bersama dengan keluarga responden untuk menguruskan majlis perkahwinan. Bagi tuan rumah pula, mereka juga "segan" menyuruh saudara mara yang tinggal berjauhan datang membantu kerana tidak mahu "menyusahkan" mereka. Maka tidak hairanlah, data-data daripada temu bual menunjukkan bahawa tidak kurang sanak saudara responden yang tinggal berjauhan, khususnya mereka yang tinggal di luar Kuala Lumpur hanya datang sehari sebelum majlis diadakan atau terus datang ke lokasi kenduri pada hari langsung. Bagi golongan ini, jika membantu tuan rumah pun, membantu untuk melayan tetamu atau menjaga buah tangan pada hari kejadian sahaja. Hasil penemuan kajian ini juga selaras dengan kajian Fatimah Abdullah (2009a) yang berfokus kepada pelaksanaan majlis perkahwinan orang Melayu kelas menengah di Kuala Lumpur. Menurutnya, kerjasama dan bantu-membantu antara ahli keluarga masa kini lebih bersifat sementara.

University of Malaya

Memandangkan keberkesanan hubungan bantu-membantu sesama sanak saudara, terutama sekali mereka yang tinggal berjauhan telah menurun, maka keluarga responden tiada pilihan lain kecuali mengharapkan bantuan yang lebih terjamin dan stabil, yakni perkhidmatan profesional yang disediakan oleh agensi perkahwinan komersial. Dalam hal ini, hubungan pemasaran yang berasaskan faktor-faktor sosioekonomi lebih meyakinkan dan lebih mudah dikawal berbanding dengan hubungan peribadi yang berdasarkan sentimen. Hal ini demikian kerana, jika dibandingkan dengan hubungan emosi, pengkhususan kerja dan hubungan urus niaga lebih menjamin setiap kerja diselesaikan secara efektif (Thuc-Doan & Belk, 2012). Walau bagaimanapun, menurut hasil daripada temu bual, di samping menikmati kepuasan penggunaan perkhidmatan profesional, responden juga merasai kekecewaan kerana hubungan bantu-membantu sesama diri mereka dengan sanak saudara telah digantikan oleh nilai perdagangan.

Seterusnya, diberikan contoh kes pasangan responden kedua belas untuk menyokong bahawa jarak geografi yang jauh di antara kediaman responden dengan sanak-saudara menjejaskan tahap pergantungan sesama mereka, lalu meningkatkan tahap tuntutan tuan rumah terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional yang disediakan oleh agensi komersial.

“Saudara Mara Jauh-jauh Semua, Kesian nak Minta Tolong.”

“Responden isteri bagi pasangan kedua belas sekeluarga tinggal di Batu Caves, Kuala Lumpur. Kebanyakan sanak saudara keluarganya tinggal berjauhan, yang paling dekat pun mengambil masa 50 minit untuk pemanduan. Menurut responden, lima orang adik-beradik ibunya masih tinggal di Johor, iaitu kampung halaman mereka. Antara enam orang adik-beradik bapanya pula, tiga orang tinggal di Kelang, seorang di Terengganu, seorang di Kelantan dan seorang lagi di Negeri Sembilan. Memandangkan bantuan daripada sanak saudara tidak dapat diharapkan kerana kejauhan dari segi jarak geografi, maka keluarga responden menyerahkan semua kerja persiapan kenduri kahwin kepada agensi perkhidmatan perkahwinan komersial.

University of Malaya

"Ya la, jauh-jauh semua kan, kalau suruh datang seminggu sebelum majlis pun susah. Kesian nak minta tolong kan, *so* tak nak. Lagipun, kebanyakan saudara mara semua kahwin dekat dewan, *so* dia tak minta tolong kita, kita pun macam segan la kan (nak minta tolong mereka)," ujar isteri. Oleh itu, saudara mara responden tidak datang ke rumahnya awal-awal untuk membantu, dan hanya berkumpul makan pada hari majlis sahaja. "Hanya seorang mak cik dengan keluarga datang sehari lebih awal daripada hari kejadian, membawa kek, itu pun tidak ada membantu buat apa-apa," tambahkan isteri. Walau bagaimanapun, isteri menegaskan bahawa hubungan sesama sanak saudara adalah baik, cuma tidak rajin berkumpul tolong-menolong kerana soal jarak geografi yang jauh."

Dalam kalangan responden yang tinggal lebih berdekatan dengan kebanyakan sanak saudara pula, bantu-membantu untuk menjayakan majlis perkahwinan didapati lebih kerap berlaku. Contohnya, menggubah barang hantaran, membuat kuih dan kek, membungkus buah tangan dan membuat bunga telur. Dapatan ini selaras dengan hasil kajian Yaacob Harun (1991), iaitu bagi orang Melayu Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, dalam soal persanakan penting, bantuan tenaga, bantuan kewangan dan lain-lain daripada saudara kandung yang dekat tempat tinggalnya ini, lebih diutamakan. Hal ini demikian kerana, "Tempat kediaman yang berdekatan bukan sahaja memungkinkan kontak dan berbagai-bagai bentuk hubungan timbal balik sesama mereka, tetapi juga memungkinkan mereka mengetahui tentang keadaan diri dan keluarga masing-masing. (p. 128)." Situasi ini disokong oleh contoh kes yang didapati semasa temu bual dijalankan dengan responden suami bagi pasangan keempat belas.

Sanak Saudara Tinggal Berdekatan dan Banyak Menghulurkan Bantuan dalam Persiapan Majlis Perkahwinan

"Responden suami bagi pasangan keempat belas sekeluarga tinggal di kawasan Subang Jaya. Kebanyakan sanak saudaranya tinggal berdekatan dengan rumahnya. Antara enam orang adik-beradik ibu responden, terdapat tiga orang tinggal di Shah Alam, yang selebihnya masih berada di kampung halaman, iaitu Melaka. Tiga orang adik-beradik bapanya pula semuanya tinggal di Kuala Lumpur.

University of Malaya

Responden mengakui, untuk menjayakan majlis perkahwinannya, sanak saudara banyak menghulurkan bantuan, khususnya mereka yang paling berdekatan dengan rumahnya. Maka, kerja menggubah barang hantaran dan membungkus buah tangan telah diserahkan kepada sanak saudara tanpa menggunakan perkhidmatan profesional. "Seminggu sebelum majlis, ada yang datang tiap-tiap malam tolong, lepas tu balik rumah sendiri. Rumah dekat-dekatlah, Shah Alam sana, saya Subang Jaya, dekat la perjalanannya, dalam 5 minit, 10 minit. Mereka tolong buat hantaran, bungkus *door gift*, tolong masuk dalam kotak, ikat *ribbon*, benda-benda macam tu la." Bagi sanak saudara yang tinggal di Melaka pula, mereka hanya datang sehari sebelum majlis diadakan. Sebagai tanda terima kasih kepada saudara mara yang banyak membantu, dua minggu selepas majlis dijalankan, keluarga responden menjemput mereka makan di sebuah restoran makanan laut yang mewah di Shah Alam."

Dilihat sistem sokongan tenaga jiran tetangga pula, menurut data-data dalam Graf 6.15, sistem sokongan tenaga kejiranan yang paling kuat wujud dalam golongan penduduk rumah teres. Terdapat 75.0% penduduk rumah teres mengatakan jiran tetangga banyak membantu dalam menguruskan majlis perkahwinan. Di samping itu, peratusan penduduk rumah teres yang mengakui jiran tetangga "kurang membantu" (16.7%) dan "tidak membantu" (8.3%) pula, adalah paling rendah dibandingkan dengan penduduk kediaman jenis yang lain. Sistem sokongan tenaga kejiranan yang paling tidak berfungsi wujud dalam kalangan penduduk rumah Semi-D/banglo. Sama ada dalam kalangan responden yang mengatakan jiran tetangga "kurang membantu" atau "tidak membantu", penduduk kediaman jenis ini menduduki tempat yang paling tinggi, iaitu 50%. Pada masa yang sama, dalam kalangan responden yang menyatakan jiran tetangga "banyak membantu" pula, peratusan penduduk Semi-D/banglo adalah yang paling rendah sekali (0.0%) dibandingkan dengan penduduk kediaman jenis yang lain.

University of Malaya



Graf 6.15: Jenis Kediaman Responden dan Tahap Sokongan Jiran Tetangga dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan

Jelasnya, responden penduduk rumah teres mempunyai sistem sokongan tenaga kejiranan yang paling kuat, berikutnya ialah penduduk rumah pangsa dan rumah kondo. Sistem sokongan tenaga kejiranan yang paling lemah pula, wujud dalam kalangan responden penduduk Semi-D/banglo. Dapatan ini juga selaras dengan kajian Yahaya Ibrahim (1995) yang menganalisis semangat kerjasama dan tolong-menolong dalam kalangan penduduk di Shah Alam. Menurutnya, semangat ini dapat dikesan dalam kalangan penduduk rumah teres dan pangsapuri, tetapi tiada langsung berlaku dalam kalangan penduduk rumah banglo. Situasi ini turut menjadi salah satu pendorong penting terhadap penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional.

Dalam masyarakat Melayu pertanian, reka bentuk rumah Melayu tradisi yang memudahkan komunikasi dan kerjasama dalam komuniti setempat sangat membantu untuk memperkuatkan rasa tanggungjawab sesama jiran tetangga. Siti Norlizaiha Harun dan Azira Ibrahim (2011) menunjukkan, susunan rumah di kampung Melayu adalah secara bebas dan lebih banyak ruang terbuka wujud seolah-olah dirancang untuk

University of Malaya

memastikan tiada privasi antara sempadan tanah. Ruang-ruang tersebut menjadi kawasan komuniti bagi aktiviti penduduk, antaranya gotong-royong, kenduri-kendara, acara kebudayaan dan sebagainya. Lim (1991) juga mengatakan bahawa halaman atau laman di hadapan rumah Melayu boleh dijadikan kawasan aktiviti sosial, seperti perjumpaan ahli keluarga dan jiran tetangga, kenduri-kendara dan sebagainya. Oleh itu, "bergotong-royong dalam kerja-kerja harian adalah amalan biasa (Yahaya Ibrahim, 1995, p. 90)", begitu juga dengan persiapan majlis perkahwinan.

Seiring dengan proses pembandaran dan perindustrian, tempat kediaman dan bentuk rumah orang Melayu di bandar telah mengalami perubahan drastik, iaitu daripada rumah tradisional ala kampung kepada rumah pangsa dan kondo, rumah teres, rumah Semi-D dan banglo yang dibina oleh pemaju di bandar. Sebagai satu struktur fizikal yang "tidak bergerak", rumah dipengaruhi oleh gerak kuasa luar khususnya keadaan ekonomi semasa, lalu mengenakan pengaruh kepada kedinamikan perhubungan antara ahli keluarga, bahkan perhubungan mereka dengan komuniti di luar rumah. Carsten (2004) juga mengatakan, "*The house is an extension of the person, it is also an extension of the self*", di mana seseorang tinggal dan bagaimana bentuk kediamannya membawa kesan ketara ke atas perhubungan kejiranan. Rumah-rumah Melayu berseni bina moden yang membina pagar batu atau konkrit di sekeliling rumah, atau seluruh kawasannya berpagar dan ada pengawal ini telah menegaskan sempadan antara sebuah keluarga dengan keluarga lain (Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim, 2011). Perubahan pola-pola kediaman tersebut menunjukkan pengasingan dan eksklusifnya pemilik serta penghuni sekali gus membatasi hubungan kekerabatan dan persaudaraan antara satu keluarga dengan yang lain (Fatimah Abdullah, 2009b). Perubahan pola-pola

University of Malaya

kediaman tersebut sedikit sebanyak telah memberikan kesan negatif terhadap tahap bantuan dan tahap pergantungan antara responden dengan jiran-jiran, begitu juga dalam persiapan majlis perkahwinan.

Seperti yang didapati dalam kajian ini, dalam persiapan majlis perkahwinan golongan responden, keberkesanan sistem sokongan tenaga jiran tetangga yang terendah wujud dalam komuniti rumah Semi-D dan rumah banglo. Hal ini berlaku kerana, tempat kediaman jenis ini mempunyai ruang pemisah yang besar dan nyata. Pagar ruang halaman sekeliling merupakan tembok pemisah yang begitu ketara dan kadang-kadang ketinggiannya pula melebihi enam kaki (Yahaya Ibrahim, 1995). Selain menjaga privasi tuan rumah, tembok pemisah ini juga menghalang pandangan visual ke halaman jiran sebelah. Apatah lagi bertegur sapa dan menjalin hubungan komunikasi yang kasual sesama jiran tetangga.

Gambar 6.11: Rumah Banglo yang Didiami oleh Keluarga Responden Suami bagi Pasangan Ketujuh

University of Malaya

Inilah antara faktor yang mengakibatkan sistem sokongan tenaga kejiranan dalam kawasan perumahan jenis ini tidak begitu berkesan. Oleh hal yang demikian, bantuan dan perkhidmatan daripada agensi perkahwinan komersial sangat diperlukan oleh responden rumah Semi-D dan rumah banglo. Hasil penemuan kajian ini juga disokong oleh contoh kes responden isteri bagi pasangan kedua seperti yang diberikan di bawah ini.

"Rasa Janggal nak Panggil Jiran Tolong, Kita Boleh *Settle* Sendiri."

"Responden isteri bagi pasangan kedua tinggal bersama dengan ibu bapanya di rumah banglo, Petaling Jaya. Ia mengakui bahawa komuniti di kawasan perumahan mewah ini tidak serapat masyarakat di luar bandar. Ia turut memberikan sebuah contoh, dirinya dan suami ialah jiran yang tinggal di dua seksyen yang berhampiran. Dari rumahnya ke rumah suaminya hanya memakan masa pemanduan dua minit. Namun begitu, mereka tidak kenal sama sekali dan bertemu di tempat kerja selepas 26 tahun menjadi jiran. Sebenarnya, keluarga responden hanya mengenali jiran sebarisan sahaja. "Kawasan lain, kita tak bertembung," katanya. Responden menambahkan lagi, bagi jiran tetangga yang keluarganya kenal pun, "kenal" setakat bertegur sapa sahaja, dan jarang saling mengunjungi, apatah lagi berinteraksi secara mendalam. Hal ini berlaku kerana, wujudlah "*gap*" sesama mereka. "*Gap* dari segi nak hormat orang, nak jaga privasi la," jelaskannya.

Majlis bersanding sebelah perempuan diadakan di Hotel Hilton. Menurutnya, hampir semua kerja persiapan majlis perkahwinan telah diserahkan kepada agensi perkhidmatan komersial. Sepanjang proses persiapan majlis, tiada pun jiran tetangga menghulurkan bantuan. "Rasa janggal nak panggil jiran tolong, tak pernah dengar lagi ada orang sini panggil jiran tolong buat kerja. Lagipun, zaman ni dah macam dah moden, semua kita boleh *settle* sendiri, macam kek (buah tangan) tu kita boleh *order*, tak payah nak bungkus-bungkus la apa semua kan," ujar isteri berpanjang lebar."

Mengenai sistem sokongan tenaga jiran tetangga di kawasan rumah pangsa dan rumah kondo pula, tahap keberkesanannya adalah lebih tinggi daripada sistem sokongan tenaga di kawasan rumah Semi-D/banglo, tetapi tidak setinggi sistem sokongan tenaga di kawasan rumah teres. Ditinjau dari segi reka bentuk kediaman, jarak fizikal penduduk rumah jenis ini adalah dekat, iaitu di sebelah kiri kanan, tingkat atas dan bawah sahaja.

University of Malaya

Namun begitu, tembok pemisah telah menghalang komunikasi sesama jiran tetangga. Menurut Yahaya Ibrahim (1995), pemandangan penghuni rumah pangsa terhadap persekitaran adalah terbatas. Dengan hal yang demikian, perhubungan kejiranan kawasan perumahan ini turut menjadi terhad. Kadang-kadang hanya jiran sebelah kiri dan kanan selantai sahaja yang paling rapat dengan tuan rumah. Dalam situasi sebegini, pertolongan daripada agensi profesional dalam menjayakan majlis perkahwinan adalah diperlukan.

Gambar 6.12: Bangunan Rumah Pangsa yang Didiami oleh Keluarga Responden Suami bagi Pasangan yang Pertama

Tahap keberkesanan sistem sokongan tenaga jiran tetangga yang paling tinggi didapati dalam kalangan penduduk rumah teres. Dilihat reka bentuk kediaman jenis ini, maka didapati keadaan fizikal rumah yang bersambungan antara satu unit dengan satu unit yang lain membantu untuk membentuk perhubungan kejiranan yang lebih mesra. Walaupun rumah teres juga berpagar, namun melalui pagar jenis ini boleh dilihat

halaman jiran di sebelah. Ini juga memudahkan penghuni bertegur sapa dan bersembang-sembang di halaman masing-masing walaupun dipisahkan oleh pagar. Dengan hal yang demikian, perhubungan kejiranan penduduk rumah teres adalah jauh lebih rapat berbanding dengan penghuni rumah Semi-D/banglo (Yahaya Ibrahim, 1995).

Gambar 6.13: Kawasan Rumah Teres yang Didiami oleh Keluarga Responden Isteri bagi Pasangan Ketiga

Sungguhpun begitu, yang tidak dapat dinafikan ialah, penyusunan reka bentuk rumah teres, contohnya wujudnya lorong belakang tetap membawah pengaruh negatif kepada keharmonian perhubungan kejiranan (MdLias dan rakan-rakan, 2013). Lantaran itu, dalam kalangan responden rumah teres, walaupun kerja persiapan majlis perkahwinan boleh diringankan jika jiran tetangga rajin menolong, namun tuan rumah masih banyak memerlukan perkhidmatan profesional yang lebih terjamin dan stabil. Berikutnya, diberikan contoh kes responden isteri bagi pasangan keempat yang menunjukkan

hubungan bantu-membantu sesama jiran tetangga di kawasan rumah teres dalam persiapan majlis perkahwinan.

Hubungan Kejiranan Baik dan Jiran-jiran Banyak Menghulurkan Bantuan

"Responden isteri bagi pasangan keempat tinggal bersama dengan ibu bapa di rumah teres dua tingkat setengah di Sri Gombak. Majlis perkahwinan sebelah perempuan diadakan di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kuala Lumpur. Menurut isteri, dalam proses menyediakan majlis tersebut, terdapat tiga, empat keluarga jiran yang paling rapat dengan keluarganya banyak memberikan bantuan. "Jiran yang selalu datang borak dengan kita la. Bila tahu kita nak buat kenduri, dia orang tanya ada apa-apa nak bantu," jelaskan isteri. Maka, kerja menggubah barang hantaran dan membungkus buah tangan ditangani oleh jiran sahaja tanpa mengambil perkhidmatan profesional. Selain itu, mereka juga membantu untuk membuat bunga telur dan menghantar kad jemputan kepada jiran-jiran yang lain. Sebagai tanda terima kasih, setelah majlis perkahwinan selesai, keluarga isteri mengadakan sesi karaoke dan menjemput jiran-jiran yang membantu datang menyanyi bersama-sama. Menurut isteri, timbal balas sebegini ialah perkara yang agak biasa antara jiran tetangga di kawasan perumahannya, khususnya bagi mereka yang berhubungan lebih rapat. "Bila dia orang buat kenduri, kita bantu macam tu juga," ujarnya."

Sebagai rumusan, perubahan pola-pola kediaman responden dari segi pemisahan fizikal dengan sanak saudara dan jiran tetangga telah mengurangkan keberkesanan sistem sokongan tenaga komuniti setempat. Akibatnya, tidak mudah lagi bagi tuan rumah meminta bantuan daripada sanak saudara dan jiran tetangga untuk menjayakan majlis perkahwinan. Maka, keluarga responden terpaksa bergantung kepada perkhidmatan perkahwinan profesional daripada agensi komersial, terutama sekali mereka yang tinggal berjauhan dengan sanak-saudara atau tinggal di kawasan perumahan Semi-D/banglo.

University of Malaya

6.4.2 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh

Seperti yang didapati dalam kajian ini, perubahan faktor-faktor sosioekonomi responden telah mengurangkan keberkesanan sistem sokongan tenaga sanak saudara dan jiran tetangga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, di samping menggalakkan penggunaan perkhidmatan perkahwinan profesional dalam hal ini. Sungguhpun begitu, hubungan persanakan dan kejiranan dalam kalangan responden masih kuat dipertahankan. Buktinya, masih terdapat 74.8% responden mengakui sanak-saudara banyak memberikan sokongan dalam menguruskan majlis perkahwinan selain 63.5% responden menyatakan jiran tetangga banyak menghulurkan bantuan dalam hal ini. Situasi ini juga selaras dengan hasil penemuan kajian sarjana tempatan yang menunjukkan bahawa dalam masyarakat Melayu moden, nilai-nilai yang menekankan kepada kepentingan keluarga dan komuniti setempat masih kukuh dalam golongan orang Melayu (Wan Abdul Kadir, 2007a; Yaacob Harun, 2014a; Fatimah Abdullah, 2015).

Dapatan ini telah membantah pandangan beberapa orang sarjana barat yang terkemuka, antaranya Wirth (1938), Goode (1968) dan Parsons (1977). Mereka menghujahkan bahawa seiring dengan proses pemodenan, dalam masyarakat bandar, ikatan kekeluargaan, kejiranan dan sentimen hidup bersama yang wujud dalam masyarakat pertanian akan merosot, bahkan menghilang diakibatkan oleh perbezaan latar belakang penduduk, ketanpanamaan dan mobiliti sosial yang tinggi di bandar. Jelasnya, apabila sarjana barat membuat ramalan seperti itu, terdapat sudut lain yang tidak diambil perhatian, iaitu pengaruh unsur-unsur sosiobudaya tempatan dan peranan manusia sebagai agensi aktif yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya

University of Malaya

dan keagamaan yang mereka pegang sebelum ini (Abdul Rahman Embong, 2011, p. 37). Dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, unsur-unsur sosiobudaya yang merangkumi agama Islam dan nilai-norma Melayu tradisi didapati sangat membantu mereka untuk mengekalkan keakraban hubungan persanakan dan kejiranan dalam masyarakat Melayu moden.

Terlebih dahulu dilihat hubungan persanakan, agama Islam amat menekankan keakraban hubungan kekerabatan dan tanggungjawab seseorang terhadap kaum keluarganya (Azizah Kassim, 1985). Islam menyuruh umatnya sentiasa berbuat baik kepada sanak saudara, dan mengharamkan pergaduhan dan rasa permusuhan sesama mereka. Sesiapa yang mengabaikan atau menolak permintaan kaum kerabat apabila mereka memerlukan bantuan atau dalam kesusahan tidak boleh dianggap sebagai umat yang soleh (Yaacob Harun, 2014a). Oleh hal yang demikian, seperti yang dihujahkan oleh Paizah Ismail (2003), walaupun dalam pengajian ilmu sosial terdapat kepercayaan bahawa unsur-unsur lain, seperti kesatuan tempat tinggal ialah unsur penting dalam mengeratkan hubungan persanakan, tetapi konsep ini tidak mempunyai nilai sebagai suatu syarat dalam struktur keluarga dalam Islam kerana rasa saling mengharap ialah unsur yang lebih penting. Abdul Halim Othman (1993) juga menyatakan, seburuk-buruk tanggapan terhadap saudara, namun masyarakat Melayu tetap mengharapkan dan menganggap saudara akan memberikan bantuan dalam saat-saat kesusahan.

Selain agama, nilai kekeluargaan Melayu juga menekankan keharmonian keluarga, keintiman hubungan persanakan dan tanggungjawab terhadap ahli keluarga (Fatimah Abdullah, 2015). Wan Abdul Kadir (2007a) menghujahkan, hubungan kekeluargaan yang erat menyebabkan mereka dipupuk dengan nilai-nilai bertanggungjawab

University of Malaya

membantu sesama anggota-anggota keluarga. Berdasarkan nilai-nilai demikian, setiap orang merasakan dirinya bertanggungjawab untuk membantu keluarga, misalnya anggota-anggota keluarga yang miskin mesti dibantu dengan material dan moral. Tali persaudaraan amat penting dipertahankan dan atas kepentingan ini mereka sama-sama mengalami kesusahan (p. 43). Seseorang yang tidak mempedulikan hal kekeluargaan akan dipandang seorang oleh masyarakat kerana sifatnya yang sombong dan lupa akan asal usulnya. Nilai norma Melayu ini diperkuatkan lagi dengan tuntutan agama Islam (Nagata, 1976), jadi tidak dapat tidak, tanggungjawab terhadap sanak saudara wajib dilaksanakan oleh orang Melayu biar di mana mereka berada. Maka, keluarga Melayu akan berusaha mengekalkan hubungan dengan keluarga saudara kerana ada masanya mereka memerlukan pertolongan saudaranya, seperti dalam soal pewarisan harta benda ataupun dalam istiadat pernikahan (Abdul Halim Othman, 1993, p. 95).

Gambar 6.14: Sanak Saudara Responden Isteri bagi Pasangan Kesebelas Menyusun Kek pada Pagi Hari Langsung Majlis Perkahwinannya

Mengenai hubungan kejiranan pula, agama Islam menitikberatkan hubungan timbal balik antara jiran tetangga dan menganjurkan seseorang jiran memberikan segala pertolongan yang diperlukan umpamanya jika sakit hendaklah membantu mencarikan ubat penyembuh, jika berhutang membantu untuk menyelesaikannya, jika mengadakan kenduri-kendara membantu untuk memasak dan sebagainya, jika jiran ditimpa musibah membantu meringankannya dan mengucap takziah (Mashitah Sulaiman dan rakan-rakan, 2009, p. 4). Melihat dari perspektif nilai norma pula, menurut Syed Alwi Sheikh Al-Hadi (1980), adalah diadatkan bahawa setiap penduduk kampung dengan seberapa yang boleh menjalankan usaha bagi faedah komuniti setempat dengan kaedah bergotong-royong. Timbal balas sesama jiran tetangga digalakkan boleh dibuat dengan pelbagai cara, termasuk "*a great amount of reciprocal exchange of gifts, services and resources, particularly in ceremonial activities*… (Nagata, 1976, p. 402)".

Gambar 6.15: Jiran-jiran Responden Suami bagi Pasangan yang Pertama Bergotong-royong untuk Menyediakan Masakan Majlis Perkahwinannya pada Keesokan Harinya

Dengan pengaruh agama Islam, nilai norma Melayu dan usaha orang Melayu bandar, maka sistem sokongan tenaga sanak saudara dan jiran tetangga didapati masih berperanan positif dalam pelaksanaan majlis perkahwinan responden. Hal ini terbukti dengan jelas dalam dua contoh kes yang didapati daripada temu bual dengan responden kajian ini.

Kerapatan Hubungan Persanakan Menjamin Sistem Sokongan Tenaga yang Kuat

"Dalam persiapan majlis perkahwinan responden isteri bagi pasangan kedua, saudara mara banyak memberikan bantuan kepada keluarganya, seperti memberikan pandangan, membuat hadiah untuk tetamu dan menguruskan hal-hal yang berkenaan pada hari langsung. Sebenarnya, sebulan sebelum majlis perkahwinan dijalankan, ibu responden telah mula menelefon adik-beradiknya dan berbincang tentang pembahagian tugas. "Contohnya, sepupu saya diberikan tugas untuk menyambut tetamu dan menjaga kaunter pendaftaran, ada yang menjadi pengapit, ada juga yang mengambil gambar selain yang profesional," jelaskan responden.

Menurut responden isteri, kaum kerabatnya mempunyai hubungan persanakan yang rapat. Membantu saudara mara yang mengadakan kenduri-kendara telah menjadi amalan tradisi mereka. "Keluarga kami walaupun sibuk tapi kami rapat la, *especially* sebelah ibu sebab famili ayah tinggal jauh-jauh. Kalau ada majlis perkahwinan ke, memang kami akan luangkan masa untuk membantu," ujarnya."

Hubungan Kejiranan Rapat Menjamin Sistem Sokongan Tenaga yang Berkesan

"Responden suami bagi pasangan kedua belas dan ibu bapanya tinggal di rumah teres dua tingkat di pinggir bandar. Jiran-jiran mereka terdiri daripada orang-orang yang berkerjaya. Hubungan kejiranan di kawasan perumahannya adalah mesra. Komuniti setempat pun selalu mengadakan aktiviti bersama-sama. Responden suami menyatakan, pada hari perkahwinannya, jiran-jiran datang awal-awal untuk membantu menyusun kuih, memotong kek dan menjaga buah tangan. Selain itu, semasa helikopter yang disewa untuk membawa isterinya datang ke rumahnya hendak mendarat di ladang yang luas di sebelah rumah suami, jiran-jirannya juga banyak membantu untuk menjaga kawasan tersebut. "Dia orang sangat baik la. Suasana sangat meriah dekat rumah saya ni," kata responden."

Walaupun begitu, yang tidak dapat dinafikan ialah, disebabkan oleh perubahan faktor-faktor sosioekonomi, bantuan dan sokongan daripada sanak saudara dan jiran tetangga jarang diberikan dalam bentuk bergotong-royong, tetapi diberikan dalam bentuk lain dengan cara lain. Contohnya, bantuan sanak saudara lebih bersifat

University of Malaya

sementara, dan bantuan jiran tetangga pula lazimnya diberikan dari segi kesudian memberikan kerjasama[11]. Hal ini boleh diterima dan difahami oleh responden kerana mereka menyedari bahawa zaman sudah berubah dan keadaan masyarakat bandar tidak mengizinkan amalan bergotong-royong dijalankan seperti dalam masyarakat tradisi. Perubahan ini boleh diperlihatkan dengan jelas dalam contoh kes pasangan responden ketiga seperti yang diceritakan di bawah ini.

Bantuan Sanak Saudara dan Jiran Tetangga di Bandar Lebih Bersifat Sementara

"Responden isteri bagi pasangan ketiga berpandangan bahawa dalam konteks bandar, sifat bergotong-royong harus dipandang daripada perspektif yang lain. Maknanya, orang ramai perlu memahami bahawa sifat bergotong-royong wujud dengan cara yang lain di bandar, tidak semestinya memasak bersama-sama. Hal ini demikian kerana kerja-kerja berat seperti memasak boleh sahaja diambil oleh katering profesional.

Responden isteri mengambil majlis perkahwinannya yang diadakan di rumah ibu bapanya sebagai contoh kes. Menurutnya, bekerjasama masih wujud sama ada dalam kalangan sanak saudara atau jiran tetangga dalam menjayakan majlis tersebut, cuma dengan cara yang lain, iaitu bantuan yang diberikan bersifat sementara. Sebelum majlis perkahwinan diadakan, keluarganya tidak memanggil mesyuarat untuk membahagikan tugas. Cuma pada pagi hari langsung sahaja, ibu isteri memberikan tugas kepada saudara mara dan jiran-jiran untuk bersama-sama menjayakan majlis perkahwinan. Misalnya sepupu responden isteri menjaga bahagian kek, mak cik-mak cik semua sibuk di luar untuk menjaga bahagian katering, jiran-jiran pula tolong melayan tetamu dan memperhatikan sama ada makanan cukup atau tidak. "Khemah kan sepanjang jalan, jadi jiran-jiran dan saudara mara tunggu di hujung sekali untuk sambut tetamu dan jemput mereka masuk. Dia orang banyak bantu la, buat macam anak dia orang punya kenduri," ujar isteri."

Boleh dirumuskan bahawa walaupun sistem sokongan tenaga komuniti setempat dalam pelaksanaan majlis perkahwinan responden semakin merosot, namun hubungan bantu-membantu dan kerjasama antara tuan rumah dengan sanak saudara dan jiran tetangga masih dipupuk dan dipertahankan dalam masyarakat Melayu bandar. Hal ini demikian kerana, pengaruh agama Islam dan nilai-nilai Melayu yang menegaskan

[11] Misalnya, jiran tetangga sudi memberikan kerjasama kepada tuan rumah untuk meletakkan kereta di tempat yang jauh supaya khemah boleh dipasang di tempat yang berkenaan.

University of Malaya

hubungan silaturahim sesama manusia adalah berpanjangan dan tidak akan hapus begitu sahaja dalam masa yang singkat.

Sebagai kesimpulan, didapati bahawa sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan responden Melayu Kuala Lumpur telah mengalami perubahan yang drastik. Tugas untuk membantu tuan rumah menjayakan majlis perkahwinan telah beralih daripada tangan sanak saudara dan jiran tetangga kepada agensi perkhidmatan perkahwinan profesional. Peningkatan waktu kerja, tahap pendidikan, tahap pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga serta perubahan ciri-ciri kediaman di bandar dibuktikan menyumbang kepada peralihan tersebut. Walau bagaimanapun, dipengaruhi oleh agama Islam dan nilai-nilai Melayu, hubungan bantu-membantu sesama sanak saudara dan jiran tetangga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan responden masih dipertahankan dengan berkesan.

6.5 Impak Faktor-faktor Sosioekonomi terhadap Sistem Sokongan Kewangan dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, perbelanjaan majlis perkahwinan lazimnya memakan kos pada kadar ratusan ringgit dan jarang ada yang mencecah ribuan ringgit. Perbelanjaan ini secara teorinya ditanggung oleh ibu bapa pengantin, terutama sekali bapa sebagai pencari nafkah utama dalam sesebuah keluarga (Djamour, 1965; Kuchiba & Tsubouchi, 1966). Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati perbelanjaan majlis perkahwinan responden telah meningkat dengan ketara. Menurut Jadual 6.5, lingkungan perbelanjaan yang paling biasa ialah RM30,001-60,000 (44.9%), dan diikuti dengan

University of Malaya

lingkungan perbelanjaan RM30,000 dan ke bawah (48.6%). Bahkan terdapat 6.5% responden membelanjakan kos setinggi RM60,001-100,000 untuk meraikan perkahwinan. Maka, adakah perbelanjaan majlis perkahwinan yang semakin tinggi ini masih ditanggung oleh ibu bapa pengantin sepenuhnya? Jawapannya ialah, “Tidak”.

Jadual 6.5: Perbelanjaan untuk Majlis Perkahwinan Responden

Perbelanjaan untuk Majlis Perkahwinan	**Bilangan Responden**	**Peratus (%)**
≤RM30,000	52	48.6
RM30,001-60,000	48	44.9
RM60,001-100,000	7	6.5
Jumlah	107	100.0

Menurut data-data dalam Carta 6.5, perubahan yang ketara telah berlaku dari segi sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan responden. Hanya 5.6% responden sahaja ditaja sepenuhnya oleh ibu bapa dalam menguruskan majlis perkahwinan. Majoriti responden, iaitu 65.4% responden menanggung perbelanjaan majlis perkahwinan bersama-sama dengan ibu bapa. Bahkan, terdapat 29.0% responden menanggung semua kos majlis tanpa dibantu oleh ibu bapa mereka. Jelasnya, bantuan ibu bapa responden dari segi kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan telah berkurangan, sedangkan responden sendiri memainkan peranan yang semakin penting dalam menanggung kos belanja majlis perkahwinan.

University of Malaya



Carta 6.5: Sistem Sokongan Kewangan dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan Responden

Dalam bahagian yang seterusnya, perbincangan akan difokuskan kepada pengaruh faktor-faktor sosioekonomi responden terhadap perubahan sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan.

6.5.1 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Paling Berpengaruh

Terdapat dua faktor sosioekonomi utama berhubung kait rapat dengan perubahan sistem sokongan kewangan yang telah berlaku dalam kalangan responden, iaitu faktor pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga.

6.5.1.1 Pendapatan

Sudah terbukti bahawa faktor pendapatan responden memberikan impak yang ketara terhadap sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan mereka.

University of Malaya

Merujuk kepada Graf 6.16, dalam lingkungan tahap tajaan ibu bapa yang setinggi "0-30%" dan "31-50%", semakin tinggi pendapatan responden, maka semakin banyak mereka menerima tajaan dalam dua lingkungan ini. Namun, keadaan dalam lingkungan tahap tajaan yang setinggi "51-70%" dan "71-100%" menunjukkan perbezaan, iaitu semakin tinggi pendapatan responden, maka semakin kurang mereka menerima tajaan dalam dua lingkungan ini. Ternyatalah, dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, seiring dengan peningkatan pendapatan responden, pergantungan mereka terhadap tajaan kewangan ibu bapa semakin menurun, sebaliknya penglibatan mereka dalam penanggungan kos majlis pula semakin meningkat.



Graf 6.16: Pendapatan Bulanan Responden dan
Tahap Tajaan Ibu bapa dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan

Jika ditinjau masyarakat Melayu tradisi yang mengamalkan sistem ekonomi sara diri, bapa sebagai ketua keluarga ialah pencari nafkah utama dan menguasai sumber ekonomi keluarga. Maka secara umumnya, pengantin sendiri, terutama sekali pengantin perempuan tidak mempunyai kemampuan ekonomi untuk menanggung kos majlis

University of Malaya

perkahwinan, tetapi banyak bergantung kepada tajaan ibu bapa. Namun begitu, sejajar dengan penglibatan dalam pasaran kerja bukan pertanian, muda-mudi Melayu mula berdikari dari segi ekonomi dan lebih bebas daripada kawalan ibu bapa. Hal ini juga boleh dikesan dari segi penanggungan perbelanjaan majlis perkahwinan, iaitu pengantin sendiri mula memainkan peranan dalam hal ini yang pada masa dahulu dikuasai oleh ibu bapa sepenuhnya.

Perubahan tersebut juga diakui oleh Yaacob Harun (2014a) dalam kajiannya, iaitu "*Today, young couples normally make their own marriage arrangements bearing practically all costs incurred in marriage such as marriage payments, wedding expenses, cost of receptions and other related matters*. (p. 96)." Trend ini bukan sahaja didapati di Malaysia, tetapi negara-negara yang lain. Di bandar Ho Chi Minh, Vietnam, satu pertiga kenduri kahwin telah ditaja sepenuhnya oleh pengantin, satu pertiga ditaja oleh pengantin dan ibu bapa bersama, dan tinggal satu pertiga sahaja ditaja oleh ibu bapa sepenuhnya (Thuc-Doan & Belk, 2012). Di negara-negara Afrika pula, perbelanjaan perkahwinan telah menjadi tanggungjawab pengantin lelaki tetapi bukan lagi tanggungan keluarganya (Calvès & Depledge, 2007; Gianfortoni, 2009).

Seperti yang didapati dalam kajian ini, responden yang berpendapatan lebih tinggi lebih kurang bergantung kepada bantuan kewangan ibu bapa untuk menjayakan majlis perkahwinan. Hal ini berlaku kerana, golongan responden ini mempunyai asas kewangan yang lebih kukuh selain bajet yang lebih cukup untuk meraikan majlis perkahwinan mereka. Thuc-Doan dan Belk (2012) juga menyifatkan keadaan yang sama dalam kalangan pasangan pengantin di Vietnam. Menurut mereka, pasangan pengantin yang tidak bergantung kepada tajaan ibu bapa lazimnya mempunyai tahap pendapatan,

University of Malaya

tahap pendidikan dan kedudukan masyarakat yang lebih tinggi. Dengan menanggung kos belanja majlis perkahwinan, atau sekurang-kurangnya sebahagian daripada jumlahnya, responden berpendapatan tinggi bukan sahaja boleh menunjukkan kehebatan ekonomi mereka dan meringankan bebanan ekonomi ibu bapa, malahan boleh mempunyai kata putus dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Seperti yang dihuraikan oleh Gianfortoni (2009), "…*having an income also meant that they could exercise a greater voice in how their weddings would be conducted*. (p. 297)."

Pada masa kini, walaupun tujuan utama majlis perkahwinan dilaksanakan ialah untuk memenuhi tuntutan agama dan adat, namun majlis tersebut turut dilaksanakan demi memenuhi impian pengantin melalui aktiviti konsumsi (Mohd Kairuddin & Mohamad Fauzi Sukimi, 2016). Dalam hal ini, sama ada pengantin mempunyai kata putus dalam pelaksanaan majlis perkahwinan berkaitan rapat dengan peratusan tajaan diri mereka dan ibu bapa. Oleh sebab, wang ialah isu dominan dalam segala perhubungan kerana berkaitan rapat dengan kuasa, kawalan dan dominans (Knox & Schacht, 2015). Maka, dengan menanggung kos majlis perkahwinan ataupun sebahagian besar daripada kos majlis itu, responden yang lebih mantap asas kewangannya memperoleh kuasa yang lebih besar dalam memutuskan hal-hal yang berkenaan dengan persiapan majlis, contohnya, tema majlis yang diamalkan, tema warna yang dipakai dan agensi perkhidmatan perkahwinan yang dipilih. Hal ini juga selaras dengan dapatan kajian Thuc-Doan dan Belk (2012) di Vietnam, iaitu pasangan pengantin yang tidak mengharapkan bantuan kewangan keluarga mempunyai kebebasan sosial dan ekonomi yang lebih besar.

University of Malaya

Namun begitu, bagi responden yang berpendapatan rendah pula, keadaan ekonomi yang kurang memuaskan tidak mengizinkan mereka mengeluarkan bajet yang berjumlah besar untuk menampung perbelanjaan majlis perkahwinan. Maka, ibu bapa menjadi tempat bersandar dan sumber bantuan kewangan mereka supaya majlis perkahwinan yang diwajibkan oleh adat boleh dijalankan dengan lancar. Situasi ini juga selaras dengan kajian yang telah dijalankan di negara-negara lain. Di Vietnam contohnya, iaitu "*Couple whose weddings were financed by their parents had lower education levels and less income compared with the former group*. (Thuc-Doan & Belk, 2012, p. 114)." Di bandar Chengdu, China pula, menurut He (2012), memang benar mengadakan majlis perkahwinan yang diimpikan dengan pendapatan sendiri merupakan impian pasangan pengantin yang ingin berdikari. Namun begitu, dengan pendapatan mereka yang kurang memuaskan, lebih-lebih lagi kos belanja majlis perkahwinan yang tinggi di bandar, maka mereka terpaksa banyak bergantung kepada bantuan kewangan ibu bapa. Disebabkan oleh tahap pergantungan yang tinggi ini, maka mereka yang berpendapatan rendah lebih mematuhi kehendak ibu bapa dalam pengurusan majlis perkahwinan mereka.

Seterusnya, diberikan dua contoh kes yang menunjukkan bahawa perbezaan pendapatan responden memberikan kesan yang berlainan kepada sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, situasi ini menyebabkan kuasa mereka dalam persiapan majlis perkahwinan juga jauh berbeza.

70% Perbelanjaan Majlis Perkahwinan Ditanggung oleh Bapa Pengantin

"Responden isteri bagi pasangan ketiga belas bekerja di pusat tuition sebagai guru bahasa Inggeris. Pendapatan bulanannya lebih kurang RM1,500. Semasa mengambil keputusan untuk berumah tangga, responden baru bekerja untuk tiga tahun dan

University of Malaya

simpanannya pula hanya setakat RM5,000. Jumlah wang sekecil ini jauh tidak mencukupi untuk menanggung kos majlis perkahwinannya di Dewan Merak Kayangan yang akhirnya memakan kos setinggi RM59,000. Mujurnya, bapa kepada isteri yang bergelar profesor dan bergaji besar telah menanggung 70% daripada keseluruhan kos majlis tersebut. Maka, responden hanya perlu menanggung yang selebihnya dengan menggunakan wang simpanan dan wang hantaran daripada suaminya.

Gambar 6.16: Majlis Perkahwinan Responden Isteri
bagi Pasangan Ketiga belas yang 70% Perbelanjaannya Ditaja oleh Bapanya

Walau bagaimanapun, responden tidak menafikan bahawa dalam urusan majlis, ia banyak mengikut cadangan ibu bapanya. Contohnya, ketika memilih lokasi majlis, ia dan ibu bapa masing-masing mencari tempat yang sesuai. Walaupun ia telah mempunyai pilihan hatinya, namun ibu bapa mencadangkan Dewan Merak Kayangan atas beberapa sebab, maka ia pun mengikut sahaja cadangan ibu bapanya itu. Jenis lauk dan perisanya juga ditentukan oleh ibu responden, sedangkan pengantin sendiri tidak masuk campur. Selain itu, jenis kad jemputan juga ditentukan melalui perbincangan responden dengan ibunya. "Cuma buat *design*, mak serahkan pada saya," kata responden."

"Siapa yang Bayar, Dia yang *Decide*!"

"Responden isteri bagi pasangan kedua belas ialah seorang pensyarah di universiti. Pendapatan bulanannya ialah lebih kurang RM6,000. Untuk menjimatkan kos, responden, kakak dan adik lelakinya bersanding pada hari yang sama di Kampung Pengantin, Kuala Lumpur. Keseluruhan kos pakej perkahwinan yang diambil oleh mereka ialah RM40,000. Kos ini dikongsi dan ditanggung sepenuhnya oleh tiga orang adik-beradik. Menurut isteri, ia tidak mengharapkan bantuan kewangan daripada ibu bapa untuk menaja majlis perkahwinan. Oleh sebab, dengan adanya pendapatan yang memuaskan dan masa kerja selama enam tahun, maka ketika ia mengambil keputusan untuk berkahwin, asas kewangannya telah kukuh, simpanannya pun mencukupi, iaitu

sekira-kiranya RM12,000. “Saya tak minta la dia orang, *then* dia orang pun tak *offer*, *so* saya diam je la,” ujar isteri.

Gambar 6.17: Majlis Perkahwinan Ditaja oleh Responden Isteri bagi Pasangan Kedua belas dan Adik-beradiknya dengan Sepenuhnya

Isteri menegaskan, berdikari dari segi kewangan banyak memberikan kebebasan kepada adik-beradik untuk mengambil keputusan sendiri dalam persiapan majlis perkahwinan tanpa campur tangan ibu bapa. Daripada penentuan tarikh majlis perkahwinan hingga penentuan tema majlis (gaya barat), daripada pemilihan busana pengantin hingga penentuan lauk yang dihidangkan, semuanya diputuskan oleh pengantin sendiri melalui perbincangan bersama. Isteri jelaskan, “Kalau konsep keluarga saya, siapa yang bayar, dia yang *decide*. Sebab semua duit sendiri, kuasa *decide* lebih besar, macam nak beli apa saya beli, nak buat apa saya buat.”

Menurutnya, antara adik-beradik dalam keluarganya, hanya majlis perkahwinan kakak long ditanggung sepenuhnya oleh bapa mereka. Oleh sebab, pada masa itu, kakaknya baru bekerja, ditambahkan lagi dengan pendapatan yang tidak seberapa, maka ia hampir tidak ada simpanan. Pergantungan kakak itu kepada tajaan bapa menyebabkannya mengikut sahaja keputusan bapa. “Macam kakak saya tak boleh beli apa yang dia nak, *base on* bapa, yang bapa saya bagi tu je, dia tak boleh buat *decision* apa-apa pun. Contoh macam makanan, bapa saya dah tentukan, bunga telur dah tentukan, pelamin dah tentukan, macam tu, ikut bajet dia la,” ujar isteri berpanjang lebar.”

Kesimpulannya, dengan adanya sumber pendapatan sendiri, responden Melayu Kuala Lumpur memainkan peranan yang lebih besar dalam menanggung kos majlis perkahwinan, sedangkan peranan ibu bapa dalam hal ini telah menurun. Kajian ini mendapati, asas kewangan mantap yang dimiliki oleh responden meningkatkan

penglibatan mereka dalam penanggungan kos majlis perkahwinan, dan secara tidak langsung memberikan mereka kuasa yang lebih besar dalam membuat keputusan berhubung dengan persiapan majlis perkahwinan.

6.5.1.2 Kedudukan Sosioekonomi Keluarga

Selain faktor pendapatan, faktor kedudukan sosioekonomi keluarga responden juga didapati memberikan kesan kepada sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Data-data dalam Graf 6.17 menunjukkan bahawa dalam lingkungan tajaan ibu bapa "0-30%", semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga, maka semakin kurang mereka memberikan tajaan pada kadar ini. Namun begitu, keadaan adalah berbeza dalam lingkungan "31-50%", "51-70%" dan "71-100%", iaitu secara umumnya, semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga, maka semakin cenderung mereka memberikan tajaan pada kadar ini[12]. Secara keseluruhannya, peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga responden meningkatkan tahap tajaan ibu bapa mereka dalam pelaksanaan majlis perkahwinan.

[12] Cuma dalam lingkungan "31-50%", setelah kadar keluarga berpendapatan RM5,000 dan ke bawah (23.8%) meningkat dalam kalangan keluarga berpendapatan RM5,001-15,000 (35.3%), tiba-tiba jatuh pula kepada 0.0% dalam kalangan keluarga berpendapatan RM15,001 dan ke atas.

University of Malaya



Graf 6.17: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden dan Tahap Tajaan Ibu bapa dalam Pelaksanaan Majlis Perkahwinan

Jika dianalisis dengan mendalam, maka didapati dua punca utama menyumbang kepada korelasi positif antara kedudukan sosioekonomi keluarga responden dengan tahap tajaan ibu bapa mereka dalam mengadakan majlis perkahwinan. Yang pertama ialah, keluarga yang tinggi kedudukan sosioekonominya mempunyai kekuatan ekonomi yang lebih besar untuk membantu anak-anak mengadakan majlis perkahwinan impian. Dalam masyarakat Melayu, majlis perkahwinan merupakan tuntutan adat yang memakan kos belanja tinggi (Djamour, 1965), maka jika majlis perkahwinan tidak dijalankan dengan sewajarnya, kemungkinan besar akan menjadi buah mulut komuniti setempat (Amran Kasimin, 2002). Dalam hal ini, sama ada di sisi agama atau adat, membantu anak-anak menyempurnakan majlis perkahwinan ialah tanggungjawab ibu bapa Melayu yang tidak dapat diabaikan (Swift, 1965). Lantaran itu, dengan jaminan kewangan yang lebih kukuh, keluarga berpendapatan tinggi mampu mengorbankan lebih banyak wang dalam pelaksanaan majlis perkahwinan anak-anak supaya pasangan

University of Malaya

muda boleh menjimatkan sejumlah besar wang dan menggunakannya untuk membina rumah tangga baharu.

Bagi keluarga yang lebih rendah kedudukan sosioekonominya pula, disebabkan oleh keadaan ekonomi yang kurang memuaskan, maka ibu bapa pun kurang berkemampuan untuk memberikan tajaan yang besar dalam persiapan majlis perkahwinan anak-anak. Hal ini juga selaras dengan hasil dapatan kajian yang dijalankan di beberapa negara lain. Dalam kajian terhadap 117 orang A.S. kelas buruh dan kelas menengah bawah, Smock dan rakan-rakan (2005) menunjukkan bahawa disebabkan oleh kedudukan sosioekonomi keluarga yang kurang memuaskan, maka tiada seorang responden mengharapkan keluarga menaja majlis perkahwinan mereka, sebaliknya menganggap perkara ini sebagai tanggungjawab mereka sendiri. Menurut dua orang sarjana ini, "*These young adults, unlike their more privileged, upper middle class counterparts, are unable to rely on family members to absorb the cost, or even some of the cost, of a wedding*. (p. 689)." Kajian Thuc-Doan dan Belk (2012) yang dilakukan terhadap penduduk kelas menengah di bandar Ho Chi Minh, Vietnam pula mendapati, jika pendapatan ibu bapa lebih rendah daripada anak mereka, maka anak itu akan menjadi lebih berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan kewangan ibu bapa dalam menguruskan majlis perkahwinan.

Sebab yang kedua pula ialah, keluarga yang lebih tinggi kedudukan sosioekonominya lebih cenderung mengadakan majlis perkahwinan besar-besaran untuk menunjukkan status sosial keluarga, maka keluarga berkenaan rela memberikan sokongan kewangan yang lebih besar dalam hal ini. Di bandar pada hari ini, majlis perkahwinan telah menjadi upacara yang paling penting untuk menekankan perbezaan

University of Malaya

kelas sosial. Dalam arena kehidupan, tiada upacara lain kecuali majlis perkahwinan yang wajar dilaburkan begitu banyak wang dan kreativiti demi meraikan identiti dan sifat-siat tersendiri tuan rumah (Pauli, 2011). Thuc-Doan dan Belk (2012) juga menghujahkan, dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, keluarga kaya ingin mengukuhkan kedudukan mereka dalam komuniti dan meraikan perbezaan kelas sosial yang wujud antara diri mereka dengan keluarga yang lebih miskin. Begitu juga dalam masyarakat Melayu, seperti yang disifatkan oleh Strange (1976), "*It is through the feast (and secondarily through the entertainment event if one is given) that prestige is gained*. (p. 568)."

Lantaran itu, keluarga yang berpendapatan tinggi lebih cenderung mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran di lokasi mewah dengan membelanjakan kos yang lebih tinggi semata-mata untuk menunjukkan dan mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat. Azizah Kassim (1985) juga mengatakan bahawa golongan yang mampu mengadakan majlis perkahwinan besar-besaran akan dianggap sebagai golongan yang berkemampuan dari segi ekonomi. Jelasnya, majlis perkahwinan yang bertujuan untuk menonjolkan status sosial keluarga adalah lebih penting kepada ibu bapa daripada pasangan pengantin sendiri kerana prestij ibu bapalah yang akan dinilai dari segi bilangan tetamu, jumlah dan kualiti makanan, duit daripada tetamu dan sebagainya (Strange, 1976).

Oleh itu, dalam majlis perkahwinan seperti ini, pasangan pengantin muda tidak perlu "bayar bil" untuk memenuhi hasrat ibu bapa untuk menunjukkan kedudukan sosioekonomi keluarga yang tinggi. Tambahan pula, perbelanjaan untuk mengadakan majlis perkahwinan besar-besaran yang terlalu tinggi itu juga jelas di luar kemampuan

University of Malaya

pengantin yang berusia muda. Maka, ibu bapalah menjadi penaja utama dalam hal ini dan rela mengorbankan banyak wang untuk mencapai hasrat diri mereka. Yaacob Harun (2014a) juga menunjukkan bahawa ibu bapa yang berada selalu membantu anak-anak untuk mengadakan majlis perkahwinan di tempat-tempat yang lebih eksklusif. Menurutnya, "*Wealthy parents would normally assist in financing some of the expenses incurred like organizing and sponsoring elaborate parties and functions in conjunction with wedding receptions at major hotels in the cities, at posh restaurants or at public halls*. (p. 96)." Hasil dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi oleh contoh kes yang didapati dalam temu bual dengan responden.

Bapa Menanggung 70% daripada Perbelanjaan Majlis Perkahwinan Serentak Responden dan Adik Perempuannya

"Responden suami bagi pasangan keenam ialah pegawai projek di UMEC. Pendapatan bulanannya sekira-kira RM2,900. Bapa responden ialah pendaftar di pejabat Canselori sebuah universiti, pendapatan bulanannya lebih kurang RM8,000. Ibu responden pula juruaudit kerajaan dan berpendapatan bulanan sebanyak RM6,000. Majlis perkahwinan serentak responden dan adik perempuannya diadakan di Dewan Peperiksaan, universiti bapa responden. Jemputan majlis tersebut seramai 2,500 orang, termasuk orang-orang terkemuka. Keseluruhan kos belanja kenduri itu mencecah RM45,000. Bapa responden telah menanggung 70% daripada keseluruhan perbelanjaan tersebut.

Gambar 6.18: Majlis Perkahwinan Serentak Responden Suami bagi Pasangan Keenam dan Adik Perempuannya yang Banyak Ditaja oleh Keluarga

University of Malaya

Menurut responden, semasa ia pening kepala tentang kos majlis perkahwinannya kerana baru sahaja bekerja dan tidak banyak simpanan, bapanya memberitahunya, “Sini (sebelah lelaki) kena buat, kena jemput orang besar, tapi tak apa, bapa bayar.” Dengan tajaan bapa untuk majlis perkahwinan, maka hati responden pun menjadi lega. “Tahu pun anak dia tak ada duit, hahaha,” kata responden sambil gelak-gelak ketawa. Isteri responden menyambung lagi perbualan, “Macam kat sini memang bapa mertua *sponsor* la, sebab bapa mertua pun orang besar, dia akan jemput orang besar, tak kan nak buat kecil-kecil kan. Sebab ada VIP, VIP sangat ramai.””

Dua Kali Majlis Persandingan, Dua Kali Bapa Bayar Kos Katering

“Bapa kepada responden suami bagi pasangan keempat belas ialah ketua kewangan di cawangan *Alkhair International Islamic Bank*, Malaysia, dan pendapatan bulanannya kira-kira RM20,000. Ibu responden pula pegawai harta intelek di DBP, gajinya ialah RM7,000 sebulan. Majlis perkahwinan sebelah responden suami diadakan di Dewan Bankuet, DBP, tempat kerja ibunya. Kos belanja untuk katering sahaja telah mencecah RM42,000, termasuk RM17,000 untuk bufet siang dan RM25,000 untuk kenduri malam. Perbelanjaan tersebut ditanggung oleh bapa responden sepenuhnya, iaitu lebih kurang 70% daripada keseluruhan kos majlis perkahwinannya. Ibu responden menjelaskan, “Sebab yang nak datang tu pun kawan kami, kawan dia (anak lelakinya) pun sikit je kan. Jemputan tu atas kami, atas ibu bapa, jadi kami rasa lebih baik la kami yang keluarkan duit untuk belanja makan.”

Mengadakan dua kali majlis bersanding pada siang dan malam ialah idea ibu bapa responden kerana boleh meraikan tetamu dengan lebih baik. Pada sebelah siang, tuan rumah menjemput 1,000 orang tetamu, termasuk saudara mara, jiran tetangga dan kenalan biasa. Pada sebelah malam pula, majlis makan malam berhidang diadakan dari pukul 8.00 hingga 10.30. Jemputan seramai 500 orang terdiri daripada tetamu kenamaan, kawan rapat ibu bapa responden dan sanak saudara yang terdekat. Hidangan pun lebih eksklusif, termasuk ikan, udang, kambing, ayam dan sebagainya. “Sebab ada VIP datang kan, kat situ bapa nak jaga la. Waktu majlis (sebelah malam) tu, kita akan lebih protokol, makanan pun *make sure* makanan yang betul-betul sedap,” ujar responden.”

Rumusannya, walaupun faktor pendapatan responden mula memberikan pengaruh dalam sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, namun faktor kedudukan sosioekonomi keluarga tetap memberikan implikasi yang ketara dalam hal ini. Didapati bahawa kedudukan sosioekonomi keluarga responden berkorelasi positif dengan tahap tajaan ibu bapa mereka dalam pelaksanaan majlis perkahwinan.

University of Malaya

6.5.2 Faktor-faktor Sosioekonomi yang Kurang Berpengaruh

Didapati tiga faktor sosioekonomi responden kurang berpengaruh dalam sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, iaitu pendidikan, pekerjaan dan kediaman (untuk perbincangan selanjutnya, sila rujuk kepada Lampiran C). Hal ini berlaku kerana tahap tajaan responden dan keluarga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan lebih berhubung kait dengan kemampuan ekonomi responden dan keluarga mereka. Dalam hal ini, faktor pendidikan dan pekerjaan tidak semestinya sepadan dengan kemampuan ekonomi responden, di samping itu, jenis kediaman juga tidak semestinya menggambarkan keadaan ekonomi keluarga responden yang sebenar.

6.5.3 Unsur-unsur Sosiobudaya yang Berpengaruh

Selain faktor-faktor sosioekonomi responden, kajian ini juga mendapati unsur-unsur sosiobudaya turut memberikan pengaruh dalam sistem sokongan kewangan pelaksanaan majlis perkahwinan di bandar. Buktinya, walaupun responden memainkan peranan yang semakin penting untuk menanggung kos majlis perkahwinan, namun masih terdapat 71.0% antara mereka yang mengakui ibu bapa sedikit sebanyak membantu dari segi kewangan. Hubungan pergantungan antara responden dengan ibu bapa yang begitu kuat ini berkaitan rapat dengan nilai kekeluargaan dan tuntutan agama Islam yang menekankan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak.

Dilihat dari segi nilai kekeluargaan terlebih dahulu, keluarga Melayu dibina oleh perasaan saling mengharap yang menerbitkan hak dan tanggungjawab yang boleh dituntut sama ada dari segi agama, politik, ekonomi atau sosial (Zainal Abidin Borhan & Zamre Abu Hassan, 2006, p. 12). Orang Melayu sangat menyayangi anak-anak dan

University of Malaya

menganggap mereka sebagai "rezeki" yang boleh mengisi "*the emotional and sentimental void in marriage* (Yaacob Harun, 2014a, p. 89)". Ibu bapa Melayu rela mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit dalam tumbesaran anak-anak bagi memastikan mereka berjaya dan berbahagia dalam kehidupan. Pengorbanan dan usaha itu pula dilakukan tanpa mengharapkan balasan daripada anak-anak apabila mereka dewasa nanti.

Ibu bapa Melayu juga sentiasa memberikan sokongan emosi, fizikal dan kewangan kepada anak-anak apabila diperlukan. Yaacob Harun (2014a) menunjukkan bahawa "*Normally parents are more ready to extend assistance to children in times of need compared to others, and likewise, children too would feel that they would encounter less hassle to request help from parents* (p. 89)." Menurut sarjana ini, bantuan selalu diberikan dalam beberapa perkara, iaitu pengurusan perkahwinan, pemilihan tempat kediaman, kewangan keluarga dan jagaan cucu. Wan Abdul Kadir (2007a) menekankan bahawa tanggungjawab ibu bapa untuk membantu anak-anak dalam menjayakan majlis perkahwinan adalah sangat besar kerana upacara ini merupakan tuntutan adat yang wajib dipenuhi. Zainal Kling (1977) juga mengatakan, mengahwinkan anak ialah beban ibu bapa yang selalu disebut. Maka, melepaskan tugas mengahwinkan anak itu ialah tugas yang besar.

Tanggungjawab ibu bapa Melayu terhadap anak-anak mereka diperkuatkan lagi oleh agama Islam seperti yang ditekankan oleh Wan Hashim (1978), "*Responsibility and obligations between children and parents are reciprocal and they are sanctioned by Islam*. (p. 25)." Menurut agama, anak pinak merupakan nikmat yang boleh memberi kemeriahan dan kesenangan hidup serta suatu kurnia yang memperteguhkan hidup

University of Malaya

seseorang itu (Paizah Ismail, 2003). Salah satu perbuatan yang amat dianjurkan dalam Islam ialah menunjukkan kasih sayang dan memelihara anak-anak dengan sebaik-baiknya. Dari aspek pemberian nafkah, kewajipan ibu bapa terus berlaku sejak anak-anak kecil lagi hinggalah mereka dewasa, asalkan anak itu belum mampu bekerja dan mencari sara hidup sendiri. Bagi anak perempuan pula, kewajipan itu berterusan sampai si anak itu menikah (Hammudah Abd Al-Ati, 1995).

Dilihat dari segi kewajipan agama, tanggungjawab ibu bapa Melayu terhadap anak-anak mereka diibaratkan sebagai "hutang". "Hutang" itu merujuk kepada didikan agama, pengkhatanan dan juga perkahwinan (Swift, 1965). Fatimah Abdullah (2015) juga menekankan tanggungjawab ibu bapa dalam membantu anak-anak menjayakan majlis perkahwinan. Menurutnya, Rasulullah pernah bersabda bahawa peranan utama ibu bapa terhadap anak-anak mereka ialah dalam tiga perkara: Pertama, memberi nama yang baik untuk anak; kedua, memberi pelajaran agama dalam ilmu yang bermanfaat dan ketiga, mengahwinkan anak-anak mereka (p. 85). Wan Hashim (1978) menegaskan, membesarkan anak-anak dengan cara Islam ialah tanggungjawab besar ibu bapa Melayu. Andainya berlaku kecuaian ibu bapa terhadap kebajikan hidup anak-anak tersebut, maka menjadi dosa besarlah di sisi agama. Buktinya, Rasulullah S.A.W bersabda dalam suatu hadis:

> "Cukuplah dosanya seorang itu dengan membiarkan mereka yang di bawah tanggungannya."
>
> (Riwayat Abu Daud al-Hakim dan Ahmad)

University of Malaya

Rasa bertanggungjawab ibu bapa dalam pelaksanaan majlis perkahwinan responden boleh dibuktikan oleh dua contoh kes menarik yang didapati dalam temu bual.

Mula Menyimpan Dana Majlis Perkahwinan Sejak Anak Memasuki Universiti

"Bapa kepada responden isteri bagi pasangan ketiga ialah ahli bomba sebelum bersara, dan ibunya pula bekas kerani di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Majlis perkahwinan sebelah isteri yang diadakan di rumah memakan kos RM28,000. 50% daripada keseluruhan kos itu ditanggung oleh ibu bapa responden.

Responden mengakui, sejak dahulu lagi, ia memang tahu ibu bapa akan menaja majlis perkahwinannya. Oleh sebab, sejak ia masuk ke universiti, ibu bapa telah mula menyimpan dana khas untuk majlis perkahwinannya. Hal ini demikian kerana, ibu bapa responden tahu akan tanggungjawab diri mereka untuk mengadakan majlis perkahwinan untuk anak-anak. Responden menambah lagi, "Majlis tu bukan majlis kita, bukan majlis budak yang nak kahwin tu, dia majlis ibu bapa nak bagi tau dekat kawan-kawan, dekat semua orang anak dia nak kahwin. *So* dia dah *plan* dah. Saya tahu la memang dia ada dana la." Selain bantuan kewangan, ibu bapa juga banyak terlibat dalam persiapan majlis perkahwinannya dengan memberikan cadangan dan pandangan mengenai pemilihan katering, kedai kad jemputan dan *door gift*."

Menjalankan Majlis Perkahwinan Anak sebagai Tanggungjawab Ibu Bapa yang "Terakhir"

"Bapa kepada responden suami bagi pasangan keempat belas ialah ketua kewangan di cawangan *Alkhair International Islamic Bank*, Malaysia, dan ibunya pula pegawai harta intelek di DBP. Kos belanja untuk majlis perkahwinannya lebih kurang RM62,000, dan 70% daripada jumlah ini ditanggung oleh ibu bapa.

Suami mengakui, sejak dahulu lagi ia sudah tahu ibu bapa akan memberikan tajaan. "Saya tahu katering mak ayah saya akan jaga la, katering dengan tempat," ujarnya. Menurut responden, ibu bapa menganggap mengadakan kenduri kahwin yang meriah untuk anak-anak sebagai tanggungjawab mereka. Ibu responden berkata, "Kalau dalam masyarakat Melayu ni, simboliknya, tanggungjawab mak ayah tu 'dianggap' berakhir, 'dianggap' ya, tugas terakhir dia untuk masa berkahwin tu. Jadi bila kahwin tu, secara rasmilah, maka dia lepaskan (anaknya) untuk *new life*, untuk anak dia tu. Jadi kita tanggunglah." Selain memberikan bantuan kewangan, ibu bapa juga banyak mengorbankan tenaga dalam persiapan kenduri kahwin responden. Antara tugas-tugas mereka termasuk, menguruskan hal lokasi majlis, menempah katering, menemani responden ke *wedding expo* dan memberikan cadangan mengenai pemilihan pakej perkahwinan."

University of Malaya

Jelasnya, dalam menaja kos majlis perkahwinan, rasa bertanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak, ikatan emosi dan sentimen sesama mereka masih kuat dipertahankan. Hal ini demikian kerana, nilai kekeluargaan Melayu dan agama Islam yang menekankan tanggungjawab sesama ahli keluarga masih kuat berpengaruh dalam kalangan keluarga responden dan tidak akan dijejaskan begitu sahaja oleh perubahan faktor-faktor sosioekonomi akibat proses pembandaran.

Sebagai kesimpulan, dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, sistem sokongan kewangan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan telah menunjukkan perubahan mendadak. Peranan ibu bapa dalam menanggung kos majlis perkahwinan telah berkurangan, sedangkan responden sendiri semakin berperanan penting dalam hal ini. Faktor pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga dibuktikan berkaitan rapat dengan perubahan ini. Peningkatan pendapatan responden meningkatkan penglibatan mereka dalam penanggungan kos majlis perkahwinan, manakala peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga pula meninggikan tajaan ibu bapa. Walau bagaimanapun, hal ini dipengaruhi oleh nilai kekeluargaan Melayu dan agama Islam yang menekankan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak, maka adalah menjadi perkara lumrah jika menerima bantuan kewangan daripada ibu bapa dalam menjayakan majlis perkahwinan.

6.6 Rumusan

Perbincangan dalam Bab 6 menunjukkan bahawa pelaksanaan majlis perkahwinan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur telah dilanda perubahan yang begitu

University of Malaya

menonjol berbanding dengan masyarakat Melayu tradisi. Dari segi pemilihan tarikh majlis perkahwinan, pilihannya lebih tertumpu pada masa cuti dan tidak lagi tertumpu pada masa selepas menuai dan tarikh-tarikh keramat. Dari aspek pemilihan lokasi majlis perkahwinan, rumah bukan pilihan yang satu-satunya lagi, dewan dan hotel wujud sebagai pilihan sampingan. Dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, agensi perkhidmatan perkahwinan profesional telah menggantikan sanak saudara dan jiran tetangga menjadi tenaga utama. Dalam penanggungan kos majlis perkahwinan pula, responden sendiri memainkan peranan yang semakin besar, sedangkan peranan ibu bapa mereka dalam hal ini telah menurun.

Faktor-faktor sosioekonomi responden dibuktikan menyumbang kepada perubahan-perubahan tersebut. Ciri-ciri pekerjaan, taraf pendidikan dan kedudukan sosioekonomi keluarga menjadi penentu utama kepada pemilihan tarikh majlis perkahwinan. Pemilihan lokasi majlis perkahwinan pula, banyak ditentukan oleh faktor kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga responden. Dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, punca-punca kepada perubahan sistem sokongan tenaga termasuk, ciri-ciri pekerjaan, peningkatan taraf pendidikan, peningkatan tahap pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga selain ciri-ciri kediaman di bandar. Faktor-faktor sosioekonomi yang mempengaruhi sistem sokongan kewangan pula ialah, pendapatan dan kedudukan sosioekonomi keluarga responden. Ternyatalah, dalam pelaksanaan majlis perkahwinan responden, keadaan sosioekonomi responden sendiri dan keadaan sosioekonomi keluarga mereka sama-sama memainkan peranan penting. Hal ini bermakna, pelaksanaan majlis perkahwinan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur

University of Malaya

masih merupakan perkara yang melibatkan semua anggota keluarga dan bukannya perkara yang bersifat persendirian.

Sungguhpun pelaksanaan majlis perkahwinan responden banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor sosioekonomi mereka, namun unsur-unsur sosiobudaya didapati masih berperanan penting dalam hal ini. Disebabkan oleh pengaruh ajaran agama Islam, tiada pasangan yang menetapkan tarikh majlis perkahwinan pada bulan Puasa kerana risau mengganggu umat Islam menjalankan ibadah puasa. Budaya kolektivisme pula menyebabkan kelapangan tetamu dan ahli keluarga menjadi penentu utama dalam pemilihan tarikh majlis perkahwinan. Dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, dipengaruhi oleh agama Islam dan nilai-nilai Melayu yang amat menegaskan hubungan silaturahim sesama manusia, maka bantu-membantu dan kerjasama antara tuan rumah dengan sanak saudara dan jiran tetangga masih dapat dikesan dengan meluas. Mengenai sistem sokongan kewangan pula, kesan daripada ajaran agama Islam dan nilai Melayu yang menekankan tanggungjawab dan kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak, maka bagi kebanyakan responden, ibu bapa mereka tetap menjadi penaja penting dalam persiapan majlis perkahwinan.

University of Malaya

BAB 7: PENUTUP

Dalam masyarakat Melayu beragama Islam, perkahwinan amat penting kerana bukan sahaja merupakan pintu gerbang untuk hidup berkeluarga dan ibarat bahtera untuk mengharungi samudera kehidupan, malahan jalan halal untuk meneruskan keturunan. Kepentingan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam memulakan sebuah perkahwinan tidak boleh dipandang remeh. Yusuf Nabhani (1995) menghujahkan, pasangan yang dipilih akan menentukan segala-galanya, termasuk dengan siapa ia akan sehidup semati, kepada siapa ia mengamanahkan jiwa, tubuh, harta dan maruah serta siapa yang akan menjadi ibu atau bapa kepada keturunannya. Mohtar H. Md. Dom (1979) pula menyatakan, "*A wedding amongst the Malays whether in the town or in the countryside is an occasion which must be carried out according to the custom or manner traditional to the particular locality* (p. 1) ".

Seiring dengan pelandaan pembandaran yang merupakan sebahagian penting daripada proses pemodenan, kehidupan orang Melayu yang berhijrah ke bandar telah dirombak secara keseluruhannya dari segi gaya hidup, cara fikir dan nilai norma. Pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan sebagai dua prosedur penting dalam institusi perkahwinan juga tidak terkecuali daripada perubahan trend ini. Sungguhpun begitu, kajian akademik yang khusus berfokus kepada perubahan-perubahan dalam dua prosedur tersebut dan punca-puncanya masih jarang ditemui. Untuk mengisi kekosongan kajian, kajian ini dijalankan terhadap 107 pasangan Melayu Kuala Lumpur dengan berlandaskan Teori Pemodenan, di samping mengaplikasikan kerangka konseptual yang dibentuk oleh pengkaji.

University of Malaya

Teori Pemodenan mengandungi dua pandangan utama dan yang pertama ialah, perubahan dalam institusi perkahwinan di seluruh negara harus mengikut model negara-negara barat; yang kedua pula ialah, proses menjadi "moden" merupakan proses yang meninggalkan "tradisi" kerana kedua-dua perkara ini saling bertentangan. Dilihat dari sudut pandangan yang pertama, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan yang berlaku dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur tidak mengikut model masyarakat barat dengan sepenuhnya, malahan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Antara perubahan yang mengikut jejak lama masyarakat barat ialah, umur perkahwinan pertama meningkat, perkahwinan atas dasar cinta berleluasa, perkhidmatan perkahwinan menjadi tenaga utama dalam pelaksanaan majlis perkahwinan dan pengantin sendiri memainkan peranan yang lebih besar dalam penanggungan kos majlis perkahwinan.

Di samping itu, terdapat juga ciri-ciri yang bertentangan dengan ramalan sarjana barat. Sebagai contoh, pengaruh ibu bapa dalam pemilihan pasangan tidak hilang, tetapi masih dapat dikesan dalam bentuk pemberian pandangan, cadangan bahkan tekanan; nilai pemberian perkahwinan bukan sahaja tidak menurun atau menghilang, sebaliknya terus meningkat dari semasa ke semasa; dalam sistem sokongan tenaga pelaksanaan majlis perkahwinan, hubungan bantu-membantu antara tuan rumah dengan sanak saudara atau jiran tetangga tidak pupus, tetapi masih wujud dengan meluas; dari segi sistem sokongan kewangan pula, peranan ibu bapa bukan sahaja tidak hilang, malahan mereka masih berperanan sebagai pihak penaja penting.

Punca utama kepada wujudnya perbezaan daripada model negara-negara barat dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur ialah, walau bagaimana moden dan

University of Malaya

maju sekalipun, unsur-unsur sosiobudaya dalam masyarakat Melayu yang merangkumi nilai norma, adat Melayu dan agama Islam tetap mempunyai kedudukan yang tidak dapat digugat dalam mencorakkan kehidupan golongan yang beridentiti Melayu dan beragama Islam[1], begitu juga dalam perkahwinan. Dalam masyarakat Melayu moden, perkahwinan tetap merupakan satu syarat wajib untuk membentuk sebuah keluarga Melayu sama ada di sisi agama atau adat. Lantaran itu, segala prosedur yang berkaitan dengan perkahwinan perlu dilakukan dengan mematuhi nilai norma, adat Melayu tradisi dan agama Islam yang terus dianggap sebagai sesuatu cara untuk melengkapkan perkahwinan itu sendiri dan diterima serta diakui oleh masyarakat setempat. Dengan demikian, maka pandangan kedua dalam Teori Pemodenan, iaitu proses menjadi "moden" ialah proses meninggalkan "tradisi" berlaku pertentangan dalam konteks masyarakat Melayu Kuala Lumpur kerana bukti yang didapati jelas menunjukkan bahawa "moden" dan "tradisi" boleh bergerak seiring dengan harmoni.

Pada hakikatnya, sejak dahulu lagi, nilai-nilai dan adat tradisi orang Melayu dilihat secara negatif oleh pentadbir Kolonial Inggeris dan pengkaji-pengkaji barat. Mereka sependapat bahawa unsur-unsur sosiobudaya tersebut merupakan penghalang kepada kemajuan dan kemodenan masyarakat Melayu dan wajar ditinggalkan sekiranya masyarakat Melayu ingin menjadi moden (Norazit Selat, 1997). Pandangan serong seperti ini sebenarnya memandang rendah kepada peranan dan kepentingan unsur-unsur "tradisi" dalam membentuk keperibadian dan identiti orang Melayu sekian lama ini. Orang Melayu sendiri pula, dididik sejak kecil lagi untuk menyedari keutamaan unsur-unsur "tradisi" dalam perjalanan hidup, menyebabkan mereka berpegang kuat

[1] Penjelasan yang lebih teliti akan dilaksanakan dalam bahagian yang mengenai pengujian hipotesis ketiga.

University of Malaya

kepada unsur-unsur sosiobudaya dan cuba mempertahankannya dengan sedaya upaya walau apa jua perubahan yang dilanda. Wan Abdul Kadir (1992/2000) turut menghujahkan bahawa walaupun berbagai-bagai pengaruh meresap dalam kehidupan seharian orang Melayu, namun mereka menyedari bahawa warisan tradisi budaya daripada orang-orang generasi tua amat penting kerana identiti budaya dan masyarakat amat bergantung kepada adat resam, tatasusila dan agama. Oleh itu, mereka tetap peka terhadap tradisi dan Islam, malah menganggap mempertahankan "tradisi" merupakan kewajipan semua orang.

Untuk mencapai objektif kajian ini, sebuah kerangka konseptual dikemukakan dengan cara menghubungkaitkan perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan responden Melayu Kuala Lumpur dengan implikasi pembandaran amnya dan perubahan faktor-faktor sosioekonomi khususnya. Demi menguji kerangka konseptual ini, tiga hipotesis diketengahkan dan ketiga-tiga hipotesis tersebut telah diuji kebenarannya dalam konteks masyarakat Melayu Kuala Lumpur. Hipotesis yang pertama ialah, dalam pemilihan pasangan orang Melayu bandar, sosioekonomi pengantin sendiri lebih berpengaruh, iaitu merangkumi pendidikan, pekerjaan dan pendapatan, dibandingkan dengan sosioekonomi keluarga pengantin, iaitu kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Hipotesis ini dibuktikan benar dalam kalangan responden Melayu.

Terlebih dahulu, dilihat faktor-faktor sosioekonomi responden sendiri, dari segi umur ketika berkahwin, peningkatan taraf pendidikan dan status pekerjaan menyumbang kepada berlakunya peningkatan umur responden semasa perkahwinan pertama sama ada bagi responden suami atau isteri. Peningkatan pendapatan juga

University of Malaya

memberikan pengaruh terhadap umur ketika berkahwin dengan meningkatkan umur semasa perkahwinan pertama bagi responden isteri, tetapi merendahkan umur responden suami ketika perkahwinan pertama. Dari aspek kuasa dalam pemilihan pasangan, peningkatan taraf pendidikan dan tahap pendapatan telah meningkatkan kuasa responden, di samping mengurangkan campur tangan ibu bapa. Mengenai cara mengenali pasangan yang telah pula menunjukkan kepelbagaian, faktor pendidikan, pekerjaan dan pendapatan didapati berpengaruh besar dalam hal ini. Kelebihan daripada tiga faktor itu menyebabkan responden lebih gemar mengenali pasangan di tempat belajar atau melalui laman sesawang, manakala kekurangan daripada tiga faktor itu pula, mendorong responden lebih cenderung mengenali pasangan di tempat kerja, kawasan perumahan atau melalui bantuan kawan-kawan dan ahli keluarga. Selain itu, faktor pendidikan dan pendapatan juga dibuktikan berperanan besar dalam kriteria memilih pasangan yang lebih tertumpu kepada sifat-sifat pasangan itu sendiri. Peningkatan taraf pendidikan dan tahap pendapatan memberikan prestij kepada responden suami untuk mencari pasangan yang lebih cantik dan terpelajar. Bagi responden isteri pula, peningkatan pendidikan tetap menambah bonus mereka untuk mencari suami yang lebih baik keperibadiannya dan lebih tinggi kedudukan sosioekonominya. Namun begitu, peningkatan pendapatan jelas tidak menjadi kelebihan besar kepada mereka untuk mengenakan syarat yang lebih ketat terhadap pasangan.

Ditinjau dari segi faktor-faktor sosioekonomi yang berkaitan dengan keluarga responden pula, kedudukan sosioekonomi keluarga hanya menunjukkan pengaruhnya terhadap kuasa responden dalam memilih pasangan, iaitu semakin tinggi kedudukan sosioekonomi keluarga, maka semakin besar kuasa responden dalam mencari pasangan

University of Malaya

atas kehendak sendiri. Faktor kediaman pula, hampir tidak mempunyai pengaruh dalam pemilihan pasangan responden Melayu bandar. Maka, terbuktilah bahawa dalam pemilihan pasangan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, faktor-faktor yang berkaitan secara langsung dengan sosioekonomi responden sendiri lebih berperanan penting dibandingkan dengan faktor-faktor yang berkaitan dengan sosioekonomi keluarga mereka.

Hipotesis kedua ialah, dalam pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu bandar yang merangkumi pemberian perkahwinan dan pelaksanaan majlis perkahwinan, sosioekonomi pengantin sendiri memainkan peranan penting, seperti pendidikan, pekerjaan dan pendapatan, selain itu sosioekonomi keluarga pengantin juga berpengaruh besar dalam hal ini, iaitu kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga. Hipotesis kedua dapat disokong oleh data-data dalam kajian ini. Dilihat sosioekonomi responden sendiri, peningkatan taraf pendidikan dan tahap pendapatan suami isteri menyumbang kepada kenaikan nilai pemberian perkahwinan yang merangkumi mas kahwin, wang hantaran dan barang hantaran. Selain itu, status pekerjaan isteri juga berkorelasi positif dengan nilai wang hantaran. Mengenai pemilihan tarikh majlis perkahwinan, ciri-ciri pekerjaan responden menyebabkan tarikh perkahwinan lebih tertumpu kepada hari cuti. Peningkatan taraf pendidikan pula mengurangkan pemilihan tarikh mengikut kalender Islam. Dalam sistem sokongan tenaga pelaksanaan majlis perkahwinan, kesibukan kerja, peningkatan tahap pendapatan dan taraf pendidikan telah meningkatkan tahap pergantungan responden terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional. Dalam sistem sokongan kewangan pula, peningkatan tahap pendapatan responden merangsang mereka memainkan peranan yang lebih besar dalam menanggung kos majlis perkahwinan.

University of Malaya

Berbeza dengan pemilihan pasangan, dalam pengendalian majlis perkahwinan, pengaruh sosioekonomi keluarga juga dapat dikesan dengan ketara. Mengenai pemberian wang hantaran, kedudukan sosioekonomi keluarga responden suami dan isteri didapati berkorelasi positif dengan nilainya. Berkenaan dengan pemilihan tarikh majlis perkahwinan, peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga jelas meninggikan perhatian mereka terhadap kekosongan lokasi semasa memilih tarikh perkahwinan yang sesuai. Dari segi pemilihan lokasi majlis perkahwinan, pengaruh kediaman dan kedudukan sosioekonomi keluarga jelas dapat dikesan. Keluarga yang lebih sempit ruang rumahnya terpaksa mengadakan majlis di luar dari rumah, namun keluarga yang lebih luas ruangnya pula mempunyai pilihan yang lebih fleksibel, iaitu sama ada mengadakan kenduri kahwin di rumah atau di luar dari rumah. Di samping itu, keluarga yang lebih berada lebih cenderung mengadakan majlis perkahwinan di lokasi komersial, iaitu seperti dewan dan hotel, begitu juga sebaliknya.

Dari segi sistem sokongan tenaga dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, ciri-ciri tempat kediaman di bandar menjejaskan tahap sokongan sanak saudara dan jiran tetangga, dan keadaan ini juga mengakibatkan tuan rumah terpaksa bergantung kepada perkhidmatan perkahwinan profesional. Di samping itu, peningkatan kedudukan sosioekonomi keluarga juga dibuktikan meningkatkan keperluan dan tahap pergantungan tuan rumah terhadap perkhidmatan perkahwinan profesional. Dari aspek sistem sokongan kewangan pula, kedudukan sosioekonomi keluarga didapati berkorelasi positif dengan tahap tajaan ibu bapa. Ternyatalah, dalam pengendalian majlis perkahwinan responden Melayu Kuala Lumpur, sosioekonomi pengantin sendiri dan sosioekonomi keluarga sama-sama memainkan peranan penting.

University of Malaya

Jika dilihat dengan lebih mendalam lagi pengujian hipotesis yang pertama dan yang kedua, maka didapati bahawa dalam pemilihan pasangan dan pemberian perkahwinan, faktor pendidikan dan pendapatan responden memberikan implikasi yang paling dominan, sedangkan keadaan ekonomi keluarga kurang memberikan pengaruh. Ini bermakna, pada zaman ini, pemilihan pasangan dan pemberian perkahwinan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur lebih bersifat peribadi dan kurang dicampuri oleh keluarga. Keadaan ini berubah dalam pelaksanaan majlis perkahwinan, iaitu faktor kedudukan sosioekonomi keluarga memainkan peranan yang paling penting, diikuti oleh faktor kediaman dan keadaan ekonomi responden sendiri. Keadaan ini menunjukkan bahawa berbeza dengan pemilihan pasangan dan pemberian perkahwinan, pelaksanaan majlis perkahwinan di bandar masih lagi sebagai acara kemasyarakatan yang melibatkan kepentingan keluarga dan bukannya bersifat peribadi.

Hipotesis ketiga ialah, unsur-unsur sosiobudaya, termasuk adat dan nilai norma Melayu serta agama Islam semakin kurang memberikan pengaruh dalam kalangan orang Melayu bandar. Walau bagaimanapun, hipotesis ini tidak dapat disokong oleh data-data dalam kajian ini. Seperti yang telah dibuktikan dalam kajian ini, faktor-faktor sosioekonomi di bandar telah memberikan implikasi yang besar terhadap pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan dalam kalangan responden Melayu Kuala Lumpur, namun unsur-unsur sosiobudaya sebagai warisan bangsa Melayu juga tidak dilupakan dan masih memainkan peranan yang penting dalam beberapa aspek yang berkaitan dengan perkahwinan Melayu bandar.

Dalam pemilihan pasangan, dari segi kuasa dalam pencarian jodoh, walaupun responden mempunyai kuasa yang besar dalam hal ini, namun mereka masih

University of Malaya

bertanyakan pandangan ibu bapa untuk mendapatkan nasihat dan restu sebelum berkahwin. Hal ini demikian kerana, agama Islam dan nilai-nilai Melayu menegaskan tanggungjawab dan kewibawaan ibu bapa dalam keluarga, manakala budaya kolektivisme pula menekankan kepatuhan anak-anak, muafakat dan keharmonian dalam rumah tangga. Dari aspek kriteria memilih pasangan, pengaruh agama juga boleh dikesan dengan jelas, iaitu keimanan masih menjadi kriteria utama dalam pemilihan pasangan. Satu lagi bukti ialah, rupa paras pasangan kurang dipentingkan semasa mencari jodoh kerana agama Islam melarang umatnya berkahwin semata-mata kerana tarikan fizikal pasangan. Selain itu, konsep sekufu yang ditekankan oleh nilai-nilai Melayu dan agama Islam juga masih diamalkan secara meluas dalam kalangan responden Melayu.

Dalam pemberian perkahwinan, dari aspek pemberian wang hantaran, hasil dapatan kajian bertentangan dengan kajian di negara-negara barat, iaitu pemberian hantaran bukan sahaja tidak lenyap dalam kalangan responden Melayu, sebaliknya semakin tinggi nilainya. Hal ini bersangkut-paut dengan pegangan orang Melayu terhadap adat dan pengaruh budaya kolektivisme. Adat pemberian wang hantaran yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak turun-temurun sebenarnya sukar untuk ditinggalkan kerana sudah sebati dengan bangsa Melayu. Tambahan pula, dipengaruhi oleh budaya kolektivisme yang mementingkan air muka keluarga, maka pemberian wang hantaran yang sejak dahulu lagi dikaitkan dengan maruah keluarga amat ditekankan, terutama sekali dalam kalangan ibu bapa. Oleh itu, sebarang percubaan untuk meninggalkan amalan ini mungkin akan menimbulkan perselisihan yang tidak diingini.

University of Malaya

Dalam pelaksanaan majlis perkahwinan pula, dari segi pemilihan tarikh majlis perkahwinan, pengaruh unsur-unsur agama dan budaya kolektivisme dapat dikesan dengan ketara. Buktinya, tidak ada pasangan responden yang mengadakan majlis perkahwinan pada bulan puasa kerana bimbang mengganggu umat Islam menjalankan ibadah puasa, di samping dikhuatiri pengantin baharu akan melakukan perbuatan salah laku yang menyebabkan kafarah. Selain itu, dengan pengaruh budaya kolektivisme yang mengutamakan kehadiran tetamu dalam upacara penting, maka kelapangan ahli keluarga dan tetamu amat diutamakan semasa responden dan keluarga mereka menentukan tarikh majlis perkahwinan. Dalam sistem sokongan tenaga pelaksanaan majlis perkahwinan, walaupun peranan sanak saudara dan jiran tetangga untuk menjayakan majlis telah terjejas, namun timbal balas dan interaksi tuan rumah dengan mereka masih boleh dikesan dengan meluas. Hal ini demikian kerana sama ada agama Islam atau nilai-norma Melayu amat mengutamakan hubungan silaturahmi, kerjasama dan tali persaudaraan. Dari segi penanggungan kos belanja majlis perkahwinan pula, walaupun pengantin memainkan peranan yang semakin penting, namun ibu bapa masih menjadi penaja penting dalam hal ini. Hal ini berpunca daripada pengaruh agama Islam dan nilai kekeluargaan Melayu yang menekankan kasih sayang dan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menyumbang kepada pemahaman mengenai perkahwinan Melayu bandar dengan menganalisis pengaruh faktor-faktor sosioekonomi akibat proses pembandaran yang menjadi sebahagian penting daripada pemodenan terhadap perubahan pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan orang Melayu Kuala Lumpur. Namun begitu, masih terdapat beberapa

University of Malaya

kekangan dalam kajian ini kerana skop kajian yang terbatas. Yang pertama, kajian ini hanya memfokuskan kepada dua prosedur perkahwinan orang Melayu bandar sahaja, iaitu pemilihan pasangan dan pengendalian majlis perkahwinan, dan tidak melibatkan prosedur lain yang juga penting dalam perkahwinan Melayu bandar, seperti bertunang, akad nikah dan sebagainya. Kedua, kajian ini lebih menumpukan perhatian kepada pengaruh faktor-faktor sosioekonomi terhadap dua prosedur tersebut, maka analisis tentang pengaruh unsur-unsur sosiobudaya masih perlu dikaji dengan lebih terperinci. Oleh hal yang demikian, diharap kajian yang akan datang boleh meliputi skop kajian yang lebih luas dengan menyelidik perubahan perkahwinan Melayu bandar dari segi melamar, bertunang, akad nikah dan sebagainya, di samping disarankan agar membincangkan pengaruh unsur-unsur sosiobudaya terhadap perkahwinan Melayu bandar dengan lebih lanjut.

University of Malaya

RUJUKAN

Buku

Abdul Rahman Embong. (2002). *State-led modernization and the new middle class in Malaysia*. New York, NY: Palgrave Macmillan.

'Adil Abdul Mun'im Abu Al-'Abbas. (2011). *Perkahwinan dan rumahtangga: Syurga yang disegerakan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Inteam Publishing Sdn. Bhd.

Amran Kasimin. (1989). *Istiadat perkahwinan Melayu: Satu kajian perbandingan* (1st ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

_____. (2002). *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

Anderson, N. (1964). *Our industrial urban civilization*. London, England: Asia Publishing House.

Anwar al-Amrusi. (2002). *Al-Ahkam al-Syar'iyyah fi al-Zawaj wa al-Khulu', Juzuk 1* (1st ed.). Iskandariyyah, Iraq: Dar al-Fikri al-Jamii.

Azizah Kassim. (1985). *Wanita dan masyarakat*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Baber, R. E. (1953). *Marriage and the family*. New York, NY: McGraw-Hill Book Company, Inc.

Banks, D. J. (1983). *Malay kinship*. Philadelphia, PA: Institute for the Study of Human Issues.

Barber, J. A. (1971). *Social mobility and voting behavior*. Chicago, IL: Rand McNally.

Baudrillard, J. (1998). *The consumer society: Myths and structures* (1st ed.). London, England: SAGE Publications Ltd.

Becker, G. S. (1976). *The economic approach to human behavior*. Chicago, IL: University of Chicago Press.

University of Malaya

_____ (1991). *A treatise on the family.* (Enl. ed.). Cambridge, MA: Harvard University Press.

Benokraitis, N. V. (2015). *Marriages & families: Changes, choices, and constraints* (8th ed.). Boston, MA: Pearson.

Benson, L. G. (1971). *The family bond: Marriage, love, and sex in America*. New York, NY: Random House.

Bernard, J. (1982). *The future of marriage*. New Haven, CT: Yale University Press.

Bidwell, L. D. M. & Mey, B. J. V. (2000). *Sociology of the family: Investigating family issues*. Boston, MA: Pearson.

Boden, S. (2003). *Consumerism, romance and the wedding experience*. New York, NY: Palgrave Macmillan.

Bott, E. (1971). *Family and social network.* London, England: Tavistock Publications.

Bourdieu, P. (1984). *Distinction: A social critique of the judgement and taste*. (R. Nice, Trans.). Cambridge, MA: Harvard University Press.

Cai, H. (2011). *Cheng shi she hui xue jiang yi (Sosiologi bandar)*. Beijing, China: Zhong Guo Ren Min Da Xue Chu Ban She.

Carsten, J. (2004). *After kinship*. Cambridge, England: Cambridge University Press.

Cate, R. M. & Lloyd, S. A. (1992). *Courtship*. California, United States: SAGE Publications, Inc.

Charsley, S. (1991). *Rites of marrying: The wedding industry in Scotland*. Manchester, England: Manchester University Press.

Cherlin, A. J. (1999). *Public and private families: An introduction* (2nd ed.). Boston, MA: McGraw-Hill College.

Choron, S. & Choron, H. (2010). *Planet wedding: A nuptial-pedia*. New York, NY: Houghton Mifflin Harcourt.

University of Malaya

Coltrane, S. & Collins, R. (2001). *Sociology of marriage and the family: Gender, love, and property* (5th ed.). Belmont, CA: Wadsworth Publishing.

Cousins, A. N. & Nagpaul, H. (1979). *Urban life: The sociology of cities and urban society*. New York, NY: John Wiley & Sons.

Cox, F. D. (2013). *Human intimacy: Marriage, the family, and its meaning* (11th ed.). Belmont, CA: Wadsworth Publishing.

Davidson, J. K. & Moore, N. B. (1996). *Marriage and family: Change and continuity*. Boston, MA: Sllyn and Bacon.

Davis, K. (1965). *Human society*. New York, NY: The Macmillan Company.

DeGenova, M. K. (2008). *Intimate relationships, marriage & family* (7th ed.). New York, NY: McGraw-Hill.

Djamour, J. (1965). *Malay kinship and marriage in Singapore*. London, England: The Athlone Press.

Duesenberry, J. S. (1967). *Income, savings, and consumer behavior theory*. Oxford, England: Oxford University Press.

Durkheim, E. (1997). *The division of labor in society*. (L. A. Coser, Trans.). New York, NY: Free Press.

Engels, F. (1956). *Ying guo gong ren jie ji zhuang kuang* (*The condition of the working class in England*) (Trans.). Beijing, China: Ren Min Chu Ban She.

Faunce, W. A. (1968). *Problems of an industrial society*. New York, NY: McGraw-Hill.

Fauziah Ahmad. (1996). *Kaunseling rumah tangga*. Selangor, Malaysia: Pustaka Ilmi.

Featherstone, M. (1991). *Consumer culture and postmodernism*. California, United States: SAGE Publications.

Firth, R. (1966). *Housekeeping among Malay peasants* (2nd ed.). London, England: The Athlone Press.

University of Malaya

Fischer, J. (2008). *Proper Islamic consumption: Shopping among the Malays in modern Malaysia*. Copenhagen, Denmark: NIAS Press.

Gates, H. (1996). *China's motor: A thousand years of petty capitalism.* New York, NY: Cornell University Press.

Gaudefroy-Demombynes, M. (2012). *Muslim institutions*. (J. P. MacGregor, Trans.). California, United State: Ulan Press.

Giddens, A. & Sutton, P. W. (2013). *Sociology* (7th ed.). London, England: Polity Press.

Gist, N. P. & Fava, S. F. (1974). *Urban society* (6th ed.). New York, NY: Harper & Row, Publishers, Inc.

Gold, H. (2002). *Urban life and society*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

Goldstein-Gidoni, O. (1997). *Packaged Japaneseness: Weddings, business, and brides*. Honolulu, Hawaii: University of Hawaii Press.

Goode, W. J. (1963). *World revolution and family patterns*. New York, NY: Free Press of Glencoe.

_____. (1982). *The family* (2nd ed.). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

_____. (1991). Keluarga (2nd ed.). (Maso'od Abd. Rashid, Trans.). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

Goody, J. (1983). *The development of the family and marriage in Europe*. Cambridge, England: Cambridge University Press.

_____. (1984). *Persanakan*. (Yaacob Harun, Trans.). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

Gore, M. S. (1968). *Urbanization and family change*. Mumbai, India: Popular Prakashan.

Greene, R. P. & Pick, J. B. (2011). *Exploring the urban community: A GIS approach* (2nd ed.). New York, NY: Pearson.

University of Malaya

Gu, C. L., Liu, J. Y., Liu, Y. T., Huang, L., Li, Z.G., Huang, X.C.…Lu, J. (2013). *Cheng shi she hui xue (Sosiologi bandar)* (2nd ed.). Beijing, China: Qing Hua Da Xue Chu Ban She.

Hahani Musa. (2005). *Sejarah & sosioekonomi wanita Melayu Kedah 1881-1940*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hammudah Abd Al-Ati. (1995). *The family structure in Islam* (4th ed.). Oak Brook, IL: American Trust Publications.

Hansen, M. N. (1995). *Class and inequality in Norway: The impact of social class origin on education, occupational success, marriage and divorce in the post-war generation*. Oslo, Norway: Institute for Social Research.

Haslina Hassan & Ann, W. S. (1995). *Wanita dan perkahwinan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

Hatfield, E. & Rapson, R. (2005). *Love and sex: Cross-cultural perspectives*. Lanham, MD: University Press of America, Inc.

Hochschild, A. (2003). *The commercialization of intimate life: Notes from home and work*. Berkeley, CA: University of California Press.

Hofstede, G. & Hofstede, G. J. (2004). *Cultures and organizations: Software for the mind* (2nd ed.). New York, NY: McGraw-Hill.

Jacobs, J. A. & Gerson, K. (2005). *The time divide: Work, family, and gender inequality*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Jain, S. (1986). *Muslims and modernization: A study of their changing role structure and norms in an urban setting*. Jaipur, New Delhi: Rawat Publications.

Jainal Sakiban Al-Jauhari. (2012). *Kursus lengkap perkahwinan: Adab & bimbingan menjadi suami isteri berjaya*. Johor, Malaysia: Pustaka Azhar.

Keller, S. (1968). *The urban neighborhood: A sociological perspective*. New York, NY: Random House.

University of Malaya

Kendall, D. (2002). *The power of good deeds: Privileged women and the social reproduction of the upper class*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield Publishers.

Kim, D. H. (1980). *A study on Korean family system*. Seoul, Korea: Seoul National University Press.

Kleniewski, N. (1997). *Cities, change, and conflict: A political economy of urban life*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing.

Knox, D. & Schacht, C. (2015). *Choices in relationships: An introduction to marriage and the family* (12th ed.). Belmont, CA: Wadsworth Publishing.

Kuchiba, M., Tsubouchi, Y. & Meada, N. (1979). *Three Malay villages: A sociology of paddy growers in West Malaysia*. (P. Hawkes & S. Hawkes, Trans.). Honolulu, Hawaii: The University Press of Hawaii.

Landis, J. T. & Landis, M. G. (1968). *Building a successful marriage* (5th ed.). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

Lee, A. M. & Lee, E. B. (1970). *Marriage and the family* (2nd ed.). New York, NY: Barnes & Noble, Inc.

Lee, H. J. (Eds.). (1991). *Capitalism and wedding*. Seoul, Korea: Another Culture.

Lerner, D. (1958). *The passing of the traditional society: Modernising the Middle-East*. New York, NY: The Free Press.

Leslie, G. R. & Korman, S. K. (1985). *The family in social contest* (6th ed.). Oxford, England: Oxford University Press.

Leslie, G. R. & Leslie, E. M. (1980). *Marriage in a changing world* (2nd ed.). Hoboken, NJ: John Wiley & Sons Inc.

Li, T. (1995). Orang Melayu di Singapura: Budaya, ekonomi dan ideologi. Kuala Lumpur, Malaysia: S. Abdul Majeed.

Li, Y. & Xu, A. Q. (2004). *Hun yin shi chang zhong de qing nian ze ou (Pemilihan pasangan muda-mudi dalam pasaran perkahwinan)*. Shanghai, China: Shanghai Academy of Social Sciences.

University of Malaya

Lim, J. Y. (1991). *The Malay house: Rediscovering Malaysia's indigenous shelter system*. Pulau Pinang, Malaysia: Institut Masyarakat.

Luckman Sinar. (1994). *Adat perkahwinan dan tatarias pengantin Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Lembaga Pembinaan & Pengembangan Seni Budaya Melayu (SATGAS-MABMI).

M. 'Atiyyah Al-Abraasyi. (1995). Memilih jodoh & berumahtangga: Nikah, poligami, cerai menurut Nabi S.A.W. Kuala Lumpur, Malaysia: Al-Hidayah Publishers.

Ma, C. H., Li, Y. H., Tang, C., Wang, Z. Y. & Shi, J. Q. (2013). *Zhuan xing qi Zhong Guo cheng shi jia ting bian qian: Ji yu wu cheng shi de diao cha (Family change in urban areas of China during social transformation based on the survey in five cities)*. Beijing, China: Social Sciences Academic Press.

Macionis, J. J. & Parrillo, V. N. (2016). *Cities and urban life* (7th ed.). New York, NY: Pearson.

Mann, P. H. (1968). *An approach to urban sociology*. New York, NY: The Humanities Press.

Marx, K. & Engels, F. (1998). *The German ideology*. New York, NY: Prometheus Books.

Mead, R. (2008). *One perfect day: The selling of the American wedding*. New York, NY: Penguin Books.

McGee, T. G. (1982). *Proses pembandaran di dunia ketiga*. (Abdul Hamid Abdullah, Trans.). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

Mills, C. W. (1977). *The sociological imagination*. Oxford, England: Oxford University Press.

Mohtar H. Md. Dom. (1979). *Malay wedding customs*. Kuala Lumpur, Malaysia: Federal Publications.

Mook, A. (1999). *Ren'aigaku ga wakaru* (*Understanding the study of love*) No.51. Tokyo, Japan: Asahi Shinbun.

Murdock, G. P. (1967). *Ethnographic Atlas*. Pittsburgh, PA: University of Pittsburgh.

University of Malaya

Nazzari, M. (1991). *Disappearance of dowry: Women, families, and social change in Sao Paulo, Brazil (1600-1900)*. Redwood City, CA: Stanford University Press.

Ning, K. P. (2009). *Cheng shi yu ren* (*City and men: the process and strategy of China's urbanization*). Beijing, China: Ren Min Da Xue Chu Ban She.

Nordin Selat. (1976). *Kelas menengah pentadbir Melayu: Satu kajian perkembangan gaya hidup*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Melayu (M) Bhd.

Norfilzah Wahidon. (2009). *Tip merancang perkahwinan mudah, meriah & jimat*. Selangor, Malaysia: Buku Prima Sdn. Bhd.

Norman Matria. (1976). *Gelora muda mudi menuju perkahwinan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Adabi Sdn. Bhd.

O' Sullivan, A. (2000). *Urban economics* (4th ed.). Boston, MA: Irwin/McGraw-Hill.

Olson, D. H., DeFrain, J. & Skogrand, L. (2013). *Marriages & families: Intimacy, diversity, and strengths* (8th ed.). New York, NY: McGraw-Hill.

Otnes, C. & Pleck, E. H. (2003). *Cinderella dreams: The allure of the lavish wedding*. Berkeley, CA: University of California Press.

Paizah Ismail. (2003). *Kekeluargaan Islam menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.

Popenoe, D. (2011). *Sociology* (11th ed.). (Q. Li, Trans.). Beijing, China: China Renmin University Press.

Pressat, R. & Wilson, C. (1985). *The dictionary of demography*. Oxford, England: Blackwell Publishing.

Quirk, J. (2008). *It's not you, it's biology: The science of love, sex, and relationships*, Philadelphia, PA: Running Press.

Raja Rohana Raja Mamat. (1991). *Peranan dan status wanita Melayu di Malaysia: Daripada perspektif sosial dan undang-undang*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

University of Malaya

Reissman, L. (1964). *The urban process: Cities in industrial societies*. New York, NY: Free Press of Glencoe.

Roff, W. R. (1974). *The origin of Malay nationalism*. Kuala Lumpur, Malaysia: University of Malaya Press.

Rothman, E. K. (1984). *Hands and hearts: A history of courtship in America*. New York, NY: Basic Books.

Roucek, J. S. & Warren, R. L. (1986). *Sosiologi: Suatu pengenalan*, (Mohammad Yusuf, Trans.). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

Roy, S. (1979). *Status of muslim women in North India*. New Delhi, India: B. R. Publishing Corporation.

Saxton, L. (1996). *The individual, marriage, and the family* (9th ed.). Belmont, CA: Wadsworth Publishing.

Sayyid Sabid. (1990). *Fiqh as-Sunnah. Jilid 6*. (Mahyuddin Syaf, Trans.). Kuala Lumpur, Malaysia: Victory Agncie.

Shamsuddin Kadir & Ain Muhammad. (2012). *Rancang wang sejak jatuh cinta*. Kuala Lumpur, Malaysia: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Simmel, G. (1950). *The sociology of Georg Simmel*, (K. H. Wolff, Trans. & Eds.). New York, NY: Free Press.

Sorokin, P. A. & Zimmerman, C. C. (1929). *Principles of rural-urban sociology*. New York, NY: Henry Holt.

Strong, B., DeVault, C., Sayad, B. W. & Cohen, T. F. (2014). *The marriage and family experience: Intimate relationships in a changing society* (12th ed.). Belmont, CA: Wadsworth Publishing.

Sulaiman Endut. (1999). *Perkahwinan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Swartz, D. (1997). *Culture and power*. Chicago, IL: University of Chicago Press.

University of Malaya

Swift, M. G. (1965). *Malay peasant society in Jelebu*. New York, NY: Humanities Press Inc.

Syed Alwi Sheikh Al-Hadi. (1980). *Adat resam dan adat istiadat Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

Syed Husin Ali. (1964). *Social stratification in Kampong Bagan: A study of class, status, conflict and mobility in a rural Malay community*. Singapore: Malaysian Branch, Royal Asiatic Soceity.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam sejarah kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tokuhiro, Y. (2010). *Marriage in contemporary Japan*. New York, NY: Routledge.

Tönnies, F. (2011). *Community and society: Gemeinschaft and Gesellschaft*, (C. P. Loomis, Trans. & Eds.), New York, NY: Dover Publications.

Veblen, T. (1899). *The theory of the leisure class: An economic study in the evolution of institutions*. New York, NY: Macmillan Company.

Wahbah Al-Zuhayli. (1985). *Al-fiqh al-Islami wa Adillatuhu. Jilid 7*. Damsyik, Syria: Dar al-Fikr.

Wan Abdul Kadir. (1993). *Masyarakat Melayu kampung*. Petaling Jaya, Malaysia: Masfami Enterprise.

_____. (1992). *Kemodenan dan pembandaran orang Melayu*. Petaling Jaya, Malaysia: Masfami Enterprise.

_____. (2007a). *Nilai dan norma: Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: City Reprographic Services.

_____. (2007b). *Masyarakat dan budaya Melayu: Tradisi dan perubahan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbitan Pustaka Ilmu.

Wan Hashim. (1978). *A Malay peasant community in upper Perak: Integration and transformations*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

University of Malaya

Warner, W. L. (1949). *Democracy in Jonesville*. New York, NY: Harper.

Westermarck, E. A. (2015). *Ren lei hun yin shi (History of human marriage)*. (B. Li, Trans.). Beijing, China: Shang Wu Yin Shu Guan.

Wheeler, L. R. (1928). *The modern Malay*. London, England: Allen & Unwin.

Winstedt, R. (1956). *The Malays – A cultural history*. Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.

Yaacob Harun. (1991). *Keluarga Melayu bandar: Satu analisis perubahan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

_____. (2014a). *Malay family: Structure and organization*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Yahaya Ibrahim. (1995). *Pembandaran dan kejiranan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

Yusuf Nabhani. (1995). *Intisari perkahwinan*. Johor Bahru, Johor: Perniagaan Jahabersa.

Zhang, W. X. & Zhu, D. L. (2014). *Family social work*. Beijing, China: Social Sciences Academic Press.

Bab dalam Buku

Abdul Maulud Yusuf. (1976). An urbanizing Malay village, some aspects of its social organization. In H. M. Dahlan (Eds.), *The nescent Malaysian society*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azlina Abdullah. (2014). Pembangunan, kelas dan kepelbagaian masyarakat Malaysia: Ke arah kesepaduan dan perpaduan nasional. In Y. W. Chin (Eds.), *Sains sosial dan kajian pembangunan: Kumpulan rencana penghormatan untuk Profesor Abdul Rahman Embong* (pp. 316-335). Kajang, Selangor: Persatuan Sains Sosial Malaysia.

Buss, D. M. (1998). The psychology of human mate selection: Exploring the complexity of the strategic repertoire. In C. Crawford & D. L. Krebs (Eds.), *Handbook of evolutionary psychology: Ideas, issues, and applications* (pp. 405-430). New Jersey, United States: Erlbaum.

University of Malaya

Chan, K. E. (1988). Consequences of urbanization in Malaysia. In K. L. Kok & K. E. Chan (Eds.), *Urbanization in Malaysia: Patterns, determinants and consequences* (pp. 75-94). Kuala Lumpur, Malaysia: National Population and Family Development Board.

Edwards, J. N. (1969a). Introduction: An overview of familial change. In J. N. Edwards, (Eds.), *The family & change* (pp. 3-12). New York, NY: Alfred A. Knopf.

Glass, R. (1972). Sociological aspects of urban growth: Some problems of Comprehension. In W. D. C. Wright & D. H. Stewart (Eds.), *The Exploding City* (pp. 19-27). Edinburgh, Scotland: Edinburgh University Press.

Goody, J. (1973). Bridewealth and dowry in Africa and Eurasia, In J. Goody & S. J. Tambiah (Eds.), *Bridewealth and Dowry* (pp. 1-58). Cambridge, England: Cambridge University Press.

_____ (1996). Foreword. In A. Burguière al. (Eds.), *A history of the fami*ly, *Jilid 2, The impact of modernity*. Cambridge, MA: Belknap Press of Harvard University Press

Lambiri-Dimaki, J. (1985). Dowry in modern Greece: An institution at the crossroads between persistence and decline. In M. A. Kaplan, (Eds.), *The marriage bargain: Women and dowries in European history* (pp. 165-78). New York, NY: Haworth Press.

Lareau, A. & Calarco, J. M. (2012). Class, cultural capital, and institutions: The case of families and schools. In S. T. Fiske & H. R. Markus (Eds.), *Facing social class: How societal rank influences interaction* (pp. 61-86). New York, NY: Russell Sage Foundation.

Levin, D. M. (1982). The family in the urban world. In H. Gold (Eds.), *The sociology of urban life* (pp. 153-173). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

Maeda, N. (1979). Bukit Pegoh: A village of migrant workers in Melaka. In M. Kuchiba, Y. Tsubouchi & N. Maeda (Eds.), *Three Malay villages: A sociology of paddy growers in West Malaysia* (pp. 227-306). (P. Hawkes & S. Hawkes, Trans.). Honolulu, Hawaii: The University Press of Hawaii.

Marcoux, R., Gueye, M. & Konaté, M. K. (1995). La nuptialité: entrée en union et types de célébrations à Bamako. In D. Ouédraogo & V. Piché (Eds.), *L'insertion urbaine à Bamako* (pp. 117-144). Paris, France: Ėditions Karthala.

University of Malaya

Mitchell, J. C. (1966). Theoretical orientations in African urban studies. In M. Banton, (Eds.), *The social anthropology of complex societies* (pp. 37-68). London, England: Tavistock Publications.

Murstein, B. I. (1991). Dating: Attracting and meeting. In J. N. Edwards & D. H. Demo (Eds.), *Marriage and family in transition* (pp. 13-28). Boston, MA: Allyn and Bacon.

Norazit Selat. (1997). Adat: Antara tradisi dan kemodenan. In Norazit Selat, Hashim Awang & Nor Hisham Osman (Eds.), *Meniti zaman: Masyarakat Melayu antara tradisi dan moden* (pp. 33-46). Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.

Parsons, T. (1977). The family in urban America I. In M. Anderson (Eds.), *Sociology of the Family* (pp. 50-51). London, England: Penguin Books.

Swift, M. G. (2001). Men and women in Malay society. In Shamsul Amri Baharudin (Eds.), *Social anthropology of the Malays: Collected essays of M. G. Swift* (pp. 111-125). Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Thomas, M. & Drummond, L. (2003). Introduction. In L. Drummond & M. Thomas (Eds.), *Consuming urban culture in contemporary Vietnam* (pp. 1-18). New York, NY: Routledge Curzon.

Tsubouchi, Y. (1979). Galok: A village of small farmers in Kelantan. In M. Kuchiba, Y. Tsubouchi & N. Maeda (Eds.), *Three Malay villages: A sociology of paddy growers in West Malaysia* (pp. 139-224). (P. Hawkes & S. Hawkes, Trans.). Honolulu, Hawaii: The University Press of Hawaii.

Wan Abdul Halim Othman. (1993). Hubungan kekeluargaan dalam masyarakat Melayu. In Abdul Halim Othman (Eds.), *Psikologi Melayu* (pp. 61-101). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

Whyte, M. K. (1993). Wedding behavior and family strategies in Chengdu. In D. Davis & S. Harrell (Eds.), *Chinese families in post-Mao era* (pp. 198-216). Berkeley, CA: University of California Press.

Wichencharoen, A. (1980). Traditional patterns of behaviour affecting industrialization. In R. E. Vente & P. S. J. Chen (Eds.), *Culture and industrialization-An Asian drama* (pp. 76-85). Singapore: McGraw Hill International Book Co.

University of Malaya

Wilkie, J. R. (1991). Marriage, family life, and women's employment. In J. N. Edwards & D. H. Demo (Eds.), *Marriage and family in transition* (pp. 143-164). Boston, MA: Allyn and Bacon.

Wilson, M. (1981). Xhosa marriage in historical perspective. In E. J. Krige & J. L. Comarroff (Eds.), *Essays on African marriage in Southern Africa* (pp. 133-147). Scottsville, South Africa: University of KwaZulu-Natal Press.

Zainal Abidin Borhan & Zamre Abu Hassan. (2006). Nilai keluarga Melayu dan cabarannya dalam pembangunan. In Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Jamaludin Tubah (Eds.), *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru* (pp. 1-9). Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Zainal Kling. (1977). Bentuk dan organisasi keluarga di kampung Melayu. In Zainal Kling (Eds.), *Masyarakat Melayu: Antara tradisi dan perubahan* (pp. 53-91). Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications Sdn. Bhd.

E-Buku

Fatimah Abdullah. (2015). *Keluarga dan permodenan di Malaysia*. Retrieved from https://books.google.com.my/books/about/Keluarga_dan_Permodenan_di_Malaysia.html?id=gWdWCwAAQBAJ&redir_esc=y

Jurnal

Abdel-Ghany, M. & Sharpe, D. L. (1997). Consumption patterns among the young-old and old-old. *Journal of Consumer Affairs, 31*(1), 90-112.

Abdul Rahman Embong. (2011). Pembandaran dan kehidupan bandar di Semenanjung Malaysia. *Akademika, 81*(2), 23-39.

Abdul Razak Kamaruddin & Safiek Mokhlis. (2007). Shopping styles among secondary school students: Implication for consumer education. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 1*, 1-19.

Abdul Samad Hadi. (2001). Laluan ke arah pembandaran di Malaysia. *Akademika, 58*, 3-28.

Aishah@Eshah Mohamed, Sulong Mohamad & Haziyah Hussain. (2010). Makanan hantaran dalam perkahwinan Melayu Kelantan: Adat dan interpretasi. *Jurnal e-Bangi, 5*(1), 103-115.

Anderson, S. (2007). The economics of dowry and brideprice. *Journal of Economic Perspectives, 21*(4), 151-174.

University of Malaya

Ang, L. H. & Lau, S. K. (2013). Ma lai xi ya de wen hua cha yi: hua yi he ma lai nv xing de hun yin zhuang kuang bi jiao (Kepelbagaian budaya di Malaysia: Perbandingan keadaan perkahwinan antara perempuan Cina dan Melayu). *Nan Yang Wen Ti Yan Jiu (Southeast Asian Affairs), 153*(1), 62-72.

Ansell, N. (2001). 'Because it's our culture!' (Re)negotiationg the meaning of 'Lobola' in Southern Africa secondary schools. *Jurnal of Southern African Studies, 27*(4), 697-716.

Arrindell, W. A. & Luteijn, F. (2000). Similarity between intimate partners for personality traits as related to individual levels of satisfaction with life. *Personality and Individual Differences, 28*(4), 629-637.

Arum, R., Roksa, J. & Budig, M. J. (2008). The romance of college attendance: Higher education stratification and mate selection. *Research in Social Stratification and Mobility, 26*(2), 107-121.

Aydin, K. (2006). Social stratification and consumption patterns in Turkey. *Social Indicators Research, 75*(3), 463-501.

Bertail, P. & Caillavet, F. (2008). Fruit and vegetable consumption patterns: A segmentation approach. *American Journal of Agricultural Economics, 90*(3), 827-842.

Blakely, K. (2008). Busy brides and the business of family life: The wedding-planning industry and the commodity frontier. *Jurnal of Family Issues, 29*(5), 639-662.

Bloch, F., Rao, V. & Desai, S. (2004). Wedding celebrations as conspicuous consumption: Signaling social status in rural India. *The Journal of Human Resources, 39*(3), 675-695.

Blossfeld, H. P. (2009). Educational assortative marriage in comparative perspective. *Annual Review of Sociology, 35*, 513-530.

Boomgaard, P. (2003). Bridewealth and birth control: Low fertility in the Indonesian archipelago, 1500-1900. *Population and Development Review*, *29*(2), 197-214.

Bossard, J. H. S. (1932). Residential propinquity as a factor in marriage selection. *American Journal Sociology, 38*(2), 219-224.

University of Malaya

Buunk, B. P., Dijkstra, P., Fetchenhauer, D. & Kenrick, D. T. (2002). Age and gender differences in mate selection criteria for various involvement levels. *Personal Relationships, 9*(3), 271–278.

Caldwell, J. C. (1976). Toward a restatement of the demographic transition theory. *Population and Development Review, 2*(3-4), 321-366.

Calvès, A. E. & Depledge, R. (2007). Too poor to marry? Urban employment crisis and men's first entry into union in Burkina Faso. *Population, 62*(2), 293-311.

Calvès, A. E. & Schoumaker, B. (2004). Deteriorating economic context and changing patterns of youth employment in urban Burkina Faso: 1980-2000. *World Development, 32*(8), 1341-1354.

Centers, R. (1949). Marital selection and occupational strata. *American Journal of Sociology, 54*(6), 530-535.

Cherlin, A. J. (2012). Goode's "world revolution and family patterns": A reconsideration at fifty years. *Population and Development Review, 38*(4), 577-607.

Clark, S., Kabiru, C. & Mathur, R. (2010). Relationship transitions among youth in urban Kenya. *Journal of Marriage and Family, 72*, 73-88.

Cooper, B. M. (1995). Women's worth and wedding gift exchange in Maradi, Niger, 1907-89. *Journal of African History, 36*(1), 121-140.

Curtin, P. R. (1984). Weddings in Lamu, Kenya: An example of social and economic change (Mariages à Lamu (Kenya): un cas de changement économique et social). *Cahiers d'Études Africaines, 24*(94), 131-155.

Deschenes, O. (2007). Estimating the effects of family background on the return to schooling. *Journal of Business and Economic Statistics, 25*(3), 265–277.

Edwards, J. N. (1969b). Familial behavior as social exchange. *Journal of Marriage and the Family, 31*(3), 518-526.

Edwards, W. (1987). *The commercialized wedding as ritual: A window on social values*. *The Journal of Japanese Studies, 13*(1), 51-78.

University of Malaya

Fatimah Abdullah. (2009a). Dari halaman rumah ke Dewan Merak Kayangan: Upacara perkahwinan Melayu bandar. *Sari: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, 27*(1), 97-107.

_____. (2009b). Evolusi rumah dan kehidupan keluarga. *Sari: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, 27*(2), 247-263.

Feng, X. T. (2012). Cheng shi qing nian ze ou fang shi: Wei hun dao yi hun de bian hua ji xiang guan yin su fen xi (The way of choosing a spouse for city young people: Changes from unmarried to married status and related analysis). *Jiangsu Xing Zheng Xue Yuan Xue Bao (Jurnal of Jiangsu Administration Institute), 62*(2), 70-77.

_____. (2014). Shei he shei jie hun: Da cheng shi qing nian de hun pei mo shi ji qi li lun jie shi (Who's married to whom? The marriage pattern of the urban youth and its interpretation in theory). *Guangxi Min Zu Da Xue Xue Bao (Journal of Guangxi University For Nationalities), 36*(4), 27-34.

Fischer, J. E. (1987). Social class and consumer behavior: The relevance of class and status. *Advances in Consumer Research, 14,* 492-496.

Freedman, M. & Swift, M. G. (1959). Rural sociology in Malaya. *Current Sociology, 8*(1), 1-15.

Fu, X. N. (2006). Impact of socioeconomic status on inter-racial mate selection and divorce. *Social Science Journal, 43*(2), 239-258.

Furnham, A., Tan, T., & McManus, C. (1997). Waist-to-hip ratio and preferences for body shape: A replication and extension. *Personality and Individual Differences, 22*(4), 539–549.

Gardyn, R. (2002). The mating game. *American Demographics, 24*(7), 33-37.

Gaunt, R. (2006). Couple similarity and marital dissatisfaction: Are similar spouses happier? *Journal of Personality, 74*(5), 1401-1420.

Ghimire, D. J., Axinn, W. G, Yabiku, S. T. & Thornton, A. (2006). Social change, premarital nonfamily experience, and spouse choice in an arranged marriage society. *American Journal of Sociology, 111*(4), 1181-1218.

University of Malaya

Gianfortoni, E. W. (2009). Marriage customs in Lar: The role of women's networks in tradition and change. *Iran and the Caucasus, 13*(2), 285-298.

Gilbert, P., Price, J. & Allan, S. (1995). Social comparison, social attractiveness and evolution: How might they be related? *New Ideas in Psychology, 13*(2), 149-165.

Girard, T., Korgaonkar, P. & Silverblatt, R. (2003). Relationship of type of product, shopping orientations, and demographics with preference for shopping on the internet. *Journal of Business and Psychology, 18*(1), 101-120.

Gonzaga, G. C., Campos, B. & Bradbury, T. (2007). Similarity, convergence, and relationship satisfaction in dating and married couples. *Journal of Personality and Social Psychology, 93*(1), 24-48.

Gore, D. L. & Carlson, E. (2010). Ethnicity, education and the non-proportional hazard of first marriage in Turkey. *Population Studeis, 64*(2), 179-191.

Grant, M. J., & Furstenberg, F. F. (2007). Changes in the transition to adulthood in less developed countries. *European Journal of Population, 23*(3-4), 415-428.

Grumbach, J. M. (2015). Does the American dream matter for members of congress? Social-class backgrounds and roll-call votes. *Political Research Quarterly, 68*(2), 306-323.

Guo, X. C. & Huang, L. (2015). Cheng shi qing nian she hui wang luo dui qi ze ou fang shi de zuo yong (The social network's influence on the uran youth's ways of spouse-selection). *Dang Dai Qing Nian Yan Jiu (Contemporary Youth Research), 337*(4), 70-78.

Hareven, T. K. (1976). Modernization and family history: Perspectives on social change. *Journals of Women in Culture and Society, 2*(1), 190-206.

Harrell, S. (1992). Aspects of marriage in three southwestern villages. *China Quarterly, 130*(3), 323-337.

Haslee Sharil Abdullah, Lau, P. L. & Anand Paul Vijayan David. (2011). Gender differences in mate selection criteria among Malaysian undergraduate students. *Sarjana, 26*(2), 33-50.

University of Malaya

Hertrich, V. & Lesclingand, M. (2012). Adolescent migration and the 1990s nuptiality transition in Mali. *Population Studies, 66*(2), 147-166.

Hirschman, C. & Yeoh, S. P. (1979). Ethnic patterns of urbanization in Peninsular Malaysia, *Southeast Asian Journal of Social Science, 7*(1), 1-14.

Howard, J. A., Blumstein, P. & Schwartz, P. (1987). Social or evolutionary theories? Some observations on preferences in human mate selection. *Journal of Personality and Social Psychology, 53*(1), 194-200.

Ishak Yussof & Zainizam Zakariya. (2009). Pertumbuhan ekonomi dan keperluan pendidikan tinggi di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia, 43,* 85-105.

Jia, Z. K. & Feng, X. T. (2013). Dang dai du shi qing nian de ze ou biao zhun-Ji yu Nanjing wan ren xiang qin hui de shi zheng fen xi (Contemporary urban youth's criteria of mate selection—based on the empirical analysis of Nanjing ten thousand people blind date). *Hebei Da Xue Xue Bao* (*Journal of Hebei University), 38*(2), 91-96.

Jonason, P. K., Li, N. P. & Madson, L. (2011). It is not all about the Benjamins: Understanding perferences for mates. *Personality and Individual Differences, 52*(3), 306-310.

Jones, G. W. (1981). Malay marriage and divorce in Peninsular Malaysia: Three decades of change. *Population and Development Review, 7*(2), 255-278.

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Muhammad Hazim Abdul Ghani & Zainun Abidin Baharum. (2014). Kuala Lumpur dan cabaran baru pembangunan berterusan. *Malaysia Journal of Society and Space, 10*(6), 75-85.

Kalmijn, M. (1998). Intermarriage and homogamy: Causes, patterns, trends. *Annual Review of Sociology, 24,* 395-421.

Kaufman, R. (2002). Assessing alternative perspectives on race and sex employment segregation. *American Sociological Review, 67*(4), 547-572.

Kendall, L. (1985). Ritual skill and kowtow money: The bride as daughter-in-law in Korean wedding rituals. *Ethnology, 24*(4), 253-267.

Kennedy, R. J. R. (1943). Premarital residential propinquity and ethnic endogamy. *American Journal Sociology, 48*(5), 580-584.

University of Malaya

Kerckhoff, A. C. & Davis, K. E. (1962). Value consensus and need complementarity in mate selection. *American Sociological Review, 27*(3), 295-303.

Krishnan, J. (2011). Lifestyle-A tool for understanding buyer behavior. *Internasional Journal of Economics and Management, 5*(1), 283-298.

Kuchiba, M. & Tsubouchi, Y. (1966). マラヤ北西部の稲作農村: 婚姻離婚･家族の特質について(A Malay padi-farming community in the northwestern part of Malays: A sociological analysis of marriage, divorce and family). *東南アジア研究(Southeast Asian Studies), 4*(1), 2-43.

Laily Paim & Nurizan Yahaya. (1997). Pendapatan dan pembelanjaan pekerja migran wanita: Suatu perbandingan antara sektor awam, industri dan jualan. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum, 5*(2), 83-91.

Lavrin, A. & Couturier, E. (1979). Dowries and wills: A view of women's socioeconomic role in colonial Guadalajara and Puebla, 1640-1790. *Hispanic American Historical Review, 59*(2), 280-304.

Lewis, S. K. & Oppenheimer, V. K. (2000). Educational assortive mating across marriage markets: Non-hispanic whites in the United States. *Demography, 37*, 29-40.

Li, Y. H. (2002). Hun li de bian qian (Perubahan majlis perkahwinan). *She Hui Xue Yan Jiu (Pengajian Sosiologi), 5*, 73-76.

Lichter, D. T., LeClere, F. B. & McLaughlin, D. K. (1991). Local marriage markets and the marital behavior of black and white women. *American Journal of Sociology, 96*(4), 843–867.

Manning, W. D. (1995). Cohabitation, marriages, and entry into motherhood. *Journal of Marriage and the Family, 57*(1), 191-200.

Mare, R. D. (1991). Five decades of educational assortative mating. *American Sociological Review, 56*(1), 15-32.

Medora, N. P., Larson, J. H., Hortacsu, N. & Dave, P. (2002). Perceived attitudes towards romanticism: A cross-cultural study of American, Asian-Indian, and Turkish young adults. *Journal of Comparative Family Studies, 33*(2), 155-178.

University of Malaya

Mohd. Khairuddin Mohd. Sallehuddin & Mohamad Fauzi Sukimi. (2016). Impian dan realiti majlis perkahwinan orang Melayu masa kini: Kajian kes di pinggir bandar Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Society and Space, 12*(7), 1-12.

Mohd. Yusof Hussain, Mohamad Shaharudin Samsurijan, Suraiya Ishak & Abd. Hair Awang. (2011). Hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat "kampung bandar": Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space, 7*(3), 36-44.

Moors, A. (1994). Women and dower property in twentieth-century Palestine: The case of Jabal Nablus. *Islamic Law and Society, 1*(3), 301-31.

Mulder, M. B. (1995). Bridewealth and its correlates: Quantifying changes over time. *Current Anthropology, 36*(4), 573-603.

Nagata, J. A. (1976). Kinship and social mobility among the Malays. *Man New Series, 11*(3), 400-409.

Nawi Abdullah & Wan Ariffin Wan Ahmad. (2007). Perkembangan kelas menengah Melayu di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu, 18*, 86-108.

Noor Rahamah Abu Bakar. (2006). Proses pendidikan menjadi faktor utama dalam mencorak dan menggerakkan manusia. *Jurnal E-Bangi, 1*(1), 1-12.

Nor Asiah Omar, Muhamad Azrin Nazri, Lokhman Hakim Osman & Mhd Suhaimi Ahmad. (2016). The effect of demographic factors on consumer intention to purchase organic products in the Klang Valley: An empirical study. *Malaysian Journal of Society and Space, 12*(2), 68 - 82.

Ogbu, J. U. (1978). African bridewealth and women's status. *American Ethnologist, 5*(2), 241-262.

Oppenheimer, V. K., Kalmijn, M. & Lim, N. (1997). Men's career development and marriage timing during a period of rising inequality. *Demography, 34*(3), 311-330.

Otnes, C. & Lowrey, T. M. (1993). 'Til debt do us part: The selection and meaning of artifacts in the American wedding. *Advances in Consumer Research, 20*, 325-329.

University of Malaya

Park, C. (1997). Consumption in the Korean wedding ritual: Wedding ritual values, consumer needs, and expenditures. *Journal of Family and Economic Issues, 18*(2), 191-209.

Pauli, J. (2011). Celebrating distinctions: Common and conspicuous weddings in rural Namibia. *Ethnology, 50*(2), 153-167.

Paulin, G. (2008). Expenditure patterns of young single adults: Two recent generations compared. *Monthly Labor Review* (December 2008), 19-50.

Qian, Z. C. (1997). Breaking the racial barriers: Variations in interracial marriage between 1980 and 1990. *Demography, 34*(2), 263-276.

Rahmah Ismail, Siti Mariam Wan Chek & Ishak Yussof. (2015). Pengaruh latar belakang keluarga terhadap upah dan kadar pulangan persekolahan anak. *Kajian Malaysia, 33*(2), 43–60.

Raihanah Azahari, Khairum Najmi Saripudin & Raihana Abd Wahab. (2009). Hubungan di antara faktor demografi dengan penentuan kadar hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. *Jurnal Fiqh, 6,* 107-124.

Raihanah M. M., Ruzy Suliza Hashim & Shahizah Hamdan Ismail. (2011). Kepentingan individu: Mengupas sifat persona Muhammad Haji Salleh pada era 70-an. *Jurnal Melayu, 8,* 51- 66.

Ravallion, M., Chen, S. H. & Sangraula, P. (2007). The urbanization of global poverty. *World Bank Research Digest, 1*(4), 8-9.

Raymo, J. M. (2003). Educational attainment and the transition to first marriage among Japanese women. *Demography, 40*(1), 83-103.

Redfield, R. (1947). The folk society. *American Journal of Sociology, 52*(4), 293-308.

Retherford, R. D., Ogawa, N. & Matsukura, R. (2001). Late marriage and less marriage in Japan. *Population and Development Review, 27*(1), 65-102.

Rezai-Rashti, G. & Moghadam, V. M. (2011). Women and higher education in Iran: What are the implications for employment and the "marriage market"? *International Review of Education, 57*(3-4), 419-441.

University of Malaya

Rosenfeld, M. J. & Thomas, R. J. (2012). Searching for a mate: The rise of the internet as a social intermediary. *American Sociological Review, 77*(4), 523-547.

Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Junaidi Awang Besar, Mohd. Fuad Mat Jali, Novel Lyndon & Mazlan Ali. (2012). Impak pembangunan perumahan terhadap geopolitik bandar. *Akademika, 82*(3), 49-60.

S. F. MdLias, N. M. Tawil, I. M. Usman & M. M. Tahir. (2013). Lorong belakang: Kajian awalan keberkesanan hubungan sosial-ruang di perumahan teres, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia. *Journal of Design + Built, 6*(1), 64-71.

Safilios-Rothschild, C. (1976). Family sociology or wives' sociology? A cross-cultural examination of decision making. *Journal of Marriage and the Family, 38*(4), 355-362.

Saidatul Nornis Mahali. (2014). Berian/barian perkahwinan Bajau Kota Belud di Sabah: Satu tinjauan dini. *Akademika, 84*(3), 3-13.

Salmy Edawati Yaacob. (2012). Aplikasi semasa penggunaan dinar emas di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 5,* 53-63.

Samruhaizad Samian@Samion, Jamaluddin Md. Jahi & Azahan Awang. (2014). Isu perbandaran dan kualiti hidup penduduk pinggir bandar. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Imam), 2*(1), 63-75.

Schlegel, A. & Eloul, R. (1988). Marriage transactions: Labor, property, status. *American Anthropologist, 90*(2), 291-309.

Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim. (2011). Struktur ruang dan elemen persekitaran rumah Melayu tradisi di Kelantan. *Perspektif, 3*(2), 12-26.

Skowron, E. A. (2000). The role of differentiation of self in marital adjustment. *Journal of Counseling Psychology, 47*(2), 229-237.

Smith-Hefner, N. J. (2005). The new muslim romance: Changing patterns of courtship and marriage among educated Javanese youth. *Journal of Southeast Asian Studies, 36*(3), 441-459.

Smock, P. J., Manning, W. D. & Porter, M. (2005). Everything's there except money: How money shapes decisions to marry among cohabitors. *Journal of Marriage and Family, 67*(3), 680-696.

University of Malaya

South, S. J. (1991). Sociodemographic differentials in mate selection preferences. *Journal of Marriage and Family, 53*(4), 928-940.

Sprecher, S. & Regan, P. C. (2002). Liking some things (in some people) more than others: Partner preferences in romantic relationships and friendships. *Journal of Social and Personal Relationships, 19*(4), 463-481.

Sprecher, S., Sullivan, Q. & Hatfield, E. (1994). Mate selection preferences: Gender differences examined in a national sample. *Journal of Personality and Social Psychology, 66*(6), 1074-1080.

Strange, H. (1976). Continuity and change: Patterns of mate selection and marriage ritual in Malay village. *Journal of Marriage and Family, 38*(3), 561-571.

Swanson, S., Davis, J. C. & Zhao, Y. (2008). Art for arts' sake? An examination of motives for arts performance attendance. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly, 37*(2), 300-323.

Tertilt, M. (2005). Polygyny, fertility, and savings. *Journal of Political Economy, 113*(6), 1341-1371.

Thuc-Doan, N. & Belk, R. (2012). Vietnamese weddings: From Marx to market. *Journal of Macromarketing, 32*(1), 109-120.

Timmons, B. F. (1939). The cost of weddings. *American Sociological Review, 4*(2) 224-233.

Uqbah Iqbal, Nordin Hussin & Ahmad Ali Seman. (2015). Sejarah perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan sifat ekonomi masyarakat Melayu era pra-kolonial. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman), 3*(2), 95-119.

Wan Kamal Mujani & Allawati Kasri. (2012). Muslim kelas menengah di Malaysia: Definisi serta sumbangan dalam bidang ekonomi dan politik. *Jurnal Al-Tamaddun, 7*(2), 1-39.

Wilson, G. D. & Cousins, J. M. (2005). Measurement of partner compatibility: Further validation and refinement of the CQ test. *Sexual and Relationship Therapy, 20*(4), 421-429.

University of Malaya

Wirth, L. (1938). Urbanism as a way of life. *The American Journal of Sociology, 44*(1), 1-24.

Yaacob Harun. (2014b). Factors influencing relationships in Malay family. *Scottish Journal of Arts, Social Sciences and Scientific Studies, 20*(2), 154-163.

Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin. (2012). Islam asas pembentukan jati diri bangsa Melayu-muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition, (2012)*129-141.

Zamali Tarmudi, Razizi Tarmuji & Nor Alhana Abd Malik. (2014). Pemilihan pasangan hidup bercirikan nilai-nilai Islam: Pendekatan kabur. *Malaysian Journal of Mathematical Sciences, 8*(1), 139-155.

Zipp, J. F. (2002). The impact of social structure on mate selection: An empirical evaluation of an active learning exercise. *Teaching Sociology, 30*(2), 174-184.

Zurita Mohd Yusoff. (2008). Amalan pemberian mas kahwin di Malaysia. *Jurnal Islam & Masyarakat Kontemporari, 1,* 43-57.

Tesis dan Latihan Ilmiah

Azwein Zaidein. (2011). *Pemilihan pasangan dalam kalangan masyarakat Melayu: Kajian di Muar, Johor*. (Unpublished academic exercise). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Edwards, W. (1984). *Ritual in the commercial world: Japanese society through its weddings*. (Unpublished doctoral dissertation). Cornell University, Ithaca, New York.

Fatimah Abdullah. (1994). *Urbanisasi dan kekeluargaan: Satu kajian kes kelas menengah Melayu di Kuala Lumpur*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Feng, D. (2008). *Gao xue li zhe shou jiao yu cheng du yu xiao fei xing wei de xiang guan xing fen xi* (*The analysis of the correlation between educational attainment and consumer behavior of well-educated crowd*). (Unpublished master's thesis). Southwest University, Chongqing, China.

Haslida Hashim. (1997). *Agensi mencari jodoh di wilayah persekutuan: Satu analisis menurut perspektif Islam*. (Unpublished academic exercise). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

University of Malaya

He, W. (2012). Ji yu fu hao xiao fei shi jiao de hun li xiao fei yan jiu (*The research on wedding consumption based on symbolic consumption theory: The survey of Chengdu urban youth's wedding consumption*). (Unpublished master's thesis). Southwestern University of Finance and Economy, Sichuan, China.

Ho, M. T. (2013). *Jin qi shi nian lai yue nan hun li bian qian de yan jiu (The changes of Vietnam's wedding in recent seventy years)*. (Unpublished master's thesis). Harbin Institute of Technology, Harbin, China.

Li, X. Y. (2014). Du shi zhong de hun li yi shi bian qian (*The changing of the rural wedding ceremony——take the Shanghai urban wedding cromonies for example*). (Unpublished master's thesis). Shanghai University, Shanghai, China.

Limanonda, B. (1982). *Marriage patterns in Thailand: Rural-urban differentials*. (Unpublished doctoral dissertation). Brown University, Rhode Island, United States.

Lv, P. J. (2015). *Cheng shi shi hun ren qun de ze ou pian hao yan jiu (Kecenderungan pemilihan pasangan di bandar: Kes kajian pencarian jodoh dalam laman sesawang)*. (Unpublished master's thesis). Qufu Normal University, Shandong, China.

Ma, L. P. (2006). *Ju min xiao fei ding liang yan jiu* (*Quantitative analysis on consumers' behavior*). (Unpublished doctoral dissertation). Capital University of Economics and Business, Beijing, China.

Noorlaili Khairuddin. (1991). *Bayaran perkahwinan dalam masyarakat Melayu*. (Unpublished academic exercise), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Norlisam Idris. (2000). *Pelaksanaan majlis perkahwinan dalam masyarakat Islam: Suatu kajian di Pantai Hill Park, Pantai Dalam*. (Unpublished academic exercise). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Nur Farhana Dzulhaimi. (2015). *Hantaran perkahwinan Melayu: Dari fungsi simbolik kepada fungsi utilitarian (kajian kes di daerah bandar Jerantut Pahang)*. (Unpublished academic exercise), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Nurasma Nawawi. (2000). *Mas kahwin dan hantaran di kalangan masyarakat Melayu Pasir Mas, Kelantan*. (Unpublished academic exercise). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

University of Malaya

Nurul Halida Alias. (2011). *Perkahwinan masyarakat Melayu bandar masa kini*. (Unpublished academic exercise). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.

Pan, L. N. (2013). *Jian guo yi lai Zhongguo hun li hun su yang shi yan bian zhi she hui gen yuan yan jiu—yi ji dong di qu wei li (Research on social origin of the evolution of our wedding ceremony and wedding custom after the building of china-taken the eastern Hebei as an example)*. (Unpublished master's thesis). Inner Mongolia University, Inner Mongolia, China.

Roslina Hamdan. (2008). *Faktor-Faktor asas dalam penentuan kadar hantaran perkahwinan: Kajian kes di daerah Bera, Pahang*. (Unpublished academic exercise). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Shariffah Norhana Syed Mustaffa. (1990). *Perkahwinan...orang bandar*. (Unpublished academic exercise). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Siti Rufidah Ismail. (1996). *Perkahwinan dan perubahan dalam kalangan orang Melayu bandar: Kajian kes di Taman Bukit Angkasa Kuala Lumpur*. (Unpublished academic exercise). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Surya Awang. (2002). *Dasar-dasar ekonomi British di Tanah Melayu sejak 1819-1957*. (Unpublished academic exercise), Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Tian, Q. (2012). *Zhongguo nv xing ze ou qing xiang yan jiu-ji yu jin hua xin li xue de jie shi (Kecenderungan perempuan China dalam pemilihan pasangan—diterangkan dari sudut pandangan psikologi)*. (Unpublished doctoral dissertation). Fu Dan University, Shanghai, China.

Yudi Safitrah. (2013). *Amalan pemberian mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam di daerah Pulau Bangka, Indonesia*. (Unpublished master's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Laporan

CBS, MOH, & ORC-Macro. (2004). *Kenya demo graphic and Health Survey (KDHS) 2003*. Calver ton, MD: Author.

China Population Publishing House. (2015). *National health and family planning commission of the People's Republic of China*. Beijing, China: Author.

University of Malaya

INSD and Macro International Inc. (2000). *Enquête démographique et de Santé, Burkina Faso 1998-1999*. Calverton, MD: Macro International Inc.

INSD and ORC Macro. (2004). *Enquête démographique et de santé du Burkina Faso 2003*. Calverton, MD: INSD and ORC Macro.

Mitchell, J. C. (1956). *Urbanization, Detribalization, and Stabilization in Southern Africa: A problem of definition and measurement*. London, England: International African Institute.

National Institute of Population and Social Security Research (Eds.). (1998). *Heisei 9 nen nihonjin no kekkon to shussan-Dai 11 kai shusshō dōkō kihon chōsa* (*Japanese marriage and fertility-The eleventh Japanese national fertility survey in 1997*). Tokyo, Japan: Kōsei Tōkei Kyōkai.

Smith, P. C. & Karim, M. S. (1980). *Urbanization, education and marriage patterns: Four cases from Asia*. Honolulu, Hawaii: East-West Center.

United Nations. (1990). *Patterns of first marriage: Timing and prevalence*. New York, NY: Department of International Economic and Social Affairs

Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Seminar

Azman Ab. Rahman & Zahari Mahad Musa. (2006, Mar). *Nilai mas kahwin dan hantaran di Malaysia serta kesannya terhadap kebahagian perkahwinan dan rumahtangga*. Paper presented at Seminar Falsafah Perkahwinan, Kuala Lumpur, Malaysia.

Baharom Mohamad & Mohamad Johdi Salleh. (2009, Mar). *Kepimpinan pendidikan dalam pembangunan modal insan*. Paper presented at Seminar Pembangunan Modal Insan 2009, Kelantan, Malaysia.

Lee, Y. G. (2001, Apr). *Consumption patterns of elderly households: Are they different between younger and older elderly in Korea? How do they differ between Korea and the US?* Paper presented at American Council on Consumer Interests Annual Conference, Washington, D.C..

Mashitah Sulaiman, Mohd. Azmir Mohd. Nizah & Mohammad Aizuddin Abdul Aziz. (2009, Jul). *Memupuk kesedaran tanggungjawab sosial melalui penglibatan dalam aktiviti kejiranan dari kaca mata Islam*. Paper presented at Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kerja Sosial, Melaka, Malaysia.

University of Malaya

Solene, L. (2005, Jul). *Marriage and co-residence in muslim West Africa: A Malian case study*. Paper presented at The 25th International Population Conference, Tours, France.

Syafiee Shuid. (2004, Sept). *Urbanization and housing in Kuala Lumpur city centre: Issues and future challenges*. Paper presented at 19th Earoph World Planning and Housing Congress 2004, Melbourne, Australia.

Kertas Kerja dalam Buku Prosiding Seminar

Goode, W. J. (1968). Industrialization and family change. In B. F. Hoselitz & W. E. Moore (Eds.), *Industrialization and society: Proceedings on the Chicago Conference on Social Implications of Industrialization and Technical Change.* Chicago, IL (pp. 237-255). Paris, France: UNESCO.

Berita dan Laporan dalam Laman Sesawang & Majalah

Hidayah Mohammad. (2013, April 19). Potensi industri perkahwinan. *Berita Harian*. Retrieved from http://www.bharian.com.my/

Madiha Abdullah. (2016, March 28). Ditumbuk kerana gagal sedia hantaran: Melayu terlalu agungkan adat. *Astro Awani*. Retrieved from http://www.astroawani.com/gaya-hidup/ditumbuk-kerana-gagal-sedia-hantaran-melayu-terlalu-agungkan-adat-100130

Mariatul Qatiah Zakaria. (2011, January 6). Hantaran sepadan kos belanja kahwin. *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0106&sec=Keluarga&pg=ke_01.htm

Muhamad Rafiq Abdul Rahman. (2011, July). Mengapa mereka kahwin lewat? *Dewan Masyarakat. 49*(7), 41-47.

Noor Aziah Mohd. Awal. (2012, January 5). Kos tinggi punca lambat kahwin? *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0105&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm

Nurul Anuar Kari. (2012, December 15). Kahwin mewah jika mampu. *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20121215/ke_10/Kahwin-mewah-jika-mampu

Siti Aisyah Sukaimi. (2012, May 13). Anjur kahwin jimat, *myMetro*. Retrieved from https://www.hmetro.com.my/

University of Malaya

Syahidatul Akmal Dunya. (2013, October 11). Trend kahwin lambat belia Muslim. *Sinar Harian*. Retrieved from http://www.sinarharian.com.my/rencana/trend-kahwin-lambat-belia-muslim-1.210804

(2012, December 11). Persiapan kahwin punca terperangkap hutang. *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121211/dn_32/Persiapan-kahwin-punca-terperangkap-hutang

(2013, August 12). Worrying trend of muslim couples taking loans for weddings. *The Star Online*. Retrieved from www.thestar.com.my/News/Nation/2013/08/12/Worrying-trend-of-Muslim-couples-taking-loans-for-weddings.aspx

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi 2010*. Retrieved from https://www.dosm.gov.my

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). *Laporan penyiasatan gaji & upah Malaysia 2015*. Retrieved from https://www.dosm.gov.my

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014). *Laporan ciri-ciri ekonomi penduduk 2010*. Retrieved from https://www.dosm.gov.my

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014). *Penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2014*. Retrieved from https://www.dosm.gov.my

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 2010*. Retrieved from https://www.dosm.gov.my

University of Malaya